# P. RAMLEE
## *Erti Yang Sakti*

Diterbitkan oleh
**Pelanduk Publications (M) Sdn Bhd**
(No. Sykt 113307-W)
12 Jalan SS13/3E, Subang Jaya Industrial Estate,
47500 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.

Alamat surat menyurat
**Pelanduk Publications (M) Sdn Bhd**
P.O. Box 8265, 46785 Kelana Jaya,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
e-mail: *mypp@tm.net.my*
web: *www.pelanduk.com*

Semua hak terpelihara.
Hakcipta © 1999 Ahmad Sarji bin Abdul Hamid.
Mana-mana bahagian di dalam buku ini tidak boleh disiarkan atau diterbitkan semula, dalam sebarang bentuk atau dengan apa cara sekalipun tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, Tan Sri Dato' Seri, 1938-
P. Ramlee : erti yang sakti / Ahmad Sarji.
ISBN 967-978-711-7
1. P. Ramlee, Tan Sri, 1929-1973–Encyclopedias. 2. Actors Malaysia–Biography–Dictionaries. 3. Musician–Malaysia–Biography–Dictionaries. 4. Motion picture producers and directors–Malaysia–Biography–Dictionaries. I. Judul.
791.43028092

Dicetak di Malaysia

24 FEB 2000

M 981721

Perpustakaan Negara Malaysia

# P. RAMLEE
## *Erti Yang Sakti*

AHMAD SARJI

Pelanduk
Publications
www.pelanduk.com



Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, penulis buku ini dilahirkan pada tahun 1938. Penulis buku *The Chief Secretary to the Government, Malaysia* (1996); Presiden, Badan Warisan Malaysia; dan Presiden, Kelab Harvard di Malaysia.

Berkahwin dengan Sagiyah binti Salikin, dan mempunyai lima orang anak: Dr Sazilah, Farah Salizah, Farah Suhanah, Suryani dan Ariff Tuah.

# Kata Pengantar

Pada 22 Mac 1998, saya telah diberi penghormatan oleh Dato' Zakiah Hanum binti Abdul Hamid, bekas Ketua Pengarah Arkib Negara untuk melancarkan Tabung Bin Ramlee Bin Puteh, Muzium Siber **P. Ramlee** dan Album *Dimanakan Ku Cari Ganti* nyanyian Liza Hanim. Majlis itu diadakan bersempena sambutan memperingati hari lahir **P. Ramlee** ke 69 di Pusat Penerangan Pelancongan Malaysia, Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Di dalam ucapan di majlis itu, saya telah mengemukakan lima cadangan untuk mengembangkan karya seni **P. Ramlee**. Cadangan-cadangan itu ialah:

(i) Menyalin filem-filem lakonan dan arahan **P. Ramlee** dalam bentuk cakera laser dan digital untuk memeliharanya sepanjang zaman;
(ii) dibukukan jalan cerita filem-filem **P. Ramlee**;
(iii) mengumpulkan drama-drama lakonan **P. Ramlee** dalam televisyen Malaysia, sama ada yang sudah dan belum ditayangkan;
(iv) menghasilkan sebuah biografi **P. Ramlee**; dan
(v) penulisan sebuah ensiklopedia **P. Ramlee**.

Mengenai "Warisan **P. Ramlee**", lagendanya masih hidup kekal di sanubari berjuta orang lelaki, perempuan serta kanak-kanak di Malaysia dan di rantau ini yang ramai di antara mereka belum pun lahir apabila **P. Ramlee** meninggal dunia pada 29 Mei 1973. **P. Ramlee** hidup bukan sahaja dalam fikiran mereka tetapi juga melalui penayangan filem-filemnya di televisyen dan juga melalui tanda-tanda ingatan yang tidak kunjung putus seperti buku, cenderamata dan lain-lain bagi memperingati hayat dan karyanya. Dato' Zakiah Hanum juga telah menubuhkan 'Persatuan Peminat **P. Ramlee** Malaysia' yang keanggotaannya sedang meningkat dengan pesatnya.

Buku ini diberi judul *P. Ramlee - Erti Yang Sakti*. Perkataan-perkataan 'Erti Yang Sakti' dipetik daripada sajak *Lagu Bunga II* oleh Datuk A. Samad Said, Sasterawan Negara. Saya memilih perkataan-

perkataan tersebut bagi menyampaikan gambaran yang tepat mengenai kesan dan nilai hasil karya **P. Ramlee** dalam lapangan-lapangan penggubahan lagu, nyanyian, lakonan dan pengarahan. Saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Datuk A. Samad Said yang memberi kebenaran kepada saya untuk menggunakan perkataan-perkataan itu.

Saya menulis buku ini dalam bentuk ensiklopedia sebagai menyahut cabaran saya sendiri yang saya lafazkan pada 22 Mac 1998, sebagai suatu sumbangan yang tidak sepertinya kepada gedung pengetahuan mengenai anak Malaysia yang masyhur ini. Untuk menulis buku ini, saya telah menggeledah berbagai sumber. Dalam buku ini dikemukakan suatu barisan yang terpilih dari kalangan pelakon, penyanyi, pengarah dan lain-lain yang telah menyumbangkan bakat mereka kepada seniman agung ini.

Pengeluar-pengeluar filem, iaitu Shaw Brothers dan Merdeka Film Productions juga diberi pengakuan sewajarnya dalam buku ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada orang yang telah memberi saya pengalaman yang menyeronokkan dalam menghasilkan buku ini, khususnya isteri saya Sagiyah Salikin yang mempunyai minat yang serupa dengan saya mengenai **P. Ramlee** dan kerana dorongan dan kesabarannya.

Saya juga menyatakan penghargaan yang mendalam kepada Dato' Ng Tieh Chuan dari Pelanduk Publications yang bekerjasama dengan saya menguruskan timbunan manuskrip dan ratusan gambar yang perlu dipilih.

Saya juga ingin menyampaikan ucapan terima kasih saya kepada Dato' Dr. Shamsudin Kassim yang telah membantu menterjemahkan bahan-bahan rujukan Bahasa Inggeris ke dalam bahasa kebangsaan.

Sudah semestinyalah segala kesilapan dalam buku ini adalah tanggungjawab saya, kecuali pengiktirafan (credits) di dalam filem-filem, yang telah saya putuskan dikekalkan bahasa dan ejaan asalnya sebagaimana yang tertera di layar perak. Petikan-petikan daripada majalah dan terbitan adalah mengikut ejaan dan gaya bahasa asal seperti yang didapati di dalamnya.

Terdapat banyak ruang-ruang yang kosong terutamanya pada tarikh lahir dan meninggal dunia tokoh-tokoh yang berkenaan. Saya berharap kekosongan ruang-ruang tersebut akan dapat diisi dan beberapa fakta dan kesilapan yang terdapat dalam buku ini akan diperbetulkan kelak.

*Ahmad Sarji*
Kuala Lumpur, 21 Ogos 1999

# Penghargaan


Gambar-gambar yang digunakan dalam buku ini dipilih daripada koleksi saya dan ada juga yang dibekalkan oleh Arkib Negara Malaysia, Jabatan Muzium dan Antikuiti Malaysia, Universiti Malaya, *The Straits Times* dan Shaw Brothers. Sumbangan institusi-institusi ini amatlah dihargai.

Terima kasih disampaikan kepada orang-orang yang disenaraikan di bawah ini kerana sumbangan mereka:

Nasir **P. Ramlee**

Dato' Habibah Zon (Ketua Pengarah Arkib Negara), Nasir Ismail dan Yusof Ariffin

Dato' Paduka Zakiah Hanum binti Abdul Hamid

Dato' Dr Kamarul Baharin bin Buyong (Ketua Pengarah Jabatan Muzium & Antikuiti)

Dato' Dr Shamsudin Kassim (MNI Holdings)

Datuk A. Samad Said

Dato' L. Krishnan

Dato' Jins Shamsuddin

Dr Zaiton Othman (Ketua Pustakawan Universiti Malaya), Puan Che Puteh dan Mohamad Sheh Ahmad

Tan Sri Dato' Zainol Mahmood (Pengerusi Eksekutif, Pos Malaysia Berhad)

Jantan Wonso (Shaw Brothers)

Dato' Abdul Khalid bin Mohamad Noor (LAT)

Dato' Haji Abdullah Hussain

Dato' Azizan Ayob (Ketua Pengarah Pendaftaran Negara)

Irman Gusman (PT. PRINAVIN PRAKASA, Jakarta)

A. Harris (suami Allahyarham Junaidah)

Shariff bin Ahmad
(Ketua Pengarah Perbadanan
Filem Nasional)

Puan Sri Dr Rohana Zubir

Aimi Jarr

Ratnawati Mohd Nawawi dan
Norihan Abdul Manaf
(MNI Holdings)

Mohammad bin Hashim
(Institut Penyiaran Tun Abdul
Razak)

Rakiah Ismail dan Yusnita
(Permodalan Nasional Berhad)

Ibrahim Mydin

Johari Shariff



*Sasterawan Negara, Datuk A. Samad Said. Perkataan 'Erti Yang Sakti' yang menjadi judul buku ini merupakan rangkai kata yang terdapat dalam sajak beliau, Lagu Bunga II di dalam antologi puisi* Balada Hilang Peta

# A

## ABDUL SAMAD SAID (DATUK)

[1935 - ]

Adalah seorang penulis dan penyajak yang terkenal di tanah air. Beliau telah mendapat anugerah Sasterawan Negara yang ketiga. Beliau memberi pengiktirafan yang tinggi kepada **P. Ramlee** meneruši sajak beliau, Lagu Bunga II, yang dipetik daripada antoloji *Balada Hilang Peta* [1990]:

*Hujan resah di Jalan Ampas*
*bunga-bunga lalang terliuh lelah*
*langit pedih dan lara. Dengan*
*bercapal, baju kurang kain,*
*rambut pancing di dahi, disorongnya*
*buah dam antara adegan-adegan patah*
*kita sangka begitu mudah ia kalah*
*dan dilupakan. Kini buah damnya,*
*rusa-rusa safir, tetap segar*
*di petak. Jam saka masih*
*rancak berdetak*

*Memang sejak di Jalan Ampas*
*hingga ke Ulu Kelang*
*longkang sesak belukar sampah,*
*tapi dibuktikan dirinya bukan*
*hampas, bukan warga hulu yang beku.*
*Dicurahkannya erti yang sakti*
*ke lurah hampas yang hulu -*
*tergigil merecup senduduk yang ungu,*
*Direntangkan peta budaya bersemandera,*
*dimulakan babak dan pendakian baru, lalu*
*ketiadaannya dirasakan kehadirannya,*
*kehadirannya dirasakan kehilangannya,*
*kehilangannya dirasakan kerugiannya.*

*Masih ramai tak terterka*
*apakah perginya jenaka yang tragis*
*atau tragedi yang jenaka atau*
*saling berbalah keduanya.*
*Tergamam antara Azizah dan Baidah,*
*dewasa dari Bujang Lapok ke Madu Tiga,*
*teruji, terancam Antara Dua Darjat,*
*kita hanya tersentak tiba-tiba*
*dalam gementar malam - terbebas jasad,*
*terlepas gagak, terbabas irama, dan*
*gelagatnya yang syahdu itu*
*semakin terkesan*
*dalam tango mimpi A. Sattar*
*dalam gertak pencak Mustarjo*
*dalam legit lenggang Saloma*
*dalam rindu senyum Latifah.*

*Dan harta serta maruahnya - gugus*
*jenaka yang digugurkan, bahtera batin*
*yang dilayarkan -*
*barangkali menyebabkan*
*setiap kali kita tergelak, terjamah*
*degup batinya; setiap kali kita bersedih,*
*terenjis rintik seninya*

*Kita terlalu terhutang kepadanya,*

*Hidup ini kisah-kisah tak sudah,*
*seluar-seluar lusuh bertampal,*
*warna-warna letih yang luntur,*
*liku-liku curam tak terdaki. Dengan*
*payah, penuh setia, dibatini semuanya,*
*dengan jerih, ia mencubanya.*

*Ia gagak sayu penuh haru*
*gitar legenda bertali sejarah*
*insan seni rimba sunyi -*
*ia mati sederhana*
*di sini simfoni senja*

*Tapi, alhamdullilah, ia*
*bukan insan seni penyulap*

*harta negara; ia bekalkan*
*pusaka lebih berharga, bermaruah,*
*bagi bangsanya.*

*Hanya nanti semakin jauh ke depan, lebih*
*terserlah khazanah yang diwariskan, lalu*
*ketiadaannya dirasakan kehadirannya,*
*kehadirannya dirasakan kehilangannya,*
*kehilangannya dirasakan kerugiannya.*

*Kita terlalu terhutang kepadanya*

7 - 14 Mac 1986

## ABDULLAH HUSSAIN (DATO)
[1920 - ]

Sasterawan dan budayawan yang terkenal di tanah air. Beliau telah dianugerahkan Sasterawan Negara pada tahun 1995. Dalam tahun-tahun lima puluhan, beliau melibatkan diri dengan penerbitan majalah. Pada tahun 1954, beliau dilantik menjadi pengarang majalah *Bintang* (tulisan Jawi)


*Abdullah Hussain (kiri) dan Saadiah*

di bawah pimpinan **P. Ramlee**. Sebagai pengarang majalah ini, beliau mengikuti perkembangan perfileman di tanah air dan juga di luar negara. Beliau menulis makalah bersiri mengenai **P. Ramlee** yang berjudul "**P. Ramlee** dari Dekat". Kemudian beliau menjadi pengarang majalah *Film* (tulisan Jawi) dan menulis makalah bersiri berjudul "**P. Ramlee** Yang Saya Kenal". Pada tahun 1960, dia menjadi Pengurus Penerbitan **P. Ramlee** dan Pengarang majalah *Gelanggang Filem* di bawah pimpinan **P. Ramlee**.

Beliau telah menulis sebuah buku biografi yang berjudul *P. Ramlee: Kisah Hidup Seniman Agung* [Edisi Baru (diperbaiki): 1984].

Semasa di Kuala Lumpur, beliau menjadi seorang ahli lembaga pengarah di dalam PERFIMA bersama **P. Ramlee**.

Hasil karyanya yang dimanafaatkan oleh **P. Ramlee** di Kuala Lumpur adalah dalam bidang drama television.

Drama **Intan** hasil karyanya diterbitkan oleh Radio Televisyen Malaysia pada tahun 1971 dengan **P. Ramlee** sebagai pelakon utama.

**Rantau Selamat** adalah satu drama televisyen yang berdasarkan kepada novelnya yang diterbitkan pada tahun 1965. Drama ini dirancang sebanyak 13 siri. Sebanyak 7 siri telah dirakamkan, dan 3 siri sahaja yang disiarkan oleh Televisyen Malaysia. **P. Ramlee** menjadi pelakon utama dalam cerita drama ini. **P. Ramlee** pula yang menggubah lagu untuk siri ini:

"Ilham lagu *Rantau Selamat* telah diperolehnya ketika ia mengacau-ngacau buah mahjung di belakang sebuah kedai kopi Cina di Jalan Raja Laut. Dari bersiul-siul dia telah mendapat lagu itu. Waktu pulang ke rumah dia lalu memainkan di atas piano dan menyuruh Saloma

menyanyi". [Abdullah Hussain: muka surat 222]

## ABU BAKAR ALI

[1928 - ]

Dilahirkan di Singapura. Sebagai tukang gambar, beliau pada awal kerjayanya telah berpindah daripada satu tempat ke tempat yang lain untuk mendapat tunjuk ajar dan nasihat. Beliau memasuki Malay Film Productions pada tahun 1947, dan selepas itu bekerja di Keris Film Productions, kemudian di Nusantara Rimau Productions. Sebagai menambah pengalamannya, pernah beliau menjadi penggambar dua buah filem Cina. Pada permulaan perkhidmatannya di Malay Film Productions, beliau menjadi pembantu kepada Koh Jee Soon dan beberapa orang penggambar yang lain, bagi filem-filem lakonan **P. Ramlee** seperti **Aloha** dan **Antara Senyum dan Tangis**. **P. Ramlee** selaku pengarah telah memilih beliau sebagai pengarah fotografi bagi filem-filem **Penarek Becha**, **Semerah Padi**, **Pancha Delima** dan **Bujang Lapok**. **P. Ramlee** berpuas hati dengan hasil kerjanya dan menyerahkan penggambaran **Sumpah Orang Minyak** kepada beliau. Filem ini telah mendapat anugerah "Best Photography Award" di Asian Film Festival, 1958.

Buat kali yang keduanya, A. Bakar Ali telah memenangi "Best Black and White Photography" menerusi filem arahan dan lakonan **P. Ramlee, Ibu Mertua-Ku**, di Asian Film Festival di Tokyo, 1963.



*Abu Bakar Ali (kiri) dan Jamil Sulong*

## ABU HASSAN PENCHURI

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited, Singapore. Dibuat oleh Malay Film Productions Limited, Singapore. Tarikh dikeluarkan: 2 Mei 1955.

**P. Ramlee**; Mariam; Nordin Ahmad; Mohd Hamid; Daeng Idris; Malek Sutan Muda; S. Shamsuddin; Ali Rahman; Sharif Dol; Wan Hazim; Habsah.

Penolong Pengarah: H. M. Rohaizad; Camera: R. C. Purushotam; Rakaman suara: Kamal Mustaffa; Soundman: Chan Chew Thong; Art Director: J. S. Anthony; Penyunting Filem: H. R. Narayana

Lagu-lagu: **P. Ramlee**; Tarian: E. Castillo

Pengarah: B. N. Rao

Cerita: Abu Hassan (**P. Ramlee**), ialah seorang yang merempat dan hidup dengan mencuri. Merayau dari tempat ke tempat bersama rakannya Kassim (Mohd Hamid), mereka mencuri apa sahaja yang ditemui. Pada suatu hari, semasa mereka berada di pasar yang sibuk di kota Baghdad, mereka terpesona oleh kecantikan Puteri Faridah (Mariam) yang lalu di situ dalam satu perarakan. Abu Hassan bercita-cita hendak beristerikan tuan puteri itu, dan sudah tentulah kawannya itu mentertawakannya apabila beliau menyebut idamannya itu.



*P. Ramlee dan Mariam dalam filem* Abu Hassan Penchuri

Abu Hassan berazam untuk bertemu tuan puteri, tetapi istananya di kawal dengan rapi. Impian Abu Hassan menjadi kenyataan apabila beliau berjaya mencuri sebatang tongkat ajaib daripada seorang ahli sihir. Tongkat ajaib ini boleh memerintahkan tali temali yang digunakan oleh Abu Hassan untuk memanjat istana tuan puteri. Pada pertemuannya yang pertama dengan tuan puteri itu, Abu Hassan amat gembira oleh kerana tuan puteri amat terpesona oleh pujuk rayunya yang manis dan tidak pula menghalang Abu Hassan datang lagi menemuinya di taman yang indah itu.

Tidak lama kemudian, terbit berita yang memeranjatkan dan yang mendukacitakan Abu Hassan serta tuan puteri. Bapa (Daeng Idris) tuan puteri, iaitu Khalifah negeri itu, menjemput semua putera raja negeri-negeri yang berhampiran menghadiri suatu majlis keramaian yang besar di istananya dan Puteri Faridah dikehendaki memilih jodohnya dari kalangan putera-putera raja yang hadir. Dan di kalangan putera-putera yang datang ke majlis itu terdapat seorang ahli sihir yang jahat yang memperkenalkan dirinya sebagai putera Raja Tartar (Nordin Ahmad). Beliau membawa suatu hadiah yang menakjubkan iaitu seekor kuda terbang untuk Khalifah. Dalam pada itu, Abu Hassan yang dijumpai masuk menceroboh ke dalam istana telah ditangkap dan diperintahkan oleh Khalifah dibuang ke padang pasir. Abu Hassan bernasib baik oleh kerana diselamatkan oleh seorang jin. Beliau terus pergi bertemu tuan puteri yang sedang berdukacita tetapi kehadirannya diketahui oleh ahli sihir itu. Ahli sihir mendapatkan bantuan seorang dayang untuk membawa tuan puteri kepadanya lalu beliau menukar tuan puteri menjelma sebagai seekor burung. Dengan serta-merta tuan puteri dibawa ke tempat kediamannya. Beliau memaksa tuan puteri menjadi isterinya tetapi tuan puteri menolaknya bulat-bulat. Tuan puteri pun dipenjarakan.

Khalifah amat murka apabila diberitahu bahawa puterinya telah hilang dengan tiba-tiba. Beliau menghukum dayang yang membantu ahli sihir itu dan mengerakkan seluruh bala tenteranya mencari di segenap pelosok negeri itu tetapi tiada sebarang tanda ahli sihir dan tuan puteri yang ditemui. Akhirnya, Khalifah mengisytiharkan bahawa barang siapa yang dapat membawa pulang anaknya akan dijodohkan dengan tuan puteri itu.

Abu Hassan gembira mendengar pengisytiharan Khalifah itu, lalu pergi bersama kawannya Kassim ke sebuah bukit untuk bertemu seorang ahli sihir perempuan. Beliau diberitahu tempat perlindungan ahli sihir yang jahat itu serta diberi se-

helai permaidani terbang untuk membawanya ke tempat itu. Abu Hassan menyamar sebagai sorang pendita Yogi lalu dengan mudah dapat masuk ke dalam mahligai ahli sihir itu. Ahli sihir pula percaya kepadanya dan meminta pertolongan untuk mengubah sikap Tengku Faridah terhadapnya. Abu Hassan menggunakan peluang keemasan itu untuk menyelamatkan tuan puteri dari cengkaman ahli sihir yang jahat itu, lalu membawanya pulang ke Baghdad. Ahli sihir lantas pergi mengesannya, dan dalam suatu pertarungan yang dahsyat, Abu Hassan menewaskan serta membunuh ahli sihir itu.

Abu Hassan kemudian berkahwin dengan Faridah, puteri Baghdad. [Tamat]

## AHLI MANGKU NEGARA (AMN)

*Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara* merupakan salah satu darjah kebesaran negara yang dianugerahkan kepada warganegara yang telah berjasa dan menunjukkan kerja yang cemerlang kepada negara. Darjah ini mengandungi 5 pangkat darjah dan sebuah bintang negara. Darjah pangkat pertama ialah *Seri Maharaja Mangku Negara (SMN)*, yang terhad kepada 25 orang warganegara. Penyandangnya bergelar 'Tun', dan isterinya 'Toh Puan'. Darjah pangkat kedua ialah *Panglima Mangku Negara (PMN)* dengan keanggotaannya terhad kepada 75 orang warganegara. Penyandangnya bergelar 'Tan Sri', dan isterinya 'Puan Sri'. Darjah pangkat ketiga ialah *Johan Mangku Negara (JMN)*, dan jumlah penyandangnya terhad kepada 700 orang warganegara. Darjah pangkat ke empat ialah *Kesatria Mangku Negara (KMN)*, dan jumlah penyandang tidak terhad. *Ahli Mangku Negara (AMN)* adalah merupakan darjah pangkat ke lima, dan jumlah penyandangnya tidak terhad. Pingat bagi Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara adalah *Pingat Pangkuan Negara (PPN)* yang tidak terhad bilangan penyandangnya.



*P. Ramlee AMN*

**P. Ramlee** telah dianugerah dengan darjah



*Saloma, P. Ramlee dan Tunku Abdul Rahman Putra, 1964*

*Ahli Mangku Negara (AMN)* oleh Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong ke 3, Tuanku Syed Putra ibni Al-Marhum Syed Hassan Jamalullail, di Istana Negara Kuala Lumpur pada 3 Jun tahun 1964. **P. Ramlee** berpakaian songket sedondon, lengkap dengan tanjak lang menyunsong angin, dan keris tersisip di pinggang. Perasaan **P. Ramlee** di istiadat pengurniaan itu adalah termaktub di dalam kata-katanya sendiri seperti berikut:

"Sesungguh pun saya telah menghadiri bermacam-macam majlis, di mana-mana juga, baik di atas pentas, mau pun di tengah-tengah khalayak yang ramai, tetapi saya tidak pernah menggeletar seperti di masa saya menghadiri istiadat ini. Terutamanya bila nama saya di sebut untuk mangadap Baginda, menyambut pangkat yang dikurniakan itu". [*Majallah Filem* Bil. 32 - November 1962]

Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri Malaysia telah meraikan **P. Ramlee** dan Saloma di kediaman beliau sempena penganugerahan AMN kepada **P. Ramlee** pada tahun 1964.

## AHMAD ALBAB

Dibuat oleh Merdeka Filem Setudio, Kuala Lumpur. Tahun dikeluarkan: 1968.

**P. Ramlee**; Saloma; Karim Latiff; Mariani; T. Azman; Mimi Loma; A. R. Tompel

Screen Play: A. R. Tompel; Dialogue: **P. Ramlee**; Teknik Fotografi: Low Yew Wah; Teknik Sound: Tan Juan Hock; Art Director: Abd. Hamid Aziz; Film Editor: Johari Ibrahim

Penolong Pengarah: Hashim Hamzah; Fotografi: John White; Sound: Ameen Zaa

Pelukis: Esa Ahmad; Makmal: Lim Kim Yoke; Make-up: Faridah Samah

Music, Ciptaan dan Gubahan: **P. Ramlee**; Gurindam: A. R. Tompel

Director: **P. Ramlee**

Cerita: Kononnya, di sebuah negara yang bernama Entadiman, terdapat seorang hartawan bernama Mashood (A. R. Tompel). Beliau sangat sombong, takbur dan bakhil pula, dan tidak percaya bahawa kekayaan itu datangnya daripada Allah. Mengikutnya, kekayaan itu datangnya dari manusia yang bijak sahaja. Mashood mempunyai tiga orang puteri, cantik dan jelita. Puteri yang tua bernama Suhara (Mimi Loma); yang tengah Mastura (Saloma) dan yang bongsu bernama Zahara (Mariani). Suhara dan Zahara sececok dengan pendapat dan falsafah hidup ayah mereka. Mastura berpegangan bahawa kekayaan itu bukan datangnya dari orang yang bijak, tetapi ialah daripada Allah yang maha berkuasa. Mashood menganggap Mastura sebagai anaknya yang paling degil, yang sentiasa menentangnya.

Sebagai seorang yang kaya, Mashood tidak suka anaknya dipinang orang; bahkan dia sendiri yang mencarikan jodoh untuk anak-anak gadisnya. Setelah puas memilih pasangan hidup untuk puteri-puterinya itu, akhirnya ketiga-tiganya dinikahkan. Suhara dan Zahara dijodohkan dengan suami-suami yang kaya; Mastura dinikahkannya dengan seorang yang miskin, gembala kambing. Anak-anak menantunya yang kaya itu bernama Sha'aban dan Ramadhan dan anak menantunya yang miskin bernama Shawal (**P. Ramlee**).




Selepas mereka berkahwin Mashood menyuruh semua anaknya berpindah jauh daripadanya, supaya mereka dapat hidup menunaikan kewajipan mereka mengikut kebijaksanaan masing-masing. Kedua-dua menantunya yang kaya itu, mempunyai tingkah laku yang amat jahat dan tidak bertimbang rasa. Shawal, sungguhpun miskin dan papa, sangat dikasihi oleh Mastura. Di samping bekerja sebagai gembala kambing itu, Shawal bercucuk-tanam.

Mashood merayakan harijadinya dengan besar-besaran, dengan meminta supaya tiap seorang menantunya menghadiahkan lima puluh ekor kambing. Sungguhpun Shaaban dan Ramadhan mampu membeli kambing untuk dihadiahkan kepada bapa mertua mereka, tetapi mereka telah mencuri kambing-kambing yang dijaga oleh Shawal sehingga telah menyebabkan Shawal dibuang kerja. Pada hari jadi Mashood, kedua-dua menantunya yang kaya itu telah membawa hadiah-hadiah yang berkenaan. Mashood merasa sangat gembira dan memuji-muji akan kebaikan kedua-dua menantunya itu. Shawal tidak mampu menghulurkan hadiah yang sedemikian dan bersama isterinya telah menghadiahkan sebungkus gula dan sebungkus garam. Melihatkan hadiah-hadiah yang sangat murah harganya itu, maka Mashood naik marah, dan menganggap pasangan itu telah menghinanya. Mastura yang ditugaskan menyediakan juadah-juadah pada hari itu, tidak mencampurkan garam ke dalam lauk-pauk masakannya, dan tidak pula menaruh



*P. Ramlee dan Saloma (dua dari kiri) dalam filem* Ahmad Albab



*P. Ramlee (kiri) dalam filem* Ahmad Albab



*P. Ramlee di dalam filem* Ahmad Albab

gula pada minuman-minuman yang disajikannya. Dengan sebab itu, Mashood bertambah radang terhadap Mastura. Meskipun Mastura menerangkan betapa pentingnya garam dan gula di dalam penghidupan manusia, Mashood berdegil tidak mahu menerima penerangannya, malahan terus mencaci Mastura dan Shawal kerana mereka hanya mampu menghadiahkan gula dan garam sahaja pada hari jadinya itu.

Pada suatu hari, sedang Shawal menjaga kambing-kambingnya, sendirian, tiba-tiba seekor kambing kesayangannya telah hilang. Beliau mencari-cari kambing itu hingga sampai ke sebuah gua. Shawal sungguh terkejut dan kehairanan, melihat bahawa di dalam gua itu didapati banyak harta. Apabila beliau hendak mengambil harta-harta itu, tiba-tiba kedengaran suara yang mengatakan bahawa harta-harta itu ialah kepunyaan Ahmad Albab dan sesiapa pun tidak boleh mengambilnya. Sebagai seorang yang jujur, Shawal tidak sedikit pun mencuit akan harta-harta itu, lalu beliau pun terus pulang ke rumahnya membawa kambing kesayangan yang telah dijumpainya semula.

Dengan peredaran masa, peristiwa harta di dalam gua itu telah luput dari ingatan Shawal. Kemudian, Shawal dan Mastura telah dikurniakan dengan seorang putera yang cantik sungguh rupanya. Tetapi perangai budak itu amat ganjil: ia tidak berhenti-henti menangis, siang dan malam. Mashood sendiri amat sayang dengan cucundanya, tetapi tangisannya itu menyebabkan Mashood menjadi bingung. Mashood mencadangkan supaya cucunya itu ditinggalkan sahaja di rumahnya, sebab katanya, kanak-kanak itu tidak mahu berayah dan beribukan orang-orang

miskin, seperti Shawal dan Mastura. Kedua-dua mereka tidak mahu menyerahkan anak mereka kepada Mashood. Oleh kerana tangisan kanak-kanak itu yang tidak berhenti-henti, maka Mashood menjadi serba-salah dan seakan-akan orang gila. Segala apa yang dilakukannya terhadap kanak-kanak itu tidak dapat mendiamkannya. Beliau mundar-mandir mencari akal untuk menghiburkan cucunya itu. Hairannya semasa beliau mundar-mandir itu dan mengetuk-ngetuk pintu kerana kebingungannya, kanak-kanak itu dengan serta-merta berhenti dari tangisannya. Kanak-kanak itu terus menangis apabila Mashood bergerak jauh daripada pintu yang berkenaan. Mashood dimaklumkan oleh ayah dan ibu kanak-kanak itu yang mereka belum lagi memberi nama pada anak mereka itu. Lantas terfikir oleh Mashood bahawa dari gara-gara kanak-kanak itu, dia amat suka pada pintu (Albab dalam bahasa Arabnya). Maka dengan itu, Mashood telah mengumumkan nama cucunya Ahmad Albab. Sejak itu, kanak-kanak itu tidak menangis lagi, bahkan kelihatan gembira.

Nama Ahmad Albab itu telah dengan serta-merta mengingatkan Shawal kepada suara Jin di dalam gua yang penuh harta itu. Dengan segera, Shawal telah mengambil kanak-kanak itu dari dokongan Mashood dan terus dibawanya lari menuju ke gua itu. Sebaik sahaja Shawal dan anaknya sampai di gua itu, Shawal dengan segera menyeru mengatakan yang dia telah membawa Ahmad Albab, tuan punya harta dan kekayaan yang tersimpan di dalam gua itu. Seruan itu dengan segera disahut oleh Jin yang menjaga gua tersebut. Semenjak itu, maka Shawal dan Mastura telah menjadi orang kaya.

Sementara Shawal dan isterinya hidup di dalam kemewahan, Sha'aban dan Ramadhan oleh kerana asyik berjudi dan boros dalam perbelanjaan, telah jatuh miskin.

Bila sampai hari menyambut hari jadi Mashood, (ayah mertua mereka) Sha'aban dan Ramadhan di dalam kebingungan. Mereka tidak lagi mampu menghadiahkan jumlah kambing yang diwajibkan. Isteri-isteri mereka juga sentiasa di dalam berekaharan sebab sekarang hidup mereka jauh dari kemewahan.

Akhirnya, Sha'aban dan Ramadhan nekad hendak mencuri. Mereka memasuki rumah orang kaya Shawal dan segera ditangkap oleh pengawal rumah kediaman itu.

Sha'aban dan Ramadhan meminta maaf atas kesalahan mereka. Shawal memaafkan mereka, lalu menghadiahkan mereka persalinan yang indah-indah serta dua karung intan dan permata untuk dihadiahkan kepada Mashood pada harijadinya.

Bila hadiah-hadiah itu diserahkan oleh mereka berdua kepada Mashood, orang tua itu memuji-muji mereka meninggi langit. Beliau mencaci Shawal dengan aneka kata-kata penghinaan. Setelah mendengar kata-kata penghinaan yang dilemparkan oleh Mashood ke atas Shawal, maka kedua-dua anak menantunya yang lain itu menangis dalam kehibaan dan berterus-terang, mengatakan bahawa hadiah-hadiah itu sebenarnya adalah kepunyaan Shawal. Dengan itu, barulah Mashood sendiri insaf, dan bertaubat atas perbuatannya menghina Shawal dan Mastura. Merekalah yang bersifat benar dengan mempercayai bahawa harta dan kekayaan datangnya dari Allah. [Tamat]

## AHMAD DAUD bin MD HASHIM (Datuk)

[1932 - ]



Dilahirkan di Pulau Pinang. Ayahnya adalah guru sekolah **P. Ramlee.** Beliau adalah salah seorang daripada penyanyi dalam kumpulan Pancha Sitara dan Kalong Senandong. Ada satu cerita yang wajar diabadikan mengenai peristiwa beliau bersama **P. Ramlee**, sebelum **P. Ramlee** meninggal dunia:

"**P. Ramlee** ke Singapura menemui kawan-kawan lamanya di Boon Teck Road. **P. Ramlee** ke rumah Ahmad Daud.

Sebelum ke rumah-rumah orang lain, **P. Ramlee** bertanya kepada Ahmad Daud. Oleh kerana kedua-duanya orang Pulau Pinang, **P. Ramlee** dan Ahmad Daud bercakap loghat Pulau Pinang. Perbualan mereka seperti berikut:

**P. Ramlee**: Mat! aku nak tanya hang satu perkara.

*Ahmad Daud*: Perkara apa abang nak tanya?

**P. Ramlee**: Hang fikir depa semua akan lupa aku tak?

Pertanyaan **P. Ramlee** ini dijawab oleh Ahmad Daud dalam bahasa Inggeris.

*Ahmad Daud*: Abang, you will be remembered forever, forever and ever ..."

["**P. Ramlee** Memang Ada Kelemahannya" oleh Ahmad Idris dalam akhbar *Mingguan Malaysia*, Ahad - 16 Jun 1990 muka surat 9]



*Ahmad Daud dan Saadiah*

## AHMAD JA'AFAR

[1919 - ]

Dilahirkan di Sumatera dan datang ke Singapura pada tahun 1949. Beliau adalah penyusun lagu, penggubah lagu-lagu Melayu, pemain teno-saxaphone, piano, clarinet, drum dan sebagainya. Lagu-lagu gubahan dan susunannya selalu dapat didengar melalui Radio Singapura dalam tahun-tahun lima dan enam puluhan dahulu. Beliau telah mendapat didikan muzik waktu kanak-kanak lagi:

"Bapak saya ialah seorang ejen wayang gambar bisu di satu tempat di Medan, Pa' Chik saya ialah tukang biola yang menjadi penghias lagu-lagu hiburan semasa filem-filem bisu itu ditayangkan. Kerana Pa' Chik saya itu memandangkan bahawa saya ada bakat di lapangan muzik maka ia pun mendorong supaya saya berlajar bermain drum ... kemudian pancaragam menghiasi



*Berdiri dari kiri ke kanan: penyanyi-penyanyi Laila, Rubiah, Salbiah, Supinah dan Sutinah bersama dengan Ahmad Jaafar, pada 18 April 1950*

lagu-lagu filem bisu itu ... Waktu itu umur saya kira-kira enam atau tujuh tahun ... Pa' Chik saya berpesan: "kalau mau menjadi ahli muzik biarlah sampai ke puncaknya jangan jadi pemain muzik di kebun saja". [rencana di dalam *Gelanggang Filem* muka surat 5, 10 Mac 1960].

Ahmad Ja'afar pernah memasuki Sultan Brass Band, iaitu sebuah band yang dipunyai oleh Sultan Langkat. Beliau memimpin HMV Orkestra dan Rayuan Kenchana Orkestra bagi **P. Ramlee** merekodkan lagu-lagunya ke piring hitam.

## AHMAD MAHMUD

[1926 - ]




Dilahirkan di Kampong Chembong, Rembau, Negeri Sembilan. Beliau mula bekerja pada tahun 1953 di studio Jalan Ampas, Singapura. Seniman ini pernah mendapat sanjungan sebagai seorang bintang filem yang berkebolehan tinggi, hasil lakonannya sebagai pelakon utama dalam filem **Iman**. Pada tahun 1957, beliau berlakon di dalam filem **Hang Tuah** sebagai Hang Jebat bersama **P. Ramlee** sebagai Hang Tuah. **P. Ramlee** telah dua kali memilih beliau berlakon di bawah arahannya iaitu sebagai 'pelakon istimewa' di dalam filem **Seniman Bujang Lapok**, dan dalam filem bercorak musical-drama **Ibu MertuaKu**. Ahmad Mahmud berkata:

"Meskipun saya telah berlakon dalam banyak filem, tetapi berlakon di dalam filem arahan **P. Ramlee** saya akan mengubah corak mengikut kemahuan **P. Ramlee**. **P. Ramlee** sendiri pernah memesan kepada saya bahawa dia mempunyai cara sendiri dalam bidang arahan sebab itu dia



*Ahmad Mahmud*

mau saya berlakon mengikut cara-cara yang ditetapkannya." [*Gelanggang Filem* - 30 Ogos 1961 muka surat 9].

Di dalam filem **Ibu MertuaKu**, Ahmad Mahmud berlakon sebagai Dr. Ismadi, seorang doktor mata. Mengikut keterangan **P. Ramlee**, dia memilih Ahmad Mahmud memainkan peranan itu, memandangkan bahawa bentuk muka dan pergerakan Ahmad Mahmud sesuai sekali sebagai orang terpelajar (Dr. Ismadi) yang tinggi budi bahasanya.

## AHMAD NAWAB bin NAWAB KHAN (Datuk)

[1933 - ]

Dilahirkan di Pulau Pinang. Selain daripada **P. Ramlee**, beliau merupakan penggubah dan pencipta sebahagian besar lagu-lagu filem keluaran Merdeka Film Studio, Kuala Lumpur. **P. Ramlee** telah meminta beliau mencipta muzik bagi filem **SiTora Harimau Jadian**. Di dalam filem **Masam-Masam Manis**, **P. Ramlee** ditayangkan meniup saxophone apabila menyayi lagu-lagu *Ai-Ai Twist*, dan *Ku Rindu Pada Mu*; sebenarnya, bunyi tiupan saxophone itu adalah daripada tiupan Ahmad Nawab. Ahmad Nawab telah diminta oleh **P. Ramlee** menggubah lagu-lagu untuk filem **Nasib DO RE MI**, dan beliau telah menggubah lagu-lagu *Taman Firdausi* dan *Ilham Tiba*. Keakraban **P. Ramlee** dengan Ahmad Nawab dapat dilihat di dalam filem **Keluarga 69** apabila **P. Ramlee** dengan sengajanya menuturkan sebaris ayat yang mengandungi perkataan-perkataan demikian:

"Siti tu lari dengan Ahmad Nawab ke?".

## AHMAD NESFU

[ - ]

Seorang pelakon/pelawak yang berasal daripada Tanjong Tokong, Pulau Pinang. Sebelum menjadi seorang pelakon, beliau berlakon dalam bangsawan. Semasa di Malay Film Productions, beliau dipilih berlakon dalam beberapa buah filem arahan dan lakonan **P. Ramlee**, bermula dengan filem **Seniman Bujang Lapok**, dan seterusnya dalam filem-filem **Musang Berjanggut**, **Nujum Pa' Belalang**, **Madu Tiga** dan lain-lain. Satu daripada milik Ahmad Nesfu ialah 'lubang hidung besar'nya, dan ini menyebabkan beliau dikenali sebagai "Pak Besar".

Lakonan Ahmad Nesfu dalam filem-filem komedi arahan dan lakonan **P. Ramlee** telah meninggalkan kesan yang mendalam, yang telah berjaya menempatkan dirinya dalam tingkatan 'lakonan-lakonan komedi' yang tertinggi.

Ahmad Nesfu adalah pengarang yang mengisahkan cerita **Ibu MertuaKu** arahan dan lakonan **P. Ramlee**. Beliau sendiri berlakon dalam filem itu sebagai



*Ahmad Nesfu (kiri) dan Salleh Kamil*

'Mahyudin' seorang yang bijak dalam seni pementasan aneka ragam hiburan.

P. **Ramlee** mengiktiraf tiga orang seniman yang dikaguminya, iaitu bintang-bintang Hollywood Stewart Granger dan Marlon Brando, dan seniman tanah air Ahmad Nesfu.

## ALI BABA BUJANG LAPOK

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited, Singapore. Dibuat oleh Malay Film Productions Limited, Singapore. Tarikh dikeluarkan: 31 Januari 1961.

**P. Ramlee**; S. Shamsuddin; Aziz Sattar; Normadiah; K. Fatimah; Leng Husain; *dibantu oleh*: Ibrahim Pendek; A. Rahim; Sharif Dol; Kemat Hassan; M. Rafee; H. M. Bosra; Md. Zain; Nyong Ismail; Ali Fiji; Hashim Saleh; Ibrahim Hassan; Saamah; *dengan pelakon undangan*: Zaiton; S. Kadarisman; Mustarjo; *memperkenalkan*: Sarimah sebagai Marjina.

Teraju Fotografi: A. Bakar Ali; Teraju rekaman suara: Kamal Mustafa; Teraju rekaman akhir: Kam Sim Boon; Seni suntingan: H. R. Narayana; Seni olahan: Wong Hong Peng; Pengurus laboratory: Chow Cheng Kok; Manager unit: Kwek Chip Jian

Penolong²: Fotografi: Ya'akob Mahmood; Rekaman suara: Ahmad Suradi; Seni Suntingan: K. K. Ram; Hayat Harris; Lee Thiam Yiak.

Pengawas sambungan dan teraju seni lagu: Kassim Masdor; Teraju muda: S. Sudarmaji; Teraju solek-hias-panorama: Mustafa Yassin; Teraju Tari: Normadiah; Gurindam: S. Sudarmaji; Teraju seni lagu: **P. Ramlee**; Suaraghaib: Normadiah; Rahmat Rahmat; Ahmad C; Aziz Sattar; **P. Ramlee** dan MFP Chorus diringi oleh **P. Ramlee** Orkestra.

Jalan cerita dan bahasa disusun oleh **P. Ramlee**; Teraju utama: **P. Ramlee**; Dipetik dari cerita **Ali Baba dengan 40 Penyamun**

Cerita dimulakan dengan Ali Baba (Aziz Sattar) yang miskin dan bekerja me-



motong kayu hutan, meminta wang daripada abangnya, Kassim Baba (S. Shamsuddin) yang kaya raya untuk makannya. Ali Baba selalu dimarahi oleh abangnya, Kassim Baba.

Pada suatu hari, ketika Ali Baba sedang merayau-rayau mencari kayu di dalam sebuah hutan, tiba-tiba dia terdengar bunyi kaki kuda-kuda sedang berlari. Beliau merasa ketakutan, dan menghendap dari balik-balik semak hutan, dan ternampak sekumpulan penyamun berhenti di hadapan sebuah bukit batu yang besar.

Ali Baba melihat Abu Hassan kepala penyamun itu (**P. Ramlee**) menjerit-jerit minta bukakan pintu. Beliau takjub melihatkan bukit batu itu menderum-derum terbelah dan terbuka sebagai sebuah pintu gua yang besar. Dengan ini, semua penyamun itupun masuk ke dalam bukit itu.

Kemudian, Ali Baba mendengar lagi suara kepala penyamun menjerit-jerit minta tutupkan pintu dan menderumderumlah sekali lagi ketika pintu gua yang besar itu tertutup dengan sendirinya.

Sedang Ali Baba dalam kehairanan itu, tiba-tiba bergemalah kembali bunyi pintu gua itu terbuka dan setelah semua sekali penyamun keluar, maka kepala penyamun meminta supaya pintu gua itu ditutup kembali.

Ali Baba ingin tahu akan rahsia itu dan memberanikan hatinya pergi mendekati pintu gua. Beliau kemudian cuba meniru-niru jeritan kepala penyamun tadi. Alangkah terperanjatnya Ali Baba ketika itu kerana hasil dari jeritannya, pintu gua tersebut telah terbuka dengan iringan gema suara yang hebat serupa dengan apa yang telah dilihatnya sebentar tadi.

Ali Baba pun masuklah ke dalam gua itu dan didapatinya bertimbun-timbun harta yang terdiri dari alat-alat perhiasan emas, perak dan wang ringgit emas yang berpeti-peti. Walaupun ketakutan, beliau memberanikan hatinya lalu mengambil sebanyak-banyak harta, iaitu wang emas, yang ada di dalam gua itu. Kemudian, beliau keluar menuju rumahnya sesudah memerintahkan pintu gua tadi ditutup semula. Dengan demikian, Ali Baba dengan serta-merta menjadi kaya-raya, mengalahkan abangnya sendiri.

Kekayaan Ali Baba yang datang dengan tiba-tiba itu telah menimbulkan rasa cemburu di hati Kassim Baba, lalu beliau bertanya bagaimana adiknya itu boleh jadi kaya. Ali Baba dengan penuh kejujuran telah menceritakan pengalamannya yang membolehkan beliau menjadi kaya.



*P. Ramlee dalam filem* **Ali Baba Bujang Lapok**

Kassim Baba yang tamak itu telah memutuskan hendak pergi ke tempat penyamun-penyamun menyimpan harta itu. Beliau mempelajari arah tempat serta cara-cara memberikan perintah membuka pintu gua itu daripada adiknya. Oleh kerana tamak, dia telah mengambil harta-harta dari dalam gua itu lebih daripada sepatutnya sehingga beliau tidak terdaya hendak membawa kesemuanya. Malangnya, penyamun-penyamun itu pulang ke gua itu dengan tidak disedari oleh Kassim Baba.

Beliau kemudiannya telah dicincang oleh penyamun-penyamun di dalam gua itu. Mayat Kassim Baba yang tercincang itu telah diambil pulang kemudiannya oleh Ali Baba. Mayat Kassim Baba yang tercincang itu telah dijahit oleh seorang tukang jahit (Leng Hussain) dengan suruhan dan upahan Ali Baba.

Abu Hassan (kepala penyamun) telah menyiasat ke mana perginya mayat Kassim Baba. Dengan pertolongan tukang jahit tadi, ia telah mengetahuinya bahawa mayat itu telah diambil oleh Ali Baba. Dengan itu, ia telah mengambil keputusan hendak membalas dendam, setelah mengetahui bahawa Ali Baba telah mengambil banyak harta samunnya, sehingga ia menjadi kaya raya.

Setelah percubaannya yang pertama gagal, Abu Hassan telah menyamar sebagai seorang saudagar yang akan turut sama merayakan harijadi Ali Baba, dengan menghadiahkannya 40 tempayan minyak. Di dalam tempayan itu, diisikan 40 orang anak-anak buahnya yang akan keluar menyerang pada waktu tertentu mengikut isyarat daripadanya kelak.

Kesudahannya, orang-orang yang bersembunyi di dalam 40 buah tempayannya itu telah diketahui oleh tukang masak Ali Baba yang kemudiannya telah membunuh kesemuanya dengan mencurahkan air panas ke dalam tiap-tiap buah tempayan. Kemudian penari yang menghiburkan saudagar-saudagar yang ramai itu telah membunuh Abu Hassan dengan sebilah pisau tariannya.

Ketika inilah Bujang Lapok Ramlee yang memegang peranan Abu Hassan itu menjerit dengan kuatnya sehingga mengejutkan kedua-dua orang kawannya (Sudin dan Aziz) yang sedang tidur lenyak. Ramlee juga turut sama terjaga. Yang ganjilnya, ketiga-tiga bujang lapok itu telah mimpikan sesuatu yang sama. Ramlee mendakwa bahawa Aziz telah menyuruh dayangnya menari untuk membunuh dia, tetapi sebaliknya, Aziz pula mendakwa bahawa Ramlee telah mencincang tubuh abangnya (Sudin).

Sudin yang mimpikan badannya dicincang-cincang orang dan kemudiannya dijahit pula oleh tukang jahit itu telah bangun dan terus keluar. Ketika ditanya oleh Ramlee dan Aziz, Sudin menyatakan bahawa ia hendak pergi mencari tukang jahit yang telah menjahit badannya itu. [Tamat]

Filem ini pada mulanya diharamkan oleh pihak penapis filem Singapura daripada di tayangkan di Singapura. *Gelanggang Filem* Bil 91. tahun 3, keluaran 30 November 1960 di muka surat 2 melaporkan antara lain:

"**P. Ramlee** berkata bahawa dia sendiri tidak tahu mengapa filem ini diharamkan ... Inilah filem pertama dalam sejarah filem-filem arahan **P. Ramlee** telah diharamkan oleh pemerintah."

## ALOHA

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited, Singapore. Dibuat oleh Malay Film Productions Limited, Singapore. Tahun dikeluarkan: 1950.

Mariam; Osman Gumanti; *dibantu oleh*: **P. Ramlee**; Jaafar Wiryo; Roseminah; Siti Tanjung Perak; Daeng Idris; Daeng Harris; A. R. Tompel.

Penggambar: Koh Jee Soon; Pengambil suara: Chong Chee Liat; Lagu dan pancharagam: Osman Ahmad; Penulis cherita: A. R. Iyer; Tari Tarian: Edith Castillo; Pelukis Pemandangan: M. Haniff

Penolong: Penggambar: A. Bakar Ali; Pengambil suara: Kamal Mustafa; Pembantu pengarah: A. R. Tompel

Diarahkan oleh: B. S. Rajhans

Cerita: Pulau Hawaii, terkenal di seluruh dunia sebagai sebuah mahligai kecantikan alam di lautan teduh. Hari perayaan besar yang dilangsungkan di pantai salah sebuah kampung di kepulauan itu mempamerkan gadis-gadis rupawan dan pemuda-pemuda yang kacak. Acara sambutan ialah tari-menari, nyanyian, dan perlumbaan perahu. Di antara penonton-penonton yang sama-sama menyaksikan temasya itu, ialah seorang saudagar kaya yang bernama Magoya (Jaafar Wiryo). Dengan perantaraan Moku (A. R. Tompel), penolongnya, Magoya telah dapat berkenalan dengan Makali (Daeng Idris), ayah seorang gadis yang cantik di daerah itu, bernama Aloha (Mariam). Selain daripada Makali, Magoya juga berpeluang berkenalan dengan Mariyo (Osman Gumanti), seorang penari muda yang telah mendapat kemenangan dalam perlumbaan perahu yang diadakan pada hari itu. Mariyo adalah pemuda pujaan asmara Aloha.

Pada keesokan harinya, kerana menunaikan undangan, Makali dan Mariyo telah datang ke rumah Magoya. Sementara Mariyo diteman oleh Moku melawat dusun saudagar itu, Magoya dan Makali beramah tamah, seolah-olah perkenalan mereka yang pertama kali itu akan tetap kekal abadi. Dengan tidak disangka-sangka, Magoya telah terpandang akan satu tanda di lengan Makali, tanda yang membuktikan bahawa Makali adalah orang yang dikehendaki oleh pihak yang berkuasa, yang menawarkan hadiah yang besar di atas penangkapannya. Makali pada suatu masa dahulu terkenal dengan nama Sankali, seorang lanun yang ganas, licin dan ditakuti. Sungguhpun demikian, saudagar Magoya tidak mengambil tindakan kilat untuk menyerahkan Makali ke muka pengadilan.

Dengan rupa yang sungguh-sungguh hendak menolong, saudagar Magoya telah menawarkan satu pekerjaan kepada Mariyo. Makali turut sukacita dan berasa besar hati di atas budi sahabatnya yang baru itu. Seterusnya, Mariyo dengan ditemani oleh Silpi (Roseminah), anak gadis saudagar itu telah dihantar ke sebuah pulau yang lain untuk menjalankan urusan perniagaan di sana.

Sepeninggalan Mariyo, saudagar Magoya tidak berlengah lagi mengambil kesempatan untuk mengemukakan hasratnya. Beliau menyatakan kepada Makali akan hasratnya hendak menjadikan Aloha sebagai isterinya. Beliau memahami bahawa dengan membenarkan perkahwinan itu, ia akan turut menjadi seorang yang kaya seperti yang dijanjikan oleh saudagar itu. Makali juga sedar bahawa harta dan kekayaan tidak ada erti kepada dirinya jika didapati dengan jalan seumpama ini. Beliau juga berperasaan anaknya yang masih gadis itu bukan layak dan tidak padan menjadi pasangan hidup saudagar kaya yang sudah tua itu. Di atas pertimbangan ini, beliau berkeputusan menolak akan permintaan Magoya. Magoya berkeras lalu mengancam Makali ; jika ia menolak, berertilah ia akan diberkas oleh pihak yang



*P. Ramlee (tengah) dalam filem* **Aloha**

berkuasa; dan anak gadisnya tentu tidak akan terselamat dari menjadi mangsa saudagar yang tidak jujur itu.

Di sebalik kejadian ini, Mariyo yang berada di seberang pulau itu juga tidak ketinggalan menerima hasutan. Silpi rupa-rupanya telah mencintai Aya, dan bersungguh-sungguh hendak menawan hati pemuda itu yang tetap menolaknya; Aloha, sungguhpun miskin, adalah jantung hati Mariyo yang sebenar.

Dalam pada itu Moku, penolong kepada saudagar itu telah menghebahkan berita yang menyatakan bahawa Mariyo dan Silpi akan menikah tak berapa lama lagi. Perkhabaran ini sangat mendukacitakan Aloha, tambahan pula ayahnya sendiri mengaku akan kebenarannya. Hanya Banjo, (**P. Ramlee**) seorang pemuda dan ketua pancaragam, sahabat baik kepada Mariyo, yang menafikan kebenaran berita itu. Oleh sebab itu Banjo telah pergi berjumpa Mariyo dan Silpi yang sedang berada rumah minuman kelasi-kelasi kapal. Pada sangkanya apa yang dikatakan oleh Moku adalah benar; Mariyo telah mungkir janjinya dengan Aloha. Setelah Mariyo menerangkan kedudukan perkara itu yang sebenarnya, Banjo terpaksa meminta maaf. Dengan tidak lengah lagi, Mariyo telah meninggalkan pulau itu setelah Banjo menerangkan tindakan Magoya hendak merampas Aloha daripadanya.

Dalam pada itu, Aloha sangat dukacita di atas malapetaka yang menimpa dirinya; pada fikirannya, pemuda yang selama itu menjadi pujaan jiwanya telah berpaling tadah. Untuk menyelamatkan ayahnya dari menjadi mangsa saudagar yang khianat itu, Aloha telah mengambil keputusan untuk mengorbankan dirinya untuk menjadi isteri orang yang sangat dibencinya. Sungguhpun perkahwinannya dengan saudagar itu dilangsungkan, Aloha tidak membenarkan saudagar itu mendekatinya walau sedikitpun.

Dengan tidak disangka-sangka, sedang Aloha merayu nasibnya di tepi pantai seorang diri, ia telah bertemu dengan Mariyo. Pertemuan itu telah menerbitkan pertengkaran yang hebat di antara mereka berdua. Akhirnya, mereka berjaya mempastikan kesucian hati masing-masing. Aloha bersedia akan menurut Mariyo ke mana juga melarikan dirinya daripada saudagar itu. Malangnya, pada ketika itu juga, saudagar itu telah datang ke pantai itu bersama dengan orang-orangnya. Di atas perintahnya, Mariyo telah ditangkap dan dipenjarakan di sebuah pulau yang terpencil. Aloha telah dijaga dengan rapi di rumah saudagar itu.

Kehilangan Mariyo yang tidak disangka-sangka itu menggusarkan hati Banjo dan Kanata (D. Harris), ayah saudara Mariyo. Mereka bertambah hairan apabila mereka mendapati bahawa Makali, ayah Aloha, juga turut ghaib. Dalam usaha mereka mencari kedua-dua orang itu, mereka telah sampai ke rumah Magoya. Dalam perjumpaannya dengan Silpi, Banjo telah menerangkan perasaan cinta yang sudah lama terukir dalam hatinya terhadap anak gadis saudagar itu. Silpi sangat sukacita mendengarnya dan berjanji akan memberi sepenuh-penuh pertolongan kepada Banjo untuk mencari Mariyo.

Magoya berasa bimbang di atas kehilangan Makali yang tidak disangka-sangka itu, dan telah memerintahkan orang-orangnya mencari Makali sehingga dapat. Beliau juga cuba menempatkan Mariyo ke tempat yang lain supaya pemuda itu tidak dapat kembali lagi ke pulau itu. Silpi segera menyampaikan segala cita-cita ayahnya itu kepada Banjo.

Setelah Silpi menolong melepaskan Aloha, Banjo dan Kanata dengan segera bertolak untuk menyelamatkan Mariyo. Mereka terpaksa menghadapi perkelahian dengan orang-orang saudagar yang sedia ada di pulau itu. Mariyo sempat menyelamatkan dirinya dengan sebuah bot.

Setelah mendapati bahawa semua rancangan-rancangannya telah gagal, Magoya mengadukan kepada polis akan rahsia-rahsia Makali, dan menfitnah bahawa Mariyo juga turut campur dalam urusan-urusan jahat Makali. Pihak polis sangat sukacita mendengar aduan itu oleh kerana mereka juga telah dapat perkhabaran berkenaan dengan pergerakan-pergerakan baru di sepanjang pantai yang dilakukan oleh Makali.

Semenjak itu, segala pergerakan Banjo dan Kanata juga sama diintip. Dalam pelayaran hendak menemui Mariyo dan Aloha, mereka telah diintip secara sulit oleh polis dan orang-orang saudagar itu. Akhirnya, Banjo, Kanata, Aloha dan Mariyo diberkas. Dalam keadaan yang cemas itu, dengan tidak disangka-sangka, Makali dan pengikut-pengikutnya telah muncul mengancam mereka. Aloha sempat melarang ayahnya dan memintanya menyerah diri kepada pihak yang berkuasa. Di sini, Mariyo telah mengambil kesempatan untuk menerangkan kepada polis akan rahsia-rahsia saudagar itu yang menjadi ketua komplot barang-barang gelap dan menjalankan perniagaan-perniagaan secara haram.

Dalam perjalanan pulang, saudagar itu cuba hendak menyelamatkan dirinya, tetapi arus yang deras itu sedia untuk menelan segala apa juga yang melintas.

Kegembiraan di pulau itu telah pulih semula, kerana Makali telah diampuni; dan Aloha dan Mariyo serta Silpi dan Banjo dapat meneruskan rayuan asmara mereka. [Tamat]

## ANAK BAPAK

Dibuat oleh Merdeka Filem Setudio, Kuala Lumpur. Tahun dikeluarkan: 1967.

**P. Ramlee**; Roseyatimah; *dibantu oleh*: A. R. Tompel; Ibrahim Din, Noran Nordin; *memperkenalkan*: Ruminah Sidek; *beserta*: Shariff Baboo; Ahmad Dadida; Idris Hashim; Karim Larif; Nor Jin; *bintang terhormat*: Saloma.

Cerita: Amar Jaffa; Screen Play ; A. R. Tompel; Dialogues: **P. Ramlee** AMN; Teknik Fotografi: Low Yew Wah; Teknik Sound: Tan Chuan Hock; Art Director: Abd. Hamid Aziz; Film Editor: Johari Ibrahim

Penolong Pengarah: Hashim Hamzah; Fotografi: Ng. Hoong Ngaim; Sound: Anuar Yusof; Pelukis: Esa Ahmad; Make-up: Rokiah Osman

Music: Ciptaan dan Gubahan **P. Ramlee** A. M. N.; Gurindam: A. R. Tompel

Directed by: **P. Ramlee** A. M. N.

Cerita: Che' Harun (**P. Ramlee**) ialah seorang pengurus ladang getah kepunyaan ayahnya sendiri. Dia seorang yang suka menolong dan boros berbelanja. Dengan sebab itu beliau keputusan wang.

Sungguhpun demikian, sebagai seorang yang amanah, Che' Harun tidak pernah cuba menggunakan wang pejabat. Beliau rela berhutang daripada pecah amanah. Dengan sebab itulah, maka Che' Harun mendapati bukan sahaja terhutang dengan ceti, bahkan dengan Che' Normah (Ruminah Sidek), seorang penyanyi kelab malam yang telah menjadi kenalan baiknya.

Sifat murah hati dan semangat sedia membantu menyebabkan Che' Harun sangat-sangat disayangi oleh semua pekerja-pekerjanya. Beliau menganggap drebarnya bernama Salleh (Ibrahim Din) sebagai kawannya sahaja.

Pada satu hari seorang ceti dan Che' Normah telah datang untuk menagih hutang-hutang mereka. Pada ketika itu Che' Harun tidak mampu menjelaskan hutangnya sambil berjanji akan membayarnya sehari dua lagi. Sementara itu Che' Harun terlintas di akalnya bahawa ayahnya, Dato' Mahfiz (A. R. Tompel) sentiasa mendesaknya supaya berkahwin. Oleh itu, dengan segera Che' Harun menelefon ayahnya, menyatakan dia memerlukan wang sebanyak $3,000 kerana hen-



*Kiri ke kanan: Ibrahim Din, Noran Nordin, Ruminah Sidek, A. R. Tompel, Roseyatimah dan P. Ramlee dalam filem* Anak Bapak



*P. Ramlee dan Ruminah Sidek dalam filem* Anak Bapak



*Duduk kiri ke kanan: Roseyatimah, A. R. Tompel, Ibrahim Din dan P. Ramlee dalam filem* Anak Bapak

dak melangsungkan perkahwinannya. Dato' Mahfiz berasa amat gembira dengan berita itu, dan telah mengirimnya bukan $3,000 tetapi $5,000. Dengan wang kiriman ayahnya itu, maka Che' Harun dapat menjelaskan hutangnya.

Hartawan Dato' Mahfiz, tinggal di Johor. Oleh kerana kesihatannya selalu terganggu, doktor menasihatkannya supaya berehat dan bertukar angin. Oleh itu Dato' Mahfiz telah membuat keputusan hendak beralih angin ke ibu kota, sambil berehat, dia juga ingin menemui anak dan menantu barunya. Dato' Mahfiz berangkat ke Kuala Lumpur dengan ditemani oleh Halimah (Roseyatimah) jururawat yang menjaganya.

Ketibaan ayahnya menyebabkan Che' Harun serba salah; ayahnya akan bertanya mengenai isterinya, walhal beliau masih membujang. Untuk mengelakkan kemarahan ayahnya, Che' Haron berbohong sekali lagi dengan menyatakan kepada ayahnya, bahawa isterinya telah pulang ke kampung menemui keluarganya. Pada sangkaannya, penerangannya itu akan memuaskan hati ayahnya. Dato' Mahfiz terus mendesak supaya Che' Harun membawa pulang isterinya, kerana dia ingin benar hendak menemui menantunya itu.

Che' Harun memujuk Salleh, drebarnya, supaya 'meminjamkan' kepadanya Edah (Noran Nordin), isterinya. Edah telah diperkenalkan oleh Che' Harun kepada ayahnya sebagai isteri yang baru dinikahinya itu.

Untuk meluahkan kegembiraannya, maka Dato' Mahfiz telah mengadakan satu jamuan besar sempena perkahwinan anaknya itu. Normah juga tidak ketinggalan diundang sebagai tetamu. Tentulah Normah menjadi hairan melihatnya kononnya Edah itu ialah isteri Che' Harun. Normah kenal betul dengan Edah dan suaminya. Beliau memikirkan bahawa mesti ada sesuatu maksud dan tujuannya di atas lakonannya yang demikian.

Sebagai isteri, tentulah Edah diajak tidur oleh Che' Harun di dalam biliknya, supaya rahsianya tidak diketahui oleh ayahnya. Perbuatan Che' Harun itu, sangat menggusarkan hati Salleh, yang menjadi serba salah. Sesiapapun tentulah tak senang hati melihatkan isteri sebilik dengan orang lain!

Kebimbangan Salleh itu segera menghilang, apabila Che' Harun menyuruh dia tidur di dalam biliknya bersama isterinya, sementara dia sendiri, tidur di bilik mandi. Perbuatan Che' Harun itu diketahui oleh Normah yang 'menangkapnya' sedang tidur nyenyak di dalam bilik mandi. Che' Harun meminta supaya Normah menutup rahsianya; tetapi Normah mendesak akan membongkarnya sekiranya Che' Harun tidak memberi dia wang tebusan $1,000. Oleh itu Che' Harun terpaksa memberi Normah sekeping ceknya bernilai $1,000.

Akibat gangguan Normah itu, Che' Harun tidak dapat memejamkan matanya lagi; beliau keluar daripada bilik mandi itu dan bersiar-siar di tamannya. Beliau bertemu dengan Halimah di dalam taman itu dan dengan tidak disangka-sangka, pertemuan itu telah melahirkan perasaan cinta dan kasih sayang antara mereka berdua. Che' Harun telah menerangkan kepada Halimah bahawa Edah itu bukanlah isterinya.

Tidak berapa lama kemudian, Che' Harun bersama-sama Halimah, gadis pilihan hatinya itu, pulang ke kampung, dan di sana mereka diijabkabulkan.

Cek bernilai $1,000 yang diberikan oleh Che' Harun kepada Normah, sebagai penutup mulut itu, ialah cek palsu. Merasai dirinya tertipu, Normah mengan-

cam Dato' Mahfiz, dengan mengatakan dia akan membuat aduan ke Mahkamah di atas perbuatan menipu yang dilakukan oleh Che' Harun.

Dengan perasaan yang tenang, Dato' Mahfiz mencadangkan sebelum Normah berbuat demikian, satu perbicaraan mengenai tuduhannya itu dilakukan di dalam rumahnya sendiri. Oleh itu, dengan pantas ruangan rumah itu ditukar merupai sebuah mahkamah perbicaraan. Dato' Mahfiz sendiri menjadi Hakim.

Keputusan pembicaraan itu menunjukkan Che' Harun didapati tak bersalah dan dibebaskan dari tuduhan. Dan anehnya ayahnya, iaitu Dato' Mahfiz berserta Normah yang didapati bersalah dan mesti menerima hukuman! Dato' Mahfiz didapati bersalah oleh kerana beliau tidak membayar Che' Harun gaji yang mencukupi untuk sara hidup, dan beliau diperintahkan supaya menaikkan gaji Che' Harun daripada $1,000 kepada $2,000. Normah didapati bersalah kerana memeras ugut Che' Harun dan sebagai hukuman beliau diperintah berkahwin dengan Dato' Mahfiz. [Tamat]

## ANAK-KU SAZALI

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited, Singapore. Dibuat oleh Malay Film Productions Limited, Singapore. Tarikh dikeluarkan: 27 Oktober 1956.

**P. Ramlee**; Zaiton; Rosnani; Nordin Ahmad; Hashimah Yon; Daeng Idris; Habsah Buang; Malek Sutan Muda; Ibrahim Pendek; S. Kadarisman; Siti Tanjung Perak; H. M. Rohaizad; Kemat Hassan; Fatimah; Salbiah; Omar Suwita; Sherif Dol; *Child Stars*: Tony, Habibah, Rahman, Idrus, Suriani

Photography: C. Ramachandran; Audiography: C. L. Chong; Editing: H. Narayana; Art Direction: J. S. Anthony; Processing: Lee Mong Nam; Chow Cheng Kok; Production-in-charge: Kwek Chip Jian; Songs: **P. Ramlee**; Orchestration and background music: Fred Libio; L. B. Ventura;

Lyric: Jamil Sulong; Playback singers: Saloma; Normadiah; Choreography: Normadiah.

Assistants: Director: Omar Rojik; Photography: S. Jumari; Audiography: Chua Soh Tong; Editing: P.V. John; Laboratory: Wong Hong Peng; Costumes: Habsah Buang; Continuity: Tan Quee Sim.

Written and Directed by: Phani Majumdar.

Cerita: Kejadian ini berlaku sebelum Perang Dunia Kedua dulu, iaitu pada kira-kira tahun 1925.

Seorang anak miskin Hassan (**P. Ramlee**), yang telah kematian ibunya,



*P. Ramlee dan Zaiton dalam filem* **Anak-Ku Sazali**



*P. Ramlee, Nordin Ahmad dan Zaiton dalam filem* Anak-Ku Sazali

bekerja dengan seorang kaya. Orang kaya ini mempunyai dua orang anak, seorang lelaki bernama Mansor (Nordin Ahmad) dan seorang perempuan bernama Mahani (Zaiton). Kedua-dua orang anak orang kaya ini amat menyayangi Hassan.

Hassan amat gembira sekali mendengar bunyi-bunyi muzik, dan selalu ada di mana sahaja ada orang mempertunjukkan permainan muzik. Pada suatu malam, Hassan telah mengajak Mansor dan Mahani pergi bersama-sama ke suatu tempat melihat orang bermain muzik. Sekembalinya mereka dari tempat itu, Hassan dimarahi oleh ayah kepada kedua-dua kawannya itu. Kemarahan orang tua ini begitu memuncak sehingga Hassan dihalau keluar dan tidak diizinkan lagi tinggal dan bekerja dengannya.

Hassan pulang ke rumahnya dan dengan harta yang ada sedikit peninggalan ibunya untuk membeli sebuah biola. Kemudian beliau mendapat kerja sebagai pendayung sampan. Pada waktu siang dia berkerja dan pada waktu malam belajar main biola. Hassan merasa gembira dengan hidup yang demikian.

Mansor setelah dewasa, dihantar oleh ayahnya ke Singapura untuk melanjutkan persekolahannya dan Mahani pula hendak dikahwinkan dengan seorang pemuda pilihan ayahnya sendiri.

Hassan yang menaruh rasa kasih terhadap Mahani sejak masih kecil lagi, pergi menjauhkan dirinya ke Singapura. Mahani ikut lari ke Singapura, menuju tempat abangnya (Mansor) yang telah ada di sana.

Di Singapura Mahani dan Hassan berkahwin dengan persetujuan abangnya. Mansor telah sedia mengetahui isi hati di antara adiknya dengan pemuda Hassan itu sejak dahulu lagi. Pengantin baru ini tinggal di sebuah rumah buruk. Sementara itu, Mansor pula mendapat jodoh pilihan hatinya sendiri dan berkahwin dengan gadis Rubiah (Rosnani). Sejak berkahwin, bintang Hassan bertambah terang — daripada seorang ahli muzik yang kecil, beliau meningkat menjadi sebagai ahli muzik yang masyhur. Hassan dan Mansor telah berjanji untuk mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan mereka dengan mengahwinkan anak-anak mereka kelak. Hassan amat ingin kepada anak lelaki dan berazam membesarkan dengan mencurahkan segala apa yang tidak diperolehinya sendiri ketika ia masih jadi anak-anak dahulu. Hassan telah dikurniakan seorang anak lelaki yang diberi nama Sazali (**P. Ramlee**) tetapi malangnya, Mahani meninggal dunia ketika melahirkannya. Beberapa tahun kemudian, Mansor pula dikurniakan seorang anak perempuan diberi nama Rokiah (Hashimah Yon).

Semenjak kecilnya Sazali berperangai nakal dan jahat: melawan guru, lari dari sekolah, mencuri karangan-karangan dan berbagai-bagai lagi: sedang ayahnya pula selalu menyebelahi anaknya ketika menerima sebarang pengaduan daripada sesiapapun. Akhirnya, Sazali apabila dewasa menjadi ahli kumpulan gengster yang terbesar.

Pada satu malam, ketika pesta menyambut hari jadi Rokiah diadakan, jauh dari dugaan semua, Sazali telah menodai puteri itu. Hal ini telah diadukan sendiri oleh Rokiah kepada Hassan, ayah Sazali.

Hassan buat pertama kalinya telah memarahi anak kesayangannya. Segala apa yang dikatakan oleh ayahnya, semuanya dipulangkan kepada ayahnya sendiri.

"Kalau 10 tahun dahulu aku diajar, tentu aku jadi baik tetapi sekarang orang tidak boleh buat apa-apa kepada aku — memang aku menodai Rokiah, aku sekarang ada 200 orang kawan yang se-

muanya sedia mengikut perintah aku," demikian di antara kata Sazali.

Malam itu juga Sazali mengambil keputusan keluar dari rumah ayahnya dan dia terus menerus melakukan pekerjaan sebagai gengster: menipu, mencuri, merompak dan sebagainya.

Pada suatu malam dengan hujan dan ribut, sedang Hassan sendirian di rumahnya, tiba-tiba Sazali kembali dengan kaki berdarah dan badannya kotor dengan lumpur — sambil meminta pertolongan kerana dia sedang dikejar oleh polis sebab melakukan satu perompakan yang besar. Melihat hal ini, fikiran Hassan berperang sendirian, di antara kesayangan terhadap anaknya, dan kewajipan terhadap negara. Hassan mengambil keputusan yang amat pantas, lalu memanggil polis untuk menyerahkan anaknya itu supaya dihukum atas kesalahannya.

"Tuhanku! aku telah menunaikan kewajipanku sebagai seorang ayah," kata Hassan ketika cerita ini ditamatkan. [Tamat]

Pada tahun 1956, pembaca-pembaca majalah *Bintang* telah memilih filem ini sebagai filem kedua terbaik.

## ANJORAN NASIB

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited, Singapore. Dibuat oleh Malay Film Productions Limited, Singapore. Tarikh dikeluarkan: 19 April 1952.

**P. Ramlee**; Mariam; Musalmah; D. Harris; Haron Omar; Saadiah; Omar Rojek; R. Azmi; S. Sudarmadji; Ahmad C; Salleh Kamil; Saamah; Marliah

Penolong Pengarah dan Senikata: Ibrahim Ali; Jurugambar: Chow Chan Kok; Penolong Jurugambar: Bakar Lahar; Jurusuara: C. M. Lee dan Chan Chou Ton; Penolong Jurusuara: Lim Ah Too; Peyunting Filem; Bharat Rajha; Pelukis Pemandangan: M. Sulaiman; Penolong Penjaga Sambungan: Veronica Bos.

Pencipta Seni Lagu: Yusof B; Gurindam: S. Sudarmadji; Tarian: E. Castillo.

Pengarah: B. S. Rajhans.

Cerita: Haji Salleh (Haron Omar) yang telah terpisah daripada keluarganya di Singapura semasa peperangan dunia, jatuh sakit tenat di Mekah. Oleh itu, beliau tidak dapat pulang ke Singapura untuk menemui isterinya Ainon, seorang puteri yang bernama Petum dan anak lelaki yang ber-



*P. Ramlee dan Mariam dalam filem* **Anjoran Nasib**

nama Bahar (**P. Ramlee**) yang berjawatan Inspektor Polis.

Sebelum 'meninggal dunia', Haji Salleh telah membuat surat wasiat, dan surat itu diserahkannya kepada sahabat karibnya bernama Sidek. Haji Salleh mempunyai seorang saudara di Singapura yang bernama Razak, yang telah diamanahkannya menjaga anak perempuannya, Petum. Razak telah berlaku kejam dan jahat terhadap Petum.

Sidek tiba di Singapura dengan membawa suatu tas surat, yang berisi surat wasiat dan wang kepunyaan Haji Salleh. Malangnya, tas surat itu dicuri oleh seorang yang bernama Kamal, yang mengambil wang di dalam surat itu, dan selepas itu membuang tas yang berkenaan. Kamal, si pencuri itupun kemudiannya ditangkap oleh pihak polis. Puteri Kamal yang bernama Maimun (Mariam), seorang penyanyi, kebetulan adalah kekasih Inspektor Bahar.

Di pejabat polis, Sidek telah tercengang melihat muka si pencuri itu, oleh kerana mirip sahabatnya Haji Salleh yang telah 'meninggal dunia.' Maka dengan itu, Sidek tidak hendak melanjutkan kes itu lalu Kamal pun dibebaskan. Sidek kemudian meminta Kamal menjalankan beberapa pekerjaan untuknya: agar beliau menyamarkan diri selaku Razak, yang dengan tidak sah telah memiliki harta-benda Haji Salleh, sedangkan harta-benda itu sebetulnya adalah milik Petum dan Inspektor Bahar.

Razak berkawan dengan seorang perempuan pelacur. Beliau, yang telah memboroskan banyak wang untuk perempuan itu, terkejut melihat Haji Salleh, saudaranya, secara mendadak muncul semula. Perselisihan faham serta perasaan iri hati telah berbangkit di antara mereka. Di dalam saat kegentingan itu, Sidek telah mengesahkan tugas yang telah diserahkan kepadanya oleh Haji Salleh. Inspektor Bahar naik marah dan mengancam akan mengugut. Pada ketika itu, masuklah seorang sarjan polis dengan membawa tas surat yang dicuri itu. Di dalam tas surat itu, ditemui bukti kecurangan Razak, lalu beliau dibawa ke pejabat polis. Dengan itu, selesailah tugas Sidek, dan beliau kembali ke Mekah untuk meneruskan pekerjaannya. Maimun dan Inspektor Bahar terus memupuk persefahaman dan menuju ke alam perkahwinan. [Tamat]

Filem ini, sebenarnya telah bertukar-tukar nama untuk beberapa kali. Mulanya filem ini diberi nama **Dosa Ayah**; kemudian **Samaran**, dan akhir sekali, **Anjoran Nasib**.

## ANTARA DUA DARJAT

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited, Singapore. Dibuat oleh Malay Film Productions Limited, Singapore. Tarikh dikeluarkan: 28 Mei 1960.

**P. Ramlee**; Saadiah; *co-starring*: S. Kadarisman; S. Shamsuddin; Yusuf Latiff; Ahmad Nisfu; Kuswadinata; *with*: Rahimah Alias; Mariam; Rahmah Rahmat; Kemat Hassan; Ainon Fiji; M. Rafee; Ali Fiji; Aini Jasmin; Mustarjo

Director of Photography: A. Bakar Ali; Sound: Kam Shin Boon; Recordist: Kamal Mustaffa; Editor: H. R. Narayana; Processing: Wong Hong Peng; Laboratory: Chew Chen Kok; Studio Manager: Kwek Chip Jian

Assistants: Director: S. Sudarmaji; Photography: Ya'akob Mahmood; Sound: Yeo Kee Jok; Recordist: Ahmad Suradi; Editing: K. K. Ram; Music: Kassim Masdor; Studio Manager: M. K. Teo; Continuity: Kassim Masdor

Art Director: A. V. Bapat; Music: **P. Ramlee**; Lyrics: S. Sudarmaji; Orchestra-



*P. Ramlee dan Saadiah dalam filem* Antara Dua Darjat

tion: **P. Ramlee**; Story and Screen Play: Omar Rojik; Dialogues: **P. Ramlee**; Directed by: **P. Ramlee**

Cerita: Gazali (**P. Ramlee**), di dalam satu adegan di mana hujan mencurah, guruh dan petir sabung-menyabung, mula memadu mata dengan seorang gadis jelita, Tengku Zaleha (Saadiah), anak perawan Tengku Karim (Ahmad Nesfu), hartawan yang mendiami Anggerek Villa.

Gazali sekali lagi bertemu Tengku Zaleha pada masa menyambut harijadi puteri itu. Beliau hadir di dalam perayaan itu, sebagai ketua pancaragam yang diundang untuk menyerikan hari ria gadis itu.

Tengku Karim yang terkenal sebagai seorang yang mementingkan darjat dan keturunannya, tidak ingin melihat anak perawannya itu berkenalan dengan orang-orang yang tidak setaraf dengannya. Sebenarnya Tengku Zaleha, ialah anaknya dari Yang Chik (Rahimah Alias), isterinya yang kedua, dan bekas penari kabaret.

Dengan tujuan mengurung anaknya itu di rumah, Tengku Karim telah memanggil seorang guru piano untuk mengajar anaknya bermain piano di rumahnya. Guru yang digaji itu, tidak lain dari Gazali.

Sejak itu, ikatan mesra yang telah disimpul oleh Tengku Zaleha bersama Gazali makin erat. Tengku Zaleha tidaklah bersependapat dengan ayahnya tentang darjat dan keturunan: ia memandang tiap-tiap makhluk yang dijadikan Tuhan adalah sama; yang menjadi ukuran bukanlah pangkat, tetapi budi dan bahasa! Kerana itulah maka ia telah menurut kata hatinya.

Gazali adalah seorang pemuda yang jujur, dan menyatakan maksud hatinya, iaitu cinta pada Tengku Zaleha. Cintanya itu dibalas oleh Tengku Zaleha.

Tengku Karim mengetahuinya kisah cinta itu. Pada satu hari Gazali dipukul

dengan teruknya, dan Tengku Zaleha diasingkan.

Kawan-kawan Gazali banyak mengatakan bahawa Tengku Zaleha telah dibunuh oleh ayahnya, sebab mereka sendiri menyaksikan Tengku Zaleha keras terbujur, diusung masuk ke dalam sebuah ambulan. Mereka juga mendengar Tengku Karim berkata: "Zaleha sudah mati".

Gazali tinggal dengan hati hampa, berkelakuan tak ubah seperti orang gila.

Beberapa bulan kemudian, Anggerek Villa, yang telah kosong sejak kejadian yang penuh tanda soal itu, telah diisi oleh beberapa insan yang terdiri dari dua orang lelaki, seorang perempuan muda, seorang perempuan (orang gaji) dan seorang pemandu kereta.

Gazali mengenal pasti perempuan muda itu tidak lain dari Tengku Zaleha, kekasihnya. Kawan-kawannya tetap mengatakan 'sangkaan' Gazali itu mustahil, oleh kerana pada hemat mereka Tengku Zaleha telah meninggal dunia.

Pada satu hari, Gazali telah dipanggil datang ke Anggerek Villa, untuk membetulkan piano yang telah rosak. Gazali mendapati kedua-dua orang lelaki yang ada dirumah itu belum pernah dilihatnya. Beliau telah dapat menatapi wajah perempuan muda itu, tetapi ia tak dapat pastikan yang perempuan muda itu ialah Tengku Zaleha. Setelah mendengar irama lagu *Getaran Jiwa* yang dibunyikan oleh perempuan muda itu, lagu yang telah diciptakan untuk Tengku Zaleha waktu ia mengajarnya dulu, maka Gazali dilanda oleh fikiran yang kusut. Kawan-kawannya tetap



*S. Kadarisman (kanan) dan P. Ramlee (yang rebah) dalam filem* Antara Dua Darjat

menyatakan bahawa "Tengku Zaleha sudah mati".

Pada satu malam, sedang ia mencari ketenangan di tempat mereka pernah bercengkerama, perempuan muda daripada Anggerek Villa itu datang mendapatkannya. Gazali terkejut. Pada mulanya ia tak percaya bahawa perempuan itu ialah Tengku Zaleha, kekasihnya dulu. Perempuan muda itu bercerita panjang, dan telah mengalami penderitaan yang lebih dahsyat dan lebih hebat daripada yang dialaminya, sejak berpisah dengan cara terkejut dahulu. Antara lain, Tengku Zaleha menerangkan yang ia sendiri tidak tahu bagaimanakah ia telah dibawa ke Singapura dari Anggerek Villa. Kerana dia tetap mempertahankan kasih dan cintanya terhadap Gazali, maka pertengkaran kerap berlaku di antara dia dan ibunya, dengan ayah dan abang tirinya, Tengku Hasan (Kuswadinata).

Tengku Hasan sentiasa menghina ibunya "perempuan kabaret". Dalam salah satu pertengkaran, ibunya telah mati dibunuh oleh Tengku Hasan, yang kemudian telah menerima hukuman yang setimpal. Ayahnya tetap tidak mahu insaf dari pendiriannya yang mementingkan pangkat, darjat dan keturunan. Akibat daripada perkara-perkara yang berlaku seterusnya, maka ayahnya, Tengku Karim mendapat sakit gila, dan berubat di rumah sakit gila. Oleh kerana perjanjian yang telah dibuat oleh ayahnya, Tengku Zaleha telah terpaksa bernikah dengan Tengku Mukri (S. Kadarisman).

Dua orang lelaki yang berada di Anggerek Villa itu, ialah suami kepada Tengku Zaleha, Tengku Aziz (Yusuf Latif) sahabat baik suami Tengku Zaleha.

Tengku Zaleha merintih kepada Gazali, biar pun sudah tiga bulan ia bernikah dengan Tengku Mukri, mereka tetap sebagai orang asing. Kedatangannya semula ke Anggerek Villa ialah dengan harapan hendak menemui Gazali.

Dengan tidak diketahui Tengku Zaleha dan Tengku Mukri, Tengku Aziz yang dapat membaca hati Tengku Zaleha, telah pergi ke rumah Gazali, di mana ia telah mendapat tahu menerusi Sudin (S. Shamsuddin), sepupu Gazali, mengenai perhubungan cinta antara Gazali dan Tengku Zaleha.

Pertemuan antara Gazali dan Tengku Zaleha telah melahirkan perasaan syak Tengku Mukri ke atas isterinya. Tengku Aziz, seorang yang benar-benar berjiwa kemanusiaan, menasihatkan supaya Tengku Mukri beralah. Pendirian Tengku Mukri, sama dengan Tengku Karim. Tengku Mukri memutuskan untuk membuat perhitungan dengan Gazali. Di dalam satu pergolakan, biar pun Tengku Mukri bersenjatakan senapang, beliau telah tewas di tangan Gazali. Akhirnya, cinta yang disemai oleh Gazali dan Tengku Zaleha dengan kesucian dan keikhlasan hati terus dipupuk dengan subur dan kekal abadi. [Tamat]

## ANTARA SENYUM DAN TANGIS

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited, Singapore. Dibuat oleh Malay Film Productions Limited, Singapore. Tarikh dikeluarkan: 27 Februari 1952.

**P. Ramlee**; Rokiah; Musalmah; M. Amin; Harun Omar; M. Yusuf Banjar; Siti Tanjung Perak; Saamah; Baby Zaitun.

Pengarah: L. Krishnan; Pembantu pengarah: Omar Rojik; Lagu' chiptaan: Yusof B; Shaer gurindam: S. Sudarmadji; Tarian: E. Castillo; Gambaran: Chou Chan Kok; Soundman: Chan Chew Tong; Pembantu: A. Bakar Ali; Pelukis pemandangan: M. Sulaiman Osman; Senikata: **P. Ramlee**

Cerita: Hamid (Harun Omar) seorang tuan punya lombong, merupakan seorang yang bersifat agak kedekut dalam hal-hal kewangan. Terdapat seorang jurutera di lombong itu bernama Abidin (**P. Ramlee**). Pada suatu hari, satu kemalangan yang mengorbankan nyawa seorang jurugegas berlaku. Apabila soal pampasan timbul, jurutera dan tuan punya lombong telah bertelagah menyebabkan jurutera itu meletakkan jawatan. Anak perempuan Hamid, Maimun (Musalmah), yang cintakan Abidin, amat berdukacita di atas perletakan jawatannya. Beliau bertambah sedih lagi apabila mendengar Abidin sudah berkahwin dengan Faridah (Rokiah), adik perempuan Yusuf, seorang guru di kampung itu.

Abidin kemudiannya diambil bekerja di sebuah lombong yang baru dibuka kepunyaan Nasir (M. Amin), seorang kawan lamanya. Malangnya, oleh kerana kekurangan modal, lombong baru itu terpaksa dijual. Pihak pembeli bersedia membeli harta itu hanya dengan syarat bahawa semua pekerja, termasuk Abidin, terus bekerja di lombong itu. Oleh kerana urusan jual beli itu dibuat melalui orang tengah, maka Nasir dan Abidin tidak tahu siapa sebenarnya tuan punya yang baru itu, sehinggalah lombong tersebut bertukar tangan.

Apabila Abidin mendapati bahawa tuan punya yang baru itu tak lain tak bukan ialah Hamid dan pengurusnya Maimun, beliau merancang untuk berhenti kerja, tetapi perjanjian tidak membolehkannya berbuat demikian. Abidin terus menjalankan kerjanya seperti biasa, dan Maimun mencuba sedaya upaya untuk memikatnya. Akhirnya, Abidin tewas juga tanpa diketahuinya. Hidup yang bahagia yang pernah dinikmati oleh Faridah dengannya beransur-ansur lenyap.



*Rokiah dan P. Ramlee dalam filem* **Antara Senyum dan Tangis**

Faridah tidak lagi dapat menanggung keadaan itu. Apabila habis hari, Faridah meninggalkan anaknya, lalu balik ke kampung bersama sepupunya, Fatimah (Saamah). Di stesen, Faridah mendapati bahawa dia telah tertinggal gambarnya yang berada di sisi anaknya. Fatimah bersetuju balik ke rumah untuk mengambil gambar itu. Faridah, seorang diri, menaiki keretapi yang pertama; manakala Fatimah bertolak dengan keretapi berikutnya. Malangnya, keretapi yang dinaiki Fatimah telah bertembung dengan sebuah keretapi lain, dan mengorbankan banyak nyawa, termasuk beliau sendiri. Gambar yang dijumpai oleh Abidin dalam beg Fatimah meyakinkan beliau bahawa isterinya Faridah telah turut terbunuh dalam kemalangan itu. Maimun mengambil kesempatan daripada keadaan itu, lalu memaksa Abidin berkahwin dengannya.

Tidak lama kemudian, Maimun melahirkan seorang anak lelaki, dan bermulalah penderaan ke atas diri Zaitun, anak perempuan Faridah. Dalam pada itu, Faridah yang disangka mati oleh Abidin, telah kembali semula ke jawatannya yang lama sebagai seorang guru kampung. Pada suatu hari, semasa menjalankan kerjanya, Abidin

menemui kemalangan, dan kedua-dua belah matanya telah menjadi buta.

Selepas enam tahun berlalu, Faridah ditawarkan jawatan sebagai guru di sekolah perlombongan itu. Dia menerimanya dengan gembira kerana ini akan memberi beliau peluang melihat anaknya Zaitun.

Semasa mengajar di sekolah itu, Faridah mendapati bahawa anaknya itu mengalami deraan oleh ibu tirinya. Tanpa mengetahui bahawa Faridah ibu kandungnya, Zaitun menjadi amat mesra dengannya.



*P. Ramlee dan Musalmah dalam filem* **Antara Senyum dan Tangis**

Pada suatu hari, Zaitun membawa bapanya ke sekolah untuk mengucapkan terima kasih kepada guru kerana budinya. Oleh kerana takut dikenali, maka Faridah menyamar dirinya. Beliau amat terperanjat mendapati bahawa Abidin telah menjadi seorang buta.

Pada suatu hari, kedua-dua anak Abidin jatuh sakit; tetapi Maimun hanya menghantar anak lelakinya sahaja ke hospital, sedangkan anak perempuan tirinya ditinggalkan di bawah jagaan bapanya yang buta itu. Faridah melawat anak perempuannya itu untuk menjaganya. Maimun sangat dukacita atas kematian anak lelakinya. Beliau bercadang hendak membunuh anak perempuan tirinya. Mujurlah, semasa beliau menuangkan racun ke dalam ubat Zaitun, Faridah keluar daripada tempat persembunyiannya, memperkenalkan dirinya. Maimun menyangka beliau itu "hantu Faridah", lalu beliau keluar dan terjatuh tangga dan terbunuh. Abidin tiba di tempat itu, dan menemui isterinya yang telah lama hilang. Mereka berjanji untuk memulakan hidup baru bersama. [Tamat]

Filem ini telah terpilih sebagai "Filem Melayu Terbaik" pada tahun 1952 oleh pembaca-pembaca sebuah majalah filem di Singapura.

## ANUGERAH P. RAMLEE

Anugerah ini diwujudkan dalam Pesta Filem Malaysia I (1981). Kriteria bagi memenangi anugerah ini ialah: sumbangan bakti, kecemerlangan, penglibatan, kepimpinan dan kewibawaan diri oleh mana-mana seniman/seniwati yang cemerlang dan serba boleh. Anugerah ini tidak memerlukan pencalonan, dan adalah terpulang kepada panel juri untuk memilih tokoh yang difikirkan layak. Hadiah-hadiah bagi anugerah ini terdiri dari sebuah trofi, wang berjumlah $15,000 dan sekeping sijil. Setakat ini, pemenang anugerah ini ialah Jins Shamsudin di Pesta Filem Malaysia ke 6 pada tahun 1986. Selepas itu, Dato' L. Krishnan pula menerima anugerah itu.


*Jins Shamsudin dengan piala Anugerah P. Ramlee*

## ASIAH BINTI AMAN
[1928 - ]


*Asiah*

Dilahirkan di Singapura. Seorang penyanyi yang menyumbangkan suara merdunya dalam lagu-lagu filem sebagai suara latar kepada seniwati-seniwati utama seperti Siput Sarawak. Beliau berduet dengan **P. Ramlee** dalam lagu-lagu kegemaran ramai, antaranya lagu *Asmara Bergelora* dari filem **Nilam**, dan *Hidup Berdua* dari filem **Bakti**. Pada tahun 1945, mula-mula memasuki pancaragam di bawah pimpinan A. Rahman seorang biduan yang tidak asing lagi pada masa itu.

## ASIAN FILM FESTIVAL
Merupakan satu temasya perkampungan yang dimulakan pada tahun 1954 bagi dunia perfileman di benua Asia yang terdiri daripada negara-negara Jepun, Hong Kong, Filipina, Korea, Singapura/Malaya, Indonesia, Thailand dan lain-lain. Di temasya ini, negara-negara yang mengambil bahagian akan mengemukakan filem-filem masing-masing untuk kejuaraan di dalam kategori-kategori filem, iaitu (i) dalam dramatic category, bagi "Best Direction", "Best Scenario", "Best Colour Photography", "Best Black and White Photography", "Best Editing", "Best Music", "Best Sound Recording", "Best Art Direction", "Best Male Actor", "Best Actress", "Best Supporting Actor", "Best Supporting Actress", and (ii) non-dramatic category, bagi "Best Film of the Year", "Best Photography", dan "Best Planning", dan (iii) subsidiary awards bagi "Best Child Player", dan "Best Comedy". Jenis-jenis hadiah ini mungkin diubah sedikit mengikut jenis-jenis filem yang dipertandingkan. Pesta filem bagi seluruh Asia ini amat besar pengaruhnya di dalam dunia perfileman di rantau ini.

Di Asian Film Festival ketiga di Hong Kong pada tahun 1956, Malay Film Productions telahpun mengirim filem-filem

**Hang Tuah** dan **Semerah Padi**. Filem **Hang Tuah** adalah di antara filem yang ditunjukkan kepada umum semasa pesta itu dijalankan. Filem **Hang Tuah** telah memenangi "Best Music", iaitu ciptaan dan gubahan **P. Ramlee**.

Di Asian Film Festival keempat, di Tokyo pada tahun 1957, **P. Ramlee** telah menang sebagai "Best Actor", hasil lakonannya di dalam filem **Anak-Ku Sazali**. Anugerah yang diterimanya adalah diberi gelaran "The Golden Harvest Award". Tony Castillo memenangi "The Best Child Actor", hasil lakonannya di dalam filem yang sama. Akhbar *The Singapore Standard* di bawah tajuk "Ramlee memenangi anugerah utama di Tokyo Film Festival" melaporkan demikian: "Apabila seorang wartawan akhbar *The Singapore Standard* mengkhabarkan berita gembira tersebut kepada **P. Ramlee** di sebuah kafe di Lorong Ampas, Singapura semalam, dia begitu gembira dan terdiam seketika ... bercakap mengenai peranan yang dipegangnya di dalam filem tersebut, **P. Ramlee** berkata: "Ia peranan paling sukar yang pernah saya bawa setakat ini. Saya terpaksa mengerahkan tumpuan dan mencurahkan segala pengalaman berlakon yang saya ada." [Terjemahan]

Di Asian Film Festival kelima yang diadakan di Manila pada tahun 1958, filem arahan **P. Ramlee, Sumpah Orang Minyak** (1952) telah memenangi "The Golden Harvest Award" sebagai "the Best Black and White Photography". Photography bagi filem itu diselenggarakan oleh Abu Bakar bin Ali.

Di Asian Film Festival keenam yang diadakan di Dewan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur pada 4 - 8 Mei 1959, Malay Film Productions telah memasuk-



*P. Ramlee (kanan) dengan trofi "Most Versatile Talent" hasil peranannya dalam filem* **Ibu Mertuaku** *di Asian Film Festival, Tokyo pada tahun 1963*

kan filem komedi arahan dan lakonan **P. Ramlee, Pendekar Bujang Lapok** untuk dipertandingkan. Filem itu telah memenangi "Filem Komidi Terbaik" bagi seluruh Asia.

Di Asian Film Festival ketujuh yang diadakan di Tokyo pada tahun 1960, filem **Nujum Pak Belalang** telah dipilih sebagai "Filem Komidi Terbaik"; dan Bat Latiff sebagai "Pelakon Kanak-kanak Terbaik" di dalam filem **Lela Manja** arahan Jamil Sulong.

Di Asian Film Festival yang kesembilan yang di adakan di kota Seoul, pada bulan Mei 1962, Malay Film Productions telah mencalonkan filem komidi **Seniman Bujang Lapok** yang dicipta, diarah dan dilakonkan oleh **P. Ramlee**. Filem komidi ini tidak mendapat anugerah di Festival ini.

Di Asian Film Festival kesepuluh yang diadakan di Tokyo pada tahun 1963, **P. Ramlee** telah mendapat anugerah sebagai "The Most Versatile Talent" hasil arahan, lakunan dan muziknya di dalam filem **Ibu MertuaKu**.

Di Asian Film Festival kesebelas yang diadakan di Hong Kong pada tahun 1964, **P. Ramlee** bagi kali ketiganya telah mendapat pengiktirafan apabila filem komidinya **Madu Tiga** meraih anugerah "Filem Komidi Terbaik".

**P. Ramlee** telah menghadiri Asian Film Festival kesembilan belas yang diadakan di Singapura pada 18 May 1973 buat kali terakhir, iaitu 7 hari sebelum beliau kembali ke rahmatullah pada 25 Mei 1973.

## ASLI: MUZIK

**P. Ramlee** telah menulis kertas kerja yang bertajuk "Cara-cara Meninggikan Mutu dan Memperkayakan Muzik Jenis Asli dan Tradisional Malaysia Demi Kepentingan Negara" yang dibentangkan di Kongress Kebudayaan Kebangsaan pada 16-20 Ogos 1971. Tulisan **P. Ramlee** adalah antara kertas-kertas kerja yang terpendek di kongress tersebut. Kandungan penuh kertas kerja **P. Ramlee** diberikan:

"MUZIK adalah alat media yang dapat menghubungi dan bergaul rapat dengan secara tidak disedari mempengaruhi jiwa manusia. Kerana itulah jua manusia dari dahulu hingga sekarang walau daripada apa jua pun bangsa di dunia ini meminati muzik dan menganggap muzik adalah sebagai alat penghiburan yang boleh membawa berbagai pengertian.

### Peranan Muzik

Kalau dipandang daripada perkembangan muzik di negeri-negeri yang telah maju seperti Amerika, India, Jepun dan lain-lain, muzik dapat memainkan peranan yang penting menguasai seluruh masyarakat demi kepentingan negaranya. Tetapi sebaliknya mengapa pula muzik kita Malaysia jenis asli dan tradisional Malaysia belum dapat mempengaruhi jiwa orang-orang Malaysia ...

Adakah kerana muzik kita itu rendah mutunya?

Adakah muzik jenis asli tidak kaya?

Adakah muzik tradisional Malaysia tidak ada?

Daripada tiga persoalan yang di kemukakan di atas itu, kita dapat menghalusi dengan teliti dan sedalam-dalamnya, bahawa muzik kita tidak kurang daripada apa yang telah dinyatakan di atas itu. Muzik kita mempunyai mutu yang tinggi, muzik kita jenis asli adalah kaya dan muzik tradisional Malaysia telah ada, tetapi mengapa muzik-muzik dari luar (dari negara-negara yang dinyatakan di atas) dapat mempengaruhi dan menembusi masyarakat kita di Malaysia?



*P. Ramlee berceramah*

Umpamanya, muzik India (ala Hindustan) telah dapat mempengaruhi masyarakat kita, sehingga pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi di sana-sini asyik menyanyikan irama muzik Hindustan. Muzik Pop (dari Barat) dengan secara lekas dapat mempengaruhi jiwa muda mudi kita Malaysia, sehingga pemuda-pemuda tidak sedar pula berambut panjang (ala Beattle), berpakaian 'Groovy' yang tidak ketentuan, menghisap ganja dan lain-lain. Pemuda-pemudi pula berpakaian 'mini skirt' yang singkat, kerana terpengaruh dengan pemain-pemain muzik pop.

Muzik Cina dengan secara tak langsung dapat menyebarkan fahaman-fahaman dan ideoloji komunis, muzik Jepun dapat menyatukan masyarakat terutama sekali di dalam irama lagu 'March' yang telah dapat memberi perangsang kepada perwira-perwira sehingga dapat menakluk negara-negara di seluruh Asia di dalam peperangan dunia yang kedua dahulu. Sebaliknya, mengapa pula muzik kita Malaysia terutama dari jenis asli dan tradisional Malaysia belum dapat mendampingi masyarakat Malaysia?

**Di manakah Letaknya Kesalahan-kesalahan?**

Daripada gejala-gejala yang dinyatakan di atas tadi, maka timbullah pertanyaan untuk mengetahui di manakah letaknya kesalahan-kesalahan itu?

1. Adakah kesalahan-kesalahan dari pendengar-pendengar atau peminat-peminat muzik yang telah membuta-tuli mendengar irama-irama muzik luar yang bertentangan dengan tradisi-tradisi kebudayaannya?

2. Adakah kesalahan-kesalahan itu terletak di tangan pencipta-pencipta muzik kerana kecuaian atau kelemahan mencipta muzik yang tinggi mutu dan sebagainya?

3. Adakah kerana masyarakat Malaysia tidak menghargai atau tidak mahu menerima ciptaan-ciptaan muzik jenis asli

dan tradisional Malaysia yang dicipta oleh Bumiputera Malaysia sendiri?

Setelah dihalusi dan dikaji sedalam-dalamnya, bahawa ketiga persoalan yang tersebut adalah tidak bersalah sama sekali, sebab masing-masing dengan tugas-tugasnya, iaitu pendengar-pendengar atau peminat-peminat terpaksa mendengar apa jua ciptaan muzik yang dihidangkan kepadanya, pencipta-pencipta muzik telah mencuba sedaya upayanya untuk mencipta muzik yang tinggi mutunya dan masyarakat Malaysia tetap menghargai atau menerima apa jua ciptaan muzik yang dihidangkan kepadanya.

Tetapi kesalahan-kesalahan itu adalah terletak kepada orang-orang yang bertanggungjawab yang kurang memperkembangkan atau mengeksportkan muzik-muzik yang bercorak asli dan tradisional kepada masyarakat Malaysia.

Umpamanya di sekolah-sekolah tidak ada langsung diajar muzik-muzik jenis asli dan tradisional. Radio dan telivisyen terlalu kurang memainkan atau menyiarkan muzik yang bercorak tersebut, kelab-kelab malam, di hotel-hotel dan di restoran-restoran tidak ada langsung memperdengarkan muzik-muzik jenis asli dan tradisional Malaysia, demikian juga di tempat-tempat lain yang menjadi tumpuan umum. Dari gejala-gejala inilah sambutan masyarakat Malaysia adalah dingin dan tidak dapat mempengaruhi jiwa orang-orang Malaysia sendiri.

## Usul

Untuk mempertinggikan dan memperkayakan muzik jenis asli dan tradisional Malaysia demi kepentingan negara, di sini saya usulkan bagaimana perkara-perkara yang dinyatakan di bawah ini.

1. Kerajaan harus bertindak tegas untuk memperkembangkan muzik-muzik jenis asli dan tradisional Malaysia dengan seluas-luasnya.
2. Radio dan telivisyen haruslah memainkan peranan yang penting untuk menyiarkan sebanyak-banyaknya muzik jenis asli dan tradisional Malaysia.
3. Adakan satu program dengan menerusi dua saluran serentak untuk memberi latihan berkenaan muzik jenis asli dan tradisional Malaysia.
4. Di sekolah (apa jua jenis sekolah sekalipun) harus diajar muzik jenis asli dan tradisional Malaysia sebagai satu mata pelajaran.
5. Kelab-kelab malam, hotel-hotel, restoran-restoran dan di mana juga tempat yang tumpuan umum, harus atau wajib memainkan dan memperdengarkan muzik-muzik jenis asli dan tradisional Malaysia.
6. Muzik-muzik yang bertentangan dengan tradisi-tradisi kebudayaan Malaysia harus dikurangkan.
7. Kerajaan harus memberikan galakan yang semestinya kepada pencipta-pencipta muzik jenis asli dan tradisional dengan memberi layanan yang setimpal dari hasil dan ciptaannya.
8. Kerajaan harus menganjurkan pesta muzik asli dan tradisional Malaysia untuk mempengaruhi masyarakat Malaysia.

Sekian sahaja pendapat saya bagaimana cara-caranya untuk meninggikan mutu dan memperkayakan muzik jenis asli dan tradisional Malaysia demi keutuhan negara dan masyarakat Malaysia."

## AZIZ SATTAR
[1930 - ]

Dilahirkan di Surabaya, Indonesia. Beliau mula memasuki dunia filem di studio Jalan Ampas, Singapura dalam bahagian dubbing (kerja alih suara). Pada mulanya, beliau diberi peranan kecil dalam filem **Putus Harapan** [1951] dengan menggunakan nama Aziz Junior. Badan-badan kesenian di Singapura pernah mengundang beliau menyanyi dan menari dalam pertunjukan-pertunjukan pentas, dan pernah juga berkelakar, berpasangan dengan kelakar-kelakar profesional seperti Aziz King Godobel. **P. Ramlee** pernah berkata bahawa banyak orang yang boleh melawak: seperti di dalam filem, mereka diberi idea oleh pengarahnya, tetapi menjadi mati akal dan kaku bila naik di atas pentas. Menurut **P. Ramlee**:



*Aziz King Godobel*

"Di atas pentas, mereka terpaksa menjadi pengarah dan mengarahkan dirinya sendiri, dan beliau mengakui bahawa Aziz Sattar mempunyai sifat yang cukup sebagai ahli lawak".

Aziz sering berkelakar dengan **P. Ramlee** di atas pentas. **P. Ramlee** memilih Aziz Sattar dan S. Samsuddin ke dalam kumpulan trio dalam filem **Bujang Lapok** [1952]. Selepas itu, Aziz Sattar telah dipilih berlakon di dalam filem-filem arahan dan lakunan **P. Ramlee**: **Nujum Pak Belalang** [1959]; **Pendekar Bujang Lapok** [1959]; **Ali Baba Bujang Lapok** [1960]; **Seniman Bujang Lapok** [1961]; **Labu-Labi** [1962] dan **Nasib Si-Labu Labi** [1962].

Semasa Aziz Sattar mula bekerja di Malay Film Productions, beliau pernah menumpang di rumah **P. Ramlee** di Jalan Boon Teck. Aziz Sattar memberi penilaian terhadap ketekunan **P.Ramlee** seperti berikut:

"... apabila dia membuat sesuatu benda itu dia cukup teliti. Umpamanya apabila beliau menulis skrip ataupun mencipta



*Aziz Sattar*

lagu. Saya selalu balik jam lapan malam dan berbual-bual dengan beliau. Bila jam dua belas malam saya tidur dan dia cipta lagu. Saya bangun jam tujuh pagi dia masih dengan lagu itu juga. Bila saya ke studio lebih kurang jam sembilan pagi, dia pun pergi dengan lagu itu. Bila balik, malamnya, beliau masih dengan lagu ciptaannya. Saya fikir mungkin dalam masa itu dia tidak tidur. Kerana ketelitian dan ketekunan beliau inilah menyebabkan lagu-lagu beliau sampai ke saat ini masih diminati. Bukan satu atau dua, malahan ratusan lagunya yang masih diminati oleh peminat-peminatnya.".

["Yang Pergi dan Yang Ditinggalkan" oleh Aziz Sattar dalam *Dewan Budaya*, 1 Mei 1983, muka surat 20].

# B

## BAKTI

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited, Singapore. Dibuat oleh Malay Film Productions Limited, Singapore. Tarikh dikeluarkan: 3 April 1950 (Rex Theatre, Singapura).

Kasma Booty; **P. Ramlee**; Roomai Noor; Siput Sarawak; Yusof Banjar

Cherita: L. Krishnan; Jurugambar: Chow Cheng Kok; Lagu-lagu: Osman Ahmad; Pengarah: L. Krishnan

Cerita: Orang kaya Ibrahim (Yusof) sangat memanjakan anak lelakinya yang bernama Hassan (Roomai Noor). Pada suatu hari, orang kaya itu dengan persetujuan anak perempuannya, Saadiyah (Kasma Booty), telah memungut seorang budak miskin untuk dijadikan anak angkat. Budak itu bernama Nasir (**P. Ramlee**). Saadiyah sangat sayang kepada budak itu, tetapi Hassan membencinya. Hassan dan Nasir selalu bergaduh. Saadiyah pada bila-bila masa pun memenangkan saudara angkatnya.

Apabila telah dewasa, Hassan mempunyai seorang kekasih rahsia yang merupakan seorang perempuan mata duitan bernama Edah (Siput Sarawak). Tatkala



*P. Ramlee dan Kasma Booty dalam filem* **Bakti**

ibunya meninggal dunia, Hassan telah mencuri barang-barang kemas ibunya untuk dihadiahkan kepada kekasihnya itu. Dia bermuafakat supaya Edah menulis surat kepada Nasir dengan menyatakan perasaan terima kasihnya di atas pemberian hadiah tersebut. Jadi, bila bapa mereka mengetahui tentang surat itu, Nasir telah disoal oleh bapa angkatnya, dan dengan sedihnya, dia terpaksa meninggalkan rumah itu membawa diri.

Nasir kemudiannya telah menjadi seorang ahli muzik yang masyhur. Dalam pada itu, Hassan telah dipenjarakan selama dua tahun kerana mencuri rantai leher adiknya. Bila dia keluar dari penjara, dia tidak mempunyai sebarang



*Kasma Booty, Yusof Banjar, Roomai Noor dan P. Ramlee (duduk di sebelah kanan) dalam filem* **Bakti**



*P. Ramlee (kiri) menerima arahan daripada L. Krishnan dalam filem* ***Bakti*** *(28 Februari 1950)*
[*Sumber:* The Straits Times]

wang. Hassan kemudiannya mencuri barang-barang perak di tempat Nasir tinggal, tetapi telah ditangkap polis dan dibawa ke hadapan Nasir. Dengan murah hati, Nasir menyatakan bahawa barang-barang itu telah diberikannya kepada Hassan. Dengan pengakuan Nasir itu, Hassan tidak dikenakan sebarang hukuman.

Hassan berasa sangat malu dan terhutang budi terhadap bekas saudara angkatnya itu, lalu pulang ke rumah untuk mengaku segala kesalahannya dan menerangkan keikhlasan dan kesucian hati Nasir kepada bapanya.

Ibrahim dan anak gadisnya Saadiyah menjemput Nasir balik ke rumah mereka. Pertemuan itu menjadi saat yang amat menggembirakan oleh kerana Nasir dan Saadiyah sebenarnya menyimpan perasaan kasih sayang sesama mereka. Hassan yang dahulunya tidak setuju dengan hubungan cinta adiknya itu, sekarang menganjurkan supaya Nasir dan Saadiyah dikahwinkan. [Tamat]

Penilaian ke atas filem ini yang dibuat oleh akhbar-akhbar Inggeris adalah seperti berikut:

(i) *The Straits Times* di dalam halaman "Entertainment Page" keluaran 31 Mac 1950, telah menyiarkan ulasan Kuan Yin mengenai filem **Bakti**, yang berjudul, "**Bakti** Filem Melayu Yang Terbaik Setakat Ini". [Terjemahan] Beliau telah memberi penilaian, antara lain, seperti berikut:

"Akhirnya inilah sebuah filem yang mengukir dengan halus dan lembut gambaran sebenar mengenai perwatakan dan cara hidup orang Melayu. Syarikat Malay Film Productions Limited boleh berbangga dengan **Bakti**.

Diedarkan oleh Shaw Brothers Limited, filem ini diarah dengan bijak dan digambarkan dengan indah. Terdapat



*P. Ramlee, Yusof Banjar dan Kasma Booty dalam filem* **Bakti**

sarikata dalam bahasa Inggeris supaya sesiapa di antara kita yang terlalu malas untuk memperkayakan perbendaharaan kata-kata Melayu boleh menikmatinya dengan sepenuhnya.

Saadiyah (Kasma Booty) dan Nasir (**P. Ramlee**) bersama-sama mendendangkan beberapa buah lagu yang merdu dan filem ini dihiasi dengan melodi yang mengasyikkan. Hassan (Roomai Noor) dan Edah (Siput Sarawak) dengan berpakaian sutera dan satin menjamu kita dengan beberapa lakonan yang menyeronokkan". [Terjemahan]

(ii) *The Sunday Times*, keluaran 2 April 1950 di muka surat 10 dalam halaman "Sunday Cineview" memberi penilaian ke atas filem itu seperti berikut:

"**Bakti** seharusnya menjadi juara bagi Malay Film Productions. Filem Melayu yang terbaru ini menunjukkan bukti tentang suatu yang meningkat naik dengan pesatnya dari segi pengeluaran dan arahan. Memang benar terdapat kecacatan tetapi tidak perlu bagi seseorang itu meminta maaf sekarang mengenai sebuah filem yang dikeluarkan di Malaya. Jalan ceritanya amat mudah dan orang-orang yang tidak boleh bertutur Bahasa Melayu tidak perlu bimbang sama ada boleh mengikuti ceritanya atau tidak. Penggambaran yang dibuat oleh Chow Cheng Kok selalunya bermutu tinggi terutamanya penggambaran di luar.

Bagi saya, bintang-bintang utama filem ini perlu menunggu sementara saya memuji lakonan berani yang menyeronokkan oleh tiga orang anak muda, dua lelaki dan seorang perempuan. Budak-budak itu, Osman, Hassan dan Hamid, memainkan peranan anak dan anak angkat Ibrahim, seorang kaya. Kemudian, peranan mereka diambil alih oleh S. Roomai Noor dan **P. Ramlee**. Kasma Booty kelihatan anggun sebagai Saadiyah, anak orang kaya, dan Siput Sarawak membuatkan Edah, pisau cukur itu, sebagai perempuan yang amat menggiurkan. Terdapat sedikit adegan lucu kecuali satu lagu *Penjual Satay* yang tidak berapa ceria. Penyampaian lagu ini

serta latar belakang muziknya akan menyeronokkan telinga orang-orang Timur atau Barat. Pilihan muziknya agak meluas—saya dapat mengesan beberapa baris ciptaan Handel. Shaw Brothers mempunyai suatu pasukan pelakon yang bermutu tinggi. Pelakon-pelakon tambahan memerlukan banyak lagi latihan dan pengalaman. Mereka kelihatan amat kaku". [Terjemahan]

(iii) Pengkritik filem J. C. Bahaque juga telah membuat ulasan di dalam "Entertainment Page" dalam *The Straits Times* keluaran 16 April 1950 atas tajuk "More Brickbats", seperti berikut:

"Malay Film Productions Limited telah mengeluarkan sebuah juara dalam bentuk **Bakti** yang mengemukakan pelakon-pelakon sukaramai seperti Kasma Booty, Siput Sarawak, Roomai Noor dan **P. Ramlee**. Ianya diarah dengan mahir dan penggambarannya dilakukan dengan indahnya dan akan serasi dengan citarasa Barat dan Timur. Sekiranya lebih banyak filem seperti ini dikeluarkan, Malaya sesungguhnya akan menempa tempat untuknya dalam perusahaan pembuatan filem". [Terjemahan]

## K. M. BASKER

[ - ]

Seorang pengarah filem berbangsa India yang mempunyai sifat rendah diri. Apabila ditanya pandangan atau pendapat mengenai filem-filemnya, beliau akan menjawab dengan mudah: "Biarlah filem itu sendiri menunjukkan mutunya yang sebenar sebagai mana mutu sebiji kuih itu hanya diketahui dengan memakannya". Seorang pengarah yang mempunyai kemahiran yang luar biasa dalam menggubah gambar-gambarnya dari pelbagai sudut, dia mengarahkan filem-filem **Patah Hati**



*K.M. Basker (di tengah) dan Vasudev (kiri), 1955*

dan **Miskin** yang dilakonkan oleh **P. Ramlee**.

## DI BELAKANG TABIR

Dibuat oleh Merdeka Filem Setudio. Tahun dikeluarkan: 1969.

Jins Shamsudin; P. **Ramlee**; Nor Azizah; Hussein Abu Hassan, Ali Rahman; Karim Siraj; Ibrahim; Gass Sheriff; dibantu oleh: Ismail Mahmud; Ali Abdullah; Hussein Jantan; Mustaffa; Rosli; Sultan; Asraf; memperkenalkan: Monica Jones

Bual: Hassan; Muzik: Ahmad Nawab; Juru camera: Siew Chan Wa; Rakaman Awal: Anuar Yusoff; Rakaman Akhir: Chew Son Hock; Seni bangunan: Abd. Hamid; Filem Editor: Johari Ibrahim

Penolong: Pengarah sambungan: Bakar Jaafar; Camera: Ng Hoong Ngiam;

Suara: Johan Ibrahim; Makmal: Lim Kim Yoke; Arahan: Jins Shamsudin

Cerita: Osman (Jins Shamsudin) dibebaskan selepas menjalani hukuman penjara selama sepuluh tahun atas kesalahan membunuh yang tidak dilakukannya. Di luar penjara, Osman menaiki sebuah teksi. Beliau diekori Ali (Karim Siraj) dan Hassan (Hussein Abu Hassan) yang menunggu di dalam sebuah kereta di sisi penjara. Mereka menahan teksi Osman lalu membawa beliau kepada ketua mereka.

Apabila bertemu dengan ketua tersebut, Osman dibelasah sehingga pengsan. Osman disumbatkan ke dalam sebuah kereta yang dipandu oleh Ali dan Hassan. Mereka kemudiannya tiba di sebatang sungai. Sedangkan mereka mengeluarkan Osman untuk dicampak di situ, sebuah kereta lain lalu di situ. Dengan segera, mereka menolak kereta itu ke dalam sungai, bersama-sama dengan Osman yang berada di dalamnya. Lalu mereka lari dari situ.



*P. Ramlee dalam filem* **Di Belakang Tabir**

Laporan telah dibuat mengenai kejadian itu dan ASP Azman (**P. Ramlee**) pun membuat penyiasatan.

Osman sedang beransur pulih di sebuah klinik. Dia berbohong kepada doktor bahawa dia mabuk semasa memandu kereta. Doktor menawarkan pekerjaan kepadanya di klinik itu dan Helen (Monica Jones), seorang jururawat di klinik itu bertambah suka padanya.

Faridah (Noor Azizah), isteri ASP Azman, yang pergi ke klinik untuk mendapatkan ubat bagi mententeramkan dirinya telah bertemu dengan Osman. Beliau memberitahu suaminya bahawa Osman yang telah dibebaskan setelah dipenjara selama sepuluh tahun kerana membunuh adiknya, Hamidah

(Noor Azizah) sedang bekerja di klinik itu. ASP Azman pergi ke klinik itu untuk bertemu Osman lalu mempelawanya tinggal bersama di rumahnya.

Osman berpindah ke rumah Azman lalu bertemu lagi dengan Faridah. Bagi Osman, Faridah kelihatan seperti Hamidah, teman wanitanya, sebelum beliau dipenjarakan tetapi Faridah menafikannya dan dengan tegas mengatakan bahawa beliau adalah Faridah dan bukannya Hamidah. Osman mengenang kembali bahawa akibat pembunuhan yang berlaku ke atas Faridahlah beliau yang tidak bersalah telah dihukum penjara selama sepuluh tahun.

Apabila Osman tinggal berduaan dengan Faridah semasa ASP Azman tiada di rumah, beliau memberitahu Faridah bahawa beliau mengenalpasti penyamarannya itu, dan bahawa beliau adalah Hamidah sebenarnya. Tetapi, sekali lagi, Faridah menafikannya. Apabila Azman pulang, Faridah menceritakan kepadanya tentang tuduhan Osman itu tetapi Azman tidak menghiraukannya dengan alasan bahawa fikiran Faridah terganggu.

Azman membawa Faridah bersama Osman ke sebuah kelab malam. Azman meninggalkan meja untuk ke tandas dan bertemu dengan Helen. Faridah mengajak Osman menari supaya suaminya cemburu. Azman kembali semula ke mejanya dalam keadaan mabuk, lalu Osman pun memapahnya ke kereta. Semasa berada di tempat letak kereta, Osman ternampak sepucuk pistol yang ditujukan ke arahnya dari atas bumbung. Pada saat itu juga Helen dan seorang lelaki lain menyerang dua orang lelaki yang bersenjata itu, tetapi mereka berjaya melepaskan diri.

Apabila tiba di rumah, ASP Azman diletakkan di atas katilnya sementara Faridah berbaring di sebuah katil lain. Osman masuk ke bilik dan sedia menyentuh tubuh Faridah apabila beliau menyedari ASP Azman berdiri di sisinya. Osman membuat suatu dalih dan Faridah pula mengadu kepada suaminya yang Osman sudah semakin berani menggodanya. Azman memberi isterinya sepucuk pistol yang berisi peluru lalu memberitahu isterinya supaya menggunakan senjata itu untuk mempertahankan diri jika perlu. Ali dan Hassan menunggu Faridah di sebuah restoran. Faridah datang untuk menyerahkan wang yang diminta oleh ketua mereka.

Pada suatu malam, ASP Azman keluar bertugas. Faridah memadamkan semua lampu di biliknya kecuali sebuah lampu kecil di sisi katilnya. Sebentar kemudian, ASP Azman muncul menerusi tingkap dan menerangkan yang beliau hendak memerangkap Osman. Faridah menyuruhnya menyiasat sama ada Osman berada di biliknya. Azman pergi perlahan-lahan dan menyelakkan selimut di atas katil Osman. Beliau mendapati bahawa Osman sedang tidur nyenyak. Sebelum itu, Faridah telah pergi ke bilik itu tetapi hanya menemui bantal di bawah selimut. Selepas suaminya keluar, Faridah mengambil pistol lalu menembak tiga kali ke arah katil Osman. Faridah menyangka Osman sudah terbunuh, tetapi beliau terperanjat apabila mendapati Osman sedang berdiri di biliknya apabila beliau pulang ke situ. Tanpa menyatakan apa-apa, Faridah menembaknya tiga kali dari jarak dekat. Osman tersungkur di lantai. Faridah pergi ke tingkap lalu memberi isyarat dengan lampu picit ke arah ruang letak kereta.

Hassan dan Ali membungkus badan Osman lalu mengangkatnya keluar. Apabila tiba di pintu pagar, mereka bertembung dengan kereta Azman. Mereka membalingkan badan Osman ke sebalik pagar ke dalam sebuah kolam renang. ASP Azman masuk ke dalam bilik. Mula-

mulanya, beliau memeriksa pistol yang digunakan oleh Faridah. Kemudian beliau memerhatikan Faridah yang berpura-pura tidur.

Pada keesokan harinya, Faridah memberitahu Azman bahawa Osman telah meninggalkan rumah itu. Faridah berasa lega apabila melihat dua orang pekerja yang sedang membersihkan kolam renang di sebelah rumahnya tidak menemui sesuatu.

ASP Azman tidak pulang makan pada tengahari itu. Apabila Faridah sedang mandi, seseorang telah mengintai menerusi lubang kunci bilik mandi. Pintu bilik air itu kemudiannya ditolak hingga buka. Faridah menarik tuala untuk menutup tubuhnya. Tetapi tuala itu ditarik hingga tanggal dan di paha kanannya terdapat tanda semenjak lahir. Faridah melutut di hadapan Osman lalu mengaku dia adalah Hamidah. Beliau meminta ampun.

ASP Azman masuk ke bilik itu dengan senyap-senyap lalu meletakkan suatu pita rakaman di pintu bilik mandi semasa Osman bercakap dengan Faridah. Faridah mengatakan bahawa Faridah sebenarnya telah dibunuh oleh seseorang dan bahawa Osman telah dihukum atas jenayah yang tidak dilakukannya. Dia terpaksa menyamar sebagai Faridah, iaitu adik Hamidah yang terbunuh itu, untuk mendapatkan harta yang ditinggalkan hanya untuk Faridah oleh bapanya. Karim (Jins Shamsudin) ialah orang yang merancangkan kesemuanya. Apabila ASP Azman muncul, Faridah dengan serta-merta mengubah sikap dan membuat pertuduhan bahawa Osman cuba memperkosanya. Walau bagaimanapun, Azman telah merakamkan percakapannya dan beliau memberitahu Faridah bahawa beliau akan memainkan semula apa yang telah dirakamkan. Dia meminta Faridah mendedahkan siapa Karim sebenarnya. Suatu tembakan dilepaskan melalui tingkap, dan peluru itu terkena Faridah yang terus terjatuh. Osman berlari keluar lalu memandu kereta Azman untuk mengejar pembunuh itu. ASP Azman mengarahkan supaya Faridah dibawa ke hospital.

Di hospital, Faridah terlantar tidak sedarkan diri. Azman dan Helen menyoalnya apabila beliau sedar. Dia menceritakan bahawa Karim ialah pembunuh Faridah yang sebenarnya. Helen mengeluarkan buku gambarnya supaya Faridah boleh menunjukkan gambar pembunuh itu. Tetapi, beliau sudah terlewat kerana Faridah sudah meninggal dunia.

Helen mengetahui tempat yang selalu didatangi oleh Ali dan Hassan. Pasukan polis di bawah ASP Azman bertolak ke tempat itu.

Karim memarahi Ali dan Hassan kerana membunuh Faridah. Sekarang, mereka telah kehilangan punca berita mengenai polis. Mereka memberitahu ketua mereka itu bahawa tembakan itu ditujukan kepada Osman tetapi malangnya terkena pada Faridah.

Osman yang berjaya mengekori Ali dan Hassan dan yang sedang bersembunyi di sebalik tabir, terdengar perbualan mereka dengan ketua mereka. Terbukti bahawa ketua mereka itulah yang membunuh Faridah.

Ketua mereka itu melangkah ke sebalik tabir lalu berlakulah pergelutan di antaranya dengan Osman. Karim berlari ke arah sebuah pintu perangkap. Osman menjejaki langkahnya dan berjaya membunuhnya. Pihak polis mengepong bangunan itu dan selepas memberi amaran keras bahawa bangunan itu akan diletupkan, semua penjahat menyerah diri.

Osman berasa sukacita. Walaupun dia telah dipenjarakan selama sepuluh tahun

atas kesalahan jenayah yang tidak dilakukannya, beliau telah menemui pembunuh yang sebenarnya dan telah membunuhnya dengan tangannya sendiri. [Tamat]

Mengulas peranan yang dipegangnya dalam filem ini, **P. Ramlee**, berkata:

"Peranan ini membikin saya terkenang kepada cerita **Sejoli** dalam mana saya gagah berlakon sebagai seorang pegawai askar Melayu. Saya teringat tentang 'gagahnya' saja. Bukan tentang ceritanya. **Sejoli** hanya mengisahkan cinta. Tapi **Di Belakang Tabir** membawa kisah jenayah."

"Saya bernasib baik dan sungguh beruntung" kata Jins Shamsudin, "sebab dengan turut samanya **P. Ramlee** berlakon dalam peranan penting **Di Belakang Tabir**, saya dapat mendalami lagi ilmu-ilmu mengenai mensutradarakan filem."

## BINTANG

**P. Ramlee** bersama dengan beberapa orang sahabatnya telah menerbitkan sebuah majalah dalam tulisan Jawi yang bernama *Bintang*. Pemimpin majalah ini adalah **P. Ramlee** sendiri. Keluaran pertama majalah ini ialah pada 10 Mac 1953. Di dalam ruangan "Surat dari Penerbit", **P. Ramlee** menulis, antara lain, seperti berikut:

"... Saya dengan kawan-kawan yang sehaluan telah bersemuafakat untuk menerbitkan majalah *Bintang* ini. Majalah *Bintang* diterbitkan tidak hanya untuk memperkembangkan tali muhibah antara saudara dengan bintang-bintang filem yang menunjukkan gerak gayanya di layar putih semata-mata tetapi juga dengan para bintang yang mengisi angkasa raya dengan suaranya yang merdu dan para bintang yang mengeluarkan peluh dengan tenaganya di *Gelanggang Sport*."

Majalah yang diterbitkan pada mulanya di 12, Robinson Road, Singapura 1 ini yang berharga 40 sen senaskah mengandungi banyak ruangan yang menarik, di antaranya ialah ruangan "Lagu-Lagu Pilihan Pembaca", di mana dua atau tiga buah lagu, lengkap dengan lirik dan note-note muziknya sekali disediakan; "Filem Pilihan Bulan Ini" yang menyediakan isi cerita filem yang terpilih, dan memuatkan beberapa gambar (scene) dalam filem yang berkenaan; "Sehari dengan Bintang" yang mengisahkan riwayat hidup bintang filem, dan disertakan dengan gambar-gambarnya; "Tahukah Pembaca", di mana peristiwa-peristiwa di sekitar dunia perfileman dan bintang-bintang filem, hiburan dan sport serta berita-berita mengenai filem-filem luar negeri seperti Indonesia, India, Hollywood dipaparkan; "Siapa dalam Sport"; "Sayembara Bintang", iaitu peraduan meneka; "Keluarga Studio"; dan "Pembaca-pembaca Menulis".

Mulai bulan April 1954, alamat pengurus majalah ini dipindahkan ke 453, Geylang Road, Singapura 14.

Pada bulan Ogos 1953, majalah ini mempunyai sidang pengurus yang terdiri daripada Abdullah Hussain, Ibrahim Legori, Jamil Sulong, Jaafar Abdullah, **P. Ramlee**, Rahman B, Rokiah Jaafar dan Ramli Majid. Pada bulan November 1953, beberapa pertukaran telah berlaku: Abdullah Hussain menjadi Pengurus Umum dan Iklan, dan Asraf menjadi Ketua Pengarang, dengan ahli-ahli sidang pengarang terdiri daripada Ibrahim Legori, Abdullah Hussain dan Rahman B. Para pembantu ialah Jaafar Abdullah, Jamil Sulong, **P. Ramlee**, Rokiah Jaafar dan Fatimah Murad. Pada tahun 1954, Fatimah Murad menjadi ketua pengarang dan Asraf menjadi pengurus.

Mengenai kejayaan majalah ini:

"Kerana namanya sahaja (**P. Ramlee**) maka dalam waktu yang singkat, iaitu sesudah tiga keluaran pertama majalah ini




*Majallah Bintang - Terbitan sulong, dengan dihiasi oleh gambar seniwati Mariam, sebagai gambar utama, dan gambar-gambar P. Ramlee dan Siput Sarawak*

telah mencapai 15 ribu naskah pada tiap-tiap kali terbit, dan namun demikian seringkali tidak mencukupi. Tetapi malangnya majalah ini tidak bisa hidup lama kerana hal-hal yang tidak dapat dielak yang sering berlaku dalam tiap-tiap perkongsian". [Abdullah Hussain: muka surat 201-202]

## BIOGRAFI

Buku-buku mengenai **P. Ramlee** yang menyentuh riwayat hidup dan hasil-hasil karyanya yang telah diterbitkan untuk bacaan umum adalah seperti berikut: (1) ***P. Ramlee** - Kisah Hidup Seniman Agung*, Abdullah Hussain [Penerbitan Pena Sdn Bhd 1984 (edisi baru dikemaskini), 261 halaman]. (2) ***P. Ramlee** - dari kaca mata Aimi Jarr*, Aimi Jarr [Pustaka Romjarr, 1984, 254 halaman]. (3) ***P. Ramlee** AMN - Pujaan Nusantara*, Kalam Hamidy [Percetakan Bendahara, 1973, 100 halaman]. (4) ***P. Ramlee** - Seniman Agung* disusun oleh ABI [Utusan Publications & Distributions Sdn Bhd, 1986, 150 halaman]. (5) *Manusia **P. Ramlee**,* Wan Hamzah Awang [Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, 1993, 105 halaman]. (6) *Kenangan Abadi - **P. Ramlee**,* Ramli Ismail [Adhicipta, 1998, 230 halaman] (7) *Irama Lagu **P. Ramlee**, Tan Sri - Lagu-lagu Filem 1948 - 1960* diselenggarakan oleh Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid & Johari Salleh [Kelab Harvard di Malaysia, 1993, 526 halaman]. (8) *Gelora - **P. Ramlee**, Tan Sri - Lagu-lagu Filem 1961 - 1972* diselenggarakan oleh Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid & Johari Salleh [Kelab Harvard di Malaysia, 1995, 232 halaman]. (9) *Air Mata Di Kuala Lumpur - Lagu-lagu **P. Ramlee*** diselenggarakan oleh Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid & Johari Salleh [Kelab Harvard di Malaysia, 1996, 215 halaman] (10) *Senandong Seniman Agong* disunting oleh Zakiah Hanum [Berita Publishing, 1984, 122 halaman]. (11) **P. Ramlee**: *Legenda Yang Terus Hidup*, Aimi Jarr [Variapop Group, 1999, 114 halaman].

Buku-buku yang diterbitkan oleh Kelab Harvard di Malaysia adalah merupakan 'limited editions', dan mengandungi lirik-lirik (seni kata) dan nota-nota musikal kesemua lagu-lagu yang terkandung di dalam buku-buku itu.

## BUJANG LAPOK

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited, Singapore. Dibuat oleh Malay Film Productions Limited, Singapore. Tarikh dikeluarkan: 30 November 1957.

**P. Ramlee**; S. Samsuddin; Aziz Sattar; Zaiton; Normadiah; Siti Tanjung Perak; Sa'amah; M. Babjan; Sheriff Dol; Malek Sutan Muda; Prani Prawat; Nen Junainah; Rokiah; Kemat Hassan; M. Rafee; Bibah; Nyong Ismail; introducing: Dayang Sofia; Rohayu Maaji

Photography: A. Bakar Ali; Audiography: Kamal Mustafa; Editor: H. R. Narayana; Art Director: Mustafa Yassin; Laboratory: Lim Yew Hai; processing: Wong Hong Peng; Stills: A. Rahim; Still Photo Dept.: Lee Leong Hing

Assistants: Director: S. Sudarmadji; Camera: Yaakob Mahmud; Sound: Chua Soh Tong; Editors: P. V. John; K. K. Raman; Music: Kassim Masdor; Continuity: Kassim Masdor.

Music and arrangements: **P. Ramlee**; Lyrics: S. Sudarmadji; Orkestra: B. Yusuff; Playback singers: Asiah; Nen Junainah; Normadiah; Jasni; **P. Ramlee**

Story: B. H. Chua; Screen play and dialogue: **P. Ramlee**.

Directed by: **P. Ramlee**.

Cerita: Filem ini berkisar di sekeliling tiga orang bujang Sudin, Aziz dan Ramlee

yang tinggal menyewa bilik di dalam sebuah rumah kepunyaan seorang janda kaya bernama Norma.

Sudin bekerja sebagai seorang kerani di dalam sebuah pejabat yang diketuai oleh Tuan Malik yang gemar berjudi lumba kuda. Ramlee bekerja sebagai seorang 'salesman' menjual barang-barang baru, dan merayau ke merata-rata pejabat kecil dan besar. Aziz ialah seorang dreber lori. Mereka bertiga berkawan amat rapat sekali dan tinggal bersama-sama di dalam sebuah bilik bujang.

Janda kaya tuan rumah itu (Norma) sebenarnya menaruh hati terhadap Ramlee, tanpa disedari oleh Ramlee. Ramlee tahu bahawa keadaan hidupnya tidak melayakkan dirinya untuk duduk di samping Norma yang ternyata banyak mempunyai harta kekayaan.

Sudin pula rupa-rupanya menaruh hati terhadap seorang gadis anak janda kaya, yang berjiran dengan Norma. Gadis ini ialah Zaiton, anak kepada Kak Siti. Untung bagi Sudin bahawa kasihnya bersambut dan kedua merpati ini kerap kali dapat membuat perjumpaan sulit di bawah tempat orang menjemur sampan. Biasanya



*Dayang Sofia*

pertemuan mereka dilakukan dengan perantaraan adik Zaitun yang nakal, iaitu Si Ayu. Untuk menyampaikan berita pertemuan daripada kakaknya kepada Sudin, Ayu pada tiap-tiap kalinya mendapat wang saguhati sebanyak 20 sen daripada Sudin.

Di antara tiga orang 'Bujang Lapok' ini, hanya Aziz sahaja yang masih belum mempunyai kekasih.

Norma selalu memberikan pertolongan kepada keluarga Babjan, khususnya anak angkat gadisnya yang bernama Sofia. Kesempitan hidup Babjan sebenarya bukanlah kerana beliau tidak mampu menanggung hidup tetapi akibat kegemarannya berjudi, meminum arak dan menghisap ganja.

Jiwa Babjan pada akhirnya telah diselimuti kekotoran. Pada suatu hari, apabila ia kalah judi, ia telah mempertaruhkan anak angkatnya sendiri sebagai hartanya yang terakhir. Pertaruhan itu dengan senang hati disetujui oleh lawannya. Pada kesudahannya, Babjan kalah dalam pertaruhan itu.

Untuk menuntut hak kemenangannya, Sharif yang memenangi pertaruhan besar itu telah datang ke rumah Babjan untuk mendapatkan Sofia. Lalu Sofia diperkosanya. Sofia bukanlah manusia yang kotor seperti ayah angkatnya itu. Beliau telah berjaya menyelamatkan dirinya dan lari meninggalkan rumahnya. Sofia bermaksud hendak membunuh diri dengan terjun ke dalam sungai.

Aziz secara kebetulan melihat hal ini, dan telah menolong Sofia daripada mati lemas. Beliau membawa Sofia balik ke rumah sewanya. Sejak itu, tinggallah Sofia di rumah Norma.

Babjan telah mengetahui bahawa Sofia 'dibawa lari' oleh Aziz ke rumah Norma. Beliau datang ke rumah Norma dan den-



*Aziz Sattar, P. Ramlee dan S. Shamsudin dalam filem* Bujang Lapok



*P. Ramlee dan Normadiah dalam filem* Bujang Lapok

dengan Murad, dengan syarat selepas beliau melahirkan anak, dia dilepaskan, iaitu, satu pengorbanan olehnya, untuk kebahagiaan Ani, kawan rapatnya.

Murad memberitahu Ani bahawa beliau terpaksa beristeri kedua oleh kerana Ani mandul. Ani cuba mendapatkan ketenangan daripada Agus, bekas suaminya, tetapi Agus tidak mahu bertanggung jawab ke atas isteri orang, oleh kerana, menurutnya, Ani yang asli telah 'mati'. Ani merasa kecewa, dan mahu menamatkan hayatnya sendiri; tetapi beliau cepat menyedari keburukan perkara itu.

Sekali lagi Ani berpaling kepada Agus dan merayu supaya beliau tinggal di rumah itu yang disifatkan 'syurga' baginya. Walau bagaimanapun, Agus memberitahunya bahawa dia perlu menyelesaikan perhubungan dengan Murad, suaminya, dahulu. [Tamat]

lah berjaya melarikan diri ke sebuah kampung nelayan.

Di kampung itu, dia telah memelihara tuan puteri itu sebagai anak perempuannya sendiri.

Beberapa tahun selepas itu, raja yang memberontak di negeri yang berkenaan pun mangkat. Puteranya telah menggantikan tempatnya.

Ketika raja yang baru itu melawat kampung nelayan itu, dia bersua dengan tuan puteri yang sudah dewasa. Keduaduanya telah jatuh cinta antara satu sama lain. Mereka begitu gembira apabila mereka mengetahui asal usul masing-masing. Perselisihan yang berlaku dahulu telah selesai dan mereka berbaik-baik semula. [Tamat]

Pembuatan filem ini mengambil masa lima bulan. Filem ini dikatakan sebagai gambar Melayu yang pertama mengadakan adegan berenang.

Roomai Noor adalah wira di dalam filem ini. **P. Ramlee** merupakan 'continuity clerk' dan memegang papan clapstick. Beliau menjadi orang suruhan kepada Roomai Noor, dan bekerja mengangkat sepatu Roomai Noor dan bedak Siput Sarawak semasa penggambaran filem ini. Filem ini merupakan filem yang pertama bagi **P. Ramlee** berlakon di mana beliau mengambil peranan kecil.

# C

## CHINTA

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited, Singapore. Dibuat oleh Malay Film Productions Limited, Singapore. Tarikh dikeluarkan: 31 Oktober 1948.

Siput Serawak; S. Roomai Noor; Jaafar Wiryo; D. Harris; **P. Ramlee**; Suhara Effendi; Norsiah dan Lelawati.

Gambar: Chow Cheng Kok; Kwo Chang Tsen. Suara diambil oleh: Yap Yan Seng & Cheng Chow Tong.

Pengarang Lagu: Zubir; pancharagam: Alfonso Soliano.

Diarah oleh: B. S. Rajhans

Cerita: Filem ini mengisahkan cerita suatu pemberontakan di sebuah negeri. Hampir seluruh penduduk di sebuah bandar telah terbunuh. Walau bagaimanapun, seorang hamba yang setia dan seorang tuan puteri kecil yang diselamatkannya te-



*P. Ramlee (kanan) dalam filem* **Chinta**, *1948*

# D

## DAJAL SUCHI

Sebuah filem keluaran Merdeka Film Productions, Kuala Lumpur pada tahun 1965 arahan D Ghosh. **P. Ramlee** telah menggubah lagu-lagu dalam filem ini, dan bersama dengan Saloma, diundang khas untuk menyanyi dalam adegan 'Kelab Malam'. Pengarah muzik bagi filem ini ialah **P. Ramlee**. Tarian-tarian dalam filem ini telah dipersembahkan oleh Badan Seni Tari Kuala Lumpur.






*P. Ramlee dalam filem* **Dajal Suchi**

## DO RE MI

Dibuat oleh Merdeka Filem Setudio, Kuala Lumpur. Tarikh dikeluarkan: 3 Julai 1966.

Ibrahim Din, A. R. Tompel, **P. Ramlee**. Seniwati utama: Wan Chik Daud, Noran Nordin, Rohaya Rahman.

Bintang pembantu: Mahmud June; Minah Hashim; Sharif Baboo; Usman Eot; Bakar M; serta Idris Hashim; Jailani; Ahmad Dadida. Seniwati terhormat: Saloma

Teknik Fotografi: Low Yew Wah; Teknik Rakaman: Tan Chuan Hock; Pelukis utama: Darwis Mansoor.

Pembantu: Teraju muda: Hashim Hamzah; Fotografi muda: Ng Hoong Ngiam; Rekaman muda: Anwar Yusuf; Pelukis muda: Esa Ahmad; Editing muda: Johari Ibrahim.

Pencitak: Ho Bee Yoon; Make-up: Rokiah Usman; Story: A. R. Tompel; Dialogue: **P. Ramlee**; Lagu-lagu dan orchestration: **P. Ramlee**. Lagu' *Bintang*

*Malam* dan *Bosanova* ciptaan Ahmad Nawab.

Acted, edited, directed: **P. Ramlee** A.M.N.

Cerita: Seorang yang bernama DO (**P. Ramlee**) asyik bermain dam di kedai kopi. Isterinya (Rohayah Rahman) telah bosan dengan gaya hidup suaminya itu yang tidak memperdulikan hal rumahtangga. Lagipun penagih-penagih hutang berkeliaran di sekeliling pinggang.

Dalam usahanya untuk menyelesaikan hutang piutang dengan cetti, tuan rumah dan taukeh Cina, DO merancangkan satu helah, yang melibatkan ibu mertuanya (Minah Hashim) yang telah menjadi janda, dan ayah mertuanya (Mahmud June) yang beristeri muda (Noraini Yusoff). DO telah berjaya dengan tipu helahnya, dan kedua-dua mertuanya terpaksa mengeluarkan wang untuk menyelesaikan hutang piutangnya.

Malangnya, oleh kerana 'wang yang didapati dengan jalan tipu daya itu tidak berkat', rumahtangga DO yang sudah retak menanti belah itu, akhirnya berkecai.

DO kemudiannya mengembara menuju ke kota untuk mencuba nasibnya di sana.

Seorang yang bernama RE (A. R. Tompel) pula mempunyai isteri (Noran Nordin). RE tidak ada kerja dan membuat kerja-kerja rumah sahaja, sementara isterinya bekerja sebagai penyanyi di kelab malam.

RE ialah suami yang taat dan setia, menurut apa saja suruhan dan perintah isterinya yang jelita. Walau bagaimanpun, ada saja perbuatan RE yang tak kena pada pandangan isterinya. Biarpun RE tidak bersalah, tetapi kerana isterinya sentiasa mencari helah, akhirnya RE dimaki dan dihamun dan dihalau keluar dari rumah. Lantas RE membawa diri mencari kerja untuk menyara hidupnya.



*Ibrahim Din (kiri), P. Ramlee (tengah) dan A. R. Tompel (kanan) dalam filem DO RE MI*

Seorang yang bernama MI (Ibrahim Din) masih bujang teruna. Dia gilakan seorang anak dara (Wan Chik Daud). Nasib MI memang bertuah. Bila saja mereka bertemu, anak dara itu sedia menghulurkan wang kepadanya.

Pada suatu hari, sedang DO dan RE berbaris di pejabat buruh menanti giliran mereka untuk meminta kerja, kedengaran suara wanita menjerit meminta tolong, kerana tas tangannya dirampas orang.

DO dan RE segera keluar untuk membantu MI yang sedang mengejar. Pencuri itu dapat ditangkap dan diserahkan kepada polis. Sejak itulah mereka bertiga berkenalan. Mereka bertambah rapat lagi oleh kerana mereka sehaluan dan sama-sama bujang.

DO, RE dan MI ingin mencari penghidupan baru. Mereka tidak mahu bekerja sebagai kuli. Kononnya mahu berniaga supaya lekas jadi kaya. Dengan modal yang diberikan oleh mata air MI, mereka bertiga menjadi penjual ubat buatan sendiri, dan pergi dari satu tempat ke satu tempat. Sejak mereka bertiga mula berniaga menjual ubat yang aneka ragam gunanya, hidup mereka sungguh bergaya. Tetapi, perniagaan mereka tidak boleh bertahan lama dan penjualan ubat-ubat itu kini merosot apabila pembeli-pembeli ubat mereka mendapati bahawa ubat yang dijual mereka bertiga bukannya menyembuhkan, tetapi mendatangkan penyakit. Pesakit-pesakit pun datang menghambat mereka. DO-RE-MI lari lintang-pukang untuk menyelamatkan diri. [Tamat]

## PEMENTASAN DRAMA

Pada tahun 1959, **P. Ramlee** telah menyusun sebuah cerita sejarah lama yang berlaku di Johor. Purbawara itu diberi nama **Sultan Mahmud Mangkat Di Julang**. **P. Ramlee** dan kawan-kawannya telah melakonkan purbawara ini di atas pentas di Singapura.

Satu lagi pementasan drama bernama **Kachip Emas**.

**P. Ramlee** pernah mengarahkan drama yang bertajuk **Damaq** di Panggung Victoria, Singapura pada tahun 1962. Pementasan drama itu dianggap paling luar biasa dan telah meletakkan **P. Ramlee** pada tempat yang tinggi dalam bidang seni pentas.

Pada tahun 1972, semasa menetap di Kuala Lumpur, **P. Ramlee** telah mementaskan sebuah drama bernama **Sampek An Tai**, yang dilakonkan oleh **P. Ramlee**, Jins Shamsuddin dan Sarimah.

# E

## ENAM JAHANAM

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Organization. Dibuat oleh Merdeka Film Productions. Tahun dikeluarkan: 1969.

**P. Ramlee**; Nor Azizah; *dan* Yusoff Latiff *dengan* Osman Md. Amin; J. B. Yusoff; Ahmad Dadida; Kamal Idris; Sharif Baboo; Ibrahim Sabtu *serta* Idris Hashim; Minah Hashim; Yusuff Bujang; Karim Latiff.

Cherita, Lakon Layar: **P. Ramlee** AMN; Lagu, Gurindam dan Arrangements: **P. Ramlee** AMN; Penyanyi Latar: **P. Ramlee** AMN; Habibah Yaacob; Teknik Fotografi: Siew Chan Wa; Art Director: Abd. Hamid Aziz; Teknik Sound rakaman awal: Anuar Yusoff; Rakaman Akhir: Tan Chuan Hock; Film Editor: Johari Ibrahim.

Penolong-penolong: Pengarah sambungan: Bakar Jaafar; Camera: Ng Hoong Ngaim; Suara: Johan Ibrahim.

Penolong: Makmal: Lim Kim Yoke; Pelukis: Esa Ahmad; Make-up: Rokiah Osman.

Directed by: **P. Ramlee** AMN.

Cerita: Di sebuah kampung bernama Pekan Saroja terdapat enam orang lelaki garang yang membentuk suatu kumpulan yang diberi nama Enam Jahanam. Mereka ialah Karambit (Ahmad Dadida), Mumbala (Shariff Baboo), Paragas (Osman Md. Amin), Jagindas (Ibrahim Sabtu), Katipang (Kamal Idris) dan Sujamang (Yusof Ali). Mereka semuanya berasal dari Pekan Saroja. Mereka merompak, menyamun, memperkosa dan melakukan segala rupa kejahatan dan kekejaman, untuk mengumpul harta dan kekayaan. Perpaduan mereka tidak diancam oleh perasaan-perasaan curiga dan tamak antara satu sama lain. Setelah puas merompak dan mengumpul harta yang mereka perlukan, mereka membahagikan harta-harta itu sama rata, dan masing-masing berpisah menuju ke desa-desa yang berasingan, meneruskan penghidupan masing-masing sebagai orang-orang yang terkaya dan disegani. Ketika mereka mengganas di semua kampung itu, menyamun, membunuh dan merogol isteri orang, mereka berbuat sesuka hati dan tiada siapa pun yang berani menegur atau menentang mereka.

Malangnya bagi mereka, adanya satu kesilapan yang mereka lakukan. Dalam rancangan rompak dan samun mereka yang terakhir, mereka telah melakukan kejahatan dan pembunuhan ke atas Mas-





*P. Ramlee dan Nor Azizah dalam filem* **Enam Jahanam**.

mera (Nor Azizah) isteri saudagar yang bernama Tantari (**P. Ramlee**).

Pada suatu hari kumpulan ini telah masuk menyamun sebuah kampung bernama Pekan Menara. Di situ terdapat sebuah kedai kepunyaan Tantari yang menjual kain dan barang-barang lain. Pada hari kejadian itu, Tantari tiada di kedai kerana dia telah pergi menghantar kain kepada pelanggannya. Kebetulan pula waktu itu isteri Tantari, Masmera, sedang bersedia untuk diambil gambarnya oleh seorang tukang gambar yang datang ke kedainya. Di saat tukang gambar memetik kameranya, keenam-enam penyamun itu memasuki kedai dan rupa dan wajah mereka turut dirakam oleh kamera tersebut.

Enam Jahanam pun naik marah lalu menikam tukang gambar. Masmera dirogol dan dibunuh. Mereka tidak menyedari bahawa diri dan wajah mereka tergambar dalam kamera yang telah dipetik itu.

Tantari pulang dan terperanjat mendapati kampungnya telah digeledah dan tiada seorang pun yang kelihatan. Beliau memasuki kedainya lalu menemui jurugambar yang berlumuran darah di atas lantai. Sebelum meninggal dunia, jurugambar itu menunjuk ke arah kamera serta tempat Masmera terbaring. Tantari mendapati isterinya sudah meninggal dunia. Dia mengeluarkan filem dari kamera lalu dibawanya ke kedai gambar di seberang kedainya untuk dicuci oleh menantu jurugambar yang turut cedera di kepalanya akibat serangan Enam Jahanam. Gambar yang dicuci menunjukkan rupa dan wajah enam pengganas itu.

Dengan sebab itu, tahulah Tantari siapa yang telah merompak kedainya, dan memperkosa serta membunuh isterinya, iaitu setelah dia mencuci dan mencetak negatif yang menggambarkan wajah dan muka keenam-enam orang penyamun itu.

Tantari di zaman mudanya telah menuntut ilmu pendekar. Semasa dia menuntut itulah dia telah berkenalan dengan puteri kepada gurunya. Tantari berazam hendak membuat perhitungan dengan tiap-tiap seorang penyamun itu. Dengan berpandukan gambar yang ada padanya, Tantari meninggalkan kampungnya berazam mencari keenam-enam Jahanam itu.

Selepas upacara pengkebumian isterinya, Tantari memulakan perjalanannya dengan menunggang kuda dari kampung ke kampung untuk mencari enam pengganas itu.

Dalam pada itu, Enam Jahanam telah pulang ke gua rahsia mereka. Harta rampasan yang mereka perolehi dari kampung itu sudah cukup bagi mereka berhenti menyamun. Selepas harta rampasan itu dibahagi-bahagikan, mereka pun berpisah, masing-masing membawa diri sama ada berniaga atau hidup besenang-senang.

Tantari tiba di sebuah kampung yang bernama Alor Nanas, dan singgah di sebuah kedai makan. Empat orang penjahat yang duduk di meja mengejek-ejek Tantari. Suatu pergaduhan pun berlaku. Tantari membunuh kesemua penjahat itu. Tuan punya kedai itu, Mumbala (Shariff Baboo) keluar dengan diiringi oleh dua orangnya lalu memuji-muji kehandalan Tantari. Tantari mengenali Mumbala sebagai salah seorang daripada enam orang yang terdapat dalam gambarnya. Tantari terus membunuhnya.

Kemudian Tantari meneruskan perjalanannya. Tantari tiba di sebuah kampung yang lain bernama Tanjong Kapar.

Beliau memasuki sebuah kedai makan yang mempunyai beberapa pelayan wanita. Ketika dia duduk di meja menantikan makanan yang dipesannya, seorang pemuda datang ke kedai makan itu. Pemuda itu mengeluarkan sekeping kertas, sambil memandang keliling dan ke arah Tantari, dia menyemak kertasnya itu. Damburi (Yusoff Latiff) mendapati Tantari tidak menyerupai gambar yang terkandung dalam kertas itu. Tantari juga mengeluarkan gambar yang dibawanya itu, dan didapatinya pemuda tersebut tidak termasuk di dalam gambar yang ada pada miliknya. Kedua-dua mereka pandang-memandang, dan berlakulah berbagai kecekapan dan kepintaran dalam ilmu pendekar antara mereka berdua. Mereka sama handal dan sama pantas, dan akhirnya mereka bersahabat. Pemuda itu tidak lain dari Damburi, iaitu seorang pendekar yang mengambil upah untuk membunuh penjahat-penjahat dan penyamun-penyamun yang ada dicatitkan nama mereka dalam kertasnya itu. Damburi mempunyai selaras pistol, yang diterimanya dari Sultan. Senjata itu ialah satu-satunya yang ada dalam negeri itu. Damburi bersetuju dengan permintaan Tantari, supaya menyerahkan sahaja nasib lima orang Jahanam yang tinggal itu untuk diperhitungkan olehnya sendiri.

Tantari menceritakan kepada Damburi bahawa beliau adalah seorang pendekar dan isterinya telah dibunuh oleh Enam Jahanam. Damburi pula menceritakan bahawa beliau telah menerima anugerah sepucuk pistol daripada Sultan oleh kerana berjaya menawan perompak dan lanun. Damburi bersetuju membantu Tantari dan kedua-duanya pun menjelajah dari kampung ke kampung mencari Enam Jahanam.

Tantari hendak menghapuskan kelima-lima Jahanam yang telah membunuh isterinya dan Damburi hendak menghapuskan penjahat-penjahat yang ada di dalam senarainya. Bagi tiap tiap seorang penjahat yang dibunuh, Damburi mendapat upah dari Sultan; dan setiap kali Tantari membunuh musuh-musuh yang dicarinya itu, makin lapang dan reda pernafasannya.

Dari kampung ke kampung, dari desa ke desa mereka menjelajah tidak kenal penat dan lelah; dan tidak kesemua Jahanam-jahanam itu dapat dibunuh mati dengan mudah. Ada di antaranya bijak membuat tipu dan helah.

Antara mereka berdua itu, Tantari mengharapkan bantuan Damburi, dan Damburi juga memerlukan pertolongan Tantari untuk menghapuskan penjahat-penjahat yang mereka cari itu.

Selepas tiap-tiap seorang daripada keenam-enam Jahanam itu dihapuskan oleh Tantari seorang demi seorang, mereka berdua menuju ke kampung Telok Saga, iaitu kampung Damburi.

Damburi yang mempunyai seorang adik perempuan bernama Mastika (Azizah), mencadangkan supaya Tantari memperisterikan adiknya itu. Tantari menolak permintaan Damburi itu kerana katanya, keinginannya untuk beristeri sudah luput dari perasaannya sejak kematian Masmera, isteri yang sangat-sangat dikasihinya itu.

Damburi memujuk juga Tantari sebab dia (Damburi) sebagai seorang pendekar telah menangkap dan membunuh banyak penjahat dan penyamun dan sentiasa hidup di dalam ancaman. Damburi menjelaskan bahawa dia perlukan seorang pemuda yang sehandal Tantari untuk menjaga keselamatan ibu dan adiknya itu. Mengembara dan menghapuskan penjahat-penjahat telah menjadi hidupnya.

Apabila dia diperkenalkan dengan Mastika, Tantari terkejut besar, oleh kerana Mastika serupa bentuk dengan arwah isterinya, Masmera. Tantari tambah terperanjat bila Damburi memperkenalkan ayahnya. Rupa-rupanya ayah Damburi tidak lain dari Sanggahuana (Idris Hashim), guru Tantari sendiri.

Barulah Tantari sedar bahawa Damburi telah dikirim untuk membantu dalam usahanya membuat perhitungan dengan keenam-enam Jahanam yang telah membunuh Masmera, adik Damburi juga. Mastika ialah saudara kembar kepada Masmera.

Tantari telah berkahwin dengan Mastika. Damburi sungguh gembira mengenai perkahwinan ini, oleh kerana sekarang ia dapat meneruskan perjuangan hidupnya sebagai pengawas keamanan, tanpa menaruh kebimbangan mengenai keselamatan ayah, ibu dan adiknya. [Tamat]

# F

## P. RAMLEE FAN

Penerbitan **P. Ramlee**, iaitu *Gelanggang Filem*, telah menganjurkan ruangan 'P. Ramlee Fan'. Ruangan tersebut bertujuan untuk memberi kesempatan kepada pembaca-pembaca majalah untuk berkenalan dengan satu sama lain melalui surat-menyurat. Yuran untuk menjadi ahli ialah satu ringgit, dan ahli-ahli diberi kad anggota dan lencana.




## FILEM-FILEM

P. **Ramlee** telah berlakon di dalam 62 buah filem kesemuanya. Di antara jumlah itu, beliau telah berlakon di dalam 29 buah filem di bawah beberapa orang pengarah, dan menjadi pelakon-pengarah 33 buah filem. **Pancha Delima** merupakan sebuah filem arahannya yang beliau *tidak* berlakon. Filem-filem lakonan dan arahan **P. Ramlee** dikeluarkan oleh Malay Film Productions, Singapura dan Merdeka Film Studios, Kuala Lumpur. Senarai penuh filem-filem yang dimaksudkan itu adalah seperti berikut:

| | Nama Filem | Pengarah | Pelakon-Pelakon | Tarikh dikeluarkan |
|---|---|---|---|---|
| 1 | CHINTA | B. S. Rajhans | Roomai Noor<br>Siput Sarawak<br>P. Ramlee | 31.10.1948 |
| 2 | NOOR ASMARA | B. S. Rajhans | Roomai Noor<br>Kasma Booty<br>P. Ramlee | 13.4.1949 |
| 3 | NASIB | B. S. Rajhans | Roomai Noor<br>Siput Sarawak<br>P. Ramlee | 25.7.1949 |
| 4 | NILAM | B. S. Rajhans | Roomai Noor<br>Siput Sarawak<br>P. Ramlee | 28.9.1949 |
| 5 | RACHUN DUNIA | B. S. Rajhans | Osman Gumanti<br>Kasma Booty<br>P. Ramlee<br>Siput Sarawak | 16.2.1950 |
| 6 | BAKTI | L. Krishnan | Roomai Noor<br>Kasma Booty<br>Siput Sarawak<br>P. Ramlee | 4.4.1950 |
| 7 | TAKDIR ILLAHI | L. Krishnan | P. Ramlee<br>Neng Yatimah<br>Siti Tanjong Perak | 19.9.1950 |
| 8 | ALOHA | B. S. Rajhans | Mariam<br>Osman Gumanti<br>P. Ramlee<br>Jaafar Wiryo | 1950 |
| 9 | PENGHIDUPAN | L. Krishnan | P. Ramlee<br>Rokiah<br>Maria Menado | 23.5.1951 |
| 10 | SEJOLI | B. S. Rajhans | P. Ramlee<br>Kasma Booty<br>Rokiah | 19.6.1951 |
| 11 | JUWITA | S. Ramanathan | P. Ramlee<br>Kasma Booty | 21.8.1951 |
| 12 | ANTARA SENYUM DAN TANGIS | L. Krishnan | P. Ramlee<br>Rokiah<br>Musalmah | 27.2.1952 |
| 13 | ANJORAN NASIB | B. S. Rajhans | P. Ramlee<br>Mariam<br>Haron Omar | 10.4.1952 |
| 14 | PATAH HATI | K. M. Basker | P. Ramlee<br>Neng Yatimah<br>Musalmah<br>Mohd Hamid | 2.8.1952 |
| 15 | SEDARAH | S. Ramanathan | P. Ramlee<br>Rosnani<br>A. Rahim<br>Saadiah | 30.8.1952 |
| 16 | MISKIN | K. M. Basker | P. Ramlee<br>Rosnani<br>Musalmah<br>Jamil Sulong | 1.12.1952 |
| 17 | PUTUS HARAPAN | B. N. Rao | P. Ramlee<br>Rokiah<br>Musalmah | 2.3.1953 |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 18 | IBU | S. Ramanathan | P. Ramlee<br>Rosnani<br>Neng Yatimah<br>Aini Hayati | 13.6.1953 |
| 19 | HUJAN PANAS | B. N. Rao | P. Ramlee<br>Siput Sarawak<br>Aini Hayati<br>Haji Mahadi | 15.8.1953 |
| 20 | SIAPA SALAH | B. N. Rao | P. Ramlee<br>Neng Yatimah<br>Siput Sarawak | 7.11.1953 |
| 21 | PANGGILAN PULAU | S. Ramanathan | P. Ramlee<br>Latifah Omar<br>Normadiah | 4.7.1954 |
| 22 | PERJODOHAN | B. N. Rao | P. Ramlee<br>Normadiah<br>Nordin Ahmad | 24.7.1954 |
| 23 | MERANA | B. N. Rao | P. Ramlee<br>Latifah Omar<br>Siti Tanjung Perak | 27.11.1954 |
| 24 | ABU HASSAN PENCHURI | B. N. Rao | P. Ramlee<br>Mariam<br>Mohd Hamid | 2.5.1955 |
| 25 | PENAREK BECHA | P. Ramlee | P. Ramlee<br>Saadiah<br>Salleh Kamil | 25.10.1955 |
| 26 | HANG TUAH | Phani Majumdar | P. Ramlee<br>Zaiton<br>Saadiah<br>Ahmad Mahmud | 28.1.1956 |
| 27 | SEMERAH PADI | P. Ramlee | P. Ramlee<br>Saadiah<br>Salleh Kamil<br>Nordin Ahmad | 14.7.1956 |
| 28 | ANAK-KU SAZALI | Phani Majumdar | P. Ramlee<br>Zaiton<br>Nordin Ahmad<br>Rosnani<br>Tony Castello | 27.10.1956 |
| 29 | PANCHA DELIMA | P. Ramlee | Jins Shamsuddin<br>Hashimah Yon<br>Udo Omar<br>Aini Hayati | 7.7.1957 |
| 30 | BUJANG LAPOK | P. Ramlee | P. Ramlee<br>Aziz Satar<br>S. Shamsuddin<br>Normadiah<br>Zaiton<br>Dayang Sofia | 30.11.1957 |
| 31 | SUMPAH ORANG MINYAK | P. Ramlee | P. Ramlee<br>Salleh Kamil<br>Sri Dewi<br>Daeng Idris | 20.4.1958 |
| 32 | SERGEANT HASSAN | Burt A. Avellena | P. Ramlee<br>Saadiah<br>Salleh Kamil<br>Jins Shamsuddin | 26.8.1958 |
| 33 | PENDEKAR BUJANG LAPOK | P. Ramlee | P. Ramlee<br>Aziz Sattar<br>S. Shamsuddin<br>Roseyatimah<br>Mustarjo | 23.1.1959 |
| 34 | MUSANG BERJANGGUT | P. Ramlee | P. Ramlee<br>Saadiah<br>Udo Omar<br>Momo | 1.8.1959 |
| 35 | NUJUM PA BELALANG | P. Ramlee | P. Ramlee<br>Hashimah Yon<br>Ahmad Nesfu<br>Bat A. Latiff<br>Aziz Sattar<br>S. Shamsuddin | 26.12.1959 |
| 36 | ANTARA DUA DARJAT | P. Ramlee | P. Ramlee<br>Saadiah<br>Ahmad Nesfu<br>Kuswadinata<br>S. Shamsuddin | 28.5.1960 |
| 37 | ALI BABA BUJANG LAPOK | P. Ramlee | P. Ramlee<br>S. Shamsuddin<br>Aziz Sattar<br>Nurmadiah<br>Sarimah<br>Ibrahim Pendek<br>Saamah | 31.1.1961 |
| 38 | SENIMAN BUJANG LAPOK | P. Ramlee | P. Ramlee<br>Saloma<br>Aziz Sattar<br>S. Shamsuddin | 6.7.1961 |
| 39 | IBU MERTUA KU | P. Ramlee | P. Ramlee<br>Zaiton<br>Sarimah<br>Ahmad Mahmud | 7.3.1962 |
| 40 | LABU DAN LABI | P. Ramlee | P. Ramlee<br>M. Zain<br>Mariani<br>Sarimah<br>Saloma<br>Aziz Sattar | 26.4.1963 |
| 41 | NASIB SI LABU LABI | P. Ramlee | P. Ramlee<br>M. Zain<br>Murni Sarawak<br>Udo Omar<br>Mariani<br>Aziz Sattar | 26.4.1963 |
| 42 | MADU TIGA | P. Ramlee | P. Ramlee<br>Sarimah<br>Ahmad Nesfu<br>Haji Mahadi | 12.2.1964 |
| 43 | TIGA ABDUL | P. Ramlee | P. Ramlee<br>Sarimah<br>Haji Mahadi<br>S. Kadarisman<br>Dayang Sofia<br>Mariani | 22.4.1964 |
| **MERDEKA FILM STUDIOS, KUALA LUMPUR** | | | | |
| 44 | SITORA HARIMAU JADIAN | P. Ramlee | P. Ramlee<br>Rosmawati | 1964 |
| 45 | RAGAM P. RAMLEE (DAMAQ) | P. Ramlee | P. Ramlee<br>Kasma Booty<br>Mahmud June | 1964 |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 46 | MASAM-MASAM MANIS | P. Ramlee | P. Ramlee<br>Sharifah Hanim | 1965 |
| 47 | SABARUDDIN TUKANG KASUT | P. Ramlee | P. Ramlee<br>Saloma | 1966 |
| 48 | DO RE MI | P. Ramlee | P. Ramlee<br>Saloma<br>Ibrahim Din<br>A. R. Tompel | 1966 |
| 49 | NASIB DO RE MI | P. Ramlee | P. Ramlee<br>Ibrahim Din<br>A. R. Tompel<br>Mahyon Ismail | 1966 |
| 50 | SESUDAH SUBOH | P. Ramlee | P. Ramlee<br>Veera Wee<br>Ed Osmera | 1967 |
| 51 | KELUARGA 69 | P. Ramlee | P. Ramlee<br>Siput Sarawak<br>A. R. Tompel<br>Khadijah Hashim | 1967 |
| 52 | ANAK BAPAK | P. Ramlee | P. Ramlee<br>Roseyatimah<br>A. R. Tompel<br>Ibrahim Din | 1968 |
| 53 | GERIMIS | P. Ramlee | P. Ramlee<br>Chandra Shanmugan; A. R. Tompel; V. I. Stanley | 1968 |
| 54 | AHMAD ALBAB | P. Ramlee | P. Ramlee<br>Saloma<br>Karim Latiff<br>Mariani<br>A. R. Tompel | 1968 |
| 55 | KANCHAN TIRANA | P. Ramlee | P. Ramlee<br>Sarimah<br>Jins Shamsudin<br>Idris Hashim | 1969 |
| 56 | ENAM JAHANAM | P. Ramlee | P. Ramlee<br>Nor Azizah<br>Yusuf Latiff | 1969 |
| 57 | DIBELAKANG TABIR | Jins Shamsuddin | P. Ramlee<br>Jins Shamsuddin<br>Nor Azizah | 1969 |
| 58 | DR RUSHDI | P. Ramlee | P. Ramlee<br>Sarimah<br>Sofia Ibrahim<br>Ismail Mahmud | 1970 |
| 59 | GELORA | P. Ramlee | P. Ramlee<br>Sarimah | 1970 |
| 60 | BUKAN SALAH IBU MENGANDUNG | Jins Shamsuddin | P. Ramlee<br>Jins Shamsuddin<br>Sarimah<br>Ed Osmera<br>Sabariah Ibrahim | 1969 |
| 61 | PUTUS SUDAH KASIH SAYANG | P. Ramlee | P. Ramlee<br>Latifah Omar<br>Bob Mustafa<br>Mariani | 1971 |
| 62 | JANGAN TINGGAL DAKU | P. Ramlee | P. Ramlee<br>Sarimah | 1971 |
| 63 | LAKSAMANA DO RE MI | P. Ramlee | P. Ramlee<br>A. R. Tompel<br>Ibrahim Din<br>Dayang Sulu | 1972 |

**P. Ramlee** menjadi pelakon undangan di dalam 3 buah filem, iaitu **Melanchong Ke Tokyo**, keluaran Malay Film Productions dalam 1964, arahan Ramon A. Estella; **Love Parade** keluaran Shaws Productions, Hong Kong; dan **Dajal Suchi** (1965), keluaran Merdeka Film Productions arahan D. Ghosh.

BULANAN GELANGGANG FILM

BILANGAN 3 — APRIL 1961

PEMIMPIN 'UMUM
**P. RAMLEE**

SIDANG PENGARANG
AIMI JARR
A. S. AMIN
ABDUL SHUKOR HARUN
HATI MULIA
ZAMROED

ADVERTISING MANAGER
M. KAMAL

## GELANGGANG FILM

Sebuah majalah dalam tulisan Jawi yang diterbitkan oleh **P. Ramlee** pada pertama kalinya pada 15 Mac 1958. Mula-mula ia diterbitkan sebanyak dua kali sebulan. Tetapi, mulai dari 10 April 1959, ia diterbitkan tiga kali sebulan, iaitu pada 1, 10 dan 20 haribulan. Majalah ini dijual dengan harga 30 sen senaskah dan beralamat P. O. Box 2368, Singapura - tel: 28949. Ruangan-ruangan yang menarik dalam majalah ini ialah "**P. Ramlee** Fan" dan "**P. Ramlee** menjawab surat-surat".

Untuk meningkatkan minat orang ramai terhadap filem-filem Melayu, borang permohonan untuk menjadi "**P. Ramlee** Fan" telah dikirim bersama-sama dengan "Borang pemilihan bintang-bintang filem Tahunan" untuk memilih: (a) Filem yang




Terbaik; (b) Arahan Filem Yang Terbaik; (c) Cerita Filem Yang Terbaik; (d) Penggambaran Filem Yang Terbaik; (e) Lagu Yang Terbaik; (f) Lukisan Latar Belakang Yang Terbaik; (g) Pelakon Lelaki Yang Terbaik; (h) Pelakon Perempuan Yang Terbaik; (i) Pelakon Pembantu Lelaki Yang Terbaik; (j) Pelakon Pembantu Per-






empuan Yang Terbaik; dan (k) Pelakon Lawak Filem Yang Terbaik.

## GELORA

Dibuat oleh Merdeka Filem Setudio, Kuala Lumpur. Tahun dikeluarkan: 1970.

**P. Ramlee**; Sarimah; Arman Yadi; *dengan*: Idris Hashim; Ahmad Dadida, Minah Hashim; Norsiati; Minah Yem; Sharif Baboo; *memperkenalkan*: Isma Rubee; Mariati Abdul Rahman; Bob Mustafa; pelakon kecil: S. Noraini; Zuraidah Sulaiman.

Teknik Fotografi: Siew Chan Wa; Rakaman awal: Anuar Yusof; Rakaman Akhir: Tan Chuan Hock; Art Director: Abdul Hamid Aziz; Filem Editor: Johari Ibrahim

Penolong': Sambungan: Bakar Jaafar; Sound: Amin Zaa; Suara: Johan Ibrahim

Penolong: Make-up: Rokiah Osman; Penchitak: Rosalind Teoh; Pelukis: Esa Ahmad




Cerita: Osman Abadi; Screen Play, Dialogues: **P. Ramlee**; Osman Abadi

Lagu-lagu gurindam dan arrangements: **P. Ramlee** AMN, dengan **P. Ramlee** Orkestra

Directed by: **P. Ramlee** AMN

[Merdekascope]

Cerita: Kamal (Arman Yadi) tidak tahu dan tidak pernah bertemu dengan ayahnya yang sebenar. Dia dipelihara oleh ibunya dan ayah tirinya, dan tinggal bersama-sama lima orang lagi adik-beradik tirinya. Salbiah, ibu Kamal, tidak endahkan sangat kepada Kamal, sehingga menyebabkan Kamal menjadi seorang pemuda yang tidak mengenal erti kasih sayang ayah dan ibu.

Sementara itu, Intan (Isma Rubee) pula merupakan anak kepada seorang janda yang bernama Salmiah (Sarimah). Sungguhpun Salmiah sudah lanjut umurnya, tetapi dia ternyata seorang wanita yang cantik dan kaya—rumahnya besar dan dilengkapi perabot-perabot yang moden, dan dia juga mempunyai kereta sendiri.

Salmiah sangat sayang dan kasih kepada Intan, anak gadis tunggalnya.

Sebenarnya, Salmiah ialah perempuan simpanan Basiron, seorang jutawan yang telah lanjut usianya dan yang telah mengidap penyakit jantung. Salmiah dapat menghiburkan hati dan mententeramkan jiwanya. Oleh sebab itu, Basiron sanggup membiayai segala keperluan hidup Salmiah.

Salmiah mempunyai satu keinginan yang sudah lama terpendam di dalam hatinya: dia inginkan seorang anak lelaki. Walau bagaimanapun, perhubungannya dengan jutawan tua itu merupakan hubungan antara anak dengan ayah yang mengharapkan 'tempat bermanja.' Oleh kerana itu, Salmiah mengharapkan supaya

dia akan mendapat menantu yang baik untuk mencurahkan kasih sayangnya, sebagaimana dia sanggup mencurahkan kasih sayang terhadap anak kandungnya sendiri.

Pada suatu hari, pertengkaran hebat telah berlaku di antara Kamal dan ibunya kerana Kamal pulang lewat selepas menghadiri pesta hari jadi kawannya yang bernama Zaiton (Mariati). Meskipun pertengkaran dengan ibunya adalah perkara biasa, tetapi kali ini, Kamal tidak terdaya menelan pengakuan yang dicurahkan oleh ibunya itu. Ibunya menjelaskan bahawa dia adalah anak luar nikah, hasil perkongsian hidup dengan seorang lelaki yang tidak bertanggungjawab. Oleh kerana amat benci terhadap lelaki tersebut (ayah Kamal), maka sejak melahirkan Kamal, dia memindahkan kebenciannya itu ke atas Kamal pula. Pengakuan ibunya itu menyebabkan Kamal berasa amat malu terhadap adik-adik tirinya. Lalu, dia pun mengambil keputusan untuk meninggalkan rumah.

Sementara itu, Kamal dan Intan memupuk paduan asmara cinta dengan kesucian hati remaja. Berikutan dengan kejadian itu, Intan telah mempelawa Kamal untuk makan malam di rumahnya. Bila Salmiah terpandang sahaja wajah Kamal, timbullah perasaan belas kasihan terhadap anak muda itu. Begitu juga Kamal. Melihatkan kemesraan Intan dengan ibunya, dia sungguh terpikat dengan budi bahasa Salmiah.

Salmiah lebih galak mempermainkan kewanitaannya di hadapan Kamal. Kamal pula, sebagai anak muda yang sedang menggelegak hangat dengan didihan nafsu, lama kelamaan hilang segala perasaan dan fikiran waras, dan bermaharajalelalah nafsu kesyaitanan yang menafikan adanya sempadan dalam tata susila hidup mahkluk yang berakal.

Pada mulanya, Kamal dan Salmiah dapat juga menyembunyikan kesumbangan hidup mereka berdua daripada pengetahuan Intan. Tetapi, pada suatu malam, Intan terserempak dengan kelakuan sumbang Kamal, kekasihnya, dengan Salmiah, ibunya sendiri.

Intan berasa hampa dan kecewa. Dia memilih jalan selamat dengan memisahkan dirinya dari ibunya.

Sebelum memilih Kamal sebagai buah hatinya, Intan sudah berkenalan dengan seorang pemuda yang bernama Rahmat (Bob Mustafa), seorang yang kacak dan berada orangnya. Intan tidak dapat menyambut rayuan hati Rahmat oleh kerana Rahmat merupakan seorang yang angkuh dan kasar budi bahasanya. Sekarang, Kamal, kekasihnya telah dirampas oleh ibunya sendiri.

Sejak menjauhkan diri daripada ibunya itu, Intan telah berkenalan dengan seorang pegawai tentera yang bernama Lt. Zainal. Intan sangat tertarik hati terhadap Lt. Zainal dan sedia membuka hatinya kepada Zainal, yang sungguh pandai melayan hatinya.

Sementara itu, Intan sendiri telah menghadapi aneka godaan daripada ketua pejabat tempat dia bekerja. Che' Hamdan (**P. Ramlee**), seorang yang sudah berusia lebih 40 tahun, sentiasa mengambil kesempatan untuk memikat Intan, setiausahanya.

Pada suatu malam, Rahmat telah menemui Intan dan mencemuhnya dengan menyatakan bahawa Intan telah membiarkan kekasihnya dirampas oleh ibunya. Intan melemparkan kata-kata nista serta meludah bencinya terhadap Rahmat, dan kelancangannya telah menyebabkan Rahmat menyimpan dendam. Tidak lama kemudian, Rahmat bersama-sama dengan beberapa orang kawannya telah melakukan

pengkhianatan dengan merogol Intan secara bergilir-gilir.

Selepas itu, Intan pergi mendapatkan pertolongan Lt. Zainal. Intan berasa amat hampa apabila mendapati Zainal berada dalam pelukan perempuan lain.

Peristiwa malang yang menimpa dirinya satu demi satu itu menyebabkan Intan bertambah hampa dan putus asa. Dia tidak lagi ingin mempercayai anak-anak muda dan mengenai kasih dan cinta.

Intan sekarang berasa bahawa keselamatan dan jaminan hidupnya di hari depan adalah lebih utama daripada segala-galanya. Dia sedia melayan kemahuan Hamdan. Sejak tinggal bermesra dengan Hamdan, barulah Intan merasai ketenteraman jiwa dan perasaan.

Mengenai Kamal dengan Salmiah pula, seperti biasa, hubungan kasih antara perempuan yang sudah berusia dengan anak muda yang masih mentah remaja itu tentulah banyak olahnya. Salmiah tebal dengan perasaan cemburu, sedangkan Kamal masih berjiwa bebas. Dalam pada itu, dia ingin mensucikan perhubungannya dengan Salmiah dengan ijab kabul yang sah. Tetapi Salmiah terpaksa menolak cadangan mulia daripada Kamal itu.

Ini adalah kerana, pertamanya, sara hidupnya yang penuh kemewahan itu ditanggung oleh jutawan tua yang menyimpannya. Berkahwin dengan Kamal bererti dia akan kehilangan segala kesenangan hidup. Keduanya, Salmiah terfikir, andaikata orang tua itu mati terkejut apabila ditinggalkan, ini bererti dia telah membunuh orang yang telah berjasa dan berbudi terhadapnya. Selain daripada itu, jutawan tua itu sudah membuat wasiat untuk menyerahkan segala harta pusakanya kepada Salmiah, dengan syarat Salmiah berada di sampingnya hingga ke saat akhir hayatnya.

Kamal tidak mahu memahami kekusutan batin yang dihadapi oleh Salmiah. Tambahan pula, dia dihasut oleh Zaiton yang mencintainya sejak dulu lagi.

Zaiton memainkan peranan penghasut dengan bijak sekali, sehingga mencetuskan pertembungan yang besar. Hasil daripada pergaduhan antara Kamal dan Salmiah, maka Kamal meninggalkan Salmiah dan pergi bersama-sama Zaiton.

Keseorangan, Salmiah mengalami kesepian yang belum pernah dialaminya selama ini. Anaknya sudah menghilangkan diri, dan sekarang, kekasihnya pula telah meninggalkannya. Salmiah mencari Kamal di merata-rata tempat yang Kamal mungkin berada, namun tidak berjaya.

Salmiah mengenang kembali bahawa jutawan tua itulah yang menjadi penghalang dan sebab Kamal meninggalkannya. Salmiah lantas mengambil keputusan untuk meleraikan ikatan mesranya dengan jutawan tua itu, tanpa menghiraukan apa juga akibatnya. Lalu, Salmiah pun menerangkan kepada jutawan tua itu sejelas-jelas perasaan hatinya yang sebenar. Dia benar-benar cintakan Kamal, dan tidak sanggup lagi hidup berpura-pura, menambatkan hati dengan jutawan yang berada dalam kesakitan itu. Penerangan Salmiah itu didengar oleh jutawan itu dengan tenang pada zahirnya, tetapi batinnya remuk dengan kehampaan. Selepas itu, Salmiah sekali lagi pergi mencari Kamal, dan akhirnya mereka bertemu di pesta yang berlangsung di rumah Zaiton.

Salmiah memujuk dan merayu Kamal, dan menerangkan bahawa dirinya telah bebas sekarang, dan tidak lagi terikat dengan jutawan itu. Kamal terus tidak menjawab sepatah pun pujuk rayu Salmiah.

Zaitun telah melemparkan kata-kata pedas yang menghiris pedih hati Salmiah yang telah luka itu. Salmiah insaf bahawa

dirinya tidak dapat lagi menghidupkan semula bara kemesraan di hati Kamal.

Salmiah ingin kembali ke pangkal jalan dengan menarik balik kata-kata pemutus dengan jutawan tua itu dan menyimpul semula ikatan yang telah dileraikannya itu.

Malangnya, akibat tindakan Salmiah hendak berpisah dengannya, penyakit jutawan tua itu menyerang semula. Dia meninggal dunia di hospital, dihadapi oleh sanak-saudaranya sendiri tanpa menyebut atau meninggalkan sepatah pesanan untuk Salmiah. Salmiah tidak dapat mengawal perasaan dendam, benci, dan meluatnya terhadap Kamal dan Zaiton. Dengan sebilah pisau yang disimpan di dalam tas tangan, Salmiah sekali lagi menuju ke rumah Zaiton. Memandangkan Kamal dan Zaiton sedang tenggelam di dalam tarian yang berirama romantis, kemarahan Salmiah tidak dapat dibendung lagi. Lalu, dia pun menarik Kamal untuk pergi dengannya. Zaiton cuba menahan Kamal, dan terjadilah suatu pergelutan. Salmiah menjadi nekad, bertindak liar dan menikam Zaiton bertubi-tubi, sehingga Zaiton dibunuh. Kemudian, dia menerkam Kamal, menggores, dan mencincang muka Kamal dengan pisaunya yang masih basah dengan darah Zaiton. Melihatkan Kamal rebah ke lantai, Salmiah hendak menikam dirinya pula. Tetapi perbuatannya itu sempat dihalang oleh orang-orang yang hadir. Salmiah ditangkap untuk perbicaraan di mahkamah. Kes ini menjadi berita utama dalam suratkhabar-suratkhabar.

Intan, Hamdan, Salbiah dan setiap seorang yang terlibat dan mengenali mereka terkejut dan gempar apabila membaca berita pembunuhan itu.

Salbiah dipanggil menjadi saksi perbicaraan. Kamal sendiri menjadi lumpuh dan bisu akibat serangan Salmiah yang membuas itu.

Banyak rahsia Salmiah dan Salbiah yang terbongkar dalam perbicaraan itu. Mereka berdua sebenarnya berasal dari Medan. Keputusan mahkamah mendapati Salmiah bersalah, dan dia dihukum gantung sampai mati.

Hairannya, Hamdan yang juga turut hadir dan mengikuti perbicaraan yang dijalankan itu tiba-tiba meninggalkan mahkamah dengan tergesa-gesa. Perbuatannya itu menghairankan Intan.

Bila Intan pulang dan ingin mengetahui akan sebab-sebabnya, barulah Hamdan menerangkannya. Penerangan Hamdan itu merupakan suatu perkara yang amat mengejutkan. Ianya boleh dikatakan tidak pernah berlaku dalam masyarakat makhluk yang berakal. [Tamat]

## GERIMIS

Dibuat oleh Merdeka Filem Setudio, Kuala Lumpur. Tarikh dikeluarkan: Mei 1968.

**P. Ramlee**; dibantu oleh: A. R. Tompel; Pak Yem; Ruminah Sidek; Azman;



Idris Hashim; Karim Latif; Noran Nordin; Bakhtiar; Khatijah Hashim; Hashim; *memperkenalkan*: Chandra Shanmugam sebagai Leela; *beserta dengan*: V. I. Stanley; D. Theresa, Hoon Thye Choong; Baby Sabaruddin; Bintang terhormat: Saloma.

Karya: Amir Rasyid; Screen Play: A. R. Tompel; Dialogues: **P. Ramlee**; Teknik Fotografi: Low Yew Wah; Teknik Sound: Tan Chuan Hoon; Art Director: Abd. Hamid Aziz; Film Editor: Johari Ibrahim

Penolong²: Pengarah: Hashim Hamzah; Fotografi: J. White; Sound: Ameen Zaa; Pelukis: Esa Ahmad; Penchitak: Ho Bee Yoon, Make-up: Rokiah Osman.

Music: Ciptaan dan Gubahan **P. Ramlee** AMN; Gurindam Melayu: Jamil Sulong; Gurindam Tamil: R. E. Shanmugam

Directed by **P. Ramlee** AMN

[Merdekascope]

Cerita: Murshid (Yen), seorang yang kaya, mempunyai empat orang anak, Kamal (**P. Ramlee**); Azman (Tony Azman), Bakhtiar (Bakhtiar) dan Tijah (Khatijah Hashim). Beliau merupakan seorang bapa yang amat garang dan mementingkan disiplin hidup anak-anaknya. Kamal pula ialah seorang anak yang degil, dan tidak mahu menurut perintah ayahnya. Setiap hari, dia menghabiskan waktunya dengan melukis, iaitu satu usaha yang dianggap ayahnya sebagai membazir dan tidak mendatangkan faedah. Kamal sentiasa ke kelab-kelab malam untuk membuat lukisan. Kamal telah berkenalan dengan seorang penari India, Leela (Chandra Shanmugam), yang sungguh cantik dan rupawan. Kejelitaan gadis India ini melahirkan keinginan di hati Kamal untuk menjadikannya bahan lukisannya.

Kamal telah menyatakan hasratnya kepada Leela, dan Leela sungguh gembira untuk menjadi bahan lukisan Kamal.

Kamal terus berkenalan dengan Leela dan oleh kerana kemesraan telah terjalin, Leela mempelawa Kamal ke rumahnya.

Kamal melawat Leela di rumahnya dan telah mendapatkan kebenaran ibu bapanya untuk membawa Leela ke taman bunga untuk melukis gambarnya. Seterusnya, Kamal telah beberapa kali membawa Leela ke taman itu. Oleh kerana selalu bertemu, maka bertunaslah bibit cinta antara mereka berdua. Akhirnya, mereka berikrar untuk menyimpulkan persahabatan mereka itu dengan perkahwinan. Murshid menentang perkahwinan itu lalu memberitahu Kamal bahawa beliau tidak akan mengakuinya sebagai anak sekiranya beliau berkahwin juga dengan gadis itu. Kamal tidak menghiraukan amaran ayahnya dan berazam untuk berkahwin juga dengan Leela. Ayah Leela sendiri pun tidak bersetuju dengan hasrat anaknya hendak bersuamikan Kamal. Beliau telah memukul Leela, sehingga menyebabkan Leela lari dari rumah. Bapa Leela menjadi bertambah marah lalu melarang isterinya untuk bertemu dengan Leela lagi.

Oleh kerana cinta itu buta dan tidak memilih rupa dan bangsa, maka Kamal dan Leela meneruskan perkahwinan mereka mengikut agama Islam. Mereka terpaksa mengasingkan diri daripada keluarga masing-masing oleh kerana perkahwinan itu tidak mendapat doa dan restu keluarga masing-masing.

Meskipun Kamal dan Leela tinggal di pondok kecil, mereka hidup dalam kegembiraan. Walau bagaimanapun, sebagai seorang pelukis, pendapatan Kamal tidaklah begitu lumayan dan mereka hidup dalam keadaan yang sempit.

Setahun sudah berlalu dan Leela telah melahirkan seorang anak. Untuk memperolehi mata pencariannya yang tetap, maka Kamal telah berhenti menjadi pelukis dan bekerja sebagai buruh kasar. Daripada pendapatannya, isterinya Leela dapat menabung sedikit wang. Ini membolehkan Kamal menjadi seorang penjaja ikan dan sayur.

Pada suatu hari, adik Kamal yang bongsu yang bernama Tijah (Khatijah Hashim) datang ke pondoknya untuk menyampaikan berita bahawa bapa mereka telah meninggal dunia. Beliau mahukan Kamal pulang ke rumah pada petang itu oleh kerana peguam akan membaca wasiat ayahnya. Kemudian, Kamal mendapati bahawa ayahnya tidak meninggalkan apa-apa wasiat kepadanya. Biarpun Kamal berasa kecewa, dia tidak putus asa. Kamal berazam hendak memperbaiki nasib hidupnya tanpa mengharapkan harta dan pusaka ayahnya.

Jalil, ayah saudara Kamal mengajak Kamal dan keluarganya untuk tinggal bersama di rumahnya.

Penghidupan Kamal mula berubah apabila Jalil, iaitu ayah saudaranya, memberi dia jawatan Pengurus Besar untuk mengendalikan perniagaannya semasa beliau pergi bercuti. Semasa Jalil bercuti di luar negeri, Kamal diberi sepenuh kuasa untuk mengendalikan perniagaannya itu. Sungguhpun Kamal dan isterinya hidup di dalam kemewahan sekarang, namun mereka terus mengamalkan hidup yang sederhana.

Tanpa disangka-sangka, panas yang diharapkan hingga ke petang bertukar muram, sebab gerimis turun di tengahari. Ketenteraman rumahtangga Kamal mula terancam apabila Kamal, dalam menjalankan kewajipannya, telah bertemu dengan Tinah (Ruminah Sidek), seorang penyewa rumah.

Tinah telah gagal membayar sewa rumahnya selama lapan bulan. Walau bagaimanapun, pegawai-pegawai yang ditugaskan oleh Kamal untuk memungut sewa tidak dapat memaksa Tinah menjelaskan hutangnya, apatah lagi keluar dari rumah itu.

Su'ud yang berjumpa dengan Tinah telah dihalau oleh Tinah dengan penyapu. Oleh itu, Kamal pun membuat keputusan untuk menguruskan perkara itu sendiri. Kedatangan Kamal telah disambut oleh Tinah dengan ramah mesra. Tinah merayu kepada Kamal supaya membenarkannya membayar tunggakan itu pada keesokan harinya.

Sementara itu, Tinah meminta kawannya, Kassim, mencari seorang bomoh untuk menyediakan ubat guna-guna bagi memerangkap Kamal. Pada keesokan harinya, Kamal pun datang mengutip sewa. Tinah memberi Kamal minuman yang telah dicampur dengan ubat guna-guna. Su'ud mengetahui hal ini kerana beliau pernah melihat bomoh itu keluar dari rumah Tinah. Beliau telah memberitahu Kamal akan hal itu, tetapi Kamal tidak mempercayainya.

Apabila Kamal berada di bawah pengaruh ubat guna-guna, beliau tidak dapat melupakan Tinah. Beliau telah berkunjung ke rumah Tinah pada malam itu juga.

Sejak bertemu dengan Tinah pada hari yang pertama, hati Kamal telah terpikat terhadap Tinah. Kamal masih mencintai Leela dan anaknya, tetapi sentiasa terkenang dan teringatkan Tinah. Akhirnya, satu kejadian yang tidak disangka-sangka berlaku: Kamal telah berkahwin dengan Tinah.

Perkahwinan itu merupakan satu pukulan yang amat hebat kepada Leela.



*Dari kiri ke kanan: V. I. Stanley, Chandra Shanmugam, P. Ramlee dan D. Theresa dalam filem* **Gerimis**

Kawan-kawan Kamal tidak dapat mengagak kenapa Kamal dengan tidak semena-mena memadukan isterinya.

Sementara itu, Jalil pulang daripada cuti, dan mendapati bahawa sungguhpun anak Kamal sedang sakit, Kamal tidak pulang-pulang ke rumah. Su'ud memaklumkannya bahawa Kamal dan Tinah telah berkahwin. Jalil seterusnya mengarahkan Su'ud supaya menghalau Tinah dan Kamal dari rumah itu.

Su'ud membawa kawan-kawannya untuk membelasah Kamal hingga beliau pengsan. Kemudian, dia memaksa bomoh itu melepaskan Kamal dari cengkaman ubat guna-guna Tinah. Apabila Kamal sedar semula, dia dengan serta-merta menceraikan Tinah. Kamal pulang ke rumahnya dan mendapati bahawa Leela telah membawa diri. Jalil menyuruh Kamal mencari Leela serta anaknya, dengan amaran bahawa sekiranya gagal, beliau tidak akan dibenarkan balik lagi.

Kamal, kemudiannya bertemu dengan adiknya Tijah yang memberitahunya bahawa Leela telah menjadi penari di sebuah kelab malam.

Kamal telah bertemu dengan Leela lalu meminta beliau memaafkannya. Dia meminta Leela kembali ke rumah Jalil. Leela tidak rela berbuat demikian, dan ini menghampakan Kamal.

Bapa Leela menawarkan pertolongannya supaya mereka berbaik-baik semula setelah beliau memahami betapa dalam kasih sayang mereka. Bapa Leela menyuruh Kamal membawa anaknya pergi dengannya. Apabila Leela pulang ke rumah, dia diberitahu bahawa anaknya telah dibawa oleh Kamal. Leela bergegas ke rumah Jalil mencari Kamal untuk mendapatkan balik anaknya. Kamal meminta Leela supaya tinggal bersama anaknya di rumah Jalil, dan menyatakan bahawa beliaulah yang akan keluar dari rumah itu sekiranya Leela tidak suka beliau tinggal bersama. Apabila Kamal sudah bersedia untuk melangkah keluar, Leela berasa amat terharu lalu memohon ampun serta merayu Kamal supaya jangan meninggal-

kannya. Jalil dan anaknya Noriah menjemput Su'ud serta kawan-kawannya datang untuk mengucapkan selamat bahagia kepada Kamal dan Leela. [Tamat]

**P. Ramlee** mengharapkan agar filem ini bukan sahaja akan disambut baik oleh penonton-penonton Melayu, tetapi juga akan dibanggakan oleh rakyat keturunan India. Beliau telah memilih Chandra Shanmugam untuk memegang peranan utama. Pada tahun itu (1968), Chandra berusia 27 tahun dan bekerja di Radio Malaysia sebagai penulis skrip, penyanyi, pelakon dan juruhebah. Beliau dilahirkan di Bidor, Perak. Sejak di bangku sekolah, Chandra mempunyai kecenderungan dalam seni drama dan pementasan. Beliau fasih bertutur dalam Bahasa Kebangsaan.

**P. Ramlee** memilih V. I. Stanley untuk berlakon sebagai ayah dalam filem ini. Stanley, pelakon Radio dan TV Malaysia, ialah seorang ahli lawak yang disukai ramai dalam rancangan-rancangan Tamil. D. Theresa yang berlakon sebagai ibu ialah seorang pekerja yang berpengalaman di Radio Malaysia, dan dapat bertutur dalam Bahasa Kebangsaan dengan lancarnya.

Filem ini melahirkan satu pengalaman baru di kalangan penonton-penonton di negara ini kerana ia menceritakan sebuah kisah yang melibatkan dua kaum di Malaysia.

Yang amat menarik dalam filem ini ialah adegan-adegan yang melibatkan Chandra Shanmugam sebagai anak, V. I. Stanley sebagai ayah dan D. Theresa sebagai ibu di mana mereka bertutur dalam Bahasa Tamil sesama sendiri, tetapi bertutur dalam Bahasa Kebangsaan pula bila berhadapan dengan orang lain, satu contoh gambaran di Malaysia. **P. Ramlee** menghiasi filem ini dengan sebuah lagu yang bersenikatakan Tamil dan Melayu.

# H

## HANG TUAH

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited, Singapore. Dibuat oleh Malay Film Productions Limited, Singapore. Tarikh dikeluarkan: 28 Januari 1956.

**P. Ramlee**; Saadiah; Ahmad Mahmud; Zaiton; Hj. Mahadi; Siti Tg. Perak; Daeng Idris; Mariani; Yusof Latiff; Sa'amah; Nordin Ahmad; Salbiah; S. Shamsuddin; Aziz Sattar; Hashim Nur; Mustarjo; Nyak Osman; Rahman Rahmat; S. Sudarmadji; Omar Hitam; Salleh Kamil; Omar Suwita; Jaafar; Muhammad Hamid; Malik Sutan Muda; A. Rahim; Mustaffa Ma'arof; S. Kadarisman.




Audiography: Yap Poh Kai. Song Recording: Chan Chew Tong; Music: **P. Ramlee** and MFP Studio Orchestra, Lyrics: Jamil Sulong, Dancers: Devdatta Jetley; Playback singers: **P. Ramlee**; Normadiah; Lena.

Film Editor: H. R. Narayana; Art Director: J. S. Anthony; Make-up by: Max Factor; Artist: Amy Tan; Production Manager: Kwek Chip Jian.

Silat instructor: Malik Sutan Muda; Dialogues: Buyong Adil; Jamil Sulong; Malay etiquettes & costumes: Buyong Adil; Abdullah Hussin; Mahmud Ahmad.

Assistants: Director: Jamil Sulong; Cameraman: A. Bakar Lahak; Soundman: Ooi Chik Seng; Editor: Lim Yew Hai; Continuity: Ikhwan Khalil; S. Sudarmadji.

Associate Director: K. M. Basker; Screenplay and scenario: Phani Majumdar. Photographed in Eastman colour: N. B. Vasudev.

Directed by: Phani Majumdar.

Cerita: Hang Tuah (**P. Ramlee**) dan empat orang kawannya, Hang Jebat (Ahmad Mahmud), Hang Kasturi (Nordin Ahmad); Hang Lekir (S. Shamsuddin); dan Hang Lekiu (Aziz Sattar) menuntut ilmu di bawah Adi Putera (Hashim Nur) di Gunung Ledang. Gunung Ledang juga didiami orang-orang asli dan seorang puteri asli yang bernama Melor (Saadiah). Melor sebenarnya ialah anak pungut salah seorang orang asli dari sebuah desa. Melor menjadi penolong Adi Putera dan dia terjatuh cinta pada Hang Tuah.

Setelah selesai menuntut ilmu, lima orang sahabat itu turun dari gunung itu, untuk kembali ke kota Melaka. Pada suatu hari, mereka telah berjaya menyelamatkan jiwa Dato' Bendahara (Daeng Idris) daripada amukan seorang gila. Melihatkan kecekapan Hang Tuah dan kawan-kawannya, Dato' Bendahara telah men-



*Dari kiri: Nordin Ahmad, Daeng Idris, Haji Mahadi, P. Ramlee dan Yusof Latiff dalam filem* Hang Tuah



*P. Ramlee (Hang Tuah, kiri) dan Ahmad Mahmud (Hang Jebat) dalam filem* Hang Tuah

jemput mereka ke rumahnya dan setiap seorang telah diberi persalinan. Apabila mendengar berita itu, Sultan Melaka (Haji Mahadi) pun mengundang Hang Tuah ke istananya. Hang Tuah kemudian dijadikan pahlawan istana dan beliau mengiringi Sultan ke mana jua raja itu berangkat.

Sultan Melaka kemudiannya berangkat ke Majapahit untuk berkahwin dengan Raden Ayu. Dalam satu pertandingan pancak, Hang Tuah telah dapat mengalahkan Taming Sari. Keris itu kemudian dianugerahkan oleh Ratu Majapahit kepada Hang Tuah.

Sekembali ke Melaka, Hang Tuah pun berangkat ke Pahang untuk mengambil Tun Teja (Zaiton) yang sudah dipertunangkan dengan seorang Putera bangsawan Terengganu. Tun Teja, anak Bendahara Pahang, telah lama mendengar cerita Hang Tuah dan kedatangan Hang Tuah sungguh menggembirakannya sekali. Atas satu bujukan, Tun Teja telah dapat dilarikan ke Melaka dan diserahkan kepada Sultan Melaka.

Dalam masa perjalanan Hang Tuah ke Pahang, Melor telah turun ke Melaka dan ditawan oleh Tun Ali atas hasutan Patih Karma Wijaya, duta Majapahit di Melaka. Melor telah diserahkan kepada Sultan untuk dijadikan gundik baginda. Hang Jebat (Ahmad Mahmud) sebagai kawan yang setia berasa tersinggung dengan perbuatan Raja itu. Tetapi Hang Tuah tidak dapat berbuat apa-apa oleh kerana ia terlalu taat kepada Rajanya. Pada suatu malam, ketika Melor bertemu dengan Hang Tuah (di atas satu muslihat yang dilakukan oleh Tun Ali) dia telah dituduh oleh Sultan Melaka sebagai pengkhianat lalu menitahkan kepada Bendahara supaya membunuhnya. Melor pun menemui ajalnya.



*P. Ramlee dan Yusof Latiff dalam filem* Hang Tuah

Oleh kerana terlalu sayang kepada Hang Tuah, maka Dato' Bendahara telah menyembunyikan Hang Tuah di dalam penjara. Hang Jebat yang mengetahui perbuatan khianat itu telah menuntut bela untuk kawannya. Dia yang sekarang telah menjadi orang kepercayaan Sultan, melakukan keonaran di dalam istana. Sultan telah menitahkan supaya Hang Jebat ditangkap. Hang Jebat terus mengamuk untuk menentang perbuatan Raja itu. Akhirnya, Hang Tuah telah dikeluarkan dan di dalam satu pencak yang hebat, telah membunuh Hang Jebat. Oleh kerana peristiwa pembunuhan itulah, maka perasaan hati Hang Tuah tidak tenteram lagi, lalu ia meninggalkan Melaka dengan segala kebesarannya. [Tamat]

Filem ini adalah berdasarkan karya M. C. ff. Sheppard, yang merupakan Penasihat British di Negeri Sembilan pada masa itu. Cerita filem disusun oleh Phani Majumdar, dengan kerjasama rapat antara Jamil Sulong, Buyong Adil, Mahmud Ahmad dan Abdullah Hussein (sekarang bergelar Dato', dan Sasterawan Negara). Phani Majumdar, pada masa itu tidak pandai berbahasa Melayu. Beliau merupakan seorang sutradara yang amat teliti. Segala macam gerak, tekanan suara - turun dan naik, kerdipan mata, perubahan air muka diajar oleh Majumdar dengan penuh hati-hati. Latihan-latihan bersilat diselenggarakan oleh Malek Sutan Muda.



*P. Ramlee dan Saadiah dalam filem* **Hang Tuah**

Meskipun latihan-latihan demikian dilakukan dengan bersungguh-sungguh, tetapi ada kalanya terjadi juga kesalahan dan kelupaan. Sebagai contoh, Daeng Idris (Dato' Bendahara) keluar ke beranda rumahnya bersama-sama dengan Yusof Latiff (Tun Mat) anaknya. Ketika melihat Hang Tuah, ia berkata:

"Hang Tuah, ini ada khabar baik untukmu. Anakku Tun Mat membawa khabar dari istana duli tuanku, bahawa kau dan kawan-kawanmu dijemput ke sana esok."

Seharusnya **P. Ramlee** sebagai Hang Tuah menjawab:

"Terima kasih Dato', hamba sekalian menurut perintah."

Tetapi dia sudah lupa, lalu dicakapkannya saja:

"Apa dialognya pun saya sudah lupa."

Semua orang yang ada di sana ketawa. Pengarah Majumdar pun turut ketawa juga.

Ada pengkritik yang menyatakan bahawa lagu-lagu yang digubah oleh **P. Ramlee** dalam filem **Hang Tuah** adalah berirama Hindustan. Ada ahli sejarah yang berpendapat bahawa pada zaman Hang Tuah, pengaruh orang-orang Hindu telah tertanam kuat dalam jiwa orang-orang Melayu. Demikian juga dengan lagu-lagu Arab yang berkembang beriringan dengan lagu-lagu Sepanyol dan Portugis dari India. Oleh kerana demikian, pada zaman Hang Tuah, mungkin terdengar lagu-lagu yang berirama Hindustan, di samping lagu-lagu yang berindukkan lagu-lagu Sepanyol dan Portugis.

Ada pihak yang menyatakan bahawa **P. Ramlee** tidak sesuai memegang peranan Hang Tuah oleh kerana badannya kurus, dan Hang Tuah bukan seperti bentuknya. Sebenarnya, tidak diketahui bagaimana bentuk Hang Tuah sebenarnya, sama ada dia kurus, besar, tinggi atau rendah, cantik atau hodoh. Hang Tuah adalah seorang yang gagah dan perkasa. Oleh itu, timbul satu pendapat yang menyatakan bahawa bentuk potongan tubuhnya besar dan tinggi oleh kerana dia gagah dan perkasa. [Sumber: "Tentang Filem **Hang Tuah** yang Sedang di Bikin" dalam *Film* Bil. 15 – Mei, 1955 muka surat 8-14].

Menurut Gerree Read, seorang pengulas filem:

"Adegan pertikaman menggunakan keris jauh mengatasi sesuatu yang pernah dikeluarkan oleh Hollywood. Kelincahan dan kesegakan **P.Ramlee**, Malik Sutan Muda dan Ahmad Mahmud membuatkan sesetengah tokoh "anak-jantan" Hollywood kelihatan seperti kuda bajak yang sudah tua ...

**Hang Tuah** ialah suatu cerita yang amat menarik mengenai pengembaraan lima orang pemuda yang dipimpin oleh Hang Tuah yang dimainkan oleh **P. Ramlee** dengan cemerlangnya.

Muziknya yang mempunyai irama yang indah digubah oleh **P. Ramlee** ...

Jikalau **Hang Tuah** merupakan contoh kehebatan pengarahnya, kita berharap bahawa Majumdar akan menjadikan Malaya ini tempat tinggalnya yang tetap." [*Sunday Tiger Standard*, 29 Januari 1956] [Terjemahan]

Filem **Hang Tuah** ditayangkan di Indonesia, dan di beberapa tempat yang lain di dunia. Di Thailand, filem ini ditunjukkan di kota Bangkok, dan diiklankan secara besar-besaran dalam akhbar *Siam Nikon*. Orang-orang Thailand memberi filem ini nama **Wirak Boros Malaka** yang bererti "Pahlawan Melaka". Filem ini diputarkan di panggung wayang gambar "Yao Raj" di kota Bangkok.

Akhbar *The Singapore Tiger Standard* keluaran 26 Jun 1957 melaporkan:

"Semalam, Malaya mempersembahkan tayangan perdana filem sejarahnya **Hang Tuah** di Eropah pada Festival Filem Antarabangsa. Ceritanya ialah mengenai pahlawan Hang Tuah (**P. Ramlee**) pada kurun ke 15 di Malaya.

Filem itu ditayangkan pada waktu pagi dengan sarikata dalam bahasa Inggeris yang menyebabkan sukar bagi ramai daripada penonton-penonton Jerman untuk memahaminya tetapi muka dan suara pelakon-pelakon Melayu itu amat memikat. Filem itu adalah keluaran Run Run Shaw di bawah arahan Phani Majumdar.

Satu tepukan mesra diberikan oleh penonton selepas tamat tayangan itu." [Terjemahan]

Berita ini dikeluarkan oleh pihak Reuter di Berlin sendiri.

Mengikut laporan dalam majalah *Gelangang Filem* keluaran 10 Jun 1960 di muka surat 4:

"Di dapati khabar bahawa filem **Hang Tuah** keluaran Malay Film Productions yang dilakunkan oleh **P. Ramlee...**, sekarang ini sedang dipertunjukkan di negeri-negeri Timor Tengah di bawah edaran syarikat M.G.M. Filem tersebut telah didubbingkan ke dalam bahasa Arab.

Filem ini adalah keluaran tempatan pertama yang memakai warna warni, dan filem pertama yang menggambarkan kisah pahlawan Melayu yang pernah hidup di Tanah Melayu ini. Cerita **Hang Tuah** sebagaimana yang difilemkan adalah disulami dengan babak-babak percintaan untuk memberi hiburan kepada penonton-penonton di samping mereka belajar mengenai sejarah keagungan bangsa Melayu.

Kerana babak-babak percintaan itulah maka Melor diadakan, sekalipun dalam buku *Hang Tuah* tidak tersebut sama sekali." [*Gelanggang Film* Bil. 14 – April 1956, Tahun 2, makalah "Tentang Filem **Hang Tuah** yang sedang di Bikin" muka surat 4]

Filem ini juga diedarkan di Indonesia. Pihak pengeluar filem di Indonesia sendiri pernah merancang hendak membuat filem **Hang Tuah**, dan oleh itu, pengkritik-pengkiritik filem di negara itu telah memberi perhatian yang besar kepada filem ini. Pendapat Rosihan Anuar mengenai filem ini pernah disiarkan di dalam sebuah majalah yang berpengaruh di sana. Beliau merupakan seorang wartawan yang terkenal, dan pernah menjadi pemimpin harian *Pedoman* dan mingguan *Siasat* yang diterbitkan di Jakarta. Di samping menjadi seorang wartawan, beliau juga seorang sasterawan yang pandai menggubah sajak dan mengarang cerita. Rosihan Anuar terkenal juga sebagai wartawan seniman. Beliau yang berasal dari Sumatera Barat (lahir pada tahun 1922) adalah salah seorang pengasas 'Angkatan 45'. Pendapat Rosihan Anuar mengenai filem **Hang Tuah** telah disiarkan oleh *Harian Patriot* dalam ruangan 'Artis dan Studionya' seperti berikut:

"Run Run Shaw 'raja' dan taukeh filem di Singapore kini telah siap dengan filemnya yang bernama **Hang Tuah**. Dalam filem ini pemain **P. Ramlee** sebagai Laksamana Melayu yang masyhur itu. Dalam filem ini, nampaknya cuma beberapa episod (kejadian) daya **Hikayat Hang Tuah**, seperti perhubungannya dengan gadis Melor dan perkelahiannya di atas rumah dengan sahabatnya Hang Jebat diambil.

Sayang sekali kerana sutradaranya seorang India dan peranan utamanya **P. Ramlee**, maka filem ini lalu lebih tepat dinamakan "the singing Hang Tuah."

Barang siapa yang tahu betul **Hikayat Hang Tuah**, mungkin filem ini ta' tertelan olehnya. Selain dari itu, cara pengiran dari Java digambarkan dalam filem ini mungkin tak menyenangkan kebanyakan orang Indonesia. Sebab dia digambarkan sebagai seorang tukang kong kali kong (main kayu tiga), licik, busuk, yang kerjanya cuma menipu orang Melayu.

Kalau begini, kita sendiripun setuju supaya panitia sensor, Ibu Olaph, jangan kena dirayu oleh **P. Ramlee** tetapi bertindaklah dengan tegasnya, supaya filem ini forboden inching (di larang masuk) sahaja ke mari (Indonesia), sebab boleh memecah belah rasa persatuan kita. Dasarnya: "Sedarah, tak sedaging." [dipetik daripada

makalah: "Pendapat Indonesia Tentang Hang Tuah" dalam majalah *Film* Bil. 28 – Jun 1956, muka surat 33].

Di pesta filem di Hong Kong pada bulan Jun 1956, filem **Hang Tuah** telah mendapat hadiah 'Golden Harvest' kerana muzik latar belakangnya yang terbaik. **P. Ramlee** berasa tidak puas hati terhadap majikannya yang tidak membawanya menyertai festival film tersebut, biarpun beliau pernah dijanjikan akan dibawa serta bersama-sama dengan filemnya:

"Meskipun filem-filem yang dibawa ke sana adalah sebahagian besar menggantungkan harapannya kepada **P. Ramlee** sebagai penggubah lagu, pengarah dan pelakon.

Pada mulanya, Oscar 'Golden Harvest' itu dicadang dan disampaikan kepada **P. Ramlee** dengan begitu saja. Setelah **P. Ramlee** enggan menerimanya kemudian akan diberikan pada pertunjukan tengah malam filem **Hang Tuah**. Tetapi dengan ini juga **P. Ramlee** enggan menerimanya. Kemudian akan diberitahu lagi bahawa jamuan khas untuk menyampaikan hadiah ini akan diadakan tidak berapa lama lagi.

Apakah **P. Ramlee** akan menerima hadiah tersebut dalam jamuan yang akan diadakan itu belum dapat diketahui".

[Majalah *Film* Bil. 30 – Julai 1956, makalah "**P. Ramlee** Enggan Menerima Oscar", muka surat 10]

## DAENG HARRIS

[1911 – ]

Dilahirkan di Kampong Baru, Makasar, Sulawesi. Beliau mula menceburkan diri dalam wayang opera yang bernama Siti Dali Opera pada tahun 1930. Rombongan opera ini telah mengelilingi jajahan Bugis. Di dalam wayang itu, beliau memilih jo-



Dari kiri: *P. Ramlee, Kasma Booty, Jacob Booty bersama anak mereka Chempaka, dan Daeng Harris*

dohnya yang bernama Khatijah, ibu kepada Junaidah (isteri pertama **P. Ramlee**) dan Junainah. Beliau pernah berlakon sandiwara di Sarawak. Pada tahun 1940, beliau mengikuti Moonlight Opera dari Singapura, dan selepas itu mengikuti sandiwara Asmara Dana. Dalam zaman pemerintahan Jepun, beliau terus bermain wayang seperti: Jenaka Malayu; Melayu Teruna; Sakura Mu Mana dan lain-lain lagi. Beliau bertugas sebagai polis Jepun di Tanjung Pinang (Riau) sehingga British kembali. Pada akhir tahun 1947, beliau kembali bermain filem bagi Chest Company dalam cerita **Seruan Merdeka,** di bawah pimpinan Bakhtiar Effendi. Selepas itu, beliau mendapat tawaran daripada Shaw Brothers untuk berlakon dalam filem **Chempaka, Pisau Berachun** dan selepas itu filem-filem **Chinta, Nasib, Nilam, Takdir Illahi** dan **Panggilan Pulau** dalam mana **P. Ramlee** turut berlakon.

D. Harris merupakan peminat Danny Kaye, dan telah menonton filem-filem bintang kelakar Hollywood itu untuk mengikut segala gerak lakonnya.

Mukanya bersegi, hidungnya pesek dan orangnya pendek. Kata-katanya menggelikan hati dan gerak-gerinya sangat mencolek. Beliau banyak berlakon dalam filem-filem Melayu, berpasangan



*Daeng Harris dan Siti Tanjung Perak dalam filem* **Aloha**



*Daeng Harris dan A. R. Tompel*

dengan A. R. Tompel dan Siti Tanjung Perak. D. Harris tidak menjadi penghibur jenaka di dalam filem **Penghidupan** yang menampilkan **P. Ramlee** sebagai pelakon utama. Di dalam filem itu, D. Harris memegang peranan seorang pemuda yang berhemah tinggi. Kalam Hamidi telah merekodkan kata-kata D. Harris mengenai **P. Ramlee**:

"... saya masih ingat waktu mula-mula **P. Ramlee** menjejakkan kakinya di Studio Jalan Ampas. Masa itu dia orangnya jelek, kerana wajah dan potongannya tidak menarik, tapi kepada sayalah dia selalu meminta petunjuk bagaimana menjadi seorang artis filem yang berjaya. Sebagai bukti banyak orang tidak sedar, bahawa gerak-geri jenaka P. **Ramlee** itu banyak diambil dari karektor saya."

"Bapak bukan mengangkat diri nak, tapi **P. Ramlee** itu memang dulunya anak muda yang suka belajar, suka bertanya, suka mengambil tahu dari semua perkara yang mengenai filem. Kerana dia mahu belajar, mahu tahu dan pendeknya mahu

pandai, sebab itulah semua orang bijak seni jadi sahabat karibnya, seperti Allahyarham Osman Ahmad, Ahmad C. B., terbukti lagi bila dia sudah menjadi menantu saya." [**P. Ramlee** AMN - Pujaan Nusantara, 1973, oleh Kalam Hamidy di muka surat 34]

## HASHIMAH YON

[1940 - ]

Dilahirkan di Singapura. Bapa dan ibunya adalah bintang-bintang bangsawan. Ibunya Hafsah, merupakan orang seni. Ketika masih kecil, beliau sering mengikut ibunya ke lokasi, dan ini memberi beliau kesempatan untuk belajar cara-cara berlakon. Sebelum beliau menjadi pelakon utama, beliau telah tampil dalam 22 buah filem Melayu keluaran Malay Film Productions sebagai penari. Beliau mencintai muzik, dan boleh bermain piano dan menyanyi. **Anak-Ku Sazali** adalah filem pertama beliau muncul sebagai seorang pelakon yang betul-betul menghadap kamera. **P. Ramlee** memberi Hashimah peluang untuk memegang watak utama dalam filem arahannya **Pancha Delima,** di mana beliau berganding dengan Jins Shamsuddin. Filem itu telah menaikkan namanya dan meletakkannya sebaris dengan seniwati-seniwati yang terkenal pada masa itu. Tawaran terbesar daripada **P. Ramlee** adalah untuk berlakon dalam filem komidi arahannya, **Nujum Pa' Belalang**. Keistimewaan Hashimah sebagai seorang seniwati terletak dalam kebolehannya untuk menyanyi, seperti yang dilakukannya dalam filem-filem **Anak-Ku Sazali, Pancha Delima** dan **Nujum Pa' Belalang**.

Lagu *Kalau Kaca Menjadi Intan* dendangan berduet antara **P. Ramlee** dan Hashimah Yon merupakan lagu sukaramai, dan merupakan lagu latar kepada filem itu.

**P. Ramlee** banyak melahirkan bintang-bintang filem yang berbakat semasa berkhidmat di Malay Film Productions dan Merdeka Filem Setudio, dan Hashimah Yon adalah antara pelakon-pelakon yang bertuah itu.



*Hashimah Yon*

## HIDAYAH

**P. Ramlee** telah merancang untuk membuat filem mengenai cerita ini pada awal bulan Ogos 1961. Cerita ini pada asalnya bertajuk **Mencari Keampunan**, dan merupakan sebuah cerita yang menegakkan kesucian agama Islam, ciptaan **P. Ramlee** sendiri. Sebagai satu-satunya persembahan filem yang bertujuan untuk mengagungkan kesucian agama Islam, **P. Ramlee** telah menggunakan banyak tafsir ayat-ayat Quran dalam filem ini. *Majalah Filem* Bil. 17 Ogos 1961 muka surat 4 melaporkan bahawa **P. Ramlee** dan penolongnya S. Sudarmadji telah mendapat nasihat daripada Pejabat Agama Johor supaya adegan-adegan yang mengerikan atau menakutkan tidak dibuat melampau; nama-nama bagi sesuatu karektor yang jahat janganlah serupa dengan nama kebiasaan yang terdapat di dalam masyarakat Islam supaya tidak menyinggung perasaan. Pejabat Agama itu juga mengusulkan agar perkataan 'Tuhan' ditukar dengan perkataan 'Allah'.

**P. Ramlee** dengan Runme Shaw telah bersetuju pada tahun 1963 untuk membuat filem-filem Melayu yang lebih besar dan lebih meriah, berbidang luas, dan berwarna-warni. Rancangan untuk menyelenggarakan filem-filem Melayu di Hong Kong supaya dapat menerangi pasaran-pasaran international terserah kepada kepintaran **P. Ramlee** sendiri. **P. Ramlee** sungguh bangga dengan peluang ini yang akan menjayakannya dan filem bangsa. **P. Ramlee** telah mengirim cerita **Hidayah** yang lengkap kepada Run Run Shaw untuk kajian. Malangnya, filem **Hidayah** tidak pernah diselenggarakan.

## HUJAN PANAS

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Brothers Ltd. Singapore. Dibuat oleh Malay Film Productions Ltd., Singapore. Tarikh dikeluarkan: 15 Ogos 1953.

**P. Ramlee**; Siput Serawak; Aini Hayati. *Memperkenalkan*: Baby Zarinah. *Dibantu oleh*: Haji Mahadi; Hashim Nor; Mustarjo; Malik Sutan Muda; Fatimah A.

Jurugambar: R.C. Purushotham; Juru suara: Chan Chiew Tong; Processing: V. Radhakrishnan; Penyunting filem: H. R. Narayana dan Wong Fun. Pelukis: M. Haniff

Pembantu : Jurugambar: A. Bakar Lahab; Jurusuara: Law Shing Seat. Pemandangan: Rasul Hashim; Continuity: Mrs. G. Korlaart.

Lagu : **P. Ramlee**; Gurindam: Jamil Sulong; Tarian: Edith Castello.

Cerita disusun oleh: B. N. Rau; Senikata dan penolong pengarah: S. Hassan Sahab.

Diarahkan oleh: B. N. Rau.

Cerita: Amir (**P. Ramlee**) ialah seorang pelayan di sebuah restoran kepunyaan Tuan Rahim. Beliau berhasrat untuk menjadi seorang penggubah lagu. Semasa beliau sedang menggubah sebuah lagu, beliau cuba menolong Aminah (Siput Sarawak), seorang penyanyi suka ramai di tempat itu, untuk menyanyikan lagu ciptaannya. Tetapi, Aminah tidak menunjukkan sebarang minat oleh kerana Amir hanyalah seorang pelayan yang pada pandangannya tidak mungkin berjaya menjadi seorang penggubah lagu. Walau bagaimanapun, Amir berazam untuk membantu Aminah dari hari ke hari oleh kerana beliau sangat sangat cintakan Aminah. Lama kelamaan, Hasnah (Aini Hayati), seorang juruwang di restoran itu berasa kasihan terhadap Amir kerana dihina oleh Aminah apabila Amir cuba mencurahkan isi hatinya kepada beliau. Walaupun kerap kali Hasnah menunjukkan tanda-tanda kasih sayang yang jujur



*P. Ramlee, Siput Sarawak dan pengarah B. N. Rao dalam set filem* **Hujan Panas**

terhadap beliau, Amir masih mencintai Aminah.

Apabila seorang tuan punya opera, Zakaria (Mustarjo) melawat restoran itu dan terdengar lagu-lagu yang digubah oleh Amir, beliau tertarik lalu membawa Amir bekerja di tempatnya. Tetapi, Amir tidak mahu pergi jikalau tidak bersama Aminah. Akhirnya, Zakaria terpaksa mengambil mereka berdua untuk bekerja di tempatnya. Semakin hari Amir menjadi semakin disukai ramai terutamanya sesudah beliau berkahwin dengan Aminah. Tidak lama kemudian, isterinya Aminah melahirkan seorang anak lelaki. Amir sangat menyayangi anak lelakinya itu hinggakan beliau tidak berasa sebarang rasa cemburu atas keakraban isterinya dengan Hassan (Haji Mahadi), yang berhasrat menawan hati Aminah.

Akibat angkara Hassan, akhirnya Amir dan Aminah tidak lagi dapat hidup dengan aman damai. Pada suatu hari, semasa ketiadaan suaminya, Aminah lari meninggalkan rumah bersama kekasihnya serta anak kecilnya, Nana (Baby Zarinah). Kehilangan isterinya amat mendukacitakan Amir yang mula merayau ke sana sini. Apabila Hasnah mendapat tahu tentang keadaan Amir, beliau pun pergi mencari serta memujuknya untuk bekerja semula di restoran lama. Hasnah berasa gembira dengan keputusan Amir untuk bekerja di situ. Dalam pada itu, Hassan pula mula mengabaikan kekasihnya Aminah apabila didapati Aminah sudah kehabisan harta dan duit. Hassan kemudiannya menasihatkan Aminah supaya menghantar anaknya ke Jabatan Kebajikan Masyarakat. Oleh kerana menyedari Hassan tidak jujur terhadapnya, Aminah cuba mendapatkan kerja lamanya semula sebagai penyanyi tetapi tidak berjaya kerana semua orang sudah mengetahui perangainya.

Pada suatu hari, secara tidak disangka-sangka, Amir mendapat panggilan telefon daripada Aminah yang memberitahunya bahawa anak mereka sedang sakit tenat di hospital. Apabila Amir tiba di hospital, beliau mendapati tiada harapan lagi bagi anaknya untuk hidup dan beliau hanya sempat menyaksikan anaknya Nana menghembuskan nafasnya yang terakhir. Apabila melihat anaknya meninggal, Amir menjadi hilang akal lalu cuba membunuh diri. Aminah pula melarikan diri dengan berjalan menyusuli landasan keretapi. Setelah jauh berjalan, beliau pun berasa penat dan menjadi gugup apabila melihat keretapi tiba. Aminah terjatuh ke atas landasan lalu tergilis oleh keretapi itu. Akhirnya, Amir dan Hasnah hidup bahagia. Hasnah berkata:

"Sesungguhnya kesabaran adalah ibu kepada kebaikan." [Tamat]

# I

## IBRAHIM DIN

[1929 - 1996]

Dilahirkan di Kampong Baru, Kuala Lumpur. Semasa bersekolah, dia pandai mengajuk-ajuk pelat cikgunya berbahasa Melayu, dan bercakap Melayu pelat India. Bakatnya sebagai pelawak mula ternyata apabila beliau memasuki sekumpulan lawak jenaka yang bernama S.S.C.P, nama ringkas 'Sudin Sidek Comekal Party'; yang diketuai oleh Sudin Becha. Setelah mendapat didikan dan pengalaman hasil penglibatannya dengan kumpulan itu, beliau berjaya menyandang gelaran 'Chetti' dalam satu peraduan lawak di pusat hiburan Lucky World, Kuala Lumpur. Beliau kemudiannya berkawan rapat dengan S. M. Salim yang pada satu ketika bekerja di tempat yang sama, iaitu di Lever Brothers, Kuala Lumpur. Di masa pemerintahan British Military Administration, beliau menjadi pelawak di Radio Malaya. Di atas pentas, beliau berlawak bersama S. M. Salim dan Jamal Kerdil, dan kumpulan trio ini amat terkenal. Ibrahim Din diberi gelaran 'Mamak' oleh kerana suka menggayakan pelat India; dia juga boleh berbahasa Cina, loghat Kantonis. Dia suka melakukan pelat segala bangsa apabila berlakon di atas pentas.

Memandangkan bakatnya, **P. Ramlee** telah memilih beliau menjadi salah seorang daripada trio **DO RE MI**, dan juga pelakon dalam filem **Anak Bapak** arahan **P. Ramlee**.

## IBRAHIM PENDEK

[1932 - ]

Dilahirkan di Kampung Simpang Empat, Matang, Perak. Seorang pelawak yang hanya empat kaki tinggi. Beliau memasuki bidang filem menerusi jalan yang amat menarik sekali. Pada suatu hari, beliau ke Singapura untuk berkelah. Semasa berkelah, beliau telah diawasi oleh produser Run Run Shaw yang sedang berkelah bersama-sama keluarganya di tempat yang sama. Beliau adalah antara beberapa orang bintang filem di Studio Malay Film Productions yang telah diambil oleh Run Run Shaw sendiri.

Majalah *Suasana Bintang* keluaran September 1963 di muka surat 35 dalam ruangan "Darihal Bintang Pendek" mengakhirinya dengan serangkap pantun yang berbunyi demikian:

"Banyak-banyak si buah betik
Manakan sama yang baru dipetik
Banyak-banyak si orang katek
Takkan sama Che Ibrahim Pendek"

**P. Ramlee** mengulas peranan Ibrahim Pendek sebagai Haji di dalam filem **Nasib Si Labu Labi**:

"Tentu sekali akan menimbulkan ketawa besar manakala orang melihat Ibrahim yang pendek menjadi Haji bapak kepada Murni yang besar dan tinggi. Saya percaya peranan ini akan memecahkan perut penonton". [*Gelanggang Filem* Bil. 21 – Oktober 1962]

Ibrahim Pendek merupakan pelakon filem berbangsa Melayu yang pertama berlakon dalam filem Hollywood. Filem tersebut berjudul **The Spiral Road** dan



*Ibrahim Pendek didukung oleh Rock Hudson*

dibuat pada tahun 1961. Beliau berlakon bersama Rock Hudson dan Burl Ives. Pemilihan beliau adalah berdasarkan lakonannya yang menarik dalam filem **Ali Baba Bujang Lapok**, arahan dan lakonan **P. Ramlee**. Sebelum berlakon dalam filem ini, beliau berlakon sebagai pelakon tambahan dalam filem **Panggilan Pulau** bersama **P. Ramlee.**

## IBU MERTUAKU

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited, Singapore. Dibuat oleh Malay Film Productions Limited, Singapore. Tarikh dikeluarkan: 7 Mac 1962

**P. Ramlee**; Sarimah; Ahmad Mahmud; Zaiton; Mohd Hamid; Mak Dara; Ahmad Nesfu; Rahimah Alias; K. Fatimah; Shariff Dol

Cerita: Ahmad Nesfu; Disusun semula dijadikan cerita filem: **P. Ramlee**; Jurugambar: A. Bakar Ali; Lagu-lagu ciptaan dan gubahan: **P. Ramlee**; Pereka bangunan: A. V. Bapat; Pembantu pengarah: S. Sudarmadji

Pengarah: **P. Ramlee**

Cerita: Nyonya Mansor (Mak Dara) ialah seorang ibu janda kaya yang berpendapat bahawa segala-segalanya boleh didapati dengan wang yang ada di tangannya. Anak gadisnya yang bernama Sabariah (Sarimah) mencintai seorang pemuda ahli muzik, Kassim Selamat (**P. Ramlee**). Mereka telah lama membuat perhubungan melalui telefon dan juga perjumpaan rahsia.

Pada suatu hari, perbuatan Sabariah membuat perhubungan melalui telefon dengan Kassim Selamat telah diketahui




oleh ibunya. Ibunya naik marah, oleh kerana ia telah lama menunangkan Sabariah dengan anak saudaranya Dr. Ismadi (Ahmad Mahmud) yang baru sahaja kembali dari England dan sekarang membuka perusahaannya sendiri di kota itu.

Oleh kerana sangat marah, Nyonya Mansor pun menyuruh orang gajinya memanggil Kassim Selamat ke rumahnya. Kassim Selamat yang tidak tahu hujung pangkal dan tujuan perjumpaan itu menyangka bahawa perjumpaan itu bertujuan untuk mendapatkan tempahan untuk parti muziknya untuk bermain di rumah orang kaya itu. Beliau dengan berpakaian seperti biasa sahaja serta mengharapkan wang pendahuluan segera berkunjung ke rumah Nyonya Mansor. Apabila beliau sampai di rumah itu, beliau mendapati terdapat para tetamu yang lain, dan juga tuan kadi yang akan menikahkan dia dengan Sabariah.

Waktu ditanya sama ada Kassim benar-benar menyintai Sabariah, beliau mengesahkannya. Istiadat perkahwinan pun dijalankan. Sebenarnya, peristiwa itu adalah sebagai satu impian bagi Kassim, oleh kerana dengan tidak disangka-sangka, ia telah bernikah dengan gadis pujaan hatinya.

Setelah selesai istiadat perkahwinan, kedua-dua orang suami isteri itu telah dihalau oleh Nyonya Mansor. Beliau membekalkan wang untuk anaknya sambil meminta anaknya untuk menjauhkan diri dari rumah itu.

Kassim dan Sabariah berpindah ke Pulau Pinang. Pada mulanya, mereka hidup sebagai orang berada dengan menyewa hotel. Tetapi lama-kelamaan, apabila wang telah tipis di tangan mereka, mereka mulalah mencari rumah sewa; dan tak lama kemudian mereka dipindahkan ke bawah rumah, kerana tidak terdaya hendak membayar sewa.

Kassim belum juga dapat kerja, dan isterinya telah mengandung. Akhirnya, Kassim bekerja sebagai buruh kasar.

Pada suatu hari, Nyonya Mansor datang ke Pulau Pinang. Dia sangat terperanjat bila melihat keadaan anaknya yang sangat sengsara itu. Beliau merasa belas kasihan melihat keadaan anaknya seperti demikian. Dengan kebenaran suaminya, Sabariah dibenarkan pulang ke Singapura untuk bersalin di rumah ibunya.

Setelah melahirkan anaknya, Kassim telah diberitahu bahawa Sabariah telah meninggal dunia; Sabariah pula telah dimaklumkan oleh ibunya bahawa dia mendapat khabar bahawa suaminya (Kassim) telah meninggal dunia, iaitu satu muslihat oleh ibu mertuanya.

Di samping sukacita kerana mendapat anak, Kassim berdukacita mendengar bahawa isterinya meninggal dunia akibat melahirkan anaknya yang pertama itu. Sebaliknya, Sabariah juga merasa dukacita bila mendengar suaminya telah meninggal dunia, satu lagi tipu muslihat oleh ibunya.

Sabariah kemudiannya telah dikahwinkan dengan Dr. Ismadi, tunangnya di masa kecil-kecil dahulu. Dengan itu, terlaksanalah cita-cita ibu janda kaya yang terpengaruh kerana kekayaan dan pangkat itu.

Sementara itu, akibat terlalu mengenangkan nasibnya hingga tidak menghiraukan kesihatan dirinya, Kassim Selamat menjadi buta. Beliau tinggal merana menumpang di rumah seorang janda kaya yang mempunyai seorang anak gadis bernama Kalthom B (Zaiton). Dengan pertolongan orang kaya itu, Kassim Selamat kembali menjadi seorang penyanyi dan pemain saxophone buta yang popular.

Ketika dia mengadakan pertunjukan di Singapura, Kassim Selamat kembali bertemu dengan Sabariah. Dengan pertolongan Dr. Ismadi, penglihatan Kassim Selamat dapat dikembalikan.

Biarpun demikian, Kassim Selamat merasa kesal oleh kerana dia ditipu. Dengan perbuatannya sendiri matanya kembali buta dan dia merasa lebih bahagia hidup dalam dunia gelap daripada hidup dalam dunia terang yang penuh dengan kepalsuan dan kepahitan.

Walaupun mata Kassim Selamat telah buta semula, Kalthom B dengan hati yang rela menerima Kassim Selamat sebagai kekasihnya. Kassim merasa puas dengan cara itu, tetapi Sabariah dan ibunya merasa kesal oleh kerana mereka telah melakukan satu dosa yang besar dalam hidupnya. [Tamat]

**P. Ramlee** telah mendapat anugerah "Most Versatile Talent" di Pesta Filem Asia di Tokyo pada tahun 1963. Filem ini adalah filem tunggal yang menyertai pesta Filem Dunia di Paris pada bulan Januari -



*P. Ramlee dan Zaiton dalam filem* **Ibu MertuaKu**



*Mak Dara dan Sarimah dalam filem* Ibu MertuaKu



*P. Ramlee dan Mohd Hamid dalam filem* Ibu MertuaKu

Februari, 1965 dan telah mendapat Hadiah Istimewa.

Ada satu kritikan yang menyatakan bahawa **P. Ramlee** membawa para penonton kepada satu perkara yang tidak logik, yang sepatutnya tidak dilakukan oleh seorang yang berperikemanusiaan: masakan setelah beria-ia hendakkan hidup dan melihat (setelah buta), tiba-tiba bila dia (Kassim Selamat) telah sembuh dan celik—lalu dia mencucuk matanya dengan garpu supaya buta semula?

## IBU

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited, Singapore. Dibuat oleh Malay Film Productions Limited, Singapore. Tarikh dikeluarkan: 13 Jun 1953.

**P. Ramlee**; Neng Yatimah; Aini Hayati; Rosnani; *di-bantu oleh*: Haji Mahadi; Nordin Ahmad; Salleh Kamil; Mustarjo; Johnny Tan; Johar; Adek Rahman; Adek Rosli.

Jurugambar: N. B. Vasudev; Jurusuara: Chan Chew Tong; Yap Poh Kai. Penyunting Film: H. R. Narayana; Wong Fun; Hiasan pemandangan: Sulaiman Osman.

Pembantu[2]: Juru gambar: Nan Kai Juan; Juru suara: Lam Shing Seat; Continuity: Johnny Tan.

Lagu[2] dan Pantun[2] oleh: Ahmad Ja'afar, dengan Ahmad Ja'afar Orchestra. Tarian mimpi arahan: Edith Castillo; Mambo dance sequence by: C. B. Tan and Lena Marcello.

Processing: V. Radhakrishnan; Cherita dan scenario: S. Ramanathan.

Pembantu pengarah dan senikata: **P. Ramlee**

Diarahkan oleh S. Ramanathan.

Cerita: Raiha (Neng Yatimah), seorang ibu buta yang miskin, tinggal di sebuah kampung di kawasan Sungai Besi di Kuala Lumpur bersama anaknya Raimy (**P. Ramlee**) yang berumur sembilan tahun. Raimy berusaha menyara ibu dan dirinya dengan bekerja setiap hari sebagai pencuci kasut di sekitar kota. Selalu sahaja Raiha yang buta itu menitiskan air mata apabila mengenangkan penderitaan anaknya yang sebegitu muda yang terpaksa bertungkus lumus menyara hidup mereka.

Semasa dalam perjalanannya menyusur kota pada suatu hari, Raimy yang kecil itu terdengar bunyi tiupan trompet dari sebuah rumah besar. Dia mengintai melalui jendela dan terpesona melihat ahli muzik yang masyhur bernama Zulkifli (Haji Mahadi) meniup trompetnya. Semenjak itu Raimy berazam untuk menjadi seorang peniup trompet yang masyhur pada suatu hari kelak.

Kemudian, semasa Zulkifli keluar dari sebuah gedung alat-alat muzik, dompetnya terjatuh dengan tidak sengaja. Raimy secara kebetulan telah memerhatikan apa yang telah berlaku. Lalu ia memungut dompet itu dan memulangkannya kepada Zulkifli. Zulkifli mengucapkan terima ka-





*P. Ramlee dan Neng Yatimah dalam filem* Ibu

sih kepada budak itu dan mendapat tahu tentang cita-cita Raimy untuk menjadi peniup trompet yang masyhur. Semenjak itu, Zulkifli telah menjadi bapa dan guru kepada Raimy.

Setelah bertahun-tahun berlatih di bawah Zulkifli, Raimy mencapai kemasyhuran dan kekayaan sebagai seorang peniup trompet di Singapura.

Raimy selalu meniup trompet semasa berada di rumahnya di sebuah kampung di Singapura. Lagu-lagunya itu menarik perhatian seorang jiran, iaitu seorang gadis kampung yang rupawan bernama Hamidah (Rosnani). Apabila mereka bertemu, Raimy menganggap dan melayani Hamidah sebagai seorang abang. Kemasyhuran Raimy juga telah menarik perhatian Ratna (Aini Hayati), seorang gadis pintar dan pencukur yang bertujuan memerangkap Raimy dan mengikis kekayaannya menerusi perkahwinan dengannya. Tidak lama kemudian, Raimy tewas dan menjadi mangsa tindak-tanduk Ratna. Apabila kawan dan orang yang pernah menolongnya, Zulkifli, memintanya menjauhkan diri daripada Ratna, Raimy menghalaunya dari rumah. Perbuatan anaknya yang tidak mengenang jasa orang yang pernah berbudi kepadanya menimbulkan kemarahan Raiha, tetapi tidak ada siapa yang boleh berbuat apa-apa untuk menghalang anaknya terjun secara membuta-tuli ke dalam perangkap Ratna.

Ratna berjaya mengahwini Raimy dan tinggal sebagai suami isteri di rumahnya. Raiha turut tinggal bersama di rumah anaknya itu. Ratna menghina ibu mertuanya yang cuba menghalang cita-citanya. Sedikit demi sedikit, Ratna berjaya



*P. Ramlee dalam filem* Ibu



*Neng Yatimah, P. Ramlee dan Haji Mahadi dalam filem* Ibu

meracuni fikiran Raimy terhadap ibunya dengan memberi gambaran yang palsu tentang kebencian di antara ibu dan anak.

Oleh kerana tidak dapat lagi menahan kepedihan tuduhan palsu Ratna terhadapnya, ditambah pula dengan penyerahan anaknya kepada Ratna, Raiha pun meninggalkan rumah Raimy dengan tidak meninggalkan sebarang pesan.

Apabila Raimy menyedari kehilangan ibunya dengan tiba-tiba, beliau pun pergi mencari ibunya di merata tempat tetapi tidak berjaya.

Dengan matanya yang buta serta berpatah hati, Raiha merayau-rayau di dalam kegelapan malam di lorong-lorong kota Singapura. Sebuah kereta yang memecut laju melanggar Raiha dengan kuatnya. Raiha dimasukkan ke hospital. Ratna suka hati mendengar kemalangan itu manakala Raimy pula masih tidak sedar tentang peristiwa itu.

Oleh kerana fikirannya terharu akibat kehilangan ibunya, Raimy dibuang kerja. Apabila pulang ke rumah, beliau mendapat tahu tentang ibunya yang tenat di hospital. Seperti orang gila, dia bergegas mendapatkan ibunya tetapi sudah terlambat. Ibunya telah meninggal dunia beberapa minit sebelum itu. Segala air matanya tidak akan dapat menghidupkan semula ibunya yang dikasihi. Dengan kemarahan yang meluap-luap, Zulkifli memanggil Raimy manusia yang tidak mengenang budi yang bertanggungjawab atas kematian ibunya sendiri. Sekarang, barulah Raimy menyedari kebodohannya kerana dipermainkan oleh Ratna. Dia mengambil keputusan untuk membalas dendam walaupun terpaksa membunuh Ratna sendiri.

Raimy menghampiri Ratna dengan niat hendak mencekiknya hingga mati tetapi suara ibunya menghalangnya berbuat demikian.

"Walaupun aku mati, engkau mesti hidup, anakku," ibunya berbisik. [Tamat]

Aini Hayati berlakon dengan amat berkesan dalam filem ini. Beliau berasal daripada Indonesia, bapanya orang Belanda dan ibunya Minado-Jawa; nama sebenarnya ialah Evelyn Mayah. Pernah berlakon di dalam filem **Pelangi** pada tahun 1951.

## INDONESIA

Filem Melayu yang pertama dibuat sebaik sahaja tamat peperangan dunia yang kedua ialah **Seruan Merdeka** (1947), iaitu sebuah filem keluaran Studio Malayan Arts Productions Company di Istana Kampung Glam, Sultan Gate, Singapura. Filem ini, yang diterbit dan diarah oleh Syed M.A.H. Chisthy, adalah berkenaan dengan gerakan penentangan terhadap orang-orang Jepun dan semangat kerjasama di antara berbagai kaum di dalam usaha itu. Para pelakonnya terdiri daripada bintang-bintang pentas bangsawan seperti Syed Ali Al-Atas, Bachtiar Effendi, Salleh Ghani, Rokiah Hanafi dan Mohamed Pilus, MBE, bekas gerila Melayu. Bahktiar Effendi adalah seorang pengurus bolero dari Indonesia, dan beliau telah membawa beberapa orang pelakon-pelakon bangsawan untuk membintangi filem-filem Melayu di Studio Shaw Brothers, Jalan Ampas. Filem pertama yang dikeluarkan oleh Shaw Brothers selepas perang ialah **Singapura Di Waktu Malam,** yang dikarang oleh Bachtiar Effendi, yang turut menjadi penolong pengarah. Siput Sarawak menjadi pelakon utama.

Indonesia banyak menyumbangkan para pelakon terhadap filem-filem Melayu dalam tahun-tahun lima puluhan. Pihak Shaw Brothers menjalankan 'talent scouting' di kalangan pelakon-pelakon bangsawan untuk berlakon di dalam filem-



*P. Ramlee dan Raden Mochtar, 1953*

filemnya. Tujuan Shaw Brothers ialah untuk mengedarkan filem-filemnya di Tanah Melayu, Jawa, Sumatera, Siam dan Borneo. Di antara pelakon-pelakon daripada keturunan Indonesia yang diambil oleh Shaw Brothers ialah Kasma Booty, Bachtiar Effendi, Jaafar Wiryo, Daeng Idris, D. Harris, Aziz Sattar, Mustarjo, Yem, Yusoff Banjar, Osman Gumanti, Ulong Jawa, Aini Hayati dan Siti Tanjong Perak. Malah filem Melayu pertama yang dibintangi oleh Kasma Booty iaitu **Chempaka**, menceritakan kisah hidup di sebuah kampung di Sumatera dan mengenai dua orang panglima iaitu Panglima Long, seorang penyangak, dan lawannya, Panglima Geyu. Pergaduhan mereka untuk memperdayakan satu sama lain berkisar di sekitar seri panggung filem **Chempaka** itu sendiri. Pelakon wanitanya ialah Kasma Booty dari Medan yang baru berumur 16 tahun. Cerita **Chempaka** ditulis oleh Bakhtiar Effendi berumur 39 tahun. Beliau berasal dari Padang, Sumatera dan pernah menjadi wartawan, pengarang buku, penulis skrip lakonan dan pelakon. Bakat Effendi terkenal di setiap pelosok kepulauan Melayu serta di Pulau Jawa dan Sumatera. Dia mula berlakon sendiri dalam opera bolero Melayu yang dengan cepat menjadi kegemaran ramai. Semua lakonan yang dipentaskan itu mempunyai latar belakang Melayu dan Jawa Kuno. Tokoh-tokoh lain yang membintangi **Chempaka** termasuklah Suhana Effendi (isteri Bachtiar Effendi), Salleh Ghani, Yem dari Opera Nooran, Nasir, seorang pelakon lama opera Melayu dan D. Harris, seorang pelawak. Pada masa itu, suatu masalah khusus yang dihadapi oleh Shaw Brothers ialah untuk mendapat bakat yang bermutu di kalangan orang Melayu yang sukar menghapuskan prasangka mereka selama ini terhadap apa sahaja yang bersangkutan dengan pentas dan tabir wayang. Terdapat permintaan yang meningkat terhadap filem-filem Melayu. Penulis-penulis skrip Shaw Brothers memberikan cerita-cerita mereka suasana romantis dengan latar belakang Malaya atau pulau-pulau yang berhampiran, di mana Bahasa Melayu digunakan.

Pelakon-pelakon bangsawan dan pentas yang berasal daripada Indonesia memberi lakonan yang bermutu tinggi dalam filem-filem Melayu seperti Mustarjo, bintang kelakar bolero yang sudah terkenal, datang ke Malaya buat kali kedua dalam tahun 1938 dan terus menetap di sini. Antara pelakon-pelakon lain yang turut menempa nama di sini ialah Yem, Osman Gumanti, Jaafar Wiryo, Daeng Idris dan Yusoff Banjar. Yem adalah tuan punya Grand Nooran Opera. Dilahirkan pada tahun 1904, beliau mula bermain wayang bangsawan pada tahun 1914 dengan

Bangsawan Indera Permata yang mengelilingi Indonesia. Beliau mempunyai pengalaman berlakon dengan sandiwara dan filem sebelum dan sesudah perang, dan beliau juga boleh menyanyi.

Seorang seniman yang terkenal yang berasal daripada Indonesia ialah Yusoff Banjar. Beliau dilahirkan pada tahun 1914 di Kota Minyak di daerah Balik Papan, Pulau Borneo. Pada mulanya, beliau memasuki panggung bangsawan. Zaman pertengahan beliau merupakan zaman pentas sandiwara, dan kemudiannya beliau beralih ke layar putih. Sewaktu di Singapura, Yusoff Banjar berlakon dalam filem-filem keluaran Nusantara Film Company. Semasa di Malay Film Productions, beliau berlakon dalam filem-filem lakonan **P. Ramlee**, antaranya: **Nilam, Bakti, Rachun Dunia,** dan **Takdir Illahi.**

Filem-filem Melayu yang dibintangi oleh **P. Ramlee** dan artis-artis yang berasal



*P. Ramlee dan Dahlia*

dari Indonesia ini amat digemari di Indonesia. Filem-filem Melayu awal ini menggunakan telor bahasa Indonesia. Mengikut catatan Jaafar Abdullah, penerbit *Majallah Filem* beberapa buah filem lakonan **P. Ramlee** telah dijual ke Indonesia. Antara filem-filem yang dijual ke Indonesia bersama-sama dengan nilai jualannya adalah seperti berikut: (1) **Nilam**: $30,000; (2) **Rachun Dunia**: $10,000; (3) **Sejoli**: $10,000; (4) **Antara Senyum dan Tangis**: $10,000; (5) **Anjoran Nasib**: $10,000; (6) **Sedarah**: $10,000; (7) **Miskin**: $10,000; (8) **Putus Harapan**: $10,000; (9) **Hujan Panas**: $18,000; (10) **Panggilan Pulau**: $20,000; (11) **Perjodohan**: $20,000; (12) **Merana**: $39,000; (13) **Abu Hassan Penchuri**: $44,000, (14) **Penarek Becha**: $44,000, (15) **Hang Tuah**: $50,000; (16) **Semerah Padi**: $45,000 (17) **Anak-Ku Sazali**: $40,000; (18) **Bujang Lapok**: $30,000; (19) **Sergeant Hassan**: $30,000; (20) **Pendekar Bujang Lapok**: $30,000; (21) **Musang Berjanggut**: $30,000; dan (22) **Nujum Pa' Belalang**: $30,000.

Berikutan penjualan filem-filem ini, pihak Indonesia boleh menayangkan filem-filem tersebut untuk jangka masa yang tertentu seperti yang dipersetujui dalam surat-surat perjanjian.

Pada tahun 1954, pemerintah Indonesia telah membuat satu undang-undang baru mengenai import-eksport filem. Mengikut peraturan baru, bagi setiap filem Malaya yang masuk ke Indonesia, maka tiga filem Indonesia harus dibenarkan masuk ke Malaya. Tujuan undang-undang itu adalah untuk mengurangkan kemasukan filem-filem dari Malaya ke Indonesia, iaitu dari Shaw Brothers dan Keris Filem Limited dan filem-filem dari studio-studio yang lain. Kemasukan filem-filem dari Malaya ke Indonesia selama itu tidak tersekat dan terbatas. Filem-filem

Malaya sangat popular di Indonesia. **P. Ramlee**, pada masa itu, lebih terkenal di Indonesia daripada seniman dan seniwati Indonesia sendiri. Pemuda-pemuda sering menyanyikan lagu-lagu **P. Ramlee**; panggung-panggung di sana penuh sesak di waktu-waktu filem Malaya ditayangkan.

Kemasyhuran **P. Ramlee** di Indonesia telah dirakamkan di sebuah makalah dalam *Mingguan AB Edisi Pusat* pada 17 Jun 1973, yang menyatakan antara lain, bahawa:

"Bagi masyarakat Indonesia pada tahun lima puluhan terutama mereka pencandu-pencandu filem Malaysia waktu itu, tidak ada yang tak kenal nama **P. Ramlee** dalam filemnya **Penarek Becha**. Kemudian disusul dengan filem-filemnya **Rachun Dunia** dengan Siput Sarawak dan **Anak-Ku Sazali**

Filem-filem di atas itulah meningkatkan dan menjadikan **P. Ramlee** terkenal di Indonesia. Di samping aktingnya yang baik, juga **P. Ramlee** punya suara yang merdu empuk. Sehingga suaranya waktu itu banyak ditiru-tiru oleh penyanyi-penyanyi Melayu di Indonesia. Ketika itu **P. Ramlee** masih kurus belum segemuk seperti beberapa waktu ia mengunjungi Indonesia. Kadang-kadang kalau filem **P. Ramlee** diputar bisa mencapai tiga minggu bahkan sebulan di bioskop Indonesia. Waktu itu pasaran filem Malaya (Malaysia) antara lain di "Shin Tu" (dalam Taman Hiburan Lokasari). Dan yang paling sukses filemnya itu ialah **Penarek Becha**. ... aktor yang pernah menjadi gila-gila dari muda mudi kita ... **P. Ramlee** seorang bintang Malaysia pernah menjadi favourite pencandu-pencandu filem di Indonesia."

**P. Ramlee** pernah berkunjung ke Medan bersama-sama dengan Saloma dan rombongan kebudayaan Malaysia yang melawat ke Sumatera Utara: "Mereka diarak dan disandingkan di atas pelamin menurut adat Acheh ..." (Abdullah Hussein, muka surat 210). Pada 26 Disember 1962, Persatuan Artis Malaya (Persama) telah mengadakan satu 'majlis bertemu mesra' untuk meraikan bintang-bintang Indonesia yang turut serta dalam Pesta Filem-Filem Indonesia di Singapura. Antara artis-artis Indonesia yang hadir pada majlis itu ialah Sdr. Usman Ismail (Ketua produser film di Indonesia), Meike Widjaya, Rima Melati, Baby Huwae, R. Karno, dan Dicky Dzulkarnaen. **P. Ramlee** telah diminta memberi ucapan. *Majallah Filem* Bil. 25, Tahun ketiga keluaran Februari 1963 di muka surat 33 melaporkan seperti berikut:

"'Kita hamba kepada seni, dan bukan menjadi tuan kepada seni' antara kata-kata **P. Ramlee** ketika menyampaikan ucapannya dalam majlis bertemu mesra anjuran Persama."



*P. Ramlee dan Rima Melati, 1963.*

"**P. Ramlee** juga telah mengejutkan tiap-tiap hadirin ketika dia membongkar perkara-perkara yang mengecewakan hati artis-artis di Malaya, mengenai sikap beberapa orang artis Indonesia, di masa lampau, yang pernah diraikan dan disanjung tinggi di sini, kemudian 'mencaci' kami, bila mereka pulang ke Indonesia.

**P. Ramlee** mengharapkan agar perkara-perkara seperti itu tidak diulangi lagi. **P. Ramlee** mengakui artis di Malaya menganggap artis-artis di Indonesia sebagai abang. Sebagai adik, tentu banyak kekurangan dan kurang pengalaman dari abang. Adik memerlukan pimpinan dan panduan dari abang. Adik sedia mengalah tetapi bukan bererti adik bersedia menerima cacian yang membabi-buta.

Seterusnya **P. Ramlee** menekankan harapannya, agar kemesraan dan perasaan saling faham memahami, antara artis-artis Malaya dan Indonesia, sebagaimana yang ternyata dengan terangnya di malam tersebut akan berkekalan untuk selama-lamanya."

Pada hari libaran tahun 1973, di atas urusan Perfima, **P. Ramlee** berkunjung ke Jakarta di mana beliau berjumpa Junaidah setelah lama berpisah. Itulah kali terakhir mereka berdua berjumpa. **P. Ramlee** menghadiri Asian Film Festival yang ke XIX di Singapura pada bulan Mei 1973 di mana beliau:

"... sempat berbincang-bincang dengan aktor Indonesia W. D. Mochtar. Dalam satu pembicaraan serius **P. Ramlee** kemukakan ideenya, bahawa ia ingin main bersama dengan W. D. ...

Demikian pula dengan Farida Arryani. Beberapa waktu berselang sudah tercapai kata sepakat untuk memproduksi sebuah filem berjudul **Doktor Cholera**. Idea, cerita dan Skenario hasil garapan **P. Ramlee** ...



*P. Ramlee dan Bing Selamat*

Seperti diketahui, P. T. Sarinande Filmnya Turino Djunaidi juga sudah merencanakan untuk joint-production dengan perusahaan filem Malaysia yang dipimpin **P. Ramlee**." [rencana bertajuk "**P. Ramlee** Meninggal - Rencana' joint dengan Indonesia brantakan" dalam *Mimbar Berita Minggu*, Minggu 11, Jun 1973].

Akhbar berpengaruh Indonesia *Sinar Harapan* keluaran 4 Jun 1973 dalam sebuah makalah bertajuk "In Memoriam - Aktor Film Malaysia **P. Ramlee**", antara lain menyatakan:

"**P. Ramlee** ... dikenal sebagai 'bapak perfileman Malaysia dan salah satu tokoh yang mengangkat dunia musik negara tsb ke forum international'. Makalah pokok akhbar itu bertajuk "Ingin Lebih Dekat Dengan Indonesia," penulisnya, antara lain, menyatakan:

"Tampang **P. Ramlee** pertama saya kenal dalam film' yang masih berthema kuno. Ia hadir di layar film Malaysia seba-

gai anak muda yang kurus dengan muka penuh jerawatan. Tapi satu hal yang mengesan, ia selalu memegang peranan yang membela orang kecil, orang lemah dan tak berdosa. Dan hal itu agaknya terus dipertahankan hingga saat terakhir hayatnya. Ia terus membuat film di bawah penyutradaraan dan diproduksi sendiri, dengan thema yang senantiasa membela kebenaran dan orang' lemah."

"Belakangan saya rasakan, itulah agaknya yang membuat dia berhasil menanamkan simpati pada sekian banyak penggemarnya, bukan saja di kawasan Malaysia dan Singapura, juga sampai ke Indonesia."

"... Menjelang saat-saat dan terakhir, saya lihat terlalu banyak keinginan **Ramlee** untuk lebih dekat dengan Indonesia. Sekitar hari lebaran yang lalu ia datang ke Indonesia mencari kemungkinan untuk mengadakan joint membuat film di sini. Ia membawa-bawa salah satu skenario saya **Perjalanan Cinta** yang nampaknya akan dijadikan landasan untuk kerjasama tsb ..."

"Sementara itu diskusi dengan saya tentang kemampuan akting aktor dan aktris Indonesia, benar-benar terendap dalam pikirannya. Sehingga menumbuhkan keinginan kuat untuk main dalam satu filem dengan pemain-pemain Indonesia Rima Melati, Rachmat Hidayat, W. D. Mochtar, serta Soekarno M. Noor. ... Pada detik' terakhir itu masih sempat ia (W. D. Mochtar) menikmati reklame yang dilancarkan oleh **Ramlee** lewat pers Singapura. Disiarkan bahawa dalam waktu dekat, **P. Ramlee** akan main bersama aktor Indonesia yang pernah dimahkotai "Best Actor" oleh wartawan film Indonesia itu. Tentu saja W. D. Mochtar yang langsung memperoleh manfaat itu, sementara **P. Ramlee** belum habis menikmati kesan dalam Festival Film Asian itu telah menutup usia oleh serangan jantung. Ia meninggalkan rencana' yang belum tergarap. Siapa akan melanjutkan? Untuk perfileman Malaysia agaknya masih diperlukan **P. Ramlee** yang lain, yang akan melanjutkan cita' dan langkah' besarnya ..." [oleh Setiadi Tryman Ms].

## INTAN

Sebuah drama persembahan Radio Television Malaysia pada tahun 1970.

**P. Ramlee**; Fazliyaton Surya; Ebby Saifullah; A. R. Tompel; Mahmud June; Mariani; Nor K. K.; A. K. Jailani; Minah Mahmud; Leng Hussin; Hashim Hamzah; Ahmad B; Goh Swee Leong

Cerita dan skrip untuk TV: Abdullah Hussain; Lagu: Gubahan dan ciptaan: **P. Ramlee**; Lirik: Abdullah Hussain; Nyanyian: **P. Ramlee**, dengan iringan orkes Ben Puteh, pimpinan **P. Ramlee**; Jurusolek: V. Ramalingham; Pereka Set: A. V. Bapat; Penerbit: Zainuddin Nordin

Cerita: Di Kampung Asam-Asam, terdapat sebuah keluarga yang terdiri daripada Jamal bin Buyong (**P. Ramlee**), Leha (Fazliyaton Surya), dan anak mereka Hassan (Ebby Saifullah). Hassan sakit kuat, dan Leha mengadu kepada Jamal bahawa mereka kehabisan beras. Jamal tidak ada wang untuk mengubati anaknya, iaitu 'pengeras' yang dipohon oleh Pak Dukun. Jeratnya tak mengena, dan bubunya tidak disentuh ikan. Apabila Jamal pergi ke rumah Pak Ngah (A. K. Jailani) meminta beras, Pak Ngah memaklumkan bahawa dia pun 'tak makan seminggu'. Leha juga meminta beras daripada Pak Din (Mahmud June) dan isterinya (Mariani), tetapi mereka menyatakan mereka pun tidak cukup beras, sedangkan Leha terlihat mereka itu menaburkan beras untuk makanan ayam.



*P. Ramlee dan Fazliyaton dalam drama* Intan

Akhirnya, Leha menyuruh Jamal pergi ke sungai untuk melihat jerat dan bubunya. Alangkah terkejutnya Leha apabila Jamal membawa balik seketul batu yang serupa intan. Benda itu jatuh daripada tangan Jamal, dan mereka mendapati bahawa serpihannya menyerupai intan. Leha meminta Jamal membawa serpihan itu ke kedai tukang emas untuk menanyakan ketulenannya. Serpihan 'intan' pun dibawa oleh Jamal ke kedai tukang emas dan dijualnya dengan harga $250.

Berita penemuan itu telah tersebar luas di Kampung Asam-Asam. Seorang pekedai telah membawa barang-barang rumah ke rumah Jamal, dan ini menghairankan Leha, kerana mereka tidak pernah memesan barang-barang itu. Kemudian, seorang koperal polis (A. R. Tompel) juga telah datang ke rumah Jamal, dan ini mencemaskan lagi Leha, yang merayu supaya jangan menangkap Jamal kerana dia bukan seorang perompak. Koperal polis itu menyatakan bahawa kedatangannya itu ialah untuk menyiasat penemuan harta yang dianggap khazanah negara dan wajar dinilai oleh pihak Kerajaan.

Dalam pada itu, Pak Din dan isterinya yang memerhatikan kedatangan pekedai, tukang emas dan koperal polis ke rumah Jamal mengesyaki bahawa Jamal telah menjadi perompak. Jamal balik ke rumah, dengan berpakaian kemas, bertali leher dan berkot. Beliau memaklumkan bahawa serpihan itu adalah intan. Beberapa orang kampung telah datang ke rumah Jamal dengan tujuan untuk mendapat habuan, dan untuk mengetahui rahsia penemuan itu. Jamal tidak menyembunyikan penemuan intan itu.

Koperal polis datang semula ke rumah Jamal dan bertanya bagaimana Jamal mendapat barang itu. Leha menerangkan bahawa barang itu didapati dalam bubu. Koperal polis menerangkan bahawa barang itu hendaklah diserahkan kepada kerajaan. Jamal menyatakan bahawa apa yang masuk ke dalam bubunya adalah

haknya, bukan hak kerajaan. Dengan tidak semena-mena, datang pula seorang peguam (Hashim Hamzah) yang bertindak hendak memberi perlindungan kepada Jamal yang berkeras menyatakan bahawa intan itu kepunyaannya. Leha menasihati Jamal supaya taat kepada kerajaan dan undang-undang. Koperal polis itu memaklumkan bahawa barang itu tidak boleh disimpan sebarangan dan boleh mendatangkan bahaya kepada penyimpannya.

Barang itu pun ditimbang beratnya dan koperal polis memaklumkan bahawa kerajaan akan mengkaji akan kesahihannya. Didapati bahawa barang itu beratnya 10 kati 3 tahil. Surat kuasa penyerahan ditandatangani oleh Jamal, dan barang itu pun diambil oleh koperal polis. Peguam itu pun memperolehi surat kuasa daripada Jamal.

Selepas ini, barang-barang di rumah Jamal pun bertambah. Tukang jahit (Leng Hussin) datang ke rumah untuk menambahkan lagi bilangan baju Jamal. Jamal berasa dia 'macam nak gila': barang-barang dan perabot bertambah banyak; dia tidak membeli barang-barang itu kerana rumahnya sempit, dan pakcik-pakcik yang tak kenal pun mengaku saudara mereka. Apabila peguamnya datang ke rumah, Jamal merintih kepada peguam dengan menyatakan bahawa dia tak sangka yang orang kaya boleh jadi susah, takut dan curiga. Peguam memaklumkan bahawa penemuan Jamal telah menjadi berita dunia, dan dia merupakan objek pelancongan, dan patut malu duduk di rumah buruk itu. Peguam itu meminta Jamal sekeluarga pindah ke rumah besar yang baru, yang pembeliannya telah diuruskan oleh peguam itu sendiri. Rumah itu lengkap dengan peti sejuk, mesin pencuci kain dan ketuhar elektrik. Jamal telah menandatangani surat pembelian sambil peguam itu menyatakan kepadanya "duit kemudian, sain dahulu". Jamal melafazkan kesusahan hatinya kerana memperolehi barang-barang tanpa kerja; dia tidak mahu kehidupan seperti itu; dia mahu bekerja.

Koperal polis kemudian datang ke rumah Jamal untuk berjumpa dengan peguamnya. Beliau memaklumkan bahawa intan yang didapati oleh Jamal itu telah dianalisa dan didapati masih belum cukup matang lagi. Kecai-kecai intan itu telah dilambakkan di hadapan Jamal dan orang-orang yang berada di situ. Pak Din yang mengharapkan sesuatu daripada Jamal jatuh pengsan dan menghembuskan nafasnya yang terakhir. Peguam pun menyerahkan balik surat kuasa kepada Jamal dan meminta mereka meninggalkan rumah itu dengan serta-merta. Jamal berkata: "masuk angin keluar asap". [Tamat]

# J

## JAAFAR WIRYO

[ - ]

Seorang pelakon dan penolong pengarah di Malay Film Productions Limited, Singapore. Beliau adalah jurulatih kepada bintang-bintang harapan di studio itu. Antara seniwati yang pernah dilatihnya ialah Rokiah yang berlakon di dalam beberapa buah filem lakonan **P. Ramlee** iaitu **Antara Senyum dan Tangis, Putus Harapan, Sejoli** dan **Penghidupan**. Filem terakhir beliau di Malay Film Productions ialah **Aladdin,** iaitu sebesar-besar filem yang pernah dibuat oleh studio yang berkenaan pada ketika itu. Pada bulan November 1951, beliau memasuki Kris Film Studio sebagai pengarah (director).

Jaafar Wiryo pada mulanya pelakon bangsawan dan memasuki Malay Film Productions pada tahun 1947. Pada tahun-tahun awal sejarah perfileman Melayu, beliau berlakon dalam filem **Dewi Murni, Aloha, Chinta, Nilam** dan **Nasib.** Nama beliau dalam filem-filem tersebut sebaris dengan nama-nama D. Harris, Siti Tanjung Perak, Osman Gumanti, A. R. Tompel dan Daeng Idris. **P. Ramlee** merupakan pelakon kecil dalam filem-filem **Chinta, Nasib** dan **Nilam.**

Pendapat beliau mengenai **P. Ramlee** adalah seperti berikut:

"**P. Ramlee** itu seorang seniman yang artistik, segala geraknya semuanya seni.



*Jaafar Wiryo (kanan) bersama S. Kadarisman*

Anehnya terbawa-bawa dalam penghidupannya sehari-hari. Tapi itu bukan dibuat-buat, bukan diada-adakan, memang demikian sifatnya semula jadi ... Tapi saya banyak menonton filem-filem **P. Ramlee,** baik dia sebagai aktor baik pun sebagai sutradara, kapan filemnya diputarkan di Indonesia ... kelihatan **P. Ramlee** bukan saja seniman filem, tapi juga satu-satunya pejuang filem Melayu. Seorang pejuang tidak pernah puas [Kalam Hamidy: muka surat 56]

## JAMIL SULONG

[1926 - ]



*Jamil Sulong (kanan) bersama S. Sudarmadji*



*Jamil Sulong dan Rosnani, 1954*

Dilahirkan di Parit Sulong, Johor. Di permulaan kerjayanya di Malay Film Productions Limited, Singapura, beliau bekerja sebagai penterjemah. Kemudian, beliau menjadi pembantu pengarah bagi setiap gambar arahan K. M. Basker dan beberapa orang pengarah bangsa India yang lain. Beliau mempunyai kemahiran dalam penulisan gurindam atau lirik lagu-lagu. Banyak lirik lagu-lagu filem **P. Ramlee** seperti **Hujan Panas, Siapa Salah, Panggilan Pulau** dan beberapa buah filem yang lain ditulis oleh Jamil Sulong. Pada bulan Januari 1958, beliau telah bersetuju menjadi pengarang majalah *Gelanggang Filem* yang diterbitkan oleh **P. Ramlee**.

Di dalam bukunya *Kaca Permata - Memoir Seorang Pengarah* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990) di muka surat 21, Jamil Sulong menulis mengenai **P. Ramlee**:

"Kemasyhurannya tambah meningkat dan mula mengatasi artis-artis lain, apabila diberi peranan berlakon di samping Rokiah dan Maria Menado dalam filem **Penghidupan** (1951), arahan L. Krishnan.



*Raj Kapoor*

Begitu besar pengaruh **P. Ramlee** ketika itu hingga peminat meniru cara beliau menyanyi, cara beliau menyimpan rambut, (agak tinggi sedikit di tengah tengah kepala) dan juga meniru fesyen pakaian beliau, yang waktu itu kegemarannya ialah baju yang agak bertampal-tampal dengan corak yang berlainan warna, dan den-

gan cara berjenaka disebut baju kurang kain."

Mengenai lakonan **P. Ramlee**, Jamil Sulong menyatakan demikian di muka surat 23-24 dalam bukunya:

"Kerana pengaruh filem Hindi ini juga banyak pelakon tempatan meniru gaya lakonan artis-artis itu, hinggakan apabila ada peranan jahat, pelakon yang memegang peranan jahat akan menggunakan misai dan memakai kemeja yang bercorak silang atau dam, seperti yang terdapat pada filem-filem India waktu itu sedangkan pelakon India ini pula tertiru-tiru gaya samseng dalam filem koboi. **P. Ramlee** sendiri pada mulanya tertiru-tiru dengan gaya lakonan Dilip Kumar dan Raj Kapoor sama ada dengan sengaja atau tidak".

## JANGAN TINGGAL DAKU

Dibuat oleh Merdeka Filem Productions. Tahun dikeluarkan: 1971.

**P. Ramlee;** Noor Azizah; Ismail Mahmood; *dibantu oleh:* Norsiati Omar; R. Suriani Jaafar; Sonny Abdullah; Idris Hashim; H.S. Zamilah; *dan:* Osman Botak; Dinda Sumantri; Karim Siraji; Mustaffa Sutan; Kamal Herman; Ismail Bond; Wan Haron; Peter Hashim; Ahmad B; *serta* pelakon kecil: Rafidah Bakhtiar; Ebby Saifullah.




Teknik Fotografi: Siew Chan Wah; Pelukis Utama: Choong Siat Yin; Rakaman Akhir: Tan Chuan Hock; Editing: Johari Ibrahim

Penolong: Pengarah: A. Bakar Jaafar; Jurugambar: Amin Zaa; Suara: Mustaffa; Pelukis: Esa Ahmad; Penjaga Make-up: Rokiah Osman; Makmal: Roseline Teoh; Zainuddin Hussein

Sutradara dan lakon layar oleh: **P. Ramlee** AMN

Cerita: Tahirah (Nor Azizah) anak perempuan Dato Mahmud (**P. Ramlee**), seorang majistret di Pulau Pinang, suka berkawan dengan Tahir (Ismail Mahmud), anak orang gaji mereka, Mariam (S. Suriani). Tahirah sentiasa berasa simpati terhadap budak lelaki yang malang itu serta ibunya yang sudah kematian suami. Persahabatan mereka terputus apabila Dato Mahmud ditukarkan ke Kuala Lumpur.

Manakala Tahirah membesar di Kuala Lumpur dan mendapat pendidikan yang terbaik, Tahir pula hidup bersama ibunya dengan tenang dan serba ringkas, menjaga kedai kecil mereka di kampung.

Selepas kematian ibunya dalam suatu kejadian ribut, Tahir meninggalkan kampung itu untuk hidup di kota. Di situ, beliau terserempak dengan kegiatan sekumpulan pencuri kecil-kecilan. Kumpulan itu mengkagumi kecerdasan dan keberaniannya lalu melantiknya sebagai ketua. Di bawah pimpinannya, kumpulan itu menumpukan kegiatan jenayah mereka terhadap orang-orang kaya yang tidak bertimbang rasa. Dengan cara demikian, Tahir bukan

sahaja disukai ramai malah dihormati di kalangan masyarakat penjenayah.

Dalam suatu lawatannya ke Kuala Lumpur bagi membantu menyelesaikan perselisihan di antara dua kumpulan yang bermusuhan, dia terperanjat apabila menemui sebentuk cincin di antara barang-barang kemas yang disamun oleh rakan-rakannya itu. Beliau mengenali cincin itu sebagai cincin yang pernah diberikannya kepada Tahirah semasa kecil dahulu. Tahir naik marah apabila mendapati bahawa mereka telah merompak rumah Dato Mahmud. Tahir mahu mereka memulangkan barang curian itu, dan dalam pertengkaran yang berlaku, Tahir menembak mati mereka semua.

Tahir yang menghantar barang curian itu ke rumah Dato Mahmud sendiri termasuk ke dalam perangkap polis yang dipasang oleh Inspektor Rosley, tunang Tahirah. Tahir akhirnya dihukum mati kerana kesalahannya. Semasa dalam penjara, Tahir meminta untuk bertemu dengan Dato Mahmud. Pada waktu itu, barulah Dato Mahmud mengenali Tahir, lalu beliau dengan serta-merta memanggil Tahirah yang sedang bercuti di Singapura bersama Rosley. Tahirah sampai di Kuala Lumpur tetapi sudah terlewat. Tahir sudah menjalani hukuman gantung. Tahirah amat berdukacita apabila Dato Mahmud menerangkan bahawa Tahir adalah saudara kandung Tahirah sendiri. Tahirah telah diambil sebagai anak angkat oleh Dato Mahmud atas permintaan bapa Tahirah sendiri, seorang sahabat karib Dato Mahmud yang telah meninggal dunia dalam satu kemalangan. [Tamat]



P. Ramlee dan Jins Shamsudin

## JINS SHAMSUDIN (DATO)

[1935 - ]




Dilahirkan di Taiping, Perak. Nama asalnya ialah Mohamad Zain Samsudin. Pada 16 Mei 1956, beliau telah diuji bakat oleh **P. Ramlee** di Studio Jalan Ampas, Singapura. Pada akhir tahun 1956, Jins berlakon sebagai pelakon tambahan dalam cerita **Putera Bertopeng**. Pengarah **P. Ramlee** memilih beliau sebagai pelakon utama di dalam filem **Pancha Delima.** Pelham Groom, seorang pengkritik filem yang terkenal pada masa itu telah menulis mengenai lakonannya dalam filem itu seperti berikut:

"Jins Shamsudin merupakan 'penemuan' Shaw Brothers yang terbaru. Dia seorang pemuda yang amat kacak dengan gaya bersahaja yang pasti sahaja dapat menempa namanya dengan segera sekiranya

dipimpin oleh pengarah-pengarah yang baik."[*The Free Press Saturday Magazine* - 29 Jun 1957, "Film Previews", muka surat 4]. [Terjemahan]

Selepas itu, dia berlakon dalam banyak filem, dan di samping **P. Ramlee** dalam filem **Sergeant Hassan**.

Jins Shamsudin adalah ciptaan **P. Ramlee,** dan beliau menganggap **P. Ramlee** sebagai gurunya. Beliau pernah menyatakan demikian:

"Satu pengajaran yang amat berguna yang saya perolehi daripadanya ialah disiplin. Apabila **Ramlee** mengatakan penggambaran akan bermula pada 7 pagi, eloklah jangan lambat. Kalau tidak, beliau akan mendera anda dengan tidak memperdulikan kehadiran anda di situ atau sengaja membiarkan anda menunggu hingga lewat petang untuk adegan anda digambarkan, tidak kira sama ada anda seorang bintang pujaan atau hanya pelakon tambahan." (*Malaysian Business*, 16 Jun 1998). [Terjemahan]

Semasa **P. Ramlee** menjadi Presiden PERSAMA, beliau telah mengetuai mogok kerana membantah tindakan majikan yang membuang kerja lima orang ahlinya. Jins sendiri menyertai mogok itu. **P. Ramlee** dan Jins Shamsudin pernah berbeza pendapat mengenai dua perkara. Pertamanya ialah mengenai waktu bekerja:

"... **P. Ramlee** bekerja tidak mengikut waktu dan tidak boleh dipaksa-paksa kerana manusia **P. Ramlee** bekerja apabila mempunyai ilham dan daya imaginasi. Kadang kala dia bekerja sampai pukul 2.00 atau 3.00 pagi menulis lirik lagu, skrip filem, menggubah lagu untuk filem dan membuat kerja-kerja lain. Keadaan ini menyebabkan beliau datang lewat ke studio dan boleh menjejaskan perkhidmatan yang melibatkan pekerja lain. Jins Shamsudin terpaksa menegur sikap **P. Ramlee,** tetapi tindakan itu kemudiannya menimbulkan pergolakan peribadi hingga mencabar kedudukan tokoh filem ini dalam PERSAMA." [*Suria Kencana - Biografi Jins Shamsudin*, oleh Mohd Zamberi A. Malek - muka surat 235 - 236].

Rancangan **P. Ramlee** untuk mengarah filem **Seniwati** di Hong Kong juga telah menimbulkan kritikan daripada Jins Shamsudin atas alasan bahawa filem itu tidak akan melahirkan filem Melayu yang berteraskan budaya Melayu tulen, dan

"... agak janggal menyaksikan pelakon tambahan dari Hong Kong beraksi dengan memakai tanjak, baju kurung, kebaya dan sebagainya." [Mohd Zamberi A. Malek: muka surat 236]

**P. Ramlee** memilih Jins Shamsudin untuk berlakon dalam filem arahannya **Kanchan Tirana** di Merdeka Filem Studio, Kuala Lumpur, pada akhir tahun 1968, iaitu selepas 10 tahun mereka berlakon bersama dalam filem **Sergeant Hassan** (1958), di Malay Film Productions, Singapura.

Apabila Jins Shamsudin menjadi pengarah, beliau memberi penghormatan kepada **P. Ramlee** memegang peranan sebagai seorang ayah dalam filem **Bukan Salah Ibu Mengandung**.

"Pada kebiasaannya, **P. Ramlee** tidak akan menerima tawaran berlakon di bawah arahan orang lain. **P. Ramlee** muncul di set penggambaran tepat pada waktunya, seperti juga ketibaan pelakon lain ... [Mohd Zamberi A. Malek: muka surat 84]

Jins Shamsudin berkata:

"Tentulah dalam menggambarkan adegan yang dilakonkan oleh **P. Ramlee** itu, dia dapat melakonkannya dengan licin, meskipun senikata nya berjela-jela panjangnya. ... **P. Ramlee** bukan se-orang

seniman sebarangan" [*Majallah Filem* - April 1969, muka surat 33]

Bagi filem kedua arahan Jins Shamsudin iaitu **Di Belakang Tabir** (1969), **P. Ramlee** turut berlakon dalam beberapa babak saja. P. **Ramlee** berlakon sebagai ASP Azman. Kata **P. Ramlee**:

"Peranan ini membikin saya terkenang kepada cerita **Sejoli** dalam mana saya gagah berlakon sebagai seorang pegawai askar Melayu. Saya teringat tentang 'gagahnya' saja. Bukan tentang ceritanya. **Sejoli** hanya mengisahkan cinta. Tapi **Di Belakang Tabir** mengisahkan kisah jenayah." [*Majallah Filem* – October 1969, muka surat 44]

Pada awal bulan Januari tahun 1970, Jins Shamsudin berlepas ke London untuk mengikuti kursus Diploma In Motion Picture Technology. **P. Ramlee** menjadi salah seorang penjamin biasiswanya. Sekembalinya pada bulan Jun 1972, beliau bergiat dalam PERFIMA, bersama **P. Ramlee**.

Jins Shamsudin juga menjadi pilihan **P. Ramlee** dalam lakonan pentas. Pada tahun 1959, Jins Shamsudin mengambil bahagian dalam purba wara **Sultan Mahmud Mangkat Di Julang** di bawah arahan **P. Ramlee** di Singapura. Pada tahun 1970, Jins bersama **P. Ramlee** dan Sarimah berlakon dalam sandiwara pentas di auditorium MARA dalam cerita **Sam Pek Ang Tai**.

Pada 14 Disember 1986, di Pesta Filem Malaysia ke-6, Jins Shamsudin adalah seniman pertama menerima Anugerah **P. Ramlee**, berasaskan sumbangannya mengembang, memaju dan meningkatkan industri perfileman Melayu khususnya. Beliau:

"... menceburi dunia perfileman selama 30 tahun; memegang teraju utama (wira) dalam 48 buah filem; mengarah sebanyak lapan buah filem; menerbitkan sebanyak lima buah filem; anak Melayu pertama mendapat latihan formal di luar negeri dalam bidang seni fotographi; mempunyai studio perfileman, studio rakaman dan peralatan filem sendiri; Presiden GAFIM; ketokohannya terkenal bukan sahaja di Malaysia malah di peringkat antarabangsa dalam dunia perfileman" [Mohd Zamberi A. Malek: muka surat 157].

Jawatankuasa Pertandingan bagi anugerah itu berpendapat:

"Penerimanya juga tidak semestinya tokoh yang serba boleh seperti **P. Ramlee** kerana keistimewaan bakat dalam pelbagai bidang yang dimiliki oleh **P. Ramlee** adalah satu dalam sejuta dan tidak mungkin dapat dicari ganti." [Mohd Zamberi A. Malek: muka surat 156]

## JIWA PUTERA MELAYU

Cerita sejarah karangan Jaafar Wiryo. Cerita ini telah dipersembahkan oleh PERSAMA sebagai sandiwara radio pada 1 Januari 1955. Ahli-ahli keluarga persatuan itu yang mengambil bahagian dalam sandiwara ini ialah H. M. Rohaizad (Tun Hussain); Mariani (Tun Fatimah); Omar Rojik (Tun Kassim); Salleh Kamil (Sharif); Aziz Sattar (Tun Ali) dan Malek Sutan Muda (Bapa Tun Fatimah). **P. Ramlee** menjadi penyiar sandiwara tersebut.

Cerita sejarah ini diberi ruang waktu selama 28 minit oleh Radio Malaya. Di dalam waktu yang singkat itulah dipersembahkan cerita ini yang memperlihatkan peribadi dan keagungan wira bangsa Melayu sebagai bangsa yang berbudi pekerti, tak segan untuk memaafkan kesalahan walau bagaimana besarnya sekalipun kerana kewajipan kepada negara itu lebih besar dan lebih dari segala-galanya.

Pada suatu malam dalam bulan Jun, 1956, PERSAMA di bawah pimpinan **P. Ramlee** telah mengadakan pertunjukan sandiwara lima babak cerita **Jiwa Putera Melayu,** bertempat di Stadium Happy World, Singapura. Mengikut **P. Ramlee,** Yang Di Pertua PERSAMA, pertunjukan itu:

"... bukanlah semata-mata untuk mencari wang atau berbuat komersial, tetapi untuk mempertinggi mutu seni bangsa" [Majalah *Film*, Bil. 28 – Jun 1956, makalah "Malam PERSAMA - Pertunjukan Bintang-Bintang", muka surat 31]

## JUNAIDAH

[1932 – 1998]

Beliau adalah anak kepada pelawak Daeng Harris dan berkahwin dengan **P. Ramlee** pada tahun 1950. Terdahulunya, beliau pernah berkahwin dan mendapat seorang anak yang lahir pada 16 Mac 1949. Perkahwinannya dengan **P. Ramlee** dikurniakan dua orang anak, iaitu Nasir dan Arfan. Nasir dilahirkan pada tahun 1953. Arfan adalah dalam kandungan Junaidah selama 5 bulan apabila **P. Ramlee** dan Junaidah bercerai pada tahun 1955. Junaidah pernah menjadi seniwati di Malay Film Productions Limited, Singapura, dan telah berlakon dalam filem-filem **Nasib, Nilam, Rachun Dunia, Penghidupan, Kembar, Bapa Saya** dan **Rayuan Sukma.** Di dalam filem **Permata di Perlimbahan,** beliau memainkan peranan penting di samping Maria Menado. Selepas itu, beliau memasuki syarikat filem Nusantara Film Productions.

Selepas bercerai dengan **P. Ramlee,** Junaidah berkahwin dengan A. Harris, seorang pelakon, penulis dan penggubah lagu. **P. Ramlee** pernah meminta A. Harris menulis skrip untuk filem bernama **Pendekar Muda.** Isinya menitik-beratkan hidup pendekar-pendekar zaman dahulu, dan agak sama dengan isi cerita **Semerah Padi.** Selain daripada ini, **P. Ramlee** juga pernah meminta beliau menulis sebuah skrip lagi yang menggambarkan 12 jenis watak di dalamnya - daripada watak penjudi yang buruk hinggalah watak si alim yang paling baik. Cerita itu dinamakan **Kamar 12.** A. Harris pernah menjadi pelakon Shaw Brothers di dalam filem **Kaki Kuda.**

Hasil perkahwinan Junaidah dengan A. Harris telah menghasilkan empat orang anak; Herda (38); Afuan (28); Dahria (26) dan Linda (22).

Junaidah telah ditemubual oleh akhbar *Mimbar Derita* (Minggu 17 Jun 1973) dan menyatakan:

"Bukan kerana orangnya (**P. Ramlee**) sudah meninggal dunia, tapi terus terang saya yang pernah merasakan sendiri bahawa 1000 kali berbahagia setiap wanita yang dapat bersuamikan dia."



*Junaidah bersama Arfan semasa kecil*



*P. Ramlee dan Junaidah, 1953*

Junaidah, sebelum akhir hayatnya, menjadi jurulatih seni taichi Persatuan Taichi Indonesia.

Junaidah meninggal dunia di rumahnya di Jalan Martapuri, Jakarta Pusat pada 1 April 1998, dan dikebumikan berdekatan pusara Arfan (yang meninggal dunia pada awal tahun 1998) di Tanah Perkuburan Karet Kebembem, Jakarta Pusat.

## JUWITA

Diterbit dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited, Singapore. Dibuat oleh Malay Film Productions Limited Singapore. Tarikh dikeluarkan: 12 Oktober 1951.

**P. Ramlee**; Kasma Booty; *dan dibantu oleh:* A. Rahim; Salmah; Saadiah; D. Harris; Ulong Jawa; Siti Tanjung Perak.

Diarahkan oleh: S. Ramanathan; Cherita ditulis oleh: S. Ramanathan; Pembantu: **P. Ramlee;** Penyusun Seni Kata: **P. Ramlee;** Pengarang lagu-lagu: B. Yusuff; Penggambar: Koh Jee Soon; Pengambil suara: Chong Chee Liat; C. M. Lee;

Cerita: Abidin (**P. Ramlee**), seorang penggubah lagu yang masyhur, pulang ke kampung bunga selepas meninggalkannya selama lima tahun dan terperanjat mendapati buah hatinya semenjak kecil, Juwita (Kasma Booty), telah menjadi buta. Dia bersumpah untuk mengembalikan penglihatan Juwita walaupun terpaksa menggadai nyawanya sendiri.

Dalam pada itu, Hassan (A. Rahim), teman Abidin semasa budak-budak dahulu, secara diam-diam memupuk cita-cita untuk memiliki Juwita yang cantik itu. Dia bermuafakat dengan Rohani (Salmah), seorang penari dalam kumpulan Abidin untuk memusnahkan percintaan di antara Abidin dengan Juwita, oleh kerana Hassan menyedari yang Rohani amat berminat terhadap Abidin.

Abidin tidak menyedari sikap berpura-pura Hassan lalu mewakilkan



*P. Ramlee dan Kasma Booty dalam filem* **Juwita**



*P. Ramlee, Kasma Booty, Ulong Jawa dan Saadiah dalam filem* Juwita

tugas membantu urusan pembedahan mata Juwita kepadanya, oleh kerana Abidin terpaksa berlepas ke Bangkok untuk memenuhi suatu perjanjian. Hassan yang berasa seronok dengan peluang itu berjanji untuk melaksanakan permohonan Abidin.

Di Bangkok, Rohani mencuba sedaya upaya untuk menawan hati Abidin tetapi ditolak oleh Abidin, kerana di dunia ini kalbunya hanya dimiliki oleh Juwita. Dengan perasaan dendam dan sebagaimana dirancang terlebih dahulu dengan Hassan, Rohani mengirim telegram kepada Juwita memberitahunya yang Ramlee telah mati dalam suatu kemalangan di Bangkok.

Juwita, yang telah dapat melihat semula melalui kasih sayang dan sokongan Abidin, menerima berita kematian Abidin itu sebagai satu pukulan hebat. Bapanya, Salim (Ulong Jawa), juga pengsan mendengar berita itu. Dia kemudiannya meninggal dunia selepas menyerahkan Juwita kepada jagaan Hassan sebagai isterinya. Hassan bergembira atas kejadian yang menguntungkannya itu.

Abidin pulang dari Bangkok dan menghadapi tamparan hebat apabila mendapati bahawa kekasihnya Juwita telah menjadi isteri kawan baiknya Hassan. Dia bersemuka dengan Juwita lalu mencurahkan segala isi hatinya serta menuduh Juwita menggunakan kasih sayang bagi mencapai hasratnya untuk melihat semula. Juwita melutut di kaki Abidin, meminta Abidin mendengar keterangannya terlebih dahulu, tetapi Juwita ditolak oleh Abidin.

Semenjak kejadian itu, maka terjadilah pula pertengkaran di antara Hassan dan Juwita, di mana Hassan menampar isterinya itu. Menerima tamparan ini, Juwita lari dari rumah Hassan untuk mencari Abidin bagi menerangkan hal yang sebenarnya.

Abidin yang sedang diselimuti perasaan benci dipujuk rayu oleh Rohani. Pujukannya tidak mendapat sambutan. Rohani naik marah dan menceritakan bagaimana dia menghantar telegram bohong dahulu supaya Hassan dapat berkahwin dengan Juwita.

Kini, barulah Abidin insaf siapa yang sebenarnya setia dan siapa yang menjadi pengkhianat. Abidin terus keluar dari rumahnya untuk mendapatkan Juwita. Sementara itu, Juwita yang telah berputus asa sampai ke sebuah jambatan dan ingin terjun ke dalam air, tetapi imannya melarang. Lalu, Juwita pun pergi ke tempat pertemuannya dengan Abidin dahulu.



*P. Ramlee dan Kasma Booty dalam filem* Juwita

Di sanalah mereka berdua bertemu dan mencurahkan kata hati masing-masing. Sementara itu, Hassan menaiki sebuah kereta, cuba mengejar Juwita. Begitu juga dengan Rohani, yang menaiki sebuah kereta lain untuk mengejar Abidin. Dengan takdir Illahi, kedua-dua kereta yang dinaiki oleh pembelot-pembelot itu berlanggar antara satu sama lain.

Hassan tercedera parah dan sebelum meninggal dunia bertaubat daripada perbuatan yang salah, manakala Rohani ditangkap polis atas tindakan membawa kereta dengan membuta-tuli dan menyebabkan kematian Hassan.

Abidin dan Juwita meneruskan hasrat mereka untuk menjadi suami isteri yang bahagia. [Tamat]

# R

## KACHEP MAS

**P. Ramlee** menyusun cerita sandiwara ini. Bahagian Melayu, Radio Singapura telah menyiarkan cerita ini, (disusun semula oleh pelakon filem dan radio, Yusuf Latiff) pada malam 3 Jun 1961. Sandiwara itu mengisahkan perbuatan zina antara isteri penghulu dengan naib penghulunya di sebuah negara yang bernama **Kachep Mas**. Perbuatan itu telah disaksikan oleh beberapa orang. Dato' Penghulu, sebagai hakim bagi kes ini, setelah mendapat saksi-saksi yang nyata terhadap perbuatan itu, telah menghukum kedua yang tertuduh itu mengikut dasar negara **Kachep Mas**: perempuan yang telah sabit dihukum kacip sampai mati; sementara naib penghulu dihukum sebat seratus rotan.

Akhbar *Berita Minggu* keluaran 4 Jun, 1961 menyiarkan pendapat seorang ahli agama, seperti berikut:

"Saya sungguh bergembira melihat ada pengarang cerita, sama ada yang dipentaskan, dibukukan dan disandiwara radiokan, yang menitikberatkan unsur agama di dalam ceritanya.

Tetapi di dalam menitikberatkan unsur agama di dalam cerita tadi, hendaklah berdasarkan ajaran agama yang sebenarnya, supaya ia benar dapat menyedarkan masyarakat umum, terutama masyarakat Islam sendiri, tentang pengajaran agamanya.

... cerita sandiwara **Kachep Mas** memang baik dan boleh dijadikan pengajaran kepada sesiapa yang berkesempatan mendengarnya. Tetapi sayangnya, hadith yang menyebutkan tentang hukuman zina itu



Kachep Mas - *di sebelah kanan, P. Ramlee*

yang dikatakan "boleh dilakukan mengikut dasar dan pentadbiran sesebuah negara amatlah saya sesalkan sekali."

**P. Ramlee** telah memberi penjelasan di dalam akhbar *Berita Harian* keluaran 8 Jun 1961 (Khamis), antara lain, seperti berikut:

"Saya berterima kasih atas perhatian terhadap cerita radio saya itu, dan ini adalah hal yang penting untuk sama² kita fikirkan bagi faedah bersama. Saya faham tentang hukum Ko'ran tentang hukum orang² yang belum kahwin kalau berzina di hukum sebat seratus kali. Tetapi di negeri Acheh, sebuah negeri yang memegang kuat hukum² Islam pada zaman dulu, mereka menghukum orang² yang berzina dengan hukuman 'lesung batu'. Hukum ini dijalankan dengan kepala orang yang dihukum itu dimasukkan ke dalam sebuah lesung batu lalu dikacipkan dengan antan sehingga mati. Jadi tidaklah salah kalau dalam cerita **Kachep Mas** itu terdapat hukuman kacip sampai mati ke atas orang yang berzina itu. Bagaimanapun, hukuman di dalam cerita radio itu tidaklah dimaksudkan untuk mengubah hukum² yang telah ditentukan oleh Ko'ran".

## S. KADARISMAN
[1922 - ]

Beliau dilahirkan di Pulau Jawa dan berasal daripada sebuah keluarga seni—bapanya pengasas pementasan bangsawan dan ibunya pula primadona bangsawan. Selepas perang, beliau berkecimpung dalam dunia pementasan dengan menyertai rombongan sandiwara, seperti Jenaka Melayu yang dikendalikan oleh Aman Belon, Melayu Teruna, Chenderamata dan lain-lain. Penyertaannya di dalam bidang pementasan bangsawan dan sandiwara memberi peluang kepada beliau untuk menghalusi pementasan drama, seni tari dan seni budaya. Dengan kemunculan perfileman Melayu selepas perang, maka cahaya gemilang dan era sandiwara dan bangsawan bertambah malap.

Beliau mula berlakon di layar perak pada tahun 1941 dalam filem **Menantu Derhaka** yang diusahakan oleh sebuah syarikat Indonesia. Pelakon-pelakon lain terdiri daripada D. Harris, Yusuf Banjar, Daeng Idris dan Ismail Kassim.

Beliau kemudian bekerja dengan Nusantara Film Company Singapura, dan berlakon dalam filem **Perkahwinan Rahsia**, bersama Eloni Hayat, Rokiah Hanafie dan Daeng Idris; dalam filem **Norma**, berlakon bersama Salmah Ismail, Daeng Idris dan Dora; dalam filem **Tak Terlerai** bersama Daeng Idris; dalam filem **Seniati** bersama Normadiah; dan dalam filem **Pancha Putih** bersama Daeng Idris. Beliau akhir sekali berlakon dalam filem **Dian**.



*S. Kadarisman di Malay Film Productions Limited, Singapore*

Semasa berkhidmat dengan Malay Film Productions, S. Kadarisman banyak mengarang cerita-cerita yang difilemkan. Beliau merupakan salah seorang anggota dalam Majlis Penapis Cerita Studio itu.

Sebagai seorang seniman, beliau dapat menyesuaikan dirinya dalam apa jua bentuk peranan sehingga terkenal sebagai pendukung peranan-peranan jahat, penari budaya, dan juga seorang yang mahir dalam lawak dan jenaka.

**P. Ramlee** telah menerima cerita yang dikarang oleh S. Kadarisman untuk filem komidi **Labu dan Labi**. S. Kadarisman juga adalah pengarang cerita **Madu Tiga**, arahan dan lakonan **P. Ramlee**, yang telah memenangi anugerah "Filem Komidi Terbaik" di Asian Film Festival tahun 1964 di Hong Kong.



*Kalong Senandong bersama Ahmad Daud, Saloma, Nona Asiah dan Julie Sudiro*

## KALONG SENANDONG

Merupakan satu rancangan Radio dan Television Singapura. Rancangan ini dimulakan pada tahun 1963 dan diterbitkan oleh Zain Mahmud. Lagu-lagu baru dan lama dicantum dan diberi susunan baru dengan iringan orkes Ahmad Wan Yet. Rancangan ini disertai oleh Saloma, Ahmad Daud, Julie Sudiro dan Nona Asiah, memakan masa selama 45 minit, dan disulami dengan tarian-tarian daripada kumpulan Seriwarna. Lagu-lagu dan tarian-tarian dalam rancangan itu bersifat internasional, misalnya, dalam satu rancangan **Kalong Senandong** pada tahun 1963, antara lagu-lagu yang didendangkan ialah: *Kota Singapura; Keronchong Malaysia; Singapura Jaya; Rasa Sayang He; On the Sunny Side of the Street; Oh Singapura; China Town* dll. dengan Tarian Gunung Banang dan Tarian Piring.

**P. Ramlee** pernah menjadi penyanyi undangan di dalam rancangan ini, dan menyampaikan lagu-lagu *Padang Kota, Istana Chinta* dan *Alunan Biola.*

## KANCHAN TIRANA

Dibuat oleh Merdeka Filem Setudio, Kuala Lumpur. Tahun dikeluarkan: 1969.

**P. Ramlee**; Sarimah; Jins Shamsudin: *dengan*: Ahmad Dadida; Idris Hashim; *dibantu oleh*: Tony Azman; Kamal Idris; Minah Hashim; Rohayah; *memperkenalkan*: Norlia

Teknik Fotografi: Siew Chan Wa; Teknik Sound, rekaman awal: Anuar Yusof; Rekaman Akhir: Tan Chuan Hock; Art Director: Abd. Hamid Aziz; Film Editor: Johari Ibrahim

Penolong²: Pengarah & penyambong: Bakar Jaafar; Fotografi: Ng Hoong Ngaim; Pelukis: Esa Ahmad; Makmal: Rozaline Yong; Sound: Johan Ibrahim; Make-up: Rokiah Osman

Lagu² Gubahan: **P. Ramlee**; Gurindam: Ainul Jamal




Cerita, Lakon Layar dan arahan oleh **P. Ramlee** AMN

[Merdekascope]

Cerita: Penghulu Kampung Balik Pulau yang bernama Penghulu Darmaji (Idris Hashim), telah menghadapi tentangan daripada puak yang diketuai oleh Sang Nila (Osman Botak), yang ingin merampas dan menguasai kampung tersebut. Untuk menjayakan cita-cita khianatnya itu, Sang Nila telah menyuruh anaknya Domba (T. Azman) untuk melakukan kekacauan, supaya penduduk-penduduk kampung memecat Darmaji. Bersama dengan kuncu-kuncunya, Domba telah menghuru-harakan orang-orang di pasar dan di tempat-tempat lain. Yang menjadi mangsa termasuklah seorang pemuda yang bernama Kanchan (Jins Shamsudin). Kanchan dipukul ketika dia ke pasar kerana hendak membeli ubat untuk ibunya yang sakit. Sejak kecil lagi, Kanchan telah dididik oleh ibunya dengan cara penghidupan yang bersopan-santun, dan dia dilarang sama sekali daripada bercampur-gaul dengan pemuda-pemuda yang tidak baik. Apabila melihat anaknya yang luka parah akibat dipukul itu, maka ibu Kanchan pun mengubah hatinya.

Kanchan sebenarnya anak seorang pendekar yang handal bernama Pendekar Tri Buana. Tetapi ibunya tidak membenarkan Kanchan mengikut jejak ayahnya itu, oleh kerana apabila menjadi pendekar atau mempunyai ilmu pendekar, maka seseorang itu hidup dalam bahaya. Kalau tidak membunuh, seseorang pendekar itu akan mati terbunuh. Pendapatnya ini telah dilupakannya sama sekali apabila beliau melihat anaknya dibuli orang. Kanchan disuruh ibunya untuk berguru. Dalam perjalanannya hendak mencari guru, Kanchan telah tiba di sebuah kampung yang jauh dari kampungnya itu. Kanchan terkejut dan ketakutan bila dia melihat seorang yang sedang berbeca diserang hendap oleh sekumpulan pemuda. Kanchan kagum bila melihat orang itu melawan dan menangkis penyerang-penyerangnya dengan kegagahan yang belum pernah dilihatnya.

Kanchan telah menemui orang itu dan menyatakan kesediaannya untuk memperhambakan diri, kalau orang itu sedia menjadi gurunya. Orang itu tidak lain daripada Pendekar Tirana (**P. Ramlee**) yang baru tinggal di kampung itu. Dalam perbualan seterusnya, barulah Kanchan diberitahu bahawa Tirana, anak Sang Sapurba, ialah salah seorang daripada murid Pendekar Tri Buana, ayah Kanchan sendiri. Tirana bersedia untuk mengajar dan mengasuh Kanchan, anak Pendekar Tri Buana, gurunya yang telah mati diracun itu. Kanchan tinggal di rumah Tirana. Sambil memperhambakan diri, Kanchan mempelajari segala ilmu pendekar yang zahir mahupun batin daripada Tirana.

Sejak tinggal di kampung itu, Tirana sentiasa dikacau oleh anak buah Pendekar



*P. Ramlee dalam filem* Kanchan Tirana.

Sahamboi (Ahmad Dadida), sebab Tirana tidak mahu membayar 'cukai' yang dipungut oleh Sahamboi secara haram itu. Walau bagaimanapun, anak buah Sahamboi tidak dapat berbuat apa-apa kepadanya. Sahamboi mempunyai seorang anak gadis yang manis jelita, Tilani namanya. Tilani telah beberapa kali menasihatkan ayahnya supaya berhenti daripada perbuatan-perbuatan aniaya terhadap orang-orang kampung, terutamanya Tirana, yang telah beberapa kali membuktikan kehandalannya. Sungguhpun Sahamboi bersetuju dengan nasihat anaknya itu, tetapi dia inginkan Tilani sendiri menyiasat siapa sebenarnya Tirana. Pada hari Tilani menghendap di rumah Tirana itu, dia hanya melihat Kanchan. Tilani menyangka Kanchan ialah Tirana. Sejak itu, Tilani memuja 'Tirana' yang sebenarnya ialah Kanchan.

Setelah beberapa lama menuntut, akhirnya Kanchan menjadi seorang pendekar yang handal, berkat ketekunan dan rajinnya dia mengamalkan ilmu-ilmu dan amalan-amalan yang diturunkan oleh Tirana, gurunya, kepadanya. Pada suatu hari, Kanchan pergi ke pasar. Sungguhpun Kanchan telah penuh berilmu di dada, tetapi dia belum pernah sekalipun mencuba kekuatannya, selain daripada ujian-ujian yang dijalankan oleh gurunya. Entah apa sebabnya semasa di pasar itu, Kanchan berlagak seperti anak yang nakal. Makanan yang dimakan tidak dibayar harganya. Malahan bila si penjual menagihnya, Kanchan membayar dengan pukulan maut. Kanchan kelihatan gembira dan megah dengan kekuatannya. Keadaan di seluruh pasar menjadi kelam-kabut. Mujurlah, Tirana tiba di situ lalu memukul Kanchan sampai pengsan. Tirana telah menghukum Kanchan berendam di dalam telaga sehingga kuntum teratai menjadi kembang. Hukuman itu telah menyedarkan Kanchan bahawa segala kepantasan dan ilmu pendekarnya itu bukanlah untuk menganiaya orang tetapi untuk menolong yang lemah.

Dalam satu peraduan beradu kekuatan, pendekar-pendekar di bawah pimpinan Sahamboi telah menjadi johan. Sahamboi menjadi angkuh dan mencabar setiap pendekar yang ada di sekitar gelanggang supaya mencuba kekuatan dengannya. Kanchan menjadi geram melihatkan keangkuhan Sahamboi yang mencabar Tirana, gurunya. Dia tampil ke tengah gelanggang, dan menewaskan Sahamboi dan pengikut-pengikutnya. Ketika itu, barulah Tilani tahu bahawa pemuda pujaannya itu bukanlah bernama Tirana tetapi Kanchan.

Tilani ingin menuntut bela atas kematian ayahnya di tangan Kanchan itu. Dia membuat helah sehingga Tirana menerima ia berlindung di dalam rumahnya. Percubaan Tilani hendak membunuh Kanchan yang sedang nyenyak tidur itu telah gagal. Kanchan bukanlah seorang pendekar sebarangan. Setelah melihat keazaman Tilani untuk membunuh Kanchan, maka Tirana pun membuka rahsia mengenai Sahamboi yang disimpannya selama ini. Sebenarnya, Sahamboi, ayah kepada Tilani, adalah orang yang meracuni pendekar Tri Buana, ayah kepada Kanchan, serta gurunya sendiri. Oleh itu, dia tiba ke kampung itu dengan tujuan hendak membuat perhitungan dengan Sahamboi. Dengan terbukanya rahsia kekejaman ayahnya itu, barulah surut niat jahat Tilani terhadap Kanchan.

Kalau selama ini Tilani memuja Tirana dengan mengetahui "namanya" sahaja, sekarang Tilani bertentangan dengan orangnya. Oleh itu, tidaklah menghairankan bahawa cinta yang sudah lama bertunas itu, terus hidup menyubur antara Tilani dan Tirana sehingga mem-



*P. Ramlee dalam filem* Kanchan Tirana

bawa kepada perkahwinan. Setelah perkahwinan gurunya itu, Kanchan pun pulang ke kampungnya untuk menjalankan tugasnya yang asal. Keamanan Kampung Balik Pulau segera pulih apabila Kanchan menghapuskan Sang Nila dan kuncu-kuncunya yang telah merampas kuasa penghulu Darmaji dan mengamalkan pemerintahan kuku besi. [Tamat]

## KASMA BOOTY

[1930 - ]

Dilahirkan di Medan, Indonesia. Sejak kecil lagi, beliau telah dibawa oleh kedua-dua orang tuanya, iaitu Ulung Jawa (bapanya) dan Kusmunati Mustajjib (ibunya), dari panggung wayang ke panggung wayang. Rombongan sandiwara yang mula-mula diikutinya ialah Rayuan Asmara, yang dipimpin oleh biduan Ahmad C. B. Kasma menjadi penyanyi dan penari rombongan sandiwara ini yang bermain di Pulau Sumatera. Beliau berkahwin dengan Jacob Booty, seorang yang banyak mendidik beliau untuk menjadi 'anak wayang'. Pada ketika itu, Shaw Brothers di Singapura sedang mencari seorang pelakon wanita yang mampu memegang peranan besar dalam filem-filemnya. Kasma telah di"screen test" oleh B. S. Rajhans, dan setelah lulus, terus mengikat kontrak dengan Shaw Brothers, dan bekerja di Malay Film



*Rokiah dan Kasma Booty (kanan) dalam filem* Sejoli



*Kasma Booty*

Productions. Kasma telah berlakon dalam sembilan buah filem, iaitu **Chempaka, Pisau Berachun, Noor Asmara, Rachun Dunia, Bakti, Dewi Murni, Sejoli, Juwita,** dan **Manusia.** Pelakon utama lelaki gandingan Kasma dalam filem-filem tersebut merupakan bintang-bintang filem yang masyhur ketika itu; seperti Maruti (**Chempaka**), Bakhtiar Effendi (**Pisau Berachun**), Roomai Noor (**Noor Asmara**), dan Osman Gumanti (**Rachun Dunia** dan **Dewi Murni**). Gandingan **P. Ramlee** dan Kasma Booty yang terkenal dapat dilihat dalam filem-filem **Bakti, Sejoli** dan **Juwita.** Di samping kecantikannya, salah satu sebab beliau menjadi bintang filem pujaan ialah kerana beliau diberi peranan watak yang baik sahaja. Penonton-penonton di Tanah Melayu dan Indonesia lebih tertambat hati dengan seniwati yang selalu memainkan peranan 'baik'. Dengan pengalamannya dalam bidang sandiwara, Kasma mempunyai kebolehan berlakon dan mampu menyampaikan hajat pengarah - mampu membawa penonton turut berdukacita, kecewa, dan bergembira dalam gelombang asmara. L. Krishnan menyatakan:

"... daripada pentas bangsawan, Kasma, yang berketurunan separuh Belanda, sudah terkenal sebagai pelakon utama di layar perak apabila saya bertemu dengannya. Beliau pendek orangnya, mempunyai suara yang amat tidak menarik iaitu terlalu nyaring, tetapi mukanya amatlah cantik sehinggakan kami mengenepikan kelemahan-kelemahannya yang lain itu." [Terjemahan]

Filem beliau yang tunggal bersama **P. Ramlee**, keluaran Merdeka Filem Productions di Kuala Lumpur, adalah **Damaq** pada tahun 1964, iaitu jarak 13 tahun daripada filem **Juwita**.

## KELUARGA 69

Dibuat oleh Merdeka Filem Setudio, Kuala Lumpur. Tahun dikeluarkan: 1967.

**P. Ramlee**; Siput Sarawak; *beserta*: Yusoff Bujang; Karim Latif; Ahmad Dadida; Jailani; Ibrahim Joned; Minah Hashim; Rozelan; Puteh Ramlee; Shariff Baboo. *Memperkenalkan:* Julie Faridah sebagai Faridah; *Bintang terhormat*: Saloma.

Story & Screen Play: A. R. Tompel; Dialogue: **P. Ramlee** AMN; Teknik Fotografi: Low Yew Wah; Teknik sound: Tan Chuan Hock; Art Director: Abd. Hamid Aziz; Film Editor: Johari Ibrahim.

Penolong[2]: Pengarah: Hashim Hamzah; Fotografi: Ng Hoong Ngam; Sound: Anuar Yusof; Pelukis: Esa Ahmad; Pencitak: Ho Bee Yoon; Make-up: Rokiah Osman.



*Bakhtiar Effendi dan Kasma Booty dalam filem* **Pisau Berachun**

Music: Ciptaan dan Gubahan **P. Ramlee**; Gurindam: A. R. Tompel.

Directed by **P. Ramlee** AMN

[Merdekascope]

Cerita: Bakar (A. R. Tompel) merupakan orang kaya yang hidup bujang setelah menceraikan isterinya. Osman (**P. Ramlee**) pula hidup bermaharajalela, mempunyai ramai kawan sebagai teman bersukaria, dan berpeleseran di kelab-kelab malam dan di kedai-kedai minuman.

Ada pula satu keluarga lain yang terdiri Abu (Idris Hashim), isterinya, Siti Mariam (Siput Sarawak), serta seorang anak perempuan, Tijah (Khatijah Hashim). Keluarga ini hidup dalam kesempitan: Abu tidak bekerja dan isterinya terpaksa mengambil upah untuk menyara hidup. Setelah mendengar acuman seorang pelayan, Siti Noraini (Noran Nordin), Mariam bercita-cita hendak bekerja menjadi pelayan. Bila suaminya membantah, Mariam minta cerai.

Mariam yang bekerja sebagai pelayan telah berkenalan dengan Osman yang sentiasa menghabiskan masa di kedai-kedai minuman. Ayah Osman amat marah terhadap kelakuannya yang suka pulang larut malam. Osman telah diberi amaran supaya menjauhi kelakuan-kelakuannya yang ditegah oleh agama dan tidak diingini oleh masyarakat. Oleh kerana tidak mengubah kelakuannya, dia dihalau keluar. Ayahnya juga tidak mengakuinya sebagai anak. Pada fikiran Osman, tentulah kawan-kawan ramai yang sentiasa berjanji akan menolong dan sehidup semati dengannya itu akan membantu dia yang sekarang berada dalam kepapaan. Mereka telah meninggalkan Osman.

Osman bernasib baik kerana berkenalan dengan Badim (Salleh Ghani), seorang penarik beca, yang pernah ditolongnya pada satu ketika dahulu. Badim mengajak Osman untuk tinggal di rumah yang disewanya dan menyarai hidupnya.

Lama-kelamaan, Badim tidak dapat membayar sewa rumah, lalu dihalau keluar oleh tuan rumah, tak lain daripada orang kaya Bakar, ayah Osman. Osman dan Badim bercadang hendak mengadu nasib di kota lain. Ketika menunggu keretapi di stesyen, Badim bertemu dengan kawan lamanya, Che' Yusoff, seorang ketua rombongan sandiwara. Beliau memperkenalkan Osman sebagai seorang penyanyi kepada Yusoff, yang kebetulan pula sedang berkehendakkan seorang biduan. Osman benar-benar boleh menyanyi dan telah diambil bekerja oleh Che' Yusoff. Rombongan sandiwara itu pun bertambah maju, dengan Osman menjadi daya penarik utama, mendapati sambutan dan sanjungan di mana-mana. Badim juga turut senang, sebab dialah kononnya pengurus Osman.

Sementara Osman mengembara bersama-sama rombongan sandiwara sebagai biduan yang disanjung dan dipuja, ayahnya yang tinggal keseorangan menghabiskan masa memburu di hutan rimba, bersama-sama Abu yang menjadi orang gajinya. Pada suatu hari, sedangkan mereka terhendap-hendap hendak menembak burung, orang kaya Bakar menjadi lalai dan khayal sebab terpandang seorang gadis manis melalui teropongnya. Bakar mengerah supaya Abu segera menyiasat siapakah si cantik manis yang sedang membasuh di pinggir kali itu. Dia ingin melamar kalau gadis itu belum dipinang. Alangkah terkejutnya Abu bila didapatinya bahawa gadis yang dimaksudkan oleh tuannya itu, tidak lain daripada anak gadisnya sendiri yang telah ditumpangkannya di rumah abangnya.

Biarpun hatinya meluat, Abu mengenangkan hidup mewah anaknya bila men-

jadi isteri orang yang kaya seperti Bakar itu. Dalam pada itu, beliau insaf bahawa dengan menjodohkan anaknya yang sedang mekar segar dengan orang sudah tua bangka itu memanglah satu perbuatan yang tidak disukainya. Abu juga tak mahu melihat anak gadisnya hidup menderita selama-lama. Bakar telah berkahwin dengan gadis jelita tersebut. Abu telah merahsiakan perhubungan sebenar antara dia dengan anak gadisnya itu, dan terus bekerja sebagai orang gaji di rumah anak menantunya itu (Bakar).

Dalam pada itu, Osman bersama-sama rombongan sandiwaranya sedang menunjukkan pementasan di Ipoh. Di bandar itu, Osman dan Badim berjumpa pula dengan kenalan lama Mariam dan Noraini, yang telah pindah bekerja di sana. Osman dan Badim menumpang sementara di rumah Mariam dan Noraini.

Satu pergaduhan telah berlaku di sebuah kedai minuman. Akibatnya, Osman dan Badim turut sama bengkak dan benjol. Osman tidak dapat menghadiri pertunjukannya pada malam itu, dan ketidakhadirannya telah membawa satu kekecohan di dalam panggung. Che' Yusoff, ketua rombongan telah dimarahi oleh penonton dan memutuskan supaya Osman diberhentikan.

Sungguhpun dia tidak bekerja sekarang, Osman tidak bimbang oleh kerana syarikat-syarikat piring hitam berkeliaran mencarinya, untuk merekodkan suara emasnya. Rashid (Ed Osmera), pengurus sebuah syarikat membuat rekod, menggunakan helah untuk memikat Osman supaya bekerja dengannya. Beliau menggunakan Faridah (Julie Faridah) untuk memujuk Osman. Mempercayai yang Faridah benar-benar bersedia untuk menyahut bisikan asmaranya, maka Osman telah menerima tawaran untuk bekerja dengan syarikat yang berkenaan. Tidak lama kemudian, Osman telah mengetahui bahawa Faridah rupa-rupanya sudah bertunang dengan Rashid. Faridah telah dijadikan umpan untuk memancingnya. Osman berasa putus asa dan cuba hendak membunuh diri. Badim dan Mariam tiba untuk menyelamatkannya. Mariam berterus terang meluahkan cintanya terhadap Osman, yang sedia dibalasnya.

Osman telah berkahwin dengan Mariam dan membawa isterinya pulang untuk menemui ayahnya, orang kaya Bakar. Keadaan menjadi kusut oleh kerana orang kaya Bakar, iaitu ayah kepada Osman, sekarang sudah beristerikan anak perempuan kepada Siti Mariam, yang sekarang sudah menjadi isteri pula kepada Osman, anak orang kaya Bakar!! Tanpa diduga, Mariam bertemu semula dengan anaknya Aminah. Barulah mereka ketahui bahawa susunan kekeluargaan mereja di sisi Bakar dan Osman telah bercanggah. Kekusutan mencari penyelesaian belum pun reda, muncul pula bapa Aminah (bekas suami Mariam) bersama isterinya (janda Bakar) menambahkan lagi keributan. Kesudahannya kesemua mereka akur kepada kesongsangan susur galur kekeluargaan mereka. [Tamat]

## P. RAMLEE KERONCHONG ORKES

Ditubuhkan oleh **P. Ramlee** dalam bulan Oktober 1960 untuk menghidupkan kembali lagu-lagu keronchong. Ahli-ahli orkes ini terdiri kebanyakannya daripada orang-orang yang berhubung dengan Pancha Sitara, yang telah mendapat sambutan hebat di Tanah Melayu, Singapura dan Brunei. Sebagaimana Pancha Sitara, orkes ini diterbitkan oleh Mohd Zain Hj. Hamzah dari Radio Singapura, dan dapat didengar tiap-tiap minggu. Di dalam filem **Antara**

**Darjat**, **P. Ramlee** telah menyelitkan sebuah lagu keronchong *Alonan Biola*.

## FILEM KOMIDI

**P. Ramlee** [di dalam ruangan editorial *Gelanggang Filem* Bil. 52 tahun 3 - 10 Januari 1960], antara lain, telah menulis seperti berikut:

"Kita telah melihat filem-filem kelakar Amerika dan Inggeris. Meskipun filem itu dibuat berdasarkan suatu cerita yang telah ada, namun berbagai-bagai tambahan telah dilakukan, sehingga terasa kepada kita bahawa benda itu tak masuk akal ataupun sebagai satu hal yang mustahil, tetapi barang yang tak masuk di akal dan mustahil itulah yang menimbulkan geli hati kita.

Membuat sebuah filem drama dan filem sejarah tidak banyak susahnya. Ada tak adapun hanya dalam menyediakan alat-alatnya sahaja, tetapi membuat filem kelakar adalah lebih payah lagi, sebab selain daripada kelakuan dan senikata yang mesti menimbulkan lucu maka alat-alatnya pun harus ada yang boleh menggelikan hati pula.

Dan soal pakaian dalam filem kelakar pun sebenarnya termasuk dalam bidang yang serupa itu pula."

Kata **P. Ramlee** di dalam *Mastika Filem* September 1963 di muka surat 44:

"Membuat filem komidi ada juga tata tertib ... tidak seharusnya membuat orang ketawa dengan kelucuan yang berlebihan."

Kesemuanya, **P. Ramlee** telah mengarah dan berlakon di dalam 10 buah filem komidi semasa di Malay Film Productions Singapore. Filem-filem tersebut terdiri daripada **Bujang Lapok** (1957); **Pendekar Bujang Lapok** (1959); **Musang Berjanggut** (1959); **Nujum Pa' Belalang** (1959); **Ali Baba Bujang Lapok** (1960); **Seniman Bujang Lapok** (1961); **Labu dan Labi** (1962); **Nasib Si Labu Labi** (1963); **Madu Tiga** (1964); dan **Tiga Abdul** (1964). Semasa di Merdeka Film Productions di Kuala Lumpur pula, **P. Ramlee** mengarah dan berlakon di dalam 8 buah filem komidi iatu, **Masam-Masam Manis** (1965); **Sabaruddin Tukang Kasut** (1966); **DO RE MI** (1966); **Nasib DO RE MI** (1966); **Keluarga 69** (1967); **Anak Bapak** (1967); **Ahmad Albab** (1968) dan **Laksamana DO RE MI** (1973).

Sebuah majalah filem pernah mengajukan pertanyaan kenapa **P. Ramlee** membuat filem komidi, dan jawapannya adalah seperti berikut: "Sungguhpun filem **Antara Dua Darjat** itu telah menjayakan minat saya sebagai persembahan filem yang menjadi cermin kepada penontonnya, tetapi saya masih percaya, memberi kiasan dengan secara tepat seperti itu, tidak begitu berkesan dari memberi kiasan dan pengajaran dengan cara hiburan. Dari itu persembahan filem yang berupa komidi, adalah jurusan yang lebih sesuai."

Seperti filem-filem dramanya juga, beliau adalah penyanyi, pelakon, penggubah lagu, pemain muzik, pengarah filem, pencipta lagu dan pelawak dalam filem-filem komidinya. Apabila beliau membuat lawak, beliau disamakan dengan Charlie Chaplin. Lawak **P. Ramlee** bukan lawak 'slapstick', tetapi penuh makna dengan pelbagai sindiran. Intisari yang termaktub di dalam beberapa persembahan filem komidi beliau adalah seperti berikut: **Pendekar Bujang Lapok** menyedarkan kita tentang tok guru-tok guru yang palsu dan membebaskan hati kita daripada kepercayaan pertapaan-pertapaan karut. **Nujum Pa' Belalang** mengajar kita supaya hidup jujur kerana manusia jujur diberkati Allah. Di dalam filem ini, **P. Ramlee** jelas menyindir golongan miskin yang malas untuk berusaha. Ketabahan Pa' Belalang mene-

lan kopi serbuk arang dengan sinis menyindir golongan ini.

Filem-Filem komidi **P. Ramlee** juga menyentuh golongan bangsawan. Di dalam filem **Musang Berjanggut,** Sultan diibaratkan sebagai kuda, Bendahara pula menjadi patung, manakala Datuk Nikah Kahwin menjadi musang. Ini merupakan satu sindiran masyarakat yang cukup pedas.

Walau bagaimanapun, **P. Ramlee** pernah juga memberi gambaran yang baik terhadap golongan berada: contohnya, Abdul Wahub yang kaya dalam **Tiga Abdul**, dan Ali Baba dalam **Ali Baba Bujang Lapok** murah hati untuk bersedekah terhadap fakir miskin. Begitu juga, beliau menggambarkan Pa' Belalang sebagai seorang yang tidak melupakan golongan miskin setelah menjadi kaya.

Di dalam filem **Musang Berjanggut**, beliau memperlihatkan bagaimana buruknya perangai pegawai-pegawai istana ketika cuba menarik perhatian Puspawangi. Mereka sanggup melakukan apa sahaja untuk mencapai hasrat mereka. Dengan kebijaksanaannya, Puspawangi berjaya mempermainkan mereka. **P. Ramlee** menyampaikan sindirannya menerusi kejadian-kejadian itu.

Di dalam filem **Sabaruddin Tukang Kasut**, sindirannya tertumpu kepada mereka yang kurang bijak mentadbirkan negara, dan raja yang pakai enggeh sahaja. "Raja kartun dah, menteri pun kartun," kata Sabaruddin marah waktu dia dianiaya. Kalau dah kartun tentulah benda bernyawa yang bergerak bila disuruh bergerak, berjalan bila disuruh berjalan.

Filem **Pendekar Bujang Lapok** dapat memperlihatkan isu semasa ketika itu, iaitu orang-orang kampung yang sudah lanjut usianya menghadiri kelas-kelas dewasa. Aksi-aksi **P. Ramlee,** Sudin dan Aziz yang belajar dalam kelas itu menimbulkan gelak ketawa penonton. 'Scene' itu membantu usaha kerajaan yang ketika itu mengadakan program kelas-kelas dewasa untuk membasmi buta huruf.

Filem-filem komidi **P. Ramlee** telah menghasilkan tiga siri yang *termasyhur*, iaitu: (i) **Bujang Lapok; Pendekar Bujang Lapok; Ali Baba Bujang Lapok** dan **Seniman Bujang Lapok**; (ii) **Labu Labi;** dan **Nasib Si Labu Labi** (iii) **DO RE MI; Nasib DO RE MI** dan **Laksamana DO RE MI**.

## L. KRISHNAN, DATO

[1922 - ]

Dilahirkan di Madras dan sampai di Seberang Perai, Pulau Pinang pada tahun 1948. Beliaulah mengarah filem yang memperkenalkan **P. Ramlee** sebagai pelakon utama dalam filem **Bakti** (1950). Pada kali kedua, beliau memilih **P. Ramlee** sebagai pelakon utama dalam filem **Takdir Illahi** (1950), di samping Neng Yatimah.

Filem **Penghidupan** (1951) arahan L. Krishnan telah menonjolkan lagi nama **P. Ramlee**. Filem terakhir lakonan **P. Ramlee** yang diarahkan oleh L. Krishnan ialah **Antara Senyum dan Tangis** (1952). L. Krishnan sendiri telah meminta **P. Ramlee** menyediakan dialog bagi filem **Antara Senyum dan Tangis**; di antara kata-kata



*L. Krishnan bersama Kasma Booty dan Aimi Jarr*

bernas yang dapat didengar dalam filem ini adalah oleh **P. Ramlee** sendiri:

"Seorang manusia yang memeras keringat orang-orang miskin, seorang manusia yang menghisap darah orang-orang miskin untuk kepentingan dirinya mestikah ... panggil dia tuan?"

Filem **Antara Senyum dan Tangis** telah mendapat hadiah "Filem Terbaik" pada tahun 1952.

L. Krishnan bukan sahaja mempunyai kemahiran dalam bidang arahan, bahkan mempunyai kepandaian dalam bahagian editing, yang merupakan aspek penting dalam penyelenggaraan filem.



*L. Krishnan (dua dari kanan) sedang mengarah sebuah filem lakonan Rosnani (kiri)*



*L. Krishnan, P. Ramlee dan Jamil Sulong*

# L

## LABU DAN LABI

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited, Singapore. Dibuat di Malay Film Productions Limited, Singapore. Tarikh dikeluarkan: 29 Ogos 1962.

**P. Ramlee**; Mohd Zain; Mariani; Shariff Dol; Udo Umar; Rahimah Alias; Nyong Abdullah; Babjan; *Bintang-bintang undangan* Saloma; Sarimah; Aziz Sattar; Yusof B; Osman Ahmad; Kassim Masdor

Photography: A. Bakar Ali; Sound: Kamal Mustaffa; Art Director and make-up: A. V. Bapat; Film Editor: H. R. Narayana. Music: **P. Ramlee** Cerita: S. Kadarisman; Screen play: S. Sudarmadji dan **P. Ramlee**

Arahan: **P. Ramlee**

Cerita: Haji Bakhil (Udo Omar) merupakan seorang tua kaya yang terkenal dengan sifat kedekutnya di sebuah bandar. Dia tinggal di sebuah rumah yang sederhana rupanya.

Haji Bakhil bernasib baik kerana mempunyai isteri yang baik hati yang tidak pernah meminta satu sen pun daripadanya. Agak memelikkan juga yang anak perempuan mereka yang tunggal itu, Manisah (Mariani), terpaksa bekerja untuk menyara dirinya sendiri.

Keluarga kecil ini mempunyai dua orang gaji, Labu (Mohd Zain) dan Labi (**P. Ramlee**). Usaha kedua-dua orang ini untuk menawan hati Manisah semuanya gagal.



*Rahimah Alias berlakon di dalam filem* Labu Labi

Cerita tersebar bahawa Labu menderita akibat penyakit yang luar biasa. Sekiranya terdengar sebarang bunyi bising, apa-apa barang yang berada dalam tangannya akan terlepas. Dalam sedikit masa sahaja, pinggan mangkuk di rumah itu sudah berkurangan. Labi, kawannya, sen-



tiasa mengantuk. Dia tidur semasa membuat kerjanya. Kedua-dua orang ini sentiasa merayau-rayau dalam dunia mimpi, berangan-angan hendak menjadi kaya dan menjadi suami kepada Manisah yang manis itu.

Nasib yang baik menyebelahi Labu. Pada suatu pagi, semasa mencari kayu di dalam hutan dia tersua dengan dua orang penyamun yang sedang memasuki sebuah lubang di bawah tanah untuk menyorokkan harta benda yang mereka curi. Labu menyembunyikan dirinya dan menyaksikan semua yang berlaku.

Apabila penyamun-penyamun itu telah pergi dari situ, Labu memasuki tempat persembunyian mereka itu lalu mengambil sebanyak-banyak harta yang dia boleh. Labu sekarang ini sudah menjadi kaya, bergelar Haji Labu, dan merupakan tuan punya sebuah syarikat yang baru dibuka, iaitu Syarikat Haji Labu Berhad.

Dalam pada itu, Labi menangis siang dan malam kerana kehilangan Labu, lalu Manisah yang manis itu datang memujuknya.

Labu menghantar pengurusnya (Sharif Dol) bersama sekumpulan orang muda ke rumah Haji Bakhil untuk meminang Manisah. Apabila Haji Bakhil mengetahui bahawa yang bakal menjadi menantunya itu ialah Labu, dia menolak pinangan itu. Oleh kerana terlalu marah atas penolakan itu, Labu mencari seorang bomoh (Nyong Abdullah) untuk mencapai cita-citanya. Manisah jatuh sakit oleh kerana sihir yang dikenakan ke atasnya oleh bomoh itu. Doktor-doktor perubatan gagal mengubati penyakitnya itu.

Sebagai seorang pekerja yang taat kepada Haji Bakhil, Labi pergi jauh ke dalam hutan untuk mendapat bantuan daripada seorang tua keramat (Babjan) yang diam di dalam gua. Labi diberi sebuah permata ajaib lalu pulang dengan jayanya.

Dengan bantuan permata ajaib itu, Manisah pun pulih daripada penyakitnya. Sebagai tanda terhutang budinya, Haji Bakhil membenarkan Labi berkahwin dengan Manisah.

Labu amat marah apabila mendengar berita itu lalu berunding dengan bomoh untuk menculik Manisah dari rumahnya pada malam selepas perkahwinan itu. Berita itu tersebar, lalu Haji Bakhil mengatur orang-orangnya untuk mengawal rumah.

Apabila malam tiba, Labu pun datang. Dia meniup tepung ajaib ke arah orang-orang yang berjaga lalu semuanya tertidur kecuali Labi yang memiliki permata ajaib.

Labu memasuki rumah tanpa mengetahui bahawa Labi sedang menunggunya. Satu pertarungan maut pun berlaku di antara mereka, yang satu cuba menundukkan yang satu lagi. Mereka berjuang ke saat akhir. [Tamat]

## LAGAK DAN GAYA

**P. Ramlee** adalah seorang manusia yang mempunyai lagak dan gaya yang tersendiri, sama ada sedang bercakap dengan kawan-kawannya mahupun sedang memberikan ucapan-ucapan. Lagak dan gayanya itu menarik perhatian orang supaya mendengar segala percakapan atau pun ucapan-ucapannya.

Ketika bercakap, dia tidak akan duduk diam atau berdiri kaku. Dia banyak sekali menggerakkan tangan, kepala dan badannya sambil bercakap.

Memek mukanya juga berubah-ubah. Kalau cerita yang disampaikan itu sebuah cerita sedih, beliau akan mengerutngerutkan mukanya; kalau cerita itu bercorak lawak jenaka, sebelum bercerita - orang



*P. Ramlee dan Saloma*



*P. Ramlee dan Saloma, 1972*

sudah tertawa dulu melihat lagak dan gayanya hendak memulakan cerita.

Dalam memberikan ucapan dalam satu-satu majlis, biasanya **P. Ramlee** tidak menyediakan apa-apa teks. Walaupun ucapan-ucapan yang dibuatnya pendek dan sederhana, tetapi oleh kerana lagak dan gayanya, orang tidak berasa bosan melihat dan mendengar setiap perkataan yang diucapkannya.

## LAGU-LAGU P. RAMLEE

Senarai lagu-lagu gubahan, nyanyian dan lirik oleh **P. Ramlee** adalah seperti berikut:

| BIL. | NAMA LAGU | FILEM/TAHUN | PENYANYI | PENGGUBAH/ SENIKATA |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Chinta | Chinta (1948) | P. Ramlee & Asiah | Zubir Said |
| 2 | Selamat Berjumpa Lagi | Chinta (1948) | P. Ramlee & D. Harris | Zubir Said |
| 3 | Mari Panching Ikan | Chinta (1948) | P. Ramlee | Zubir Said |
| 4 | Gelora Asmara | Chinta (1948 | P. Ramlee & Momo | Zubir Said |
| 5 | Kumbang dan Rama-Rama | Chinta (1948) | P. Ramlee & Asiah | Zubir Said |
| 6 | Nasib | Nasib (1949) | P. Ramlee, Asiah & Momo | Osman Ahmad |
| 7 | Tangkap Ikan | Nasib (1949) | P. Ramlee & D. Harris | Osman Ahmad |
| 8 | Awas-awas Jangan Tertawan | Nasib (1949) | P. Ramlee, Asiah & Momo | Osman Ahmad |
| 9 | Udara Nyaman | Nasib (1949) | P. Ramlee, Asiah & Momo | Osman Ahmad |
| 10 | Oh Bulan | Nasib (1949) | P. Ramlee & Asiah | Osman Ahmad |
| 11 | Asmara Bergelora | Nasib (1949) | P. Ramlee & Asiah | Osman Ahmad/S. Sudarmadji |
| 12 | Putus Harapan | Nilam (1949) | P. Ramlee & Asiah | Osman Ahmad |
| 13 | Alam Di Tiup Bayu | Nilam (1949) | P. Ramlee & Asiah | Osman Ahmad |
| 14 | Sang Rang Bulan | Rachun Dunia (1950) | P. Ramlee | Zubir Said |
| 15 | Melodi Asmara | Rachun Dunia (1950) | P. Ramlee & Asiah | Zubir Said |
| 16 | Kolam Mandi | Rachun Dunia (1950) | P. Ramlee & Asiah | Zubir Said |
| 17 | Hidup Berdua | Bakti (1950) | P. Ramlee & Asiah | Osman Ahmad |
| 18 | Merpati Dua Sejoli | Bakti (1950) | P. Ramlee & Momo | Osman Ahmad |
| 19 | Hidup Melarat | Bakti (1950) | P. Ramlee | Osman Ahmad |
| 20 | Taman Puspawarna | Bakti (1950) | P. Ramlee | Osman Ahmad |
| 21 | Satay | Bakti (1950) | P. Ramlee | Osman Ahmad |
| 22 | Oh Mami Ku | Takdir Illahi (1950) | P. Ramlee & Momo | |
| 23 | Mari Menari | Takdir Illahi (1950) | P. Ramlee & Momo | |
| 24 | Di Renjis-Renjis Di Pilis | Takdir Illahi (1950 | P. Ramlee | P. Ramlee/S. Sudarmadji |
| 25 | Gadis dan Teruna | Aloha (1950) | P. Ramlee | |
| 26 | Berhati Lara | Aloha (1950) | P. Ramlee | |
| 27 | Penawar Hati | Aloha (1950) | P. Ramlee & Lena | |
| 28 | Tasek Madu | Aloha (1950) | P. Ramlee & Lena | |
| 29 | Dayung Sampan | Aloha (1950) | P. Ramlee & Momo | |
| 30 | Hati Gelisah | Aloha (1950) | P. Ramlee | |
| 31 | Tak Guna | Pembalasan (1950) | P. Ramlee & Momo | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 95 | *Sunyi dan Senyap* | *Siapa Salah (1953)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/Jamil Sulong* |
| 96 | *Siksa* | *Siapa Salah (1953)* | *P. Ramlee* | |
| 97 | *Kumbang Dengan Bunga* | *Siapa Salah (1953)* | *P. Ramlee /Normadiah* | *P. Ramlee/Jamil Sulong* |
| 98 | *Manusia Miskin Kaya* | *Siapa Salah (1953)* | *Normadiah* | *P. Ramlee/Jamil Sulong* |
| 99 | *Mengapa Riang Ria* | *Perjodohan (1953)* | *P. Ramlee /Normadiah* | *P. Ramlee/H. M. Rohaizad* |
| 100 | *Hujan Di Tengah Hari* | *Perjodohan (1953)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/H. M. Rohaizad* |
| 101 | *Sungguh Malangnya Nasibku* | *Perjodohan (1953)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/H. M. Rohaizad* |
| 102 | *Di Telan Pahit Di Buang Sayang* | | *Normadiah* | *P. Ramlee* |
| 103 | *Hamidah* | *Ibu (1953)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee* |
| 104 | *Ibu* | *Ibu (1953)* | *P. Ramlee* | *Ahmad Jaafar/S. Sudarmadji* |
| 105 | *Tak Puas Mata Memandang* | *Budi Mulia (1953)* | *P. Ramlee/Sutinah* | *Ahmad Jaafar* |
| 106 | *Simpulan Kasih* | *Panggilan Pulau (1954)* | *P. Ramlee /Normadiah* | |
| 107 | *Bulan dan Juga Angin* | *Panggilan Pulau (1954)* | *P. Ramlee /Normadiah* | *P. Ramlee/ Jamil Sulong* |
| 108 | *Dengarlah Kemala Hati* | *Panggilan Pulau (1954)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/ Jamil Sulong* |
| 109 | *Mengapa Pilu Saja* | *Panggilan Pulau (1954)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 110 | *Masa Yang Bahagia* | *Merana (1954)* | *P. Ramlee /Normadiah* | |
| 111 | *Bila Tiba Masa* | *Merana (1954)* | *P. Ramlee /Normadiah* | |
| 112 | *Kata Dari Kalbu* | *Merana (1954)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee* |
| 113 | *Isteri Yang Di Rindu* | *Merana (1954)* | *P. Ramlee* | |
| 114 | *Asmara Datang Bersama Sang Bulan* | *Arjuna (1954)* | *P. Ramlee & Lena* | |
| 115 | *Sikit Kasi Banyak Minta* | *Arjuna (1954)* | *P. Ramlee & Asiah* | |
| 116 | *Patah Tumbuh Hilang Berganti* | *Empat Isteri (1955)* | *P. Ramlee & Saloma* | *P. Ramlee/S. Hassan Sabah* |
| 117 | *Terbuku di Kalbu* | *Kipas Hikmat (1955)* | *P. Ramlee & Normadiah* | *P. Ramlee/ S. Kadarisman* |
| 118 | *Alam* | *Kipas Hikmat (1955)* | *P. Ramlee & Normadiah* | *P. Ramlee* |
| 119 | *Bersama* | *Kipas Hikmat (1955)* | *P. Ramlee & Normadiah* | *Osman Ahmad* |
| 120 | *Chinta Abadi* | *Abu Hassan Penchuri (1955)* | *P. Ramlee & Sabariah Haron* | |
| 121 | *Dengarlah Sang Ombak Berdesir* | *Penarik Becha (1955)* | *P. Ramlee & Momo* | *P. Ramlee/Jamil Sulong* |
| 122 | *Azizah* | *Penarik Becha (1955)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/Jamil Sulong* |
| 123 | *Engkau Laksana Bulan* | *Penarik Becha (1955)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/Jamil Sulong* |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 124 | *Berkorban Apa Saja* | *Hang Tuah (1956)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/Jamil Sulong* |
| 125 | *Joget Tari Lenggang* | *Hang Tuah (1956)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/Jamil Sulong* |
| 126 | *Melaka* | *Hang Tuah (1956)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/Jamil Sulong* |
| 127 | *Makan Sireh di Semerah Padi* | *Semerah Padi (1956)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/Jamil Sulong* |
| 128 | *Semerah Padi* | *Semerah Padi (1956)* | *P. Ramlee & Saloma* | *P. Ramlee/Jamil Sulong* |
| 129 | *Anak-Ku Sazali* | *Anak-Ku Sazali (1956)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/Jamil Sulong* |
| 130 | *Tiada Kata Secantik Bahasa* | *Anak-Ku Sazali (1956)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/Jamil Sulong* |
| 131 | *Itulah Sayang* | *Anak-Ku Sazali (1956)* | *P. Ramlee & Normadiah* | |
| 132 | *Joget Si Pinang Muda* | *Anak-Ku Sazali (1956)* | *P. Ramlee & Normadiah* | *P. Ramlee/Jamil Sulong* |
| 133 | *Telaga Hati* | *Pancha Delima (1957)* | *P. Ramlee & Saloma* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 134 | *Bahtera Karam* | *Pancha Delima (1957)* | *P. Ramlee & Saloma* | |
| 135 | *Tak Seindah Bunga* | *Pancha Delima (1957)* | *P. Ramlee & Saloma* | *P. Ramlee* |
| 136 | *Dari Masa Hingga Masa* | *Pancha Delima (1957)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 137 | *Manusia* | *Bujang Lapok (1957)* | *P. Ramlee & Saloma* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 138 | *Nak Dara Rindu* | *Bujang Lapok (1957)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 139 | *Resam Dunia (Resam Rindu)* | *Bujang Lapok (1957)* | *P. Ramlee & Normadiah* | |
| 140 | *Aneka Ragam* | *Belantara (1957)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/ H. M. Rohaizad/ S. Sudarmadji* |
| 141 | *Kusek Mambo* | *Belantara (1957)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/ H. M. Rohaizad/ S. Sudarmadji* |
| 142 | *Tunggu Sekejap* | *Sergeant Hassan (1958)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee* |
| 143 | *Tudung Periok* | *Sumpah Orang Minyak (1958)* | *P. Ramlee & Saloma* | *H. M. Rohaizad* |
| 144 | *Seri Bunian* | *Sumpah Orang Minyak (1958)* | *P. Ramlee* | *S. Sudarmadji* |
| 145 | *Bila Mama Pakai Celana* | *Saudagar Minyak Urat (1959)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 146 | *Maafkan Kami* | *Pendekar Bujang Lapok (1959)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/P. Ramlee & S. Sudarmadji* |
| 147 | *Malam Bulan Di Pagar Bintang* | *Pendekar Bujang Lapok (1959)* | *P. Ramlee & Saloma* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 148 | *Pok-Pok Bujang Lapok* | *Pendekar Bujang Lapok (1959)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/P. Ramlee* |
| 149 | *Betapa Riangnya* | *Puteri Gunung Ledang (1959)* | *P. Ramlee* | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 150 | *Inikah Suratan Hidup* | *Puteri Gunung Ledang (1959)* | *P. Ramlee* | |
| 151 | *Puteri Bersiram* | *Batu Belah Batu Bertangkup (1959)* | *P. Ramlee & Saloma* | *Osman Ahmad/ S. Sudarmadji* |
| 152 | *Rintihan Di JiwaKu* | *Batu Belah Batu Bertangkup (1959)* | *P. Ramlee & Saloma* | *Osman Ahmad/S. Sudarmadji* |
| 153 | *Gunung Payong* | *Batu Belah Batu Bertangkup (1959)* | *P. Ramlee & Saloma* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 154 | *Jangan Adek Angan-Angan* | *Musang Berjanggut (1959)* | *P. Ramlee & Rahmah Rahmat* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 155 | *Joget Pura Chendana* | *Musang Berjanggut (1959)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 156 | *Ketipang Payung* | *Nujum Pa' Belalang (1959)* | *P. Ramlee & Saloma* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 157 | *Kalau Kaca Menjadi Intan* | *Nujum Pa' Belalang (1959* | *P. Ramlee & Hashimah Yon* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 158 | *Nujum Pa' Belalang* | *Nujum Pa' Belalang (1959* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 159 | *Selamat Panjang Umur* | *Antara Dua Darjat (1960)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee* |
| 160 | *Alunan Biola* | *Antara Dua Darjat (1960)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 161 | *Getaran Jiwa* | *Antara Dua Darjat (1960)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 162 | *Apek dan Marjina* | *Ali Baba Bujang Lapok (1961)* | *P. Ramlee & Normadiah* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 163 | *Beginilah Nasib* | *Ali Baba Bujang Lapok (1961)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 164 | *Hoi Hoi Ya Hoi* | *Ali Baba Bujang Lapok (1961)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 165 | *Ya Habibi Ali Baba* | *Ali Baba Bujang Lapok (1961)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 166 | *Mencece Bujang Lapok* | *Seniman Bujang Lapok (1961)* | *P. Ramlee, S. Shamsudin & Aziz Sattar* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 167 | *Gelora* | *Seniman Bujang Lapok (1961)* | *P. Ramlee & Saloma* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 168 | *Senandung Kaseh* | *Seniman Bujang Lapok (1961)* | *P. Ramlee & Saloma* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 169 | *Jangan Tinggal Daku* | *Ibu MertuaKu (1962)* | *P. Ramlee & Saloma* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 170 | *Di Mana Kan Ku Cari Ganti* | *Ibu MertuaKu (1962)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 171 | *Jeritan Batin Ku* | *Ibu MertuaKu (1962)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 172 | *Yang Mana Satu Idaman Kalbu* | *Labu & Labi(1962)* | *P. Ramlee & Saloma* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 173 | *Barang Yang Lepas Jangan Di Kenang* | *Nasib Si Labu Labi (1963)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 174 | *Aci-Aci Buka Pintu* | *Nasib Si Labu Labi (1963)* | *P. Ramlee & Saloma* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 175 | *Madu Tiga* | *Madu Tiga (1964)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 176 | *Dendang Perantau* | | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 177 | *Lenggang Kangkung* | | *Saloma* | *P. Ramlee* |
| 178 | *Apabila Kau Tersenyum* | | *P. Ramlee* | *P. Ramlee* |
| 179 | *Gambus Jodoh* | *Madu Tiga (1964)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 180 | *Pukul Tiga pagi* | *Madu Tiga (1964)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/P. Ramlee* |
| 181 | *Bunyi Gitar* | *Tiga Abdul (1964)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 182 | *Sedangkan Lidah Lagi Tergigit* | *Tiga Abdul (1964)* | *P. Ramlee & Saloma* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 183 | *Tolong Kami* | *Tiga Abdul (1964)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 184 | *Jikalau Ku Tahu* | *Si Tora Harimau Jadian (1964)* | *P. Ramlee & Saloma* | *P. Ramlee/P. Ramlee* |
| 185 | *Mengapa Tak Berkawan* | *Si Tora Harimau Jadian (1964)* | *P. Ramlee & Saloma* | *P. Ramlee* |
| 186 | *Ku Rindu Padamu* | *Masam-Masam Manis (1965)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/ Ainol Jamal* |
| 187 | *Saat Yang Bahagia* | *Masam-Masam Manis (1965)* | *P. Ramlee & Saloma* | *P. Ramlee/Ainol Jamal* |
| 188 | *Dalam Air Terbayang Wajah* | *Masam-Masam Manis (1965)* | *P. Ramlee & Saloma* | *P. Ramlee/Ainol Jamal* |
| 189 | *Ai Ai Twist* | *Masam-Masam Manis (1965)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/Ainol Jamal* |
| 190 | *Hancur Badan Kandung Tanah* | *Ragam P. Ramlee (1965)* | *P. Ramlee & Saloma* | *P. Ramlee/Ainol Jamal* |
| 191 | *Adik Sayang* | *Ragam P. Ramlee (1965)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 192 | *Di Pinggiran* | *Ragam P. Ramlee (1965)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/P. Ramlee* |
| 193 | *Joget Malaysia* | *Ragam P. Ramlee (1965)* | *P. Ramlee & Saloma* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 194 | *Rantai Terlepas* | *DO RE MI (1966)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/Ainol Jamal* |
| 195 | *DO RE MI* | *DO RE MI (1966)* | *P. Ramlee, A. R. Tompel & Ibrahim Din* | *P. Ramlee/Ainol Jamal* |
| 196 | *Berpedati* | | *P. Ramlee* | |
| 197 | *Hoi Hoi Ya Hoi* | | *P. Ramlee* | |
| 198 | *Obat* | *DO RE MI (1966)* | *P. Ramlee & Pancha Sitara* | *P. Ramlee/Ainol Jamal* |
| 199 | *Bintang Hati* | *DO RE MI (1966)* | *Saloma* | *P. Ramlee* |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 200 | *Sua Sue Kemuning* | *Nasib DO RE MI (1966)* | *P. Ramlee, A. R. Tompel & Ibrahim Din* | |
| 201 | *Ilham Tiba* | *Nasib DO RE MI (1966)* | *P. Ramlee & Saloma* | *Ahmad Nawab/ A. R. Tompel* |
| 202 | *Taman Firdausi* | *Nasib DO RE MI (1966)* | *P. Ramlee & Saloma* | *Ahmad Nawab/A. R. Tompel* |
| 203 | *Gelang suasa* | *Sabaruddin Tukang Kasut (1966)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/P. Ramlee* |
| 204 | *Sabar* | *Sabaruddin Tukang Kasut (1966)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/Ainol Jamal* |
| 205 | *Seri Bulan* | *Sabaruddin Tukang Kasut (1966)* | *P. Ramlee & Saloma* | *P. Ramlee/Ainol Jamal* |
| 206 | *Bahagia* | *Sabaruddin Tukang Kasut (1966)* | *P. Ramlee & Saloma* | *P. Ramlee/Ainol Jamal* |
| 207 | *Sabaruddin Tukang Kasut* | *Sabaruddin Tukang Kasut (1966)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/Mas Merduati* |
| 208 | *Entah Di Mana* | *Keluarga 69 (1967)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/A. R. Tompel* |
| 209 | *Semenjak Mata Bertentang* | *Keluarga 69 (1967)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/A. R. Tompel* |
| 210 | *Mengapa Derita* | *Keluarga 69 (1967)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/A. R. Tompel* |
| 211 | *Keluarga '69* | *Keluarga 69 (1967)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/P. Ramlee* |
| 212 | *Qadzaan Tuhan* | *Sesudah Suboh (1967)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee* |
| 213 | *Sepanjang Riwayat Ku* | *Sesudah Suboh (1967)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/P. Ramlee* |
| 214 | *Sesudah Suboh* | *Sesudah Suboh (1967)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee* |
| 215 | *Ahmad Albab* | *Ahmad Albab (1968)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee* |
| 216 | *Suria* | *Ahmad Albab* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee* |
| 217 | *Mustura* | *Ahmad Albab (1968)* | *P. Ramlee & Saloma* | *P. Ramlee* |
| 218 | *Intan Menjadi Kaca* | *Ahmad Albab (1968)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee* |
| 219 | *Pujaanku Pujaanmu* | *Gerimis ( 1968)* | *P. Ramlee & Saloma* | *P. Ramlee* |
| 220 | *Teruskan-lah* | *Gerimis ( 1968)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee* |
| 221 | *Keronchong Kuala Lumpur* | *Anak Bapak (1968)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/P. Ramlee* |
| 222 | *Terbang Burung Terbang* | *Anak Bapak (1968)* | *P. Ramlee/* | *P. Ramlee/A. R. Tompel* |
| 223 | *Jodoh Ta' Ke mana* | *Anak Bapak (1968)* | *P. Ramlee & Saloma* | *P. Ramlee* |
| 224 | *Di manakan Ku Chari Ganti* | *Enam Jahanam (1969)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 225 | *Rela Hamba Rela* | *Enam Jahanam (1969)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee* |
| 226 | *Selamat Pengantin Baru* | *Kanchan Tirana (1969)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee* |
| 227 | *Di Renjis Baru* | *Kanchan Tirana (1969)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee* |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 228 | *Assalamualaikum* | *Putus Sudah Kasih Sayang (1971)* | *P. Ramlee & Saloma* | *P. Ramlee/P. Ramlee* |
| 229 | *Putus Sudah Kaseh Sayang* | *Putus Sudah Kasih Sayang (1971)* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 230 | *Bujang Merempat* | *Laksamana DO RE MI (1972)* | *P. Ramlee, A. R. Tompel &Ibrahim Din* | *P. Ramlee/A. R. Tompel* |
| 231 | *Tiga Sahabat* | *Laksamana DO RE MI (1972)* | *P. Ramlee, A. R. Tompel &Ibrahim Din* | *P. Ramlee/P. Ramlee* |
| 232 | *Air Mata di Kuala Lumpur* | | *Saloma* | *P. Ramlee* |
| 233 | *Rindu Hati Ku Rindu* | | *P. Ramlee* | |
| 234 | *Hanya Dikau* | | *P. Ramlee* | |
| 235 | *Ku Jejak Bekas Kaki Mu* | | *P. Ramlee* | |
| 236 | *Aku Debuk* | | *Aziz Jaafar* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 237 | *Aku Menangis* | | *Pancha Sitara* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 238 | *Aku Tak Berdaya* | *Dajal Suchi* | *Saloma* | *P. Ramlee/Ainol Jamal* |
| 239 | *Ala Payung* | *Pendekar 4* | *Saloma & Norli Ismail* | *P. Ramlee/ S. Kadarisman* |
| 240 | *Alhamdulillah* | *Ali Baba Bujang Lapok (1961)* | *Hamid & Normadiah* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 241 | *Ali Baba Rock* | *Ali Baba Bujang Lapok (1961* | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/P. Ramlee* |
| 242 | *Apa Guna Berjanji* | *Masam-Masam Manis (1965)* | *Saloma* | *P. Ramlee/Ainol Jamal* |
| 243 | *Apabila Kau Tersenyum* | | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/H. M. Rohaizad* |
| 244 | *Awan Mendung Telah Tiba* | *Sabaruddin Tukang Kasut (1965)* | *Saloma* | *P. Ramlee* |
| 245 | *Baidah* | | *P. Ramlee* | *P. Ramlee* |
| 246 | *Bawah Rumpun Bambu* | | *Mimi Loma* | *P. Ramlee/Salleh Ghani* |
| 247 | *Berhutang Jiwa Di Bayar Jiwa* | *Dr. Rushdi (1966)* | *Saloma* | *P. Ramlee* |
| 248 | *Bila* | | *P. Ramlee* | *P. Ramlee* |
| 249 | *Bila Larut Malam* | *Labu Labi (1962)* | *Saloma* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 250 | *Bintang Hati* | *Dr. Rushdi (1966)* | *Saloma* | *P. Ramlee/Saloma* |
| 251 | *Bintang Sore* | | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 252 | *Bulan Jatuh Ke Riba* | | *Mimi Loma* | *P. Ramlee/Salleh Ghani* |
| 253 | *Mengapa Abang Merajuk* | | *Mimi Loma* | *P. Ramlee/Salleh Ghani* |
| 254 | *Kisah Mahjung* | | *P. Ramlee* | *P. Ramlee* |
| 255 | *Bulan mengambang* | | *P. Ramlee* | *Ahmad C. B.* |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 256 | *Bumiku ini* | | *Saloma* | *P. Ramlee/Sutan Sharil Lembang* |
| 257 | *Bunga Melor* | | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 258 | *Cik Cik Boom* | *Saudagar Minyak Urat (1959)* | *Saloma* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 259 | *Dendang Perantau* | | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 260 | *Dewi Ilhamku* | | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 261 | *Di Bibirmu Terlukis Kata* | *Dr. Rushdi (1966)* | *Saloma* | *P. Ramlee/Saloma* |
| 262 | *Di mana Suara Burung Kenari* | | *P. Ramlee & Saloma* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 263 | *Di Waktu Pagi* | *Ali Baba Bujang Lapok (1961)* | *Normadiah dll.* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 264 | *Gara Asmara* | | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/H. M. Rohaizad* |
| 265 | *Gerimis* | | *Saloma* | *P. Ramlee/Saloma* |
| 266 | *Gitar Berbunyi* | *DO RE MI (1966)* | *Saloma* | *P. Ramlee/Ainol Jamal* |
| 267 | *Hanya Angan-Angan* | | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/P. Ramlee* |
| 268 | *Hanya Dikau* | | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji & Jamil Sulong* |
| 269 | *Harapan Bonda* | *Dajal Suchi (1974)* | *Saloma* | *P. Ramlee/Ainol Jamal* |
| 270 | *Hati Muda* | *Nasib DO RE MI (1966)* | *Saloma* | *P. Ramlee/Ainol Jamal* |
| 271 | *Nilai Bangsa* | | *Saloma* | *P. Ramlee* |
| 272 | *Embun Menitek* | *Seniman Bujang Lapok* | *Saloma* | *P. Ramlee* |
| 273 | *Harapan Bonda* | | *Saloma* | *P. Ramlee* |
| 274 | *Hilang Terang Timbul Gelap* | *Masam Masam Manis (1965)* | *Saloma* | *P. Ramlee/Ainol Jamal* |
| 275 | *Inang Baru* | *Penarek Becha (1955)* | *Saloma* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 276 | *Indahnya Sang Surya* | | *Mimi Loma* | *P. Ramlee/Salleh Ghani* |
| 277 | *Jangan Chemburu* | | *Saloma* | *P. Ramlee/Pathe Publications* |
| 278 | *Jari-Jari Sakit Semua* | | *Saloma* | *P. Ramlee* |
| 279 | *Jasa Perwira* | | *Saloma* | *P. Ramlee* |
| 280 | *Jikalau Abang Merindu* | *Saudagar Minyak Urat (1959)* | *Saloma* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 281 | *Joget Pang Ketipang Pang* | *Pendekar 4* | *Taufik Hj. Ali, Karim Latiff & Kamal Idris* | *P. Ramlee/ S. Kadarisman* |
| 282 | *Kampung Nelayan* | *Bujang Lapok (1957)* | *Asiah* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 283 | *Kasihnya Ibu* | *Pancha Delima (1957)* | *Saloma* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 284 | *Kembara* | *Kanchan Tirana (1969)* | *Saloma* | *P. Ramlee/P. Ramlee* |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 285 | *Kenek-Kenek Udang* | *Gergasi* | *Saloma* | *P. Ramlee/S. Ahmad Sabah* |
| 286 | *Kisah Rumah Tangga* | | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/P. Ramlee* |
| 287 | *Ku Kehilangan Kanda* | | *Saloma* | *P. Ramlee* |
| 288 | *Ku Kejar Bayangan* | | *Saloma* | *P. Ramlee* |
| 289 | *Ku Rela Ampun* | *Kanchan Tirana (1969)* | *Saloma* | *P. Ramlee* |
| 290 | *Lagu Anak Rantau* | | *Saloma* | *P. Ramlee* |
| 291 | *Biarlah Aku Pergi* | | *Saloma* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 292 | *Sapu Tangan Tanda Kasih* | | *Saloma* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 293 | *Aku Tak Berdaya* | | *Saloma* | *P. Ramlee* |
| 294 | *Lenggang Kangkung Baru* | *Semerah Padi (1964)* | *Saloma* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 295 | *Madahku* | *Dajal Suchi (1974)* | *Saloma* | *P. Ramlee/Ainol Jamal* |
| 296 | *Malam Ini Kita Berpisah* | *Enam Jahanam (1969)* | *Habibah Yaacob* | *P. Ramlee/P. Ramlee, Saloma* |
| 297 | *Malam Ku Bermimpi* | | *P. Ramlee & Saloma* | *Osman Ahmad/ S. Sudarmadji* |
| 298 | *Malam Tak Bergana* | *Laksamana DO RE MI (1972)* | *Saloma* | *P. Ramlee* |
| 299 | *Manusia Miskin Kaya* | *Siapa Salah (1953)* | *Asiah* | *P. Ramlee/Jamil Sulong* |
| 300 | *Mengapa Abang Merajuk* | | *Mimi Loma* | *P. Ramlee/Salleh Ghani* |
| 301 | *Mengapakah Lagu Ku* | *Saudagar Minyak urat (1959)* | *Asiah* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 302 | *Merana* | | *Saloma* | *P. Ramlee/H. M. Rohaizad* |
| 303 | *Nasib Diriku* | | *Saloma* | *P. Ramlee* |
| 304 | *Nilai Bangsa* | | *Saloma* | *P. Ramlee* |
| 305 | *Pabila Malam Tiba* | | *Pancha Sitara* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 306 | *Pantai Guraman* | | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 307 | *Pelangi Hati* | | *Saloma* | *P. Ramlee* |
| 308 | *Permata Bonda* | | *Saloma* | *P. Ramlee* |
| 309 | *Perwira* | *Masam-Masam Manis (1965)* | *Saloma* | *P. Ramlee/Ainol Jamal* |
| 310 | *Pesta Muda Mudi* | *Nasib DO RE MI (1966)* | *Saloma* | *P. Ramlee/Ainol Jamal* |
| 311 | *Mengapa* | | *P. Ramlee* | |
| 312 | *Gambus Jodoh* | | *P. Ramlee* | |
| 313 | *Dengarlah Rayuan Ku* | | *P. Ramlee* | |
| 314 | *Alang Kah Indah Waktu Pagi* | | *Normadiah* | *P. Ramlee* |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 315 | *Rantau Selamat* | | *P. Ramlee* | *P. Ramlee* |
| 316 | *Rambang Petang* | | *Subaily Shamsuddin* | *P. Ramlee/ Kamaruzzaman* |
| 317 | *Surat Cinta* | | *Subaily Shamsuddin* | *P. Ramlee/ Kamaruzzaman* |
| 318 | *Rukun Islam* | | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/Jamil Sulong* |
| 319 | *Sam Pek Eng Tai* | *Kanchan Tirana (1969)* | *Saloma* | *P. Ramlee* |
| 320 | *Sayu Pilu Kalbu Merana* | *Nasib Si Labu Labi (1963)* | *Saloma* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 321 | *Sejak Ku Bertemu Pada Mu* | | *Saloma* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 322 | *Sekapur Sireh Seulas Pinang* | | *Saloma* | *P. Ramlee/Jamil Sulong* |
| 323 | *Selamat Berbahagia Wahai Kekasih* | | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/A. Mustaffa* |
| 324 | *Selamat Hari Raya* | | *Ahmad Jais* | |
| 325 | *Selamat Pengantin Baru* | *Madu Tiga (1964)* | *Saloma* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 326 | *Senandung Malam* | | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 327 | *Senjakala* | | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/Yusnor Ef* |
| 328 | *Dewi Ilham Ku* | | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/ S. Sudarmadji* |
| 329 | *Si Burung Punggok* | | *P. Ramlee & Saloma* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 330 | *Siapa Kanda* | *Kanchan Tirana (1969)* | *Saloma* | *P. Ramlee/P. Ramlee* |
| 331 | *Suara Takbir* | | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 332 | *Seribu Satu Malam* | | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 333 | *Tari Silat Melayu* | *Nasil Si Labu Labi (1963)* | *Normadiah* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 334 | *Burung Punggok* | | *P. Ramlee & Saloma* | *Yusoff B/S. Sudarmadji* |
| 335 | *Tari Tualang Tiga* | *Sumpah Orang Minyak (1958)* | *Saloma* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 336 | *Terima Kasih Banyak-banyak* | | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/ Kamaruzzaman* |
| 337 | *Tiga Abdul* | *Tiga Abdul (1964)* | *Saloma* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 338 | *Ting Tara Tilalla* | | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 339 | *Tiru Macam Saya* | *Hujan Panas (1953)* | *Asiah* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 340 | *Twist Malaysia* | | *P. Ramlee* | *P. Ramlee* |
| 341 | *Uda dan Dara* | | *P. Ramlee & Saloma* | *P. Ramlee/Usman Awang* |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 342 | *Zapin Budaya* | *Dajal Suchi (1974)* | *Saloma* | *P. Ramlee/Ainol Jamal* |
| 343 | *Zapin Malaysia* | | *P. Ramlee & Saloma* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 344 | *Zuraidah* | | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/Jamil Sulong* |
| 345 | *Rindu Hati Ku Rindu* | | *P. Ramlee* | |
| 346 | *Hinjit Semut* | | *P. Ramlee & Saloma* | *Ahmad CB & Ainol Jamal* |
| 347 | *Keluhan Saloma* | | *Saloma* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 348 | *Kenangan Abadi* | | *Saloma* | *P. Ramlee/S. Sudarmadji* |
| 349 | *Istana Chinta* | | *Saloma* | *P. Ramlee/Jamil Sulong* |
| 350 | *Lanang Tunang Tak Jadi* | | *P. Ramlee* | *Kassim Masdor/Yusnor Ef* |
| 351 | *Mengapa Derita* | | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/A. R. Tompel* |
| 352 | *Terbang Burung Terbang* | | *P. Ramlee* | *P. Ramlee/A. R. Tompel* |
| 353 | *Malam Tak Bergema* | | *Saloma* | *P. Ramlee/Pathe Publications* |
| 354 | *Mengapa Membisu* | | *Saloma* | *P. Ramlee/Pathe Publications* |
| 355 | *Jangan Masam Muka* | | *Saloma* | *P. Ramlee/Pathe Publications* |
| 356 | *Joget Istana* | *Tunggal (1961)* | *Norli Ismail* | *P. Ramlee/Yusoff Ef.* |
| 357 | *Tari Panglima* | | *Norli Ismail* | *P. Ramlee/Yusoff Ef.* |
| 358 | *Bermandi-manda* | | *Norli Ismail* | *P. Ramlee/Yusoff Ef.* |
| 359 | *Taman Asmara* | | *Momo & P. Ramlee* | |

## LAKSAMANA DO RE MI

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Brothers Organizations. Dibuat di Merdeka Film Productions Limited Kuala Lumpur. Tahun dikeluarkan: 1971.

**P. Ramlee**; A. R. Tompel; Ibrahim Din; Dayang Sulu; *dibantu oleh*: Osman Botak; Bakar Kerinting; Norizan; Osman Hj. Ismail; *dengan*: Idris Hashim; Menah Yem; Ainon Chik; Zaiton Salleh; *Bintang Jemputan*: Hussein Abu Hassan

Jurugambar: Low Yew Wah; Jurusuara Awal: Annuar Yusoff; Rakaman Akhir: Tan Chuan Hock; Editing: Johari Ibrahim; Pereka Bangunan di Set: Esa Ahmad

Penolong: Pengarah: Hashim Hamzah; Jurugambar: Ng Hoong Ngiam; Suara: Johari Ibrahim; P. Make-up: Azizah Ali; Makmal: Roseline Teoh; Zainuddin Hussein

Arahan: **P. Ramlee** AMN

Cerita: DO, RE dan MI ialah tiga orang pemuda yang bersahabat baik, yang menganggap seluruh dunia sebagai rumah tangga mereka, alam yang terbentang sebagai kitab-kitab dan buku-buku bacaan mereka, dan lebih suka tidur berselimutkan langit, bertilamkan bumi.

Ketiga-tiga pemuda ini tinggal di dalam rumah yang didirikan oleh mereka di atas pokok oleh kerana mereka mahu bebas dari sewa atau cukai. Namun demikian, DO RE MI, tidak terlepas daripada undang-undang.

Pokok itu adalah hak tuan tanah tempat di mana pokok itu tumbuh membesar mencakar langit, dan umur pokok itu lebih tua daripada umur tuan tanah itu. Tiga orang sahabat itu ditangkap dan dibicarakan kerana tidak membayar sewa kepada tuan



*Ibrahim Din, P. Ramlee dan A. R. Tompel dalam filem* Laksamana DO RE MI



*Dari kiri ke kanan: Ibrahim Din, Dayang Sulu, A. R. Tompel dan P. Ramlee dalam filem* Laksamana DO RE MI

tanah, dan tidak kepada pokok tempat mereka mendirikan rumah!

Do Re dan Mi kemudian kembali kepada rumah asal mereka yang berlantaikan bumi dan beratapkan langit. Sedangkan mereka berehat di satu rumpun buluh, mereka bersua dengan Tuan Puteri Buluh Betong (Dayang Sulu) yang menjerit kesakitan di tikam lembing berbisa. Mereka menyelamatkan tuan puteri. Untuk membalas budi mereka, Tuan Puteri Buluh Betong telah menghadiahkan mereka tiga barang ajaib: sehelai tikar pandan yang boleh terbang, sebuah teropong ajaib yang boleh meneropong dan melihat apa sahaja yang terlintas di hati, dan satu seruling sakti yang boleh diperintah arah.

Tiga sahabat itu berasa gembira: bila di cuba, ketiga-tiga barang ajaib itu dapat melakukan perkara-perkara sebagaimana yang dikatakan oleh Tuan Puteri itu. Dengan tiga alat ajaib itulah maka DO RE MI dapat meneruskan pengembaraan mereka dengan penuh kelucuan ke negeri Pasir Berdamar, di mana Jawatan Laksamananya masih kosong.

Setelah mengalami berbagai-bagai cubaan, yang kesemuanya menggelikan hati belaka, barulah DO RE MI dianugerahkan oleh Raja dengan gelaran "Laksamana Di Raja Negeri Pasir Berdamar". Semenjak menjadi Laksamana, pengembaraan-pengembaraan mereka bertambah mencuit hati, terutamanya bila mereka bertugas untuk membantu Negeri Pasir Dua Butir yang di dalam kesusahan kerana dilanggar oleh Pasola yang kuat dan kebal, yang termasyhur dengan keganasannya.

Laksamana DO RE MI, berjaya membunuh Pasola dan menyelamatkan Negeri Pasir Dua Butir serta tuan puterinya yang telah dilarikan oleh Pasola itu. Tetapi, siapakah di antara mereka bertiga itu yang layak berkahwin dengan tuan puteri yang cantik, sebagaimana yang dijanjikan oleh Raja Negeri Pasir Dua Butir itu, sedangkan ketiga-tiga alat ajaib yang dipunyai oleh masing-masing mempunyai kuasa yang tersendiri dalam menghasilkan kejayaan-kejayaan mereka? Andaikata ketiga-tiganya tidak bersatu hati, tentulah apa pun yang hendak mereka kerjakan tidak akan terjadi.

Tiap-tiap seorang daripada tiga sahabat itu mempunyai kesaktian sendiri untuk memenangi hati tuan puteri yang jelita itu.

Sebagai satu jalan untuk mengatasi masalah ini, Raja Pasir Berdengung, yang masih lagi bujang, telah berkahwin dengan tuan puteri itu. Dengan ini, DO RE MI telah patah hati. [Tamat]

Filem ini adalah filem terakhir **P. Ramlee**. Ada kritikan yang menyatakan bahawa filem ini tidak ada aslinya sebab ianya adalah saduran daripada beberapa filem **Magic Carpet**. Apabila **P. Ramlee** meninggal dunia pada 22 Mei 1973, filem ini masih dalam tayangan, dan untuk menghormati pemergiannya, filem ini telah ditarik balik penayangannya buat sementara waktu.

## KATUN LAT

**P. Ramlee** sentiasa dianggap sebagai bahan yang amat baik bagi lukisan katun. Mukanya yang mudah dikenali, senikata sesetengah lagunya yang telah menjadi masyhur, dan beberapa dailog dalam filem-filemnya yang berkekalan tepat dan boleh diucapkan hingga sekarang ini. Banyak majalah, terutama majalah-majalah filem, dan akhbar-akhbar memuatkan katun-katun atau lukisan wajah **P. Ramlee**. Dalam majalah-majalah filem terutamanya *Majallah Filem*, pembaca dipelawa mengirimkan lukisan komik berkaitan dengan filem, dan tajuk yang paling digemari ialah filem-filem **P. Ramlee** yang telah ditayangkan atau yang akan ditayangkan tidak lama lagi. Ini bertujuan untuk menghebahkan filem-filem berkenaan. Perusahaan hiburan, terutamanya perusahaan filem, bergantung kepada publisiti. Setengah-setengah bahan publisiti yang lebih menarik ialah katun-katun dan lukisan-lukisan yang berkaitan dengan filem-filem itu.

Pelukis katun yang paling masyhur di Malaysia ialah Lat (Nama sebenarnya ialah Mohamed Nor Khalid, dan beliau dilahirkan pada tahun 1951). Dia telah melukis katun dan gambar lucu dalam akhbar-akhbar *Berita Harian* dan *The New Straits Times* dan dalam majalah-majalah yang tertumpu kepada peristiwa-peristiwa semasa. Katun-katun dan lukisan-lukisannya memberikan keseronokan yang tulen. Dia melihat daripada aspek yang melucukan dalam hampir semua perkara. Kekuatannya yang luar biasa ialah dalam kebolehannya untuk mengambarkan kelemahan sesuatu kaum atau bangsa itu tanpa menimbulkan kemarahan. Sesetengah daripada karyanya kuat membawa kenangan terhadap masa lampau kerana beliau dibesarkan dalam tahun lima puluhan. Oleh itu Elvis, Nat King Cole atau **P. Ramlee** akan muncul dengan tiba-tiba tanpa disangka, dengan membawakan seseorang itu seribu kenangan. Beliau merupakan seorang pengulas yang tajam lagi petah mengenai isu-isu politik dan semasa. Matanya tajam, demikian juga kepetahannya. Kelucuannya pula kena pada masanya.

Lat menulis:

"Saya telah lama menyanyi dalam kepala saya. Sentiasa ada lagu.

Lagu kegemaran saya yang pertama berasal dari sebuah filem. Dalam filem itu (saya sudah lupa tajuknya), **P. Ramlee** yang bertubuh amat kurus memeluk Normadiah di tepi pantai, mungkin Katong, sambil menyanyikan lagu yang bermula dengan "Mengapakah riang ria?"

Dalam lagu itu, watak utama wanita bertanya kepada watak utama lelaki apakah rasa riang yang dialaminya.?

Adakah ini rasa cinta ?

Dan heronya menjawab, "sesungguhnya". Malah dia menambah pula: "Cinta adalah pemberian Tuhan kepada lelaki dan perempuan."

Tiap-tiap filem Melayu pada masa itu mempunyai sekurang-kurangnya sebuah lagu kesukaan ramai, terutamanya filem-filem **P. Ramlee**. Bapa saya adalah seorang peminat **P. Ramlee**. Tiap-tiap kali dia pergi menonton wayang dia akan membawa saya bersama. Oleh sebab itu saya boleh menyanyi lagu-lagu **P. Ramlee** hingga ke hari ini"

[*It's a Lat Lat Lat Lat World*, Berita Publishing Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 1994, muka surat 2]

Dalam sebuah makalah dalam *Berita Minggu* pada 1 Ogos 1968, ada diceritakan: "Lat adalah peminat wayang jenaka arahan dan ciptaan **P. Ramlee.** Cerita-cerita jenaka **P. Ramlee** seperti **Pendekar Bujang Lapok, Musang Berjanggut** dan lain-lain banyak memberi ilham kepada Lat.

Katun yang bercakap di depan saya itu menceritakan bagaimana filem-filem **P. Ramlee** itu mengisahkan cerita-cerita yang tidak munasabah tetapi berjaya menggelikan hati."

Satu daripada katun Lat yang muncul dalam *Majallah Filem* menggambarkan seorang kampung yang menghalakan senapang gajahnya ke arah pemeriksa tiket wayang sambil bertanya mengapa filem **P. Ramlee** tidak ditayangkan sepanjang bulan itu. Ini menunjukkan kegilaan kepada **P. Ramlee** pada masa itu.

Lat sendiri menulis:

"Banyak lagu sudah ditulis mengenai kisah berumah tangga. Lagu kegemaran saya ialah oleh **P. Ramlee** mengenai suami yang berubah sama sekali selepas berkahwin ... oleh kerana isteri yang memerintah."

[*Lat's Lat* - Berita Publishing Sdn Berhad, Kuala Lumpur, 1994 muka surat 116]

Ia berbunyi, "Disuruh duduk-duduk, dijerit-jerit, dibentak-bentak ... Suaminya dulu handsome, rambut panjang dah jadi botak."

Senikata di atas dipetik dari lagu *Kesah Rumah Tangga* gubahan **P. Ramlee** dan senikata oleh S. Sudarmadji.






Sebelum Kahwin



Selepas

P. Ramlee dan Asiah menyanyikan lagu *Sikit Kasi Banyak Minta* dari filem **Arjuna** (1954). Lat berkata:

"Dan satu lagi lagu **P. Ramlee** yang saya fikir disokong oleh orang lelaki ialah lagu yang mengatakan: "Memang Wanita Sikit Kasi Banyak Minta".

Lat melukisnya begini:



Dalam dunia perniagaan pada tahun-tahun lapan puluhan, terdapat suatu peristiwa yang memalukan yang melibatkan RM1.7 ribu juta di Bank Bumiputra. Dalam filem **Ibu MertuaKu P. Ramlee** menyanyikan lagu yang digubahnya dengan senikata oleh S. Sudarmadji, "Di Mana Kan Ku Cari Ganti".

Lat melukisnya begini:




Lat juga menyindir ahli-ahli politik. Dalam filem **Ibu MertuaKu**, Mak Dara mengucapkan dialog yang sudah menjadi masyhur:

"Siapa itu Kassim Selamat. Lawyer, majistret, doktor! 'Ahli Muzik'. Ahli Muzik? Memang pantang datuk nenek moyang aku memilih ahli muzik menjadi menantu. Sabariah aku kasi engkau masa tiga hari untuk berfikir. Kalau engkau pilih Dr Ismadi, semua harta aku menjadi milik



engkau, tapi kalau engkau pilih Kassim Selamat, engkau tersingkir daripada menjadi ahli keluarga aku."

Mak Dara merupakan pendukung suatu masyarakat yang berpangkat-pangkat. Dalam filem itu, Sabariah (Sarimah) terpaksa memilih di antara kekayaan ibunya atau seorang ahli muzik. Dalam katun yang dilukis oleh Lat, adakah Sabariah menghadapi kesukaran seperti itu?

Dalam filem **Ali Baba Bujang Lapok** (1961) **P. Ramlee** menggubah sebuah lagu dengan senikata oleh S. Sudarmadji, bertajuk *Apek dan Marjina.* Sarimah yang memegang peranan Marjina dalam filem itu sedang memimpin Apek (yang ditutup matanya) manakala mereka menyanyikan lagu itu. Apabila mereka tiba di sebatang longkang, Marjina mengingatkannya, "Apek jaga depan ada longkang ... lompat Apek lompat". Katun yang dilukis oleh Lat merujuk kepada krisis MCA dalam tahun 1980-an.




Lat menggunakan filem **Siapa Salah** (1953) yang dibintangi oleh **P. Ramlee** dan Normadiah untuk menyampaikan pesanannya mengenai masalah menghisap rokok di kalangan murid-murid sekolah yang telah menjadi masalah sosial. Banyak cadangan dikemukakan untuk mengatasi masalah itu, tetapi dalam katun di bawah ini Lat menyampaikan pesanan melalui watak-wataknya:




Lat berpendapat bahawa:

"Zaman gemilang filem-filem Melayu ialah dalam tahun-tahun lima puluhan. Saya tahu mengenainya kerana saya menonton kebanyakan filem-filem pada masa itu. Saya biasanya membawa bapa saya bersama. Jalan ceritanya lebih mudah pada waktu itu ... dan peminatnya adalah peminat tulen! Saya ada seorang kawan yang pandai mengajuk Omar Rojek ... lagu dari



filem-filem itu indah-indah belaka ... dan bertahan hingga sekarang ..."

[*Lat and his Lot again* ............ Berita Publishing Sdn Bhd. 1995]

Di dalam katun di atas, **P. Ramlee** sedang menyanyi lagu *"Mari Dengar Ini Cherita"* dari filem **Hujan Panas** (1953), yang digubah oleh **P. Ramlee** dengan senikata oleh Jamil Sulong.

Apabila sudah berumur, **P. Ramlee** menjadi gemuk dan jauh berbeza dari bentuk badan semasa zaman kegemilangan filem-filemnya. Lat melukisnya sedemikian.



Pada 18 Januari 1999, lebih daripada 26 tahun selepas kematian **P. Ramlee,** Lat masih menggunakan lagu **P. Ramlee** *Bulan dan Juga Angin* yang dinyanyikan bersama Normadiah dalam filem **Panggilan Pulau.** Malaysia pada masa ini mendapat hujan lebat dan angin kuat, kesan gejala La Nina. 17 Januari 1999 ialah malam




melihat anak bulan bagi menyambut Idilfitri tetapi ianya tidak kelihatan. Lat mengandaikan bulan akan terbit penuh pada 18 Januari. Oleh itu, di samping air dan angin, Malaysia juga mendapat bulan penuh.

[*New Straits Times* - 18 Januari 1999 muka surat 10]

## LATIFAH OMAR

[1937 - ___]




Dilahirkan di Kuala Lumpur, dan berpindah ke Singapura pada tahun 1948. Ibunya telah mendapat tawaran untuk berlakon sebagai pelakon tambahan di Kris Film Productions. Latifah kemudian mendapat tawaran untuk berlakon sebagai pelakon tambahan [selama 4 bulan], dan filem pertamanya ialah **Dahlia,** di samping Norsiah Yem dan Shariff Medan. Selepas berpindah ke Malay Film Productions, beliau muncul sebagai seorang seniwati yang memegang peranan penting dalam filem **Panggilan Pulau,** di samping **P. Ramlee.**



*Latifah Omar, 1961*

Kali kedua beliau berlakon dengan **P. Ramlee** adalah dalam filem **Merana**. Pada waktu itu, beliau berusia 17 tahun. Orang-orang di studio mengusiknya dengan kata-kata:

"Kelat pisang kelat, muka bujur tahi lalat, dan kulitnya ialah hitam-hitam si tampok manggis."

Bagi **P. Ramlee,** Latifah adalah seniwati yang lemah hatinya, sebab apabila beliau salah dan dimarah sedikit atas kesalahannya, lekas sekali menangis." [*Hiburan Filem* Bil 16 - 20 September 1954]

Latifah telah diserahkan untuk berlakon dalam filem **Merana** sebagai serikandi kasih sayang, ratu segala rumah tangga, isteri segala bahagia dan ibu segala cinta. Lakonannya dalam filem itu telah menambahkan kasih sayang penonton kepadanya, terutama penonton-penonton yang mempunyai ibu mertua yang garang, sebagai seorang menantu yang terkutuk, menjadi mangsa fitnah dan ancaman, dan ini meninggalkan kesan di hati penonton. Watak itu diserahkan kepadanya yang pada ketika itu beliau belum lagi berumah tangga.

## LENA BINTI ABDULLAH

[1927 - 1999]

Dilahirkan di Singapura. Pernah memasuki peraduan menyanyi amatur yang diadakan di New World dalam zaman pemerintahan British Military Administration. Dalam peraduan itu, Lena menyanyikan lagu Inggeris *Love As Wool.* Kemerduan suaranya telah membawakan beliau hadiah pertama. Lena kemudiannya memasuki pancaragam, bermula dengan pancaragam Filipina Sextet. Pada tahun 1947, beliau berpindah ke pancaragam Tiga Serumpum bersama Nona Asiah dan Ismail Kassim, dan selepas itu pancaragam Bintang Timur. Beliau menjadi penyanyi



*Lena, 1955*

latar, iaitu meminjamkan suaranya kepada bintang-bintang Malay Film Productions seperti Musalmah, Normadiah (pada satu masa sebelum 1954) dan Mariam.

Banyak lagu-lagu nyanyian Lena telah dirakamkan ke dalam piring hitam oleh syarikat recording T. Hemsley and Co. Ltd. Lagunya sendiri yang amat digemarinya (pada tahun 1952) ialah *Kecantikan*. Beliau banyak merakamkan suaranya dengan **P. Ramlee** ke piring hitam, dan lagu yang paling popular ialah *Tasek Madu* dan *Jiwita Ku Sayang* berduet dengan **P. Ramlee**.

## LOVE PARADE

Sebuah filem Mandarin keluaran Shaw Productions Hong Kong pada tahun 1963 yang berbidang Shawscope dan berwarna Eastman colour. Filem ini merupakan cerita asmara yang bersulam komidi, dan dibintangi oleh para bintang filem yang paling terkemuka di dunia perfileman Cina, iaitu Lin Dai dan Peter Chen Ho. **P. Ramlee** dan Saloma telah diundang khas ke Hong Kong untuk mengambil bahagian dalam filem ini dengan mendendangkan lagu *Bengawan Solo* di dalam satu adegan yang khas.

Di pesta Film Asia yang kesepuluh di Tokyo (1963), filem **Love Parade** ini telah memenangi hadiah "Komidi Yang Terbaik".

Lagu Bengawan Solo terkenal di seluruh kepulauan Indonesia dan di sebahagian dunia, dan lagu itu bertambah popular setelah dijadikan piring hitam, untuk cerita sandiwara dan difilemkan. Pencipta lagu ini ialah putera Solo asli bernama Gesang (1918 – ) atau Hardjohartono. Gesang hanya keluaran sekolah rakyat. Lagu Bengawan Solo mula dinyanyikan ketika rombongan dari Jos Cleber berada di Solo. Selain menjadi penyanyi, beliau juga pencipta lagu-lagu dan syair. Lagu Bengawan Solo ini dicipta pada tahun 1940. Lagu-lagu yang terkenal yang diciptanya ialah *Sapu Tangan* pada tahun 1941 dan *Jambatan Merah* pada tahun 1943.

# M

## 22 MAC 1929 (HARI RABU)

**P. Ramlee** telah dilahirkan oleh ibunya Che Mah binti Hussein ketika khatib sedang membaca khutbah Hari Raya Aidilfitri. Suara anak kecil yang baru lahir itu bergema dengan suara takbir dan selawat yang sedang diucapkan oleh orang-orang yang bersembahyang raya. Tempat tumpah darahnya ialah di rumah bapanya di Jalan Rawang, Pulau Pinang.

## MADU TIGA

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited, Singapore. Dibuat oleh Malay Film Productions Limited, Singapore. Tarikh dikeluarkan: 12 Februari 1964.

**P. Ramlee**; Bintang utama: Sarimah, Jah Hj. Mahadi, Zera Agus; *dan* Ahmad Nesfu, Mislia, M. Rafee, Zainun Fiji, Ahmad Sabree, M. Babjan, Doris Han. *Pelakon undangan*: Alias Conggo

Teknik Fotografi: A. Bakar Ali; Teknik Bangunan: A. V. Bapat; Editing: H. R. Narayana; Penyunting: Wong Hong Peng; Rakaman: Yap Poh Kai; Rakaman Akhir: Kam Sim Boon, Pengurus Studio: Kwek Chip Juan.

Pembantu': Teraju muda: S. Sudarmadji; Fotografi: Jumari Saripan: Editing: Hayat Haris; Rekaman: Chua Soh Tong; Rekaman Akhir: Ahmad Suradi; Continuity: Tan Quee Sim.

Pencipta Lagu: **P. Ramlee;** Penggubah Lagu: **P. Ramlee;** Senikata Lagu: Maji Lee; Seni Suara Lagu: **P. Ramlee,** Saloma, MFP Orkestra.

Buah fikiran cerita: S. Kadarisman; Jalan bahasa: **P. Ramlee;** Jalan cerita: **P. Ramlee**

Teraju Utama: **P. Ramlee** AMN

Cerita: Jamil (**P. Ramlee**) adalah menantu seorang hartawan dan tuan tanah, bernama Hj. Latiff (Ahmad Nesfu). Jamil sudah dua belas tahun beristerikan Latifah (Zeera Agus). Mereka hidup bahagia, tetapi tidak mempunyai anak, sedangkan mereka mempunyai harta yang banyak.

Jamil sangat disayangi oleh ayah mertuanya. Dia menguruskan segala hal-hal perniagaan mertuanya dengan cekap dan bijak serta rajin dan usaha. Dia bekerja sehingga larut malam, di pejabat, menghadiri jamuan dan sebagainya. Sebagai seorang Managing Director, beliau banyak kenalan dan banyak menerima jemputan.

Apabila keluar malam, beliau berpakaian kacak dan sajak. Isterinya Latifah





UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA

BORANG A
NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU
DAFTAR BERANAK
(Salinan Untuk Penguasa Pendaftar)
Akta Pendaftaran Kelahiran Dan Kematian 1957
(Seksyen 4(1) dan 7(1), Aturan 1)

Kawasan Pendaftaran PULAU PINANG & SEBERANG PERAI
Nama Penuh Kanak-Kanak RAMLI B PUTEH
Tempat Kelahiran HOR CAUNTER HALL
Tarikh dan Waktu Kelahiran 22HB MARCH 1929 Jantina M

Nama PUTEH B. RADIN
Pekerjaan SALESMAN
Keturunan MALAY

Nama Sebelum Kahwin CHE MAH
Keturunan MALAY

Nama HOOSAIN
Tarikh Pendaftaran 27 HB MARCH 1929

CHILDS NAME INSERTED B D 16 NO 319 6A 20.3.60

Penguasa Pendaftar Kelahiran dan Kematian Negeri Pulau Pinang

*Daftar Beranak P. Ramlee*

pula, kerap tidak mengambil tahu ke mana dia pergi, sebab dia lebih suka menunggu di rumah daripada mengikuti suaminya.

Pada suatu petang, Jamil kelihatan tergesa-gesa menyalin pakaian baru, Latifah tidak banyak menyoal. Jamil menyatakan yang dia hendak menghadiri majlis perkahwinan sahabatnya. Rupa-rupanya, Jamil menghadiri majlis perkahwinannya sendiri dengan Che Hasnah (Jah Hj. Mahadi). Mengikut apa yang diketahui oleh kawan-kawannya, Jamil berkahwin lagi satu dengan izin isterinya yang tua. Mereka memuji-muji kemuliaan hati isteri tuanya, Latifah. Pujian-pujian itu pula disebutkan di hadapan Latifah, apabila dia bertemu dengan salah seorang sahabatnya yang menjadi tetamu dalam majlis perkahwinan Jamil itu.

Latifah berasa hairan dan tercengang-cengang apabila mendengar berita itu. Tetapi, sebagai seorang isteri yang mulia, Latifah mengangguk saja apabila mendengar celoteh sahabat-sahabatnya yang memuja-muja kecantikan madunya itu. Sebenarnya, Latifah mula diselubungi perasaan marah dan geram terhadap suaminya, Jamil.

Kebetulannya, sedangkan Jamil dan isteri mudanya bersalam-salaman pada malam jamuannya yang terakhir, dengan tak disangka-sangka, Latifah muncul. Suasana riang ria pun bertukarlah menjadi ribut sengketa yang menghairankan semua tetamu yang ada. Jamil lari lintang-pukang untuk menyelamatkan diri.

Selama tiga hari sejak kejadian peristiwa tersebut, tidak seorang pun yang mengetahui di mana Jamil berada. Latifah menyangka bahawa Jamil sedang berseronokan dengan isteri mudanya, Hasnah. Hasnah pula menyangka bahawa Jamil berpendam di rumah isteri tuanya. Ayah mertuanya, Hj. Latiff turut menjadi bimbang, oleh kerana semenjak Jamil menghaibkan dirinya, urusan-urusan perniagaannya menjadi kusut.



*Alias Congo, pelakon undangan dalam filem* **Madu Tiga**

Tiba-tiba, pada suatu hari, Rafee, yang bekerja sebagai 'bill collector' di pejabatnya telah menerima telefon daripada Jamil meminta beliau ke sebuah hotel terkenal. Jamil telah bersembunyi di hotel itu untuk mencari jalan bagaimana hendak menghadapi kesulitan-kesulitan yang berpunca darinya sendiri.

Kemudian, Jamil telah pulang ke rumah dengan keadaan yang berbalut dan sungguh menyedihkan. Latifah amat terkejut melihat Jamil dalam keadaan demikian.

Latifah percaya akan penerangan Jamil, yang menyatakan bahawa dia dilanggar lori, dan dirawat di rumah sakit selama tiga hari. Kepada tiap-tiap pertanyaan yang dikemukakan oleh Latifah mengenai kemalangan itu, Latifah hanya mendapat jawapan "Kasian", yang disebut oleh Rafee berulang-ulang kali.



*P. Ramlee dan Zeera Agus dalam filem* Madu Tiga



*Dari kiri ke kanan: Zeera Agus, Sarimah dan Jah Haji Mahadi dalam filem* Madu Tiga




Seperti yang dijangka oleh Jamil, ketibaannya itu disambut dengan penuh rasa kasih mesra oleh isterinya itu. Sekarang, tiba pula soal bagaimana hendak menghadapi isterinya yang muda, Hasnah.

Setelah memberi alasan yang dia hendak memutuskan perhubungannya dengan isteri mudanya, maka Latifah membenarkan dia pergi menemui Hasnah. Dan kali ini, dengan mukanya bertampal plaster, Jamil menemui Hasnah dengan menyatakan bahawa matanya hampir buta dicakar oleh isterinya yang tua, dan beliau telah berubat di rumah sakit untuk beberapa hari. Sekali lagi Jamil berbohong dengan menyatakan dia sudahpun memutuskan perhubungannya dengan isteri tua.

Kepada Hj. Latiff, ayah mertua Jamil, perkahwinan Jamil itu tidak menjadi soal. Beliau menjalankan peranannya dengan sungguh bijak, sehinggakan Jamil terselamat daripada beberapa kecemasan, apabila kedua-dua isterinya datang untuk menemuinya di pejabat.

Oleh kerana kedua-dua isterinya menyangka bahawa mereka masing-masing sajalah yang menjadi isteri Jamil sekarang, maka gelombang bermadu itu pun reda.

Hairan pula, Jamil belum lagi berpuas hati. Semasa pergi menagih hutang sewa rumahnya, Jamil terpandang anak gadis seorang penyewa rumahnya yang kacak dan jelita bernama Rohani (Sarimah), seorang guru sekolah. Sejak pertemuan itu Jamil sentiasa teringin-inginkan Rohani. Jamil menghantar wakilnya untuk meminang Rohani, dan kahwin buat kali ketiga.

Latifah dan Hasnah mengetahui perkahwinan ini. Mereka tidak pula bercakaran sebab segankan Rohani yang menasihatkan supaya mereka menjaga 'martabat kita kaum wanita'. Dalam perbualan dengan Hasnah, Rohani mengatakan suaminya ada di rumah, dan orangnya pemalu. Latifah dan Hasnah memuji-muji nasib Rohani yang mendapat suami yang begitu siuman dan "tak macam suami kami".

Setelah berbual beberapa ketika, Hasnah ingin pergi menghiaskan dirinya. Rohani sedia memandu Hasnah ke biliknya.

Hasnah mula-mula terkejut, kemudian pura-pura tak tahu apabila dia terpandang gambar yang tak lain daripada suaminya dan juga suami Latifah, sedang bergandingan dengan Rohani terpampang menghiasi meja cermin. Mereka segera memanggil Latifah. Ketiga-tiga mereka tanya-menanya, cungkil-mencungkil ... sehingga akhirnya ketiga-tiga wanita itu menyedari yang mereka telah t-e-r-t-i-p-u!!

Rohani memaklumkan bahawa Jamil ada di rumah; maka ketiga-tiganya pun

menyinsing lengan, mencari di tiap-tiap bilik, dan keliling rumah, atas dan bawah, namun Jamil tidak juga dijumpai. Mereka terjumpa seutas tali belati yang tinggal tergantung dari tingkap bilik di tingkat atas menuju ke bawah.

Ketiga-tiga isteri bertekad hendak membuat perhitungan ke atas Jamil. Akhirnya, ketiga-tiga isteri itu memutuskan untuk terus hidup bermadu, setelah menimbangkan bahawa sekiranya Jamil membuat sesuatu ke atas dirinya, mereka akan menjadi janda. [Tamat]



*Bonda P. Ramlee, Che Mah Hussain*

## CHE MAH BINTI HUSSAIN
[1904 - 1967]

Bonda **P. Ramlee**. Beliau berasal dari Kubang Buaya, Butterworth, dan menetap di George Town, Pulau Pinang apabila berkahwin dengan Teuku Nyak Puteh pada tahun 1925. Sebelum itu, Che Mah pernah berkahwin dengan seorang Arab kaya dan telah mendapat seorang anak yang diberi nama Sheikh Ali. Beliau telah bercerai selepas mendapat anak lelaki itu.

## HAJI MAHADI
[1914 - ]

Dilahirkan di Negeri Sembilan. Bersekolah Melayu di Seremban, dan melanjutkan pelajaran agamanya di Tanah Suci Mekah. Selepas perang, beliau bekerja sebagai wakil akhbar *Warta Negara* di Negeri Sembilan, di samping belajar bahasa Inggeris di kelas malam. Selepas itu beliau bekerja di Singapura dengan suratkhabar *Warta Malaya Limited* sebagai seorang wartawan. Beliau tertarik dengan filem-filem tempatan oleh kerana selalu menonton filem-filem Melayu. Setelah melihat segala gerak-geri, seni kata serta pakaian pelakon-pelakon dalam filem-filem dan berpendapat bahawa banyak perkara yang tidak sesuai dengan adat-istiadat orang-orang Melayu. Di Malay Film Productions, dia mulanya bertugas sebagai pen-



*Haji Mahadi*


Surat Tuan Bil:

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA

Bil:

DAFTAR KEMATIAN
BORANG C
NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU
(Salinan Untuk P.B.B.M.)
Ordinan Pendaftaran Beranak dan Mati, 1957
[Seksyen 4(1) dan 18; Aturan 5]

Kawasan Pendaftaran: PULAU PINANG & SEBERANG PERAI
Kawasan Kecil: CITY HEALTH DEPARTMENT PENANG

Nama Penuh Simati: CHE MAH BTI HUSSAIN
(Dengan Huruf Cetak Rumi, termasuk Nama Keluarga, Sinh atau Nama Bapa)

Jantina: FEMALE

Tarikh dan Waktu Mati: 4TH MARCH 1967
Umur: 64 YEAR
Pekerjaan: NIL
Keturunan: MALAY
Tempat Mati: 4 RAWANG RD
Tempat Tinggal Yang Biasa: DO
Sebab-sebab Kematian: CARCINOMA JAW

Nama dan Kelayakan Orang Yang Memberitahu Sebab-sebab Kematian: ONG EWE HOCK, INSPECTING OFFICER
* Doktor/Coroner/Lain-lain Pegawai/Orang Yang Memberitahu

Orang Yang memberitahu — Nama: SHEIK HAMZ & SHEAK MD
Pekerjaan: MANAGER FUN FAIR
Tandatangan atau lain-lain yang dibuat Oleh Orang yang Memberitahu

Tarikh Pendaftaran: 5TH MARCH 1967

Tandatangan dan Jawatan Pendaftar

Disahkan betul.

Penguasa Pendaftar
Kelahiran dan Kematian,
Negeri Pulau Pinang.

Ruangan untuk catatan pindaan atau pembetulan

*Daftar Kematian: Che Mah Hussain, ibu P. Ramlee*

terjemah kepada pengarah L. Krishnan. Selepas itu, L. Krishnan memilih beliau sebagai penolong pengarah bagi filem **Penghidupan**, lakonan **P. Ramlee**.

Beliau kemudiannya dilantik sebagai pengarah utama, dan mengarahkan filem **Permata di Perlimbahan**. Pada tahun 1954, beliau berlakon bersama **P. Ramlee** dalam filem **Hujan Panas**, dan hasil daripada lakonannya, dipilih sebagai "Bintang Pembantu Pujaan 1954", melalui satu undian nasional yang dijalankan oleh sebuah akhbar filem Melayu yang berpengaruh pada masa itu.

## SULTAN MAHMOOD MANGKAT DI JULANG

Sebuah purbawara yang dipentaskan di Singapura pada September 1959.

Cerita dari: Sejarah lama yang terjadi di Johor;

Digubah oleh: **P. Ramlee**;

Tatabahasa oleh: Majilee (**P. Ramlee** dan S. Sudarmadji);

Disusun oleh: S. Sudarmadji;

Lakon pentas selama 30 minit; dan

Arahan oleh: **P. Ramlee**

Para pelakon: Kasma Booty (Wan Anum); Yusof Latiff (Sultan Mahmood); Jins Shamsuddin (Megat Sri Rama); Kemat Hassan (Bendahara); Mohamad Hamid; M. Rafee, Ali Fiji [para pengawal Sultan Mahmood].

Pemandangan:
**Balai Penghadapan Sultan Mahmood**

Pelakon:
Sultan Mahmood; Dato Bendahara; 6 Bentara; 1 Bentara Luar; Dato Bendahari

Keperluan:
Buah Nangka

Seluruh pentas dan panggung penonton gelap.
Muzik memberi antaran lagu sha'ir,

Sha'ir:
*Tersebut alkisah sebuah cherita*
*Cherita kejadian di Johor tua*
*Di perintah oleh se orang raja*
*Sultan Mahmood nama baginda.*

*Keadaan Negeri berkalang kabut*
*Lanun yang ganas mengamuk di laut*
*Membunuh merompak tak kenal takut*
*Lanunnya Megat Alang Di Laut.*

Penerangan lampu di pentas agak suram
Muzik pelahan melagukan lagu Melayu rawan
Sultan sedang duduk termenung di takhtanya
Menteri dan pengiring Sultan duduk berdiam diri
Sultan bangun berjalan perlahan menuju kedepan pentas.

**Sultan:** Dato Bendahara.
*Bendahara bangun dan berlutut di samping Sultan sambil menyusun sembah.*
**Bendahara:** Tuanku ...
*Dengan perasaan duka Sultan melanjutkan perkataannya.*
**Sultan:** Tewaskah sudah segala lanun yang bermaharajalela?
Yang diketuai oleh Megat Alang Di Laut?
**Bendahara:** Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patek harap diampun ... Megat Alang Di Laut masih bermaharaja lela bersama lanun-lanunnya Tuanku ... Di dalam firasat patek, Megat Alang Di Laut akan tewas di tangan Laksamana Megat Sri Rama ... Tuanku ...
*Sultan termenung sekejap sambil mengangguk-anggukkan kepalanya.*

**Sultan**: Adakah apa-apa perkabaran dari Laksamana Megat Sri Rama?

**Bendahara**: Kabar berita belum ada tuanku ... Barang kali besok atau lusa.

*Sultan menuju kembali ke takhtanya hendak duduk. Apabila hendak duduk Sultan teringat oleh sesuatu dan berdiri lagi.*

**Sultan**: Aaa ... Dato Bendahara ...

*Bendahara menyusun sembah.*

**Bendahara**: Tuanku ...

*Dengan perasaan gembira Sultan mendapatkan Bendahara.*

Muzik bertukar berirama senang ria.

**Sultan**: O ya ... bagaimana tentang buah nangka yang beta pesan ... Sudahkah Bendahara menyuruh Bendahari membawanya ... ?

**Bendahara**: Ampun Tuanku beribu ampun ... Segala titah perintah Tuanku telah patek jalankan ... Barangkali buah nangka itu sudah pun di pertengahan jalan Tuanku.

*Sultan dengan tersenyum menganggukkepalanya dan hendak menuju ke takhtanya ... Tiba-tiba Dato Bentara Luar masuk mengadap.*

**Bentara Luar**: Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patek harap diampun. Adapun buah nangka yang Tuanku pesan itu ... sudah pun berada di istana Tuanku ...

**Sultan**: Bawa buah nangka itu kemari ... beta hendak lihat ... Karena pohon nangka itu beta sendiri yang menanamnya ...

*Bentara luar menyusun sembah dan keluar. Dato Bendahari masuk mengadap membawa buah nangka.*

**Bendahari**: Ampun Tuanku beribu-ribu ampun sembah patek harap diampun ... Adapun buah nangka yang Tuanku pesan itu sudah pun patek bawa mengadap ...

*Sultan menerima buah nangka dengan perasaan yang sangat gembira.*

**Sultan**: Buah nangka yang beta tanam sendiri ... Beta sungguh merasa bangga ...

*Sambil menimang-nimang buah nangka Sultan lalu menciumnya.*

**Sultan**: Amboi harum baunya ... sungguh ranum ...

*Sultan lalu memandang ke arah Bendahara. Bendahara pun memandang ke arah Sultan yang gembira.*

**Bendahara**: Patek juga merasa gembira Tuanku ... Kerana penat lelah Tuanku di balas dengan faedah yang memuaskan.

*Sultan membelek-belek buah nangka itu lalu terperanjat, dan dicampakkan. Serentak dengan Sultan menyampakkan buah nangka. Muzik mengejut. Muzik kembali dengan lagu seram mendayu.*

**Sultan**: Chis ... mengapa buah nangka ini luak ...? Siapakah gerangan yang menebuknya ... Ditebuk tupaikah ... atau kamukah yang menebuknya?

*Sultan sambil menunjuk ke muka Bendahari.*

**Bendahari**: Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patek harap diampun ... Patek berani bersumpah ... Bukan pateklah yang menebuk buah nangka itu Tuanku ...

*Sultan menengking.*

**Sultan**: Jikalau bukan kamu yang menebuk buah nangka ini ... Bagaimana buah nangka ini boleh luak?

**Bendahari**: Ampun Tuanku ... Semasa patek dalam perjalanan ... Patek telah bertemu dengan Wan Anum isteri Laksamana Sri Rama ... Isteri Laksamana sedang sarat mengandung 9 bulan Tuanku ... Ia sangat mengidam nangka ... Patek tak sampai hati melihat isteri Laksamana, yang merayu meminta hanya seulas nangka. Patek beri pisau padanya ... dan isteri Laksamana sendirilah yang menebuk buah nangka itu Tuanku ...

*Sultan sangat murka lantas menendang ke bahu Dato Bendahari.*




**Sultan**: Chis penderhaka ...
*Dato Bendahari jatuh terguling dan sangat ketakutan mendiamkan diri.*
**Sultan**: Berani dikau memberi seulas nangka kepada isteri Laksamana dengan tidak keizinan beta ... Heh ... taukah perbuatan itu menderhaka ... Menderhaka kepada beta ... Sultan Mahmood ...?
*Sultan semakin marah lantas memerintahkan kepada Dato Bendahara.*
**Sultan**: Dato Bendahara ...
*Bendahara menyusun sembah.*
**Bendahara**: Ampun Tuanku ...
**Sultan**: Dengan titah perintah beta ... bawa Wan Anum mengadap ...
**Bendahara**: Ampun Tuanku beribu ampun ... sembah patek harap diampun ... Kerana Wan Anum sedang sarat mengandung ... barang kali ia sedang tidur. Tuanku ...
**Sultan**: Bendahara ... kalau ia sedang tidur ... bangunkan dan seret bawa kemari ... Beta mau Wan Anum mesti di bawa kemari ...

*Sultan berjalan pantas dan duduk kembali di takhtanya. Bendahara berjalan ke hujung pentas dengan pantas sambil menepok tangan. Bentara Kanan dan Bentara Kiri tampil mengadap Bendahara.*
**Bendahara**: Bentara ... pergilah kamu berdua ke rumah Laksamana ... Dan bawalah isteri Laksaman kemari. Tetapi harus diingat ... Jangan sekali-kali melakukan kekerasan terhadap perempuan ...
*Kedua Bentara menyusun sembah ...*
**Bentara**: Menjunjung perintah Dato ...
*Bentara keluar, dan sambil mengundurkan diri menyusun sembah kepada Sultan. Bendahara berperasaan sedih, berjalan perlahan-lahan menuju Sultan.*
Seluruh panggung penonton, dan panggung pentas gelap.
Muzik memberi antaran lagu sha'ir.

Sha'ir mendayu-dayu.
*Sultan Mahmood tersangat murka*
*Pada Wan Anum isteri Laksamana*
*Disuruh panggil dengan serta-merta*
*Sebab memakan seulas nangka.*

Seluruh Pentas Terang-benderang.
Bentara Kanan dan Bentara Kiri masuk mengadap.

**Bentara Kanan**: Ampun tuanku beribu ampun sembah patek harap diampun ... Isteri Laksamana datang mengadap.
*Bentara Kanan dan Kiri mengambil tempat masing-masing. Isteri Laksamana berlari anak dengan tergesa-gesa mengadap. Sultan sedikit pun tak memandang wajah Wan Anum.*
**Wan Anum**: Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patek harap diampun. Apakah gerangan menitahkan patek mengadap waktu malam begini ... Mungkinkah berita kemalangan tentang suami

patek Laksamana Megat Sri Rama Tuanku?

**Sultan**: Suami mu heh ...

*Sultan dengan marah berjalan pantas menuju ke bujung pentas sebelah kiri.*

**Sultan**: Wan Anum !!!

*Dengan rasa hairan dan ketakutan Wan Anum ke depan pentas, menyembah di sisi Sultan.*

**Wan Anum**: Ampun Tuanku ...

**Sultan**: Dikaukah gerangan yang memotong dan memakan seulas nangka beta?

*Wan Anum semakin ketakutan, terus mendiamkan diri menunduk. Sultan membentak.*

**Sultan**: Cakap!!

**Wan Anum**: Benar Tuanku ...

**Sultan**: Chis ... Dasar perempuan keturunan Bintan ... Keturunan durhaka ... Mengapa dikau tidak meminta izin kepada beta?

**Wan Anum**: Ampun Tuanku beribu² ampun sembah patek harap diampun ... Patek rasa hanya dengan seulas nangka itu, tentulah Tuanku tidak akan murka ...

**Sultan**: Tidak Murka? Sisamu kau berikan kepada beta tidak murka? Sisa seorang rakyat biasa memberi kepada rajanya ... Sultan Mahmood tidak murka ...?

*Sultan dengan tersangat marah lantas memegang sebelah tangan Wan Anum*

**Sultan**: Inikah tangan durhaka yang menebuk dan yang memakan seulas nangka beta?

*Sultan sambil menolakkan tangan Wan Anum dengan kuat, Wan Anum tersembam ke lantai. Sultan berjalan menuju ke bujung kanan pentas. Wan Anum mulai menangis dan bangun perlahan-perlahan terus duduk menunduk.*

**Sultan**: Atas dosamu ... kamu akan dijatuhkan hukum ... Kamu akan dihukum potong tangan ...

*Wan Anum dengan terperanjat terus menjerit dan menyembah ke kaki Sultan. Dengan angkuh Sultan menarek kakinya.*

**Wan Anum**: Ampun Tuanku ... janganlah Tuanku memotong tangan patek Tuanku ... Sebenarnya bukanlah patek yang berhajat benar akan seulas nangka itu Tuanku ...

**Sultan**: Jikalau dikau tak berhajat ... siapa yang berhajat ...?

**Wan Anum**: Anak yang di dalam kandungan patek Tuanku ...

*Sultan bertambah-tambah marahnya.*

**Sultan**: Anak yang di dalam kandungan mu?

**WanAnum**: Benar Tuanku ...

*Sultan Mahmood menengking.*

**Sultan**: Dusta ... Dasar lidah orang Bintan lidah pendusta ...

*Bendahara menyampok.*

**Bendahara**: Ampun Tuanku ...

*Sultan memandang ke arah Bendahara. Bendahara bangun dan bersembah di sisi Sultan.*

**Bendahara**: Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patek harap diampun ... Adapun sebenarnya Wan Anum tidak berdusta Tuanku ... Bagi tiap-tiap perempuan yang mengandung ... jikalau ingin mengidam sesuatu ... bukanlah ia yang memakannya ... Tetapi anak yang di dalam kandungan Tuanku ...

**Sultan**: Tahyul ... ini semua tahyul ...

*Sultan sambil memusing sambil menepuk dahinya ... Bendahara berperi menyusun sembah.*

**Bendahara**: Ini bukannya tahyul Tuanku ... ini adalah bukti yang nyata ...

**Sultan**: Oooo ... Bendahara juga sudah terpengaruh dengan tahyul ...

*Sultan geram terdiam sekejap ... Kemudian Sultan berjalan ke bujung pentas sebelah kiri dan berkata.*

**Sultan**: Tetapi beta belum pernah melihat bukti ... Bagaimana beta boleh perchaya dengan kata$^2$ Dato Bendahara?

*Sultan terdiam berfikir sejenak, kemudian dengan senyuman mengejek Sultan berkata.*

**Sultan**: Baiklah kalau begitu ... Beta akan ringankan hukuman ke atas isteri Laksamana ... Wan Anum tidak akan dipotong tangan ... Tetapi akan dibelah perutnya...

*Menguchapkan perkataan belah perut Sultan menekankan suara. Serentak dengan perkataan belah perut suara muzik mengejut. Kemudian muzik melagukan lagu Melayu sedih. Mendengar hukuman ini Wan Anum menjerit dan memegang kaki Sultan.*

**Wan Anum**: Tuanku ... ampunlah patek tuanku ... ampunlah patek ... Kasihankanlah patek yang sedang sarat mengandung Tuanku ...

*Sultan menolak muka Wan Anum ke lantai.*

**Sultan**: Chis ... perempuan durhaka ...

*Tepat dengan Wan Anum jatuh ke lantai muzik mengejut. Kembali muzik berlagu Melayu sedih. Wan Anum bangun merangkak mendapatkan Bendahara ...*

**Wan Anum**: Tolonglah hamba Dato Bendahara ... tolonglah hamba ... Jikalau Dato tak kasihan pada hamba ... Kasihanlah pada anak yang di dalam kandungan hamba Dato ...

*Bendahara merasa kasihan melihat Wan Anum. Lalu berlutut menyembah kepada Sultan memohon belas kasihan.*

**Bendahara**: Ampun Tuanku beribu$^2$ ampun ... sembah patek harap diampun ... Ma'afkanlah Wan Anum kali ini tuanku ... Ma'afkanlah Wan Anum kali ini ...

*Bendahara lalu menundukkan muka sambil menanti keputusan Sultan mengetatkan giginya sambil menarek nafas dalam.*

**Sultan**: Beta tidak akan menerima perintah dari sesiapa pun. Beta akan menerima perintah beta sendiri ... Sultan Mahmood ...

*Sultan memerintah kepada bentara-bentara.*

**Sultan**: Bentara bawa balai-balai kemari ... Beta hendak membelah perut Wan Anum ...

*Bentara menjunjung perintah sambil masuk ke dalam. Wan Anum menerkam menyembah Sultan sambil menangis.*

**Wan Anum**: Ampun Tuanku ... ampunlah patek Tuanku ... Janganlah membelah perut patek Tuanku ... Kasihanlah pada patek ... Kasihankanlah pada anak yang di dalam kandungan patek Tuanku ...

**Sultan**: Perempuan yang serupa kamu ... ta' harus di kasihani ...

*Sultan berjalan pantas menuju takhtanya.*

**Wan Anum**: Ampun Tuanku ... ampunlah patek ... Janganlah membelah perut patek Tuanku ... Kasihanlah pada patek ... dan kasihanlah pada anak patek ... Tuanku ...

*Sultan bangun dari duduknya sambil membentak.*

**Sultan**: Tidak ...

*Bentara$^2$ masuk ke pentas dengan membawa balai$^2$. Sultan mendapatkan Bendahara yang berada di hujung kanan pentas dan berkata.*

**Sultan**: Dato Bendahara ... Sekarang beta hendak melihat bukti ... Sama ada kanak$^2$ yang didalam kandungan itu memakan buah nangka atau tidak ...

*Wan Anum berlari dan menyembah di samping Sultan.*

**Wan Anum**: Ampun Tuanku beribu-ribu ampun ... Kasihanilah patek Tuanku ... Jikalau Tuanku hendak membelah perut patek ... Tunggulah sampai suami patek pulang Tuanku ...

**Sultan**: Beta tidak ada masa untuk menunggu suamimu.

*Sultan lantas memerintah Bendahara.*

**Sultan**: Bendahara ... ikatkan Wan Anum di atas balai-balai ... Beta hendak membelah perutnya...

*Sultan berjalan pantas menuju takhtanya. Wan Anum lantas merangkak sambil meminta pertolongan Dato Bendahara.*

**Wan Anum**: Kasihanlah hamba Dato Bendahara ... Kasihanlah hamba ... Tolonglah hamba Dato Bendahara tolonglah hamba ...

*Dengan rasa kecewa dan hiba hati Bendahara menceritakan tanggung-jawabnya ...*

**Bendahara**: Wahai Wan Anum Isteri Laksamana ... Hamba telah menolong seribu upaya ... tapi hamba kecewa ... Maafkanlah hamba Wan Anum ... Hamba terpaksa menjalankan perintah ...

*Dato Bendahara memimpin Wan Anum dan dibaringkan di balai-balai. Dengan cucuran air mata Bendahara memandang ke arah Wan Anum dengan rasa hiba. Lalu perlahan menuju ke hujung pentas sebelah kanan. Sultan segera bangun mendapatkan Bendahara.*

**Sultan**: Mengapa dikau termenung Bendahara ...

*Sultan mencabut kerisnya dan menghulurkan kepada Bendahara.*

**Sultan**: Nah Bendahara ... belahkan perut Wan Anum sekarang juga.

**Bendahara**: Ampun Tuanku ... Bukanlah patek berhajat hendak menderhaka Tuanku ... Tetapi patek tak sampai hati nak membelah perut isteri Laksamana Tuanku...

**Sultan**: Jikalau Dato Bendahara tak mau membelahnya ... Biar beta sendiri yang membelahnya ...

*Sultan berjalan mendapatkan Wan Anum yang terbaring di balai'. Bendahara menyampok.*

**Bendahara**: Ampun Tuanku ... Tidak adakah hukuman yang lain yang dapat Tuanku jatuhkan ke atas Wan Anum Tuanku ...

**Sultan**: Beta tidak akan bergenjak sedikit pun ... Apa yang beta kata ... beta misti kota ...

*Sultan lantas mendapatkan Wan Anum.*

**Sultan**: Hai Wan Anum isteri Laksamana ... Beta akan belah perut kamu ...

*Lampu menyala padam. Muzik menggetar. Drum berbunyi roll. Wan Anum menangis terus bersedih. Sekalian yang hadir menundukkan kepala.*

**Wan Anum**: Tuanku janganlah membelah perut patek tuanku ... Tunggulah sampai suami patek pulang ...

**Sultan**: Oooo ... Kamu makan nangka beta dengan tidak minta izin beta ... Beta hendak memotong perut kamu ... beta harus minta izin pada suamimu ...? Tidak Wan Anum tidak ...

**Wan Anum**: Tolonglah tuanku ... tolonglah ...

**Sultan**: Tidak ...

*Sultan sambil membelah perut Wan Anum. Jeritan yang sayu terdengar dari Wan Anum. Serentak dengan Sultan ketika membelah perut muzik mengejut. Lampu gelap seluruh panggung dan Lampu terang kembali.*

*Sultan sangat puas hati kerana dia telah menjalankan hukuman. Sultan memanggil Bendahara.*

**Sultan**: Bendahara ... Mari sini Bendahara ... kita lihat sama-sama ... Beta hendak lihat sama ada kanak-kanak itu memakan buah nangka atau tidak ...

*Sultan lantas mengoyak perut Wan Anum. Sultan menjadi terperanjat besar.*

**Sultan**: Ya ... Allah.

*Bendahara menjenguk, terperanjat dan menjerit.*

**Bendahara**: Lihat Tuanku seorang kanak-kanak dengan seulas nangka Tuanku ...

*Sultan menepuk dahinya sambil ke hujung pentas depan sebelah kanan.*

**Sultan**: Ya Allah beta telah berdosa ... beta telah berdosa ... Beta telah mengambil dua

nyawa ... Kerana beta tak perchaya tahyul ... Beta telah berdosa ... Beta telah berdosa ...

*Bendahara lantas mendapatkan Sultan.*

**Bendahara**: Perkara yang lepas janganlah dikesalkan Tuanku ... Nasi sudah menjadi bubur ...

**Sultan**: Ya Bendahara nasi sudah menjadi bubur ... nasi sudah menjadi bubur ... Oooo Dato Bendahara ... Kebumikanlah mayat Wan Anum dan anaknya dengan penuh kehormatan ...

*Sultan jatuh berteleku di lantai. Bendahara mengisarat kepada Bentara-bentara supaya mengangkat mayat Wan Anum ke dalam... Bentara menjalankan perintah. Bendahara memerhati dengan penuh rasa kasihan, lalu menoleh ke arah Sultan. Bendahara mendapatkan Sultan yang sedang berteleku di lantai.*

**Bendahara**: Janganlah dikesalkan Tuanku. Terlajak perahu dapat dibelok ... terlajak perbuatan apakan daya ... Sesal dahulu pendapatan ... sesal kemudian tak berguna ...

*Sultan bangun seraya memegang bahu Bendahara.*

**Sultan**: Benar Dato Bendahara ... memang benar ... Jikalau beta mendengar kata' Bendahara tadi ... Sudah tentu Wan Anum tidak akan menjadi korban ... Ooo ... apa daya nasi sudah menjadi bubur ... Apa kata Laksamana nanti ... kalau dia tau ... Tentu Laksamana berkechil hati pada beta...

*Sultan terdiam sekejap.*

**Sultan**: Dato Bendahara ... beta harap perkara ini mesti dirahsiakan ... Jangan-lah hendaknya sesiapa pun membuka rahasia ini ... Jikalau didapati salah seorang membukakan rahasia ini ... Mereka akan dihukum panchung ... Biarlah pecah di perut .. jangan pecah di mulut...

**Bendahara**: Patek menjunjung perintah Tuanku.

*Sultan merasa kesal terus berjalan menuju takhtanya.*

**Sultan**: Oooo beta berdosa ... beta berdosa ... Ya Allah ampunilah hamba ... ampunilah hamba ...

*Dato Bendahara dengan perasaan sedih menuju ke tempatnya.*

Seluruh Pentas dan panggung terang.
Muzik memberi antaran lagu sha'ir
Sementara lampu gelap, pemandangan di tukar menjadi jalan kampung.
Pelakon: Laksamana, 6 orang pengiring Laksamana, Bendahari

Sha'ir:

*Matilah Wan Anum di tangan Sultan,*
*Mayatnya sudah selamat di kebumikan,*
*Kembalilah Laksamana dari perjuangan,*
*Tidak menyangka isterinya terkorban*

Seluruh Pentas dan panggung terang
Suara riuh rendah dari dalam pentas kedengaran.

**Suara dalam pentas**: Yak yak yak yeeeeeei ...

*6 orang pengiring Laksamana keluar ke pentas dengan gembira sambil berdekah'.*

**Panglima 1**: Ha ha ha ha ... Kita telah mendapat kemenangan. Kemenangan yang gilang gemilang ... bukankah begitu sahabat ...?

**Panglima 2**: Sungguh benar kata sahabat ... Amboi gagah sungguh Megat Alang Di Laut ya ... ?

**Panglima 1**: Oooh ... gagah lagi Laksamana kita ... Betul apa tidak ... ?

**Panglima 3**: Betul ... tapi hamba sungguh merasa kagum ... menyaksikan Laksamana berjuang dengan Megat Alang Di Laut ... Megat Alang Di Laut menikam ... Lak-

samana menepis ... Laksamana menendang ... Megat Alang Di Laut mengetis... Tapi akhirnya ... tewas juga Megat Alang Di Laut di tangan Laksamana Megat Sri Rama ...

**Panglima 4**: Ya itu benar ... benar ... Tak ubah sebagai kata pepatah orang² tua ... Setinggi² tupai melompat ... Akhirnya jatuh ke tanah juga ...

Panglima 5 ternampak Laksamana datang.

**Panglima 5:** Ah itu pun Laksamana datang ... Ampun Dato ...

*Panglima-panglima semua berlutut memberi sembah. Laksamana mendapatkan sahabat-sahabatnya.*

**Laksamana**: Wahai sahabat-sahabatku sekalian ... Apakah gerang dikau berbeka-beka di tengah jalan?

**Panglima 6**: Berkenaan kemenangan kita Dato ...

**Laksamana**: Ya ... di dalam firasat hamba ... tiap-tiap yang berbuat baik dibalas baik ... Tiap-tiap yang berbuat jahat dibalas jahat ... Di dalam so'al ini lanun yang bersalah ... Sebab itulah mereka tewas di tangan kita ...

**Panglima 1**: Tentu Dato akan mendapat kurnia dari Baginda Sultan.

**Laksamana**: Ah bukan itu yang hamba harapkan sahabat ... Sudah menjadi adat orang Bintan ... orang dagang yang menumpang di negeri Johor ini ... Apa salahnya hamba tunjukkan ta'at setia kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Mahmood ... Sultan yang hamba junjung ...

*Panglima-panglima pula menyampok*

**Panglima 2**: Dato ... hendak ke manakah kita sekarang ... ke istanakah ...?

**Laksamana:** Oooo tidak ... sahabat semua boleh pulang ke rumah masing-masing ... Besok saja kita berjumpa di istana ... Hamba sendiri nak pulang ke rumah hamba ... kerana hamba tersangat rindu kepada isteri hamba Wan Anum ... Sebab sepeninggalan hamba ke medan perjuangan ... isteri hamba sedang mengandung 9 bulan hanya menunggu harinya saja ... Hamba merasa bangga pulang ke tanah Johor hari ini ... Hamba pulang memperolehi dua kemenangan ... Satu Megat Alang Di Laut telah tewas ... kedua, hamba akan mendapat seorang cenderamata. Barang kali kanak-kanak lelaki ... atau kanak-kanak perempuan ...

*Suara jeritan sedih dari Dato Bendahari kedengaran dari dalam terus keluar pentas. Dato Laksamana menoleh dengan perasaan hairan.*

**Bendahari**: Tolong ... tolong hamba Dato ... ampunilah hamba Dato ... Ampunilah ...

*Bendahari yang berlumuran darah itu pun jatuh ke hadapan Laksamana. Laksamana melihatkan dengan penuh tanda tanya dan keheranan.*

**Laksamana**: Dato Bendahari ... Apakah yang menyebabkan Dato Bendahari berlumuran dengan darah ...?

**Bendahari**: Hamba telah lari dari tangkapan Sultan Dato ...

**Laksamana**: Apakah gerangan salahmu ... sehingga Sultan boleh menangkapmu Dato Bendahari?

**Bendahari**: Kerana hamba membuka rahsia ... Dato Laksamana.

**Laksamana**: Rahasia apakah yang dikau buka ... Sehingga Sultan boleh murka sedemikian rupa ...?

**Bendahari**: Rahsia berkenaan isteri Dato Laksamana sendiri ...

**Laksamana**: Berkenaan isteri hamba ... Wan Anum?

**Bendahari**: Ooo ... Dato Laksamana ... Dato pulang dengan kemenangan ... Tetapi tak tau isteri sendiri menjadi korban.

*Muzik melagukan lagu sedih.*

**Laksamana**: Malang apakah yang menimpa atas diri isteri hamba ...? Sehingga terkorban ...?

**Bendahari**: Hamba percaya Laksamana tidak akan mendapat rahasia ini dari sasiapa pun ... Selain dari hamba sendiri.

**Laksamana**: Sebab ...?

**Bendahari**: Sebab orang-orang lain sangat takut dengan bisanya keris Sultan ...

**Laksamana**: Hamba tidak faham Dato Bendahari ... hamba tidak faham ... Dato Bendahari tolonglah ceritakan ... dari awal hingga akhir ...

**Bendahari**: Wahai Dato Laksamana Megat Sri Rama ... Sebenarnya ... semasa hamba hendak mempersembahkan sebuah nangka kepada Duli Baginda Sultan ... Di tengah jalan hamba telah bertemu dengan isteri Dato yang sedang hamil 9 bulan ... Ia tersangat mengidamkan buah nangka itu ... jadi hamba berikan seulas kepadanya ... Tetapi apabila nangka itu hamba persembahkan kepada Duli Baginda ... Sultan menjadi tersangat murka ... Lalu disuruhnya hulubalang sekali menangkap isteri Dato ... Kemudian Baginda Sultan menjatuhkan hukuman membelah perut Wan Anum.

**Laksamana**: Chis Sultan Mahmood sultan zalim ... Tak guna jasa baikku ku tumpahkan pada mu wahai sultan zalim. Sungguh sanggup hatimu membelah perut isteriku, dengan kesalahan hanya memakan seulas nangka ... Jikalau isteriku salah sekalipun ... tidakkah boleh engkau menunggu sehingga aku pulang dari medan perjuangan? Aku akan menuntut bela di atas kematian isteriku ... Aku akan menderhaka ... aku akan menderhaka ...

**Panglima 6**: Ampun Dato ... Janganlah hendaknya Dato menderhaka kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan ... Sultan itu tak ubahnya sebagai besi yang keras ... Kita hanya seutas ranting yang rapuh ... Terketuk patah ... diketuk pun patah ...

**Laksamana**: Chis ... Darah Bintan tak sanggup tunduk di bawah telapak kezaliman ... Raja adil raja disembah ... raja zalim raja disanggah ...

*Laksamana lantas memberi ingat kepada sahabat-sahabatnya.*

**Laksamana**: Wahai sahabat-sahabatku semua ... Bawalah Dato Bendahari ... Sembunyikan di tempat persembunyian ... dan kawallah dengan rapi ... bersurailah kamu sekalian ...

*Panglima-panglima pun menjalankan perintah masuk ke dalam membawa Bendahari. Laksamana berdiri di tengah pentas.*

**Laksamana**: Hai Sultan Mahmood Sultan zalim ... Kerana hanya seulas nangka kau sanggup membelah perut isteriku. Jika isteriku salah sekali pun ... Tak bolehkah engkau menunggu hingga aku pulang ...? Adat hutang mesti dibayar ... adat hutang mesti dibayar ...

*Laksamana menuju ke depan pentas.*

**Laksamana**: Dengan nama Allah aku bersumpah ... Demi setitik darah Bintan yang mengalir di tubuhku ... Aku tidak akan berdiam diri ... aku akan menuntut bela ... Aku akan mengadap Sultan bukannya sebagai Laksamana yang menjunjung perintah ... Tetapi sebagai Laksamana yang menderhaka kepada Sultannya sendiri ... Sultan Mahmood ...

Seluruh Pentas dan panggung penonton gelap

Muzik memberi antaran lagu sha'ir

Sementara lampu gelap, pemandangan di tukar jalan kampung menuju ke masjid.

Pelakon: Laksamana, Sultan, Bendahara, beberapa pengiring, orang pengangkat julang (tandu).

Keperluan: Tandu Sultan.

Sha'ir:
*Dato Laksamana tersangat murka Kepada Sultan Duli Baginda Niat di hati nak tuntut bela Sebab Wan Anum tidak berdosa.*

Seluruh Pentas Terang
Muzik melagukan lagu Melayu girang.

*Dato Bendahara datang ke tengah-tengah pentas sambil melihat ke kanan pentas, ke arah Masjid. Sultan datang ke pentas dengan di julang. Dato Bendahara bersembah.*

**Bendahara**: Ampun Tuanku ... Nampaknya ramai sungguh orang-orang serdadu menunggu di masjid sana ... Barang kali rakyat sangat ingin bersembahyang Jumaat bersama-sama dengan Tuanku ...

**Sultan**: Dato Bendahara ... Tetapi mengapa berdebar-debar benar rasa hati beta hari ini ... Apakah ada alamat tak baik yang akan menimpa ke atas diri beta?

**Bendahara**: Ooo ... Barang kali cuaca hari ini kurang baik Tuanku ... Lihat hari pun mendung ... tanda-tanda hujan nak turun ...

**Sultan**: Tetapi dari semalam hati beta tak senang ... Ah ... sudahlah tidak mengapa ... lupakan itu semua ... Mari kita pergi ke mesjid ...

*Apabila Sultan dan pengiringnya hendak bergerak Laksamana pun meloncat masuk ke pentas, dari sebelah kanan.*

**Laksamana**: Aaa ... ini dia Sultan Mahmood yang aku nanti-nantikan ...

**Sultan**: Ooo ... Laksamana ... Dikau telah kembali dari medan perjuangan ...? Sudahkah ditewaskan ...?

**Laksamana**: Ya ... lanun di laut sudah ku tewaskan ...

**Sultan**: Shabas ... Laksamana ... Kalau begitu beta akan anugerahkan Dato Laksamana ... dengan segala upachara kehormatan.

**Laksamana**: Tetapi hanya satu lanun di darat belum ku tewaskan ...

**Sultan**: Lanun di darat ... ? Siapakah gerangan lanun di darat Dato Laksamana ...?

**Laksamana**: Kau Sultan Mahmood seorang lanun yang aku idam-idamkan ...

**Sultan**: Beta? ... Sultan Mahmood kau tuduh sebagai lanun ...?

*Laksamana mengubah tempat ke sebelah kiri pentas mendekati Sultan.*

**Laksamana**: Ya ... karena kezaliman yang telah kau lakukan ... sanggup kau membelah perut isteriku kerana hanya memakan seulas nangka ...? Inikah anugerah yang kau berikan kepadaku ... hai Sultan ...

**Sultan**: Dari manakah Dato Laksamana tau cerita ini semua ...?

**Laksamana**: Jangan kau nak berlindung di balek lalang sehelai. Sungguhpun wajahmu tak ku nampak ... Tetapi bayangmu jelas kelihatan ...

**Sultan**: Hai ... nak menderhakakah kau Laksamana?

**Laksamana**: Darah Bintan tak sanggup menderhaka kepada Sultannya ... Tetapi haram tunduk di bawah telapak kaki Sultan Mahmood ... Sultan yang zalim ...

**Sultan**: Tetapi isterimu telah berdosa kepada ... Laksamana ...

**Laksamana**: Kalau isteriku bersalah sekali pun ... Tak bolehkah kau menunggu sehingga aku pulang ...?

**Sultan**: Hai nak menderhakakah kau Laksamana ... Dato Bendahara ... lihat seorang lagi darah Bintan nak menderhaka kepada Sultan Mahmood ...

**Laksamana**: Ya ... Raja adil raja disembah ... Raja zalim raja disanggah ... Nah terimalah tikamanku Sultan Mahmood ...

*Laksamana melompat dan menikam Sultan yang sedang dijulang. Serentak dengan tikaman muzik mengejut kemudian melagukan lagu Melayu sedih.*

**Sultan**: Adui ... bisanya sunggoh kerismu Laksamana ...

**Laksamana**: Ooo ... kau baru tau bisanya kerisku Sultan Mahmood. Begitulah bisanya kerismu yang menikam perut isteriku ... Ha ha ha ha ...

*Dengan tidak disangka Sultan melemparkan kerisnya ... Keris menikam ibu jari kaki Laksamana.*

**Laksamana**: Aduhai bisanya sungguh keris Sultan menikam ibu jari kakiku ...

**Sultan**: Lihat Laksamana ... Darah putih mengalir ditubuhku ... bererti darah suci .. Bukan seperti darah mu Laksamana ... darah penderhaka ... Ooh ... bisanya Bendahara ... Mulai hari ini beta sumpah kepada segala keturunan Bintan ... Jikalau mereka menjejak bumi di Johor ini ... Mereka akan muntah darah ... aduh ... bisanya ...

*Sultan Mahmood terkulai mangkat di perjulangan. Laksamana bangun perlahan-lahan.*

**Laksamana**: Barulah puas hatiku Sultan Mahmood ... Aku mau menyaksikan sejauh mana sumpah mu ... Sultan zalim ... Sekarang dua tapak kakiku masih menjejak di bumi Johor ...

*Selepas perkataan ini Laksmana pun termuntah darah Bendahara terperanjat dan mendekati Laksamana*

**Laksamana**: Dato Bendahara ... Dato Bendahara ...

**Bendahara**: Banyak sunggoh tuan hamba mengeluarkan darah Dato Laksamana ... Hamba khuatir ... hamba khuatir ...

**Laksamana**: Wahai Dato Bendahara ... Tunaikanlah permohonan hamba yang penghabisan ... Jikalau hamba mati ... kebumikanlah mayat hamba di samping makam isteri dan anak hamba .... Selamat tinggal Dato ... selamat tinggal ...

*Laksamana pun meninggal, mayatnya menelangkup bumi Johor ... Dato Bendahara bangun perlahan-lahan dan ke tengah pentas.*

**Bendahara**: Wahai rakyat negeri Johor sekalian ... Inilah satu riwayat yang membuat sejarah bagi negeri Johor. Di pagi Juma'at yang mulia ini ... dua jiwa telah terkorban ... Laksamana Megat Sri Rama mati terkena sumpah ... Sultan Mahmood mangkat di julang.

*Muzik mengejut drum roll ...*

**Tirai Turun Pantas**

**Seluruh panggong pentas dan panggung penonton terang benderang.**

Tamat Kisah

[Sumber: Risalah "Purba Wara ***Sultan Mahmood Mangkat di Julang" P. Ramlee*** - muka surat 1 hingga 29 - Penerbitan P. Ramlee, 1959]

## MAHMUD JUNE

[1921 - ]

Nama sebenarnya ialah Mahmud bin Derani. Dilahirkan di Alor Ganu, Mukim Titi Gajah, Alor Star, Kedah. Sebelum memasuki bidang perfileman, beliau berlakon di pentas bangsawan dan menyertai Grand Nooran Opera, Seri Nooran Op-



*Mahmud June*

era, Rubis Opera, Royal Star Opera, United Opera, Oriental Opera, Grand Jublee Opera, M. June Opera dan Sere Opera.

Beliau kemudiannya memasuki Cathay Keris Film Productions, Singapura. Pada tahun 1958 berlakon dalam filem **Orang Lichin** arahan L. Krishnan, dan selepas itu dalam filem-filem **Mahsuri** arahan B. N. Rao dan **Sri Mersing** arahan Salleh Ghani.

Di Merdeka Film Productions, Kuala Lumpur, beliau berlakon dalam filem **Kris Sempena Riau** arahan L. Krishnan. Di bawah arahan **P. Ramlee**, beliau dipilih untuk berlakon dalam filem-filem **SiTora Harimau Jadian** dan **Ragam P. Ramlee** dalam cerita **Damaq**.

## MAK DARA

[1907 - 1970]



*Mak Dara*

Beliau mula menceburkan diri di dalam dunia hiburan, iaitu di pentas opera dan bangsawan dalam usia belasan tahun. Mak Dara juga adalah salah seorang penyanyi Melayu yang telah merekodkan suaranya di piring-piring hitam. **P. Ramlee** memilih beliau berlakon dalam dua buah filem arahannya, iaitu filem **Antara Dua Darjat**, dan filem **Ibu MertuaKu**.

**P. Ramlee** berkata:

"Sebagai seorang pelakon filem, Mak Dara adalah seorang bintang yang dapat menggayakan peranannya dengan kesempurnaan yang payah diantok oleh lain-lain pelakon yang sebaya dengannya.

Kalau masa muda-muda dulu, Mak Dara disanjung sebagai Prima Donna pentas bangsawan, sekarang saya nak kembalikan semula nama masyhur Mak Dara itu.

Tentang kebolehannya berlakon sebagai ibu mertua itu, Mak Dara, nombor wahid, cuma perkara hendak menghafalkan senikata-senikatanya itu, sebagai nak mengasah parang yang berkarat." [*Mastika Filem* Bil. 19 Tahun 2 - Oktober 1961, muka surat 9]

Dialog yang diungkapkan oleh Mak Dara sebagai Nyonya Mansor, kepada Sabariah (Sarimah) di dalam filem **Ibu MertuaKu** adalah di antara dialogue yang sedia terpahat dalam fikiran peminat filem-filem **P. Ramlee**:

"Kassim Selamat. Siapa itu Kassim Selamat. Lawyer, majistret, doktor! "Ahli Muzik". Ahli Muzik? Me-

mang pantang datuk nenek moyang aku memilih ahli muzik menjadi menantu. Sabariah aku kasi engkau masa tiga hari untuk berfikir. Kalau engkau pilih Dr Ismadi, semua harta aku menjadi milik engkau tapi kalau engkau pilih Kassim Selamat, engkau tersingkir daripada menjadi ahli keluarga aku."




## MALAY FILM PRODUCTIONS LTD (STUDIO)

**P. Ramlee** telah berkhidmat di studio Malay Film Productions Limited, Singapore dari tahun 1948 hingga tahun 1964. Malay Film Productions Limited adalah hak milik Shaw Brothers dan mempunyai berbagai kemudahan. **P. Ramlee** mula-mulanya berlakon di bawah pengarah-pengarah yang terkenal seperti B. S. Rajhans, S. Ramanathan, Phani Majumdar, K. M. Basker, B. N. Rao, L. Krishnan dan Avellana. Apabila beliau menjadi pengarah, beliau dibantu oleh pembantu-pembantu pengarah yang berbakat seperti S. Sudarmadji, Omar Rojik dan Jamil Sulong. Mereka juga membantu **P. Ramlee** menulis jalan-jalan cerita. S. Sudarmadji, Jamil Sulong dan H. M. Rohaizad menulis lirik-lirik kebanyakan daripada lagu-lagu gubahan dan nyanyian **P. Ramlee.**

Kekuatan studio Malay Film Productions di Jalan Ampas, off Balestier Road, Singapura juga terletak pada barisan tenaga profesionalnya untuk membuat filem, seperti juru kamera, juru dekor, film editor, juru rakaman, pengarah muzik dan lain-lain. Tenaga penting di belakang layar di studio itu ialah R. C. Purushotam, (jurukamera). A. Bakar Ali (jurukamera) , Chou Cheng Kok (pengurus makmal), A. V. Bapat (juru mekap dan art director), H. R. Narayana (film editor), Mustafa Yassin (art director), Kam Sim Boon (sound engineer), Hayat Harris (film editing), Yusuf B, Osman Ahmad (Muzik directors), Yap Poh Kai (perakam suara), dan Kamal Mustafa (perakam suara).

Studio Malay Film Productions mempunyai sebuah jabatan makmal, iaitu unit yang paling utama dalam pembikinan filem. Jabatan inilah yang menilai ketinggian mutu seni lakonan yang digambarkan, keindahan pemandangan yang difilemkan, dan kesempurnaan seni suara, seni bunyi dan seni muzik yang dirakamkan. Jabatan yang juga dikenali sebagai "film laboratory" ini telah dilengkapkan dengan alat-alat pencuci filem dan lain-



*R. C. Purushotam*



*Banjir di Studio Jalan Ampas, Singapura*

lain perkakas dan kelengkapan mengenai pengeluaran filem. Jabatan itu diuruskan oleh Chou Cheng Kok. Beliau pernah menjadi juru kamera untuk beberapa buah filem Melayu dan telah melatih juru kamera Abu Bakar Ali. **P. Ramlee** sendiri semasa baru menjadi pengarah filem telah banyak mendapat bimbingan dan panduan daripada Chou Cheng Kok. Beliau dilantik sebagai pengurus makmal hasil daripada pengalamannya yang terdahulu sebagai penolong jurugambar, dan kemudiannya sebagai jurugambar utama dan film editor. Kemudian, beliau terus berusaha untuk melayakkan dirinya menjadi pengarah filem, dan juga ahli dalam jurusan makmal.

Pengurus studio di Jalan Ampas, Singapura ialah Shaw Vee Ngok.

Filem pertama keluaran studio ini ialah **Singapura Di Waktu Malam** pada tahun 1947; dan filem terakhir sebelum studio ini ditutup pada tahun 1967 ialah **Nora Zain Agen Wanita 001**. Dalam tempoh 20 tahun (1947-1967), studio ini telah mengeluarkan sebanyak 147 buah filem.

## MALEK SUTAN MUDA

[1914 - ]

Dilahirkan di Bukit Tinggi, Sumatera. Nama 'Sutan Muda' itu adalah gelaran ke-



*Malek Sutan Muda*



*Malek Sutan Muda (kiri) bersama P.Ramlee*

turunannya di daerah Muara Sipongi, di perbatasan Minangkabau dan Mendahiling, Sumatera. Pada tahun 1938, beliau menyertai rombongan Bolero yang dipimpin oleh Bachtiar Effendi. Beliau juga pernah mengurus pasukan sandiwara yang bernama Sri Arjuna. Tamat sahaja peperangan dunia kedua, Crown Film Unit mengambil beliau untuk berlakon dalam filem **Speed The Parting**, dan oleh itu beliau adalah merupakan antara pemuda Melayu yang pertama kali berlakon dalam filem. Malek Sutan Muda memasuki Malay Film Productions pada tahun 1951 dan berlakon dalam filem-filem besar lakonan **P. Ramlee**, antaranya, **Merana** dan **Hang Tuah**. Biarpun beliau jarang berlakon dalam peranan-peranan utama, nama, gaya dan mutu lakonannya menghidupkan sesuatu cerita filem itu.

Pada tahun 1952, apabila beliau berkahwin sekali lagi, **P. Ramlee** turut dalam rombongannya. Beliau berjanji kepada **P. Ramlee** bahawa jika dia dapat anak lelaki, dia akan namakan anaknya 'Ramlee'. Pada tahun 1953, beliau mendapat anak lelaki yang dinamakan "Ramlee Sutan Muda".

Semasa di Malay Film Productions, beliau merupakan ahli Majlis Penapis Filem bagi studio itu.

## MARIA MENADO (DATO')

[1932 - ]



Maria Menado

Dilahirkan di Menado, Pulau Celebos, Indonesia, dan tiba di Singapura dengan rombongan bintang-bintang Indonesia termasuk Fifi Yang dan Ribut Rawit pada tahun 1950. Semasa di Singapura, beliau pernah memenangi peraduan Ratu Kebaya dan Ratu Kecantikan Antarabangsa. Semenjak itu, beliau telah menerima banyak tawaran-tawaran bekerja, antaranya daripada syarikat-syarikat pengeluaran filem. Shaw Brothers telah mengikat kontrak dengan beliau pada 4 Januari 1951. Filem pertama lakonannya di Malay Film Productions ialah **Penghidupan**, arahan L.



*Maria Menado*

Krishnan bergandingan dengan **P. Ramlee**.

## MARIAM

[1935 - ]

Dilahirkan di Singapura. Mula berlakon dalam filem **Dewi Murni** yang diarahkan oleh B. S. Rajhans. Pengarah S. Ramanathan melihat bakatnya dalam filem tersebut dan mengambil Mariam berlakon di dalam filem **Kembar** bersama-sama dengan Mohamad Amin. Filemnya yang ketiga ialah **Aloha**, yang diarahkan oleh B. S. Rajhans. Selepas itu, beliau berlakon dengan Ali Rahman dalam filem **Derita** yang diarahkan oleh L. Krishnan. Selepas filem tersebut, beliau berlakon lagi dalam filem **Aladdin**, yang diarahkan oleh B. S. Rajhans.

Pada tahun 1951, dalam usia 16 tahun, beliau telah mengambil bahagian dalam lima buah filem. Lakonan Mariam menunjukkan satu tahap kebolehan sehingga ada orang yang menyangka bahawa beliau pernah bermain di panggung-panggung wayang opera ataupun dalam sandiwara terlebih dahulu. Mariam dididik dalam dunia filem oleh Jaafar Wiryo yang pada masa itu bekerja sebagai penolong pengarah dan pelakon di Malay Film Productions.

Pada tahun 1952, beliau berlakon dengan **P. Ramlee** dalam filem **Anjoran Nasib** yang diarahkan oleh B. S. Rajhans. Di dalam pilihan bagi bintang-bintang pujaan oleh majalah *Filem Raya*, Mariam dipilih sebagai "Bintang Pujaan Wanita Malaya" yang kedua, di belakang Kasma Booty.

Setelah beberapa lama tidak beraksi bersama di layar perak sejak filem **Anjoran**



*Kiri ke kanan: Mariam, Aini Hayati dan Mariani, 1955*



*Mariam*

**Nasib, P. Ramlee** dan Mariam kembali bersama dalam filem **Abu Hassan Penchuri** pada tahun 1955.

## MASAM-MASAM MANIS

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Organization. Dibuat oleh Merdeka Film Productions Limited Kuala Lumpur. Tarikh dikeluarkan: 21 Ogos 1965.

**P. Ramlee**; *memperkenalkan* Sharifah Hanim; Mariani; Mahmud June; Minah Hashim; Raden Sudiro; Chik; adek Murad

Teknik Fotografi: Low Yew Wah; Teknik rekaman: Tan Chuan Hock; Pelukis Utama: Darwis Mansur; Teraju muda: Ainol Jamal; Pelukis muda: Esa Ahmad; Fotorafi muda: Ng Hoong Ngian; Rekaman muda: Anuar Yusof; Editing muda: Johari Ibrahim; Penchitak: Ho Bee Yoon; Make-up: Rokiah

Screenplay, music, orchestrations, edited, acted, directed by: **P. Ramlee** AMN.

Cerita: Norkiah (**Sharifah Hanim**) seorang gadis rupawan telah meninggalkan ibu dan adik lelakinya di kampung untuk menjadi seorang penyanyi di sebuah kelab malam di Kuala Lumpur. Di Kuala Lumpur, beliau mempunyai seorang kawan yang bernama Rosnah.

Dari saat Norkiah menyewa bilik di rumah sewa itu, mulalah dia bertengkar dan bergaduh dengan seorang pemuda bernama Sha'ari (**P. Ramlee**) yang menyewa bilik di sebelah biliknya. Sha'ari bekerja sebagai seorang guru, dan membuat kerja sambilan sebagai pemimpin pancaragam dan juga penyanyi.

Pada pagi hari ketibaan Norkiah itu, Sha'ari masih belum bangun dari tidurnya. Ini adalah kerana Sha'ari pulang di waktu subuh. Jadi, bila Norkiah mengalih itu dan ini dan mengetuk pula dinding kerana hendak menggantung sesuatu, maka riuh-rendahlah bunyinya mengganggu Sha'ari.

Jadi, sejak hari pertama dia muncul di kota, Norkiah telah bergaduh dengan Sha'ari, pemuda yang menyewa bilik bersebelahan dengan biliknya. Ketibaannya di



situ pada waktu pagi itu menimbulkan bunyi bising yang menyebabkan Sha'ari terjaga dari tidurnya. Sha'ari yang masih mengantuk sesudah berseronok hingga larut malam di kelab malam tidak tahu bahawa seorang gadis cantik telah menyewa bilik bersebelahan dengan biliknya, lalu mula marah bersungut.

Sha'ari naik radang dan memarahkan "orang sebelah" yang tidak dikenalinya. Norkiah juga turut memarahi Sha'ari. Oleh itu, terbitlah berbagai-bagai kata-mengata, yang menyebabkan mereka berdua bermusuh-musuhan biarpun belum sempat untuk bersua muka.

Di waktu siang, Sha'ari tidak ada di rumah, kerana pergi mengajar. Setiap malam pula, Norkiah tidak ada di biliknya kerana pergi bekerja. Oleh itu, kedua-dua penyewa bilik yang berjiran itu tidak ada peluang untuk bersua muka. Tambahan pula, masing-masing sudah membuat tekad menggangap "orang sebelah" sebagai musuh ketat.

Perbalahan mereka yang biasa berlaku pada lewat malam dan awal pagi itu menjadi gangguan yang tetap bagi penghuni-penghuni lain di rumah itu. Pada suatu hari, apabila Sha'ari menaiki bas untuk pulang ke rumahnya, Norkiah juga kelihatan menumpang bas yang sama.

Mereka memang tidak kenal antara satu sama lain. Akhirnya, takdir menemukan mereka. Semasa menaiki bas hendak pulang, Sha'ari telah menyelamatkan Norkiah daripada seorang penyeluk saku. Sha'ari tertarik dengan kecantikan wanita itu. Norkiah berasa sudah terhutang budi kepada Sha'ari di atas pertolongannya itu. Sha'ari mempelawa Norkiah untuk berpeleseran di ibu kota dan Norkiah tidak keberatan untuk menerima pelawaan itu. Di



*Sharifah Hanim dan P. Ramlee dalam filem* Masam-Masam Manis

saat itu, mereka tidak tahu yang mereka itu adalah jiran yang bermusuhan ketat di rumah sewa mereka.

Sejak itu, perkenalan antara Sha'ari dan Norkiah makin mesra, cuma yang menjadi rahsia mereka berdua ialah tempat tinggal masing-masing. Norkiah menerangkan kepada Sha'ari yang dia bekerja sebagai guru masak-memasak.

Pertengkaran di antara Norkiah dan Sha'ari masih berterusan. Mereka tidak menyangka sama sekali bahawa perhubungan yang dibuat sejak bertemu di dalam bas itu, tidak lain daripada antara mereka juga. Di luar rumah, perhubungan mereka kedua bertambah mesra.

Pada suatu ketika, Sha'ari mengancam hendak menceroboh ke bilik Norkiah oleh kerana tidak tertahan lagi dengan kata-kata kesat yang dilafazkan oleh Norkiah. Akhirnya, pada suatu pagi, Sha'ari dan Norkiah seperti biasa sedang bergaduh riuh-rendah. Sha'ari yang semakin hilang sabar mengintai untuk melihat jirannya yang suka berkelahi itu. Alangkah terperanjatnya apabila mata mereka bertemu: Masing-masing malu, tersipu-sipu dan menjadi kelu untuk berkata.

Oleh kerana cinta dan kasih mesra sudah lama bermain di dalam kalbu kedua-duanya, maka bilik yang dua telah disatukan. Sha'ari dan Norkiah pun mengumumkan yang mereka akan berkahwin.

Sha'ari terus bekerja sebagai guru dan Norkiah terus bekerja sebagai "Che'gu masak memasak" seperti yang diterangkan kepada suaminya itu.

Oleh kerana Norkiah bekerja di waktu malam, maka jaranglah pula mereka bertemu. Pada masa Sha'ari di rumah, Norkiah pergi kerja. Pada masa Norkiah di rumah, Sha'ari pula yang pergi kerja. Sha'ari tidak menyangka sama sekali yang isterinya itu bukan seorang guru masak-memasak, tetapi penyanyi di sebuah kelab malam.

Norkiah keluar rumah memakai baju kurung, tetapi apabila sampai di tempat kerja, dia bertukar pakaian. Lama-kelamaan, Sha'ari berasa gelisah dengan perhubungan rumah tangganya yang sedemikian. Dia memujuk supaya isterinya berhenti kerja.

Norkiah setuju berbuat demikian, tetapi oleh kerana syarat kontraknya, dia terpaksa menunggu tiga bulan lagi sebelum dia dibenarkan berhenti kerja.

Norkiah menerangkan kepada Sha'ari, bahawa dia akan berhenti mengajar selepas peperiksaan murid-murid dalam tempoh tiga bulan lagi.

Sha'ari yang terkenal kerana kepandaiannya bermain muzik dan juga menyanyi telah mendapat tawaran daripada sebuah syarikat rakaman. Dia dan kawan-kawannya telah dijemput dalam satu jamuan di sebuah kelab malam. Alangkah terkejutnya Sha'ari bila mendapati bahawa penyanyi kelab malam itu ialah isterinya! Sha'ari terus meninggalkan kelab malam itu. Norkiah berada dalan keadaan serba salah, dan berasa dukacita kerana tidak berterus-terang dengan suaminya.

Norkiah tambah terkejut apabila pulang ke rumah—beliau mendapati bahawa biliknya yang telah disatukan sejak dia berkahwin dengan Sha'ari, sekarang sudah didirikan sempadan. Dari itu, masing-masing tinggal dalam bilik sendiri dan berasingan.

Norkiah telah menjalankan pelbagai helah untuk memujuk suaminya itu, dan bersedia untuk meminta maaf di atas kesalahannya. Tetapi, Sha'ari jual mahal. Pujuk rayu Norkiah tidak dihiraukannya. Norkiah kemudian diusir dari biliknya, dan beliau berasa dirinya sungguh terhina.

Pada suatu malam, bila Norkiah pulang dari kerja, Sha'ari mengintip dari biliknya. Sha'ari serta-merta menjadi marah bila dilihatnya Norkiah sedang bergandingan dengan seorang lelaki. Perasaan cemburu marah menyala dalam kalbunya.

Kalau dulu Sha'ari jual mahal bila isterinya datang menyembah, sekarang Norkiah pula menunjukkan nilai dirinya. Sha'ari bertalu-talu mengetuk pintu biliknya, tetapi Norkiah mendiamkan diri. Kemarahan Sha'ari yang bercampur cemburu itu semakin memuncak apabila kedengaran suara Norkiah bercakap-cakap dengan lelaki.

Dengan perasaan marah, beliau bergegas ke bilik isterinya tetapi berasa lega apabila mendapati bahawa suara itu datang dari perakam pita, iaitu rancangan yang dibuat oleh rakan karibnya yang bertujuan untuk menyatukan mereka semula dan rancangan itu terbukti berjaya. [Tamat]



*Nasir menziarahi jenazah ayahandanya, P. Ramlee*

## 29 MEI 1973 (HARI SELASA)

Akhbar *Utusan Malaysia* keluaran Hari Rabu 30 Mei 1973 melaporkan:

"Isterinya Cik Saloma memberitahu: Ramlee kelihatan gelisah sekali dan bangun pada jam 4.30. Ia lalu mengadu berasa seram sejuk. Saya segera memanggil ambulan.

Ia kemudian tambah gelisah lagi dan terhungap-hungap untuk bernafas. Sambil mengucap ia memberitahu saya: 'Ajal saya dah sampai ...'

Anaknya Sazali juga berada di sampingnya ketika ia mengucap itu."

**P. Ramlee** telah kembali ke rahmatullah di dalam ambulan dalam perjalanan ke hospital besar Kuala Lumpur, iaitu pada 29 Mei 1973. Radio Malaysia telah mengumumkan berita itu pada siaran 7.30 paginya.

Tun Abdul Razak, Perdana Menteri, telah menghantar kawat takziah kepada Saloma:

"Kita kehilangan seorang tokoh seni ulung yang sukar dicari ganti: Jasanya dalam bidang seni akan sentiasa dikenang selama-lamanya".

Jenazah **P. Ramlee** telah disembahyangkan di Masjid Kampong Baru, Kuala Lumpur, dan dibawa ke Tanah Perkuburan orang-orang Islam di Jalan Ampang. Beribu-ribu orang dari jauh dan dekat telah mengiringi jenazahnya, dan beliau disemadikan dalam hujan renyai-renyai dekat pusara A. R. Tompel.

## MELANCHONG KE TOKYO

Filem Melayu yang pertama kali difilemkan di negeri Jepun dan Singapura, dan digambarkan dalam warna indah East-


(B. & D. 27)
FORM C
FEDERATION OF MALAYA
Nº A 108006
S/o 571/72
DEATH REGISTER
DAFTAR BAGI KEMATIAN

Registration Area: SELANGOR
Sub-area: PALIS SETAPAK.
Full Name of Deceased / Nama orang yang Mati: RAMLI BIN PUTEH @ P. RAMLEE K/P. 413/383
Sex / Jenis: LAKI².
When Died / Haribulan dan Waktu Mati: 29.5.73 @ 5.30 a.m.
Age / Umur: 44 TH.
Occupation / Pekerja'an: PENGARAH FILEM.
Race / Bangsa: MELAYU.
Where Died / Tempat Kematian: DALAM PERJALANAN DARI RUMAH KE HOSPITAL K.L.
Place of Usual Residence / Tempat Tinggal yang biasa: JALAN DEDAP, SETAPAK, K.L.
Cause of Death / Sebab² Mati: SAKIT JANTONG. (HEART ATTACK).
Name and Qualification of Person certifying cause of Death: DATIN DR. SALMAH BINTI ISMAIL.
Informant — Name / Nama: OSMAN @ OSMAN ABADI BIN MAHMUD. KP 3878515
Occupation / Pekerja'an: UTUSAN MELAYU.
Date of Registration / Haribulan Mendaftar: 11.30 a.m. @ 29.5.73.
Registrar's Signature and Title / Pendaftar, Pangkat dan Tanda Tangan

Daftar Kematian P. Ramlee

mancolor. Filem ini arahan Ramon A. Estella dan dikeluarkan pada tahun 1963. Di dalam filem ini, terdapat adegan yang menggambarkan satu peraduan pentas. Sebuah pancaragam yang bernama The Fabulous Flamingos telah mengiringi lagu-lagu yang didendangkan oleh **P. Ramlee**, iaitu lagu *Autumn Leaves* dengan senikata berbahasa Melayu; lagu *I Love Paris* oleh Ahmad Daud, dan lagu *I Will Follow Him* oleh Saloma. Mereka adalah bintang-bintang undangan di dalam filem ini.

## MERANA

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited, Singapore. Dibuat oleh Malay Film Productions Limited, Singapore. Tarikh dikeluarkan: 27 November 1954.

**P. Ramlee**; Latifah Omar; *dibantu oleh*: Siti Tanjung Perak; Mariani; Aini Hayati; Musalmah; Habsah; Daeng Idris; Mustarjo; Malek Sutan Muda; Omar Suwita; Baby Hamimah

Juru Gambar: R. C. Purushotham; Juru Suara: Chau Chew Tong; Kamal Mustafa; Art Director: J. S. Anthony; Penyunting Film: H. R. Narayana; Wong Fun; Laboratory: V. Radhakrishnan

Lagu-lagu: M. F. P. Studio Orkes; Gurindam: H. M. Rohaizad

Senikata dan Pembantu Sutradara: S. Hassan Sahab; H. M. Rohaizad

Pembantu: Juru gambar: A. Bakar Lahar; A. Bakar Ali; Juru suara: Wong Shaur Lee; Art: Rasul Hashim; Penyunting Film: Lee Thiam Yiak; Laboratory: Wong Hong Peng; Continuity: G. Kollaart; Decor: Tan Kim Swee

Sutradara: B. N. Rau

Cerita: Seorang janda (Siti Tanjung Perak) yang mempunyai dua orang anak, Faridah (Aini Hayati) dan Amir (**P. Ramlee**), tinggal di sebuah rumah yang terbesar dan tersergam di sebuah kampung yang berdekatan dengan Ipoh.

Amir, seorang pemuda yang kacak dan berbakat, dihantar oleh ibunya ke rumah bapa saudaranya di Taiping dengan harapan supaya Rosini (Mariani), sepupu Amir, dapat memikat hatinya dan dengan demikian dapat memastikan segala harta berada dalam lingkungan keluarga.

Ibunya kecewa kerana Amir pulang dengan cerita yang berlainan. Bukan Rosini yang dipilihnya untuk dijadikan rakan hidup tetapi seorang gadis kampung bernama Aminah (Latifah Omar). Ibu dan kakaknya Faridah tidak mengenali Aminah. Amir bertemu dengan gadis itu secara kebetulan semasa bersiar-siar di kebun bapa saudaranya. Amir dan Aminah ditakdirkan untuk bersama. Walaupun terdapat halangan yang dirancang oleh ibunya, Amir dan Aminah akhirnya berkahwin. Malangnya,



*Latifah Omar dan P. Ramlee dalam filem* Merana



*P. Ramlee, Siti Tanjung Perak dan Malek Sutan Muda dalam filem* **Merana**

pada hari Amir membawa isterinya ke rumah, kakaknya Faridah yang sentiasa menyebelahinya telah mengalami kemalangan dan meninggal dunia.

Ibu Amir percaya bahawa menantunya itu membawa sial kepada keluarganya. Emak saudara yang berusaha mendapatkan Amir untuk anaknya Rosini mula memburukkan lagi keadaan. Oleh yang demikian, di tengah-tengah keseronokan dan kebahagiaan yang dinikmati oleh pasangan yang baru berkahwin itu, penderitaan menyelubungi hidup mereka.

Aminah bersabar menanggung deraan dan ancaman ibu mertuanya, dan tidak pernah mengadu atau menunjukkan tanda marah. Pada suatu hari, Amir mendapat tahu apa yang sebenarnya yang berlaku. Rupa-rupanya, emak saudaranya telah menghasut dan meracuni fikiran ibunya terhadap isterinya yang tidak berdosa.

Amir mendapati dirinya kebingungan, di antara menjadi seorang anak yang setia kepada ibunya yang tua dan seorang suami penyayang kepada isterinya yang muda. Akhirnya, Amir mengambil keputusan untuk berdiri tegas pada jalan yang difikirkannya betul. Walau bagaimanapun beliau kemudiannya dituduh sebagai anak yang tidak mengenang budi dan terlalu memihak kepada isterinya yang miskin itu. Ibunya kemudian meninggalkan rumah untuk tinggal bersama emak saudara Amir.

Ibunya hanya kelihatan apabila Aminah melahirkan anaknya yang pertama. Keadaan menjadi bertambah ganjil. Aminah tidak dibenarkan mendekati anaknya oleh ibu mertuanya. Semasa Amir berada di bandar lain menguruskan perniagaannya, Aminah menerima surat memaklumkan bahawa bapanya sedang sakit tenat. Aminah berharap untuk bertemu bapanya buat pertama kali selepas berkahwin dan untuk menunjukkan anaknya kepada beliau. Aminah mengenepikan amaran ibu mertuanya lalu mencuri anaknya dan membawanya ke stesen keretapi. Tetapi nasib tidak menyebelahinya. Keretapi tidak berlepas. Semasa menunggu keretapi lain, ibu mertuanya datang merampas bayi itu. Aminah menjadi kebingungan dan tidak tentu arah oleh kerana sekarang, beliau dituduh pula tidak setia kepada suaminya.

Kejutan yang besar menunggunya. Apabila sampai di rumah bapanya, bapanya sudah meninggal dunia. Oleh kerana terlalu terharu akibat kemalangan yang menimpanya berturut-turut, Aminah jatuh sakit.

Amir pulang lalu mendapat laporan palsu daripada ibunya yang mengatakan Aminah telah lari dengan lelaki lain. Pada keesokan harinya, Amir menerima tele-

gram yang memberitahunya tentang penyakit isterinya. Beliau bergegas ke kampung dan hampir tidak percaya melihat Aminah kesayangannya tidak lagi dapat menyambutnya seperti biasa kerana sudah meninggal. Amir tidak lagi dapat menanggung penderitaan dan akhirnya meninggal dunia. Tinggallah ibunya seorang diri menyesali perbuatannya hingga ke akhir hayatnya. [Tamat]

## MERDEKA FILM PRODUCTIONS

Ia adalah sebuah syarikat yang memiliki Studio Merdeka di Hulu Klang, Selangor. Pemilik-pemilik syarikat itu adalah Ho Ah Loke dan H. M. Shah (sekarang Dato'). Studio ini telah dibuka dengan rasminya oleh Mohd Khir Johari (Sekarang Tan Sri, Dato Seri), Menteri Perusahaan dan Perdagangan, pada 10 Mei 1961. Filem pertama keluaran studio ini ialah **Tun Teja** (1961). Antara pengarah-pengarah yang terkenal pada masa itu ialah L. Krishnan (sekarang Dato'), Salleh Ghani, dan A. R. Tompel.



*Ho Ah Loke*

Pada tahun 1961, Ho Ah Loke telah menjual Merdeka Studio kepada Shaw Brothers. Kemudahan-kemudahan yang terdapat di studio ini amat berkurangan, dan terdiri daripada:

"Dua bangunan 'concrete asbestos' yang besar yang dikenali sebagai Studio A dan Studio B untuk kerja-kerja produksi. Terdapat dua bangunan yang diperbuat daripada papan batu-bata yang berdiri tegak di antara satu sama lain. Satu daripadanya ialah pejabat studio dan satu lagi ialah bilik pratonton ... Terdapat beberapa bangunan kecil yang ... merupakan bilik solekan, makmal memproses filem hitam puteh dan setor. Tambahan pula, terdapat beberapa buah bangunan separuh kekal yang merupakan set di luar studio. Satu daripadanya telah didirikan sebegitu rupa di mana pada satu sebelah ia merupakan rumah kampong yang moden untuk digunakan penggambaran filem masakini dan di sebelah lain pula merupakan rumah kampong tradisional untuk filem purbawara". [Buku *Cintai Filem Malaysia* - terbitan FINAS, 1989 dalam makalah "Studio Merdeka" - muka surat 30]

Pada bulan April 1964, **P. Ramlee** telah berpindah ke studio ini. Filem pertama di bawah arahannya ialah **SiTora Harimau Jadian**, dan yang terakhir **Laksamana DO RE MI** pada tahun 1972.

Filem terakhir keluaran studio ini ialah **Loceng Maut** pada tahun 1977.

Studio ini telah dibeli oleh Perbadanan Filem Nasional (FINAS) pada tahun 1985.


*P. Ramlee, 1950*

## MISAI - JANGGUT

**P. Ramlee** menyimpan misai yang agak istimewa bentuknya. Ahmad Mahmood pernah menulis di dalam *Majallah Bintang* mengenai misai **P. Ramlee** seperti berikut:

"Terlebih dahulu biarlah saya terangkan mengapa **P. Ramlee** menyimpan misai. Menurut katanya sendiri pada saya, **P. Ramlee** menyimpan misai ada sebabnya. Salah satu sebabnya, kata **P. Ramlee** ialah untuk kebagusan bagi dirinya.

**Ramlee** berasa bentuk di antara hidung dan bibirnya sangat berlainan dan sangat hodoh kelihatannya dalam gambar, dan kerana itulah misai diperlukan untuk menghilangkan bentuk yang hodoh itu."

Bentuk misai **P. Ramlee** sangat berlainan daripada bentuk misai orang lain. Misai **P. Ramlee** seakan-akan huruf M. Beliau sengaja membuat bentuk demikian kerana ia mahu mencari keasliannya sendiri dan tidak suka meniru-niru orang lain".

Misai **P. Ramlee** telah menjadi tiruan. Akhbar *Singapore Tiger Standard* keluaran 3 Mac 1959 telah menyiarkan berita seperti berikut di muka surat 3:

"Tiru misai **P. Ramlee**: Johari suruh kadet bercukur: Muar: ... Isnin: Menteri Pelajaran, Inche Khir Johari hari ini menasihatkan dua orang kadet sekolah High School di sini supaya mencukur misai mereka yang disifatkan sebagai "gila **P. Ramlee**". Beliau sedang memeriksa suatu perbarisan hormat yang terdiri daripada kadet-kadet sekolah pada upacara Hari Ucapan Sekolah itu apabila ternampak kedua-dua orang '**P. Ramlee**' itu.

Kemudian, dalam ucapannya kepada pelajar-pelajar itu serta ibu bapa mereka, beliau meminta pelajar-pelajar supaya jangan melakukan perkara-perkara bodoh seperti meniru nama bintang-bintang filem serta gaya gila-gila mereka."

Pada tahun 1961, **P. Ramlee** menyimpan janggut yang dikatakan pernah menyimpan suatu kenangan di dalam hidupnya sebagai "Seniman Terbaik di Asia" kerana lakonannya dalam filem **Anak-Ku Sazali**, di mana dia berlakon sebagai seorang muda dan kemudiannya seorang tua yang mempunyai janggut.

## MISKIN

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited, Singapore. Diperbuat di Malay Film Productions Limited, Singapore. Tayangan perdana di Capitol Theatre, Singapore, 30 November 1952.

**P. Ramlee**; Rosnani; Musalmah; Haron Omar; Omar Rojik; Saemah; Jamil Sulong; Ahmad Chetti

Lagu-lagu: Yusof B.; **P. Ramlee**; Gurindam: S. Sudarmadji



*P. Ramlee, 1959*



*P. Ramlee dan Rosnani dalam filem* Miskin

Penolong Pengarah: Jamil Sulong
Pengarah: K. M. Basker.

Cerita: Jamilah (Rosnani) anak kepada hartawan Yusof (Haron Omar) orang kaya yang memandang kepada wang dan harta, telah jatuh cinta pada Kamil (**P. Ramlee**) teman sekolahnya. Kamil bekerja di rumah Yusof selaku pencuci keretanya. Percintaan Jamilah telah memuncak, iaitu cinta yang tidak mengenal darjat dan kedudukan. Pada suatu ketika atap rumah tempat Kamil menumpang bersama ibunya Rokiah (Saemah) itu telah dibuangkan, di atas arahan hartawan Yusof orang tua Jamilah; dengan alasan hendak memperbaiki atap rumah itu; tetapi selepas dibuang atap rumah itu tidak dibaiki, tinggal begitu sahaja. Jamilah sanggup berkorban kerana kekasihnya dan dengan didorong oleh rasa cinta, menyerahkan barang emasnya kepada Kamil supaya rumah itu boleh dibaiki. Kamil menerima barang itu dengan tangan terbuka, lalu menggadaikannya untuk memperolehi wang bagi memperbaiki rumah itu. Zakaria (Omar Rojik), anak saudara pada orang kaya itu telah melihat Kamil menerima barang-barang emas yang diberikan oleh Jamilah. Berita yang disampaikan kepada orang kaya itu menyatakan bahawa Kamil telah merampas barang-barang emas itu dari Jamilah. Kamil telah ditangkap dan dibawa ke muka pengadilan. Sekali lagi Jamilah berkorban membela Kamil; di hadapan Hakim, Jamilah berkata bahawa barang-barang emas itu diserahkannya kepada Kamil dengan sukahatinya sendiri. Kamil dilepaskan dari hukuman sesudah didapati nyata beliau tidak bersalah. Orang kaya itu berasa tidak puas hati, lalu menyuruh rumah tempat tinggal Kamil itu dibakar dan Kamil diusir keluar dari situ.

Kamil telah dibawa oleh guru besarnya (Jamil Sulong) duduk bersama-sama dengannya oleh kerana Kamil adalah seorang pelajar yang cerdas otaknya. Di dalam peperiksaan akhir, dia mendapat markah yang tinggi. Kamil telah dapat melanjutkan pelajarannya ke London dengan mendapat tajaan dari pejabat pelajaran untuk menuntut ilmu kedoktoran. Kamil berjaya memperolehi diploma kedoktoran. Dalam pada itu kedudukan Yusof mula menurun oleh kerana beliau telah ditipu oleh broker-broker di dalam pasaran saham. Lantas beliau telah jatuh miskin. Di sebaliknya pula, Kamil kembali ke tanahair dengan ke-



*Dari kiri ke kanan: Jamil Sulong, Musalmah, Saemah dan P. Ramlee dalam filem* Miskin

jayaan, dan terkenal sebagai seorang doktor yang baik hati. Dalam pada itu, dia tidak lupa budi Jamilah kepadanya, dan berhajat hendak membalas budinya.

Sebelum Kamil berangkat ke Eropah dia telah berteguh-teguhan janji dengan Jamilah. Kamil pernah menyatakan bahawa untuk hidup bersama-sama Jamilah, dia harus meninggikan darjat hidupnya terlebih dahulu supaya setaraf dengan orang hartawan.

Sepeninggalan Kamil ke Eropah, Jamilah telah dipinang orang daripada keluarga Tengku. Dalam satu majlis yang diadakan oleh hartawan Yusuf untuk mengisytiharkan pertunangan itu, maka muncul Kamil yang baru balik dari Eropah. Beliau telah dihalau oleh hartawan Yusuf.

Sedang majlis itu baru hendak dimulakan, maka hartawan Yusuf mendapat telefon daripada 'Broker Tiga Sepakat' rakan kongsi perniagaannya yang memaklumkan bahawa perniagaannya telah rugi. Hartawan Yusuf terpaksa menanggung hutang yang banyak. Untuk menjelaskan hutang-hutangnya, rumahnya telah dilelong. Akibat dari kejadian yang tak disangka-sangka ini, maka hartawan Yusuf mengalami sakit otak dan gila.

Selepas itu, keluarga hartawan Yusof tinggal di rumah orang gajinya yang setia. Jamilah telah pergi ke hospital untuk menemui doktor yang boleh mengubat ayahnya. Dengan tidak diduganya beliau mendapati bahawa doktor di hospital sakit otak ialah Kamil.

Sebagai seorang yang baik budi, Kamil memberi pertolongan dan memindahkan keluarga hartawan Yusuf yang papa itu ke rumahnya sendiri. Setelah Yusuf sembuh, dia meminta maaf atas segala kesalahannya terhadap Kamil. Kamil akhirnya menjadi keluarga Yusuf setelah dia berkahwin dengan Jamilah. [Tamat]

Pendapat majallah *Filem Raya* mengenai lakonan dalam filem ini, antara lain, adalah seperti berikut:

"Harun Omar yang telah membuat lakunan jaya dalam filemnya **Lupa Daratan**, sekali lagi menunjukkan keistimewaan dari lakunannya sebagai hartawan Yusof dalam filem ini. Lakunan Harun Omar menjulang ke tingkat baik, dalam babak hartawan Yusof jadi gila kerana hartanya pupus terus disebabkan kejatuhan perniagaannya. Dalam menjalankan peranan dalam gila, sungguh seniman Harun telah memberikan lakunan yang betul-betul baik, hingga memberikan sifat yang realistik pada cara lakun itu, pada lakon 'gila' itu cukup menimbulkan ketawa.

Kita selama ini telah pegang pada pendapat, bahawa memang amat susah bagi **P. Ramlee** untuk mengatasi lakunan yang te-

lah diberikan dalam filem **Penghidupan,** tetapi setelah penayangan filem **Miskin** ini mereka berpendapat kita salah, sebenarnya dalam filem **Miskin**, **P. Ramlee** telah memberikan mutu lakun yang baik dari lakunannya dalam filem **Penghidupan,** terutama lakunan dalam percintaan dengan Jamilah (Rosnani).

Rosnani juga, selepas dua filem **Lupa Daratan** dan **Sedarah,** dalam filem **Miskin** itu telah menunjukkan tanda-tanda lakun yang lebih baik lagi, sekurang-kurangnya lebih bagi sedikit dari lakunannya yang sudah-sudah.

Tetapi pujian kita yang besar kita berikan pada Saemah yang menjalankan peranan sebagai ibu kepada Kamil, dan Ahmad Chetti sebagai driber Harun Yusof. Mengenai Ahmad Chetti, kita menelah seorang ahli lawak sedang di dalam kelahiran, dan seandainya dipimpin dan diberikan kesempatan untuk berlakun lagi, penuh kepercayaan kita, Ahmad Chetti akan jadi ahli lawak yang terkemuka."

## MOMO

[1925- ____]

Nama sebenarnya ialah Marpiah binti Abdul Rahim. Beliau dilahirkan di Jakarta dan datang ke Singapura pada usia 15 tahun kerana jemputan pihak Shaw Brothers. Momo memasuki bidang seni semasa berumur 7 tahun, sebagai seorang penari kecil dengan bangsawan "Dardanila". Rombongan bangsawan itu pernah bermain di Hong Kong, Calcutta, Bali dan Medan. Beliau mula-mula berlakon dalam filem **Topeng Shaitan** (Shaw Bros.) Sebagai penyanyi, beliau mula-mula merakamkan suaranya ke piring hitam pada tahun 1946 dengan Pancharagam H.M.V. yang dipimpin oleh Osman Ahmad, iaitu orang yang mendidiknya dalam bidang suara.



*P. Ramlee dan Momo, 1951*

Meskipun Momo banyak menyanyikan lagu-lagu langam dan lagu-lagu asli, namun beliau lebih suka kepada lagu-lagu keroncong. Beliau juga boleh mengajar menari. **P. Ramlee** memilih beliau berlakon dalam filem **Pendekar Bujang Lapok,** dan **Musang Berjanggut.** Momo adalah pasangan **P. Ramlee** dalam nyanyian lagu-lagu filem yang menjadi pujaan ramai, seperti *Merpati Dua Sejoli* dalam filem **Bakti.**

## MUSALMAH

[1925 - ]

Mula bekerja di Malay Film Productions pada tahun 1951. Filem lakonannya yang pertama ialah **Shorga Dunia.** L. Krishnan mengambil beliau berlakon dalam filem **Oh Anakku,** dan selepas itu dalam filem **Antara Senyum dan Tangis,** dengan pelakon utama **P. Ramlee.** B. N. Rao kemudian memilih beliau berlakon dalam filem



*Musalmah*

**Putus Harapan,** bersama dengan **P. Ramlee**.

Musalmah amat rapat dengan **P. Ramlee**. Pada 20 November 1961, **P. Ramlee** dan Saloma telah bernikah di rumahnya, di Tembeling Road, Singapura.

## MUSANG BERJANGGUT

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited, Singapore. Dibuat oleh Malay Film Productions Limited, Singapore. Tarikh dikeluarkan: 1 Ogos 1959.

**P. Ramlee**; Saadiah; Ahmad Nesfu; Udo Umar; Malek Sutan Muda; Nyong Ismail; Mustarjo; Habsah Buang; Sharif Dol; Kemat Hassan; Raden Sudiro; Momo Latiff; Babjan Jim; Zainon Ali Fiji; M. Ratee; A. Rahim; Mahmood; Ali Fiji; Ahmad C.

Screen Play & Bahasa Film: **P. Ramlee**; Lagu ciptaan dan Gubahan: **P. Ramlee**; Iringan suara ghaib: Rahmah Rahmat; Ainon Rahmat; Ahmad C; **P. Ramlee** dan Malay Film Productions Chorus; Senikata Lagu: S. Sudarmadji; Tarian Menari: Normadiah.

Solek & Pakaian: Mus Mesduati; Teknik Fotografi: R. C. Purushotam; Teknik Suara: Yap Poh Kai; Editor: H. R. Narayana; Art Director: Mustaffa Yassin; Processing: Wong Hong Peng.

Teraju Muda: S. Sudarmadji; Fotografi Muda: Rahman Jais; Suara Muda: Chua Soh Tong; Editor Muda: P. V. John; Hayat Harris; Continuity: Tan Quee Sim; Manager Penerbitan: Kwek Chip Juan; Manager Studio: T. K. Lee.

Teraju Utama **P. Ramlee**

Cerita: Seorang raja bernama Sultan Alam Shah Bana (Ahmad Nesfu) memerintah di negeri Pura Chendana dengan dibantu oleh empat orang menteri, iaitu Datok Bendahara (Udo Omar), Datok Bentara Mangku Bumi (Malek Sutan Muda), Datok Pujangga dan Datok Nikah Kahwin (Mustarjo).

Oleh kerana raja itu tidak mempunyai putera, baginda telah membuat keputusan untuk mengambil seorang anak angkat yang dinamakannya Tun Nila Utama (**P. Ramlee**), Raja Muda Pura Chendana.

Tun Nila Utama diberi latihan dalam kesemua kemahiran yang diperlukan oleh seorang anak raja semasa remaja. Apabila beliau menjangkau usia untuk berkahwin, raja memerintahkan beliau untuk memilih seorang isteri. Tun Nila Utama tidak mahu berkahwin dengan sebarang gadis di negeri itu, oleh kerana mengikutnya, mereka itu bukanlah perempuan dalam erti kata sebenar, tetapi hanya betina. Raja menjadi amat murka mendengar kata-kata itu lalu memerintah Tun Nila Utama untuk pergi mencari seseorang yang difikirkannya sesuai sebagai perempuan. Jikalau Tun Nila Utama pulang dalam tempoh satu tahun dan gagal membawa balik

seorang perempuan, kepalanya akan dipenggal.

Tun Nila Utama pergi bertemu ibu bapanya untuk memberitahu apa yang telah berlaku. Ibu bapanya membekalkan beras, ikan kering, lada, rempah, kopi dan gula untuk dibawanya dalam perjalanan. Tun Nila Utama mencampurkan semua barang-barang itu ke dalam karungnya lalu meninggalkan negeri itu untuk mencari seorang perempuan untuk dijadikan isterinya.

Dalam perjalanannya itu, beliau telah menemui ramai perempuan, tetapi tiada seorang pun yang sudi bersusah-payah untuk memasak nasi atau gulai daripada barang-barang yang sudah bercampur-aduk di dalam karungnya. Ada di antara orang perempuan yang ditemui itu menyangka beliau tidak siuman.

Akhirnya, beliau sampai di pantai sebuah pulau yang bernama Kabul Chita, dan di situ beliau bertemu dengan seorang gadis bernama Puspawangi (Saadiah).

Puspawangi membawa orang muda itu pulang ke rumah dan memperkenalkannya kepada ibu bapanya yang gembira menyambut kedatangan Raja Muda Pura Chendana. Puspawangi memisahkan barang-barang dalam karung Tun Nila Utama dengan cermatnya lalu menyediakan makanan untuknya. Tun Nila Utama amat gembira dan sedar bahawa akhirnya beliau telah berjumpa seorang perempuan. Tun Nila Utama memberitahu ibu bapa gadis itu tentang hasratnya untuk mengambil Puspawangi sebagai isterinya. Ibu bapa Puspawangi gembira tidak terhingga.



*P. Ramlee dan Saadiah dalam filem* Musang Berjanggut

Megat Alang (Shariff Dol) yang bercita-cita hendak berkahwin dengan Puspawangi menjadi amat marah terhadap Tun Nila Utama. Megat Alang telah mencabarnya untuk bertarung. Satu pertarungan yang hebat telah berlaku, dan Tun Nila Utama telah berjaya mengalahkan Megat Alang.

Selepas perkahwinan, Tun Nila Utama membawa isterinya pulang ke Pura Chendana. Mereka disambut dengan riangnya oleh ibu bapa Tun Nila Utama.

Raja dan empat orang menterinya itu tidak memberi perhatian sangat kepada Puspawangi apabila beliau dibawa mengadap di istana oleh Tun Nila Utama oleh kerana sekali imbas mereka tidak dapat melihat sebarang perbezaan di antara Puspawangi dengan perempuan-perempuan lain di negeri itu.

Walau bagaimanapun apabila melihat muka Puspawangi yang cantik itu, keempat-empat menteri berserta raja masing-masing mahukan Puspawangi untuk mereka sendiri. Setiap seorang daripada mereka ingin sangat berada di sisinya untuk mengetahui rahsia yang membuat Tun Nila Utama mendakwa isterinya sebagai perempuan dan bukan betina seperti perempuan lain di negeri itu.

Raja jatuh sakit. Seorang daripada menterinya merumuskan bahawa penyakitnya itu adalah yang paling ganjil dan hanya boleh sembuh dengan memakan hati sejenis binatang yang dipanggil musang berjanggut. Menteri-menteri lain dengan serta-merta menasihatkan raja supaya memerintahkah Tun Nila Utama mencari binatang itu oleh kerana beliaulah seorang yang akan berjaya memburu binatang tersebut. Raja pun bersetuju lalu memerintahkan Tun Nila Utama melaksanakan tugas itu.

Puspawangi mengesyaki perintah raja itu lalu memberitahu suaminya supaya bersembunyi di kampung itu untuk menunggu berita daripada beliau.

Sebaik sahaja Tun Nila Utama berlepas kononnya hendak pergi berburu, utusan raja pun sampai menjemput Puspawangi ke istana.

Raja memberitahunya bahawa beliau ingin berada di samping Puspawangi yang bersetuju supaya raja datang melawatnya di rumah pada waktu malam.

Di dalam perjalanannya pulang dari istana, tiap-tiap seorang menteri berempat itu menunggu Puspawangi di sudut-sudut jalan yang berasingan. Tiap-tiap seorang membuat permintaan yang serupa dengan permintaan raja dan Puspawangi bersetuju mereka datang menemuinya pada malam yang sama.

Pada malam itu, raja dan semua menterinya datang ke rumahnya seorang demi seorang masing-masing cuba memujuk rayu Puspawangi. Puspawangi berpura-pura mengasihi tiap-tiap seorang mereka itu. Dengan helahnya, Puspawangi dapat mengurung seorang menteri yang berjanggut dalam sebuah peti. Esok harinya Tun Nila Utama dan isterinya Puspawangi membawa peti itu kepada raja dengan alasan bahawa ianya mengandungi musang berjanggut.

Raja dan menteri-menterinya amat terkejut melihat Datok Nikah Kahwin dalam peti itu. Tetapi bagaimana raja dan menteri-menterinya hendak menyalahkan Datok itu manakala mereka sendiri mempunyai niat jahat yang serupa!

Pada masa itu, mereka menyedari bahawa Tun Nila Utama dan isterinya Puspawangi telah memberi mereka suatu pengajaran yang tidak dapat dilupakan sepanjang hayat mereka. [Tamat]

## MUSTARJO
[1890-1970]



*Mustarjo*

Nama sebenarnya ialah Mustar bin Ahmad, dan dilahirkan di Purokarto, Jawa Tengah. Beliau merupakan tokoh wayang (pentas) yang banyak berilmu, terutamanya dalam seni tari jawa, seni muzik, seni lakonan kebudayaan bangsanya. Beliau juga banyak mempunyai ilmu pengetahuan dalam aneka jurusan yang berkaitan dengan pementasan, seperti wayang wong, wayang kulit, tandak (joget), bangsawan, opera, tonel dan sandiwara. Antara rombongan pentas yang pernah disertainya ialah India Ratu Opera, Indera Nata Opera, Pusi Indera Bangsawan, Tengku Katan Bangsawan dan Faroka Opera.

Beliau menyertai Seri Noran Opera, di mana antara pelakon-pelakonnya ialah Shariff Medan dan Yem. Beliau pernah menjadi seorang anggota Bolero bersama dengan Jaafar Wiryo, iaitu rombongan pentas yang terkenal di Singapura dan Malaya. Rombongan itu telah datang ke sini dalam tahun 1935 di bawah pimpinan Bakhtiar Affendi. Mustarjo menceburi dunia perfileman dengan menjadi pelakon tambahan di Nusantara Film Productions. Pada tahun 1951, beliau memasuki Malay Film Productions, dan berlakon dalam banyak filem, termasuk dalam filem-filem **P. Ramlee** iaitu **Penghidupan; Sejoli** dan **Juwita**. Beliau menjadi lebih terkenal setelah berlakon sebagai pendekar Mustar dalam filem-filem **Pendekar Bujang Lapok** dan **Musang Berjanggut** arahan **P. Ramlee.**

# N

## NASIB DO RE MI

Dibuat oleh Merdeka Filem Setudio, Kuala Lumpur. Tahun dikeluarkan: 1966.

**P. Ramlee**, A. R. Tompel, Ibrahim Din; *Bintang utama*: Mahyon Ismail; Ghazali Sumantri; *dibantu oleh*: Mahmud June; Habibah Haron; Idris Hashim; A. Bakar Jaafar; Husny Hassan; A. Azman; Shariff Baboo; *beserta*: Yusoff Suria; Jailani; Radin Sudiro; Nor Jin; Karim Latif; Nor K.K.; Hashim Hamzah; Yem; Ramlee Ismail; Ahmad Dadida; *Bintang terhormat*: Saloma; Wan Chik Daud



*Mahyon Ismail, berlakon dalam filem Nasib DO RE MI*

Story and Screen Play: S. Sudarmaji; Dialogues: **P. Ramlee** AMN; Teknik Fotografi: Low Yew Wah; Teknik Sound: Tan Chuan Hock; Art Director: Abd. Hamid Aziz; Film Editor: Johari Ibrahim

Penolong: Pengarah: Hashim Hamzah; Fotografi: Ng Hoong Ngaim; Sound: Anuar Yusof; Pelukis: Esa Ahmad; Penchitak: Ho Bee Yoon; Make-up: Rokiah Osman

Music: Ciptaan dan Gubahan **P. Ramlee** AMN; Lagu: *Taman Firdausi* dan *Ilham Tiba* oleh: Ahmad Nawab

Directed by: **P. Ramlee** AMN

Cerita: Semasa dalam perjalanan mereka yang tidak habis-habis, DO RE MI, tiga sahabat ceria, telah terserempak dengan sekumpulan samseng yang sedang memukul seorang pemuda, Lokman, sementara kekasihnya Nora memerhati sahaja tidak dapat berbuat apa-apa.

Sahabat bertiga itu datang membantu tetapi pergaduhan berakhir apabila ketiga-tiganya dibelasah teruk oleh kumpulan itu yang lari menyelamatkan diri apabila polis tiba di tempat kejadian itu.

Pada keesokan paginya, pasangan kekasih itu dengan diringi oleh seorang anggota polis pergi ke hospital untuk mendapatkan keterangan mereka tetapi mendapati bahawa tiga sahabat itu telah meninggalkan hospital yang berkenaan.

Sahabat bertiga yang merempat itu meneruskan perjalanan mereka setelah meninggalkan hospital. Semasa mencari perlindungan untuk bermalam, mereka menjumpai sebuah rumah yang kelihatan tidak didiami orang. Mereka mengenali muka orang-orang yang tiba kemudian di rumah itu sebagai kumpulan jahat yang mereka temui pada malam sebelumnya.

Sahabat bertiga itu mendengar perbualan mereka dan mendapat tahu bahawa ketua kumpulan itu, dalam usahanya un-



*Kiri ke kanan: Ibrahim Din, Wan Chik Daud, A. R. Tompel dan P. Ramlee dalam filem Nasib DO RE MI*



*Kiri ke kanan: Ibrahim Din, A. R. Tompel dan P. Ramlee dalam filem Nasib DO RE MI*

tuk menawan seorang gadis bernama Nora, telah mengarahkan orang-orangnya menghubungi seorang bomoh kampung itu untuk mengenakan sihir ke atas gadis itu. Ini memberi suatu ilham kepada sahabat bertiga itu, lalu mereka pun meninggalkan rumah itu untuk membuat persediaan.

Pada keesokan harinya, ketibaan kumpulan itu di rumah bomoh telah disambut oleh RE yang menyamar sebagai bomoh. Beliau memberi mereka suatu tangkal yang perlu ditanam di kawasan gadis itu pada tengah malam.

Pada malam itu, sahabat bertiga itu berjaya sekali lagi memperdaya kumpulan itu yang menyebabkan mereka kehilangan semua barang kepunyaan. Walau bagaimanapun, sahabat bertiga telah ditangkap oleh bapa gadis itu serta orang-orang kampung kerana disangka pencuri. Tetapi, tidak berapa lama kemudian, mereka dibebaskan kerana Nora dan Lokman mengenali mereka sebagai orang yang pernah menyelamatkan mereka.

Suatu rancangan pun dibuat untuk memerangkap kumpulan itu. Nora pergi ke tempat persembunyian kumpulan itu dan berpura-pura jatuh cinta dengan ketuanya. Beliau telah dibekalkan dengan alat elektronik yang boleh menyiarkan perbualannya dengan ketua kumpulan itu.

Semuanya berjalan lancar apabila siaran itu terputus dengan tiba-tiba. Sahabat bertiga dan Lokman bergegas ke tempat persembunyian kumpulan itu lalu pergaduhan pun berlaku. Apabila polis tiba, semua anggota kumpulan yang selama ini mengganas di kota itu dapat ditangkap dan dipenjarakan. [Tamat]

## NASIB SI LABU-LABI

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited, Singapore. Dibuat oleh Malay Film Productions Limited, Singapore. Tarikh dikeluarkan: 20 April 1963.

**P. Ramlee**; Mohd Zain; Udo Omar; Murni Serawak; Mariani; S. Shamsuddin; Ibrahim Pendek; Habsah Buang; S. Sudarmadji; Asmaon; Mohd Hamid; Jamaluddin; *Bintang undangan*: Saloma, Sarimah; Rosnani; Dayang Sofia; Aziz Sattar; Ahmad Mahmood; Omar Rojik; Ahmad Nisfu

Cerita: MAJI LEE; Jalan Cerita: MAJI LEE; Jalan Bahasa: **P. Ramlee** AMN; Lagu dikarang, disusun & dipimpin oleh: **P. Ramlee** AMN; Tarian: Habsah Buang; Fashion Kebaya: Raja Zai Dress Maker; Seni Kata lagu: S. Sudarmaji

Teknik Fotografi: Chow Chan Kok; Art Director: A. V. Bapak; Editor: H. R. Narayana; Rekaman: Yap Poh Kai; Rekaman Akhir: Kam Sim Boon; Pencitak Film: Wong Hong Peng; Studio Manager: Kwek Chip Jian





*M. Zain, S. Shamsuddin dan P. Ramlee dalam filem* Nasib Si Labu Labi



*P. Ramlee dan Murni Sarawak dalam filem* Nasib Si Labu Labi

Pembantu[2]: Teraju: S. Sudarmaji; Fotografi; Rahman Jais; Rekaman: Chua Soh Tong; Yeo Kee Jok; Editing: Hayat Harris; R. Haridas; Lee Thiam Yiak; K. K. Ram; Continuity: Tan Quee Sim

Teraju Utama: **P. Ramlee** AMN

Cerita: Haji Bahkil (Udo Omar) telah kematian isterinya, dan suasana diselubungi sedih dan pilu. Tetapi, bila saja Labu (Mohd Zain) dan Labi (**P. Ramlee**) menunjukkan diri, awan duka beredar pergi, cahaya gembira mula menari sesudah 'lepas hari.'

Haji Bakhil menjadi ulat daun: Labu dan Labi tumpang sekaki bak kena miang keladi. Walau bagaimanapun, Haji Bahkil yang lokek dan kedekut mula berani menabur wang untuk derma itu dan ini, terutamanya bila yang datang memintanya ialah seorang perempuan bernama Murniati (Murni Serawak), guru di sekolah anak-anak yatim.

Sementara Haji Bahkil mabuk dan berangan-angan hendak memperisterikan janda muda yang kacak "sebiji macam isteri saya", katanya, Labu dan Labi, orang gajinya, sibuk bertaruh dan bergaduh kerana masing-masing ingin memenangi hati Manisah (Mariani), anak perawan Haji Bahkil.

Satu daripada 'peraduan' yang mereka tetapkan untuk menentukan siapakah antara mereka yang berhak memiliki Manisah ialah 'boxing'. Kesudahannya, bukan sahaja mereka berdua terlentang membujur di tengah-tengah gelanggang, pengadilnya (S. Shamsuddin) turut jatuh pengsan terlentang!

Setiap kali pemungut-pemungut derma selain daripada Murniati datang, Haji Bakhil diserang penyakit gigil, yang membuat Labu dan Labi turut mengeluh.

Hanya senyuman Murniati yang dapat membuka pintu besi Haji Bakhil yang berisi dengan wang beratus ribu. Murniati telah dapat derma yang banyak daripada Haji Bakhil sehingga beliau telah menjadi seorang guru yang terbanyak sekali mendapatkan hasil untuk sekolah anak-anak yatim yang diuruskannya. Haji Bakhil pula diangkat menjadi penolong, kerana jasanya dan jiwa dermawannya.

Semakin jinak Murniati dengan Haji Bakhil, maka semakin berubahlah sikap dan gaya Haji Bakhil. Dia sudah lupa mengikat serban dah tak hiraukan kain pelekat; berseluar pendek, bergaya dengan kot pantelun dan tali lehernya, sekejap-sekejap menyisir rambut, kerana ingin sangat melihat dirinya segak dan kacak, terutamanya bila berhadapan dengan Cikgu Murniati.

Sungguhpun demikian, Haji Bakhil masih mendapati lidahnya sentiasa kelu hendak menyampaikan maksud yang terpendam di kalbunya. Waktu berkelah, bila saja dia nak bisikkan 'jeritan batinnya', Labu dan Labi datang menjengah.

Di sekolah, bila Haji Bakhil berdua-duaan saja dengan Murniati, dan hendak menyatakan bisikan hatinya, datang pula Cikgu Besar Habsah mencelah.

Akhirnya, peluang yang didapatinya terbuka untuk menyampaikan hasrat di dada ialah ketika dia diminta memahkotakan Murniati yang telah memenangi peraduan memilih Ratu Kebaya.

Haji Bakhil memberanikan diri, sambil memahkotakan Murniati, suaranya berbisik bertanyakan sama ada Murniati sanggup menjadi isterinya. Murniati menyatakan kesanggupannya, asal saja Pak Haji itu berani meminangnya.

Jawapan Murniati telah menyebabkan darah gembira Haji Bakhil mendidih hangat hingga dia jatuh pengsan tak sedarkan diri di atas pentas pertunjukan.

Sejak itu, tidak ada soal lain yang bermain di kepalanya, selain daripada perkara hendak meminang Cikgu Murniati. Haji Bakhil berasa gembira apabila Labu dan Labi menyatakan kesanggupan mereka menjadi wakil, untuk meminang Murniati.

Ketibaan Labu dan Labu di rumah Cikgu Murniati, disambut oleh beberapa ketakjuban: pertamanya ialah sifat ayah Murniati, Haji Ibrahim yang kontot orangnya; dan yang kedua ialah sikap Haji Ibrahim yang becok cakapnya. Labu dan Labi terpaksa menunggu beberapa waktu untuk memasang telinga mendengarkan celoteh Haji Ibrahim yang tak berkesudahan itu.

Sungguhpun begitu ramah dan begitu baik Haji Ibrahim menyambut ketibaan kedua-dua wakil Haji Bakhil itu, tetapi bila saja mereka berpeluang membuka mulut menyatakan maksud kedatangan mereka itu, dengan tak semena-mena Haji Ibrahim hilang kesabaran, lupakan serban yang dijunjung dan mencapai penyapu kontot menghambat mereka berdua, sampai tak sempat menjamah sajian Murniati.

Rupa-rupanya, Haji Bakhil itu ialah musuh ketat Haji Ibrahim, dan oleh itu tidak mahu menerima Haji Bakhil sebagai menantunya. Haji Bakhil menunggu berita peminangan itu dengan cemas.

Hairannya pula, Labu tidak menceritakan kisah yang berlaku sebenarnya di rumah Haji Ibrahim, tetapi mencipta cerita baru pula. Kononnya, Murniati sanggup berkahwin dengan Haji Bakhil, biarpun ayahnya tidak memberi persetujuan. Labi pula menambah cerita itu dengan menyatakan Murniati menyuruh Haji Bakhil menunggu di rumah tok kadi (Aziz Sattar).

Hendak tak hendak, Labu dan Labu terpaksalah mengatur rancangan menculik Murniati, untuk dibawa ke rumah tok kadi, kerana tuan mereka, Haji Bakhil sedia menanti. Mereka akhirnya masuk ke bilik yang salah, bukan Murniati yang diculik, tetapi Haji Ibrahim.

Semuanya terkejut apabila melihat manusia yang dibungkus bukanlah Murniati tetapi Haji Ibrahim, ayah Murniati yang menentang keras perkahwinan puterinya dengan Haji Bakhil 'tua kutuk', 'tua tak sedar diri' katanya.

Biarpun beberapa kali Haji Bakhil mengaku kesalahannya, dan banyak kali pula membahasakan dirinya 'anak' dan memanggil Haji Ibrahim 'bapak', tetapi Haji Ibrahim tetap berhati keras, mengambil tindakan ke atas Haji Bakhil dan kedua-dua orang gajinya, Labu dan Labi, di atas perbuatan mereka yang amat 'memalukan di sisi undang-undang' kata Haji Ibrahim.

Haji Bakhil kembali kepada sifat bakhilnya dan tidak mahu menjamin orang gajinya itu daripada hukuman. Labu dan Labu masuk penjara. Haji Bakhil tinggal keseorangan sebagai bujang ganyut. [Tamat]

Filem ini adalah sambungan cerita filem **Labu Labi** (1962).

Filem komidi ini mempunyai beberapa keistimewaan. Pertamanya ialah babak tinju (boxing) antara Joe Labi (**P. Ramlee**) dan Rocky Labu (Mohd Zain), dengan pengadilnya S. Shamsuddin. Perlawanan ini berlangsung sehingga 127 pusingan, dengan pelbagai gaya — lembut gemalai, menari tanggo dan menumbuk angin. Keduanya ialah lakonan jenaka dalam sketsa lagu *Aci-Aci Buka Pintu*, apabila **P. Ramlee** menjadi nana dan M. Zain sebagai Aci; ketiganya ialah penampilan bintang-bintang ternama di Jalan Ampas, Singapura, memperkenalkan watak sipengacau Aziz Sattar di peraduan Ratu

Kebaya; dan keempat, kemunculan Omar Rojik, Sarimah, Rosnani, Ahmad Mahmd dan Dayang Sofia sebagai ahli-ahli juri pertandingan Ratu Kebaya. **P. Ramlee** menyatakan:

"Mereka itu biarpun kelihatan sekejap saja muncul dalam filem ini didapati memuaskan peminat. Ini membikin filem Nasib Si Labu Labi satu persembahan filem lengkap dan seronok". [*Majallah Filem*, Februari, 1963].

Majalah Suasana Bintang Film, Bil. 10, Januari 1963, muka surat 16-17 melaporkan:

"**P. Ramlee** berpendapat bahawa dalam lawak banyak ragam dapat diselitkan; kemuliaan budi pekerti, keruntuhan akhlak, rosak budi bahasa dan kepalsuan hidup dapat dijadikan bahan lawak dan paling senang disogokkan pada para penonton ... Nasib Labu Labi ... diceritakannyalah sesuatu mengenai perangai Haji Bakhil itu ..."

## NASIB

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited, Singapore. Dibuat oleh Malay Film Productions Limited, Singapore. Tarikh dikeluarkan: 25 Julai 1949.

S. Roomai Noor; Siput Sarawak; Haji Gong; Tina; D. Harris; **P. Ramlee**; Jaafar Wiryo

Penggambar: Chow Chong Kok; Penolongnya: Chong Sai; Pengambil suara: Yap Yan Seng; Penolongnya: Chan Chiew Foong

Penggubah lagu dan pancaragam: Osman Ahmad

Pengarah: B. S. Rajhans

Cerita: Kassim (Roomai Noor), yang bakal mewarisi sedikit harta pusaka, tinggal bersama dengan abangnya Kalam (Haji



*P. Ramlee (kanan, sedang menari) dalam filem* **Nasib**

Gong) dan kakak iparnya, Zainah (Tina). Kedua-dua abang dan kakak ipar Kassim itu tamak dan berazam untuk menghalau Kassim dan merampas hartanya. Oleh kerana masih kebudak-budakan, Kassim lebih suka bermain dan menyanyi dengan dua orang rakannya, Puteh (D. Harris) dan Baki (**P. Ramlee**) daripada membuat kerja hariannya, iaitu menggembala lembu. Kassim kemudian dihalau dan hartanya dirampas oleh abangnya, dan terpaksa bermalam di atas tangga masjid. Pada keesokan harinya, Puteh dan Baki terperanjat mendapati Kassim dilayan dengan buruk oleh abangnya lalu mencadangkan supaya beliau menjadi seorang nelayan untuk menyara hidupnya. Oleh kerana mereka tiada pengalaman di dalam lapangan pekerjaan ini, mereka tidak dapat membuat apa-apa tangkapan. Ketiga-tiga sahabat itu bekerja pula memotong kayu di tepi pantai. Semasa menjalankan kerja ini, mereka ternampak lanun-lanun mendarat dan memasuki ke dalam sebuah gua berhampiran. Kassim meminta kawan-kawannya mengikutinya, tetapi oleh kerana kawan-kawannya takut, dia meninggalkan mereka untuk menunggu kepulangannya. Kassim bersembunyi di sebalik sebuah batu lalu memasuki gua itu sebaik sahaja lanun-lanun iu meninggalkan gua untuk pulang ke kapal mereka. Dia menemui harta kekayaan yang beraneka rupa lalu diambilnya seberapa banyak yang boleh. Puteh dan Baki terperanjat melihat harta yang dibawa oleh Kassim dan mereka pun turut pergi mengambil harta untuk diri mereka sendiri. Kekayaan Kassim yang diperolehinya secara tiba-tiba itu memeranjatkan Kalam yang mengancam untuk mengadukannya kepada Sultan sekiranya Kassim tidak memberitahunya bagaimana beliau mendapat harta itu. Dengan didorong oleh sifat tamak kepada kekayaan, pada satu malam, Kalam pergi secara terburu-buru ke gua itu. Beliau pun ditangkap lalu dibunuh oleh lanun-lanun di dalam gua itu. Kassim mendapat tahu tentang kematian abangnya dan rancangan lanun untuk membalas dendam ke atasnya kerana mencuri harta mereka. Dalam pada itu, Kassim ternampak puteri Sultan, Puteri Rohana, yang diusung di kawasan pasar lalu jatuh cinta dengannya. Kassim memberitahu Sultan tentang bahaya yang sedang dihadapinya. Sultan memberikan bantuan bala tenteranya, dan mereka berjaya menangkap dan memenjarakan lanun-lanun itu. Tetapi mereka kemudiannya berjaya melepaskan diri dan menculik puteri raja serta melarikannya ke kampung mereka di dalam hutan. Kassim yang mengejar mereka dari belakang turut tertawan. Tuan puteri dipaksa oleh ketua lanun, Bujang (Jaafar Wiryo), untuk berkahwin dengannya. Bujang merancang supaya Kassim dibunuh pada hari perkahwinannya sebagai meraikan majlis tersebut. Semasa majlis sedang berlangsung, askar-askar Sultan pun tiba lalu membunuh semua lanun itu dan membebaskan kedua-dua tawanan. Kassim dan tuan puteri pun dikahwinkan dan hidup bahagia selamanya. [Tamat]

Pada tahun 1950, Danis Froman, Director of the British Film Institute, meminta supaya dua buah filem buatan Malaya ditunjukkan di Film Festival anjuran Institut yang berkenaan. Shaw Brothers telah mengirim filem **Nasib** dan **Rachun Dunia**. Oleh kerana banyak filem-filem dari negara-negara Komanwel yang dipertunjukkan di festival itu, filem **Nasib** sahaja yang sempat dimasukkan ke dalam program penayangan. *The Straits Times* pada 5 Julai 1950 melaporkan:

Di pesta filem ini, hanya satu gelung (reel) ditontonkan. Ianya dari **Nasib**, se-

buah cerita jenis **Ali Baba** yang menceritakan kisah tiga orang budak yang mencuri masuk ke dalam gua tempat lanun menyembunyikan harta pampasan mereka.

Di London, keseluruhan filem itu di anggap mungkin sesuai untuk tontonan anak-anak di United Kingdom walaupun bahasa pertuturan yang digunakan ialah Bahasa Melayu. [Terjemahan]



*Nasir P. Ramlee, 1971*

## MOHD NASIR P. RAMLEE

[1953 - ]

Dilahirkan di Singapura dan anakanda lelaki kepada **P. Ramlee** dan Junaidah. Semasa Nasir berumur 12 tahun, beliau telah ditemubual oleh Salfarimmy daripada sebuah majalah filem, yang menulis, antara lain:



*Nasir P. Ramlee*

"... bila bercakap mengenai sesuatu hal, dilakukan dengan iringan action, seperti pelakon-pelakon filem berlagak. Baik gaya bercakapnya, mahupun cara berlagaknya, saling tak tumpah seperti bapanya .... Setelah melihat bahawa Nasir mempunyai bakat besar dalam lapangan muzik, maka kini **P. Ramlee** memanggil seorang guru mengajar Nasir bermain piano. Sewaktu duduk di rumah Nasir lebih banyak menghabiskan waktunya bermain piano daripada menghafalkan buku-buku pelajaran sekolah. Di dalam buku sekolahnya dituliskan nota-nota lagu menyebabkan dia selalu dimarahi oleh gurunya."

M. Nasir lebih takut jika guru piano memarahinya berbanding dengan guru sekolah. Lagu-lagu baru yang digubah oleh **P. Ramlee,** yang dicubanya menyanyi dengan piano, dengan lekas dapat diikuti oleh Nasir.

**P. Ramlee** "sentiasa bersikap keras dengan Nasir dengan tujuan supaya anak

itu mengerti kepahitan hidup. Kepada sesiapapun Nasir tidak pernah mengatakan bahawa dia takut kepada bapanya. Tetapi dia mengatakan bahawa dia sungguh hormat kepada bapanya, kerana bapanya bersikap keras terhadapnya." [Salfarimmy]

Nasir pernah berlakon dalam filem keluaran Merdeka Film Productions iaitu filem **Kalau Berpaut di Dahan Rapoh** pada tahun 1971, arahan Omar Rojik dan karya Alias Ali.

## NILAM

Dibuat dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited, Singapore. Dibuat oleh Malay Film Productions Limited, Singapore. Tarikh dikeluarkan: 28 September 1949.

Roomai Noor; Siput Sarawak; D. Harris; **P. Ramlee**; Jaafar Wiryo; Siti Tanjong Perak.

Penggambar: Chow Cheng Kok; Pengambil suara: Yap Yan Seng; Penolongnya: Chan Chiew Tong; Pelukis: Mohd. Haniff.

Tarian' am: Osman Gumanti; lagu': Osman Ahmad.

Penyusun Cerita: A. R. Iyer.

Pengarah: B. S. Rajhans.

Cerita: Di pulau Jawa, terdapat seorang pemuda bernama Ahmad (Roomai Noor). Ibunya, Suratna (Siti Tanjong Perak), seorang janda yang mempunyai sebilah keris sakti yang telah dihadiahkan kepada suaminya oleh seorang alim. Untuk mengelakkan pergaduhan dengan jiran-jirannya, Ahmad memutuskan untuk pergi ke luar negeri dan ibunya memberikan keris itu kepadanya. Semasa di pelabuhan, beliau berbaik-baik dengan Jaiman (D. Harris) lalu mereka berdua menjadi kelasi dalam sebuah kapal yang berlayar menuju ke Mesir.

Puteri sulung raja Mesir yang cantik bernama Nilam (Siput Sarawak), berada di bawah kuasa seorang ahli sihir yang membuatnya tidak sedar diri dan menari menggila-gila dua minggu sekali. Dalam keadaan demikian, puteri itu menyamar diri dan pergi ke kedai minum arak yang



*P. Ramlee (berdiri, kanan) dalam filem* Nilam

berhampiran. Di situ, beliau menari dengan nama Dilara. Perdana Menteri, seorang pembelit, pula merancangkan supaya anaknya Rashid (**P. Ramlee**) berkahwin dengan Nilam yang belum pernah dilihatnya. Di kedai arak itu, Rashid terpikat oleh kecantikan Dilara lalu cuba memperkosanya di hadapan Ahmad dan Jaiman. Mereka ditangkap apabila Ahmad cuba melepaskannya dari cengkaman Rashid.

Jaiman mempunyai seorang abang bernama Paiman (D. Harris) yang berpengaruh dan kaya serta bersahabat dengan Perdana Menteri. Isteri Paiman ternampak Jaiman semasa beliau sedang ditangkap, dan oleh kerana menyangka Jaiman itu suaminya, beliau terus membuat bantahan kepada pengawal-pengawal. Tetapi, akhirnya, beliau mengetahui siapa Ahmad dan Jaiman sebenarnya. Ahmad bertemu Dilara sekali lagi di pesta Sungai Nil, dan masing-masing melahirkan rasa cinta mereka. Sesudah Nilam dibebaskan daripada penyakitnya, raja bukan sahaja memberi penghormatan yang tinggi kepada Ahmad, tetapi juga mengisytiharkan hasratnya untuk mengahwinkan Nilam dengan Ahmad. Untuk mengelakkan kehendak raja itu, Perdana Menteri menghantar Ahmad ke tempat yang jauh untuk mendapatkan sebutir permata biru yang besar yang dikawal oleh mayat-mayat berhantu untuk dijadikan sebagai mas kahwinnya. Dalam perjalanannya, Ahmad bertemu dengan orang alim yang memberinya seekor kuda terbang untuk membolehkannya mendapatkan permata itu serta satu tali pinggang sakti yang membuat pemakainya tidak dapat dilihat orang. Pada hari perkahwinan secara paksaan di antara Nilam dengan Rashid, Ahmad tiba dan menyuraikan majlis itu dengan bantuan senjata-senjata saktinya. Walau bagaimanapun, disebabkan pembelutan Paiman, senjata-senjata sakti Ahmad dirampas lalu matanya dibutakan. Beliau dibuang ke dalam hutan tebal. Kemudian, dia diambil oleh seorang saudagar hamba abdi dan dijual pula kepada saudagar pemecah batu.

Suratna bermimpi tentang penderitaan Ahmad. Doanya termakbul apabila orang alim itu muncul dan menerbangkannya ke Mesir dengan kuasa ghaibnya. Di situ, Suratna bertemu dengan Jaiman dan dengan pertolongannya dapat menebus Ahmad. Nilam yang dikurung dalam penjara kerana mencuri senjata-senjata sakti itu daripada Rashid terdengar suara Ahmad menyanyi dan ternampak Ahmad dan ibunya lalu di situ. Beliau pun mencampakkan senjata-senjata itu kepada mereka. Penglihatan Ahmad dapat dipulihkan oleh orang alim itu di saat Ahmad hendak membunuh dirinya.

Oleh kerana tidak tertahan melihat bapa dan adik-adik perempuannya diseksa, Nilam bersetuju untuk berkahwin dengan Rashid, tetapi perkahwinan tidak dapat dilangsungkan oleh kerana kehadiran Ahmad dengan tiba-tiba. Ahmad yang tidak dapat dilihat itu mengalahkan Perdana Menteri serta orang-orangnya. Nilam dan seluruh keluarga di raja bergembira atas jasa Ahmad yang mulia itu. Nilam dan Ahmad berkahwin dan hidup dengan aman bahagia. [Tamat]

## NOOR ASMARA

Sebuah filem yang dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Brothers dan dibuat oleh Malay Film Productions Limited, Singapura. Filem ini telah dikeluarkan pada 13 April 1949, dan pertama kali di tayangkan di Rex Cinema, Singapura. Pengarahnya ialah B. S. Rajhans. Roomai Noor dan Kasma Booty membintangi filem ini, den-



*Roomai Nor dan Kasma Booty serta Mardiana dalam filem* **Noor Asmara**

gan dibantu oleh D. Harris (Baba), Baby Mardiana, Siti Tanjung Perak, Jaafar Wiryo, Ahmad C. B. dan Norsiah B. Roomai Noor berlakon sebagai guru sekolah bernama Omar di dalam filem ini, mengajar muzik, iaitu bermain biola. Salah seorang yang diajarnya ialah Rokiah (Mardiana), adik Zaharah (Kasma Booty). Omar jatuh cinta dengan Zaharah. Kisah percintaan ini adalah laksana: 'kahwin dipaksa larang dipilih.' Filem ini mengandungi lima lagu rayuan dan empat lagu jenaka, tarian ronggeng, dan bersuka ria mandi safar di Melaka.

**P. Ramlee** mengambil peranan yang kecil dalam filem ini, iaitu sebagai ahli muzik dalam pancaragam. Seperti juga dalam filem **Chinta** (1948), **P. Ramlee** meminjamkan suaranya kepada Roomai Noor dalam filem ini. Antara lagu-lagu yang dinyanyikan oleh **P. Ramlee** ialah *Taman Bunga* dan *Bunga Rose*. Lagu *Bunga Rose* dinyanyikan oleh empat orang penyanyi secara bersambung, iaitu Syed Hamid, Lena, R. Azmi dan **P. Ramlee**; Rubiah menyanyikan lagu *Mandi Safar*, dan Ahmad C. B. lagu *Bulan Bintang*.



*Ahmad CB turut berlakon dalam filem* **Noor Asmara**

**Ramlee** itulah sahaja yang menjadi pusat perhatiannya. [Abdullah Hussain, muka surat 108-109]

Selepas beberapa pertemuan dan surat-menyurat di antara **P. Ramlee** dan Noorizan, maka selepas edah, mereka pun berkahwin pada tanggal 6 Februari 1955 di rumah kadi Singapura. Nama Noorizan semenjak kahwin itu diubah menjadi Nor Ramlee.

**P. Ramlee** dan Noorizan telah bercerai pada tahun 1961 selepas mendirikan rumah tangga selama lebih enam tahun.

Noorizan mula jadi pelakon apabila berpindah ke Kuala Lumpur. Adalah merupakan satu sejarah dalam hidupnya apabila pengarah Jins Shamsuddin memilih beliau berlakon di dalam filem **Bukan Salah Ibu Mengandung** (1965) dalam mana **P. Ramlee** juga turut berlakon.

## NOORIZAN binti MOHD NOOR

[1927 - 1992]

Dilahirkan di Taiping, Perak. Mula-mula telah berkahwin dengan Paduka Seri Sultan Yusof, Perak. Minat Noorizan terhadap **P. Ramlee** secara mendalam bermula di satu pertunjukan pentas di Kuala Kangsar sempena pembukaan sebuah panggung di bandar di raja itu. Rombongan itu terdiri daripada **P. Ramlee**, A. R. Tompel, Salmah Ismail dan Normadiah.

Perhatian Noorizan tertuju bulat kepada orang yang sangat tidak disukainya itu, lebih-lebih lagi dia pun pernah pula mendengar Tuanku mengatakan bahawa mata **P. Ramlee** itu mempunyai sihir, orang-orang perempuan yang berani menentang matanya itu akan jatuh cinta kepadanya dan lama-lama boleh mati. Ia seolah-olah tidak dapat mengalihkan fikirannya kepada hal yang lain. Kepada



*P. Ramlee dan Noorizan*



*P. Ramlee dan Noorizan bersama Norma dan Nasir (kanan)*

## NORDIN AHMAD

[1927 - 1971]



Nordin Ahmad

Beliau berasal dari Seberang Perai, Pulau Pinang. Dia telah dibawa berjumpa dengan Haji Mahadi, yang pada ketika itu sedang menolong mengarah filem **Penghidupan**, dan di'screen test' untuk mengambil bahagian sebagai seorang Bengali di dalam filem itu. Hasil ujian itu tidak memuaskan dan Haji Mahadi terpaksa mengambil peranan sebagai *Bengali*. Bagaimanapun, Nordin telah diberi peluang sekali lagi untuk diuji dan akhirnya diberi peranan pentingnya yang pertama sebagai polis inspektor dalam filem **Juwita**. Selepas filem itu, beliau berlakon dalam filem-filem **Rayuan Sukma, Derita, Manusia, Shorga Dunia, Aladdin, Antara Senyum dan Tangis** dan **Jiwa Lara**. Di dalam filem **Permata di Perlimbahan** arahan Haji Mahadi, beliau berpasangan dengan Maria Menado, dan berlakon sebagai orang muda. Di dalam filem-filem yang berikutnya, Nordin Ahmad diserahkan peranan sebagai pembantu bagi pelakon utama, seperti dalam filem-filem lakonan **P. Ramlee** iaitu **Putus Harapan, Ibu, Panggilan Pulau, Perjodohan, Abu Hassan Penchuri** dan **Hang Tuah**.

*Utusan Filem dan Sport* keluaran 22 Julai 1954 di muka surat 28-29 melaporkan:

"Nordin Ahmad berkata bahawa dia terhutang budi kepada Tuan Ramanathan



*Nordin Ahmad*

dan **P. Ramlee** ... kerana pimpinan Tuan Ramanathan dan asuhan **P. Ramlee** ..."

**P. Ramlee** yang cekap dalam memilih pelakon-pelakon yang sesuai dengan peranan untuk filem-filemnya telah memilih Nordin Ahmad sebagai pelakon utama dalam filem **Semerah Padi**, berdampingan dengan Saadiah. Beliau telah terpilih sebagai "Seniman Pembantu Terbaik" bagi tahun 1956, iaitu hasil lakonannya di dalam filem **Semerah Padi**. Selepas filem ini, beliau berlakon dalam filem **Anak-Ku Sazali** bersama **P. Ramlee**, iaitu filemnya terakhir dengan **P. Ramlee**.

## NORMADIAH

[1932 - ]

Dilahirkan di Menado. Sejak kecil lagi, beliau mengembara bersama ayah dan ibunya dalam rombongan-rombongan sandiwara dan bangsawan. Beliau pernah menari, menyanyi dan turut campur di dalam beberapa persembahan pentas di dalam rombongan sandiwara dan bangsawan. Oleh itu, sebelum menjadi pelakon filem, beliau merupakan Sri panggung. Normadiah memasuki dunia filem dalam tahun 1952 di Nusantara Film Company dan berlakon dalam filem-filem **Seniwati, Pacher Puteh**, dan **Dian**. Sebagai ahli keluarga Malay Film Productions, beliau merupakan pelakon dan terkenal juga sebagai biduanita. Normadiah telah mencipta banyak tarian untuk filem-filem keluaran Malay Film Productions dan yang terkenal ialah tarian **Tualang Tiga**. Di dalam filem-filem bersama **P. Ramlee**, Normadiah mencolek hati kita di dalam filem-filem komidinya seperti **Seniman Bujang Lapok**. Di dalam filem **Semerah Padi**, beliau berlakon sebagai Galak. Dengan mengingatkan kita kepada filem-filem yang lain seperti **Panggilan Pulau, Perjodohan** dan **Siapa Salah**. Normadiah adalah seorang bintang filem yang dapat menjalankan apa jua peranan dengan sempurna. **P. Ramlee** pernah berkata:

"Bahawa seniwati Normadiah adalah 'bintang kesayangan' saya - mudah sekali saya berlakon dengannya kerana mudahnya menerima tunjuk ajar, lebih-lebih lagi kebolehannya di dalam menyelesaikan sesuatu peranan sesuai dengan kemahuan saya". [*Hiburan Filem*, Bil. 16 - 20 September 1954]

**P. Ramlee** dan Normadiah telah mendendangkan banyak lagu-lagu filem yang menjadi kegemaran ramai seperti *Bulan dan Juga Angin* di dalam filem **Panggilan Pulau**; **Mengapa Riang Ria** di dalam filem **Perjodohan**; dan **Kumbang dengan Bunga** dalam filem **Siapa Salah**.

Normadiah telah dipilih sebagai "Seniwati Pembantu Terbaik" (kedua), dan "Biduanita Terbaik" (kedua), dalam pemilihan pembaca-pembaca *Majallah Bintang* bagi tahun 1956.



*Kiri ke kanan: Saloma, Normadiah, Siti Tanjong Perak dan Latifah Omar, 1955*

## NUJUM PA' BELALANG

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited, Singapore. Dibuat di Malay Film Productions Limited, Singapore. Tarikh dikeluarkan: 26 Disember 1959.

Bad Abdul Latiff; Hashimah Yon; **P. Ramlee**; Ahmad Nesfu; Saamah; Udo Omar; Kemat Hassan; Habsah Buang; Sherif Dol; Malek Sutan Muda; Saamah; M. Rafee; Mahmood; M. Zain; C. F. Hashim; Ibrahim Hasan; Ali Fiji; Busra; Aziz Sattar; S. Shamsuddin

Teknik Fotografi: A. Bakar Ali; Teknik Rekaman suara: Kamal Mustafa; Teknik Rekaman Akhir: Kam Siew Boon; Film Editor: H. R. Narayana; Laboratory: Chow Cheng Kok; Teknik Proses: Wong Hong Peng; Pengarah studio: Kwek Chip Jian; Supervisor Studio: S. Y. Hsu

Lagu' ciptaan dan gubahan: **P. Ramlee**; Gurindam lagu: S. Sudarmadji

Jalan cerita dan jalan bahasa: susunan **P. Ramlee**

Teraju muda: S. Sudarmadji; Teraju utama: **P. Ramlee**

Cerita: Pa' Belalang (**P. Ramlee**), seorang yang telah kematian isterinya, merupakan seorang yang sangat malas. Dia menghabiskan masanya dengan tidur dan membiarkan anaknya, Belalang (Bat Latiff) yang berumur tujuh tahun itu mencari makan.

Pada suatu hari, dalam perjalanannya pulang ke rumah selepas bekerja keras sehari suntuk di ladang, Belalang ternampak dua orang lelaki yang belum pernah dilihatnya menarik beberapa ekor lembu dan kambing di suatu lorong di hutan itu. Belalang terus memanjat sebatang pohon untuk bersembunyi. Di situ, beliau memerhatikan kedua-dua orang itu bertengkar sesama sendiri tentang bagaimana hendak membahagikan harta curian itu secara adil. Apabila Belalang menyedari bahawa mereka itu adalah pencuri, beliau pun bertempek sekuat hati mengaku dirinya anak jin hutan itu yang dahagakan darah. Pencuri-pencuri itupun ketakutan lalu lari menyelamatkan diri.

Belalang menggembalakan binatang-binatang itu ke rumahnya dan merancang dengan bapanya bagaimana hendak memulangkan binatang-binatang itu kepada tuan-tuannya dengan cara yang menguntungkan. Selepas Belalang menyembunyikan binatang-binatang itu dalam belukar di belakang rumahnya, beliau pun pergi ke kampung. Ketua kampung itu berasa hairan mendengar aduan orang-orang kampung tentang kecurian itu, dan Belalang berada di situ menawarkan bantuan. Beliau menasihatkan ketua kampung untuk berjumpa dengan bapanya yang dikatakannya sebagai seorang ahli nujum yang handal. Sudah tentulah Pa' Belalang sudah sedia dengan jawabnya apabila ditanya di mana binatang-binatang itu berada. Pa' Belalang diberi hadiah yang banyak dan namanya pun terkenal di seluruh kampung.

Beberapa hari kemudian, berita tersebar di seluruh negeri bahawa Sultan (Ahmad Nesfu) telah kecurian kebanyakan intan permatanya termasuk mahkota negeri tiu. Sultan mengisytiharkan bahawa beliau akan memberi hadiah yang banyak kepada sesiapa yang mendapatkan semula hartanya yang hilang itu.

Ketua kampung Pa' Belalang dengan serta-merta membawa Pa' Belalang ke istana Sultan lalu memberitahu Sultan bahawa Pa' Belalang, ahli nujum kampung itu, akan mendapatkan semula harta Sultan yang hilang itu. Pa' Belalang menjadi takut apabila Sultan memerintahkannya mendapatkan semula harta yang hilang itu dalam tempoh yang ditetapkan. Dia tahu bahawa dia tidak akan dapat memenuhi perintah Sultan itu lalu dia mengambil keputusan untuk lari menyembunyikan dirinya.

Semasa bersembunyi dalam sebuah gua, Pa' Belalang bercakap seorang diri berulang-ulang mengatakan bahawa dia akan hilang 'badan dan nyawa' sekiranya orang-orang Sultan menemuinya. Tanpa disedari, rupa-rupanya, pencuri-pencuri yang mencuri harta Sultan itu juga berada dalam gua itu sedang membahagi-bahagikan harta-benda tersebut. Secara kebetulan, nama mereka ialah Badan dan Nyawa. Pencuri-pencuri itu takut menggeletar apabila mereka mendengar suara berkata "O Badan ! ... O Nyawa! Awak akan mati esok pagi". Pencuri-pencuri itu menyangka bahawa penunggu gua sedang memerhatikan mereka lalu mereka



*P. Ramlee dan Hashimah Yon dalam filem* Nujum Pak Belalang



*Kiri ke kanan: M. Rafee, M. Zain dan P. Ramlee dalam filem* Nujum Pak Belalang

bertempiaran lari meninggalkan harta-benda itu. Pa' Belalang amat gembira lalu segera pergi menghadap Sultan. Walau bagaimanapun, dia mengingatkan Sultan bahawa hanya Sultan dan keluarganya yang boleh masuk ke dalam gua itu dan mereka perlu merangkak masuk melalui pintu hadapan gua itu. Kalau tidak harta benda itu akan hilang dengan sendirinya.

Pa' Belalang menjadi tokoh yang termasyhur di negeri itu. Kemasyhurannya tersebar luas di sana-sini. Beliau juga menjadi amat digemari oleh puteri Sultan yang bernama Puteri Bujor Sireh (Hashimah Yon).

Sultan Masai (Sharif Dol), raja sebuah negeri yang berdekatan dan juga seorang musuh lama kepada Sultan Beringin Rendang, datang berkunjung dan mencabarnya bertaruh dalam menyelesaikan beberapa buah teka-teki. Sesiapa yang kalah terpaksa menyerahkan jajahan takluknya kepada yang menang.

Sultan Beringin Rendang dengan sukacita menerima cabaran itu. Ini mendukacitakan Pa' Belalang yang diharap oleh Sultan untuk menjawab teka-teki itu dalam masa tiga hari. Pa' Belalang merancang untuk melarikan diri. Dia menyuruh anaknya mencuri sebuah perahu. Belalang tidak tahu bahawa perahu yang hendak dicurinya itu adalah kepunyaan Raja Masai. Sebelum dia sempat menolak perahu itu ke sungai, Sultan Masai serta rombongannya tiba di situ lalu Belalang terpaksa menyembunyikan dirinya di suatu sudut yang tersorok dalam perahu itu. Oleh yang demikian, apabila ahli nujum Masai memberitahu Sultan jawapan kepada semua teka-teki itu, Belalang dapat mendengar kesemuanya. Pa' Belalang membatalkan rancangannya untuk melarikan diri. Pada hari pertaruhan, beliau dengan megah menjawab semua teka-teki itu. Dengan demikian Sultan Masai telah kehilangan semuanya kepada Sultan Beringin Rendang. Pa' Belalang diberi anugerah sepenuhnya serta dilantik sebagai ahli nujum negeri oleh Sultan.

Oleh kerana amat dukacita atas kerugian teruk yang dialaminya, Sultan Masai bersetuju dengan rancangan dua orang pencuri itu untuk mendapatkan semula harta bendanya. Pencuri-pencuri itu berjaya menculik puteri Beringin Rendang. Sekali lagi, Pa' Belalang diberi tanggungjawab mencari tuan puteri oleh Sultan. Pa' Belalang kini benar-benar berada dalam keadaan sempit. Tetapi semuanya berakhir dengan gembira. Pa' Belalang bernasib baik kerana berjaya menyelamatkan tuan puteri serta membawa semua orang-orang jahat itu ke hadapan pengadilan. Sewajarnyalah pada akhirnya Pa' Belalang dapat berkahwin dengan tuan puteri. [Tamat]

Filem ini mempunyai barisan pelakon-pelakon bangsawan seperti Ahmad Nesfu, Udo Omar dan Babjan yang berlakon dengan amat baik. Lakonan pelakon kecil Bat Latiff amat berkesan; gerak-gerinya dan pengucapan senikatanya dapat mentertawakan orang. Beliau telah mendapat anugerah "Pelakon Kanak-Kanak Terbaik" bagi seluruh Asia pada tahun 1960, hasil lakonannya di dalam filem **Batu Belah Batu Bertangkup**.

Lagu *Ketipang Payong*, gubahan **P. Ramlee** dan tarian Ketipang Payong yang diciptakan oleh Normadiah merupakan satu tarian yang amat menarik.

Pada ketika itu, Radio Singapura ada menerbitkan ruangan *Dunia Filem*, yang mengandungi ulasan filem dan petikan adegan-adegan serta lagu-lagu yang terdapat di dalam filem yang berkenaan. Zaharah Za'aba telah membuat kupasan ke atas filem ini. **P. Ramlee** telah mengemukakan ulasan-ulasannya mengenai

perkara-perkara yang menjadi kemusykilan kepada pengulas-pengulas itu.

1. Mengapakah Pa' Belalang pakai pakaian seperti orang Hindustan?

Pakaian seperti itu ialah supaya kelihatan cantik dan sebenarnya bentuk pakaian adalah menjadi satu tiruan yang istimewa di kalangan orang-orang kita sejak dari dulu sampai sekarang ini. Lebih-lebih lagi di dalam istana-istana raja zaman purbakala. Satu masa dulu orang kita memakai tarbus seperti orang-orang Mesir dan sekarang pun banyak orang kita yang berpakaian barat sekalipun di dalam masa-masa yang bersuasana Melayu. Apatah lagi cerita **Nujum Pa' Belalang**, ada pula terdapat di kalangan orang-orang Cina, India dan mungkin juga bangsa-bangsa lain.

2. Mengapa Aziz Sattar dan S. Shamsuddin berpakaian perompak seperti Kepten Cook ?

Sebelum filem ini diputarkan saya telah menyanyi satu pantun yang memberi kenyataan bahawa cerita ini tidak diketahui bila berlaku dan di dalam tahun berapa berlaku bahkan ini cerita dongeng dan rekaan sahaja. Maka dengan demikian saya anggap bahawa cerita itu mungkin terjadi sebelum cerita Kepten Cook ataupun sesudahnya. Kalau cerita ini berlaku sesudah Kepten Cook misalnya, maka boleh jadi kedua penyamun itu pernah mendengar cerita-cerita mulut dari orang, kemudian mereka tertarik untuk memakai pakaian serupa itu dan kalau terjadi sebelumnya boleh jadi Kepten Cook pula mendengar cerita mulut dari orang yang mengatakan lanun Melayu pada zaman itu memakai pakaian demikian. Maka dia tertarik untuk menirunya. Tidak ada seorang yang dapat memastikan hal sebenarnya.

Dan pokok yang terutama dalam berpakaian serupa itu ialah supaya orang-orang ketawa kerana tak masuk di akal. Sememangnya kebanyakan cerita-cerita filem komidi itu adalah cerita-cerita yang diperbuat dengan kejadian-kejadian yang tiada dapat diterima sebagai satu kejadian yang benar. Ingat sahaja filem Bob Hope, Danny K Laurel dan Hardy dan baru-baru ini Three Stooges naik ke bulan?

3. Puteri Bujor Sireh pakai seluar ketat?

Sampai hari ini perempuan-perempuan di Aceh masih memakai seluar ketat seperti yang dipakai oleh Puteri Bujor Sireh itu. Bahkan pakaian demikian merupakan pakaian kebangsaan orang-orang di sana. Boleh jadi juga di zaman Nujum Pa' Belalang perempuan atau puteri raja memakai seluar demikian, kerana tidak ada dalam cerita yang menerangkan tentang pakaian sebenarnya puteri-puteri raja di zaman itu.

4. Mengapa gerak-geri penari-penari di dalam filem **Nujum Pa' Belalang** yang ada imbasan-imbasan tarian di Timur Tengah?

Saya tidak fikir begitu, kerana memang tidak ada dalam cerita itu yang menerangkan tentang bagaimana pakaian dan gerak-geri penari-penarinya. Gerak-geri tarian dalam filem itu digabung dari gerak-geri tarian Jawa dan tarian Melayu. Kalau hendak dikatakan berlebihan sangat gerak-geri tarian itu memang tidak salah. Sebagai contoh ada satu tarian Melayu asli yang bernama tarian *Dabush*. Tarian itu lebih lucah dan ngeri lagi gerak lakunya jika dibandingkan dengan tarian dalam filem Nujum Pa' Belalang itu pada hal tarian *Dabush* memang tarian orang-orang kita.

5. Tentang Belalang terlalu cerdik dan terlalu lepas berbahasa dengan ayahnya?

Sikap dan perilaku anak-anak tidak serupa. Ada anak-anak yang nakal dan cerdik melebihi Belalang dengan bahasa yang lepas terhadap orang tuanya. Dalam filem

ini anaknya yang kecil itulah yang mencari makan kerana banyak bergaul dan kerana selalu mendengar orang bercakap begitu maka dia termasuk dengan kata-kata itu. Apa lagi Pa' Belalang tak pernah mengajar anaknya dengan adab yang tertib dan bersopan.

6. Mengapa papan kira-kira dipergunakan di dalam masa perlawanan teka-teki?

Papan kira-kira digunakan semasa perlawanan teka-teki memang ganjil dan untuk orang ketawa. Sebab dalam cerita itu tidak ada diterangkan bahawa zaman itu orang sudah pandai menulis atau tidak. Saya buat saja orang sudah tahu menulis maka semasa diadakan perlawanan papan itu menjadi sebagai satu jalan yang mudah untuk rakyat negeri dapat mengetahui hasil perlawanan itu. Dan pokok yang utama supaya orang ketawa kerana itu adalah seperti perlawanan kriket atau besbol. [*Gelanggang Filem* - Tahun 3; Bil. 52 - 10 Januari 1960 muka surat 3 - tajuk: "Di antara Beberapa Perkara yang Terdapat dalam filem **Nujum Pa' Belalang**"]

## NUSANTARA FILM COMPANY

Beralamat di No. 4, Keramat Road, Singapura. Pengusaha syarikat ini ialah Hsu Chio Meng. Syarikat filem ini pernah menerbitkan filem-filem **Pelangi, Norma** dan **Perkahwinan Rahsia**. Filem **Norma** dibintangi oleh antara lain Salbiah Harun, S. Kadarisman, Salmah Ismail dan Daeng Idris yang juga sebagai pembantu pengarah. (Pengarahnya ialah Hsu Chio Meng sendiri). Di dalam filem **Perkahwinan Rahsia**, pelakon-pelakonnya, antara lain, ialah: Eloni Hayat ; S. Kadarisman dan Daeng Idris. Salmah Ismail menyanyi sebagai biduan di dalam filem itu. Filem **Pelangi** dilakonkan oleh Asiah, Ismail Mu Kassim dan Eloni Hayat, dan lagu-lagunya dicipta oleh Zubir Said. Barisan pelakon-pelakon ini, seperti S. Kadarisman, Salmah Ismail, Daeng Idris dan Eloni Hayat, kemudiannya berlakon di dalam filem-filem **P. Ramlee**. Salmah Ismail (Saloma), Asiah dan Salbiah banyak menyanyi berduet dengan. **P. Ramlee**.

# O

## OMAR ROJIK
[1925 - 1998]

Nama sebenarnya ialah Omar bin Ali. Beliau dilahirkan di Seberang Perak, Alor Setar. Beliau mempunyai kebolehan mendaya cipta cerita-cerita. Cerita-cerita **Semerah Padi** dan **Dr Rushdi** arahan **P. Ramlee** adalah cerita-cerita karangannya



*Omar Rojik*

yang difilemkan. Sebagaimana juga **P. Ramlee**, dalam zaman pemerintahan Jepun, beliau telah mendapat latihan dalam pasukan tentera laut Kaigun Dai Nippon. Apabila tiba di Singapura pada tahun 1950, beliau mendapat berita daripada sahabatnya mengenai peluang bekerja di Studio Shaws Malay Film Productions. Sahabat itu ialah penyanyi R. Azmi. Beliau mula bekerja sebagai buruh kasar dan tidak menolak sebarang tugas yang diberikan kepadanya, termasuklah dalam bahagian kamera, penjaga letrik dan jika perlu, sebagai pelakon tambahan. Kemudian, dia ditugaskan untuk mengurus kerja merakam dan menyesuaikan suara (dubbing). Beliau diangkat menjadi penolong pengarah. Cerita-cerita karangannya telah diterima untuk difilemkan, antaranya **Semerah Padi, Antara Dua Darjat** dan **Dr. Rushdi**, arahan dan lakonan **P. Ramlee**.

Omar Rojik dilantik oleh Shaw Brothers menjadi pengarah dalam tahun 1960. Beliau pernah menyatakan bahawa beliau "ingin menjadi seperti Orson Welles." [*Dunia Filem* - Bil. 3, 1952, muka surat 8]

Dia suka membaca akhbar, buku-buku dan majalah-majalah. Pada tahun 1949, karangannya yang bernama "Pelayan Kembali Lagi" telah memenangi hadiah kedua dalam peraduan karang-mengarang anjuran sebuah majalah Singapura.

## OSMAN AHMAD
[1910 - 1964]

Seorang tokoh muzik yang mula bertugas pada tahun 1948 sebagai pencipta dan penggubah seni irama di Malay Film Productions Limited, Singapore. Beliau berkata:



*Osman Ahmad*

"Sejak kecil lagi saya suka membuat perkakas-perkakas muzik daripada berbagai bahan-bahan biasa, seperti kayu, kulit dan lain-lain, dan saya paksa ayah saya membelikan gambus kecil" [*Majallah Filem* - Mei 1964, muka surat 13].

Sejak di bangku sekolah, beliau sudah mula belajar bermain muzik, iaitu bermain gitar. Beliau kemudian menjadi salah seorang ahli pancaragam dan penggubah lagu di Royal Star Opera, Singapura. Bersama-sama dengan rombongan Malam Bangsawan, beliau menjelajah ke seluruh Malaya, Indonesia dan tiap-tiap pulau dan negeri di Gugusan Pulau-Pulau Melayu. Beliau pernah menaja satu pasukan pancaragam yang diberi nama Singapore Malay Orchestra yang terdiri daripada enam belas pemain. Osman Ahmad bersama dengan Yusoff B, banyak mencipta lagu-lagu untuk filem-filem Melayu, yang dinyanyikan oleh **P. Ramlee** dan biduanita-biduanita yang terkenal. Osman Ahmad dan Yusoff B pernah menerangkan bahawa menggubah lagu-lagu untuk menjadi hiasan cerita-cerita filem adalah lebih rumit daripada menggubah lagu-lagu yang didaya-cipta untuk rakaman di piring-piring hitam; sebab tiap-tiap lagu untuk filem mesti disesuaikan dengan masa dan suasana yang menjadi latar belakang ceritanya.



*Osman Ahmad (kiri) dan Yusoff B*

## OSMAN GUMANTI

[1916 - ]

Dilahirkan di Minangkabau, Sumatera. Semasa kecil, dia sering melihat tarian Jawa, dan bakat seninya telah dipupuk semasa bersekolah di Jawa. Oleh kerana beliau terkenal sebagai seorang penari Jawa, beliau telah dijemput menari sampai ke astana Siak, Acheh dan lain-lain astana lagi. Beliau mengikuti rombongan Bolero ke Singapura, dan mempelajari pula tari kris dari Pa' Mustajab. Beliau mempertunjukkan tariannya melalui pentas-pentas sandiwara, dan dewan-dewan tarian (cabaret).



*Osman Gumanti*

Shaw Brothers meminati tarian-tarian beliau dan memintanya mempersembahkan tarian-tarian itu dalam filem **Chinta** dan **Nilam**, dalam mana **P. Ramlee** turut berlakon. Biarpun diberi peranan sebagai pelakon utama dalam filem-filem **Dewi, Murni, Aloha, Bapa Saya** dan **Pulau Mutiara**, beliau turut menari dalam filem-filem itu. Oleh kerana ingin namanya masyhur sebagai penari, beliau telah menolak tawaran oleh Shaw Brothers untuk menjadi pelakon tetap.

Sewaktu Constance Smith, seniwati Hollywood berada di Singapura pada tahun 1953, Osman Gumanti telah mengajar beliau asas tarian timur. Menurut seniwati itu, Osman Gumanti bersifat seorang penari yang ulung.

**P. Ramlee** menjadi pelakon utama dalam filem-filem **Bakti** dan **Takdir Illahi**. Tetapi, dalam filem **Aloha**, pelakon utama adalah Osman Gumanti, sedangkan **P. Ramlee** sebagai 'Banjo', hanya memegang peranan sebagai sahabat kepada pelakon utama itu. Peranan **P. Ramlee** adalah bagi menyerikan filem itu dengan lagu-lagu merdunya.

# P

## PANCHA DELIMA

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited, Singapore. Dibuat oleh Malay Film Productions Limited, Singapore. Tarikh dikeluarkan: 7 Julai 1957.

Hashimah Yon; *and introducing* Jins Shamsudin; co-staring: Udo Omar; Haji Mahadi; Aini Hayati; R. Suriani; R. Juminah; Shariff Dol; Mohd Rafee; Omar Suwita; Babjan; Zainon; Hassan Kadir; *guest stars*: S. Ramanathan, Aziz Sattar, S. Shamsuddin

Photography: A. Bakar Ali; Associate Cameraman: Chow Cheng Kok; Editor: H. R. Narayana; Audiography: Chong Chee Liat; Sword Instructor: A. Rahim; Art Director: M. Hanif; Dress Designers: Habsah; Mustapa; Laboratory: Chow Cheng Kok; Production Manager: Kwek Chip Jian

Music: **P. Ramlee;** Lyrics: S. Sudarmadji; Orchestration: Fred Libio; Lionel Ventura; Playback Singers: Salmah Ismail; Momo; Normadiah; Jamaliah Sheriff; Junainah; **P. Ramlee;** Choreography: Normadiah

Assistants: Director: S. Sudarmadji; Camera: S. Jumari; Sound: Chua Soh Tong; Art Director: Mustafa Yasin; Music: Kassim Masdor; Laboratory: Wong Hong Peng

Original Story: Run Run Shaw; Screen Play: **P. Ramlee;** Dialogues: S. Sudarmadji; Continuity: Tan Quee Sim

Directed by: **P. Ramlee**

Cerita: Ini merupakan suatu kisah mengenai dua buah negara yang sedang bermusuh-musuhan antara satu sama lain. Negara pertama terletak di dalam lubang kayu yang besar dan diperintah oleh seorang maharaja bernama Kukila Kenchana (Haji Mahadi), dan negara kedua yang bernama Kechubung Api pula terletak di dalam lubang bukit yang diperintahkan oleh seorang permaisuri bernama Chemara Jingga (Eloni Hayati). Permusuhan ini membawa dendam yang tidak berkesudahan.

Raja Kukila Kenchana ini pada akhirnya mendapat satu akal untuk memadamkan permusuhan tersebut secara mengahwini permaisuri Chemara Jingga. Fikirannya ini lalu dijadikannya sebagai satu perintah dengan mengutuskan beberapa orangnya ke negara Kechubung Api untuk meminang permaisuri Chemara Jingga. Kedatangan utusan Kukila Kenchana ini mendapat sambutan yang menguntungkan bagi pihak Chemara Jingga, dan peminangannya diterima.

Keputusan yang dibuat oleh maharaja Kukila Kenchana ini telah dibantah keras oleh puteranya sendiri, bernama Suria Kenchana (Jins Shamsudin) serta oleh panglima-panglimanya bernama Beringin Tunggal (Sharif Dol), Putih Gading (Kemat Hassan), Kerikil Tajam (Ali Fiji) dan Buluh Runching (Mohd Rafee). Tetapi, Kukila Kenchana menerangkan kepada mereka bahawa tujuannya mengahwini permaisuri Chemara Jingga ialah untuk merapatkan perhubungan yang selama ini bermusuh-musuhan itu. Walau bagaimanapun, putera raja ini tidak dapat menyetujui fikiran ayahnya.

Sampailah masanya istiadat kahwin dijalankan. Apakah yang terjadi? Tidak lain daripada penangkapan ke atas Maharaja Kukila Kenchana dan paksaan supaya

menurunkan tandatangan untuk menyerahkan negaranya kepada permaisuri Chemara Jingga. Siapa yang melawan, semuanya disumpah oleh Chemara Jingga melalui batu hikmatnya yang bernama Telaga Sapta. Mereka disumpah menjadi binatang pada siang hari tetapi kekal sebagai manusia pada malam hari. Ada yang menjadi lembu, ada yang menjadi kambing, ada yang menjadi kerbau, ada yang menjadi ayam, ada yang menjadi itik, ada yang menjadi ular dan macam-macam binatang. Ada juga yang menjadi semut. Akibat sumpahan pemaisuri Chemara Jingga melalui batu Telaga Saptanya itu, Putera Mahkota Suria Kenchana dan empat orang panglima maharaja tadi telah disumpah menjadi ular. Inilah asal ceritanya.

Maharaja Kukila Kenchana tidak disumpah oleh Chemara Jingga tetapi telah dimasukkan ke dalam penjara di dalam negaranya, dan pada tiap-tiap hari, orang-orang suruhan permaisuri datang kepada maharaja ini meminta tandatangan penyerahan negaranya yang tidak pernah pula diturut olehnya. Tinggallah Kukila Kenchana di dalam penjara negara Kechubung Api bersama-sama dengan ramai lagi pengikut-pengikutnya yang setia di dalam penjara lain, tetapi pengikut-pengikutnya ini semuanya telah disumpah.

Suria Kenchana dengan empat orang panglima yang telah disumpah menjadi ular itu berasa susah hati di negara ayahnya yang telah kosong itu. Pada suatu malam, datanglah seorang pendita dari dalam sebuah batu yang besar memberi nasihat kepada putera raja ini. Katanya, "Janganlah bersusah hati, carilah batu Pancha Delima yang hanya satu sahaja di dalam dunia. Sekarang ini ada dipakai oleh seorang gadis kampung bernama Teratai (Hashimah Yon). Hempaskan batu Pancha Delima ke atas batu Telaga Sapta nescaya akan mengembalikan semua orang yang disumpah menjadi manusia seperti sediakala dan memusnahkan sama sekali kekuasaan Chemara Jingga, tetapi perbuatan itu hendaklah dilakukan oleh Teratai sendiri. Kamu sekalian tidak boleh sama sekali memegang batu Pancha Delima itu. Kalau kamu akan terpegang akan kekallah kamu menjadi binatang sumpahan selamalamanyanya." Demikianlah petunjuk yang diberi oleh pendita tersebut.

Mulai dari malam itu berusahalah Suria Kenchana dengan empat orang kawan yang setia itu mencari gadis bernama Teratai yang dikatakan ada mempunyai batu Pancha Delima. Akhirnya dapatlah mereka berjumpa dan sekarang hanya ikhtiar hendak mendapatnya sahaja bersama-sama diri gadis itu sekali.

Pada suatu malam Suria Kenchana melihat Teratai sedang di dalam kesedihan menangis. Ayahnya telah ditimpa oleh sebatang kayu yang besar. Suria Kenchana dengan kekuasaan ghaib yang dimilikinya telah berjaya membantu gadis Teratai melepaskan ayahnya dari timpaan hebat pokok besar itu. Dia ingin tahu siapakah gerangan orang muda yang lawa yang membantunya itu dan dari manakah asalnya. Suria Kenchana hanya memberikan namanya sahaja dan berjanji akan berjumpa lagi pada malam hari. Karma (Uda Omar), ayah Teratai telah sembuh seperti sediakala berkat ubat yang hanya diambil dari rendaman Pancha Delima sahaja dilakukan oleh Teratai menurut suruhan Suria Kenchana.

Walaupun bekerja sebagai biasa, tetapi Teratai selalu hilang pada malam hari - keluar rumah menemui Suria Kenchana, orang muda yang telah menawan hatinya itu. Berjumpalah Teratai dengan Suria Kenchana pada tiap-tiap malam hari.

Kesenangan ini tidak lama dapat dinikmati oleh Teratai kerana pada suatu malam, rahsianya itu telah diketahui oleh dua orang kakak tirinya iaitu Tanjong dan Anggerek, dan mereka memberitahu kepada ayahnya. Melihat ini, Karma terlalu marah. Suria Kenchana dipukulnya teruk-teruk dan Teratai dipukul pula oleh kedua-dua orang kakak tirinya itu. Putuslah sudah perhubungan di antara kedua-dua remaja ini – Teratai telah tidak dibenarkan lagi keluar rumah pada malam hari.

Setelah gagal usaha pertamanya hendak mendapati Pancha Delima dengan pemiliknya sekali (Teratai), maka berundinglah Suria Kenchana dengan keempat-empat orang kawan setianya. Hasil perundingan ini, mereka telah mendapat suatu jalan yang agak baik, iaitu merampas Teratai dengan cara yang menakutkan.

Pada keesokan harinya, Karma telah takut apabila menjumpai empat ekor ular yang besar ketika ia sedang dalam perjalanan ke hutan mencari kayu. Ketika ia sedang hendak memotong sebatang pokok kayu, ia tiba-tiba dicegah oleh seekor ular yang lebih besar lagi. Ular ini hendak menelan Karma sambil menuduhnya sebagai seorang manusia yang tidak membalas jasa. Karma ketakutan sambil merayu tentang kehidupan anak-anaknya kelak kalau ia mati. Sang Ular pula mengusulkan supaya Karma hendaklah menukar jiwanya dengan jiwa salah seorang daripada anaknya, dan dengan jalan ini, Karma akan terlepas dari kematian yang dahsyat. Karma berjanji akan membawa anaknya sebagai gantinya, pada hari esoknya.

Karma telah pulang ke rumahnya dengan bersedih hati. Di atas pertanyaan anak-anaknya, Karma telah menceritakan pengalamannya, dan kemudiannya meminta supaya salah seorang daripada anaknya bersedia untuk menjadi gantinya. Tanjong dan Anggerek sama sekali tidak mahu menjadi ganti ayahnya. Teratai yang selalu hidup di dalam sengsara, dikutuk dan didera oleh kedua-dua orang kakak tirinya, dan berasa kecewa oleh kerana tidak dapat lagi menemui Suria Kenchana, bersedia menjadi mangsa ular menggantikan diri ayahnya. Karma bersama Teratai kemudian telah pergi ke tempat yang dijanjikannya dengan ular tersebut. Masa itu hari telah agak hampir senja.

Ular itu telah menyuruh Karma memetik sehelai daun sebagai hadiahnya dari sebatang pohon yang aneh yang terletak di atas sebuah bukit. Karma mula-mula bersedih hati, tetapi dia menjadi kagum apabila ternyata daun yang dipetiknya menurut petunjuk ular itu benar-benar menjadi daun emas. Teratai telah benar-benar menyerahkan dirinya untuk dimakan oleh ular yang ada dihadapannya. Tetapi anehnya ular itu tidak mahu memakannya; sebaliknya ular itu mahu Teratai menjadi isterinya. Teratai tidak percaya masakan ular boleh beristerikan manusia? Ular itu meminta Teratai menunggu sehingga matahari terbenam menjadi malam. Teratai berasa gembira kerana ternyata sekarang dia berhadapan dengan Suria Kenchana, pujaan hatinya. Teratai mula mengetahui sebabnya Suria Kenchana tidak dapat menemuinya ketika di siang hari. Suria Kenchana menjelaskan kepada Teratai bahawa dia telah disumpah menjadi ular pada siang hari dan sebagai manusia pada malam hari.

Teratai telah dibawa oleh Suria Kenchana ke dalam lubang kayu negara ayahnya (Kukila Kenchana) yang sudah menjadi sepi. Teratai diperkenalkan kepada empat orang sahabatnya: Beringin Tunggal, Kerikil Tajam, Putih Gading dan Buluh Runching itu. Teratai terpinga-

pinga melihat keadaan di dalam lubang kayu itu, dan dia ingin tahu riwayat negara Kukila Kenchana itu. Suria Kenchana lalu membawa Teratai ke dalam sebuah bilik di mana tersimpan sebuah batu bernama Chitra Bentala iaitu sebuah batu yang dapat bercerita.

Setelah kalung Pancha Delima diasapkan maka kelihatanlah pada batu Chitra Bentala suatu gambaran yang hidup yang menceritakan kisah riwayat asal mulanya permusuhan negara Kukila Kenchana dengan Kechubung Api, sebagaimana yang telah diterangkan pada permulaan cerita ini. Teratai pun mengetahui bahawa kalung Pancha Delima yang dipakainya selama ini benar-benar dapat menolong hidupnya sebuah negara yang sedang terancam oleh keganasan permaisuri Chemara Jingga.

Karma telah jadi kaya-raya dengan memetik daun emas itu sehelai sehari. Melihat kekayaan ayahnya itu, maka Tanjong pun mengintip, dan kemudiannya, dia memanjat pokok tersebut dan memetik sehelai daun. Ia kagum melihat daun itu menjadi emas dan oleh kerana itu dia memetik dengan lebih banyak lagi, berkelakuan seperti orang gila yang terlalu suka mendapat daun emas sebegitu banyak sekali. Tetapi dengan tiba-tiba, pokok aneh itu bergerak-gerak dan bersuara—sedikit demi sedikit pokok itupun menjelma jadi seorang jin yang gagah. Jin ini ialah sumpahan dari bentara guru. Dalam sumpahnya, ia akan menjadi jin semula kalau ada orang yang memetik daunnya lebih dari sehelai, dan orang yang memetiknya itu pasti bencana.

Tanjong dalam keadaan ketakutan dan menjerit-menjerit meminta tolong. Ayahnya yang sedang di dalam perjalanan pulang mendengar jeritan anaknya, lalu berpatah balik semula. Dia hanya dapat melihat jin tersebut melemparkan anaknya jauh ke angkasa. Kemudian, kelihatan jin itu terbang dan hilang di angkasa. Karma telah pulang dengan bersedih hati, sebagaimana yang dapat dilihat oleh Teratai melalui batu Chitra Bentala. Teratai telah mengadukan hal tersebut kepada Suria Kenchana. Suria Kenchana menyuruh Teratai pulang untuk menghiburkan hati ayahnya. Teratai pulang pada malam hari, dihantar oleh Suria Kenchana dan kawan-kawannya.

Karma telah menyambut kepulangan anaknya dengan perasaan girang dan juga takjub. Anggerek berasa iri hati melihat adik tirinya yang disangkanya telah mati itu mendapat pasangan seorang muda yang kacak. Beliau bertambah iri hati mendengar Teratai menceritakan kepadanya peri hikmat kalung Pancha Delima yang dimilikinya itu—dia tidak suka adik tirinya itu mendapat kesenangan. Anggerek telah mencuri kalung ketika Teratai sedang tidur. Dia segera berangkat ke negara Kechubung Api untuk menyerahkan Pancha Delima itu kepada Chemara Jinggga.

Permaisuri Chemara Jingga dengan menterinya (Sarka Dahana) amat gembira melihat datangnya kalung Pancha Delima tidak dengan gadis yang bernama Teratai. Menurut hematnya, negaranya akan tetap dalam selamat kerana ternyata sekarang bahawa kalung Pancha Delima yang ditakutinya akan menghancurkan negaranya oleh tangan gadis Teratai, sekarang dalam simpanan gadis lain. Negara Kechubung Api hanya akan musnah kalau Teratai menghempaskan kalung Pancha Delima ke atas batu Telaga Sapta.

Suria Kenchana setelah mengetahui bahawa Pancha Delima telah dicuri oleh Anggerek memutuskan untuk berangkat ke negara Kechubung Api bersama

dengan Beringin Tunggal, Kerikil Tajam, Putih Gading, Buluh Runching, Karma dan Teratai. Ketika siang hari semua bekalan dibawa oleh Teratai dan ayahnya Karma oleh kerana Suria Kenchana dan kawan-kawannya ketika itu menjadi ular. Hanya pada waktu malam sahaja kelihatan tujuh orang yang berjalan.

Dengan tipu daya yang licin mereka dapat memasuki pintu gerbang negara Kechubung Api dan menyelinap masuk ke dalam penjara. Mereka berjumpa dengan semua orang tawanan dan Suria Kenchana berjanji bahawa dia akan merampas kalung Pancha Delima kembali dan Teratai akan memusnahkan negara itu dengan menghempaskan Pancha Delima ke atas batu Telaga Sapta pujaan permaisuri Chemara Jingga.

Usaha mereka ini berjalan dengan licin dan berhasil dengan baik setelah berlaku pemberontakan di sana-sini dengan hasutan oleh orang-orang Suria Kenchana. Tibalah saatnya negara Kechubung Api dihanchurkan oleh Teratai dengan menghempaskan kalung Pancha Delima ke atas batu Telaga Sapta.

Anggerek telah terbunuh oleh lembing Sarka Dahana yang sebenarnya ditujukan untuk membunuh Teratai, tetapi terkena dada Anggerek.

Chemara Jingga yang cantik itu dengan tiba-tiba menjadi buruk dan tua sesudah Pancha Delima dihempaskan ke batu Telaga Sapta. Sarka Dahana terbunuh dalam perlawanan pedang dengan Suria Kenchana. [Tamat] (Sumber *Majallah Bintang* - 1956).

**P. Ramlee** telah menyediakan satu hadiah istimewa kepada sesiapa yang berjaya memberi nama yang sesuai dengan isi cerita filem ini. *Majallah Bintang* telah menyelenggarakan pemilihan ini. Sebelum nama yang sesuai itu dipilih, nama sementara cerita itu ialah **Anak Raja Ular.** Daripada surat-surat yang diterima hanya tiga orang sahaja yang mendekati dengan memberi nama-nama (i) Kembang Layu (ii) Teratai Emas, dan (iii) Geliga Ular. Akhirnya, **P. Ramlee** menamakan filemnya itu **Pancha Delima.**

Sebuah akhbar Inggeris telah membuat ulasan mengenai filem ini:

"... **P. Ramlee** telah membiarkan khayalannya merayau liar. Ini akan dapat anda perhatikan dalam keluarannya yang terbaru untuk Shaw Brothers iaitu **Pancha Delima** yang merupakan sesuatu yang benar-benar terkeluar dari alam yang nyata ini.

"Ia cuma khayalan!" ... **Ramlee** menjelaskan kepada pengkritik-pengkritiknya yang kebingungan sesudah berada begitu lama dalam alam legenda yang mengelirukan. Kemudian, dia dengan segera menambah "Sesuatu yang berlainan, awak tahu!"

Sudah pasti kita tahu. Lihatlah **Pancha Delima** sendiri dan cuba selesaikan perkara-perkara ini. Bagi mereka yang berperasaan mudah tersentuh atau sentimental, tanda yang pertama ialah suasana cerita Cinderella.

Kemudian terdapat bunyi latar yang berunsurkan cakerawala (di Hollywood di panggil 'electronics') dan 'gimmick' yang biasa terdapat dalam cerita-cerita kembara angkasa lepas. Kedua-duanya akan menyebabkan anda terpegun kehairanan. Sekarang kedengaran pula tiupan nafiri yang nyaring ... membawa anda kembali ke zaman silam manakala wira-wira berkuda berebutkan Silver Chalice ... Malah lengkap dengan kemunculan sebentar watak yang menyerupai Merlin tukang sihir itu.

Kekerapan bunyi "whoosh dan jampi mentera dan kemunculan ular entah dari

mana ..." mengingatkan kita cerita **Madame White Snake** yang kebetulannya suatu pengalaman baru bagi kita. Malahan, jin iaitu penjahat yang paling terkenal dalam cerita **Seribu Satu Malam** mempunyai beberapa baris dailog dalam **Pancha Delima** dan penerbangannya dari kurungan amat mengingatkan kemunculannya pada masa yang sudah-sudah.

Jelas bahawa **Ramlee** belum puas dengan rampaian cerita-cerita dongengnya. Beliau pergi setapak lagi dan dialognya dibuat dalam bentuk bahasa sajak yang sama ada akan menyeronokkan atau menyakitkan hati anda—anda sukakannya atau tidak.

Suatu sentuhan **Ramlee** ialah gaya penceritaan dan nyanyian **Ramlee** yang memberitahu penonton tentang penderitaan serta pembebasan Putera Suria yang hidup tersumpah sebagai ular pada siang hari.

**Pancha Delima** mempunyai ciri-ciri asli yang akan menyeronokkan penonton-penonton Melayu—babak kelakar, pergaduhan yang sengit, adegan cucuran air mata yang panjang berlarutan dan banyak nyanyian. Penyanyi kelab malam yang terkenal, Saloma, menyanyi bagi diri pelakon utama Hasimah yang memegang watak Cinderella, anak pemotong kayu, yang menyelamatkan Putera Syria dengan azimat ajaibnya.

Untuk sesuatu yang berlainan, inilah dia dan ... **Ramlee** patut diberi tahniah. Tetapi saya katakan ... "Ini semestinya bukan sesuatu yang baru!" [*The Singapore Tiger Standard* - 30 Jun 1957]. [Terjemahan]

## PANCHA SITARA

Ia merupakan sebuah badan paduan suara yang ditubuhkan oleh **P. Ramlee** dalam tahun 1960. Paduan suara itu terdiri daripada enam orang penyanyi iaitu: Aziz Jaafar (suara utama); Normadiah (nada tinggi); **P. Ramlee** dan Ahmad C (suara dua); dan Kassim Masdor (suara tiga). Radio Singapura mempopularkan pasukan ini dengan menerbitkan satu ruangan yang diberi nama Series Pancha Sitara. Rakaman pertama oleh Radio Singapura pada pertengahan bulan Ogos 1960 memuatkan 4 buah lagu yang disusun secara The Platters, berirama slow rock, iaitu *Aku Bermimpi, Senyum, Aku* dan *Menangis* (semua gubahan **P. Ramlee** dan senikata susunan S. Sudarmadji), dan sebuah lagu Indonesia bertajuk *Tuhurlah Wahai Mawarku*. Rakaman ini telah diperdengarkan pada 22 Ogos 1960 pada jam 8.00 pagi. Penerbit rancangan ini ialah Mohd Zain Hj. Hamzah. **P. Ramlee** pernah menerangkan bahawa dia akan mengambil beberapa buah lagu Melayu asli untuk disusun secara susunan baru ini; misalnya lagu *Selendang Sutra* dan sebagainya. [*Gelanggang Filem* Bil. 77 - 24 Ogos 1960 muka surat 2].

Pancha Sitara juga pernah mendendangkan lagu-lagu Melayu asli dengan seni kata seperti berikut:

*Sri Mersing*
Sri Mersing Lagu Melayu Lama
Diharap dengan penuh irama
Hati yang runsing jadi gembira
Mengenang bangsa sudah merdeka

*Tudung Saji*
Tudung saji daun mengkuang
Buatan anak Melayu jati
Niat di hati terus berjuang
Lagu Melayu tidak kan mati.

*Makan Sireh*
Sireh di kapur hujung-hujungan
Pinangnya muda dalam jambangan
Biarlah hancur tulang di badan
Lagu lama dibuang jangan

Instrumen muzik yang mengiringi nyanyian Pancha Sitara ini ialah: piano (Ahmad Kassim); Teno-saxaphone (Yusof B); Double Base (Osman Ahmad); dan Drum (A. Rahim). **P. Ramlee** sendiri memimpin band tersebut.

Kassim Masdor bekerja pada tahun 1963 sebagai 'continuity boy' di Studio Malay Film Productions. Beliau adalah salah seorang daripada pemain-pemain muzik, dan banyak mempelajari rahsia-rahsia mencipta muzik daripada penggubah-penggubah lagu di Malay Film Productions seperti **P. Ramlee**, Osman Ahmad dan Yusoff B.

Penyanyi utama Aziz Jaafar dilahirkan di Singapura. Beliau pemain teno-sax, dan belajar muzik di bawah tunjuk ajar penggubah lagu Yusoff B, ayah saudaranya. Suaranya yang cukup terlatih itu menjadi 'permata' yang amat tinggi nilainya kepada dirinya sebagai seorang pelakon layar perak, dan sebagai salah seorang daripada ahli pancaragam Pancha Sitara.

Menerusi Pancha Sitara, lagu-lagu Melayu telah dapat dikembangkan dengan cara baru, iaitu mengikut suasana pada masa itu, dan memperkayakan alam seni suara dan muzik kita.

Pancha Sitara berkumandang di udara Radio Singapura pada tiap-tiap dua minggu sekali, iaitu pada hari Isnin, dan ulangan pada hari Sabtu berikutnya.

Pada bulan November 1960, Pancha Sitara telah disusun semula dan diberi nama Pancha Sitara II. Di waktu yang sama, Normadiah telah menarik diri daripada kumpulan tersebut.

Pada bulan Disember 1960, Pancha Sitara II terdiri dari: Ahmad Daud; Saloma, Kassim Masdor; Ahmad C; S. Sudarmadji dan **P. Ramlee**; dan ahli-ahli muziknya terdiri dari Ahmad Wan Yet; Yusoff B; Osman Ahmad; dan A. Rahim. Pancha Sitara II telah merakamkan lagu-lagu berikut di Studio Radio Singapura,: *Di Waktu Bulan Purnama, Lukisan Purnama, Putus Sudah Kasih Sayang, Tudung Periok* dan *Aku Bermimpi* untuk dirakamkan ke piring hitam.

Dalam filem **Labu dan Labi**, orkes Pancha Sitara turut serta mengambil bahagian. Orkes Pancha Sitara dipimpin oleh **P. Ramlee**. Orkes Puspa Raya yang



*Pancha Sitara: (kiri ke kanan) Ahmad Daud, Kassim Masdor, M. Hamid dan P. Ramlee*

dipimpin oleh Yusoff B juga mengambil bahagian dalam filem itu.

Pihak Radio Singapura mendapat pelawaan dari Radio Indonesia untuk meminjamkan Pancha Sitara dalam rangka tukar-menukar siaran Radio Singapura dan Indonesia itu.

H. M. Rohaizad pernah menyusun lakon layar Pancha Sitara pada tahun 1961, tetapi **P. Ramlee** tidak dapat memulakan pembikinan filem dari cerita ini oleh kerana salah seorang daripada anggota Pancha Sitara, iaitu Salmah Ismail, pada masa itu bekerja di ibu kota Persekutuan, Kuala Lumpur.

## PANGGILAN PULAU

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited, Singapore. Dibuat oleh Malay Film Productions Limited, Singapore. Tarikh dikeluarkan: 4 Julai 1954.

**P. Ramlee**; *dengan* Normadiah; Yusuf Latiff; A. Rahim; Nordin Ahmad; S. Kadarisman; Salleh Kamil; Daeng Idris; Omar Rojik; *dibantu oleh:* S. Shamsuddin; Siti Tanjung Perak; Hashim Nor; Adek Rahman; Sa'amah, dll; *memperkenalkan:* Latifah Omar dan Ibrahim Hassan (Pendek)

Jurugambar: R. C. Purushotham; Jurusuara: Kamal Mustafa; Chua Soh Tong; Penyunting: H. R. Narayana; Wong Fun; Processing: V. Radhakrishnan; Dances: Edith Castillo; Art Director: J. S. Anthony

Pembantu: Jurugambar: A. Bakar Lahak; Jurusuara: Wong Shaw Lee; Juru penyunting: Lee Thiam Yiak; Continuity: Johnny Tan; Cherita dan penulis layar: S. Ramanathan

Lagu[2]: **P. Ramlee**; Yusuff B; Gurindam: Jamil Sulong

Pembantu pengarah dan senikata: S. Kadarisman

Diarahkan oleh: S. Ramanathan

Cerita: Zulkifli (**P. Ramlee**), seorang sais kuda, amat dibenci oleh majikannya, Johan, apabila beliau didapati berkasih sayang dengan Jelita (Normadiah) adik perempuan majikannya itu. Oleh kerana tidak lagi dapat menahan penderaan majikannya itu dan jiran-jirannya yang sombong, Zulkifli meninggalkan kampung dengan azam beliau akan pulang lagi sebagai seorang yang kaya dan berpangkat.

Zulkifli menjadi seorang kelasi dalam sebuah kapal dagang. Selepas kapal meninggalkan pelabuhan, Zulkifli berasa amat kecewa apabila didapatinya bahawa nakhoda sebenar kapal itu sedang dikurung dan diseksa dalam penjara kapal itu oleh nakhoda yang memberontak serta kuncu-kuncunya. Zulkifli cuba menyelamatkan nakhoda yang malang itu tetapi malangnya beliau juga diseksa dan dikurung. Zulkifli amat terperanjat apabila nakhoda itu membuka rahsia yang dijaga



*P. Ramlee dan Latifah Omar di dalam filem* **Panggilan Pulau**

rapi selama ini mengenai sebuah pulau bernama Kazambo di mana harta-benda yang tinggi nilainya tersembunyi di situ. Walau bagaimanapun sebelum beliau dapat merancang untuk melepaskan diri, kapal itu telah karam dipukul ribut besar. Zulkifli bersama dua orang kawan yang rapat dengannya, Omar (S. Kadarisman) dan Ramlee (Ibrahim Pendek) terdampar di pantai sebuah pulau yang tidak dikenali. Mereka disertai pula oleh Musa (A. Rahim) dan Shukur (Salleh Kamil), dua orang daripada kelasi yang memberontak di kapal itu. Nasib nakhoda dan anak-anak kapal yang lain itu tidaklah mereka ketahui. Sebaik sahaja mereka mengetahui tentang kedudukan mereka, mereka dikepung oleh orang-orang pulau yang kelihatan garang yang mengacukan tombak yang bersinar tajam ke arah mereka. Omba, ketua orang-orang pulau itu menyuruh mereka meninggalkan pulau itu serta-merta sebelum mereka dicincang; tetapi Zulkifli merayu kepada Omba supaya mereka dibenarkan berjumpa penghulu terlebih dahulu. Selepas lama dipujuk, Omba bersetuju pada akhirnya.

Penghulu itu mempercayai kata-kata Zulkifli yang mereka itu bukan datang untuk menimbulkan kekacauan seperti yang dilakukan oleh kebanyakan pelaut pada masa lalu. Penghulu amat sukacita lalu memerintah supaya diadakan suatu pesta besar bagi mengalu-alukan kedatangan Zulkifli dan kawan-kawannya. Zulkifli berasa bertambah gembira apabila mengetahui bahawa nama pulau itu ialah Kazambo seperti yang diberitahu kepadanya oleh nakhoda tua itu. Zulkifli yang baik hati itu disenangi dan disayangi oleh semua orang pulau itu dan anak perempuan Penghulu yang bernama Melati (latifah Omar) berangan-angan untuk menjadikan beliau sebagai suaminya. Walau bagaimanapun, Zulkifli terpaksa menolak hasrat Melati oleh kerana beliau masih amat mencintai Jelita.

Dalam pada itu, di kampungnya, Jelita terpaksa berkahwin dengan Husin (Yusoff Latif) oleh kerana abang Jelita amat banyak terhutang kepadanya.

Apabila Zulkifli sudah pasti di mana harta-benda itu disembunyikan, beliau meminta penghulu membenarkan beberapa orang penduduk pulau itu mengikutnya ke gua tempat harta-benda itu disimpan. Gua itu dianggap oleh orang-orang pulau itu sebagai tempat suci tetapi mereka terpaksa mengikut perintah penghulu mereka. Orang-orang pulau itu sungguh terperanjat mendapati apa yang dikatakan oleh Zulkifli itu benar apabila mereka masuk ke dalam gua yang penuh dengan harta-benda. Zulkifli meminta mereka bermalam di situ. Beliau bercadang pada keesokan harinya untuk menghantarkan kesemua harta-benda itu kepada penghulu.

Dalam pada itu, Musa dan Shukur bermuafakat dengan Omba untuk mendapatkan harta-benda itu bagi mereka sendiri serta menjadikan Omba sebagai penghulu pulau itu. Rancangan jahat mereka itu diketahui oleh Zulkifli yang terpaksa menentang mereka dalam suatu pertarungan yang hebat. Walaupun Zulkifli berjaya menewaskan mereka, kawan baiknya Ramlee telah ditikam semasa cuba melindungi Zulkifli. Musa tidak berpuas hati dan mencabar Zulkifli supaya bertarung lagi. Omba meminta mereka meneruskan pertarungan itu di laut Kazambo di mana untung nasib mereka akan ditentukan.

Selepas menyerahkan harta-benda itu kepada penghulu pada keesokan harinya, Zulkifli dan Musa pun bertemu di laut Kazambo. Pertarungan mereka yang sengit di laut itu disaksikan oleh semua pen-

duduk pulau. Akhirnya, Zulkifli mencapai kemenangan. Oleh kerana tidak puas hati, Shukur, kawan Musa, membalingkan sebilah pisau ke arah Zulkifli sebaik sahaja beliau naik ke darat. Zulkifli tercedera tetapi penyerangnya Shukur dikejar dan dibunuh oleh penduduk pulau.

Sesudah mengambil bahagiannya, Zulkifli pun meninggalkan pulau itu dengan hasrat untuk bertemu buah hatinya, Jelita. Tetapi dengan perasaan yang amat kecewa dia mendapat tahu bahawa Jelita telah berkahwin dengan Husin, orang yang pernah menyeksanya dahulu. Sekali lagi, Zulkifli meninggalkan kampungnya untuk bertemu dengan Melati, buah hatinya di pulau Kazambo dan tidak berniat untuk pulang-pulang lagi. [Tamat]

Filem ini adalah berdasarkan cerita *Wuthering Heights*, iaitu satu cerita romance Inggeris. Pengarah S. Ramanathan telah mengubah sedikit cerita itu. Di dalam cerita *Wuthering Heights* yang pernah difilemkan, anak muda itu mengembara ke Amerika untuk mendapatkan harta-pusaka daripada warisnya, dan kemudian kembali ke England untuk menebus malu. Di dalam filem **Panggilan Pulau** ini, Zulkifli (**P. Ramlee**) telah memperolehi harta terpendam daripada sebuah gua di sebuah pulau, berjumpa Melati, balik ke tempat asalnya dan mendapati bahawa kekasihnya telah berkahwin. Beliau balik ke pulau untuk bertemu kembali dengan Melati.

## PATAH HATI

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited, Singapore. Dibuat oleh Malay Film Productions Limited, Singapore. Tarikh dikeluarkan: 2 Ogos 1952.

**P. Ramlee**; Neng Yatimah; Musalmah; *dibantu oleh*: Muhammad Hamid; Jamil Sulong; Marliah Ahmad; Annie Jasmin; Ahmad Chetty; Fatimah A; R. Samiadji Widjaja; Malek Sutan Muda; Said Zain; Saidi

Juru Gambar: Chou Chan Kok; Juru suara: Chong Chee Liat; Pelukis Pemandangan: M. Sulaiman; Pembantunya: Rasul Hashim; Pengarang Lagu: Yusuf B; Gurindam: S. Sudarmadji; Tari Tarian: Edith Castillo; Penyunting Film: Bharatvir; Hayat Haris

Penolong : Jurugambar: Bakar Ali; Jurusuara: Yap Poh Kai; Continuity: G. Kollaart

Penolong Pengarah dan Senikata: Jamil Sulong; Cherita Di-Susun oleh: K. M. Basker

Diarahkan oleh: K. M. Basker

Cerita: Kasim (**P. Ramlee**), seorang pemuda yang mempunyai masa hadapan yang cerah, telah mendapat kejayaan yang amat cemerlang di sekolah. Bapanya Hasan (Ulong Jawa), bukanlah seorang yang cukup kaya untuk memberinya pendidikan tinggi di seberang laut. Sidek (Hashim Nor), sahabat karib Hasan dan tuan punya ladang yang kaya, mengambil berat tentang pemuda itu. Sidek mahu menjadikan Kasim sebagai menantu lalu membantu Hasan membiayai pengajian anaknya di luar negeri.

Kasim telah lulus dari University Cambridge dan kembali ke tanahair. Hasan dan Sidek berangkat dari Kuala Lumpur ke Singapura untuk menyambut kepulangan Kasim.

Sebelum bertolak balik ke Kuala Lumpur, Kasim telah mengunjungi sebuah kedai bunga untuk membeli benih-benih bunga tropika sebagai tanda mata untuk gurunya di London. Gadis jurujual yang melayaninya merupakan seorang yang lemah lembut serta mempunyai kecantikan dan tarikan yang luar biasa. Kedai itu tidak mempunyai benih untuk dijual tetapi gadis



*P. Ramlee dan Neng Yatimah dalam filem* **Patah Hati**

itu memberitahu Kasim di mana dia boleh mendapatnya.

Semenjak bertemu dengan gadis jurujual itu, Kasim ingin benar berhasrat baik dengannya. Didesak oleh hati yang sudah terpikat, Kasim membuat perjanjian pertemuan dengannya. Gadis itu memperkenalkan dirinya sebagai Rahimah (Neng Yatimah) dan memaklumkan bahawa ibu bapanya telah terbunuh semasa perang di Jakarta. Sebagai yatim paitu, dia datang ke Singapura. Kata Rahimah:

"Aku dan seorang saudara perempuanku berkejar ke kota raya Singapura untuk membuang nasib memberikan takdir mencorakkan nasibku sebagai timbulnya sabut atau tenggelamnya batu".

Kasim berasa amat simpati terhadapnya dan Rahimah pula amat tertarik dengan sopan-santun Kasim dan suka berada disampingnya.

Hasan selalu mendesak Kasim supaya pulang ke Kuala Lumpur tetapi Kasim terus mencari helah hinggalah Hasan mendapat tahu tentang Rahimah. Hasan berasa bimbang lalu memaksa Kasim pulang ke Kuala Lumpur dengan serta-merta.

Di Kuala Lumpur, Sidek mengadakan suatu majlis sambutan yang besar untuk Kasim, yang berasa gelisah lebih-lebih lagi apabila Sidek mengumumkan pertunangan Kasim dengan anak perempuannya, Salmah (Musalmah).

Semasa pulang ke rumah selepas majlis itu, Kasim membantah dengan kerasnya kepada bapanya. Dia memberitahu ayahnya bahawa Salmah bukanlah gadis idamannya dan dia rela mengabdikan diri sepanjang hidup mencari rezeki untuk menebus budi Sidek itu. Hasan amat marah atas pengakuan dan sifat anaknya itu. Di samping membantu pendidikan Kasim, Sidek juga telah memberi bantuan kewangan kepada Hasan semasa beliau sakit bertahun-tahun. Di saat akhir itu, beliau tidak dapat mencari jalan untuk menjelaskan kepada Sidek mengapa Kasim enggan berkahwin dengan anaknya. Orang tua itu begitu gugup memarahi anaknya hinggakan penyakit asthmanya menyerang semula. Dalam keadaan seperti itu, Kasim berasa tidak bijak dan tidak mungkin untuk membangkitkan kemarahan bapanya lagi.

Kasim bekerja di sebuah kilang getah kepunyaan Sidek tetapi Hasan menga-



*P. Ramlee dan Neng Yatimah dalam filem* **Patah Hati**

Dalam pada itu, Hasan bimbangkan kelewatan kepulangan Kasim dari Singapura dan memutuskan untuk pergi ke Singapura. Seperti yang diduganya, apabila sampai di Singapura, beliau melihat sesungguhnya Kasim sedang dilambung oleh bidai asmara bahagia dengan Rahimah. Dia mengambil keputusan untuk memutuskan tali persahabatan mereka. Beliau menunggu masa manakala dia boleh bertemu dengan Rahimah berseorangan. Di pertemuannya dengan Rahimah, Hasan menerangkan kepadanya tentang peristiwa budi terhutang disebabkan oleh Kasim serta merayunya supaya Rahimah jangan membuat perhubungan lagi dengan Kasim. Rahimah membisu mendengar keterangan itu. Cintanya terhadap Kasim adalah terlalu murni, dan beliau tidak hendak menghalang kejayaan Kasim. Dia berjanji akan melepaskan Kasim, akan tinggal di tempat lain dan tidak akan bertemu dengan Kasim lagi buat selama-lamanya. Biarlah hatinya patah tumbang sebagai korban, asal sahaja Kasim dapat menebus budi yang telah termakan itu.

Keesokan harinya apabila Kasim mengunjungi rumah Rahimah, didapatinya rumah itu lengang dan sepi dan hanya sepucuk surat yang tertinggal di situ, surat dari Rahimah yang meminta Kasim melupakannya.

Kasim kembali ke rumahnya di Kuala Lumpur dengan semangat yang sudah patah, semangat untuk hidup hilang entah

wasinya dengan teliti. Semua surat menyurat Kasim kepada Rahimah ditahan oleh Hasan. Kasim dengan perasaan yang cemas menanti jawapan kepada surat-suratnya daripada pujaan hatinya Rahimah.

Suatu peluang muncul apabila pada suatu hari, Kasim diarah oleh Sidek untuk mengambil alat mesin kilang yang baru tiba di Singapura. Hasan membantah sekuat-kuatnya keputusan Sidek itu tetapi Sidek tidak berganjak.

Tanpa membuang masa Kasim pergi mengunjungi Rahimah sebaik sahaja dia tiba di Singapura. Dari mulanya lagi mereka saling tertarik dan sekarang mereka tahu bahawa mereka saling meneintai. Air mata kegembiraan mengalir dipipi Rahimah apabila Kasim mencurahkan kasih sayang yang telah terpendam itu kepadanya.

ke mana. Tidak lama kemudian, dia dan Salmah dikahwinkan seperti yang dicita-citakan oleh kedua ibu bapa mereka. Mereka kemudian mendapat seorang anak lelaki yang diberi nama Yusuf (Mohd Hamid).

Bertahun-tahun kemudian, Kasim yang sudah menjadi seorang bapa yang berumur, diserang oleh penyakit jantung. Atas arahan doktornya, beliau pergi ke Pulau Pinang untuk bertukar angin. Pada suatu pagi, semasa bersiar dengan keretanya beliau lalu berhampiran sebuah kedai menjual bunga. Betapa tersintak hatinya melihat Rahimah sedang menjinjing sebakul bunga keluar daripada kedai itu. Rahimah mengenalnya dengan serta merta. Mereka berpegangan tangan tanpa berkata apa-apa. Merintih, Kasim berkata :

"Alangkah tersianya, zaman muda kita terbengkalai disebabkan oleh tindakan salah dari orang tua kita. Dahulu kau telah hilang dari sisiku, kini aku menemui kau kembali, aku tidak akan membiarkan kau hilang sekali lagi."

Rahimah telah mengeluarkan air mata yang bercucuran, sayu, pilu dan dengan tidak melahirkan sepatah katapun menganggukkan kepalanya tanda setuju. Kasim membawanya pulang ke Kuala Lumpur. Rahimah hidup secara tersembunyi sebagai kekasih Kasim di sebuah rumah yang lain.

Dengan sendirinya, peristiwa itu telah menimbulkan berita angin yang menuduh bahawa Kasim telah diperdaya oleh seorang perempuan yang hendak membolot harta dan kekayaannya. Salmah berasa bimbang mendengar berita angin itu lalu menyuruh anaknya Yusuf menyiasat hal itu. Yusuf bersemuka dengan Rahimah lalu mengeluarkan kata-kata yang menghina-hina ke atas Rahimah. Sedang Yusuf mahu meletakkan tangannya menjamah Rahimah, maka di saat itu Kasim muncul dari dalam bilik dan dengan marah yang amat sangat beliau berkata kepada anaknya:

"Kamu dan Ibumu berhutang segala-galanya ke atas dia. Kalau tidak kerana pengorbanannya kau tidak akan lahir di dunia ini."

Kasim tahu bahawa beliau harus mengawal perasaannya yang membahayakan nyawanya. Dia pulang ke rumah Salmah dan tiba-tiba diserang lagi oleh penyakitnya. Selepas mendengar Salmah berjanji akan berlaku baik terhadap Rahimah, Kasim meninggal dunia dengan tenang. Rahimah pula meninggal dunia akibat patah hati sebaik sahaja Yusuf membawa berita tentang kematian bapanya. [Tamat]

Filem ini pernah mendapat ulasan seperti berikut:

"Sebagaimana biasa filem-filem tempatan lebih menitik-beratkan nyanyian dan tarian-tarian. Lagu-lagu dan cara-caranya 'kehindustanan' ... **P. Ramlee** yang mejadi hero di situ kelihatan sungguh kaku dalam menjalankan peranannya sebagai seorang yang telah berumur lebih 20 tahun dari sejak dia kahwin" [*Filem Raya* Bil. 88 - 63. 1952 muka surat 18]

## PAWAGAM

**P. Ramlee** adalah orang yang mewujudkan perkataan ini, iaitu "akronim bagi



*"Queen Cinema" yang ditukar menjadi Pawagam P. Ramlee*



*Pawagam P. Ramlee*

panggung wayang gambar" [Kamus Dewan - edisi ketiga Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994 - muka surat 990]. Beliau bersama dengan H. M. Shah (Dato') telah menubuhkan syarikat Rumpun Melayu Film Sdn. Bhd., dan melukis sendiri logo syarikat, iaitu serumpun pokok padi yang subur daunnya. Syarikat Rumpun Melayu ini telah membeli Queen Cinema di Jalan Tuanku Abdul Rahman, dan dinamakan Pawagam **P. Ramlee**. Pawagam itu adalah juga merupakan pejabat bagi syarikat Rumpun Melayu.

## PELAKON-PENGARAH

Semenjak kecil lagi, **P. Ramlee** mempunyai cita-cita untuk menjadi orang seni. Setelah beliau sudah pandai melihat bintang-bintang Hollywood seperti Tom Mix dan Buck Jones, beliau memegang cita-cita ingin menjadi bintang filem. **P. Ramlee** telah bertolak bersama rakannya Sukardi dari Pulau Pinang ke Singapura pada tanggal 9 Ogos 1948. Beliau telah diundang oleh pengarah B. S. Rajhans. Di Malay Film Productions, beliau diberi "*screen test*". Memandangkan bakatnya yang terbayang pada *"screen test"* itu, maka, **P. Ramlee** diberi peranan kecil dalam filem **Chinta** (1948). Perjanjian kontrak beliau pada permulaannya adalah selama dua tahun, dan dalam tempoh itu, beliau telah berlakon dalam lapan buah filem kesemuanya. **P. Ramlee** telah muncul sebagai seorang pelakon yang dapat melakonkan berbagai-bagai peranan. Dalam filem **Chinta**, sebagai seorang jahat; dalam filem **Nor Asmara** (1949), beliau hanya menjalankan peranan sebagai seorang pemain muzik; sebagai seorang lawak dalam filem **Nasib** (1949), dan dalam filem **Nilam** (1949); dalam **Rachun Dunia** (1950), beliau balik memegang peranan sebagai seorang jahat. Pengarah L. Krishnan memilih **P. Ramlee** sebagai pelakon utama dalam filem-filem **Bakti** (1950), dan **Takdir Illahi** (1950). Sesudah dua kali menjadi pelakon utama, **P. Ramlee** berlakon dalam filem **Aloha** (1950) sebagai seorang pelakon pembantu, iaitu sahabat kepada pelakon utama, Osman Gumanti.

**P. Ramlee** pernah menyatakan:

"bahawa biarpun pendapatannya berlakon dalam tempoh dua tahun itu, tidak sebegitu memuaskan, di samping itu ada juga kegembiraan oleh kerana saya telah mendapat kesempatan untuk merekodkan suara saya di recording company",

Selepas dua tahun, beliau memutuskan untuk mengikat perjanjian yang baru selepas tamat perjanjian pertama. Kata beliau:

"Perjanjian kali ini membawa saya termenung sejurus oleh kerana tambahan gaji yang akan diberikan kepada saya tidak juga memuaskan, yakni sebanyak $200 sahaja pada tiap-tiap bulan - dan $250 sahaja pada tiap-tiap habis filem yang saya



*P. Ramlee, 1952*



*P. Ramlee, 1953*

lakonkan ... sudahlah pendapatan saya tidak memuaskan, di samping itu pula ia tidak membenarkan saya merekodkan suara saya lagi di recording company".

Pihak Shaw Brothers mengambil para pelakon secara kontrak. Jamil Sulong menyatakan bahawa di antara syarat-syarat kontrak yang dikenakan ialah: (1) tidak boleh mengadakan sebarang pementasan tanpa kebenaran bersurat daripada syarikat; (2) tidak boleh memberikan sebarang pendapat kepada sebarang pihak mengenai filem yang dilakonkannya atau apa-apa rahsia syarikat tanpa izin bertulis; (3) mesti menghadhirkan diri untuk latihan, tugas-tugas perfileman, rakaman dan sebagainya pada masa dan apabila dikehendakki; (4) tidak boleh membuat apa-apa perjanjian atau berlakon dengan syarikat filem lain semasa dalam kontrak dengan syarikat ini dan juga dalam masa enam bulan selepas berhenti daripada ikatan kontrak; (5) tidak boleh membenarkan gambarnya digunakan sebagai publisiti oleh sebarang orang atau syarikat tanpa kebenaran bertulis; (6) harus berlakon dalam sebanyak tiga buah filem sekian tahun ia mengikat kontrak dengan bayaran sebanyak sekian ringgit sebulan atau sekian ringgit bagi satu filem; (7) sekiranya sudah habis tempoh ikatan perjanjian tetapi ada bahagian filem yang dilakonkannya belum selesai atau perlu dipinda atau terpaksa diambil semula, dia mestilah sanggup menyempurnakan tanpa apa-apa bayaran; (8) sekiranya melanggar syarat-syarat yang dikenakan, syarikat boleh mendakwa dan meminta ganti rugi; (9) syarikat berhak memberhentikan artis tersebut daripada kontraknya jikalau didapati dia tidak memuaskan; dan, (10) untuk pakaian biasa di dalam filem lakonannya, artis haruslah menggunakan pakaian sendiri. [*Kaca Permata* (1990) muka surat 71.]

Pelakon-pelakon utama mendapat gaji yang lebih tinggi daripada pelakon-pelakon pembantu dan tambahan. **P. Ramlee** mendapat gaji sebanyak $250 sebulan; tetapi setelah mendapat kepercayaan penerbit dan apabila kemasyhurannya semakin meningkat, gajinya dinaikkan ke $600 sebulan. Artis juga diberi bonus apabila berlakon dalam sebuah filem, dan jumlahnya bergantung kepada 'populariti'

artis itu. **P. Ramlee** pada tahap kegemilangannya mendapat bonus sebanyak $30,000 untuk sebuah filem.

**P. Ramlee** telah dengan pantas mencapai kejayaan yang besar. B. S. Rajhans membawa dia ke dunia filem, tetapi pengarah L. Krishnan (sekarang Dato') yang membuat dia jadi 'bintang' filem bermula daripada seorang pelakon kecil yang berlakon sebagai orang jahat yang muncul di tengah-tengah cerita dan hilang sebelum filem-filem itu selesai. **P. Ramlee** pernah:



*P. Ramlee, 1954*

"merasai perkosaan bukan sahaja dari majikan, malah dari kawan sebangsa, pernah disuruh itu dan ini oleh seorang kawan ternama, menahan rasa **P. Ramlee** melakukan suruhan kawannya itu semata-mata untuk meminta tunjuk ajar dan pimpinan dari kawan itu." [*Album Bintang* 1957 muka surat 13 dan 14].

Filem **Takdir Illahi** arahan L. Krishnan, melonjakkan nama **P. Ramlee** sebagai bintang yang boleh diharapkan membawa dan memperkuatkan cerita.

Biarpun demikian, lakonan **P. Ramlee** di dalam beberapa buah filem tidak terlepas daripada kritikan penulis-penulis di dalam majalah filem. *Filem Raya* dalam ruangan 'Panggong Raya' (Bil. 37 - 62) menyiarkan kritikan filem **Anjoran Nasib** seperti berikut:

"Lakonan Inspektor Bahar (**P. Ramlee**) dalam beberapa bahagian tidak begitu memuaskan kerana Inspektor Bahar terutama sekali apabila berhadapan dengan ibu atau dengan kekasihnya, terlalu sangat manja. Sebagai seorang inspektor (sudah tentu terpelajar) tentu tidak mempunyai sifat 'manja' yang berlebih-lebihan".

Filem-filem lakonan **P. Ramlee** hampir semuanya mencapai "box-office". Penonton-penonton filem Melayu amat meminati lakonan dan wajah **P. Ramlee** oleh kerana beliau mempunyai perwatakan yang senyum manis dan suaranya yang membawa irama lagu-lagu yang merdu. Kekuatan **P. Ramlee** adalah kemampuannya melakonkan peranan seorang 'hero' yang boleh merayu kekasihnya, bukan sa-



*P. Ramlee, 1962*

haja dengan cuit dan senyum, malah lebih lagi dalam menyampaikan rayuan itu melalui seni lagu dan tarian. Di dalam banyak filem, **P. Ramlee** memegang peranan sebagai anak muda yang romantik, yang akhirnya berjaya memeluk kekasihnya selepas menjalani beberapa kejadian, terutamanya mempertarungkan tumbukan dan dengan merayu bersama-sama lagunya. Masyarakat Melayu pada ketika itu amat menyukai kepada filem-filem yang membayangkan kisah cinta. Bagi seorang penonton, **P. Ramlee** yang berlakon di atas layar perak bukan **P. Ramlee** 'film star' tetapi 'character' yang dilakonkan oleh **P. Ramlee** adalah penonton sendiri; tegasnya, 'bercinta' serupa **P. Ramlee** itulah yang menjadi angan-angan utama peminatnya itu.

**P. Ramlee** pernah menjelaskan:

"Saya selalu mengkaji dengan halus lakonan bintang-bintang filem British dan Amerika. Yang saya suka sekali ialah seniman Stewart Granger."

[*Utusan Film dan Sport*, May 1954 muka surat 27]

Beliau juga meminati Seniman Hollywood, Marlon Brando, dan seniman tanahair, Ahmad Nesfu.

Wee Kim Wee pernah menulis dalam *Utusan Film dan Sport* No. 79 - 4, May 1954 di muka surat 27 seperti berikut:

"Kalau dibandingkan dengan seniman-seniman filem barat, seniman yang memenangi Oskar *Utusan Filem dan Sport* itu bukan seorang yang besar badannya. Tingginya cuma 5 kaki 7 inci, beratnya 140lbs, kulitnya hitam manis dan matanya perang. Akan tetapi dalam filemnya dia sentiasa dapat menumbangkan musuh-musuhnya lepas seorang, seorang sebagai mana Errol Flynn mengalahkan Basil Rathbone dan lain-lain lagi dalam **Robin Hood** dengan pedangnya, dan akhirnya heroin-heroinnya kahwin dengannya.

Juga, **P. Ramlee** adalah seorang seniman yang baik—sedangkan Errol Flynn tidak terkenal sebagai seniman yang bagus. Bila dicampurkan segala-gala ini dengan



*Stewart Granger - diminati oleh P. Ramlee*

suara 'crooning'nya, maka penonton-penonton filem Melayu akan dapat melihat suatu filem yang dilakonkan oleh seorang pemuda yang lawa, bijak berlakon dan berkata-kata.."

Pengarah-pengarah dari India yang mengarah filem-filem lakonan **P. Ramlee** adalah terdiri daripada mereka yang telah sedia mempunyai pengalaman, seperti L. Krishnan, Phani Majumdar, B. N. Rao, S. Ramanathan, K.M. Basker dan B. S. Rajhans.

Pada tahun 1953, pembaca-pembaca majalah *Utusan Film dan Sport* telah memilih **P. Ramlee** sebagai "Pelakon Terbaik" bagi tahun itu, dan filem **Hujan Panas** sebagai "Filem Terbaik". Pada tahun 1956, **P. Ramlee** telah berlakon dalam filem **Anak-Ku Sazali** arahan Phani Majumdar. Beliau telah menunjukkan lakonan yang luar biasa—berlakon sebagai anak dan juga sebagai bapa. Di dalam setengah-tengah babak, anak dan bapa itu terpaksa ditunjukkan kedua-duanya sekali. Beliau telah mendapat anugerah "Best Actor" (Pelakon Terbaik) sekali di Asia, hasil lakonannya dalam filem itu. Selepas kemenangan itu, **P. Ramlee** membayangkan cita-citanya dengan berkata:

"Pada satu hari nanti, hendaknya akan dapatlah melihat salah satu dari gambar-gambar filem saya itu dipertunjukkan di Pesta Cannes".

Di samping pengarah-pengarah daripada India, seorang pengarah Filipina yang bernama Lamberto V. Avallena juga turut mengarah filem **Sergeant Hassan**, yang dibintangi oleh **P. Ramlee.** Pengarah itu telah sedia terkenal: dua buah daripada filemnya, **Anak Dalita** (1956) dan **Badjan** (1957) telah memenangi anugerah filem terbaik daripada *Academy of Movie Arts and Science*, serta lain-lain anugerah utama dalam *Asian Film Festival* pada tahun-tahun lima puluhan. Pengarah ini telah pulang ke tanahairnya sebelum filem tersebut siap betul supaya boleh ditayangkan. **P. Ramlee** telah berusaha menyusun semula filem tersebut di bilik editor, dan dalam bahagian-bahagian yang kecil perlu dilakukan penggambaran semula.



*Marlon Brando - diminati oleh P. Ramlee*



*Sharif Medan*

**P. Ramlee** juga digandingkan pada masa itu dengan seniwati-seniwati yang berkebolehan seperti Kasma Booty, Siput Sarawak, Rokiah, Neng Yatimah, Rosnani, Saadiah, Aini Hayati, Normadiah, Sarimah dan Latifah Omar. Pelakon-pelakon wanita ini, dengan mutu lakonan, wajah yang cantik dan kemasyhuran mereka sendiri telah bersama-sama menjulang kemasyhuran dan kegagahan **P. Ramlee**. Beliau juga berjaya memperkenalkan dan mendidik pelakon-pelakon seperti Jins Shamsudin, Sarimah, Noor Azizah, Sharifah Hanim dan lain-lain.

Kejayaan **P. Ramlee** dalam zaman awal filem-filem Melayu banyak juga bergantung kepada mutu lakonan pelakon-pelakon pembantu yang terdiri daripada bintang-bintang bangsawan yang diambil bekerja di Malay Film Productions, antaranya Aman Belon, Ahmad C.B., Siti Tanjong Perak, A. R. Tompel, S. Kadarisman, Jaafar Wiryo, Daeng Idris, Mustarjo, Malek Sutan Muda, D. Harris, dan artis-artis seperti Sharif Medan, Nordin Ahmad, S. Shamsuddin, Aziz Sattar, M. Zain, dan Udo Omar. Populariti dan mutu lakonan mereka telah banyak menyumbang kepada kemasyhuran **P. Ramlee** sendiri pada masa itu. Filem-filem awal keluaran Malay Film Productions dipengaruhi oleh ciri-ciri bangsawan - pelakon-pelakon masih terbawa-bawa dengan gaya atau aksi mereka semasa di atas pentas, termasuklah cara percakapan mereka.

Di samping Salleh Kamil dan S. Kadarisman, terdapat dua orang pelakon pembantu yang berjaya membawa watak orang-orang jahat dalam filem-filem lakonan dan arahan **P. Ramlee**. Mereka itu ialah A. Rahim dan Omar Suwita.

A. Rahim [1923 - 1992] mula diperkenalkan ke layar perak oleh L. Krishnan dalam filem **Rayuan Sukma**. Beliau berlakon sebagai seorang pemuda yang bersikap curang, dan lakonannya adalah 'natural'. Dengan kejayaan itu, be-



*A. Rahim dan Junainah*

liau diserahkan peranan penting dalam filem **Juwita**, sekali lagi sebagai seorang pemuda yang berniat busuk terhadap kekasih seorang temannya. Di dalam filem **Derita**, beliau diserahkan peranan sebagai seorang muda yang memandang serong terhadap anak isteri orang. A. Rahim pernah mendapat gelaran 'Zachari Scott' Malaya. **P. Ramlee** telah melantik beliau sebagai pengarah dubbing bagi filem **Antara Dua Darjat**, satu tugas yang berat. Ini adalah kali kedua **P. Ramlee** menyerahkan tugas yang besar itu. Kali pertamanya, A. Rahim telah dilantik oleh **P. Ramlee** sebagai guru bermain pedang di dalam filem **Pancha Delima**.

Omar Suwita [1926 - ] adalah seniman yang terkenal dengan sifat bengis. Cerita yang menarik mengenainya adalah daripada isterinya:

"Pada suatu malam Omar Suwita tiba-tiba terjaga dari tidurnya dan bangun duduk termenung di atas sebuah kerusi. Tiba-tiba dia bangun dan bercakap sendirian dengan air muka yang geram dan marah."

Isterinya seram melihat kelakuan Omar Suwita luar biasa itu, tetapi dia tidak berani pula berkata-kata.

Sesudah berlagak demikian, barulah Omar Suwita memberitahu isterinya bahawa esoknya dia akan berlakon dalam satu babak ganas dalam filem **Pancha Delima** arahan **P. Ramlee** sebagai penjahat ulung. Demikianlah cara-cara Omar Suwita kalau dia akan berlakon. Beliau gemar peranan jahat, dan mempelajari bagaimana bintang-bintang Hollywood dapat melakukan peranan jahat sehingga benar-benar hidup. Mereka bukan saja menunjukkan air muka yang ganas ketika marah, tetapi mereka dapat memberikan watak-watak seperti pergerakan mata, telinga, mulut, tekanan suara dan lain-lain lagi. [*Gelanggang Filem* 10 Mei 1960 muka surat 5]

Terdapat beberapa orang tokoh bangsawan yang berlakon dalam filem-filem yang dibintangi oleh **P. Ramlee**, antaranya Haron Omar [1888-1953] dan Yusof Banjar. Haron Omar berasal dari Medan dan menjadi tuan punya sandiwara yang bernama Chahaya Medan. Sandiwara ini menjelajah hingga ke Jakarta dan beberapa tempat lagi di Indonesia, dan hampir ke semua pekan-pekan di Malaya sebelum perang dulu. Haron menjadi pelakon pada tahun 1951, dengan mengikat kontrak dengan syarikat Malay Film Productions selama lima tahun. Antara filem-filem dalam mana beliau berlakon bersama **P. Ramlee** adalah **Anjoran Nasib, Miskin,** dan **Antara Senyum dan Tangis.**

Yusof Banjar [1914 - ] dilahirkan di Kota Minyak, Daerah Balik Papan, Pulau Borneo, dan merupakan seorang tokoh pentas dan panggung bangsawan. Berlakon dalam filem **Satu Malam di Singapura,** dan dengan **P. Ramlee** dalam filem-filem **Bakti, Rachun Dunia, Takdir Illahi** dan **Nilam**. Beliau adalah 'seniman tiga zaman'—iaitu tua dalam dunia seni semenjak dari panggung bangsawan, lalu ke zaman pentas sandiwara, dan kemudian ke layar putih.

'Pengarah' ialah manusia yang paling penting sekali dalam dunia perfileman. Seorang pengarah itu mestilah mahir dan bijak dalam tiap-tiap lapangan mengenai soal penyelenggaraan filem seperti ilmu karang- mengarang, pandai dan mendalami soal seni dan drama; mengenali seni muzik, seni suara, seni bunyi dan seni rakaman; kenal dan dapat membezakan mutu seni lukis; seni fotografi dan keluasan serta daya penangkapan tiap-tiap lens yang digunakan oleh movie camera; bijak dan mengetahui dengan sedalam-dalamnya



*P. Ramlee, Roomai Noor dan Umi Kalthum - 1957*

rahsia menyusun filem, mencetak filem, kekuasaan cahaya dan api dan beraneka ragam lagi. **P. Ramlee** telah menguasai sebahagian besar bidang-bidang ini dan bijak dalam seni muzik; seni penggambaran, dan bijak dalam ilmu karang-mengarang.

**Penarik Becha** (1955) adalah filem yang pertama diselenggarakan di bawah pengarah **P. Ramlee**. Beliau adalah orang Melayu yang kedua di Malay Film Productions diberi jawatan itu, selepas Haji Mahadi yang mengarah filem **Permata di Perlimbahan**. Apabila **P. Ramlee** diberi tugas pengarah, beliau telah sedia mempunyai banyak pengalaman, setelah menjadi penolong pengarah, pengarah muzik dan penggubah beberapa buah lagu untuk filem-filem yang terdahulunya. Run Run Shaw telah berpesan kepada **P. Ramlee**:

"Saya mengharapkan kejayaan sepenuhnya ... Ingat bahawa ini percubaan kau yang pertama, jangan terlalu terburu-buru dan jangan terlalu lambat. Saya juga mahu yang bermutu." [risalah: **Penarik Becha** terbitan Malay Film Productions - muka surat 9)



*P. Ramlee*

'Screen Play' filem ini ditulis oleh **P. Ramlee**, dan beliau sendiri yang menggubah lagu-lagu dan membuat muzik latarnya.

**P. Ramlee** mahukan lagu-lagu dalam filemnya disukai ramai supaya filem itu akan mendapat sambutan. Untuk filem **Penarek Becha,** beliau menggubah lagu-lagu seperti *Inang baru*, *Azizah*, *Engkau Laksana Bulan*, dan *Ombak Berdesir*, yang mempunyai irama yang mengasyikkan hati. **P. Ramlee** telah menggambarkan lagu *Inang Baru* dengan tariannya sekali. Menerusi filem **Penarek Becha, P. Ramlee** menunjukkan bahawa beliau bertapak pada zamannya. Beliau tahu peminatnya—bung-bung beca, dan lambang wanita seperti *Azizah*. Dia mengarang cerita **Penarek Becha** dengan keyakinan bahawa seorang penarik beca adalah sebaik dan setaraf dengan orang lain. Filem ini adalah merupakan permulaan usaha **P. Ramlee** memberi wajah Melayu terhadap filem-filemnya. Filem ini dipilih sebagai "Filem Terbaik" untuk tahun 1955.

**P. Ramlee** telah berlakon di dalam 24 buah filem di bawah arahan pengarah-pengarah India sebelum beliau diberi peluang untuk mengarah filem **Penarek Becha** pada tahun 1955. Oleh hal yang demikian, apabila mendapat peluang mengarah dan berlakon, beliau cuba mentafsir dan menilai hidup manusia Melayu sebagai individu, dan di dalam keluarga dan masyarakat. Beliau memperlihatkan nilai-nilai manusia Melayu, dan hubungannya dengan Tuhan, agama, dan unsur-unsur budaya seperti kepercayaan, adat-resam dan pandangan hidup.

**P. Ramlee** dikatakan terpengaruh oleh karya pengarah bangsa Jepun, Akira Kurosawa, dalam filem **Rashomon**. Filem itu telah memenangi, pada tahun 1951 "The Academy Award for Best Foreign Film" serta anugerah "Best Film" - *The Golden Lion of the Venice International Film Festival.*

Kurosawa adalah seorang peneroka dalam penggunaan kanta panjang dan kamera-kamera yang boleh bergerak cepat. Semua cerita-ceritanya berlatarbelakangkan negeri Jepun dan mengolah beberapa peristiwa penting dalam sejarah Jepun serta kepekaan orang-orang Jepun terhadap perkara-perkara seperti maruah dan harga diri. Filem **Rashomon** merupakan suatu kajian psikologi mengenai kerumitan dan kelemahan pemikiran manusia. Dengan berlatar-belakangkan Jepun di zaman feudal, ia menceritakan suatu pembunuhan dan rogol melalui mata beberapa orang saksi. Penggunaan kamera oleh Kurosawa telah berjaya memaparkan adegan-adegan secara berkesan jika kita perhatikan lensa kamera menumpukan ke muka si isteri, dan juga tenungan yang tidak berganjak-ganjak mata suami yang telah terhina itu. **P. Ramlee** mempunyai daya kreatif mengenai penggunaan kamera untuk memberi kesan yang tinggi terhadap beberapa 'scene' di dalam filem-filemnya, terutama sekali penggambaran adegan-adegan di dalam filem **Semerah Padi** yang menunjukkan pengaruh Kurosawa. Dalam satu 'scene', Dara mengaku berzina, dan pada ketika yang sama, ibu dan ayah Taruna memulangkan hantaran pertunangan. Dalam 'scene' itu, camera mengarahkan lensa kepada keris dan lembing sebagai 'background scene', dan kemudiannya menumpukan kepada keluh kesah penghulu yang menunjukkan dua imej, iaitu, menanggung rasa malu dan perasaan marah dengan perbuatan Dara berzina dengan Aduka.




*Akira Kurosawa*

Di dalam filem **Semerah Padi, P. Ramlee** memperlihatkan kebudayaan Melayu. Pada peringkat permulaan filem itu, diperlihatkan orang-orang kampung bekerja beramai-ramai di sawah padi dengan semangat bergotong-royong. Ketinggian budi bahasa orang Melayu dipersembahkan: Dara menunjukkan kehalusan budi bahasa kepada ayah (penghulu) dan ibunya; apabila melintasi orang tua, Dara berjalan dengan tertib dan tunduk hormat. Sirih adalah dihidangkan kepada tetamu dan dijamukan sebagai hantaran pertunangan Dara dengan Taruna.

Kekuatan filem **Semerah Padi** adalah juga berdasarkan unsur-unsur keislamannya. **P. Ramlee** menunjukkan menerusi filem ini bahawa orang-orang Melayu di dalam lengkungan budaya mereka adalah berteraskan ajaran Islam.

Selaras dengan ajaran Islam, perzinaan antara Borek dengan Sahara mengakibatkan mereka dihukum sula; perzinaan antara Aduka dengan Dara disudahi dengan hukuman sebat seratus kali dan dinikahkan.



*P. Ramlee - Pengarah*

Persoalan keadilan di dalam agama Islam dibuktikan oleh **P Ramlee** di dalam filem **Semerah Padi**. Penghulu **Semerah Padi** mengingatkan:

"kita semua beragama Islam yang taat kepada undang-undang agama ... andai kata, ada sebarang seorang yang melanggar perintahku, aku sebagai penghulu akan menghukun kamu menurut undang-undang agama."

**P. Ramlee** di dalam editorial *Gelanggang Filem* Bil. 61 - tahun 3, 10 April 1960, antara lain, menulis mengenai filem agama seperti berikut:

"Membuat sebuah filem agama tidak semudah membuat filem-filem cerita yang dapat ditambah dan dikurang menurut kehendak pengarah, kerana filem agama mempunyai pertalian yang erat dengan batin manusia, terutama kepada



*P. Ramlee - Pengarah*

penganut-penganut agama yang bersangkutan ... Barangkali membuat filem agama seperti yang diperbuat oleh orang-orang Hollywood itu, tidaklah sepayah membuat filem-filem yang diambil dari cerita-cerita Islam. Kerana agama Islam mempunyai hukuman yang keras dalam soal kepercayaan ini, maka agama Islam selalu menggalak supaya jangan sampai timbul pendewaan, sendi-sendi yang menjadi kepercayaan umat Islam jangan sampai diperolok-olokan dan sebab itulah usaha-usaha untuk membuat sesuatu filem agama selalu harus sangat hati-hati sekali."

Masyarakat Melayu dalam filem **Ibu Mertua-Ku** dan **Antara Dua Darjat** memperlihatkan sistem feudal. Golongan elit Melayu daripada kalangan 'Tengku' (Tengku Mukhri), dalam **Antara Dua Darjat** dan Dr Ismadi dalam **Ibu Mertua-Ku** dilambangkan dengan paip, pijama, berkot dan bertali leher, pistol dan juga senapang dan adanya piano di rumah kediaman yang menunjukkan gaya hidup golongan ini. Walau bagaimanapun, **P. Ramlee** bijak memperseimbangkan keadaan itu dengan memperlihatkan bahawa diri Melayu yang lain terus hidup dengan menunjukkan permainan sepak raga dan kumpulan orkestra yang mendendangkan lagu keroncong dalam filem **Antara Dua Darjat**.

Filem-filem **P. Ramlee** banyak memperkatakan perbezaan sosial yang wujud akibat perbezaan darjat, keturunan dan kekayaan yang memisahkan hidup antara manusia. Hubungan antara kelas-kelas manusia ini tidak boleh terjalin dengan begitu mudah, walaupun melalui perkahwinan seperti dalam filem **Ibu Mertua Ku** ataupun cinta sehidup semati dalam filem **Antara Dua Darjat**. Perkahwinan dan cinta lebih merupakan saat kesudahan yang mengakibatkan pertembungan yang



*P. Ramlee*

keras antara kelas, dan antara kaum, seperti yang dilihat dalam filem **Gerimis.**

**P. Ramlee** juga telah cuba mengarah filem yang bercorak fantasi. Beliau mengarah filem **Pancha Delima** (1957) yang dilakonkan oleh Jins Shamsudin (sekarang bergelar Dato'). Pelham Groom yang pada masa itu merupakan antara pengkritik filem yang berpengaruh, membuat penilaian terhadap filem itu seperti berikut:

**Pancha Delima** ialah sebuah filem Melayu, dalam bahasa Melayu untuk orang Melayu dan orang Melayu akan menikmati setiap detik filem ini.

Ceritanya, atau mungkin lebih baik memanggilnya kumpulan cerita-cerita kerana mengingatkan kita cerita **Cinderella, Pencuri Baghdad** dan sedikit **Hamlet**, mengisahkan seorang putera raja (Jins Shamsuddin) yang disihir oleh emak tirinya (Aini Hayati) hingga menjadi seekor ular pada siang hari.

Beliau hanya dapat membebaskan diri dari sumpahan itu sekiranya dia bertemu dengan kalung ajaib **Pancha Delima** yang mungkin saudara tidak terperanjat mendengar, sedang menghiasi leher jinjang anak perempuan seorang pemotong kayu (Hasimah) yang kebetulan pula mempunyai dua orang kakak tiri yang hodoh serta dengki.

Suatu dongeng yang enak didengar tetapi amat diperbesarkan hingga tidak menyenangkan.

Jins Shamsuddin merupakan penemuan Shaw Brothers yang terbaru. Beliau seorang pemuda yang kacak dengan gaya yang bersahaja yang harus dengan cepat boleh menjadi terkenal sekiranya berada di bawah pengarah-pengarah yang baik.

Saya tidak sangsi langsung bahawa filem ini akan amat berjaya tetapi ia jauh dari sempurna terutama dalam pengendalian kemasukan dan potongan yang selalunya tidak kemas.

Adegan-adegan perlawanan pedang adalah tidak bermutu, hampir-hampir tidak dapat diterima akal tetapi sebagaimana saya katakan ia dimaksudkan sebagai sebuah cerita dongeng.

Mutu lakonan adalah tinggi dan arahannya cekap kecuali terdapat beberapa kesilapan kecil dan muziknya pula melambangkan Ramlee di tahap kecemerlangan." [Terjemahan]

**P. Ramlee** banyak memaparkan kuasa Allah di dalam filem-filemnya. Di dalam filem **Sumpah Orang Minyak, P. Ramlee** memegang watak Si Bongkok, yang hodoh rupanya dan cacat anggotanya. Dia bertanyakan kepada Tuhan apakah dosanya sehingga kewujudan dirinya sedemikian cacat. Sekiranya di alam nyata ini Si Bongkok tidak dapat kenikmatan hidup, Allah Yang Maha Pemurah berkuasa memudahkan manusia itu ke alam lain,



*Kiri ke kanan: Omar Rojik, Musalmah, Harun Omar dan Rosnani dalam filem* Miskin

ke alam bunian dalam filem **Sumpah Orang Minyak** untuk merasai kenikmatan hidup.

Mengenai filem-filem komidi, **P. Ramlee** [di dalam ruangan editorial *Gelanggang Filem* tahun 3 Bil. 52 - 10 Januari 1960] antara lain telah menulis seperti berikut:

"Kita telah melihat filem-filem kelakar Amerika dan Inggeris. Meskipun filem itu diperbuat berdasarkan sesuatu cerita yang telah ada, namun berbagai-bagai tambahan telah dilakukan, sehingga terasa kepada kita bahawa benda itu tak masuk akal ataupun sebagai satu hal yang mustahil, tetapi barang yang tak masuk di akal dan mustahil itulah yang menimbulkan geli hati kita.



*P. Ramlee - Pengarah*

Membuat sebuah filem drama dan filem sejarah tidak banyak susahnya. Ada tak adapun hanya dalam menyediakan alat-alatnya sahaja, tetapi membuat filem kelakar adalah lebih payah lagi, sebab selain daripada kelakuan dan senikata yang mesti menimbulkan lucu maka alat-alatnya pun harus ada yang boleh menggelikan hati pula.

Dan soal pakaian dalam filem kelakar pun sebenarnya termasuk dalam bidang yang serupa itu pula."

**P. Ramlee** menerangkan minat mengarah dan berlakon dalam filem komidi:

"Sungguhpun filem **Antara Dua Darjat** itu telah menjayakan minat saya sebagai persembahan filem yang menjadi cermin kepada penontonnya, tetapi saya masih percaya dari memberi kiasan dan pengajaran dengan cara hiburan. Dari itu persembahan filem yang berupa komidi, adalah jurusan yang lebih sesuai."

Sebagaimana juga bagi filem-filem dramanya, **P. Ramlee** adalah penyanyi, penggubah lagu, pemain muzik, pengarah muzik, dan pelawak dalam filem-filem komidinya. Lawak **P. Ramlee** bukan lawak 'Slapstick', tetapi penuh makna dengan pelbagai kiasan dan sindiran.

Filem **Pendekar Bujang Lapok** begitu menarik perhatian di Indonesia. Majalah *Aneka* No. 13 pernah menyiarkan sebuah makalah oleh "Sinaro" bertajuk "**P. Ramlee** Bukan Budjang Lapok—ia sutradara,



*P. Ramlee dengan 'Oscar'nya - 1954*

penulis scenario, bintang muzik dan dialog." Berikut merupakan sebahagian daripada makalah yang berkaitan dengan filem **Pendekar Bujang Lapok** yang telah disiarkan:

"Karena banjak sekali hal-hal jang menarik di dalam film **Pendekar Bujang Lapok** jang dapat kita dijadikan bahan perbandingan dengan film bikinan dalam negeri kita ini. Akan kumulai mengomongkannja padamu!

**Pendekar Bujang Lapok** di mulai dengan scene orang naik sampan, jang mengingatkan aku seakan' berada di Kuala Sungai Siak dekat Bengkalis. Opname ini sangat berhasil sekali! Diselangi dengan MCU wadjah tukang dajung jang ekspressip! Tjoba kau sebutkan film Indonesia jang manakah jang berhasil membuat opname orang bersampan? Belum ada bukan? Karena membuat shot beginian riskiren banjak hal sekali, sebagaimana jang telah kau alami sendiri pula. Crew dan alat-alat bisa ketjemplung dilaut. Walaupun misalnja camera ditarohkan diatas motorboot, atau pelampung lainnja, namun hal demikian ini haruslah dikerdjakan dengan penuh ketabahan dan kesungguhan adanja. Djadi discene pertama ini sadja kau sudah dapat mengartikan bahwa film **Pendekar Bujang Lapok** itu telah dikerdjakan dengan penuh tjermat, sungguh' kendatipun film itu hanja sebuah komedi hiburan bersahadja adanya.

Mimik kerja berat, sipendajung itu kemudian dipersuakan dengan kebergadjulan beberapa orang tenteng tempat penjeberangan, siamseng' jang kerdjanja hanja anggar djago, korupsi, mengganggu wanita, dan kerdja seenaknja sadja, jg lambat laun setjara gradueel meningkat menjongsong climaxnja pada sebuah 'tension' jang seru sekali, pada achir sequence. Bajangkanlah olehmu! Orang sebalai bertjakak banjak. Pernahkah Indonesia membuat scene sematjam itu? Film apa? Jang orang'nja berkelahi dan pada berdjatuhan kelaut?

Malin,

Sequence pertama ini aku sebutkan adalah sequence tegang, djadi setelah selesai bahagian ini kita belum tahu apa kah tjorak sebenarnya film **Pendekar Bujang Lapok** ini. Mulanja aku sangka tentu suatu



*Daeng Idris*

drama jang berat, sungguh pun Azis salah seorang dari tiga musketir Ramlee-Sudin-Azis dengan perantaraan beberapa shot pendek telah diperlihatkan mulai mengge-likan perut penonton. Tetapi sesudah masuk kesequence kedua, barulah kentara bahwa film **Pendekar Bujang Lapok** sebuah - komedi adanja. Disequence kedua ini kita ditemukan oleh sutradara **P. Ramlee** pada kenangan opera vaudeville Harold Lloyd di tahun² tiga puluhan dengan kata-kata njanjian jang menggelitik. Pada garis besarnja kedua sequence ini sangatlah kontras satu sama lainnja, djustru pertentangan mana menundjukkan bahwa daja kreasi dari scenario-writer **P. Ramlee** alphabetis konkrit pula, djadi sesudah suasana tegang-kasar disambut dengan suasana lembut ringan.

Seperti aku sebutkan tadi, sequence pertama itu terdjadinja di atas tempat penjeberangan. Tahukah kau apa jang menarik hatiku tentang sequence ini? Ialah motif tempat penjeberangan itu!! Adakah pernah sineas kita mengambil motif sedemikian? Kita tahu di Indonesia djuga banjak terdapat tempat seperti itu! Ponton penjeberangan ratusan banjaknya di sini. Jang djuga tak kurang artinja dalam kehidupan manusia kita sehari2nja. Ingat sadjalah penjeberangan Muara Mahat, Rantau Berangin, 16 Ilir di tengah kota Palembang umpamanja. Semuanja ini adalah sebagian dari hidup kita. Tetapi mengapakah sineas2 kita tak dapat menjenderkan screen play mereka pada latar-belakang motif jang beginian?

Banjak lagi motif kehidupan jang lain jang kiranja dapat diangkat buat membungai buku-rintji sebuah film. Dari latarbe-

lakang kehidupan jang sangat dekat dengan manusia kita, tarohlah remilling karet, tambangminjak, tambangtimah, pengambilan madu lebah, dsb., jang dapat mempromovir tjerita pada realisme diperfilman.

Scenario **Pendekar Bujang Lapok** sangat lantjar, Lin, terang sadja bahwa tidak terkedjar oleh film kita. Menurut Has, mungkinlah baru Tiga Dara jang dapat menandinginja. Baiklah aku uangkapkan sedikit tentang ini!

Untuk meningkatkan suasana scenarist tak tjukup hanja membuat adegan tjenteng memukul dan menghardik kirikanan atau memberikan "pelajanan" pada wanita sadja, tetapi ia tulis pula seorang tjenteng mengambil pisang jang tengah didjindjing oleh orang jang sedang antri menunggu sampan, selain itu suara suling jang ditiup oleh Ramlee selalu pula mengisi off-scene adegan perkelahian pendekar Mustar (nama Mastur dan Mustar didjadikan pula buat bahan tertawaan!) diluar pintu, jang diisi dengan insert shot orang² dengan bermatjam ragam raut muka saling terdiam menanti achir perkelahian itu.

Sungguh banjak hal² jang dapat dipudjikan, seperti ada lagi zig-zag editing antara scene² bertjerita (1) pendekar Mustar kepada muridnja, dengan (2) tjenteng kepada kawan²nja: tentang kehebatan perkelahian mereka. Waktu pendekar Mustar akan mandi, kepadanja diberikan oleh isterinja sebuah kendi dan handuk, ketika ia pergi setelah dibuka dari ikatannja, isterinja tak lupa membawa kembali kendi dan handuk itu masuk rumah. Begitu pula ketika Mustar puas menerangkan dirinja bukan lah tjobaan jang menurut anggapan murid²nja, karena kegemasannja ia tak tjukup memukul² kepalanja sadja, tapi djuga lantas berguling² di tanah menambah kegelian kita.



*P. Ramlee – pengarah*

Malin, sesugguhnja entah di mana akan aku titik beratkan pembitjaraan mengenai film **Pendekar Bujang Lapok** ini, kerana aku berkesimpulan film ini dari segala segi sadja komplit dan kompak sekali, lebih berikan, sedangkan tjelanja sedikit sekali, jang sebenar²nja kalau bukan mata orang² film jang melihatnja tentu tidak akan kelihatan, ialah tentang kelalaian script-girl mentjatat bahwa kebaja Rose Yatimah waktu dilarikan tjenteng² ada lah pandjang, tetapi ketika kembali ke rumah lagi kebajanja pendek adanja. Mustahil, kan? Sungguhpun begitu akan kuuraikan setjara ringkas "sadja".

Decorsetting untuk sebuah film hiburan ringan djuga baik. Ada jang luar biasa ialah fungsi sebuah gang jang menghubungi kamar, satu dengan kamar lainnja, di mana gang itu betul² telah mendjadi penghubung bagi kelantjaran tjerita buat para penonton. Outdoor opname sudah djelas tak mendjadi bahan omongan lagi, seperti aku sebutkan se-



*P. Ramlee (dengan trofi "Most Versatile Talent" bagi filem* **Ibu MertuaKu**) *dan Saloma*

tidaklah mendjadi perduli, halmana sangat menimbulkan effek realistis, jang kau tahu aku sendiri sangat setudjui.

Camera angle; sutradara **P. Ramlee** walaupun belum pernah membuat suatu CU, tampak djuga angle' jang diberikannja sangat dinamis, dalam MCU dan MLS. High-angle shot dari atas tangga penjeberangan ke arah perahu, dibuatkannja pemanis dengan sebuah tangan difore-ground sedang mengikatkan tali ketiang, begitu pula angle adegan Mustar menjuruh anaknja Rose makan, adalah penempatan subject ditiga tempat sesuai dengan aesthetika pemotretan jang indah.

Editing; hal montage inilah jang menambah aku memudji banjak lagi film **Pendekar Bujang Lapok**.

mula, tjontohnja jang istimewa ialah penjeberangan itu.

Lighting, dalah hal ini kita harus memberikan sebuah tjatatan chusus hendaknja. Seperti djuga methode pemberian lighting pada film' Djepang misalnja adalah film **Pendekar Bujang Lapok** mempergunakan static-spot pula, memberikan penjinaran tidak seperti film Indonesia jang setiap peran berdialog dispot mukanja hingga timbul asosiasi di dalam se buah kamar terdapat beruluh-puluh booglamp adanja, tetapi lighting disentralisir pada suatu tempat, waktu karena gerakan siaktir mukanja akan mendjadi gelap samasekali

Dengan permainan camera jang lantjar, ditambah lagi scenario jang baik, editingnja film inipun menambah kesempurnaannja. Sehingga kau lihatlah, seakan tiada sebuah shotpun jang longgar hubungannja dengan shot jang lain. Satu dengan lainnja ditata dengan baik, antaranja jang aku sebutkan zig-zag cutting di atas.

Tjerita: ada djuga jang patut dibitjarakan. Tjerita film ini dilihat sepintas lalu memang ringan tak berarti sadja nampaknja. Dan memang tjerita sebagai fungsi film hiburan sudah tentu demikian adanja! Film ini mentjeritakan tiga orang anak muda jang setjara kebetulan bertemu den-

gan seorang djago silat. Mereka dalam keinginan dijadi pendekar mengabdi pada djagoan itu, dan salah seorang dari tiga sekawan ini terlibat dalam tjinta dengan anak gadis sipendekar. Nona dilarikan oleh bandit, bapak nona terikat, anak muda bertarung dengan sibandit, dan menang. Sederhana sadja! Boleh dikatakan tak ada arti apa'kan?

Tetapi ada hal ini lain jang memikat hatiku, ialah memasukkan tjara-tjara orang beladjar ilmu gaib, jang masih banjak terdapat , malah berurat berakar di dalam kehidupan manusia kita pula. Orang beladjar djampi'! Guna'! Ingin kebal! Bisa hilang! Untuk itu mereka berani mengerdjakan sesuatu jang menjiksa diri mereka, sebagaiman jang dikehendaki oleh gurunja. Persoalan' ini telah diungkapkan oleh sienas **P. Ramlee** dengan sinis menggelikan! Orang' melihat setan dan sebagainja, sehingga bila gurunja sendiripun jang datang, masih sadja dianggap si mambang atau djin.

Menurut pengetahuanku *Hebob* djuga pernah mengemukakan hal ini dengan Tjepot Udel menjahuti seorang jang sedang minta' pada "embah-dipo", tapi mengemukakan peristiwa ini setjara praktik senias **P. Ramlee** sangat berhasil.

Malin,

Lain hal lagi jang ingin aku kemukakan padamu! Ialah mengenai tokoh **P. Ramlee** tok! **P. Ramlee** jang oleh sebahagian penonton kita hanja lebih dikenal sebagai aktir sadja. Dan sedikitlah jang merperhatikan kebolehan'nja sebagai se orang seniman film.

Di dalam film **Pendekar Bujang Lapok** ini kau akan dapat menjaksikan sendiri betapa daja kreasi jang ada pada dirinja. Ia adalah seorang seniman jang allround! Aku lebih tjondong menamakannja seorang ultra-seniman adanja! Mungkinlah tiada seorangpun sineas jang mempunjai kemampuan' jang bermatjam-matjam seperti **P. Ramlee**. Ia bolehlah aku golongkan dengan seorang Charlie Chaplin dari Asia Tenggara!

Kenapa tidak? Kau lihat sadja kemampuan' apa jang diperlihatkannja dalam pembuatan film **Pendekar Bujang Lapok** ini! Selain sebagai sutradara, ia djuga penulis scenario! Djuga dialog scorer. Djuga music scorer! Menjanji play back! Selain kesemuanja itu ia djuga turut bermain, sebagai aktor! (Aku teringat film **Limelight** jang aku tonton di Singapore, di mana lagu *Eternally* jang digubah oleh Chaplin djuga dimasukkan, dan hampir semua bagian difilm itu adalah dipegang oleh Charlie Chaplin!).

Hampir semua bahagian adalah **P. Ramlee** jang mengerdjakannja. Dan melihat kebolehan' jang dipunjainja itu dapat lah kau membajangkan bahwa **P. Ramlee** adalah dapat digolongkan seorang seniman film jang paling di atas sekali tempatnja di samping kawan nja di dunia perfilman Asia Tenggara sekarang. Aku pertjaja Malin bahwa di waktu-waktu jang akan datang **P. Ramlee** akan muntjul dengan karya jang lebih sempurna lagi! Suatu hal jang agak unik djuga diperdapat dalam film ini, ialah arrangement musik illustrasi adalah pentjampuran antara irama Melayu dan gamelan Djawa.

Aku simpulkan Malin, film **Pendekar Bujang Lapok** adalah menundjuk sebuah tjontoh jang aku bilangkan, bahawa Indonesia nampaknja telah ketinggalan dewasa ini oleh Malaya! Apakah ketinggalan ini bisa dikedjar? Inilah sebuah tandatanja." [Tamat]

Filem **Musang Berjanggut** mengingatkan kita supaya berhati-hati dan tidak terpengaruh dengan 'cerdik pandai' yang mulia di zahir, tetapi sebagai ketam

menyuruh anaknya berjalan betul. Filem **Nujum Pa' Belalang** pula mengajar kita supaya hidup jujur kerana manusia jujur diberkati Allah. Di dalam filem ini, **P. Ramlee** jelas membidas golongan miskin yang pemalas untuk berusaha. Pa' Belalang dalam filem ini digambarkan seolah-olah akur dengan apa yang ada. Ketabahan Pa' Belalang menelan kopi dari serbuk arang dengan sinis menyindir golongan ini.

Filem-filem komidi **P. Ramlee** juga menyentuh golongan ningrat dan bangsawan. Di dalam filem **Musang Berjanggut,** sultan diibaratkan sebagai kuda, Bendahara pula menjadi patung, manakala Datuk Nikah Kahwin menjadi musang, ini merupakan satu sindiran masyarakat yang cukup pedas.

Filem **Nasib Si Labu Labi** boleh dimasukkan ke dalam senarai filem-filem yang melukiskan kisah masyarakat - gambaran masyarakat yang dilihat dari sudut jenaka dan lucu, dan padat dengan ibarat, penuh dengan hiasan dan hebat dengan teladan.

Haji Bakhil yang telah tua dan kematian isteri menunjukkan perangai "tua, tua keladi, makin tua makin menjadi", semakin jinak beliau dengan Cikgu Murniati, makin berubah sikap dan gaya Pa' Haji yang lokek dan kedekut itu. Dia sudah lupa mengikat serban, dia dah tak hiraukan kain pelekat, bergaya dengan kot dan pentelun dan tali lehernya, sekejap-sekejap menyisir rambut, kerana ingin sangat melihat dirinya segak dan kacak, terutamanya apabila berhadapan dengan Cikgu Murniati.

**P. Ramlee** juga membidas sifat-sifat negatif yang tak baik yang ada pada setengah pihak golongan miskin. Di dalam filem **Bujang Lapok,** dapat dilihat watak bapa angkat Safiah yang kaki arak, berjudi dan menghisap ganja, sehingga sanggup menjualkan maruah anak angkatnya kerana tabiat berjudinya itu.

Dalam pada itu, **P. Ramlee** juga memberikan gambaran yang baik kepada golongan berada: contohnya Abdul Wahub yang kaya dalam **Tiga Abdul,** dan Ali Baba dalam **Ali Baba Bujang Lapok** masih bermurah hati untuk bersedekah kepada fakir miskin. Begitu juga beliau menganjurkan Pa' Belalang yang tidak melupakan golongan miskin setelah menjadi kaya.

Menurut **P. Ramlee**:

"Mengarahkan sebuah filem komidi adalah lebih susah daripada bercorak drama. Hanya seorang yang berkebolehan dan mahir saja yang berjaya mengarahkan filem-filem komidi. Banyak pengarah-pengarah filem bercorak drama yang terkenal, tidak sanggup mengarahkan filem komidi. Charlie Chaplin sendiri mengakui tentang kesusahan mengarahkan filem-filem komidi itu. Kita boleh memberi orang menangis selama tiga jam berturut-turut, tetapi susah ada orang yang sanggup memberi ketawa selama itu juga. [*Utusan Filem dan Sport* 22 Mei 1965.]

**P. Ramlee** ada juga mengarah filem-filem komidi sebagai hiburan, bahan-bahan mimpi, dan untuk angan-angan sahaja. Biarpun demikian, beliau mementingkan seni lakonan yang tinggi mutunya, hidangan layar perak yang dapat diikuti dan difahami dengan mudah oleh penonton-penonton. Di dalam filem **Labu-Labi, P. Ramlee** menunjukkan kecekapan dan kemahirannya menyusun, menggubah dan menyerikan cerita dengan berbagai-bagai adegan yang menawan hati penonton-penonon semua bangsa dan peringkat umur: misalnya Tarzan yang menguasai belantara raya, lebih mengidamkan nasi yang berulamkan sambal belacan; menaip surat untuk meminta tam-

bah gaji; dan juga adegan 'koboi' dengan papan-papan kenyataan yang memaparkan orang-orang dalam "Wanted List" pihak yang berkuasa.

Sejak beliau bertugas di Merdeka Film Productions, beliau masih tercari-cari apa yang sebenarnya yang dikehendakki oleh penonton-penonton filem Melayu. **P. Ramlee** membuat cerita seram **Si Tora Harimau Jadian**; membuat komidi dalam filem filem **Masam-Masam Manis, Sabaruddin Tukang Kasut, Anak Bapak, DO RE MI, Nasib DO RE MI**, dan **Laksamana DO RE MI**, cerita-cerita drama, dan juga menggabungkan pelakon-pelakon antarabangsa seperti dalam filem **Sesudah Subuh** dan **Gerimis**. Beliau terus mencipta cerita dan lakon layar sendiri, sebagaimana cerita **Kanchan Tirana**: biarpun merupakan satu kisah purba, namun cara menceritakannya dan cara **P. Ramlee** mengatur-olah penggambarannya dan lain-lain lagi semuanya berbentuk baru, sesuai dengan kemahuan penonton filem semasa.

**P. Ramlee** berusaha menarik penonton-penonton Melayu dengan mengarah filem-filem drama masyarakat. **Dr Rushdi** adalah kisah penderitaan batin seorang lelaki yang menjadi mangsa isteri yang tidak memahami segala kesulitan hidupnya, iaitu satu daripada kenyataan hidup yang sering dialami oleh suami-suami di zaman ini. **Jangan Tinggal Daku** adalah sebuah filem drama yang memaparkan adegan-adegan jenayah: inilah pertama kali **P. Ramlee** sejak beliau menjadi pengarah menjalinkan ke dalam skripnya perbuatan-perbuatan jenayah di samping drama hidup bercinta sayang. Filem **Gelora** arahannya adalah merupakan persembahan drama luar biasa, drama hidup yang penuh tragedi, berpunca daripada ketiadaan persefahaman dalam soal-soal pergaulan, bercinta dan berkasih sayang serta kelonggaran dalam mengamalkan soal-soal kahwin dan cerai.

Ketika **P. Ramlee** di Jalan Ampas, beliau bekerja dengan keadaan yang lebih selesa, cukup dengan pekerja-pekerja yang mahir dalam tiap-tiap cabang untuk menghasilkan sebuah filem. Di studio Merdeka Film Productions, **P. Ramlee** terpaksa berkerja dalam lingkungan pekerja-pekerja yang serba baru pengalaman dan serba kekurangan pengetahuan. Tambahan pula, banyak menghadapi kekurangan peralatan. **P. Ramlee** juga amat sedar bahawa tema-tema cerita adalah penting, dan oleh itu berusaha mengatasi kekurangan-kekurangan yang ada padanya dengan memilih tema-tema perpaduan. Filem-filem **Sesudah Suboh** dan **Gerimis** adalah persembahan-persembahan yang membawa keadaan masyarakat yang berbagai kaum.

**P. Ramlee** juga pernah menyatakan bahawa untuk mengatasi kekurangan-kekurangan itu:

"Niat saya kalau keadaan bertambah maju, hendak mengambil beberapa orang bekas pelakon bangsawan untuk dijadikan pelakon tambahan filem arahan saya. Ini sudah ditunaikan, saya beri bayaran yang agak memuaskan, dan kalau keadaan bertambah baik semua bekas-bekas pelakon bangsawan itu akan saya pelawa" [*Utusan Filem dan Sport* - 22 Mei 1965]

**P. Ramlee** banyak dibantu oleh artis-artis bangsawan seperti Mahmud June, dan A. R. Tompel, serta artis-artis yang telah terkenal seperti Sarimah, Latifah Omar, Kasma Booty, Siput Sarawak, Jins Shamsuddin dan Yusof Latiff untuk berlakon dalam filem-filemnya keluaran Merdeka Film Productions.

Sekarang ini (1999), beliau telah meninggal selama 26 tahun tetapi beliau masih

hidup dalam sanubari orang Malaysia oleh kerana beliau telah menyentuh mereka melalui filem-filem dan lagu-lagunya. Hampir semua orang Malaysia pernah mendengar namanya. Anak-anak yang lahir lama sesudah beliau meninggal dunia (1973) mengetahuinya dan menikmati kelakarnya yang mudah dan mencolek itu. Tidak ada tokoh hiburan yang lain yang meninggalkan kesan yang begitu besar di Malaysia. Rangkaian-rangkaian televisyen telah menayangkan filem-filemnya di bawah rancangan seperti "Pesta Filem **P. Ramlee**", "Theatre **P. Ramlee**", "**P. Ramlee** Special" dan lain-lain berulang kali. Filem-filem itu nampaknya tidak kehilangan daya tarikan dan tidak siapa pula yang bersungut. Filem-filem ini telah menjadi bertambah baik melalui proses digitalisasi. Apa yang menakjubkan mengenai filem-filem ini bukannya kenangan manis yang dibangkitkan di kalangan mereka yang membesar pada zaman manakala filem-filem **P. Ramlee** merupakan hiburan utama, tetapi kesannya ke atas anak-anak muda Malaysia. Banyak ungkapan kata daripada filemnya telah menjadi perkataan yang digunakan hari-hari sekarang ini seperti 'angau' (berangan kerana cinta), 'kapur' (meminjam sesuatu dengan sengaja tidak memulangkannya), 'cubaan' (suatu gangguan yang berlaku semasa bertafakur yang harus dianggap sebagai ujian terhadap iman), 'ulat bulu' dan 'mambang'. Dialog, lagu-lagu dan muzik filem-filemnya, sama ada yang bercorak drama sosial yang menyayat hati, muzikal, lawak jenaka ataupun epik sejarah, nampaknya berada di bibir anak-anak yang cukup umur untuk memahami dan menirunya...

Sesungguhnya, *Di Mana Kan Ku Cari Ganti*. Selepas mati beliau terus hidup.

## MAJLIS PENAPIS CHERITA

Sebuah badan yang ditubuhkan di Malay Film Productions. Tugas badan ini adalah untuk menentukan dan menyelidik sesuatu cerita sebelum ia dijadikan filem. Selain daripada tugas itu, badan ini juga telah membincangkan aneka soal yang berhubung rapat dengan urusan dan kepentingan sesuatu persembahan yang dilaksanakan. Anggota-anggota Majlis itu pada suatu ketika terdiri daripada pengarah-pengarah **P. Ramlee**, Jamil Sulong, Omar Rojik, penolong-penolong pengarah H. M. Rohaizad, Kemat Hassan, S. Sudarmadji; seniman S. Kadarisman, dan anggota-anggota badan pengurus MFP iaitu T. K. Lee; Kwek Chip Jian dan Jaffar Abdullah.

## PENARIK BECHA

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited, Singapore. Diperbuat oleh Malay Film Productions Limited, Singapura. Tarikh dikeluarkan: 30 Oktober 1955.

**P. Ramlee**; *with* Salleh Kamil; Saamah; Habsah; Umar Suwita; Fatimah Osman; Kemat Hassan; Muhammad Hamid; Shariff Dol, Zainon, *and introducing* Udo Omar.

Photography: R. C. Purushotam; Audiography: Mok Chek Pok; Story, screen play and music score: **P. Ramlee**; Orchestration: Fred Libio; Lionel B. Ventura; Lyrics: Jamil Sulong; Dialogues: S. Sudarmadji; Film Editor: H. R. Narayana; Art Director: J. S. Anthony; Laboratory Chow Cheng Kok; Lee Mong Nam; Production Manager: Kwek Chip Jian

Assistants: Director: S. Hassan Sahab; Photography: A. Bakar Ali; Audiography: Wong Shauk Lee; Film Editor: P. V. John; Art Director: Rasul Hashim; Labo-




ratory: Wong Hong Peng; Continuity: Zaleha

Directed by: **P. Ramlee**

Cerita: Amran (**P. Ramlee**) yang tidak mempunyai pelajaran tinggi hanya dapat mencari nafkah sebagai seorang penarik beca. Dia juga merupakan harapan ibunya yang sudah tua dan berpenyakit. Sungguhpun demikian, Amran adalah seorang pemuda yang murah hati dan kesayangan rakan-rakannya. Pada suatu malam, Amran telah mengalami satu kejadian di mana Ghazali (Salleh Kamil) dan kawan-kawannya telah berlaku biadab terhadap seorang gadis Azizah (Saadiah) yang menjadi penumpangnya.

Amran sangat berbesar hati atas perasaan terima kasih Azizah, yang telah mempengaruhi ayahnya yang bakhil supaya menyewa beca Amran untuk menghantarnya ke sekolah menjahit tiap-



*Saemah dan P. Ramlee dalam filem* Penarik Becha



*P. Ramlee dan Saadiah dalam filem* **Penarik Becha**

tiap hari. Dengan itu dapatlah Amran menambahkan pendapatannya yang selalu tidak mencukupi untuk membayar sewa rumah dan belanja mengubat ibunya.

Pada suatu petang, ketika dia menghantar Azizah pulang ke rumah, Amran berasa hairan apabila mendapati Ghazali berada di dalam rumah Azizah. Kedatangan Ghazali adalah bertujuan untuk menyampaikan pesanan orang kaya Marzuki (Udo Omar), ayah Azizah yang telah mendapat kemalangan dan terpaksa berubat di hospital untuk beberapa hari. Azizah sendiri tidak ingin melihat Ghazali, tetapi dia terpaksa menemani ibuya ke hospital bersama-sama Ghazali. Azizahlah yang selama itu menjadi impian hati Ghazali. Ghazali cuba mengaburi mata orang kaya Marzuki dengan bersikap jujur, dan berpura-pura sebagai anak orang hartawan. Marzuki telah terpengaruh dengannya, lalu meletakkan kepercayaan ke atasnya supaya melihat-melihat keluarganya sementara dia berada di hospital.

Azizah tidak mudah dipengaruhinya, dan beliau lebih mengambil berat terhadap Amran.

Perhubungan Azizah dan Amran adalah perhubungan yang jujur. Azizah kasihan melihatkan penghidupan Amran dan ibunya, dan berjanji akan menolong Amran untuk melanjutkan lagi pelajarannya di sekolah malam. Ghazali pula cuba meracuni fikiran orang kaya Marzuki mengenai perhubungan Amran dan Azizah. Oleh itu, sesampainya sahaja Marzuki ke rumahnya dari hospital, dia memberi amaran kepada anaknya supaya jangan menaiki beca Amran lagi, dan kepada Amran dia memberi amaran yang akhir supaya jangan cuba merosakkan nama baik keluarganya. Dengan adanya Ghazali bersama-

samanya, Amran tidak dapat memberikan keterangan-keterangan yang sebenarnya. Kerana hendak menunaikan janjinya kepada Amran, Azizah terpaksa melanggar amaran ayahnya lalu pergi menemui Amran. Azizah terperanjat bila mendapati Amran berbebat di kepala kerana perbuatan Ghazali yang tidak berperikemanusiaan!

Azizah dituduh sebagai anak yang tidak mengenang jasa. Marzuki mengumumkan hendak mengahwinkan Azizah dengan Ghazali dan ini sangat mendukacitakan hati Azizah. Sekali lagi, dia terpaksa menemui Amran untuk mendapat perlindungan, tetapi tindakan itu telah mendatangkan malapetaka kepada dirinya dan juga kepada Amran. Rupa-rupanya, Ghazali telah menjejaki Amran sehingga ke rumahnya. Pergaduhan telah berlaku, dan di dalam pergaduhan itu, ibu Amran telah mendapat luka. Ghazali menyangka dia telah menjadi pembunuh. Oleh sebab itu, dengan segera, dia telah pergi menemui Marzuki untuk mendapat pertolongan supaya dia dapat melepaskan diri daripada penangkapan. Marzuki tetap tidak dapat menunaikan permintaan Ghazali. Dengan menggunakan senjata, Ghazali hampir-hampir dapat melepaskan diri dengan membawa lari wang ringgit orang kaya Marzuki. Mujur pada saat itu, Amran dan Azizah tiba untuk menyelamatkan orang kaya Marzuki. Ghazali terperangkap di dalam ranjang kesalahan. Dia tetap tidak dapat lari daripada hukuman.

Kejadian-kejadian yang berlaku di hadapan mata Marzuki sendiri itu menginsafkannya dan dia menyalahkan dirinya kerana mempercayai Ghazali dan mengutuk Amran. Marzuki berasa kesal kerana mengukur manusia dengan keadaan zahir dan tidak disertai dengan ukuran batin. Marzuki berjanji akan menolong Amran dan ibunya, kerana dia perlukan seorang menantu untuk menguruskan soal perniagaan dan ladangnya. [Tamat]

Filem ini adalah filem yang pertama yang diarahkan oleh **P. Ramlee**. Di dalam filem **Penarek Becha**, **P. Ramlee** telah cuba mengangkat aspek "kemelayuan" melalui kehidupan seorang penarik beca. **P. Ramlee** cuba memusnahkan batasan kelas-kelas dalam masyarakat. Bagi beliau, tidak ada garis sempadan sosial yang dibentuk oleh kekayaan harta-benda.

## PENDEKAR BUJANG LAPOK

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited, Singapore. Diperbuat oleh Malay Film Productions Limited, Singapura. Tarikh dikeluarkan: 21 Mac 1959.

**P. Ramlee**; Aziz Sattar; S. Shamsudin; Musterjo; Ahmad Nisfu; Ibrahim Pendek; Momo. Memperkenalkan: Rosyatimah.



*P. Ramlee dan Rosyatimah dalam filem* **Pendekar Bujang Lapok**

Photography: A. Bakar Ali; Audiography: Kamal Mustafa; Film Editor: H. R. Narayana; Art Director: Mustaffa Yasin; Music: **P. Ramlee.**

Pengarah: **P. Ramlee.**

Cerita: Ramlee, Aziz dan Sudin merupakan sahabat karib. Pada suatu hari, semasa menunggu perahu untuk menyeberangi jeti kampung itu, mereka tertarik dengan kehandalan seorang tua yang berjaya membelasah sekumpulan samseng kampung yang bekerja dengan Nisfu, seorang kaya sombong yang memiliki beberapa buah sampan yang berulang alik dari jeti itu ke seberang sungai.

Rakan bertiga itu menjadi semakin tertarik apabila mereka mengetahui bahawa orang tua itu ialah seorang pendekar bernama Pendekar Mustar. Dengan sertamerta, mereka pergi mencari orang tua itu untuk mempelajari ilmu silat darinya.

Terdapat banyak peristiwa lucu yang berlaku dalam perjalanan mereka oleh kerana tiada seorang pun di antara mereka yang pandai membaca dan menulis. Sudin, yang menyatakan dirinya ialah seorang yang berilmu meyakinkan kedua-dua orang kawannya bahawa sekolah kampung untuk pelajar-pelajar dewasa ialah sebuah sarkis binatang.

Walau bagaimanapun, setelah mengekori seorang gadis yang muda dan cantik bernama Rosnah, mereka akhirnya sampai di rumah Pendekar Mustar. Rupa-rupanya Rosnah ialah anak perempuan orang tua itu. Orang tua itu dengan gembira mengalu-alukan kedatangan sahabat bertiga itu dan sanggup mengajar mereka ilmu silat.

Mereka dikehendaki menulis dan menghafal ayat-ayat suci sebelum memulakan latihan. Orang tua itu terperanjat apabila mendapati ketiga-tiga pemuda kacak itu tidak pandai membaca walaupun tulisan mereka sendiri.

Pendekar pun menghantar mereka ke sekolah untuk orang dewasa dan dengan perasaan malu mereka mendapati diri mereka dalam kelas permulaan. Gurunya



*P. Ramlee berserta rakan-rakan menyambut gembira berita mengenai filem* **Pendekar Bujang Lapok** *yang telah dipilih sebagai "Best Comedy"*



*Mustarjo, Aziz Sattar, P. Ramlee dan S. Shamsudin dalam filem* Pendekar Bujang Lapok

yang muda itu tidak lain tidak bukan dari Rosnah.

Pada suatu petang yang terik panasnya, Pendekar dilawati oleh orang kaya Nisfu dan orang-orang kuatnya. Nisfu datang untuk menuntut pampasan daripada orang tua itu kerana kerugian yang dialaminya semasa pergaduhan di atas jeti.

Mustar dengan dibantu oleh sahabat bertiga itu berjaya menghalau Nisfu dan orang-orangnya.

Akhirnya tibalah masanya sahabat bertiga itu membuktikan keberanian mereka. Mereka terpaksa pergi ke tempat-tempat yang sunyi secara berasingan, dan di situ mereka dikehendaki menumpukan perhatian terhadap sembahyang dan membaca ayat-ayat suci. Mereka diberitahu supaya jangan takut dan menghadapi segala peristiwa ganjil dan gerun sebagai ujian terhadap azam mereka.

Aziz diarahkan supaya menjalankan latihannya dalam sebuah perigi buta, Sudin dalam sebuah rumah buruk dan Ramlee pula di tanah perkuburan.

Mereka semua gagal dalam latihan kerana ujian yang terlalu hebat dan menakutkan itu menyebabkan mereka cabut lari.

Pendekar naik marah kerana sifat pengecut mereka itu, lalu mengarahkan mereka semua untuk menjalankan latihan di atas tanah perkuburan. Sekali lagi, dia mengingatkan mereka supaya jangan memperdulikan apa yang mereka lihat, dengar atau jumpa semasa mereka bertapa.

Selepas sahabat bertiga itu bertolak ke tanah perkuburan, rumah pendekar telah diserang oleh orang-orang kuat Nisfu. Mereka menculik Rosnah dan meninggalkan orang tua itu, serta isteri dan orang gajinya terikat dan tidak dapat berbuat apa-apa.

Semasa melarikan Rosnah, kumpulan jahat itu lalu di tempat di mana sahabat bertiga itu sedang membaca mantra dengan tekunnya. Sahabat bertiga itu ternampak kumpulan itu melarikan Rosnah dan terdengar dengan jelasnya bahawa gadis itu menjerit meminta tolong tetapi mereka tidak berbuat sesuatu kerana mereka beranggapan bahawa itu semua adalah 'cubaan' yang bertujuan menyesatkan mereka.

Tidak lama kemudian, pendekar sendiri tiba di tempat itu meminta mereka menyelamatkan anaknya. Tiap-tiap kali dia bercakap jawapan yang diterimanya daripada orang bertiga itu ialah "ini cubaan" sambil mereka mengulang-ulang mantra dengan khusyuknya.

Akhirnya, ketibaan isteri pendekar membuatkan sahabat bertiga itu sedar bahawa itu semuanya bukanlah perkara olok-olok lalu menolong pendekar itu menyelamatkan anak perempuannya serta

menghapuskan kumpulan penculik itu. [Tamat]

## PENGHIDUPAN

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited Singapura. Dibuat oleh Malay Film Productions Limited, Singapura. Tarikh dikeluarkan: 23 Mei 1951.

Rokiah; **P. Ramlee**; Maria Menado; D. Harris; Ulong Jawa; Siti Tanjung Perak; Mohd Yusuf; Saamah; Junaisi.

Diarahkan oleh: L. Krishnan; Penolong pengarah dan senikata: Haji Mahadi; Jurugambar: Koh Jee Soon; Pembantu Jurugambar: A. Bakar Ali; Jurusuara: Chong Chee Liat; Penolong Jurusuara: Kamal Mustaffa; Bunyi-Bunyian: Ahmad Jaafar; Pelukis Pemandangan: M. Haniff; Cerita ditulis oleh L. Krishnan

Cerita: Di daerah Katong, terdapat seorang Melayu yang kaya-raya bernama Jaafar (Ulong Jawa), yang hidup bersama isterinya Rubiah dan adik iparnya Salim (**P. Ramlee**). Salim merupakan seorang yang kacak tetapi mempunyai perangai yang buruk.

Rubiah menerima surat daripada datuknya di Johor memintanya supaya melawatnya. Oleh kerana tiada siapa untuk menjaga rumah, Rubiah pun menghantar Salim untuk menggantikannya.

Di rumah datuknya itu, Salim bertemu dengan seorang gadis yang amat menarik bernama Salbiah (Rokiah). Keluarga Salbiah terlalu banyak berhutang. Salbiah telah dijanjikan oleh keluarganya untuk dikahwinkan dengan seorang Sikh yang telah memberikan pinjaman. Sebagai penebus hutang, Salim berjanji untuk membayar segala hutang mereka tanpa benar-benar berniat untuk berbuat demikian. Oleh kerana terlalu gembira, Salbiah menyerahkan dirinya mengikut nafsu Salim.

Salim meninggalkan Salbiah dengan janji bahawa beliau akan pulang membawa wang dan mengahwininya. Tetapi akhirnya, beliau mengirim surat kepada Salbiah menerangkan mengapa beliau tidak dapat kembali kepadanya. Oleh kerana surat itu tiada mengandungi alamat, Salbiah tidak tahu di mana Salim tinggal. Apabila masa kelahiran bayinya semakin dekat, Salbiah meninggalkan rumah untuk menjaga nama baik ibunya dan mencuba mencari Salim di Singapura.

Pada suatu hari, semasa mencari rumah Salim, Salbiah telah pengsan lalu melahirkan seorang bayi di sebuah hospital yang berdekatan. Sementara itu, Salim telah jatuh cinta dengan seorang gadis yang bernama Halimah (Maria Menado) dan mereka berdua sering menghadiri majlis-majlis keraian. Pada suatu hari, semasa merayau-rayau, Salbiah ternampak Salim memandu keretanya keluar daripada sebuah rumah lalu Salbiah memasuki rumah itu untuk menunggunya pulang. Apabila Salim pulang, beliau menemui Salbiah, dan menafikan sebarang tanggungjawab ke atas diri Salbiah. Satu pertengkaran berlaku lalu Salim memukul Salbiah. Sambil menangis, Salbiah berlari menyeberang jalan, dan telah dilanggar oleh sebuah kereta yang secara kebetulan dipandu oleh sahabat rapat Halimah bernama Bakar (D. Harris) . Bakar membawa Salbiah ke hospital untuk dirawat.

Untuk mengambil kesempatan daripada kekayaan kakaknya, Salim mengambil keputusan untuk berkahwin dengan Halimah.

Bakar membawa Salbiah dari hospital ke rumahnya di mana beliau menjumpai satu nota yang mengisytiharkan perkahwinan Halimah dengan Salim. Bakar menjadi amat marah lalu menulis surat kepada



*P. Ramlee dan Maria Menado di dalam filem* **Penghidupan**

Halimah, dan meminta Salbiah menyampaikan surat itu bagi pihaknya.

Apabila Salbiah sampai di rumah Halimah, Salim sedang berjalan keluar sesudah mengucapkan selamat tinggal kepada Halimah. Salim cuba tidak memperdulikan Salbiah tetapi Halimah telah melihat segala-galanya lalu menyoal Salbiah. Salbiah pun menerangkan semuanya mengenai hubungannya dengan Salim. Pada hari perkahwinan, majlis telah berjalan dengan rancaknya. Walau bagaimanapun, apabila semuanya selesai, Salim mendapati dirinya dikahwinkan dengan Salbiah akibat suatu tipu helah yang dikenakan ke atas dirinya. [Tamat]

Filem ini memperkenalkan Maria Menado yang pada bulan Januari 1951, telah dua kali dimahkotakan sebagai 'Ratu' dalam pertandingan 'Seluruh Malaya - Indonesia' yang diadakan di Happy World Stadium, Singapura. Apabila beliau menandatangani perjanjian untuk berlakon dalam filem-filem Melayu dengan Shaw Brothers di Malay Film Productions, Maria Menado menyandang dua gelaran iaitu 'Ratu Cantik Antarabangsa' dan 'Ratu Kebaya'. Filem **Penghidupan** ini ialah filemnya yang tunggal dengan **P. Ramlee.**

Filem ini pernah mendapat bantahan daripada Badan Kebajikan Melayu (Singapura). Menurut Badan itu, cerita filem ini 'cuba memalukan bangsa Melayu dan mungkin menimbulkan kesan yang kurang baik pada fikiran dan perangai pemuda pemudinya.' Cerita itu membayangkan bahawa pekerti, penghormatan diri, agama dan adat-istiadat orang-orang Melayu adalah rosak—ini adalah satu penghinaan ke atas orang Melayu. Di antara bahagian-bahagian dalam filem itu yang dibantah keras ialah:

1) Pemandangan yang menunjukkan seorang Sikh yang meminta hutang daripada ibu Salbiah yang kemudiannya memuji-muji kecantikan Salbiah.

2) Pemandangan yang menunjukkan kakitangan Sikh itu, seorang Melayu, yang mendesak ibu Salbiah supaya memberi Salbiah kepada Sikh itu, ialah satu penghinaan ke atas orang Melayu.

3) Pemandangan di mana selepas Salim berjanji akan menyelesaikan hutang-hutang Salbiah, mengajak Salbiah ke dalam sebuah rumah kosong. Pemandangan

ini dan berikutnya dengan tegas sekali membayangkan bahawa Salim dan Salbiah pergi ke rumah kosong itu untuk bersetubuh. Pemandangan ini adalah memalukan kehormatann, agama dan adat-istiadat orang-orang Melayu.

4) Pemandangan Salbiah di Singapura mencari-cari Salim melukis keburukan peribadi masyarakat Singapura amnya dan Melayu khasnya.

5) Pemandangan Salbiah melahirkan anak di dalam hospital dan memberikan susunya kepada anak itu merupakan suatu perbuatan yang rendah di sisi wanita-wanita Melayu.

6) Pemandangan Salbiah dilepaskan dari hospital dan percakapannya dengan jururawat itu adalah memalukan kaum sejenisnya. Lebih-lebih lagi, jururawat itu apabila mengetahui bahawa Salbiah tidak mempunyai rumah tangga tidak sedikitpun menawarkan pertolongan, memberi nasihat ataupun penerangan tentang badan kebajikan masyarakat kerajaan. Oleh yang demikian, pemandangan ini merugikan pejabat tersebut di dalam sewaktu rupa da'yah yang berharga.

7) Pemandangan yang menunjukkan Salbiah serta anaknya yang sedang mencari Salim itu diganggui oleh dua pemuda Melayu yang menaiki basikal di Simpang Katong telah menunjukkan bahawa perangai pemuda-pemuda Singapura, terutamanya pemuda Melayu, adalah masih rendah.

8) Beberapa pemandangan majlis jamuan di mana kelakuan pemuda-pemudi Melayu yang terpelajar menyakiti mata penonton Melayu.

9) Pemandangan tipuan menukar pengantin adalah bertentangan dengan agama dan adat-istiadat Melayu.

Badan Kebajikan Melayu Singapura telah meminta supaya filem **Penghidupan** ditapis semula ataupun diharamkan. Surat bantahan telah dihantar kepada J. Evans, Penapis Film Singapura dan Dato' Onn Jaafar supaya filem ini ditunjukkan di Tanah Melayu. (Sumber: *Dunia Filem* Bil. 4 - tahun - Jun 1951, dan *Filem Raya* Bil. 4 - 36, 1951)

## PENYANYI DAN PENGGUBAH LAGU

**P. Ramlee** ialah seorang yang hanya hadir di sekolah paling banyak 10 hari dalam sebulan.

"Hari-hari yang selebihnya dihabisnya dengan berhanyut-hanyut ke sana ke mari mengikuti pasukan pancaragam, dan dia akan merajuk kalau sekiranya pancaragam yang diikutinya itu tidak memberitahukan kepadanya akan tempat mereka." (Abdullah Hussein di dalam makalahnya bertajuk "**P. Ramlee** dari Dekat", *Majallah Bintang* keluaran 1 Julai 1953 muka surat 4)



*P. Ramlee*



*P. Ramlee (nombor tiga dari kiri, barisan belakang) dengan pancaragam Sinaran Bintang Sore*

Sejak kecil, ketika baru berumur 13 tahun, **P. Ramlee** telah tertarik untuk bermain yukilili. Dengan hanya membunyikan 'base-line' sahaja, dia melagukan *Donkey Serenade, It's in the Air* dan *Nona-nona Zaman Sekarang*. Oleh kerana jiwanya telah dipengaruhi oleh keseronokan memainkan alat muzik, dia lebih banyak menghabiskan waktunya di rumah Tuan Kamaruddin di Pulau Pinang untuk belajar bermain gitar dan biola.

Mengikut **P. Ramlee** sendiri, beliau "menjadi penyusun lagu-lagu pancaragam Teruna Sekampung (Pulau Pinang) dan memimpin sebuah badan pancaragam bernama Mastika (Buttterworth)."

Sejak kecil, **P. Ramlee** jarang sekali dapat mendengar lagu-lagu Melayu ciptaan baru, seperti lagu *Nona Zaman Sekarang*. Oleh kerana tempat tinggalnya di Utara Tanah Melayu, maka dia lebih sering mendengar lagu-lagu cembong dan makyong sahaja. **P. Ramlee** mencuba-cuba mencipta lagu *Azizah*, dan ciptaannya itu berhasil baik. Atas dorongan itu, beliau kemudiannya mencipta lagu-lagu *Baidah, Abang Dollah, Mee Jawa, Joget Malaya, Malam Thaipusam* dan *Padang Kota*.

Lagu-lagu ini kemudiannya dinyanyikan olehnya di Radio Malaya Pulau Pinang dengan iringan pancaragam Teruna Sekampung. Makalah bertajuk: "**P. Ram-**



*P. Ramlee (tengah)*



*P. Ramlee (kiri)*

**lee** sebagai Pencipta Lagu" dalam majalah *Bintang* keluaran 31 Oktober 54 - muka surat 4)

Dalam tahun 1945, ketika beliau menyertai pertandingan menyanyi di Radio Malaya, Pulau Pinang pada kali yang pertama, dia dapat tempat yang ketiga; pada tahun 1946, dia telah dapat meningkat naik ke tempat yang kedua. Pada tahun 1947, beliau menjadi juara penyanyi untuk Utara Malaya, anjuran Radio Malaya.

Pada tahun 1954, seorang peminatnya telah bertanya kepada **P. Ramlee** mengenai apakah pekerjaannya pada masa tiada penggambaran (shooting). **P. Ramlee** menjawab bahawa beliau akan mengarang lagu dan bermain muzik. Apabila ditanya bagaimana beliau menjadi bintang filem pada mulanya, **P. Ramlee** menjawab demikian:

"... masuknya saya ke dalam dunia filem hanya secara kebetulan sahaja, kerana tidak pernah terlintas dalam hati saya untuk menjadi seorang pelakon filem. Secara kebetulan saya katakan kerana sewaktu saya di Pulau Pinang, B. S. Rajhans yang menjadi pengarah di Studio MFP telah menemui saya dan mengajak saya ke Singapura untuk berlakon di dalam filem. Pada mulanya agak keberatan juga rasanya saya hendak ikut ke Singapura, tetapi kerana terlalu kuat desakan dari Rajhans maka saya ikut juga ke Singapura dan masuk menjadi keluarga filem MFP". [makalah 'Antara Bintang Filem dan Pembaca', - dalam majalah *Bintang* keluaran 15 Mei 1954, muka surat 8-9].

**P. Ramlee** telah bertolak ke Singapura dari Pulau Pinang pada hari raya pertama bersamaan 8 Ogos 1948. Beliau mula berlakon pada tahun itu juga dalam filem **Chinta**. Di samping berlakon, **P. Ramlee** menyanyi, menggubah lagu, menyusun lagu dan senikata, dan memimpin Orkestra Kembang Murni. Beliau juga boleh bermain bermacam-macam alatan muzik. Seorang peminatnya pernah bertanya: "Bagaimana cara-cara menjaga suara supaya baik, seperti biduan-biduan yang



*"Ladies Band" Singapura (1949) yang terdiri daripada penyanyi, penari dan pelakon terkenal, antaranya Rubiah (empat dari kiri)*

terkenal?" **P. Ramlee** memberi jawapan seperti berikut:

"Pertama melatihkan suara, banyak makan buah-buahan tetapi janganlah buah-buahan yang banyak getahnya, dan jaga kesihatan diri-sendiri."

[ruangan "Saya Bertanya Kepada Bintang Filem" dalam majalah *Bintang* keluaran 1 Julai 1957, muka surat 15].

Selain daripada menjadi bintang filem dan biduan yang disukai ramai, **P. Ramlee** juga merupakan seorang pencipta lagu-lagu popular. Lagu-lagu yang merupakan hasil ciptaannya adalah lagu-lagu dalam filem-filem keluaran Malay Film Productions (1948-1964) dan Merdeka Film Productions (1964-1973). Di dalam iklan-iklan untuk filem-filem Melayu yang disiarkan di dalam akhbar *Utusan Melayu* pada tahun-tahun lima puluhan, **P. Ramlee** telah diperkenalkan sebagai 'bintang pujaan berjuta'; 'mampu dengarkan suara emasnya dalam lagu-lagu sukaramai'. Pada masa itu, risalah-risalah yang diterbitkan oleh Malay Film Productions dijual di panggung-panggung wayang sempena tayangan filem-filem lakonannya. Penonton-penonton menghargai risalah-risalah itu oleh kerana memudahkan mereka menyanyikan lagu-lagunya.

Pada tahun 1951, beberapa buah lagu Melayu sukaramai yang diambil daripada filem-filem Melayu telah direkodkan oleh syarikat piring hitam H. M. V. Pancaragam yang dipimpin oleh Ahmad Jaafar telah membantu usaha ini, dan **P. Ramlee** dalam lagu-lagu yang berduet bersama Rubiah di masa itu adalah dianggap sebagai 'penyanyi Melayu yang terbesar sekali'. Momo, seorang penyanyi yang dapat 'mengubah-ubah suaranya dan mungkin bernyanyi di dalam berbagai rupa lagu"; dan Asiah yang diiklankan oleh T. Hemsley & Co. Limited (piring hitam

H.M.V.) sebagai 'The Nightingale of Malaya', **P. Ramlee** juga telah merekodkan lagu-lagunya dengan Lena, Sutinah dan Normadiah.

**P. Ramlee** tidak merakamkan suaranya ke piring hitam selama tiga tahun (1952-1955). Perkara ini berlaku oleh kerana timbulnya perselisihan faham antara **P. Ramlee** dengan seorang pengurus perusahaan tersebut tentang bayaran dan penggunaan alat-alat muzik:

"Kemahuan P. Ramlee ialah supaya alat-alat muzik itu mengikut susunan sesuatu lagu dan iramanya moden atau untuk keindahan."

Pihak pengurus syarikat itu menentang kemahuannya, mungkin kerana soal ini berpaut dengan perbelanjaan. **P. Ramlee** menuntut supaya bayaran saguhati bagi tiap satu piring hitam yang laku dilebihkan. Oleh kerana kemahuannya tidak disempurnakan, maka **P. Ramlee** enggan menjual suaranya walaupun kerana tindakan demikian, wang sagu hatinya sebanyak lebih kurang tiga ribu ringgit telah 'ditahan' oleh syarikat yang berkenaan. (Majalah *Irama* Bil. 2 tahun pertama - Mei 1955 muka surat 10)

Di dalam tempoh tiga tahun itu, maka lagu-lagu merdu yang didendangkan oleh **P. Ramlee** di dalam filem-filem yang berkenaan telah direkodkan oleh penyanyi-penyanyi lain seperti R. Azmi, Jasni dan Aziz Jaafar. Penyanyi-penyanyi wanita juga telah merekodkan beberapa buah lagu yang dinyanyikan oleh **P. Ramlee** di dalam filem-filem berkenaan, antaranya: lagu-lagu *Impian Kalbu* dan *Rindu Asmara* oleh Jasni; *Dunia Hanya Pinjaman* oleh Jasni dan Lena, *Alam Maya* oleh Lena; *Nasib Malang* oleh Aziz Jaafar, kesemuanya lagu-lagu dalam filem **Miskin**; lagu-lagunya dalam filem **Sedarah**, *Mesra Ibu* dan *Kelasi* oleh R. Azmi; lagu-lagunya dalam filem **Putus Harapan**, *Gelora Chinta* oleh Jasni dan Nona Asiah; dan *Ingin Tahu* oleh Abdullah Chik dan Nona Asiah; lagu dalam


*P. Ramlee (kanan) dan R. Azmi*




*P. Ramlee, 1956*

filem **Rachun Dunia**, *Sang Rang Bulan* oleh Rubiah; lagu dalam filem **Aloha**, iaitu *Hati Gelisah* oleh R. Azmi; lagu dalam filem **Juwita** *Semarak Hati* oleh Jasni dan Lena; dan lagu dalam filem **Penghidupan**, *Penghidupan Baru* oleh R. Azmi dan Rubiah.

**P. Ramlee** telah merakamkan semula lagu-lagunya setelah pengurus baru bersetuju dengan tuntutannya:

"Pencinta-pencinta yang rindukan suara biduan yang masyhur ini akan dapatlah membeli rekod-rekod nyanyiannya sedikit hari lagi untuk mengubatkan rindu". (majalah *Irama* di muka surat 10).

Antara lagu-lagu yang direkodkan oleh **P. Ramlee** ialah *Gara Asmara, Senandung Malam, Zuraidah, Bunga Melor, Bintang Sore, Adubai Sayang, Mengapa* dan lain-lain lagi.

**P. Ramlee** juga telah merekodkan suaranya ke piring hitam beberapa buah lagu filem yang dinyanyikan oleh penyanyi R. Azmi dan biduanita yang berkenaan, antaranya lagu-lagu *Tasik Madu*, **(Aloha)** berpadu suara dengan Lena; *Coraknya Dunia* bersama dengan Momo; *Getaran Jiwa, Bubur Sagu* bersama Asiah, *Tinggal Impianku* bersama Momo, dan *Kerana Budi* bersama Nona Asiah, kesemuanya dalam filem **Bapa Saya**. **P. Ramlee** juga telah merekodkan suaranya ke piring hitam dua buah lagu dari filem **Arjuna**, iaitui *Asmara Datang Bersama Sang Bulan* (oleh Ahmad Mahmud dalam filem) bersama Lena, dan *Sikit Kasi Banyak Minta* (oleh D. Harris dalam filem), bersama Asiah.

Sutinah, isteri Ahmad Jaafar, adalah biduanita yang terkenal yang telah merakamkan lagu-lagu popular ke piring hitam, iaitu *Bengawan Solo* (keronchong) dan *Sapu Tangan* ke dalam rekod "His Masters' Voice". Beliau dapat merakamkan suaranya bersama **P. Ramlee** dalam lagu gubahan Ahmad Jaafar *Tak Puas Mata Memandang*



*P. Ramlee dan Salbiah Haron*



*P. Ramlee dan Saloma*

yang dipetik dari filem **Budi Mulia** (1953)

Abdullah Hussein (makalah: "**P. Ramlee** Dari Dekat" dalam majalah *Bintang* 15 Ogos 1953 muka surat 36) menulis demikian:

"... ketika diadakan pemilihan bintang penyanyi Radio Malaya untuk tahun 1953 yang diadakan oleh Radio Malaya beberapa bulan yang lewat, **P. Ramlee** tidak saja dipilih oleh pendengar-pendengar Radio Malaya tetapi juga oleh sebahagian besar pendengar-pendengar Radio Indonesia dalam surat-surat pemilihan itu yang dapat saya baca, terdapat bukti-bukti yang menunjukkan **P. Ramlee** disukai di mana-mana saja para pemilih itu menerangkan bahawa mereka ta' begitu susah untuk menentukan siapa sebenarnya bintang Radio Malaya untuk tahun 1953 ..." Lagu yang paling popular adalah *Pantai Gurauan*.

Lagu-lagu **P. Ramlee** "tidak bosan kita mendengarnya, bahkan indah kedengaran di telinga kita": Pembawaan suaranya menggema merdu, lagu-lagunya membawa irama manis. Lagu-lagu **P. Ramlee** menjadi nyanyian dan siulan umum. Terkenalnya lagu-lagu itu bererti bertambah terpuja nama **P. Ramlee** sebagai bintang filem dan sebagai biduan. "Entah apa yang menyebabkan dan mendorong dia sehingga dapat menciptakan suatu lagu, saudara **P. Ramlee** sendiri tidak tahu" (majalah *Bintang* keluaran 31 Oktober 1954 muka surat 4 makalah bertajuk "**P. Ramlee** sebagai Pencipta Lagu"). Di bawah ini telah diperturunkan pendapat-pendapat **P. Ramlee** sendiri sebagai pencipta lagu:

"Menurut **P. Ramlee**, menciptakan sesebuah lagu adalah tergantung kepada jiwa penciptanya. Jika pencipta sesuatu lagu itu sedang dirundung duka, maka dia tidak akan dapat melahirkan satu lagu yang berirama gembira. Demikian juga jika pencipta lagu itu sedang bergembira, dia tidak dapat menggambarkan bagaimana tekanan jiwa yang duka. Selain itu, **P. Ramlee** juga menerangkan bahawa menciptakan lagu bukanlah boleh dipaksa-paksakan. Ilham biasanya datang dengan sendirinya. Pernah juga dia mulai mendapat ilham menciptakan lagu dalam tandas, sewaktu buang air besar, dan dengan puntung rokok yang baru dimatikan apinya dia menconteng dinding tandasnya membuat note lagu. Katanya, supaya jangan terlupa lagu yang sudah didapatnya sebentar itu. Untuk menciptakan lagu-lagu untuk filem menurut **P. Ramlee**, dia tidak dapat bebas menurutkan kemahuan hatinya, kerana sewaktu-waktu pengarah memerintahkan supaya diciptakan lagu-lagu yang bertempo sedih, gembira, tenang dan yang berirama kemelayuan ataupun kehindustanan. Itulah sebabnya tidak jarang lagu-lagu dalam filem Melayu berirama



*P. Ramlee*

Hindustan. Ini ialah kerana menurutkan kamahuan seorang pengarah, tetapi jika menciptakan lagu untuk hiburan yang tidak mempunyai sangkut paut dengan filem, maka **P. Ramlee** lebih suka memperbaharui lagu-lagu Melayu Asli dan yang diciptakannya sendiri untuk diselaraskan dengan irama lagu keroncong. Umpamanya lagu *Senandung Anak Dara, Ditelan Pahit Dibuang Sayang* dan lain-lain seumpamanya. Selain itu, menurut **P. Ramlee,** antara penggubah lagu dan penggubah senikata harus ada keseimbangan. Mereka biasanya selalu berdampingan untuk menyesuaikan irama lagu sedih dengan kata-katanya (lirik) dan demikian juga sebaliknya. Sewaktu-waktu mereka juga bersama-sama membincangkan bagaimana sebaiknya menyesuaikan senikata dengan irama lagunya yang kadang-kadang canggung terdengar bunyinya di telinga. Dan yang paling akhir sekali ialah, sesudah digubah lagu-lagunya, kemudian diciptakan senikatanya dan sering terpaksa memilih biduan atau binduanita yang dirasanya sesuai menyanyikan lagu ciptaannya. Dan kemudian setelah bertemu berkumpullah antara penggubah lagu, penggubah senikata dan biduan atau biduanita yang akan menyanyikan lagu itu. Demikian dari dapur seorang ahli muzik kita dapati resipi dan bumbu menciptakan suatu lagu sebelum lagu itu dihidangkan di tengah umum dengan bawaan suara biduan yang menawan hati. Tidak jarang, menurut **P. Ramlee**, penggubah lagu yang kadang-kadang berasa janggal apabila lagu-lagu ciptaannya dinyanyikan dengan tidak mengikut aturan yang telah disediakan (notenya). Dan banyak pula pencipta lagu yang berasa senang dan lapang hati, fikiran dan jiwanya apabila buah ciptaannya dinyanyikan dan diikut dengan betul sebagaimana yang dikehendaki, walaupun sebenarnya masa itu di rumahnya tidak ada beras untuk ditanak dan tidak ada ikan yang bakal digulai. Seseorang penggubah lagu akan merasa beruntung sekali jika lagu ciptaannya dinyanyikan dengan sepenuh hati oleh biduan atau binduanita pilihannya, kerana dengan menyanyikan lagu itu dengan sepenuh hati sahaja baru pendengar dapat merasakan bagaimana nikmat dan halusnya ciptaan sesuatu lagu itu!" (muka surat 4-6 dan 28 majalah yang sama).

Teman-teman pencipta lirik (senikata lagu) lagu-lagu gubahan **P. Ramlee** adalah Jamil Sulong, H. M. Rohaizad dan Sudarmadji. Untuk filem-filem tahun lima puluhan, di bawah arahan pengarah-pengarah keturunan India, **P. Ramlee** banyak mencipta lagu-lagu berirama Hindustan. Apa-



*Edith Castello, guru tari*

bila beliau dilantik menjadi pengarah, dia mencipta lagu-lagu filem yang berirama Melayu, termasuk lagu-lagu keroncong seperti *Alunan Biola* dalam filem **Antara Dua Darjat.** Keseluruhan lagu-lagu di dalam filem **Semerah Padi** bernafas Melayu, sehingga di dalam sedikit masa sahaja lagu-lagu itu telah menjadi lagu sukaramai orang-orang Melayu seperti lagu-lagu *Sekapur Sireh Seulas Pinang, Makan Sirih di Semerah Padi,* dan *Lenggang Kangkung Baru.* Apatah lagi ada di antara lagu-lagu itu diiringi pula dengan tarian-tarian yang lemah gemalai dan membayangkan kemurnian kebudayaan Melayu.

Filem-filem lakonan **P. Ramlee** di bawah arahan pengarah-pengarah bangsa India adalah disulami dengan tarian-tarian di bawah pimpinan Edith Castello. Kemudian, beberapa orang seniwati bangsa Melayu seperti Normadiah dan Habsah muncul bukan sahaja untuk memimpin kumpulan-kumpulan penari untuk filem-filem arahan dan lakonan **P. Ramlee,** bahkan juga mencipta beberapa tarian Melayu yang memberi tarikan kepada filem-filem itu.

Habsah adalah ibu kepada seniwati Hashimah Yon. Beliau mahir dalam seni tari kerana sejak muda lagi beliau mengikuti rombongan bangsawan yang menjelajahi sekeliling Malaya. Sebagai seorang pelakon, beliau selalu memegang peranan sebagai ibu atau permaisuri. Selain daripada berlakon di dalam filem, beliau juga menjahit pakaian-pakaian yang digunakan dalam filem-filem yang bercorak bangsawan atau khayal seperti filem **Pancha Delima** (arahan **P. Ramlee**), **Raja Sehari** dan juga **Isi Neraka. P. Ramlee** telah memberikan tugas kepadanya untuk mencipta sebuah tarian untuk filemnya, **Penarek Becha.** Habsah teringat beberapa buah tarian yang diketahuinya, antaranya, tarian 'Inang' dan sebuah tarian Minangkabau



*Habsah*

yang mempunyai gerak lenggang yang hampir sama. Daripada tarian-tarian itu, beliau mencipta tarian 'Inang Baru' di dalam filem **Penarek Becha** yang ditarikan oleh enam pasang pemuda-pemudi yang lengkap berpakaian cara Melayu asli—setiap gerak dan langkah penari-penarinya yang lemah-lembut, teratur dan bersopan-santun itu membayangkan kehalusan dan kelembutan jiwa dan budaya orang-orang Melayu. Di dalam waktu yang singkat sekali, tarian itu telah menjadi kegemaran ramai; di mana saja majlis keramaian, malam aneka warna, atau perjumpaan pemuda-pemudi diadakan, tarian 'Inang Baru' akan mengambil tempat yang terpenting.

Rahmah Rahmat mula menjadi penari kecil pada tahun 1955 di Malay Film Productions. **P. Ramlee** telah memilih beliau menari dalam filem-filem **Semerah Padi** dan **Pancha Delima**. Daya pemikatnya adalah kebolehannya menari dalam keadaan menawan dan suaranya yang lemak manja. Beliau pernah menjadi kepala penari di studio itu.

**P. Ramlee** pernah ditemuramah oleh Radio Malaysia mengenai pengalamannya dalam menggubah lagu. *Urusan Filem dan Sport* telah menyiarkan, antara lain, apa yang diperkatakan oleh **P. Ramlee**:

"Di samping menjadi bintang filem di Malaysia, saya ada juga mengambil banyak cabang-cabang seni, iaitu termasuk karang-mengarang lagu (compose), arrange lagu, conduct orkestra, menulis skrip, iaitu 'scenario', menjadi pengarah atau di dalam bahasa Inggeris 'Director', dan kalau dipanggil di Indonesia di sana 'Rihi'. Juga antara lainya menyunting filem (editing), dan membuat muzik latarbelakang.

Sebenarnya sebelum saya melangkah kaki ke dunia perfileman saya telah bergerak kuat di dalam bidang muzik, iaitu di dalam mencipta muzik. Sehingga hari ini saya masih bergerak luas di dalam muzik, kerana muzik itu sudah menjadi darah daging bagi saya. Dan baru-baru ini, iaitu di dalam 10 tahun yang silam sampai sekarang saya telah menceburkan di filem, jadi terpaksa saya mengambil banyak acara untuk membuat filem. Walau bagaimanapun bidang muzik tetap menjadi usaha yang pertama buat saya.

Dalam tahun 1965 ini saya baru membuat filem yang diberi nama **Ragam P. Ramlee**. Filem itu ialah bercorak muzikal dan drama dan saya bakal memulakan perfileman di dalam bulan April ini, barangkali satu dua hari lagi



*Rahmah Rahmat*




*Lirik lagu, tulisan P. Ramlee*

dari sekarang, sebuah filem komidi yang diberi nama **Masam-Masam Manis.**

Ya, walaupun saya telah membuat dua filem di dalam tahun ini, tetapi di dalam studio kami iaitu di studio yang saya mahu membuat filem sekarang, kami sudahpun membuat tiga buah filem, yang pertama diarahkan oleh saya sendiri dan filem yang bakal hendak di shooting ini diarah oleh saya sendiri juga, dan diantara itu ada sebuah filem lagi yang diarahkan oleh saudara Dirish Gosh. Dari lapan buah lagu, jadi sampai sekarang dalam tahun 1965 ini saya sudah mengarang 24 buah lagu-lagu baru.

Sebenarnya soalan itu sangat susah untuk diterangkan kerana banyak juga orang yang telah datang bertanya kepada saya, katanya:

Ramlee, bagaimana saudara dapat mengarang lagu begitu banyak dan lagu-lagunya boleh dikatakan semuanya popular. Jadi saya sangat susah hendak menerangkan bagaimana datangnya lagu itu, tetapi yang saya tahu, ialah kerana saya ini selalu melatih diri untuk mencipta, untuk mendengar sesebuah lagu baru, mendengar sebuah lagu yang tidak ada diadakan, serta melatih diri supaya mencari melodi-melodi yang belum ada dimuzikkan.

Jadi oleh kerana latihan ini telah memakan terlalu lama (saya mulai mencipta di dalam tahun 1945 di dalam tempoh Jepun) jadi dilatih dari tahun itu sampai sekarang, saya rasa ilham itu datang dengan begitu pantas. Umpamanya tiap lagu yang saya maksudkan hendak dikarang, pengarah filem itu menerangkan kepada saya : Saudara Ramli, saya mahu saudara mengarangkan lagu di dalam rumah, anak mudanya menyanyi, dan perempuannya pula di rumah lain juga menyanyi dan caranya lagunya itu ialah berirama sentimental.



*P. Ramlee dan Saloma*

Jadi dengan ada idea yang diberi oleh saudara pengarah kepada saya, maka dapat saya bayangkan dan membuat lagu yang sesuai untuk keadaan itu. Maka lagu itu di piringhitamkan sehingga menjadi popular. Jadi ilhamnya itu datang, saya rasa dengan sekejap saja, dengan sekelip mata.

Tentang lagu yang saya ciptakan, itu kebanyakannya ialah lagu-lagu 'general' iaitu lagu yang disukai umum, tetapi ada juga lagu-lagu saya untuk kanak-kanak, ada juga untuk orang-orang dewasa, tetapi lagu yang seperti ini sangat sedikit sekali oleh kerana saya di dalam bidang 'entertainment'. Maka terpaksa saya membuat lagu-lagu yang boleh meresap ke jiwa 'general' jadi saya rasa kalau dibuat begini akan lebih popular. Tetapi walau bagaimanapun tidak ketinggalan juga mesti kita membuat lagu-lagu untuk pengajaran, pendidikan dan corak-corak yang lain.

[*Utusan Filem dan Sport* - Sabtu 17 April, 1965 - muka surat 14]

Filem-filem Melayu pada satu ketika dahulu merupakan medium hiburan yang sangat digemari. Filem-filem lakonan **P. Ramlee** begitu laris jualan tiketnya. Beliau berpasangan dengan seniwati-seniwati seperti Kasma Booty, Siput Sarawak, Saadiah, Rokiah, Latifah Omar, Rosnani, Normadiah, Zaiton dan Sarimah yang menjadi buah mulut para jejaka. **P. Ramlee** juga tidak lari daripada sebutan peminat-peminatnya. Filem-filem lakonan **P. Ramlee** diarahkan oleh pengarah-pengarah berbangsa India. Salah satu daripada ciri filem-filem India ialah adegan-adegan pelakon utama lelaki dengan pelakon utama wanita yang kejar-mengejar dalam taman bunga, menyanyi dan menari. Adegan-adegan yang menayangkan **P. Ramlee** menyanyi dan menari dengan Kasma Booty dan seniwati-seniwati utama yang lain digemari oleh penonton-penonton. Lagu-lagu filem disiarkan oleh Radio Malaya dan senikata-senikata serta 'musical notes' lagu-lagu itu dimasukkan ke dalam majalah-majalah filem seperti *Bintang, Filem Raya, Gelanggang Filem, Utusan Film and Sport*, dan *Majalah Filem*. Oleh kerana kebanyakan lagu-lagu itu digubah dan dinyanyikan sendiri oleh **P. Ramlee**, maka beliau lebih mampu memberikan perasaan dan menyampaikan tema lagu-lagu yang berkenaan.



*P. Ramlee*

Rentak lagu-lagu gubahan dan nyanyian **P. Ramlee** adalah sejiwa dengan sanubari orang-orang Melayu. Beliau banyak mengubah lagu-lagu tradisi orang-orang Melayu seperti inang, zapin, masri, asli, joget dan boria. Antara lagu-lagu sukaramai ialah *Inang Baru* (inang), *Gambus Jodoh* (zapin), *Nak Dara Rindu* (Melayu asli), *Joget Pahang* (joget) dan *Alunan Biola* (keroncong).

**P. Ramlee** juga amat bijak dalam mengadun dan menyesuaikan muzik-muzik asing dengan lagu-lagu Melayu, seperti 'waltz' dalam lagu-lagu *Tidurku di Rumput Yang Basah;* unsur-unsur timur tengah dalam lagu *Ya Habibi Ali Baba;* dan unsur-unsur Cina dalam lagu *Hoi-Hoi Yahoi/Lagu Penyamun*. Lagu-lagu **P. Ramlee** juga mempunyai berbagai rentak popular seperti *samba* (Nasi Goreng), *beguine* (Merak Kayangan); *andante* (Mengapa Riang Ria), *bolero* (Juwita); *rumba* (Bila Larut Malam); *slow beguine* (Putus Sudah Kasih Sayang); *slow rumba* (Hamidah); *twist* (Bunyi Gitar); dan *mambo* (Kwek Mambo).

Di dalam beberapa buah filem lakonannya, **P. Ramlee** telah membicarakan tentang seniman dan hasil cip-



*P. Ramlee*

taannya. Di dalam filem **Ibu**, beliau telah memegang peranan sebagai seorang pemuzik dan dilihat meniup saksofonnya. Ini dikuti dengan peranannya sebagai Kassim Selamat dalam filem **Ibu Mertua Ku**, juga dengan saksofonnya. Di dalam filem **Antara Dua Darjat**, beliau berlakon sebagai Ghazali dengan pianonya. Beliau telah berjaya mengolah cerita tentang seorang seniman, khususnya seorang penyanyi, penggubah lagu dan pemain muzik dalam filem-filem ini dengan amat berkesan, oleh kerana beliau juga adalah seorang seniman.

Pada akhir tahun-tahun enam puluhan dan awal tujuh puluhan, kegemaran orang-orang muda Melayu terhadap lagu-lagu Melayu semakin merosot. Lagu-lagu dan muzik bercorak pop yang dipopularkan oleh The Beatles digemari oleh muda-mudi di negara ini. **P. Ramlee** segera menubuhkan pancaragam Pancha Sitara yang bertujuan untuk memberi satu corak baru kepada lagu-lagu Melayu, dan dengan itu, membendung pengaruh The Platters. Pancha Sitara telah mendapat sambutan dan berhasil merekodkan lagu-lagu yang digemari seperti *Bila Larut Malam*, *Mawar Ku*, dan lain-lain. Kemudian, muncul pula angkatan 'Pop Yeh Yeh', yang diiringi oleh kumpulan-kumpulan menggunakan empat gitar rancak, nama ringkasnya 'Kugiran'. Bagi **P. Ramlee**,

"Muzik seperti itu hanya mementingkan bunyi yang kuat dari mutu lagu itu sendiri."

**P. Ramlee** berjaya mengikut perubahan untuk mengekalkan kedudukannya dalam dunia hiburan. Beliau turut merakamkan ke piring hitam beberapa buah lagu yang diiringi oleh kumpulan empat gitar seperti yang dibuat oleh penyanyi angkatan muda seperti Jefri Din, A. Ramlie, L. Ramlee, S. Mariam, Jaafar O dan sebagainya. Beliau pernah menyatakan di dalam akhbar *Utusan Zaman*:

"Lagu dan muzik pop yang tidak bermutu akan melahirkan generasi yang liar pada masa hadapan. Anak-anak muda yang menyanyi ikut suka hati, bermain



*P. Ramlee (tiga dari kanan – pemimpin Ben Puteh Orchestra*

muzik ikut suka hati, berpakaian ikut suka hati akan menjadi terdedah kepada unsur-unsur yang tidak baik dan dengan sendirinya lahir angkatan yang tidak berdisplin."

Beliau mempunyai keyakinan bahawa mutu muzik yang tinggi akan tetap menjadi perhitungan yang utama, termasuklah mutu seni suara. Dengan sentuhannya, maka **P. Ramlee** juga berjaya mendapat tempat di hati para penggemar nyanyian dan muzik moden seperti 'twist'. Lagu-lagu beliau yang berentak twist yang paling digemari sekarang ialah *Bunyi Gitar* dalam filem **Tiga Abdul** (1964) dan *Ai Ai Twist* dalam filem **Masam-Masam Manis** (1965).

Terdapat beberapa buah lagu nyanyian **P. Ramlee** yang menimbulkan kontroversi. Di dalam filem **Sedarah (1952), P. Ramlee** menyanyikan lagu *Kelasi* yang digubahnya sendiri, dan senikatanya disediakan oleh S. Sudarmadji. Anak-anak laut telah membantah dengan menyatakan bahawa senikata lagu itu 'lucah dan menyentuh perasaan'. Irama lagu ini terdapat unsur-unsur lagu-lagu Mexico. Dalam waktu yang singkat, lagu itu telah menjadi sukaramai; senikata lagu itu memperjenakan kehidupan anak-anak kelasi. Lagu tersebut mengalami tentangan rasmi daripada *Kesatuan Kaum Pelayaran Melayu Singapura*. Kesatuan itu menujukan bantahannya kepada Colonial Secretary, Radio Malaya dan Malay Film Productions, meminta penapisan dan pembetulan semula lagu tersebut, atau diharamkan, dan juga mengharamkan rekod-rekod lagu itu dijual kepada orang ramai. Senikata lagu itu yang menyatakan:

"Kalau pagi mesti bangun segera, cuci papan cuci gigi, cuci kaki cuci piring, cuci kuping, cuci badan, cuci papan, cuci gigi, cuci kaki" adalah tidak betul. Perasaan kaum kelasi Melayu lebih lagi tersentuh dengan senikata:

"Makan ikan, ikan rebus, makan nasi, nasi hangus, makan pulut, pulut basi ... Kelasi - kalau turun ke kota, gayanya pun

lawa, berganding dengan nona, memang senang kalau menjadi kelasi."

Surat bantahan itu menegaskan bahawa:

"seorang kelasi sepanjang hidupnya belum pernah mengalami disogokkan makanan serupa itu, walau pun kapal itu betul-betul sedang mengalami keadaan meleset."

Manakala rangkapan yang menyatakan:

"... masuk depan, keluar belakang, Lalu lalang, go-hed go-stan" telah disifatkan oleh surat bantahan itu bukan sahaja mengejek-ejek, tetapi juga membawa pengertian yang lucah. Kaum kelasi tidak dapat menangkap erti sejati rangkapan itu; tetapi rangkapan itu dapat diertikan dengan cara, pertama, bahawa kelasi berjalan tidak tentu haluan apabila mereka di darat; keduanya, ia dapat diertikan sebagai perbuatan-perbuatan keberanian yang dilakukan oleh kaum kelasi yang telah menjadi pendapat orang-orang darat yang singkat fikirannya bahawa hal itu memang dilakukan oleh kelasi.

Ada sebuah lagu lagi pendek dalam filem **Sedarah** yang telah mendapat bantahan rasmi daripada satu pertubuhan yang tertentu, iaitu lagu *Ayo-yo Ramasamy*, yang dipandang oleh pertubuhan itu sebagai mempermainkan bangsa orang-orang Hindu. Lagu yang juga diminta supaya diubah senikatanya ialah lagu pendek *Wal hasil balik asal*, yang dipandang memperjenakan kaum Arab. Orang yang membantah itu meminta supaya perkataan 'Arab Dogol' dalam senikata lagu tersebut diubah menjadi 'Alim Dogol'.

Jurucakap Malay Film Productions memberi ulasan bahawa lagu-lagu itu pada hakikatnya adalah dibuat untuk menyesuaikan dengan keadaan jenaka dalam filem tersebut dan tidak berniat untuk menyentuh perasaan suatu golongan yang tertentu. Syarikat filem itu menyatakan bahawa senikata-senikata yang tidak disetujui dalam lagu *Kelasi* itu boleh digantikan dengan senikata yang lebih memuaskan hati.

Kehandalan **P. Ramlee** dalam bidang menggubah lagu telah mendapat pengiktirafan yang sewajarnya. Filem **Hang Tuah** telah memenangi hadiah "Best Music" di Asian Film Festival, Hongkong, 1956. Namun demikian, ada orang yang membuat kritikan-kritikan yang membina terhadap lagu-lagu dalam filem itu. Di dalam filem **Hang Tuah** terdapat lagu yang berentak 'gramio' yang dibawa masuk oleh orang-orang Portugis, sedangkan Portugis pada masa itu belum lagi berada di Melaka. Di dalam senikata lagu *Joget Pahang*, ada dimasukkan nama 'Johor', sedangkan nama Johor belum lagi digunakan pada masa itu; dan juga pada masa itu, rentak joget belum dikenali lagi pada zaman Hang Tuah.

Antara kejayaan **P. Ramlee** dalam bidang seni muzik adalah seperti berikut: pada tahun 1955, lagu ciptaannya *Inang Baru* dalam filem **Penarek Becha** telah dipilih sebagai "Lagu Terbaik"; pada tahun 1956, **P. Ramlee** telah dipilih oleh pembaca-pembaca majalah *Bintang* sebagai "Penggubah Lagu Terbaik" dan "Biduan Terbaik"; pada tahun 1960, pembaca-pembaca majalah yang sama telah memilih lagu gubahan beliau *Jangan Angan-Angan* sebagai "Lagu Sukaramai".

**P. Ramlee** di dalam ruangan editorial *'Gelanggang Filem'* bil. 85, 19 Oktober 1960, antara lain, menulis mengenai pentingnya senikata di dalam lagu seperti berikut:

"... tidaklah dapat dianggap satu perkara yang ringan di dalam menyusun senikata tiap-tiap lagu yang digubah itu, ker-

ana lagu tersebut akan diamal oleh manusia kita dan akan meniggalkan kesan dalam jiwanya ..... kita perlukan banyak senikata yang membangunkan semangat bekerja, berbakti dan mencintai tanah air serta bangsa, selain daripada senikata asmara semata-mata. Di samping itu, hendaknya janganlah pula timbul kekeliruan bagi penggubah-penggubah senikata itu dalam mencari dan menggunakan kalimat-kalimat dalam lagu-lagunya, sehingga bertentangan dengan kepercayaan kita orang Islam. Dewi, dewata adalah antara kalimat-kalimat yang bukan dari Islam, seruan-seruan yang mencabar kekuasaan Tuhan adalah perbuatan yang bertentangan dengan iktikad, meskipun perbuatan di luar keinsafan, tetapi akibatnya sangat sekali merbahaya"

Beliau mempunyai kebolehan untuk menulis senikata lagu-lagu gubahannya, lebih-lebih lagi mencipta senikata yang berbentuk komidi seperti *Nasi Goreng* (filem **Chemburu**, 1962) dan *Maafkan Kami* dan *Pok-Pok Bujang Lapok* (filem **Pendekar Bujang Lapok**, 1959), dan **Do Re Mi** (1966). Beliau juga menulis lirik-lirik bagi beberapa lagu sukaramai, antaranya *Di Pinggiran* (filem **Ragam P. Ramlee**, 1965), *Entah Di Mana* (filem **Keluarga 69**, 1967) dan *Assalamualaikum* (filem **Putus Sudah Kasih Sayang**, 1971).



P. Ramlee dan Hamzah Dolmat, 1964

Muzik memainkan peranan yang besar untuk menaikkan semangat menerusi lagu-lagu berbentuk *'march'*. Malah di dalam zaman awal perkembangan Islam, nyanyian yang menaikkan semangat dan muzik yang dibenarkan adalah sesuatu yang dipandang tinggi. Paluan gendang dan nyanyian yang bersemangat mengiringi pahlawan-pahlawan menuju medan peperangan. **P. Ramlee** telah menggubah lagu-lagu yang menunjukkan semangat patriotik seperti *Pahlawanku* (nyanyian Saloma); *Perwira* (nyanyian Saloma); *Sekapur Sirih* (nyanyian

Saloma); *Joget Malaysia*; *Joget Pahang* dan *Melaka* (nyanyian **P. Ramlee** dalam filem **Hang Tuah**).

**P. Ramlee** mencipta lagu-lagu masyarakat yang boleh dinyanyikan beramai-ramai seperti lagu *Kenek-Kenek Udang*; lagu-lagu berbentuk nasihat dan pengajaran seperti *Rukun Islam*, dan *T-olong Kami*. Beliau juga menggubah lagu-lagu balada seperti: *Merak Kayangan* dan *Tidurlah Permaisuri* yang mengisahkan percintaanya.

Lagu-lagu **P. Ramlee** yang telah digemari sepanjang zaman adalah lagu-lagu *Dendang Perantau* yang pasti akan berkumandang di udara, sama ada di televisyen mahupun di radio sewaktu menyambut Hari Raya; *Direnjis-renjis Di Pilis*, *Merpati Dua Sejoli* dan *Selamat Pengantin Baru* (nyanyian Saloma), pada majlis-majlis perkahwinan.

Syarikat-syarikat rakaman seperti EMI menerbitkan album-album khas yang mengandungi lagu-lagu merdu **P. Ramlee**. Lagu-lagu ini telah dirakamkan semula sebagai cakera induk mengikut cara digital di Abbey Road Studios, London. Album-album ini sekarang terdapat dalam bentuk cakera padat dan dikeluarkan dibawah tajuk-tajuk berikut:

(i) Lagu-lagu Terbaik dari Teater (ii) Koleksi Lagu-Lagu Terbaik **P. Ramlee**: Romantik Komidi (iii) Koleksi Lagu Terbaik **P. Ramlee**: Lagu dan Filem (iv) Koleksi Lagu-Lagu Terbaik **P. Ramlee**: Lagu Cinta (v) Tan Sri **P. Ramlee**: Siri Kenangan Abadi: Vol II (vi) **P. Ramlee**: 25 Tahun Tanpa Mu: 1973: 1998, dan (vii) Warisan Tan Sri **P. Ramlee**.

Lagu *Getaran Jiwa* telah diakui sebagai satu 'Masterpiece' yang digemari oleh rakyat Malaysia berbilang kaum, dan peringkat antarabangsa. Dalam sebuah album yang mengandungi lagu-lagunya yang teragung, penyanyi Inggeris Lobo telah memasukkan *Getaran Jiwa* dalam versi Bahasa Inggeris bertajuk *Whispers In The Winds*. Muzik ciptaan **P. Ramlee** telah melampaui sempadan bahasa, budaya dan geografi, banyak orkestra-orkestra antarabangsa telah menggubah semula lagu-lagu beliau dalam bentuk klasik. The Royal Swedish Chamber Orchestra telah memasukkan *Bunga Melor*, suatu ciptaan **P. Ramlee** ke dalam senarai lagu-lagu persembahannya. Lagu **P. Ramlee** asal yang memukau ini telah diberi kemudian oleh orkestra ini, yang mempunyai alat-alat talian yang lebih meluas, untuk menambahkan keceriaan kepada lagu itu. The Bolshoi Ballet of Tashkent, yang menjelajah ke seluruh dunia pula telah menggubah 16 buah lagu **P. Ramlee** dalam irama klasik. Orkestra ini merupakan satu daripada hanya tiga buah syarikat teater di bekas USSR yang dianugerahkan gelaran "Bolshoi" yang membawa, pada inti patinya, makna yang teragung, terbaik dan tertinggi. Lagu-lagu yang terpilih mewakili tema yang pelbagai: tragik, asmara dan komedi seperti berikut: *Menceceh Bujang Lapok*, *Dimana Suara Burung Kenari*, *Getaran Jiwa*, *Putus Sudah Kasih Sayang*, *Barang Yang Lepas Jangan Di Kenang*, *Yang Mana Satu Idaman Kalbu*, *Jangan Tinggal Daku*, *Tolong Kami*, *Bila Mama Pakai Celana*, *Senjakala*, *Pukul Tiga Pagi*, *Mengapa Derita*, *Dendang Perantau*, *Di Mana Kan Ku Cari Ganti*, *Aci-Aci Buka Pintu*, dan *Bunga Melor*.

Seorang artis Jepun yang bernama Kako Shimada pada tahun 1998 telah menyanyikan lagu *Jeritan Batin Ku* di dalam albumnya yang kedua bernama *Robin 99*. Album ini memuatkan lima lagu Melayu. Lagu *Jeritan Batin Ku* itu dinyanyikan dalam versi Inggeris yang diberi judul *Indian Summer*.

Dalam tempoh hayatnya, **P. Ramlee** telah mencipta suatu mitos tentang apa yang boleh dicapai oleh seseorang yang tidak berpendidikan dalam bidang muzik dan seni lakon. Beliau disanjung tinggi kerana suara emasnya. Dia telah menjadi lambang kepintaran yang kekal dalam bidang muzik, lakonan dan arahan.

**P. Ramlee** pada awal tahun 1973 telah menggubah lebih 20 buah lagu-lagu baru untuk dirakamkan oleh penyanyi-penyanyi berbakat seperti Mimi Loma, Suhaili Shamsudin dan lain-lain. Antara lagu-lagu baru itu ialah *Terima Kasih Banyak-Banyak*, *Surat Cinta*, *Rembang Petang di Malaysia*, *Siapa Nama Kanda*, *Epok-Epok* dan lain-lain lagi. Lagu-lagu ini dirakamkan dengan syarikat piring hitam Great Union Orkes (GUO), Kuala Lumpur dengan iringan orkes Ben Puteh di bawah pimpinan **P. Ramlee** sendiri.

**P. Ramlee** telah ditemubual oleh akhbar *Utusan Malaysia* pada 15 Februari 1973 setelah mengadakan pertunjukan Malam Pesta Ria, di Penaga, Butterworth:

"Saya bertujuan besar supaya lagu-lagu ciptaan saya itu kekal untuk selama-lamanya dan sesuai bagi setiap zaman".

Menurutnya beliau mahu setiap lagu yang dinyanyikan oleh penyanyi-penyanyi sekarang ini benar-benar bermutu dan tidak hilang ditelan zaman dan itulah sebab beliau berusaha mencipta lagu-lagu tersebut.

"Ini telah disebabkan banyak pencipta-pencipta lagu sekarang ini mencipta lagu-lagu yang tidak mengikut undang-undang (note) lagu dan sebab itulah lagu-lagu itu akan mudah luntur dan hilang ditelan zaman," kata seniman dan biduan **P. Ramlee**.

Kemudian beliau menyeru pencipta-pencipta atau penggubah-penggubah lagu supaya mencipta atau menggubah lagu-lagu mengikut undang-undang dan jangan hanya mengikut sesuka hati sahaja.

Ketika ditanya adakah kemerosotan lagu-lagu pop sekarang ini berpunca dari penggubah-penggubah atau pencipta-pencipta lagu itu tidak mengikut undang-undang, **P. Ramlee** bekata: "memang itulah punca dan sebabnya". [*Utusan Malaysia*, 16 Februari 1973 - ruangan Hiburan]

## PERFIMA

Nama ringkas Perusahaan Filem Malaysia Sdn Berhad (Malaysian Film Industries Sdn Berhad) yang diwujudkan pada tahun 1970. Tujuannya ialah untuk memajukan industri perfileman, bukan sahaja untuk menerbitkan filem, tetapi menjadi pengedar, penayang ataupun membina pawagam. Persatuan ini diasaskan oleh **P. Ramlee**, bersama Jins Shamsuddin, Salleh Ghani, H. M. Shah dan Jaafar Abdullah. Pada tahun penubuhannya, Jaafar Abdullah masih lagi di Shaw Brothers, Singapura, dan Jins Shamsuddin pergi ke London untuk mengikuti kursus perfileman, maka pengasas pertubuhan itu adalah H. M. Shah, seorang ahli peniaga. Syarikat ini tidak bergerak sehingga kembalinya Jins Shamsuddin dari England. Lembaga pengarah syarikat itu telah ditambah dengan kemasukan Abdullah Hussain da Zainuddin, menjadikannya enam orang, iaitu H. M. Shah, **P. Ramlee**, Jins Shamsuddin dan Jaafar Abdullah. Pada mulanya, PERFIMA mendapati sedikit modal menerusi edaran dua buah filem Indonesia pada bulan November 1972 yang bernama **Kabut Bulan Madu** dan **Wajah Seorang Laki-Laki** hasil pertolongan Turino Djunaidy. Ibu pejabat tetap PERFIMA kemudian telah berpindah daripada Shah Motel ke No. 281, Jalan Ampang, Kuala Lumpur berhadapan dengan Institut Penyelidikan Getah, Ma-

laysia. Satu percubaan di salah satu mesyuarat Lembaga Pengarah PERFIMA untuk menggantikan H. M. Shah dengan **P. Ramlee** tidak berjaya. Abdullah Hussain mengemukakan nama **P. Ramlee,** tetapi:

"Saya tidak mahu," kata **P. Ramlee,** "Kalau tidak ada Shah, saya tidak tahu apa-apa dalam business". "Apa yang you tidak tahu?" tanya saya, "Satu dunia ini orang kenal you. You buka mulut sahaja". **P. Ramlee** terus menolak dan ketika Shah bangun keluar, maka dia pun ikut keluar bersama-sama. Sebagai gantinya kami lantiklah Jins Shamsuddin. (Abdullah Hussain: 226)

Pada akhir bulan Februari 1973, H. M. Shah menarik diri daripada PERFIMA, dan diikuti pula oleh **P. Ramlee**. Penarikan diri mereka daripada PERFIMA berpunca daripada beberapa sebab, antaranya, perasaan tidak puas hati ahli-ahli Lembaga Pengarah terhadap pucuk pimpinan, perbezaan pendapat di antara Jins Shamsuddin yang mahu mengeluarkan filem-filem cakera 35mm, manakala pemimpin syarikat mencadangkan 16mm; cadangan **P. Ramlee** untuk membuat filem berjudul **Hidayah** telah tidak dipersetujui:

"Menurut persetujuan mesyuarat, filem tersebut akan di arah oleh Jins Shamsuddin dan **P. Ramlee** hanya dicadangkan untuk mencipta muzik dan berlakun dalam filem yang ditulisnya pada tahun 1961." [*Suria Kencana – Biografi Jins Shamsuddin*, Mohd. Zamberi A. Malek (Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1998, muka surat 250)].

**P. Ramlee** dan H. M. Shah kemudian menubuhkan Syarikat Rumpun Melayu Sdn Berhad. Ibu pejabat syarikat itu ialah di sebuah panggung usang di Medan Tuanku, Kuala Lumpur, yang lebih dikenali sebagai Pawagam **P. Ramlee**. Syarikat ini membeli banyak filem Indonesia dan Inggeris seperti **Pahlawan Sembilan, Bunga-Bunga Berguguran** dan **Jalang** (Indonesia), **Fawana** (Hindustan), **Primitive London** (Inggeris), **Love in Europe** (Pakistan), **Prostitution Today** (Jerman) dan sebuah filem dari Jepun. Ketika itu, **P. Ramlee** sedang memasang cita-cita untuk menerbitkan sendiri filem warna, dan antara filem dalam perancangannya ialah **Air Mata di Kuala Lumpur** dan **Cinta Tak Sampai**. Syarikat itu kekurangan modal.

Dengan kembalinya **P. Ramlee** ke rahmatullah pada 29 Mei 1973, Rumpun Melayu pun terus tidak bergerak.

## PERINGATAN

Negara telah mengabadikan nama **P. Ramlee** menerusi berbagai cara. Rumah kediamannya Jalan Dedap di Setapak telah diisytiharkan sebagai Pustaka Peringatan **P. Ramlee** pada 27 Februari 1984. Rumah



*Rumah P. Ramlee di Pulau Pinang*




*Pustaka Peringatan P. Ramlee di Jalan Dedap, Kuala Lumpur*

itu berada di Taman **P. Ramlee** yang dahulunya dikenali sebagai Taman Furlong. Di tengah-tengah ibu kota Kuala Lumpur di dalam kawasan Golden Triangle, Jalan Parry, telah ditukar menjadi Jalan **P. Ramlee**. Di kompleks Angkasapuri, ibu pejabat Kementerian Penerangan, Kerajaan telah mengabadikan nama beliau dengan menamakan sebuah oditorium sebagai Oditorium **P. Ramlee**, di samping mewujudkan Rakamkhanah **P. Ramlee** di Wisma Radio. Perbadanan Filem Nasional (FINAS) menamakan panggungnya sebagai "Theatrette **P. Ramlee**". Rumah kelahiran **P. Ramlee** di Jalan Counter Hall di Pulau Pinang, telah dibaik pulih dan dijadikan Kompleks Warisan Pustaka Seni, Pulau Pinang. Jalan Counter Hall telah ditukar nama kepada Jalan **P. Ramlee** pada 30 Ogos, 1983.

## PERJODOHAN

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited, Singapore. Dibuat oleh Malay Film Productions Limited, Singapura. Tarikh dikeluarkan: 24 Julai 1954.

**P. Ramlee**; Normadiah; Nordin Ahmad; Mariani; Aini Hayati; Siti Tanjung Perak; S. Hassan Sahab; Mustarjo; Zainon Hj. Ibrahim; adek Johan

Jurugambar : R. C. Purushotham; Jurusuara : Kamal Mustafa; Chan Chow Ton; Setting : J. S. Anthony; Penyunting Film : H. R. Narayana; Wong Fun; Processing : V. Radhakrishnan

Pembantu-pembantu :- Jurugambar : A. Bahar Lahak; Jurusuara : Wong Siew Lee; Settings : Rasul Ibrahim; Processing : Wong Hong Peng; Continuity: Mrs G. Kollart

Lagu-lagu: **P. Ramlee**; Gurindam: H. M. Rohaizad; Tari Tarian: Edith Castillo; Pacharagam: Yusoff B



*P. Ramlee dan Normadiah dalam filem* **Perjodohan**

Cerita disusun oleh B. N. Rau; Seni-kata dan penolong pengarah: S. Hassan Sahab

Pengarah: B. N. Rau

Cerita: Rashid (**P. Ramlee**) dan Habibah (Normadiah) telah berkahwin selama tujuh tahun, dan telah dikurniakan seorang anak, bernama Johan. Rashid bekerja di sebuah syarikat, dan kawan-kawan sekerjanya terdiri daripada Yaakob (Nordin Ahmad), Salmah (Mariani) dan Yusuf (S. Hassan Sahab). Isteri Yaakob ialah seorang guru bernama Fatimah (Aini Hayati). Fatimah adalah guru Johan.

Rumah tangga Rashid dan Habibah terumbang-ambing oleh kerana tidak terdapat persefahaman di antara satu sama lain. Rashid menyatakan masakan hidangan Habibah tidak sedap atas alasan kurang garam. Habibah pula selalu memarahi dan mengherdik Rashid. Pada satu hari, Habibah menjemput kawan-kawannya belajar menari di rumah, dan ini telah mengganggu Rashid yang sedang tekun membuat kerja pejabatnya di rumah. Pada suatu ketika yang lain, Habibah memadamkan lampu apabila Rashid bekerja hingga larut malam. Perhubungan mereka berdua laksana retak mencari belah. Rashid mudah naik marah di atas perkara-perkara yang kecil seperti kehilangan sepasang kasutnya yang telah diletakkan oleh Johan di luar rumah; dan perbuatan Habibah menutup kunci loceng jam sehinggakan Rashid terlewat pergi bekerja. Rashid mengadu tentang hal-hal ini kepada sahabat-sahabatnya di pejabat. Kawannya Yaakob telah menasihatkannya supaya bersabar. Habibah pun selalu mengadu kepada Mak Longnya (Siti Tanjung Perak), mendakwa bahawa beliau seperti hamba-abdi di rumah dan inginkan kebebasan. Beliau meminta Mak Longnya mencarikannya kerja sebagai guru jahit. Rashid tidak dimaklumkan oleh Habibah mengenai perkara ini, dan cuma mengetahuinya daripada Enon (Zainon Hj Ibrahim). Rashid juga marah oleh kerana Habibah telah membeli sebuah mesin jahit. Pekerjaan menjahit di rumah juga telah mengganggu Rashid yang membawa kerja pejabatnya ke rumah. Habibah mendapat kerja tanpa keizinan Rashid oleh kerana, kata beliau, hendakkan kebebasan. Beliau lalu meminta cerai. Rashid dengan serta-merta menyatakan bahawa Habibah telah dayus.

Mereka pun mengadap Kadi (Mustarjo) yang meminta mereka berpakat balik, dan memikirkan hal anak mereka itu. Habibah berkeras meminta cerai, tetapi Rashid berkata bahawa beliau boleh bersabar. Kedua-dua mereka pun balik ke rumah, tanpa apa-apa keputusan daripada Tuan Kadi.

Rintihan Rashid mengenai nasibnya diperlihatkan melalui sebuah lagu *Sungguh Malangnya Nasib Ku* . Lagu itu memberi kesan yang mendalam kepada Habibah

lantas isterinya itu memujuk Rashid. Mereka berbaik-baik buat sementara waktu.

Habibah menaruh perasaan cemburu terhadap Salmah, rakan sekerja Rashid di pejabat.

Untuk kali kedua, mereka berkunjung ke pejabat kadi. Kadi telah menasihatkan supaya mereka bermuafakat. Sekiranya mereka bercerai, Tuan Kadi telah menerangkan mengenai penjagaan anak mereka, dan mencadangkan setahun bagi bapa dan setahun bagi emak. Setelah mendengar kata-kata Tuan Kadi itu, Habibah pun menyatakan kesediaannya untuk melupakan hal yang sudah-sudah. Mereka pun tidak jadi bercerai.

Rashid dan Habibah berbaik-baik semula. Pada masa yang sama, Rashid menjalin perhubungan yang amat mesra dengan Salmah. Beliau selalu memuji-muji Salmah bahawa budi bahasanya baik, dan bahawa dia bijak dan cantik. Pujian ini pernah dilafazkan di hadapan Habibah. Pada suatu hari, Habibah telah melihat Rashid dan Salmah tinggal berdua-duaan di pejabat, kerana kerja lewat masa. Perasaan cemburu Habibah meningkat. Mak Longnya menasihatkan beliau supaya jangan cemburu buta dan jangan salah sangka terhadap perhubungan antara Rashid dengan Salmah.

Pada suatu hari, Rashid balik lambat ke rumah dan Habibah terus menuduh bahawa dia cintakan Salmah sebagaimana yang dilihatnya di pejabat terdahulunya. Rashid cuba menerangkan kepada Habibah bahawa Salmah telah bertunang dengan Yusuf. Habibah tidak mahu mendengar penjelasan Rashid, dan mereka berdua, pada kali ketiganya pergi ke hadapan Tuan Kadi. Pada kali ini, Tuan Kadi telah memutuskan perceraian mereka dan peraturan hak penjagaan anak, ialah seminggu bagi tiap-tiap seorang, secara bergilir-gilir.

Di dalam kesepiannya, Rashid telah mengingat kembali masa mereka bercinta di tepi laut dan mendendangkan lagu *Mengapa Riang Ria* .

Habibah pula membawa anaknya Johan ke kebun bunga, dan selepas itu menghantarnya balik ke rumah, untuk giliran penjagaan bapanya. Rashid hendak membawa Johan ke kebun bunga. Johan meminta ibunya ikut sama. Mereka bertiga menuju ke tempat lama di mana mereka pernah memadu asmara. Untuk mengembalikan balik perasaan mereka, Rashid dan Habibah telah menyanyikan semula lagu *Mengapa Riang Ria*; Rashid mengingatkan Habibah bahawa jika dahulu mereka berdua sahaja di tempat itu, sekarang mereka bertiga (bersama Johan). Habibah berasa cukup gembira.

Rashid dan Habibah, bersama Johan balik ke rumah, dan mendapati Salmah menunggu di situ untuk mengundang mereka ke majlis perkahwinannya dengan Yusuf.

Rashid dan Habibah telah hadir di majlis perkahwinan Salmah dengan Yusuf. Rashid menyanyikan lagu *Hujan Di Tengah Hari* yang mengisahkan gelora rumah tangganya. Di majlis itu, Rashid dan Yaakob telah memberi ucapan-ucapan yang mengisahkan kisah rumah tangga masing-masing. Rashid menerangkan bahawa di dalam sebuah rumah tangga, mesti ada kasih sayang antara satu sama lain, dan ada persesuaian. Isteri tidak patut memerintah suami, dan isteri mesti mengaku kesalahannya, dan jangan cemburu buta. Yaakob pula menceritakan perasaan cemburu buta terhadap isterinya, yang menjalin perhubungan dengan sepupunya. Perasaan cemburunya tidak mempunyai asas apabila beliau mengetahui bahawa

perhubungan isterinya dengan sepupunya adalah antara adik-beradik. Habibah setelah mendengar kedua-dua ucapan itu terus meninggalkan majlis.

Habibah telah mengaku kepada Rashid akan kesalahannya, dan beliau bersedia dirujuk semula oleh Rashid, dan bersatu kembali. Di atas permohonan mereka, dan dengan adanya dua orang saksi, Tuan Kadi telah menyatukan mereka semula. [Tamat]

## PERKAHWINAN

**P. Ramlee** telah berkahwin sebanyak tiga kali.

Perkahwinan **P. Ramlee** dengan Junaidah Harris pada tahun 1950 diijabkabulkan oleh Kadi Besar Singapura Haji Ali bin Mohd Salleh. Istiadat pernikahan dan persandingan berlangsung di rumah D. Harris di Boon Teck Road, Singapura 11. Perkahwinan ini telah menghasilkan dua orang putera bernama Mohamad Nasir dan Arfan. Mereka bercerai pada tahun 1954.



*Arfan*

Perkahwinan kedua **P. Ramlee** adalah dengan Norizan Mohd Nor, iaitu bekas isteri Paduka Seri Sultan Perak, Raja Yusoff pada masa itu. Mereka berkahwin pada bulan Februari tahun 1955, dan bercerai pada tahun 1961.

Perkahwinan ketiga **P. Ramlee** adalah dengan seniwati dan biduanita Salmah Ismail (Saloma) pada tahun 1961. Perkongsian hidup ini berakhir pada 29 Mei 1973 dengan kembalinya **P. Ramlee** ke rahmatullah.

Selain Nasir dan Arfan, P. Ramlee juga mempunyai anak angkat termasuk Sazali, Badin, Zazaloma dan Dian; dan anak tiri bernama Armali, iaitu anak kandung Saloma hasil perkahwinannya dengan A. R. Tompel, dan Abdul Rahman, anak tunggal Junaidah, hasil daripada perkahwinannya yang pertama sebelum menjadi isteri **P. Ramlee**.

## PERSAMA

Ia merupakan nama ringkas "Persatuan Artis Malaya" sebuah kesatuan sekerja yang dianggotai oleh artis-artis di studio Jalan Ampas. **P. Ramlee** pernah menjadi Presiden kesatuan ini. Buat pertama kalinya dalam sejarah perfileman, para bintang filem dan pekerja-pekerja studio disatukan di bawah sebuah badan yang bernama PERSAMA (Persatuan Artis Malaya). PERSAMA pernah melancarkan mogok untuk meminta keadilan daripada majikan; mogok itu telah berjalan antara 16 Mac hingga 8 April 1957. PERSAMA telah mengambil keputusan untuk mogok bagi menuntut supaya ahli-ahli PERSAMA, iaitu H. M. Rohaizad, Omar Rojik, S. Kadarisman dan Syed Hassan Shahab yang telah dibuang kerja diambil semula. Di atas campur tangan Tunku Abdul Rahman Putra, pihak maji-



*Salleh Ghani*

kan telah mengambil kelima-lima orang itu bekerja kembali.

Kesatuan ini mengalami masalah kewangan dan pengurusan pada tahun 1960. Di mesyuarat agong tergempar PERSAMA pada bulan Januari 1960, **P. Ramlee** telah menyatakan, antara lain:

'Setiap apa juga pekerjaan dan perjuangan kita memerlukan wang dan kalau saudara-saudara tidak membayar yuran kita tidak boleh bergerak".

Salleh Ghani, Setiausaha Agong PERSAMA, mengingatkan juga:

"Jangan waktu hendak digunakan jasa-baik PERSAMA atau waktu meminta tindakan PERSAMA kerana diberhentikan kerja atau berhubung dengan sesuatu hal mengenai pekerjaan maka baru berkira untuk membayar yuran dan baru mengaku ahli PERSAMA ..."

Waktu menutup mesyuarat tergempar itu, **P. Ramlee** telah sekali lagi bangun dan mengingati para ahli-ahlinya supaya jangan berpuak-puak, berhasad dengki dan menaruh prasangka yang kurang baik—iaitu yang merupakan sebab-sebab 'besar' perjalanan PERSAMA menjadi lemah dan tidak dapat meneruskan perjuangannya sebagaimana yang dicita-citakan. **P. Ramlee** yang telah memegang jawatan Presiden semenjak bulan Jun 1959 telah meletakkan jawatan itu selepas Mesyuarat



*P. Ramlee di dalam mesyuarat tergempar PERSAMA, 1957*



*P. Ramlee dan H. M. Rohaizad*



*Persiapan untuk mogok oleh PERSAMA*

Agong Tergempar, oleh kerana tuduhan terhadap diri beliau yang mengatakan ia tidak bertanggungjawab dan tidak jujur menyebabkan kesatuan itu menemui kepincangan. Beliau menerangkan bahawa beliau tahu bahawa ada 'pemberontakan' di dalam PERSAMA. **P. Ramlee** berkata:

"Apakah saya dikatakan tidak bertanggung jawab kerana terjadi pembuangan 24 orang pekerja-pekerja waktu saya belum dilantik menjadi Presiden PERSAMA. Mengenai soal pemberhentian Neng Yatimah, tentu saudara-saudara tahu bahawa saya telah berikhtiar dan menemui sendiri majikan, agar Neng diterima bekerja semula dan hasilnya pihak majikan telah menerima usulan saya dan Neng akan bekerja semula di Studio Jalan Ampas" [*Gelanggang Filem* Bil. 54, 1Feburari 1960, m.s. 20].

Jawatankuasa PERSAMA memohon agar **P. Ramlee** bersabar dulu sehingga mesyuarat agong yang akan diadakan dalam waktu kira-kira empat bulan daripada tarikh mesyuarat tergempar itu.

Jamil Sulong telah dilantik sebagai Presiden di Mesyuarat Agong keenam PERSAMA pada bulan Julai 1960, dan beliau mengucapkan terima kasih atas jasa-jasa **P. Ramlee** terhadap kesatuan itu. **P. Ramlee** telah menolak lantikan sebagai Presiden oleh kerana katanya dalam dua tiga bulan lagi beliau akan berpindah ke Kuala Lumpur. Ahli-ahli yang tinggal pada masa itu ialah seramai 89 orang; 66 orang lagi telah diberhentikan kerana masuk dalam Kesatuan Pekerja-Pekerja Awam Singapura, dan kerana tidak membayar yuran. **P. Ramlee**, sewaktu membuka mesyuarat agong tersebut menyatakan bahawa timbulnya kelemahan dan kepincangan di dalam PERSAMA ialah semenjak berlakunya mogok pada tahun 1957. Semenjak itu, timbullah orang-orang yang dikatakan 'pemberontak' di dalam PERSAMA.

Di dalam ucapan penutupnya, P. Ramlee telah menerangkan bahawa:

"kepincangan dan kelemahan PERSAMA selama ini ialah kerana tidak dilakukan pemecatan kepada ahli-ahli yang melanggar undang-undang dan 'menderhaka' serta khianat terhadap PERSAMA. ... . Pohon kelapa walau begitu besarnya sekalipun, tetapi kalau sudah ada dedalu pada pohonnya maka pohon kelapa itu mesti mati." [*Gelanggang Filem* 1 Julai 1960, muka surat 20]

**P. Ramlee** telah bersetuju menjadi penasihat kepada PERSAMA bersama dengan H. M. Rohaizad.

Masalah kesatuan itu semenjak ianya diwujudkan adalah dari segi keahlian, yang terdiri daripada buruh kasar, tukang jaga, technicians dan sebagainya, yang berlindung di bawah nama 'artis'. PERSAMA itu tidak dapat berjalan dengan baik sebagai satu persatuan artis yang tulen untuk kepentingan para anggotanya dalam meningkatkan taraf hidup dan dalam meninggikan mutu kesenian bangsa.

## PHANI MAJUMDAR

[1914 - ]

Beliau yang dilahirkan di Paridpoor, East Bengal, turut bergerak secara langsung dalam perjuangan kemerdekaan India. Filem **Doktor** arahannya, telah membawa kejayaan kepada beliau dengan menerima filem yang agong daripada *Persatuan Wartawan Bengal*. Di Bombay, beliau menjadi pengarah di Lakshmi Productions. Phani Majumdar terkenal di kalangan seniman-seniman India sebagai seorang 'idealist' yang telah berusaha dalam seninya untuk memperkayakan Tamadun India dengan



*Phani Majumdar*

kecekapannya dalam menggubah hasil sastera.

Semasa berkhidmat di Malay Film Productions, beliau telah mengarah dua buah filem dengan **P. Ramlee** sebagai pelakon utama iaitu filem **Hang Tuah** (1956) dan **Anak-Ku Sazali** (1957). Filem-filem inilah antara yang paling berjaya di dalam perkhidmatanya di negara ini. Filem **Hang Tuah** telah memenangi hadiah "Lagu-Lagu Latar Belakang Terbaik" hasil gubahan **P. Ramlee**, di Asian Film Festival tahun 1956; sementara filem **Anak-Ku Sazali** memenangi dua hadiah: **P. Ramlee** sebagai "Pelakun Terbaik", dan Tony Castello sebagai "Pelakun Kanak-Kanak Terbaik" dalam Asian Film Festival 1957.

Berdasarkan pengalamannya di dunia perfileman di India sebagai pengarah filem-filem perjuangan yang berlatarbelakangkan masyarakat, beliau telah berusaha bersungguh-sungguh di dalam filem **Hang Tuah** untuk menggambarkan peribadi besar dan gagah bagi tanah air kita, simbol kebanggaan Melayu. Kekuatan filem itu adalah dalam keupayaannya menggambarkan **Hang Tuah** sebagai pejuang tanah air, tidak sebagai satu watak "adventure" seperti Robin Hood.

## PIRING HITAM

Lagu-lagu Melayu dan lagu-lagu filem yang menjadi pujaan ramai telah dirakamkan ke piring hitam.

Pada masa itu, terdapat sebuah studio yang dilengkapkan dengan hawa dingin dan sistem bunyi yang baik di Mac Donald House di Orchard Road, Singapura. Pada tahun-tahun akhir empat puluhan dan awal lima puluhan, terdapat ramai tokoh biduanita yang terkenal seperti Rubiah, Momo, Lena dan Aishah. Kebanyakan rakaman biduanita-budianita ini diringi oleh Rayuan Kechana Orkestra, satu daripada orkestra yang terbaik di Malaya di bawah pimpinan Osman Ahmad. Semua rakaman dibuat dengan menggunakan alat perakam pita EMI yang paling moden pada waktu itu, sama seperti yang



*P. Ramlee, 1952*

dibekalkan kepada BBC dan badan-badan penyiaran yang lain. Pita-pita itu kemudiannya dihantar ke Britain di mana rakaman-rakaman itu dipindahkan kepada piring-piring hitam yang akhirnya dibawa balik ke Malaya dan wilayah-wilayah lain di mana terdapat permintaan terhadap piring hitam Melayu. Pada masa itu, hanya terdapat beberapa buah syarikat rakaman dalam pasaran muzik. Mungkin yang paling terkenal di antaranya dan yang paling digemari ramai ialah piring hitam yang mengandungi gambar seekor anjing yang sedang tekun mendengar sebuah peti nyanyi jenis lama.

Terdapat suatu cerita menarik mengenai asal usul gambar ini. Gambar ini dicipta oleh seseorang pelukis bernama Francis Barraud pada musim panas tahun 1899. Mengikut ceritanya, saudara lelaki pelukis itu telah memelihara seekor anjing bernama Nipper yang amat setia. Apabila tuannya meninggal dunia Nipper hampir patah hati. Francis Barraud membuat keputusan untuk menjaga Nipper lalu membawanya tinggal bersamanya.

Ini semua berlaku pada zaman peti fonograf, iaitu semasa selindar lilin (wax cylinders) digunakan. Barraud memerhatikan bagaimana anjing itu memasang telinganya apabila mendengar fonograf itu 'bercakap'.

Sama ada bunyi suara yang didengarinya itu menyerupai suara tuannya yang lama tidaklah diketahui, tetapi sikap anjing itu memberi Barraud ilham untuk melukis gambarnya. Dia melukis gambar Nipper sedang mendengar fonograf dan memberi gambar itu tajuk yang berbunyi "His Master's Voice". Memikirkan bahawa gambar itu akan menarik minat pembuat-pembuat mesin fonograf, Barraud menunjukkan gambar itu kepada sebuah syarikat yang pada masa itu terkemuka sebagai penjual mesin selindar lilin. Anehnya mereka tidak berminat. Gambar itu kemudiannya ditawarkan pula kepada Syarikat Gramophone yang meminta pelukis itu menggantikaan fonograf itu dengan peti nyanyi yang menggunakan piring. Mereka kemudian mengambil gambar itu sebagai tanda niaga syarikat peti nyanyi itu. Semenjak itu berjuta-juta salinan gambar yang mashyur itu telah dibuat dengan beraneka bentuk dan sekarang ini ia terkenal di seluruh dunia. Pada masa itu, gambar ini kelihatan di banyak rumah di Malaya, di atas peti nyanyi, di atas piring hitam dan pada kotak-kotak kecil jarum peti nyanyi.

Kilang EMI yang luas itu terletak di Hayes, Middlesex, England. The Gramophone Company Limited mempunyai syarikat-syarikat rakan termasuk di Singapura. Seniman-seniman Melayu merakamkan lagu-lagu mereka untuk Messrs. T. Hemsley & Co. Limited di atas "Columbia Records". Yang mengendalikan rakaman di HMV Studio di Singapura ialah A. N. Sam dari Electrical Musical Indsutries of Hayes, Middlesex. Dengan menggunakan Emitape, iaitu sejenis perakam buatan British, buat pertama kalinya di Timur jauh, Encik Sam merakamkan penyanyi-penyanyi Melayu (dalam tahun 1951, dan penyanyi-penyanyi terdiri daripada, misalnya **P. Ramlee**, Asiah, Momo dan Lena) bersama orkestranya serentak dengan menggunakan empat perakam suara di atas sejenis pita lentur yang diperbuat daripada 'cellulose acetate plastic' yang disadur dengan habuk oksida ferrix yang membolehkannya dirakam berulang-ulang, dihapuskan dengan serta merta dan dirakamkan kemudian jika perlu. Setiap pita itu boleh menampung lima rakaman. Ianya kemudian diterbangkan ke Calcutta atau Hayes untuk dipindahkan ke piring hitam.



*P. Ramlee, Mome dan wakil syarikat T. Hornsby & Co.*


Columbia
Records
Columbia
CHOGAN YANG LEBEH BAIK SEKALI


"His Master's Voice"
PENYANYI"
YANG TERMASHHOR SEKALI
CAUTION


DI-NYANIKAN OLEH PENYANYI² YANG TERMASHHOR DENGAN
SUARA YANG NYARING DAN MERDU
Pathé
CAUTION


PARLOPHONE
PARLOPHONE
CAUTION




*Keputusan biduan raya*

dengan Orkestra Samudra. **P. Ramlee** telah merakamkan beberapa buah lagu bersamanya dan dengan kemasyhuran biduanita itu, kemasyhurannya juga berkembang. Momo juga bernyanyi dengan HMV. **P. Ramlee** dan Momo merakamkan sebuah lagu dari filem **Takdir Illahi** (1950) iaitu *Mari Menari* pimpinan Okrestra Osman Ahmad. Walau bagaimanapun, namanya tidak termasuk dalam nama tajuk piring hitam itu. Rakaman-rakaman lain **P. Ramlee** dengan HMV yang paling digemari ialah *Merpati Dua Sejoli* bersama Momo dari filem **Bakti** (1950).

**P. Ramlee** juga pernah merakamkan lagu dengan Columbia Records. Satu daripadanya ialah *Asmara Datang Bersama Sang Bulan* (beguine) yang disukai ramai bersama Lena dari filem **Istana Impian** dengan Orkestra Ahmad Jaafar. Walaubagaimana pun, namanya tertinggal dari tajuk piring hitam itu.

Terdapat dua buah syarikat lain yang telah merakamkan nyanyian **P. Ramlee** iaitu "Parlophone" dan "Pathe". Beliau lebih merupakan seniman "Pathe" kerana banyak lagu-lagunya dirakamkan oleh syarikat itu. Terapat juga lagu-lagu dari sebuah filem yang dirakamkan oleh syarikat-yarikat yang berlainan. Misalnya, lagu *Merpati Dua Sejoli* (dari **Bakti**) dirakamkan oleh HMV manakala lagu yang sama

Di kalangan biduanita-biduanita yang merakamkan suara mereka, Rubiah dianggap paling terkemuka. Beliau telah merakamkan banyak lagu yang menjadi kesukaan ramai. Lagu-lagunya dalam piring hitam "His Master's Voice" yang paling digemari ialah: "Bunga Tanjong" (2 bahagian), "Melati" (2 bahagian) diringi oleh Orkestra Rayuan Kenchana pimpinan Ahmad Jaafar, "Kuala Deli" dan "Jiwa Lara" (tango) dengan orkestra H. M. V.; lagu-lagu dari filem **Dewi Murni** (1950), **Suasana** dan **Hikmat Alam** dan **Dewi Murni** (dengan M. Yatim) dan **Jodoh**



*Asiah dan Sutinah (kanan) yang pernah berpadu suara dengan P. Ramlee*

masyhurnya *Hidup Berdua* yang dinyanyikannya bersama Asiah dan *Hidup Melarat* dengan Orkestra Pathe (pimpinan Osman Ahmad) dari filem yang sama dirakamkan oleh Pathe. *Di Renjis-Renjis* yang dinyanyikan oleh **P. Ramlee** dengan Orkestra Osman Ahmad dari filem **Takdir Ilahi** telah dirakamkan oleh Pathe, manakala lagu *Mari Menari* yang dinyanyikan oleh Momo dan **P. Ramlee** dalam filem yang sama dirakamkan oleh HMV, tetapi nama **P. Ramlee** telah tertinggal dari nama tajuk piring tersebut. Banyak lagu-lagu filem yang suaranya dipinjamkan oleh **P. Ramlee** dan Asiah kepada Roomai Noor dan Siput Sarawak telah dirakamkan oleh Pathe dan di antara yang paling digemari pada masa itu ialah *Asmara Bergelora* bersama Asiah dari filem **Nasib** (1949) dan *Putus Harapan* bersama Asiah dari filem **Nilam** (1949), *Azizah, Satay* dari filem **Bakti** dan dua buah lagu gubahan **P. Ramlee** yang menjadi kesukaan ramai iaitu *Pantai Gurauan* dan *Baidah* dirakamkan oleh Pathe dengan Orkestra Osman Ahmad.

Lagu-lagu **P. Ramlee** kemudiannya dirakamkan oleh Parlophone dengan tanda duit British. Sebuah lagu yang disukai ramai iaitu *Malam Bulan Di Pagar Bintang* nyanyian Saloma dan filem **Pendekar Bujang Lapok** di bawah pimpinan Orkestra **P. Ramlee** itu telah dirakamkan oleh Parlophone.

Dengan pengenalan gram angkat (pick-up grams), banyak lagu-lagunya telah dipindahkan ke dalam piring termasuk piring putaran lama. Setengah-setengah daripada lagu-lagu Pancha Sitara telah dirakamkan terus ke dalam piring-piring seperti itu. Piring-piring itu yang jauh lebih ringan, juga berwarna hitam, dan hanya boleh dimainkan dengan gram angkat tidak dianggap sebagai piring hitam yang dimainkan menggunakan gramphone dengan kelajuan 76 r.p.m. atau putaran pada satu minit.

## PUTUS HARAPAN

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited, Singapura. Dibuat oleh Malay Film Productions Limited, Singapura. Tarikh dikeluarkan: 2 Mac 1953

**P. Ramlee**; Rokiah; supported by: Muslamah; Nordin Ahmad; Salleh Kamil; Hafsah; Hashim Nor; Mariani; Osman; Hamid; Annie Jasmin; Aziz; Jr., Amran Alimin; Abbas Rahmat; Supatri

Cameraman: N. B. Vasudev; Soundman: Yap Poh Kai; Music: Osman Ahmad; Asst. Director: Syed Hasan; Asst. Soundman: Lam Shing Seat; Asst. Cameraman: Hai Kai Juan; Edited by: Wong Fun; Settings: M. Sulaiman

Production Manager: Y. Lui

Directed by: B. N. Rao

Cerita: Hashim (Hashim Noor), tuan punya sebuah kilang yang besar, mempunyai sifat kasih sayang dan belas kasihan terhadap kanak-kanak yang ibu bapa mereka menjadi mangsa keadaan. Oleh yang demikian, tentulah kasih sayangnya terhadap Yusuf **(P. Ramlee)** berlipat ganda, memandangkan bapa Yusuf telah terbunuh apabila kilangnya itu terbakar. Sebaliknya, isteri Hashim (Musalmah) tidak sukakan sifat mulia suaminya itu yang telah memelihara beberapa orang anak yatim.

Hashim selalu memarahi isterinya, dan mengingatinya untuk menganggap Yusuf sebagai anak mereka sendiri, tetapi isterinya selalu melarang anak-anaknya sendiri iaitu Fatimah (Rokiah) dan Osman (Nordin Ahmad) untuk bercampur dengan Yusuf. Namun demikian, oleh kerana sedikit sebanyak mewarisi sifat belas kasihan sesama insan yang terdapat pada bapanya, Fatimah mempunyai perasaan belas




kasihan terhadap Yusuf. Beliau memberi sedikit semangat dan galakan kepada Yusuf apabila melihat Yusuf selalu murung menyesali nasibnya sebagai anak yatim.

Walaupun Yusuf merupakan seorang yang kurang bernasib baik, namun di sekolah, beliau menunjukkan kecerdikan dalam pengajiannya yang jauh lebih tinggi berbanding dengan rakan-rakan sedarjahnya yang lain, termasuk saudara angkatnya Osman. Malangnya, sekarang Yusuf mendapati dirinya di kemuncak duka selepas kematian bapa angkatnya, Hashim. Walaupun Hashim meninggalkan cukup wang serta wasiat, ibu angkatnya yang dengki itu tidak memperdulikan kebajikan Yusuf dan telah memberhentikan persekolahannya. Sebaliknya, budak itu dijadikannya orang gaji di rumahya, sementara anaknya Fatimah dan Osman terus pergi ke sekolah.

Walau bagaimanapun, Fatimah yang lembut hati itu amat mengambil berat tentang keadaan yang dihadapi oleh abang angkatnya, Yusuf, oleh kerana beliau mengetahui benar cita-citanya. Tambahan pula, Fatimah sendiri telah membelikannya alat perkakas bagi berlatih diri sendiri dalam bidang ilmu kejuruteraan. Tidak syak lagi Fatimah menjadi sumber dorongan yang besar terhadap anak yatim ini dalam usahanya untuk menjadi seorang jurutera.

Osman sebaliknya tidak menjadi pelajar seperti yang diharapkan oleh ibunya. Dia menghabiskan masanya berfoya-foya dengan kawannya, Ismail (Salleh Kamil), anak seorang kaya. Beliau telah menulis surat kepada ibunya untuk memberitahunya tentang perniagaan yang baru dimulakannya di Singapura serta keperluannya untuk mendapatkan wang dengan segera untuk menjalankan perniagaannya itu. Sebenarnya, beliau telah jatuh cinta dengan seorang gadis peleser kota, Kasma (Mariam), dan dalam kegilaannya mengejar cinta dan keseronokan, beliau tidak teragak-agak meminjam wang daripada Ismail. Kemudian, Osman memperkenalkan Ismail kepada adiknya Fatimah.

Yusuf terus bekerja sebagai orang gaji di rumah itu, tetapi berkat ketabahannya mempelajari ilmu kejuruteraan, permohonannya untuk mendapat pekerjaan di sebuah syarikat kejuruteraan telah berjaya. Dalam pada itu, persahabatan di antara Fatimah dengan Ismail yang digalakkan oleh ibu Fatimah telah menimbulkan sedikit sebanyak perasaan cemburu pada diri Yusuf. Dengan hal yang demikian, beliau pun meninggalkan rumah itu tanpa memberitahu ibu angkatnya, lalu mula bekerja di syarikat kejuruteraan tersebut.

Walau bagaimanapun, Fatimah tidak mencintai Ismail dan menolak bulat-bulat cadangan ibunya supaya berkahwin dengan Ismail. Oleh itu Ismail dengan keras menuntut semua pinjaman yang telah diberikannya kepada Osman. Suatu arahan mahkamah bagi menangkap Osman telah dikeluarkan. Memandangkan kesusahan yang dihadapi oleh abangnya, Fatimah bersetuju untuk berkahwin dengan Ismail. Tarikh perkahwinan telah ditetapkan, tetapi malangnya, Fatimah jatuh sakit. Semasa Fatimah sedang sakit tenat, beliau berhajat benar untuk menemui abang angkatnya Yusuf; tetapi malangnya dukacita yang amat sangat menimpa mereka semua apabila beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir. [Tamat]

Ada pihak yang memberi ulasan terhadap filem seperti berikut:

1. Sikap pengarahnya yang melulu dalam penggambaran percintaan antara anak-anak yang di bawah umur, misalnya ungkapan kata-kata anak perempuan kepada anak lelaki dalam filem itu seperti : 'Yusop, pandanglah muka aku Yusop, senyumlah ...' menyebabkan penonton-penonton ketawa, oleh kerana anak-anak yang begitu muda telah pandai membayangkan rasa hatinya, memujuk dan memberi kiasan;

2. Terdapat satu adegan yang bertentangan sama sekali dengan adat orang-orang Melayu dan agama Islam, khususnya tentang mayat Fatimah (Rokiah Jaafar). Setelah ia meninggal dunia, maka Yusop (**P. Ramlee**) yang sejak tadinya menjaga Fatimah telah memangku mayat itu lalu dibawanya keluar rumah ke suatu tempat yang tidak diketahuinya. Perbuatan membawa mayat tanpa tujuan seperti yang dilakukan itu menguzurkan mayat, dan dipandang tidak menghormati mayat; kematian Fatimah adalah dalam rumahnya sendiri dan kenapa mayatnya itu dipangku oleh Yusop dan dibawa keluar jauh dari kawasan rumah Fatimah?

## PUTUS SUDAH KASEH SAYANG

Dibuat di Merdeka Filem Setudio, Kuala Lumpur. Tahun dikeluarkan: 1971

**P. Ramlee**; Latifah Omar; *dibantu oleh*: Bob Mustaffa; Mariani; A. K. Jailani; Hashim; *serta*: Idris Hashim; Minah Hashim; Norizan; Edah Jailani

Teknik Fotografi: Siew Chan Wa; Rakaman Awal: AnuarYusoff; Rakaman Akhir: Tan Chuan Hock; Filem Editor: Joe Ibrahim; Art Director: Abd. Hamid Aziz

Penolong²: Pengarah sambungan: Bakar Jaafar; Camera: Amin Zaa; Suara: Mustafa Mansor

Penolong: Penchitak: Rosalind Teoh; Make-up: Rokiah Osman; Pelukis: Esa Ahmad

Lagu, Gurindam dan arrangements: **P. Ramlee** AMN; Penyanyi Latar: Saloma; **P. Ramlee**

Cerita asal: Osman Abadi; Screen Play: **P. Ramlee**; Osman Abadi Directed by: **P. Ramlee** AMN

Cerita: Che' Rostam (**P. Ramlee**), adalah pengurus salah sebuah bank yang




terkemuka. Beliau mempunyai seorang isteri bernama Rosmah (Mariani), dan seorang anak lelaki yang masih dalam golongan umur belasan tahun bernama Rosman (Bob Mustafa). Rosmah, mengidap penyakit lumpuh dan hanya sanggup bergerak dengan menggunakan kerusi beroda. Sejak mengidap penyakit lumpuh itu, maka lumpuhlah sama hubungan batin antara suami isteri ini. Sementara isterinya tidak dapat bergerak jauh selain daripada di sekeliling rumah, Rostam memenuhi masa kesunyian dengan menghadiri majlis pertemuan dan sukaria yang diadakan oleh kawan-kawanya sekali-sekala. Rosman, anaknya, ialah seorang playboy, suka bertunggu tangga di pusat-pusat hiburan, terutama di sebuah kedai minuman, tempat Lisdar (Latifah Omar) bekerja sebagai seorang pelayan.

Lisdar ialah seorang janda yang mempunyai seorang anak perempuan yang tinggal dan dipelihara oleh neneknya di kampung. Beliau mempunyai ramai pelanggan yang meminatinya. Lisdar merashiakan alamat flatnya daripada mereka yang meminatinya.

Pada suatu malam, Rostam telah menerima undangan daripada salah seorang kawanya untuk menghadiri satu jamuan sukaria di sebuah 'roof garden. Ketika menghadiri majlis inilah Rostam dan Lisdar telah berkenalan buat pertama kali. Perkenalan itu telah membawa kepada kemesraan yang tidak disangka-sangka antara mereka berdua. Oleh kerana banyak meminum minuman keras, Rostam telah mabuk dan Lisdar mengajaknya bermalam di flatnya.

Rosmah sungguh bimbang bila suaminya tidak pulang pada malam itu. Selama 21 tahun sejak mereka mendirikan rumah tangga, Rostam tidak pernah bermalam di tempat lain. Oleh itu, bila Rostam pulang pada keesokan harinya, Rosmah mendesak ingin tahu. Rostam berbohong dengan mengatakan dia telah bertemu dengan teman-teman sekolahnya dan telah berbual-bual santak ke pagi.

Seperti kelakuan kebanyakan pemuda-pemuda yang sedang menakal jahat, Rosman telah pergi ke tempat Lisdar bekerja, dan meminta Lisdar menghantar minu-



*P. Ramlee dan Latifah Omar di dalam filem* Putus Sudah Kaseh Sayang

mannya ke dalam sebuah bilik. Rosman memujuk Lisdar agar menyerah kepadanya. Lisdar dengan segala hematnya menolak kemahuan Rosman yang lancang itu. Rosman naik marah dan melemparkan beberapa tuduhan ke atas Lisdar.

Lisdar sungguh terkejut sekembali di flatnya, kerana beliau mendapati bahawa Rostam sudah berada di situ. Lisdar memarahi penjaga rumahnya kerana membenarkan Rostam masuk ke biliknya. Oleh itu, Rostam terpaksalah meminta diri. Sebelum itu, ia meminta izin agar Lisdar membenarkan ia mengambil sekeping gambarnya untuk kenangan.

Selepas itu, Lisdar berasa sedih mengenangkan perbuatannya yang menyebabkan Rostam mengundur diri. Oleh itu, dia telah pergi ke bank untuk menemui Rostam, dan menyerahkan kepada Rostam kunci biliknya bersama dengan pesan, bahawa Rostam diizinkan datang ke biliknya pada bila-bila masa juga yang disukai olehnya.

Gambar Lisdar yang ada dalam simpanan Rostam telah ditemui oleh isterinya. Rosmah berasa curiga, tetapi dia tidak ingin perkara itu menjadi ribut. Oleh itu, dengan tidak diketahui oleh Rostam, suaminya, Rosmah telah menyuruh Keropok (A. K. Jailani), orang gajinya, mencari Lisdar, dan meminta Lisdar datang menemuinya. Dalam pertemuan yang penuh kehibaan antara mereka berdua, Rosmah telah merayu agar Lisdar tidak memporak-perandakan rumah tangganya. Rosmah berterus-terang menjelaskan bahawa suaminya itulah satu-satu harapan hidupnya. Melihatkan rayuan dari kaum yang sejenis dengannya dan dalam keadaan yang tidak berdaya pula, Lisdar berjanji tidak akan mengganggu suami Rosmah. Dalam pada itu, dia juga meminta agar Rosmah menjaga anak lelakinya yang juga tergila-gila kepadanya.

Rosmah telah berbincang dengan doktornya mengenai kesulitan yang dihadapinya. Doktor menasihatkan agar Rosmah mengizinkan Rostam, suaminya itu menikahi Lisdar, supaya hubungan Rosman, anaknya dengan Lisdar dapat diputuskan. Setelah puas memikirkan cadangan doktor itu, akhirnya Rosmah terpaksa bersetuju, tetapi dengan syarat Lisdar, madunya itu tinggal serumah dengannya.

Apabila Rosman mendapati bahawa ayahnya telah menikahi Lisdar, dan tinggal pula serumah dengannya, Rosman menjadi marah dan mengadu kepada ibunya dengan mengatakan bahawa Lisdar ialah seorang perempuan jalang dan tidak seharusnya dibawa masuk ke dalam rumah. Dia juga menyatakan bahawa dia pernah seketiduran dengan Lisdar. Kata-kata demikian telah menyebabkan kemarahan ayahnya. Rumah yang selama ini di dalam keadaan tenteram menjadi ribut bila Rostam memukul anaknya. Dalam keadaan yang kelam-kabut itu, Rosmah menemui maut kerana jatuh tergelincir di tangga.

Setelah beberapa waktu berlalu, barulah Rosman insaf akan kesalahannya. Dia pergi mencari Lisdar dan meminta maaf kerana membuat fitnah terhadapnya. Rosman juga memujuk agar Lisdar sudi kembali kepada ayahnya. Lisdar menyatakan kesanggupannya, tetapi ayahnyalah yang mesti mempelawa dia kembali kepadanya.

Rosman telah menerangkan kepada ayahnya yang dia tidak pernah bermalam dengan Lisdar, walaupun dia sangat tergila-gilakan kepada perempuan itu. Pengakuan itu tentulah mengembirakan hati ayahnya. Tetapi malangnya, Rostam telah menerima berita yang menyatakan bahawa Lisdar telah menemui



kemalangan di jalan raya. Rupa-rupanya, Lisdar telah dikhianati seorang lelaki yang berputus asa kerana gagal dalam percubaanya untuk memiliki Lisdar. Maka, dengan peninggalan Lisdar, putuslah segala harapan Rostam untuk kembali semula dengan Lisdar di dunia yang 'fana' ini. [Tamat]

# R

## RACHUN DUNIA

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited, Singapore. Dibuat oleh Malay Film Productions Limited, Singapore. Tarikh dikeluarkan: 16 Februari 1950.

Kasma Booty; Siput Sarawak; Osman Gumanti; Jaffar Wiryo; **P. Ramlee**; Baby Supatri; A. R. Tompel; Siti Tanjong Perak; Haji Gong.

Penggambar: Chow Cheng Kok; Penolongnya: Koh Chang Sai; Pengambil suara: Yap Yan Seng; Penolongnya: Chan Chiew Toong; Pelukis Pemandangan: Mohd Haniff.

Penyusun Cherita: A. R. Iyer; Penterjemah dan Penolong Pengarah: S. Roomai Noor.

Tarian[2]: Osman Gumanti dan Edith Castillo; Lagu[2]: Zubir Said; Susunan: Doding Soliano.

Pengarah: B. S. Rajhans.

Cerita: Jamal (Osman Gumanti), anak tunggal kepada Kamal (Jaffar Wiryo) seorang peniaga kayu, telah mendirikan rumah tangga dengan Aminah (Kasma Booty), seorang isteri yang penyayang dan taat setia. Pasangan muda ini telah dikurniakan seorang anak perempuan dan keluarga ini hidup dengan aman bahagia.

Kebahagiaan ini tidak berkekalan lama kerana Jamal telah ditarik untuk bercampur dengan kawan-kawan yang berperangai buruk oleh seorang yang bernama Harun (**P. Ramlee**). Harun ialah seorang wakil insuran dan orang suruhan seorang perempuan jalang yang bijak lagi menarik bernama Aishah (Siput Sarawak). Perempuan ini bukanlah seorang yang berada tetapi dapat hidup dengan mewah di sebuah hotel melalui penguasaannya ke atas pemuda-pemuda yang telah rosak akhlaknya. Akibatnya, kehidupan keluarga Jamal telah musnah. Dia bukan lagi seorang suami dan bapa yang penyayang. Cara hidup Aminah yang lama itu menjijikkan Jamal dan dia mendapat keghairahan dan keseronokan berada di samping Aishah. Walau bagaimanapun, keseronokan yang baru itu bukan percuma. Dia perlu membayar dengan harga yang mahal oleh kerana perempuan itu lebih mementingkan dompet duitnya.

Tidak lama kemudian, Kamal mendapat tahu tentang kejahatan anaknya dan berasa amat marah. Seperti biasa, Jamal pulang ke rumah pada larut malam. Kamal mengeluarkan kata-kata yang kesat kepada anaknya. Tetapi anak muda itu memeranjatkan bapanya dengan berkata bahawa dia telah mengambil keputusan untuk menceraikan Aminah dan berkahwin dengan Aishah. Aminah kemudiannya merayu Jamal supaya jangan menceraikannya dan beliau boleh berkahwin dengan perempuan pilihannya itu supaya semuanya boleh tinggal dalam sebuah rumah. Jamal bersetuju lalu pergi mendapatkan Aishah. Dalam pada itu, Kamal sangat terganggu oleh perangai anaknya itu, lalu jatuh sakit dan meninggal dunia tidak lama kemudian. Sebelum meninggal, Kamal menyerahkan semua hartanya kepada Aminah walaupun Aminah menyatakan bahawa suaminya harus terus menjadi pewaris harta itu yang sah.

Selepas kematian Kamal, Jamal pun pulang ke rumah dengan Aishah, isterinya yang baru. Aminah memulangkan kepadanya segala harta bapanya. Walaupun



*P. Ramlee dan Siput Sarawak dalam filem* Rachun Dunia

Aminah berbuat demikian, beliau dilayan seperti orang gaji. Pada suatu hari, atas desakan Aishah, Jamal menghalau Aminah. Aminah menetap di sebuah pondok yang tidak jauh dari rumah Jamal. Karman (A. R. Tompel), orang gaji yang setia di rumah tangga mereka dahulu juga mengambil keputusan meninggalkan rumah itu untuk membantu Aminah dan anaknya Mardiana (Baby Supatri).

Pada suatu hari, Mardiana yang masih bayi itu jatuh sakit dan Aminah tidak mempunyai wang untuk mendapatkan bantuan doktor. Walau bagaimanapun, atas nasihat Karman, beliau pergi kepada Aishah untuk meminta wang bagi membayar upah doktor. Perempuan itu tidak mahu kena-mengena dengan Aminah atau anaknya, lalu Aminah ditolak ke luar rumah. Pada masa itu, hujan lebat sedang turun dan pondok Aminah disambar petir. Karman dengan segera menyambar Mardiana lalu berlari di sisi jalan. Sebuah kereta melanggarnya. Karman jatuh pengsan manakala bayi yang didukungnya itu terpelanting jauh. Pemandu kereta mengangkat Karman lalu meninggalkannya di hospital. Sebentar kemudian, seorang pelawak wayang bernama Suparjo (Haji Gong) lalu di situ. Beliau melihat bayi itu di atas jalan lalu membawanya pulang ke rumah. Dalam pada itu, apabila Aminah menghampiri pondoknya, beliau melihat pondok itu sedang terbakar lalu beliau menjerit dan terus pengsan. Jiran-jiran menghantarnya ke hospital dan di situ beliau beransur pulih.

Sementara itu, kekayaan Jamal telah hampir terkikis semuanya oleh Aishah. Aishah pula sedang merancang dengan Harun untuk meninggalkan Jamal. Jamal mendapat tahu rancangannya itu lalu dengan serta-merta menghalau Aishah itu. Buat pertama kalinya, Jamal menyedari betapa tingginya nilai Aminah, dan kini kalbunya merintih untuknya.

Tidak lama kemudian, Karman dan Aminah keluar dari hospital. Karman membeli suratkhabar dan terperanjat apabila membaca notis yang mengatakan ba-

hawa Mardiana sedang tinggal bersama seorang yang bernama Suparjo. Dia terus bergegas ke rumah Suparjo. Dalam pada itu, Jamal juga telah membaca notis yang sama dan amat gembira apabila bertemu anak kesayangannya. Sebentar kemudian, Karman pula tiba di situ dan dia turut bersukacita. Ketiga-tiganya pun bertolak ke rumah Jamal.

Aminah berehat sejenak di bawah sepohon pokok lalu menyanyikan sebuah lagu mengenangkan nasibnya yang malang itu. Pada ketika itu, Mariam, seorang gadis yang pernah bekerja di rumah Jamal lalu di tempat itu. Mariam (Siti Tanjung Perak) mengenali suara Aminah lalu pergi mendapatkannya dan memberitahu bahawa Jamal sudah berubah dan bagaimana perempuan jalang itu telah dihalau keluar. Aminah dan Mariam sampai di rumah tepat pada masa Jamal dan anak perempuannya tiba di situ. Di situ, berlakulah pertemuan yang menggembirakan. [Tamat]

## RAGAM P. RAMLEE

Dibuat di Merdeka Filem Setudio, Kuala Lumpur. Tarikh dikeluarkan: Disember 1964.

## RAMLEE & SALOMA (muzikal)

Music, lyric, orchestration by **P. Ramlee**; diiringi oleh **P. Ramlee** Orchestra; Juru Acara: Fazliyaton; Teraju utama: **P. Ramlee** AMN; lagu-lagu:

(i) Twist - *Hancbur Badan di Kandong Tanah* (**P. Ramlee** & Saloma) - ciptaan, gubahan dan senikata: **P. Ramlee**. (ii) Latin waltz - *Ku Kehilangan Kanda* (Saloma) - ciptaan, gubahan, senikata oleh: **P. Ramlee**. (iii) Twist - *Aduh Sayang* (**P. Ramlee**) - (iv) *Melayu Lama - Damak* - digubah kembali dan diberi senikata baru oleh **P. Ramlee**: *Damak* (Saloma); (v) (Beguine) - *Di Pinggiran* (**P. Ramlee**) - diiringi **P. Ramlee** Combo. Ciptaan, gubahan dan senikata oleh **P. Ramlee**. (vi) Twist - *Kuala Lumpur* (Saloma) - ciptaan, gubahan dan senikata oleh **P. Ramlee**. (vii) Joget - *Joget Malaysia* (Saloma & **P. Ramlee** & rakan) - ciptaan dan gubahan oleh **P. Ramlee**; senikata: S. Sudarmadji.

## MINTA NOMBOR EKOR (komidi)

**P. Ramlee**; R. Sudiro; Sophia Ibrahim *dengan*: Hashim Hamzah; Noor Jin, Fatimah Yaakob; Jaafar Rahman; Cherita asal: Marican Hj. Pawanchik; Jalan cerita: **P. Ramlee**; Jalan bahasa: **P. Ramlee**; Teraju utama: **P. Ramlee**.

**Minta Nombor Ekor** menceritakan dua orang sahabat, Ramlee dan Raden, yang menyewa sebuah bilik dan bermimpi menjadi cepat kaya dengan mencuba nasib mereka bermain 'tiga nombor ekor'.

Kedua-duanya jatuh cinta dengan gadis yang sama bernama Safiah yang bekerja di kedai yang menjual nombor-nombor itu.





*P. Ramlee (dua dari kanan) dalam filem* **Minta Nombor Ekor**

Ramlee dan Raden mempercayai mimpi dan perkara yang karut- marut. Apabila Raden bermimpi, mereka akan mula bertengkar mengenai nombor yang terkandung dalam mimpi itu. Raden keras-keras mengatakan 204 manakala Ramlee percaya nombor yang ditafsirkan dari mimpi itu ialah 102.

Walau bagaimanapun, semasa dalam perjalanan ke kedai, Raden terlupa nombor yang hendak dibelinya apabila beliau bersua dengan seorang gadis cantik yang mengenyitkan mata kepadanya. Dia membeli nombor yang berlainan dan berasa hampa apabila keputusan menunjukkan bahawa nombor yang diramalkan itu menang.

Pada suatu malam, Ramlee terperanjat mendapati Raden berjalan dalam tidur. Sambil mengekorinya, Ramlee melihat Raden pergi ke arah serumpun pohon buluh lalu merayu meminta nombor. Dengan hasrat untuk mempermainkan kawannya yang bodoh itu, Ramlee menyebut suatu nombor dari tempat persembunyiannya.

Raden gembira dan yakin bahawa doanya telah dimakbulkan. Tetapi beliau sekali lagi hilang akal apabila bertemu muka dengan Safiah yang cantik itu, lalu sekali lagi nombor yang dibelinya menghancurkan harapan mereka.

Hanya sesudah bertemu seorang bomoh barulah mereka sedar bahawa harapan mereka untuk menjadi cepat kaya dengan membeli tiga nombor ekor merupakan semata-mata suatu impian kosong yang tidak akan menjadi kenyataan. [Tamat]

**DAMAQ** (purbawara)

Sebuah karya H. M. Rohaizad.

**P. Ramlee**; Kasma Booty; *Bintang Pembantu*: Mahmud June; Ali Rahman; Idris Hashim; Yusof Banjar; Minah Hashim; Zsa Zsa Loma (Damaq kecil).

Teknik fotografi: Low Yew Wah; Teknik rakaman: Tan Chuan Hock; Pelukis utama: Darwis Mansoor; Teraju muda: Hashim Hamzah; Fotografi muda: Ng Hoong Ngaiam; Rakaman muda: Anuar Yusof; Editing Muda: Johari Ibrahim: Pencitak: Chong Kit Wah: Make-up: Rokiah Osman;

Screen Play. Music - Orchestration. Edited. Acted & Directed by **P. Ramlee** A.M.N.

Cerita: Di zaman purba, kononnya terdapat sebuah desa yang berbangga kerana mempunyai seorang kembang jelita, yang bernama Kenanga (Kasma Booty), yang telah kehilangan ayah dan ibu. Kenanga dipelihara oleh Anggerik (Yusuf Banjar), kekandanya.

Anggerik terkenal sebagai seorang biaperi, baik bahasa tinggi berbudi, selalu berdagang ke merata pekan dan negeri.



*P. Ramlee dalam filem* Damaq



*P. Ramlee, Ali Rahman dan Kasma Booty dalam filem* Damaq

Kenanga dan Damaq (**P. Ramlee**) telah bertunang mengikut adat dan resam kampung itu.

Damaq adalah seorang perwira muda. Kenanga dan Damaq pernah pula bersua muka sementara menanti saat bahagia. Oleh kerana kejelitaannya, banyak pemuda yang berangan untuk menjadi pasangannya. Oleh itu, satu lagi rombongan telah datang untuk meminang Kenanga.

Teruna (Ali Rahman), saudara muda kepada Pendekar Bujang (Idris Hashim), ingin menyunting Kenanga, dengan membawa aneka persembahan sebagai penebus dan pemutus pertunangan yang sudah disimpul erat dengan Damaq.

Permohonan itu ditolak dengan alasan, memegang janji kewajipan tiap-tiap insan, memungkiri bererti mencari celaka di kemudian hari.

Kerana hajatnya tidak kesampaian, Teruna menaruh dendam lalu bertekad, sanggup mati berkalang tanah, berputih mata pantang nenek-moyang. Beliau merancang hendak merampas Kenanga.

Teruna tidaklah segagah kata-katanya. Anggerik telah berjaya menyelamatkan Kenanga, ketika dia cuba memaksa Kenanga lari bersamanya.

Dendam Teruna kian memuncak bila bersua muka dengan Damaq dan Kenanga di taman asmara. Di dalam pertarungan di antara Teruna dan Damaq, Teruna menerkam hendak menamatkan riwayat Damaq dengan satu tikaman.

Akhirnya, setelah puas tikam-menikam, dan tangkis-menangkis, Damaq berjaya menamatkan riwayat hidup Teruna.

Dalam pada itu, Bujang (Idris Hashim), saudara tua kepada Teruna, sangat masyhur kerana pendekarnya, sudah pula membuat sumpahan: kematian adiknya mesti dibela, ditebus dengan nyawa Damaq.



*P. Ramlee dan Kasma Booty dalam filem* Damaq

Gegala (Mahmud June), selaku abang kepada Damaq, sangat bimbang dengan keselamatan Damaq.

Sungguhpun Gegala bukan pendekar sebarangan, tetapi dia sudah membuat sumpah tidak akan bermain senjata oleh kerana senjatalah yang menyebabkan dia kehilangan ayah.

Untuk mencari jalan aman, Gegala dan Kenanga sama-sama menasihatkan Damaq supaya meninggalkan desa sehingga kemarahan Bujang menjadi reda. Oleh sebab Kenanga sama mengerah, Damaq menurut kemahuan mereka lalu meninggalkan desa itu dengan janji tidak akan kembali selagi dendam yang bergelora di hati Bujang belum dapat diatasi dengan keinsafan.

Walaupun Damaq sudah meninggalkan desa, dendam Bujang tak sedikit pun reda. Beliau mencari Damaq, dan yakin akan dapat menewaskannya.

Selepas enam purnama, Bujang pulang dari perantauan, dengan membawa berita bahawa Damaq telah musnah di tangannya.

Kenanga sedih tak terperi kerana hidupnya kini sudah tak bererti lagi. Bila Anggerik hendak meninggalkan desa untuk pergi berniaga, beliau telah meminta Gegala menjaga Kenanga yang keseorangan. Anggerik mendesak Gegala mengahwini Kenanga, agar zuriat kepahlawanannya tidak berputus arang. Gegala terpaksalah bersetuju oleh sebab dia juga berharap bahawa perkahwinan itu akan memberi penawar kepada Kenanga yang sentiasa sedih merindu.

Setelah masa berlalu, maka dengan sedikit pun tidak disangka-sangka, Damaq pulang ke desa. Bujang dan Damaq kini berhadapan muka. Di dalam pertarungan maut yang berlaku dengan hebatnya. Dengan tidak dijangka atau disangka, Bujang

pendekar yang handal itu ditewaskan oleh Damaq.

Kembalinya Damaq ke desa mengejutkan Gegala dan Kenanga yang kini sudah berumah tangga, dan mendapat seorang cahaya mata, Damaq Kecil (Zsa Zsa Loma) gelarannya. Pertarungan sudah nyaris terjadi, apabila Damaq menuduh saudara kandungnya Gegala, memungkiri janji, dan mencela Kenanga, kekasihnya itu bersikap curang, lupa kepada janji dan kesetiaan yang telah sekian lama menjadi ikrar di hati sanubari. Kemarahan Damaq kembali reda apabila Gegala dan Kenanga menerangkan perkara yang sebenarnya. Damaq menerima penjelasan mereka.

Damaq menginsafi nasibnya. Kekasih idaman hatinya sudah menjadi kakak iparnya. Namun demikian, Gegala sedia berkorban untuk kebahagiaan Damaq, saudara sedarah dengannya. Dia menyerahkan Kenanga untuk membuat keputusan: memilih antara dia, sebagai suami, dengan adiknya, sebagai penawar cinta yang terpendam.

Damaq menunggu di pinggir sungai dan sebuah biduk sedia menanti. Pada ketika Kenanga hendak bertolak bersama Damaq, Gegala muncul mendukung anaknya. Kenanga tidak dapat menahan perasaan kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya yang hanya seorang itu, lalu berbalik semula kepada Gegala dan dengan demikian menyahut tuntutan kasih sayang ibu yang menjadi punca kebahagian yang suci lagi berkekalan.

Damaq meninggalkan keluarga itu, membawa untung nasibnya. [Tamat]

Filem ini mula-mulanya mempunyai tiga bahagian, iaitu **P. Ramlee & Saloma** (hiburan), **Damaq** (purbawara), dan bahagian lawak jenaka yang dinamakan **Minta Nombor Ekor**. Bahagian lawak jenaka ini tidak mendapat kelulusan pihak penapis filem. Filem ini mengandungi beberapa babak yang melibatkan perlumbaan kuda, dan juga mempersembahkan detik-detik lucu dan kelakar gara-gara pelakonnya yang meminta nombor ekor, dan 'menikamnya' kerana hendak lekas kaya ... sehingga lumpuh untuk mencari rezeki dengan ikhtiar lain. Di samping kelucuan yang mencuit hati, di bahagian ini juga terjalin sindiran dan pengajaran. **P. Ramlee** telah mengeluarkan pendapatnya mengenai pengharaman bahagian ini di dalam *Utusan Filem and Sport* keluaran Sabtu 6 Februari 1965, di muka surat 3:

"Punca mula **Minta Nombor Ekor** ini ditahan kononnya kerana bertentangan dengan agama, tetapi saya fikir tidak ada salahnya, kerana itu adalah menggambarkan kejadian yang sering terjadi dalam masyarakat kita. **Minta Nombor Ekor** bukan lagi menjadi perkara luar biasa tapi kerajaan sendiri sudah meluluskan 'Tiga Digit'. Kalau semua mau yang baik saja ditunjukkan tentu sekali masyarakat kita tidak akan kenal kepada kejahatan-kejahatan yang pernah berlaku dalam masyarakat kita hari-hari. Lagipun ini merupakan satu penekanan kepada filem Melayu kalau perkara ini berpanjangan, ini tak boleh, ini haram, itu tak boleh, itu haram, sampai bila pun filem Melayu tak boleh maju atau mendapat sambutan. Ada saja babak-babak yang tidak disukai oleh ulama' terus saja dipotong, dan orang ramai kata orang Melayu tak boleh buat filem yang betul-betul konkrit. Mana nak konkrit kalau sana sini kena potong. Memang benar dalam satu-satu filem itu agak dilebih-lebihkan lakonannya, kerana filem dan kehidupan biasa adalah agak berlainan. Apalah lagi kalau filem itu merupakan filem hiburan dan mengandungi kiasan-kiasan."

Walau bagaimanapun, **P. Ramlee** akur kepada keputusan Lembaga Penapis Filem dengan berkata:

"Kalau sesuatu keputusan diambil dengan berdasarkan pengajian-pengajian ugama, apa yang saya katakan lagi".

Pada 13hb. Februari 1965, dalam ruangan di *Utusan Filem dan Sport* di muka surat 3, **P. Ramlee** sekali lagi menyatakan, antara lain:

Saya kesal sebab pihak yang bersangkutan tidak dapat menunjukkan bukti tegas mengapa cerita saya itu dianggap bertentangan dengan agama kita, pada hal seperti filem-filem Barat yang terang-terang membawa pengaruh-pengaruh kebudayaan kuning dibenarkan pula dan kesempatan yang diberikan akan meluas".

Beliau berjanji akan berhati-hati di masa depan, dan seterusnya menyatakan:

"Meskipun dalam soal berhati-hati ini, akan menambahkan sempit lagi lapangan yang hendak diolahkan oleh kami sebagai pejuang-pejuang di dunia filem kebangsaan kita". [*Majallah Filem* - Bil. 60 Mac 1965 Bil. 60]

## B. S. RAJHANS
[1903 - 1955]

Dilahirkan di Calcutta dan berbangsa Punjab. Beliau datang ke Singapura sebelum pecah perang dunia kedua. Filem Melayu pertama arahannya ialah **Laila Majnun**. Selepas mengarah filem itu, beliau kembali semula ke India buat beberapa ketika. Apabila balik berkhidmat dengan Shaw Brothers, beliau mengarah filem **Seruan Merdeka**, dan terus menetap di Singapura dan mengarah filem-filem Melayu.



*B. S. Rajhans*

Pada tahun 1948, B. S. Rajhans dalam bidang lawatannya untuk "talent scouting" telah mendengar **P. Ramlee** menyanyi lagu Azizah di pentas sempena pertunjukan pertanian di Bukit Mertajam. Beliau amat tertarik dengan suara dan gerak lakunya di majlis itu. **P. Ramlee** telah mendapat tawaran dengan serta-merta daripada B. S. Rajhans untuk di 'screen test' di Malay Film Productions, Singapura. Boleh dikatakan B. S. Rajhans adalah pengarah yang bertanggungjawab memperkenalkan **P. Ramlee** di layar putih. Beliau telah mengarah 16 buah filem di Malay Film Productions. Filem terakhirnya ialah **Empat Isteri**, sebelum meninggal dunia pada tahun 1955. Beliau pernah berhasrat memulakan penulisan cerita bagi sebuah filem yang dinamakan **Rose Putih**.

## S. RAMANATHAN
[1919 - ]

Dilahirkan di Kuala Lumpur dan mendapat pendidikan di Victoria Institution, Kuala Lumpur. Beliau bertolak ke Madras pada tahun 1936. Semasa di India, kerjaya beliau dalam dunia perfileman telah mencapai kejayaan—bermula daripada seorang pembantu pengarah dan pelakon dalam beberapa buah filem Hindu hinggalah menjadi seorang penerbit, pengarah dan pelakon dalam beberapa buah filem yang mengandungi kisah-kisah agama. Pada tahun 1949, Shaw Brothers telah memanggil beliau untuk mengarah filem-filem Melayu. Beliau pernah menulis sebuah rencana yang bertajuk: "Filem Melayu" di dalam majalah *Filem Raya* - Bil. 17 tahun pertama, 18 Ogos 1951, dan di muka surat 13 dan 15, antara lain, berkata bahawa:

"... tiada satu pun yang boleh menyebabkan kita lebih berbesar hati lagi selain daripada filem Melayu dalam mana dibayangkan kebudayaan dan adat-resam Melayu dengan cara yang indah, dan sesungguhnya inilah sesuatu cara yang sebaik-baiknya untuk menghebahkan barang yang dijunjung tinggi serta amat dipelihara oleh umat bangsa Melayu."



*S. Ramanathan*

Beliau amat menekankan mutu lakonan:

"Di dalam perusahaan filem ada berbagai-bagai cawangan dan urusan kerjanya pun terlalu luas. Dalam banyak-banyak itu, menurut fikiran saya, yang jelas sekali ialah berlakon. Patut juga saya nyatakan bahawa sesiapa juga tentu bersetuju bahawa lakonan yang terbaik sekali adalah hasil dari buah fikiran dan usaha seorang pengarah yang baik juga."

Menurut beliau seterusnya:

"Saya harap saya akan berpeluang mempersembahkan filem-filem yang mempunyai lakonan yang lebih tinggi lagi mutunya yang membayangkan jiwa dan perasaan orang Melayu agar dapat menghiburkan orang-orang Melayu dengan cara yang lebih memuaskan."

**P. Ramlee** telah dipilih oleh S. Ramanathan untuk berlakon dalam filem arahannya yang berjudul **Juwita**. Filem **Ibu** di mana **P. Ramlee** menjadi pelakon utama, merupakan filem yang berpengaruh pada isinya. Pengarah S. Ramanathan, melalui filem itu hendak membayangkan bagaimana rupanya dan sampai ke mana kasih seorang ibu terhadap anaknya.

S. Ramanathan telah juga mengarah filem **Panggilan Pulau** yang penuh dengan tari-menari, nyanyian yang berirama merdu, pemandangan pulau-pulau yang indah, kasih asmara yang menawan hati, drama yang menyayat jiwa dan pergaduhan yang sengit-bengis. **P. Ramlee** diserahkan peranan utama sebagai orang muda dalam filem ini, dan seniwati yang

baru, iaitu Latifah Omar, juga diperkenalkan.

## RANTAU SELAMAT

Persembahan TV Malaysia pada tahun 1972.

*Bintang undangan*: **P. Ramlee** (Pa' Ismail); Noor Sabariah (Rokiah); Hussein Abu Hassan (Hassan); Mahmud June (Lebai/Penghulu Saad); Basri Dawan (Haron); Tamam Idris (Omar); Sujiah Salleh (Saodah); A. K. Jailani (Rahmat); R. Suriani (Jamaliah); Ismail Damna (Mahmud); Ramli Supari (Imam); Dali (Samad); *memperkenalkan:* Maznah Ali (Rohani); Idris Hashim (Penghulu Tahir); Goh Swee Leong (Ah Chang); Hashim Hamzah (Pak Khatib); Gan Ah Katai (Ah Moi); Nazri Sabri (Hussain); Azaharuddin Darjat (Bapa Qmar); Sumantri (Jaafar); Ahmad B (Pak Mat); Bakhtiar Effendi (Kassim); Er Choon Seng (Ah Chu); Mohd Noor Azam (Hakim); Michael Leong (Ketua Juri); *bintang undangan*: Norsiati.

Penerbit: Zainuddin Noordin; Jurugambar: Joseph Lau; Penyunting filem: S. Maniam; Pakaian: Tan Yoon Wah; Pereka Set: A. V. Bapat; Penerbit Teknik: Ahmad Tasir Ali; Juru pengadohan: Hussein Abu Hassan; Juru Odio filem: Lee Tian Keng; Jurusolek: Zaitun Izzudin; Penerbit Teknik: Tan Ewe Seng.

Cerita dan skrip untuk TV: Abdullah Hussain (berasaskan novel *Rantau Selamat*). Lagu tajuk iringan: Orkes RTM pimpinan Johari Salleh; Lagu *Rantau Selamat*: gubahan dan ciptaan **P. Ramlee**; lirik oleh Abdullah Hussain; nyanyian oleh **P. Ramlee** dan Saloma; Lagu keronchong *Rantau Selamat* nyanyian **P. Ramlee**; iringan Ben Puteh 5 Merdu pimpinan **P. Ramlee**.

Cerita: **Episod 1 - Perantau Pulang**

Pa' Ismail (**P. Ramlee**) seorang pegawai pencen Jabatan Kastam yang mempunyai seorang anak perempuan bernama Rokiah (Noor Sabariah). Rokiah lulus Senior Cambridge, dan berkawan rapat dengan Hassan (Hussein Abu Hassan). Beliau asyik menghadiri mesyuarat-mesyuarat persatuan dan berlakon drama. Pa' Ismail memerhatikan bahawa Rokiah dan Hassan gemar bermain drama bangsa asing; termasuk drama Jepun. Persahabatan mereka juga melampau batas kesopanan. Mengenai drama, Pa' Ismail menasihatkan Rokiah supaya mempunyai semangat kebangsaan, dan mengalih perhatian kepada Hang Tuah, Laksamana Bentan, dan Sri Mersing. Menurutnya pahlawan-pahlawan lama boleh menjadi contoh. Mengenai masa depan Rokiah, Pa' Ismail berharap bahawa anaknya itu akan melanjutkan pelajarannya ke universiti. Beliau juga memberitahu bahawa Rokiah tidak akan hidup bahagia dengan Hassan, seorang 'bus conductor', lulus sekolah Melayu dan dengan gajinya sebanyak $100.

Rokiah, yang menjadi harapan ayahnya, memberitahu Hassan bahawa dia hendaklah mencari kerja yang lebih baik, seperti menjadi seorang wartawan. Hassan merayu Rokiah bahawa mereka boleh berkahwin kerana cinta; Rokiah sebaliknya menyatakan bahawa mereka tidak boleh hidup rukun damai atas cinta sahaja; faktor-faktor lain seperti kewangan adalah juga penting.

Hassan pun balik ke kampungnya. Beliau berjumpa dengan penghulu Tahir (Idris Hashim) dan berkenalan dengan anaknya Rohani (Maznah Ali), seorang guru pelatih. Di dalam perbualannya dengan Penghulu Tahir, Hassan mencadangkan supaya ditubuhkan sebuah syarikat kerjasama untuk mengerjakan tanah-

tanah pusaka. Lebai Saad (Mahmud Jun) tidak begitu senang dengan kehadiran Hassan di kampung itu. Menurutnya, Hassan telah lama di rantau dan oleh itu, pandai orangnya.

**Episod 2** - Hassan meminta bantuan Penghulu Tahir mengenai cadangannya menebus semula tanah-tanah pusaka daripada tauke-tauke Cina. Penghulu itu menyokong rancangan Hassan. Beliau sendiri tidak puas hati dengan sikap dan perangai orang-orang kampung yang berpuas hati dengan apa yang ada pada mereka. Orang-orang kampungnya bertanam padi sahaja, tidak mahu mencari harta pencarian yang lain, terlalu terikat pada adat, dan tidak berani mencuba perubahan. Hassan berdakwah di masjid mengenai penggunaan sains dan teknologi untuk mengerjakan sawah. Lebai Saad, sebaliknya, tidak menggalakkan orang-orang kampung menggunakan mesin di sawah oleh kerana perbuatan itu melanggar adat pesawah-pesawah kampung Rantau Selamat. Beliau memusuhi anak-anak muda, dan amat takut akan kehilangan pengaruhnya.

Dalam pada itu, Penghulu Tahir jatuh sakit dan meninggal dunia. Jawatan Penghulu jatuh ke tangan Lebai Saad. Hassan berjaya menubuhkan "Syarikat Kerjasama Serbaguna Rantau Selamat". Rohani turut sama di mesyuarat penubuhan syarikat itu. Penghulu Saad kemudian mengarahkan supaya Rohani dikahwinkan dengan Samad (Dali), anaknya.

Pada suatu hari, Samad telah datang ke rumah Rohani dan cuba memperkosa Rohani, yang mempertahankan dirinya. Samad yang masa itu sedang berdiri tiba-tiba rebah dan meninggal dunia. Melihat kejadian itu, Rohani pantas lari meninggalkan rumahnya.

**Episod 3 - Padi Menguning Lagi**

Dalam perbicaraannya, Rohani telah memaklumkan Hakim (Mohd Noor Azam) bahawa dia tidak pernah rapat dengan Samad, dan tidak dibenarkan bergaul secara bebas. Semenjak bapanya menjadi penghulu, Samad mengganggu gadis-gadis lain di kampung itu. Apabila menghampiri Rohani, Samad berkata kepadanya supaya "jangan takut, kita akan kahwin". Rohani memberitahu Hakim bahawa beliau nampak Samad tertikam. Hakim telah menimbangkan keterangan Rohani dan juga latar belakang Rohani. Juri dengan sebulat suara mendapati Rohani tidak bersalah.

Rohani tidak mahu lagi menjadi guru, takut bahawa anak-anak di sekolah akan beranggapan tidak baik terhadapnya. Hassan menasihati Rohani supaya terus menjadi guru untuk mendidik anak-anak bangsa.

Rohani kerap kali bertanya ibunya mengapa Hussain (Nazri Sabri) tunangnya dan adik kepada Hassan, begitu lama menghilangkan diri. Hassan jatuh cinta dengan Rohani, yang pernah memaklumkan kepadanya bahawa beliau mendapat kekuatan daripada Hassan.

Pada suatu hari, sewaktu mengerjakan sawah, Hassan telah diserang oleh Hussain kerana merampas tunangnya Rohani. Hussain bertanya kepada Rohani mengapa dia memutuskan pertunangan mereka. Rohani menjelaskan bahawa semasa beliau di dalam kesusahan, Hussain telah meninggalkannya.

Kemudian Hussain telah meninggal dunia akibat kemalangan motosikalnya. Rohani kedengaran berkata, "akhirnya dia meninggal jua". Hassan meminta penjelasan daripada Rohani pengertian di belakang kata-katanya itu. Rohani menerangkan bahawa Hussainlah orang yang membunuh Samad. Beliau telah

membela Hussain, tetapi Hussain telah meninggalkannya dalam masa kesusahannya. Hassan merasa bangga di atas pengorbanan Rohani itu.

Pada suatu hari Pa' Ismail datang ke Rantau Selamat untuk berjumpa dengan Hassan. Beliau melahirkan perasaan tenang dan tenteramnya di kampung itu, yang sungguh indah dengan kehijauannya. Pa' Ismail berbangga di atas kejayaan Hassan yang membawa perubahan di kampung itu, dengan menjuarai rancangan menanam padi dua kali setahun, dan menubuhkan sebuah syarikat kerjasama di sana. Pa' Ismail memuji Hassan yang telah menjadi seorang pemimpin. Beliau memaklumkan bahawa Rokiah, anaknya, telah pergi ke England untuk belajar ilmu undang-undang. Sebelum berangkat, dia telah bertunang dengan Haron (Basri Dawan), kawan Hassan.

Setelah diraikan pada malam itu, Pa' Ismail pada keesokan harinya mengucapkan selamat tinggal kepada Hassan dan Rohani. [Tamat]

## B. N. RAO

[1917 - 1998]

Pengarah berbangsa India. Pada tahun 1953, beliau telah memilih ketiga-tiga bintang dalam filem arahan L. Krishnan **Antara Senyum dan Tangis** (yang telah dipilih oleh salah sebuah majalah filem Melayu, sebagai filem Melayu yang terbaik sekali dalam tahun 1952) iaitu **P. Ramlee,** Rokiah dan Musalmah untuk berlakon di dalam filem **Putus Harapan**. B. N. Rao terkenal sebagai pengarah filem yang ulung di India, dan telah memenangi banyak pujian-pujian terhadap filem-filem yang diarahkannya.



*P. Ramlee dengan B. N. Rao*

B. N. Rao mengarahkan filem-filem lakonan **P. Ramlee** yang bercorak kemasyarakatan. Beliau juga berjaya mengarahkan filem **Asyek Ma'syok** mengenai kisah yang diceritakan orang zaman-berzaman iaitu **Laila Majnun**.

B. N. Rao dikatakan sebagai bapa pengarah-pengarah filem-filem cerita bangsawan seperti **Puteri Chempaka Biru** dan **Gulbakawali**.

## RIWAYAT HIDUP

**P. Ramlee** (nama sebenarnya ialah Teuku Zakaria bin Teuku Nyak Puteh) dilahirkan di Pulau Pinang pada hari Rabu 22 Mac 1929, iaitu pada pagi Hari Raya Aidil Fitri.

Pada mulanya, **P. Ramlee** bersekolah di Sekolah Melayu, Kampung Jawa, George Town, Pulau Pinang. Setelah lulus darjah 4, beliau melanjutkan pelajarannya ke Sekolah Francis Light, Pulau Pinang hingga Perang Dunia Kedua, dan tatkala itu, berada dalam darjah lima. Selepas perang, beliau memasuki Penang Free School. Semasa di sekolah, **P. Ramlee** telah menunjukkan minat dan bakatnya dalam bidang-bidang sukan dan seni, terutamanya dalam bidang muzik. Beliau bermain bola sepak, dan antara rakan sepasukannya ialah Tengku Ahmad Rithaudden (sekarang Tan Sri Dato').



*P. Ramlee, 1949*

Semasa pemerintahan Jepun, **P. Ramlee** pernah memasuki sekolah Tentera Laut Jepun (Kaigun), dan di situ, beliau berpeluang mempelajari lagu-lagu Jepun.

**P. Ramlee** belajar muzik dengan seorang guru muzik bernama Kamaruddin yang memimpin Brass Band di Penang Free School. Dalam tahun 1945, dia mula belajar menyanyi dalam pancaragam Teruna Sekampong, yang dipimpin oleh Mohd Zain Kechik. Pada tahun itu, **P. Ramlee** mendapat tempat ketiga dalam peraduan menyanyi anjuran Radio Malaya, Pulau Pinang. Kemudian, **P. Ramlee** telah memasuki sebuah pancaragam keroncong pemuda Indonesia, sebagai pemain biola utama. Pada tahun 1946, apabila masih lagi bersekolah, **P. Ramlee** dengan mengalunkan suaranya dalam lagu *Keronchong Oh Suchi*, telah menjadi juara pertandingan keroncong bagi seluruh Pulau Pinang dan Seberang Perai. Akhbar *Warta Negara* keluaran 3 Mei 1946 antara lain melaporkan bahawa nama-nama pasukan keroncong dan nama-nama penyanyi yang telah masuk dalam peraduan



*P. Ramlee di zaman persekolahan (nombor 3 dari kiri di barisan belakang)*



*P. Ramlee (berdiri nombor 5 dari kiri)*

keroncong yang akan diadakan pada malam ini di taman hiburan "New World":

1. Pasukan Snapshot Keronchong Party (cawangan grafik)

2. Abdullah Sani Keronchong Orkest (Bagan Dalam)

3. Kesempurnaan Setia Party (Sungai Nibong)

4. Pemuda Indonesia Keronchong Party (Perak Road)

Ahli-ahli penyanyi pasukan pemuda Indonesia ialah Encik **P. Ramlee**, dan selain daripada itu telah menunjukkan pemain guitar solo.

Pada tahun 1946, **P. Ramlee** mendapat tempat kedua dalam peraduan menyanyi anjuran Radio Malaya, Pulau Pinang.

Pada tahun 1947, **P. Ramlee** telah menjadi juara peraduan menyanyi seluruh utara Malaya, anjuran Radio Malaya, Pulau Pinang.

Pada tahun 1948, **P. Ramlee** bersama dengan sahabatnya Encik Mohd Yusop telah menubuhkan sebuah pancaragam bernama Pancharagam Mustika. Beliau telah mendapat undangan menyanyi di atas pentas di Agricultural Show di Bukit Mertajam. **P. Ramlee** menyanyikan lagu *Azizah* pada malam itu. B. S. Rajhans dari Shaw Brothers kebetulan pada masa itu sedang berada di Pulau Pinang untuk mencari bakat baru. Setelah menyaksikan pertunjukan itu, beliau menawarkan **P. Ramlee** untuk datang ke Singapura.

Dalam tahun itu juga **P. Ramlee** telah pergi ke Singapura. Beliau mula berlakon dalam filem Melayu keluaran Shaw Brothers, iaitu filem **Chinta**, dan kemudiannya dalam filem-filem **Noor Asmara, Nasib, Nilam, Rachun Dunia, Bakti, Takdir Illahi,** dan **Aloha** sehingga akhir tahun 1950.

Dalam tahun 1949, **P. Ramlee** menyertai HMV dan Columbia dan Pathe Orkestra di bawah pimpinan Osman Ahmad sebagai penyanyi. Dengan usaha Osman Ahmad, **P. Ramlee** telah merekod-



*P. Ramlee (duduk di tengah-tengah) bersama kumpulan Orkes Mutiara, Pulau Pinang, 1946*

kan suaranya ke piring hitam cap ayam. Sementara itu, **P. Ramlee** sempat pula membuka sebuah kumpulan keroncong bernama "Kembang Murni Keronchong Party" yang diketuai oleh Encik Sarpin dan beliau sendiri.

Dalam tahun 1950, **P. Ramlee** mendapat tawaran daripada syarikat T. Hemsley untuk merekodkan suaranya dalam piring peti nyanyi cap 'Pathe'. Pada akhir tahun 1950, beliau berhenti daripada berlakon di dunia filem, oleh kerana pihak syarikat filem Shaw Brothers tidak membenarkan dia merekodkan suaranya dalam syarikat pembuat rekod. **P. Ramlee** mendapati pendapatannya menerusi filem tidak seimbang dengan tenaganya. Sebelum beliau memutuskan untuk memperbaharui kontraknya, **P. Ramlee** bermain dalam bangsawan dengan tujuan hendak mempertinggikan lagi kesenian dan kebudayaan Melayu.

Pada tahun 1950, **P. Ramlee** berkahwin dengan Junaidah. Di antara tahun 1950 hingga tahun 1955, **P. Ramlee** telah berlakon di dalam 21 buah filem. Pengarah L. Krishnan memilih **P. Ramlee** menjadi pelakon utama dalam filem-filem **Bakti** (1950) dan **Takdir Illahi** (1950).

Pada tahun 1951, majalah *Film Raya* telah menyiarkan bahawa Bintang Pujaan bagi seluruh Malaya-Indonesia bagi tahun tersebut adalah **P. Ramlee**. Raden Mochtar dari Indonesia mendapat tempat kedua.

Pada tahun 1952, P. **Ramlee** telah dipilih sebagai "Pelakon Terbaik" dan filem lakonannya **Antara Senyum Dan Tangis** arahan L. Krishnan, sebagai "Filem Terbaik". Majalah *Film Raya* telah mengendalikan pemilihan filem pujaan, dan pembaca-pembaca telah memilih filem **Juwita** sebagai Filem Pujaan, diikuti oleh filem-filem berikut: **Penghidupan, Antara Senyum dan Tangis, Rachun**



*P. Ramlee, 1953*

**Dunia, Takdir Illahi, Aladdin, Sejoli, Bakti, Aloha** dan **Noor Asmara.**

Pada tahun 1953, sekali lagi **P. Ramlee** dipilih sebagai "Pelakon Terbaik" hasil daripada lakonannya dalam filem **Hujan Panas,** arahan B. N. Rao, yang juga dipilih sebagai 'Filem Terbaik'. Tahun 1953 membawa tuah kepada **P. Ramlee** sekali lagi. Majalah *Film Raya* telah mengadakan satu pilihanraya untuk memilih bukan sahaja Bintang Pujaan dan filem-filem pujaan, bahkan "Lagu Sukaramai", dan "Penggubah-penggubah Lagu Pujaan". Susunan filem-filem pujaan bagi seluruh Malaya-Indonesia adalah: (1) **Antara Senyum dan Tangis;** (2) **Sedap Malam;** (3) **Merah Delima;** (4) **Anjoran Nasib;** (5) **Patah Hati**. Filem-filem pujaan bagi Malaya pula ialah: (1) **Antara Senyum dan Tangis;** (2) **Anjoran Nasib;** (3) **Patah Hati;** (4) **Sedarah;** (5) **Permata di Perlimbahan;** (6) **Lupa Daratan**. Keputusan Bintang Pujaan bagi seluruh Malaya-Indonesia adalah seperti berikut: (1) **P. Ramlee;** (2) Raden Mochtar; (3) A. N. Alkof. Lagu-lagu sukaramai adalah: (1) Mesra Ibu; (2) Angan-angan; (3) Nasib Si Miskin; (4) Semarak Hati, dan penggubah lagu sukaramai adalah (1) Ahmad Jaafar; (2) Yusoff B; (3) Zubir Said; dan (4) **P. Ramlee.**

Radio Malaya (Bahagian Melayu) juga telah menganjurkan pemilihan bintang-bintang penyanyi radio pada tahun 1953. Pendengar-pendengar yang turut membuat pemilihan kebanyakannya datang daripada berbagai-bagai tempat di seluruh Tanah Melayu, Singapura dan sedikit daripada daerah-daerah Indonesia. **P. Ramlee** dan Lena terpilih sebagai "Bintang-bintang Radio" untuk tahun tersebut.

**P. Ramlee** juga telah dipilih oleh pembaca-pembaca majalah *Utusan Film dan Sport* sebagai *Seniman Tahun 1953*, dan filem-filem pilihan adalah: (1) **Hujan Panas;** (2) **Kerana Kau;** (3) **Siapa Salah;** (4) **Ibu;** (5) **Buluh Perindu;** (6) **Sengsara,** dan (7) **Putus Harapan.**

Malangnya, pada tahun 1955, **P. Ramlee** dan Junaidah telah bercerai, dan



*P. Ramlee, Pelakon Lelaki Terbaik 1954*

putera mereka Nasir, yang dilahirkan pada tahun 1953, dipelihara oleh neneknya di No. 4, Rawang Road, Pulau Pinang.

Pada tahun 1955, **P. Ramlee** telah diberi peluang untuk menjadi pengarah oleh Shaw Brothers. Filem **Penarek Becha** arahan dan lakonannya telah terpilih sebagai "Filem Terbaik", dan beliau sendiri sebagai "Pengarah Terbaik". Pada tahun itu juga, majalah *Utusan Film dan Sport* dengan kerjasama PERSAMA telah mengadakan 'Hadiah Oscar' dan **P. Ramlee** telah dipilih sebagai "Seniman Terbaik." Lagu ciptaannya *Inang Baru* dalam filem **Penarek Becha** pula dipilih sebagai "Lagu Terbaik" bagi tahun 1956.

Pada tahun 1955, PERSAMA telah mendapat pengurusan baru, yang dipimpin oleh **P. Ramlee** sebagai Ketua 1, dan Jaafar Abdullah sebagai Ketua II; Salleh Ghani (Secretary 1); Hamid (Rohaizad) (Secretary II); Musalmah (Bendahari); Mohamad Kechik (Pemeriksa Kira-Kira); Committee: Yap Poh Kai, Jamil Sulong; Chan Chow Tung; Pos Si Teng; Omar Rojik dan Siti Tanjung Perak; Trustee: Kamsani; Lam Shing Sit dan Salleh Kamil. Pegawai Perundingan yang di lantik ialah Lee Yong Meng, Secretary dari Persatuan Pekerja-pekerja Cinema dan Taman Hiburan.

Pada tahun 1956, **P. Ramlee** telah berlakon di dalam filem epik sejarah yang pertama yang pernah dibuat oleh Malay Film Productions, iaitu **Hang Tuah**. Lagu-lagu gubahannya untuk filem **Hang Tuah** telah dipilih sebagai "Best Music" di Asian Film Festival di Hong Kong pada tahun 1956. Pembaca-pembaca majalah *Bintang* pada tahun itu telah memilih **P. Ramlee** sebagai "Seniman Terbaik", "Pengarah Terbaik", "Penggubah Lagu Terbaik" dan "Biduan Terbaik". Filem **Semerah Padi** arahan P. **Ramlee** dipilih sebagai "Filem Terbaik", dan filem **Anak Ku Sazali** dipilih sebagai "Filem Terbaik" (Kedua); Phani Majumdar dipilih sebagai "Pengarah Terbaik" (Kedua), dan seniwati Saadiah, hasil lakonannya dalam filem **Semerah Padi** mendapat anugerah "Seniwati Terbaik".

Tahun 1957 membawa banyak tuah kepada **P. Ramlee**. Asian Film Festival di Tokyo memilih beliau sebagai "Best Actor", hasil lakonannya dalam filem **Anak Ku Sazali,** dan anugerah yang diterimanya ialah The Golden Harvest Award. Pada 26 Jun 1957, filem **Hang Tuah** (dengan English sub-titles) lakonan **P. Ramlee** telah ditunjukkan di International Film Festival di Berlin, German Timur.

Pada tahun 1958, **P. Ramlee** telah mengarah filem **Sumpah Orang Minyak**



*P. Ramlee, Pelakon Lelaki Terbaik 1955*

dan memenangi anugerah "Best Black and White Photography" di Asian Film Festival di Manila. Jurugambar adalah A. Bakar Ali.

Pada tahun 1958 juga, majalah *Kisah Bintang dan Filem* (terbitan Azahari Publications) telah menganjurkan peraduan memilih seniman dan seniwati terbaik, dan **P. Ramlee** dan Latifah Omar masing-masing telah terpilih. Filem terbaik ialah **Sumpah Orang Minyak**; lagu *Tiada Lari Gunung Dikejar* daripada filem **Selendang Delima** gubahan Yusuf B dipilih sebagai "Lagu Terbaik", dan lagu *Tudong Periok* dalam filem **Sumpah Orang Minyak**, gubahan **P. Ramlee** mendapat tempat kedua.

Pada tahun 1959, **P. Ramlee** telah mengarah tiga filem komidi, iaitu **Pendekar Bujang Lapok, Nujum Pa' Belalang** dan **Musang Berjanggut**. Hasil-hasil karyanya ini mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan di peringkat antarabangsa. Pada tahun itu, di Asian Film Festival di Kuala Lumpur, filem **Pendekar Bujang Lapok** telah dipilih sebagai "Filem Komidi Terbaik".

Pada tahun 1959 juga, **P. Ramlee** telah menunjukkan kehebatannya dari segi pementasan sebuah purbawara bernama **Sultan Mahmud Mangkat Di Julang**. Sambutan dari penonton-penonton sangat besar sekali sehingga terpaksa diulang satu malam lagi.

Pada tahun 1960, pembaca-pembaca *Majallah Bintang* memberi pengiktirafan yang besar kepada **P. Ramlee**. Filem **Pendekar Bujang Lapok** dipilih sebagai "Filem Sukaramai", dan beliau sendiri dipilih sebagai "Teraju Sukaramai". Filem **Nujum Pa' Belalang**, arahan dan lakonannya, mendapat anugerah "Teknik Photography Yang Indah Tanpa Warna" (Jurugambarnya ialah A. Bakar Ali). **P. Ramlee** dipilih sebagai "Seniman Utama". Lagu gubahan **P. Ramlee** *Jangan Adek Angan-Angan* di dalam filem **Musang Berjanggut** dipilih sebagai "Lagu Sukaramai". Di peringkat antarabangsa, Asian Film Festival di Tokyo memilih filem arahan dan lakonannya, **Nujum Pa' Belalang**, sebagai "Best Comedy Film".

**P. Ramlee** juga sering diundang untuk menjadi juruacara dalam pertunjukan radio. Kelebihan **P. Ramlee** dalam bidang ini telah diakui oleh golongan bukan Melayu. Pada bulan Februari 1960, rancangan Puspawarna Singapura telah dianjurkan oleh Radio Singapura. Majalah *Radio Weekly* Vol. 8 No. 8 Ahad 21 Februari 1960, muka surat 16, telah memberi penilaian mengenai pertunjukan tersebut seperti demikian:

"Biasanya rancangan hiburan yang menggabungkan pelbagai budaya dan bentuk persembahan kelihatan agak kelam kabut. Puspawarna Singapura langsung ti-

dak menunjukkan sebarang kelemahan tersebut, terima kasih atas usaha dua institusi bertanggungjawab Singapura - Orkestra Radio Singapura dan insan seni yang berbakat dan menghiburkan **P. Ramlee.** Kerjasama mereka memperlihatkan jalinan mantap yang membawa kepada kejayaan ini.

**P. Ramlee** yang kacak dan bijak itu mengendalikan rancangan dengan menggunakan pelbagai bahasa yang terdapat di Singapura. Percaya atau tidak, beliau dengan bersahaja berjaya membuat orang ketawa dengan berbahasa Melayu, Inggeris dan Cina pada masa yang sama!" [Terjemahan]

**P. Ramlee** telah juga bergerak cergas dalam lapangan seni muzik, pengacaraan dan seni pentas. Dalam tahun 1961, beliau menubuhkan kumpulan Pancha Sitara. Pada awal tahun 1961, beliau bercerai dengan Norizan. Pada 21 November tahun itu, beliau berkahwin dengan Salmah Ismail (Saloma).

Filem komidi arahan dan lakonan **P. Ramlee, Seniman Bujang Lapok** telah dipertandingkan di Asian Film Festival di Korea pada 12-16 Mei 1962.

Pada tahun 1962, **P. Ramlee** dianugerahkan oleh Yang Di-Pertuan Agong bintang Ahli Mangku Negara (AMN).

Pada tahun 1963, di Asian Film Festival di Tokyo, **P. Ramlee** telah dianugerahkan "The Most Versatile Talent", hasil arahan, lakonan dan karya muziknya dalam filem **Ibu MertuaKu**. Anugerah ini adalah satu penghargaan oleh Panel Jury atas kreativiti **P. Ramlee.** Filem itu juga dianugerahkan "Best White and Black Photography".

Pada tahun 1964, di Asian Film Festival, Hong Kong, filem arahan dan lakonannya, **Madu Tiga** telah memenangi "Best Comedy". Selepas mengarah filem ini, **P. Ramlee** telah berpindah ke Kuala Lumpur dan bekerja di Merdeka Filem Setudio.

Pada tahun 1965, filem **Ibu MertuaKu** mendapat "Hadiah Istimewa" di Pesta Filem Dunia, di Paris.

Semasa di Kuala Lumpur, **P. Ramlee** menetap di 22, Jalan Dedap. Taman Furlong, Setapak, Kuala Lumpur. Beliau terus bergiat mengarah, berlakon, menggubah lagu-lagu dan menyanyi. **P. Ramlee** juga mencurahkan baktinya dalam dua bidang yang lain, iaitu seni lakon dalam drama TV, dan pementasan sandiwara. Antara filem-filemnya yang mendapat sambutan yang baik ialah **Sesudah Subuh**, dan filem-filem komidinya **Masam Masam Manis** dan **Anak Bapak**.

**P. Ramlee** telah berlakon drama TV **Rantau Selamat** sebanyak tiga siri, dan menggubah lagunya, yang merupakan antara lagu yang terakhir digubah oleh beliau. Selepas itu, beliau berlakon dalam drama TV berjudul **Intan**. Kedua-dua drama TV ini adalah hasil karya Abdullah Hussein (Dato').

Pada tahun 1972, **P. Ramlee** telah mengarah drama pentas bernama **Sam Pek Ang Tai**.

Pada 31 Disember 1970, Malaysia Film Industries Sendirian Berhad atau Persatuan Perfileman Malaysia (PERFIMA) telah ditubuhkan dengan mempunyai dua orang pengarah, iaitu H. M. Shah dan **P. Ramlee**. Keanggotaan Lembaga Pengarah ini telah ditambah dengan perlantikan Sarul Bariah bte. Abu Bakar (3 Oktober 1972), Jins Shamsudin (4 Oktober 1972), Jaafar Abdullah (5 Oktober 1974), dan Abdullah Hussein (9 Oktober 1972). **P. Ramlee** meletakkan jawatan pada 7 April 1973, selepas H. M. Shah meletakkan jawatan pada 2 Februari 1973. PERFIMA tidak bergerak daripada



*P. Ramlee dengan dua buah trofinya*

31 Disember 1970 hinggalah pada 31 Mac 1972 oleh kerana ketiadaan modal.

Pada bulan Februari 1973, H. M. Shah dan **P. Ramlee** telah menubuhkan Rumpun Melayu Filem Sendirian Berhad, untuk berusaha membeli dan membina pawagam sendiri di tempat-tempat yang difikirkan sesuai. **P. Ramlee** adalah Timbalan Pengerusi syarikat itu. Syarikat itu telah membeli panggung 'Queen' di taman hiburan 'Lucky World' di Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur.

Pada 29 Mei 1973, **P. Ramlee** meninggal dunia dan disemadikan di Tanah Perkuburan Orang Islam, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

Pada bulan Jun 1990, **P. Ramlee** telah mendapat anugerah "post humous" darjah Panglima Setia Mahkota daripada Yang Di-Pertuan Agong yang membawa gelaran *Tan Sri*.

## H. M. ROHAIZAD
[1926 - 1961]

Nama sebenarnya ialah Syed Mohd Hamid bin Syed Muhammad Al-Sagoff. Beliau mula berkhidmat di Malay Film Productions pada tahun 1953, dengan menggunakan nama H. M. Rohaizad. Di zaman pemerintahan Jepun, beliau pernah bekerja sebagai penulis dan pemberita akhbar. Sebelum memasuki dunia perfileman, beliau sangat dikenali sebagai pelakon sandiwara.

Beliau diambil bekerja sebagai penolong pengarah oleh K.R.S. Sastry yang mengarah filem-filem **Kerana Kau** dan **Iman**. Selepas itu, beliau menjadi penolong pengarah kepada B. N. Rao, S. Ramanathan, Rolf Bayer, Bert A. Avellana, Kidar Sharma, Ramon A. Estalla dll. Beliau adalah salah seorang daripada penaja PERSAMA, dan pernah menjadi Presiden Kesatuan Pekerja-Pekerja di Studio Malay Film Productions.

**P. Ramlee** sering meminta H. M. Rohaizad mencipta senikata dan gurindam lagu-lagu filemnya, yang digubah dan dinyanyikannya oleh beliau sendiri.

H. M. Rohaizad pernah menyatakan kegembiraan hatinya kerana cerita karangannya difilemkan. Menurut ceritanya:

"Sewaktu selesai mengarang cerita itu (**Seniman Bujang Lapok** nama yang dip-

inda oleh **P. Ramlee** daripada tajuk asal "Bujang Lapok Jadi Bintang") saya tidak berani untuk menyerahkan kepada **P. Ramlee**, kerana saya khuatir kalau-kalau dia menolak, mentertawakan atau mencampakkan ke dalam bakul sampah ... Perlahan-lahan saya menghulurkan script itu dan mengatakan "Che Ram, ini ada satu cerita karangan dan susunan saya sendiri. Cuba-cubalah Che Ram baca, kalau bagus Che Ram ambillah'."

H. M. Rohaizad pernah berasa hampa oleh kerana sekian lama tidak mendapat jawapan daripada **P. Ramlee**. Selepas menyudahkan arahan filem **Ali Baba Bujang Lapok**, barulah **P. Ramlee** memberi persetujuan supaya karangan H. M. Rohaizad itu difilemkan — itulah kali pertama cerita karangan dan susunannya dijadikan filem oleh **P. Ramlee**. [Bulanan *Gelanggang Filem* - Bil. 1 Februari 1961]

H. M. Rohaizad juga telah menyiapkan cerita **Pancha Sitara** yang bercorak muzikal - komidi, dan **P. Ramlee** pernah bercadang hendak membariskan semua bintang-bintang pasukan pancaragam Pancha Sitara yang dipimpinnya, yang terdiri daripada Saloma, penggubah-penggubah lagu Studio Malay Film Productions iaitu Osman Ahmad dan Yusof B; Ahmad Daud, Kassim Masdor, A. Rahim, S. Sudarmadji, Mohd Hamid dll.

## ROKIAH

[1928 - ]

Dilahirkan di Negeri Sembilan. Beliau lulus screen test di Malay Film Productions, dan setelah diterima menjadi pelakon filem, diberi peranan-peranan kecil dalam filem **Chinta, Dewi Murni, Takdir Illahi, Bapa Saya, Pulau Mutiara** dan **Pembalasan**. Dalam filem **Aloha**, nama beliau telah disebut dalam senarai pelakon. Di dalam filem **Berdosa**, Rokiah telah berlakon bersama pelakon utama, iaitu Roomai Nor. Oleh kerana beliau berlakon di samping Roomai Nor, namanya telah melambung naik. Rokiah kemudian digandingkan dengan **P. Ramlee** dalam filem **Penghidu-**



*Rokiah*

**pan**. Beliau sekali lagi dipilih berlakon sebagai adik angkat Kasma Booty dalam filem **Sejoli** bersama **P. Ramlee**. Pengarah L. Krishnan memilih Rokiah menjadi seniwati utama bersama **P. Ramlee** dalam filem **Antara Senyum dan Tangis**, dan dalam filem **Putus Harapan**. B. N. Rao juga memilih beliau menjadi seniwati utama berganding dengan **P. Ramlee**.

## ROOMAI NOR

[1925 - 1996]




Nama asalnya ialah Muhammad Taib bin Salleh dan beliau dilahirkan di Temerloh, Pahang. Beliau berhijrah ke Singapura sewaktu pemerintahan Jepun, dan bekerja di Malay Film Productions sebagai kerani, dan membuat pelbagai tugas di studio seperti penjaga sambungan (continuity), orang suruhan dan penolong pengarah. Roomai Nor dipilih sebagai pelakon utama dalam filem-filem **Chinta, Nasib, Nilam** dan **Noor Asmara**. Di dalam filem **Bakti**, beliau berlakon sebagai pelakon kedua di mana pengarah L. Krishnan memberi peranan utama kepada **P. Ramlee.**

**P. Ramlee** sering meminjamkan suaranya bagi lagu-lagu filem kepada Roomai Nor semasa di Malay Film Productions antara tahun 1948 hingga tahun 1951.



*Roomai Nor*



*Roseyatimah*

## ROSEYATIMAH
[1943 - 1987]



Rosyatimah.

Dilahirkan di Singapura, anak kepada Jasni dan Neng Yatimah. Beliau telah diperkenalkan oleh **P. Ramlee** sebagai anak dara manis dalam filem **Pendekar Bujang Lapok**, dan dengan serta-merta menjadi pujaan hati seluruh anak muda yang melihatnya. Nama beliau telah ditukar daripada Rosnah kepada Roseyatimah, iaitu dengan mengambil langsung nama ibunya. Roseyatimah merupakan segelintir sahaja daripada wanita yang terpelajar yang memasuki dunia filem pada waktu itu.

**P. Ramlee** memilih beliau berlakon dalam filem **Anak Bapak**. Roseyatimah menyatakan demikian:

"Inilah kali keduanya saya merasai diri saya sebenar-benarnya seorang seniwati. Sebab pimpinan dan arahan **P. Ramlee** itu benar-benar seperti apa yang dikatakan 'the art of film acting' iaitu cara-cara dan rahsia-rahsia lakonan yang diwajibkan oleh filem." [*Majallah Filem* - Bil. 93 Disember 1967, muka surat 21]

## ROSNANI
[1936 - ]

Dilahirkan di Sumatera daerah Minangkabau. Berhijrah ke Singapura mengikuti keluarga pada tahun 1947. Beliau memasuki lapangan filem pada tahun 1952. Boleh memainkan beberapa peranan dalam filem-filem lakonan **P. Ramlee** dengan berkesan. Selepas berlakon dalam filem **Sedarah** bersama **P. Ramlee**. Rosnani berlakon dalam filem **Miskin** bersama **P. Ramlee** sekali lagi. Dalam



*Rosnani*

filem ini beliau telah menunjukkan lakonan yang lebih baik.

Di dalam filem **Lupa Daratan**, peranannya sebagai wanita penggoda dan pemecah kasih sayang antara suami isteri, seolah-olah berlawanan dengan jiwanya.

Di dalam filem **Ibu**, Rosnani memainkan peranan seorang isteri yang setia. S. Ramanathan mengarah filem itu, dan senikata disusun oleh **P. Ramlee**. Rosnani telah berlakon dengan amat baik oleh kerana diberi peranan yang sesuai dengan bakat dan jiwanya.

## RUBIAH

[1920 - ]

Dilahirkan di Medan dan dibesarkan di Tebing Tinggi, Sumatera. Seperti artis-artis lain sezamannya, beliau menyertai sebuah bangsawan di Tebing Tinggi. Di Singapura, beliau mendapat latihan di bawah Ahmad Jaafar. Rubiah mempunyai



*Rubiah*

kebolehan menghafal lagu-lagu dengan baik. Suaranya dijadikan suara latar kepada Kasma Booty dalam adegan-adegan nyanyian beberapa buah filem Melayu.

Pada tahun empat dan lima puluhan, Rubiah adalah penyanyi wanita yang paling terkemuka. Terdahulunya beliau telah dilatih di beberapa buah sekolah Belanda di Jakarta. Pada tahun 1948, beliau telah merakamkan lagu *Bunga Tanjung* ke piring hitam *His Master's Voice*, dan juga lagu-lagu *Teratai*, *Kuala Deli*, *Melati* dan lain-lain lagi, dengan diiringi oleh H. M. V. Orkestra. Pada tahun 1951, hasil daripada Radio Malaya Poll, penyanyi yang teratas adalah Rokiah Hanafi dengan lagu *Kain Songket*, diikuti oleh Rubiah dengan lagu *Sayang di Sayang* dalam filem **Rachun Dunia**, dan ketiga **P. Ramlee** dengan lagu *Azizah*.

## DR RUSHDI

Dibuat di Merdeka Filem Setudio, Kuala Lumpur. Tahun dikeluarkan: 1970.

**P. Ramlee**; Sarimah; Sophia Ibrahim; *dengan*: Ismail Mahmud; Idris Hashim; Ibrahim Joned; *serta* ; Tony Azman; Wan Harun; Tamam Idris; Abdullah Ismail; Yusoff Bujang; Ahmad Dadida; *Bintang undangan*: Nor Azizah; Ed. Osmera; Saloma

Teknik Fotografi: Low Yew Wah; Teknik Sound, rakaman awal: Anuar Yusoff; Rakaman Akhir: Tan Chuan Hock; Filem Editor: Joe Ibrahim; Art Director: Abd. Hamid Aziz.

Penolong': Pengarah sambungan: Hashim Hamzah; Camera: Amin Zaa; Suara: Johan Ibrahim.

Screen Play: **P. Ramlee**; Dialogue: Jamil Sulong; Cerita asal: Omar Rojik.

Lagu' gurindam dan arrangements: **P. Ramlee** AMN.




Shaw Organization Release; Merdekascope; English sub-titles.

Directed by: **P. Ramlee** AMN

Cerita: Dr. Rushdi (**P. Ramlee**) yang mengendalikan kliniknya sendiri merupakan seorang doktor yang disukai ramai. Beliau bekerja tanpa penat melayani pesakit-pesakitnya yang ramai dan jarang-jarang mendapat peluang untuk pulang awal ke rumah. Ini tidak menyenangkan isterinya, Mariana (Sofia Ibrahim), yang muda dan tidak sabar. Mariana bersungut yang suaminya itu mengabaikannya.

Pada suatu malam, Dr. Rushdi dan isterinya menghadiri suatu majlis makan malam yang diadakan oleh Rozaiman (Ismail Mahmud), seorang yang baru berpindah ke bandar itu yang menyatakan bahawa dirinya juga merupakan seorang doktor dari pantai timur. Dr. Rushdi terpaksa meninggalkan rumah itu semasa majlis sedang berjalan oleh kerana panggilan cemas dari seorang pesakitnya. Mariana yang tinggal berseorangan di majlis itu amat tertarik kepada tuan rumah yang kacak dan bersifat lemah-lembut itu. Tidak lama kemudian, mereka menjadi amat mesra.

Dr. Rushdi tidak langsung menyangka kecurangan isterinya dengan kenalannya yang baru itu hingga pada suatu hari beliau sendiri terserempak dengan mereka di sebuah hotel. Oleh kerana dukacita akibat salah laku isterinya, Dr. Rushdi cuba meminum racun tetapi dapat dihalang oleh jururawatnya, Muliani (Sarimah).

Dr. Rushdi terharu dengan sikap simpati Muliani yang mengaku bahawa beliau memendamkan cinta terhadap Dr. Rushdi. Muliani berjanji untuk memberi segala bantuan yang diperlukannya asalkan Dr. Rushdi tidak mengambil langkah yang tidak waras.

Dr Rushdi kemudian menceraikan isterinya, lalu pergi tinggal bersama Muliani di rumahnya. Rozaiman, yang sebenarnya seorang penipu, merancang untuk menghapuskan Dr. Rushdi dan membolot duit daripada polisi insuran nyawa Dr. Rushdi yang telah menamakan Mariana sebagai pewaris hartanya. Dia menyebarkan fitnah terhadap Dr. Rushdi. Tidak lama kemudian Dr. Rushdi pun dianggap sebagai musuh masyarakat dan pesakit-pesakitnya pun berhenti melanggani kliniknya.

Semasa sedang memikirkan nasibnya yang malang itu, Dr. Rushdi menerima sepucuk surat yang dibawa oleh orang gaji kawannya Alimin (Ed Osmera) yang tinggal terpisah dari orang lain di sebuah rumah di atas bukit. Alimin telah memberhentikan orang gajinya yang hanya seorang itu dan meminta Dr. Rushdi melawatnya.

Apabila sampai di rumah Alimin bersama Muliani, beliau terperanjat mendapati Alimin sudah mati selepas memakan pil tidur secara berlebihan. Dengan segera, Dr. Rushdi mendapat ilham bagaimana

hendak menutup kisah kepincangannya dengan Muliani. Beliau merancang suatu kemalangan yang menyebabkan orang percaya bahawa mayat beliaulah dan bukannya mayat Alimin yang dijumpai dalam kereta terbakar yang jatuh di lereng bukit.

Dia dan Muliani terus tinggal di rumah Alimin secara terpisah dari masyarakat. Oleh kerana Dr. Rushdi telah lebih awal membatalkan nama bekas isterinya Mariana dan menggantikan dengan nama Muliani sebagai pewaris dalam polisi insuran nyawa, Muliani dengan mudah dapat menuntut wang insuran itu. Mariana dan Rozaiman berasa sangat hampa lalu Rozaiman meninggalkan Mariana yang telah menjadi papa.

Dua tahun berlalu. Oleh kerana bosan dengan hidup terpisah, Muliani mendapat izin Dr. Rushdi untuk bercampur dengan masyarakat di luar. Beliau mendapat kerja sebagai penyanyi di sebuah kelab malam.

Tanpa diketahui oleh Muliani, Rozaiman dan kuncu-kuncunya sentiasa memerhatikannya. Rozaiman bertemu muka dengan Dr. Rushdi dan mengancam membuka tembelangnya sekiranya Dr. Rushdi enggan menyerahkan separuh daripada duit insuran kepadanya.

Oleh kerana mendapati keadaan menyebelahinya Rozaiman memaksa Muliani menurut kehendaknya. Dr. Rushdi berjaya memperdayakannya lalu menembak Rozaiman hingga mati.

Dr. Rushdi kemudian pergi ke rumah lamanya dan di situ beliau terjumpa dengan bekas isterinya di bilik tidur bersama Zafir (Ibrahim Joned), salah seorang daripada kawannya yang rapat. Dr. Rushdi menembak Mariana kerana menjadi punca segala kejahatannya. Beliau juga membunuh Zafir kerana takut Zafir akan membuka rahsianya.

Muliani terkejut dengan tindakan nekad Dr. Rushdi. Dr. Rushdi sebagai seorang pembunuh mahukan Muliani berpisah darinya oleh kerana beliau terpaksa pergi dari situ tanpa mengetahui untung nasib yang menunggunya. [Tamat]

S

## SAADIAH binti BAHARUM
[1937 - ]





*Saadiah*

Dilahirkan di Singapura. Sewaktu berusia sembilan tahun, beliau sering berulang-alik ke Studio Jalan Ampas, mengikuti kakaknya, seniwati Mariam. Di studio itu, beliau melihat cara-cara berlakon, cara-cara penggambaran dan bagaimana pelakon utama wanita dihiaskan dengan pakaian-pakaian yang cantik. Menurut Saadiah:

"Bila kakak Mariam berlatih senikata, sayalah yang dipaksa menyemak scriptnya. Bila ia berlatih gaya di hadapan cermin, sayalah disuruh menjadi tukang cacatnya." [*Majallah Filem* - 1 April 1960 muka surat 36]

Saadiah mula-mula berlakon dalam filem **Rachun Dunia,** arahan B. S. Rajhans di mana **P. Ramlee** turut berlakon. Oleh kerana beliau telah berlakon dengan baik, maka L. Krishnan telah memilih beliau berlakon dalam filem **Bakti**, sewaktu usianya 13 tahun.

Tony March menulis dalam *Sunday Times* keluaran 9 April 1950 dalam ruangan 'Singapore Scene' seperti berikut:

"Sekiranya anda telah menonton filem Melayu terbaru iaitu **Bakti** tentu anda telah melihat gadis kecil dalam filem itu. Namanya Saadiah dan beliau baru berumur 13 tahun. Dalam filem ini dia kelihatan agak dewasa namun sebenarnya beliau jauh lebih muda. Saadiah memegang peranan kecil dalam filem Melayu yang baru sebelum ini yakni **Rachun Dunia** dan berasaskan prestasi cemerlangnya beliau diberikan peranan yang lebih besar dalam filem **Bakti**. Pengarah Krishnan berkata Saadiah merupakan anak kecil yang berkebolehan dan senang menerima arahan." [Terjemahan]

Selepas itu, Saadiah telah mengikat kontrak dengan Shaw Brothers dan telah berlakon di dalam filem-filem di mana **P. Ramlee** berlakon sebagai pelakon utama,

iaitu **Juwita, Anjoran Nasib, Sedarah, Penarek Becha, Hang Tuah, Semerah Padi, Sergeant Hassan, Musang Berjanggut,** dan **Antara Dua Darjat**. Pada pendapat Saadiah, **P. Ramlee** memilih beliau berlakon di dalam filem-filemnya oleh kerana:

"Dia lekas faham akan kemahuan pengarah itu ... sekali **Ramlee** menunjukkan bagaimana satu-satu lakonan itu mesti dibuat, saya lekas faham akan tunjuk-ajarnya itu dan dengan mudah dapat membuat lakonan itu dengan baik. Jadi dengan cepat adanya persesuaian faham antara pelakon dengan pengarahnya. Ini barangkali yang menyenangkan hati pengarah itu untuk memilihnya". [*Gelanggang Filem*, 1 Mac 1960, muka surat 5]

Saadiah juga menyatakan bahawa beliau dan pelakon-pelakon lain lebih suka berlakon di bawah arahan **P. Ramlee** oleh kerana tiap-tiap sebuah filem yang dibuat olehnya ada saja sesuatu pembaharuan di dalamnya. Saadiah sering membawa watak wanita yang dilanda derita, dan menolak peranan wanita curang.

Saadiah pernah meluahkan cita-citanya untuk "menjadi mashyur seperti Kasma Booty" semasa beliau masih merupakan bintang kecil. Daripada lakonannya di dalam filem-filem arahan **P. Ramlee,** Saadiah amat sesuai dan secocok dengan peranan sebagai anak dara jelita. Dalam filem-filem yang diarahkan oleh **P. Ramlee,** beliau berlakon sebagai gadis yang diselubungi derita dan air mata; di dalam **Penarek Becha** sebagai anak orang kaya yang berhati mulia; dalam **Hang Tuah** sebagai seorang gadis yang putus asa dalam usaha merebut kekasih hati; dan begitu juga dalam filem **Semerah Padi** dengan peranan yang penuh drama dan kesedihan.

Saadiah telah berjaya menjadi "Seniwati Terbaik" bagi tahun 1955 (hasil pemilihan yang dilakukan oleh *Utusan Film dan Sport*) dan bagi tahun 1956 (hasil pemilihan oleh pembaca-pembaca majalah *Bintang*).

## SABARUDIN TUKANG KASUT

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Organization. Dibuat oleh Merdeka Film Productions. Tahun dikeluarkan: 1966.

**P. Ramlee**; Saloma; Raden Sudiro; Mahmud June; Jah Ismail; Hj. Othman; Idris Hashim; Ibrahim Din; Jamal Kerdil; Yem

Teraju muda: Hashim Hamzah; Fotografi; Ng Hoong Ngaim; Rakaman: Anuar Yusof; Pelukis: Esa Ahmad; Editing: Johari Ibrahim; Pencitak: Ho Bee Yoon; Make-up: Rokiah Osman

Cerita 1001 Malam; Screen Play: Omar Rojik; Dialogues: **P. Ramlee**

Musical Orchestrations: **P. Ramlee;** Lyrics: Ainol Jamal

Acted, Edited, Directed by **P. Ramlee** A. M. N.

Cerita: Kononnya, di sebuah desa yang jauh dari kota Baghdad, ada seorang tu-





*P. Ramlee di dalam filem* **Sabarudin Tukang Kasut**

kang kasut yang miskin yang sentiasa bermimpikan kesenangan hidup bersama-sama isterinya.

Sabarudin (**P. Ramlee**), tukang kasut tersebut, hidup di dalam penderitaan, sebab Halobayah (Jah Ismail) isterinya, tidak menaruh timbang rasa atas segala kepenatannya mencari rezeki.

Kerana benci dengan penghidupan yang miskin itu, Halobayah telah membuat perhubungan dengan seorang pemuda, Malaon (Hj. Othman), Halobayah, telah menjalankan beberapa ikhtiar supaya Sabarudin menceraikannya.

Tetapi Sabarudin tetap bersabar, dan tidak menaruh sebarang syak dan waham terhadap kejujuran isterinya.

Akhirnya, oleh kerana tidak tahan lagi dengan penderitaan hidup di samping tukang kasut yang miskin itu, Halobayah telah membuat fitnah, dan mengadu kepada tuan kadi. Aduan Halobayah telah diterima dan Sabarudin diperintahkan supaya menceraikan isterinya.

Oleh kerana malu terhadap sahabat-sahabatnya akibat fitnah-fitnah yang telah disebarkan oleh isterinya itu, maka Sabarudin telah meninggalkan desanya.

Dalam perjalanannya menuju ke kota, Sabarudin telah termasuk ke dalam perangkap orang-orang jahat. Dia telah ditangkap, dan dijual di pekan pesara sebagai abdi.

Sabarudin telah dibeli oleh seorang kaya. Hati Sabarudin sungguh gembira bila mendapati bahawa orang kaya yang membelinya itu tidak lain daripada Putar Alam Shah (Idris Hashim), seorang sahabatnya sejak kecil.

Sabarudin sungguh hairan melihat sahabatnya menjadi kaya-raya. Dan daripada keterangan-keterangan sahabatnya itu, Sabarudin mendapat pelajaran bahawa,

"Mengamalkan kesabaran dan cara-cara hidup yang jujur tidak dapat menja-

min hidup seseorang di dalam dunia yang penuh putar belit ini".

Selepas mendengar nasihat dan pertolongan sahabatnya itu, Sabarudin mula menukar corak dan amalan hidupnya!

Berlagak sebagai seorang saudagar besar dalam perniagaan intan dan permata, Sabarudin telah menjamu dan memberi sedekah kepada fakir-miskin, dengan dinar-dinar yang dipinjamkan oleh sahabatnya itu. Akhirnya, namanya menjadi masyhur sebagai seorang saudagar kaya yang amat pemurah.

Sabarudin yang dahulunya tidak pernah berbohong, sekarang sudah lebih pandai dari Putar Alam Shah. Anehnya, semakin besar temberangnya, semakin tinggi pula penghormatan dan kepercayaan yang diberikan oleh saudagar-saudagar yang menjadi kawan-kawannya.

Sabarudin terus hidup dalam kemewahan, dan membelanjakan dinar-dinar yang dipinjamnya untuk bersedekah fakir dan miskin. Beliau juga menjanjikan kafilah-kafilah kepada saudagar-saudagar yang sentiasa sedia menawan budi dengannya. Lama-kelamaan, bila kafilah yang dijanjikan oleh Sabarudin itu tidak juga tiba, maka saudagar-saudagar yang telah meminjamkan dinar yang banyak kepada Sabarudin telah menjadi gelisah dan mengadukan hal masing-masing kepada Sultan.

Sabarudin telah diperintahkan untuk mengadap Sultan. Beliau berada di dalam ketakutan oleh sebab membuat janji-janji kosong.

Untuk menguji Sabarudin yang menyatakan dirinya merupakan seorang saudagar intan dan permata, baginda sultan telah memberinya satu batu permata, lalu bertanyakan mutunya. Seluruh anggota Sabarudin, menggeletar oleh kerana selain daripada menampal kasut, beliau tidak mempunyai ilmu dan kepandaian yang lain. Sabarudin sungguh bernasib baik apabila permata yang di dalam genggamannya terjatuh dan hancur berkecai. Pada sangkaan baginda, Sabarudin telah membuang permata itu, kerana dia mengetahui nilainya dengan hanya menggenggam sahaja. Pada hal yang sebenarnya, permata palsu itu terjatuh kerana Sabarudin gementar di dalam ketakutan.

Selepas ujian itu, Sultan sendiri telah terpengaruh dengan "kekayaan Sabarudin", yang telah menjadi perbualan tiap-tiap saudagar di dalam kota, lalu menerima Sabarudin sebagai menantunya menjadi suami kepada Puteri Sabarina (Saloma). Sultan menaruh harapan bahawa apabila kafilah Sabarudin tiba, baginda akan menjadi seorang Raja yang kaya.

Tidak berapa lama kemudian, Sultan sendiri mulai menaruh syak dan curiga, mengenai kafilah yang dikatakan oleh Sabarudin itu. Baginda telah memerintahkan memanda wazir (Mahmud June) untuk menyiasatnya, dan juga menyuruh puteri baginda merisiknya.

Sabarudin berterus-terang mencurahkan riwayat hidupnya yang sebenar kepada Puteri Sabrina. Oleh kerana kasih dan sayang sudah terjalin erat, Sabarina tidak pula menyatakan kehampaannya, bahkan menasihatkan suaminya Sabarudin melarikan diri, supaya terselamat daripada hukuman maut.

Dalam perjalanannya di gurun pasir, Sabarudin berasa penat, dan dalam kehausan, merayau-rayau untuk mencari air. Beliau kemudian telah berjumpa sebuah telaga yang tidak mempunyai setitik air pun di dalamnya. Sedang Sabarudin mengeluh duka, tiba-tiba, datang seorang tua dengan membawa sebuah buyung yang besar dan menyuruh Sabarudin mengisi air di dalamnya. Oleh kerana Sabarudin tidak da-

pat melakukan permintaan orang tua itu, ia telah dimarahi. Orang tua itu telah menolak Sabarudin ke dalam telaga yang berkenaan.

Di dasar telaga itu, Sabarudin mendapati sebuah pintu yang menuju ke sebuah gua penuh dengan beraneka kekayaan, intan dan permata. Ketika itu, barulah Sabarudin menyedari bahawa orang tua itu bukanlah manusia biasa.

Sabarudin telah menerima daripada orang tua itu sebentuk cincin, yang boleh memanggil jin suruhan apabila digosok.

Dengan menggunakan cincin hikmat itu dan jin yang sedia memperhambakan diri atas segala suruhan Sabarudin, maka mudahlah Sabarudin mengumpulkan satu kafilah yang mengangkut segala harta-karun yang sangat banyak ini untuk dipersembahkan kepada Sultan.

Baginda sangat sukacita, dan hilanglah segala syak dan curiganya terhadap Sabarudin, menantunya itu.

Sabarudin tidak dapat hidup dalam aman dan tenteram. Memanda wazir telah menunjukkan sikapnya yang dengki dan khianat. Beliau telah menghasut Sultan dengan menyatakan bahawa segala harta dan kekayaan yang dibawa oleh Sabarudin itu ialah harta karun dan bukan kekayaan yang diperolehi daripada perniagaan.

Kerana kejujurannya, Sabarudin sedia menceritakan perkara yang sebenarnya kepada baginda. Apabila Sabarudin menunjukkan cincin hikmatnya, memanda wazir telah merampasnya.

Wazir kemudian menggunakan kekuasaannya untuk memindahkan Baginda Sultan bersama-sama Sabarudin dari istana ke hutan belantara.

Wazir pun memerintah negeri dan ingin memilik Puteri Sabarina sebagai isterinya. Pemerintahannya tidak berpanjangan, oleh kerana Puteri Sabarina telah memperdaya beliau, dan memperolehi semula cincin itu untuk menyelamatkan ayahanda dan suaminya. Wazir telah dihukum dan tukang kasut Sabarudin hidup aman bahagia dengan Puteri Sabarina. [Tamat]

## SALLEH KAMIL

[1924 -1998]

Nama sebenarnya ialah Salleh bin Abdullah. Sejarah beliau menjadi seorang pelakon dan perhubungannya dengan **P. Ramlee** telah dilaporkan oleh akhbar *Berita Harian* pada 11 Julai 1998 di muka surat 9 seperti berikut:

"Sebelum menjadi pelakon Salleh ialah pemandu teksi di Singapura. **P. Ramlee** pelanggan tetapnya kerana selalu menyewa teksinya. Mereka menjadi sahabat akrab.

Keakraban persahabatan itu menyebabkan Salleh bercinta dengan bidang filem apabila dia berkawan dengan P.



*Salleh Kamil*

**Ramlee**. Daripada **P. Ramlee** beliau mendapat maklumat Jalan Ampas memerlukan pelakon tambahan."

Pada tahun 1951, beliau telah mula bekerja dengan Malay Film Productions, dan buat kali pertama berlakon sebagai penari di dalam filem **Penghidupan,** di mana **P. Ramlee** menjadi pelakon utama. Selepas itu, beliau berlakon di dalam filem **Miskin** sebagai pelawak. Wajah beliau didapati lebih sesuai untuk peranan pelakon samseng. Beliau turut berlakon dalam filem-filem **Penarek Becha, Semerah Padi, Sumpah Orang Minyak** dan **Sergent Hassan**. Salleh Kamil lantas terkenal sebagai pelakon watak jahat dan merupakan aset kepada Malay Film Productions dan **P. Ramlee**. Apabila beliau bertembung dengan **P. Ramlee** di dalam sesebuah filem, dengan watak jahatnya yang amat berkesan, maka **P. Ramlee** yang sering memegang watak baik, miskin dan daif segala-galanya kecuali sifat wira seperti dalam filem **Penarik Becha** dapat meraih simpati penonton-penonton terhadap beliau. Kata Mahmud June:

"Ketika zaman kegemilangan filem Melayu di Jalan Ampas, kebanyakan anggota masyarakat yang tidak mengenali Salleh secara dekat kerap membencinya sehinggakan ada antara mereka yang pernah meludah dan membaling batu kepada Salleh selepas menonton filemnya. Dia tidak pernah ambil peduli dengan segala ancaman itu. Sebaliknya bangga kerana lakonannya bagi filem itu menjadi dan mesej yang cuba dibawanya sampai kepada masyarakat." [*Berita Harian* 6 Julai 1998 mukasurat 14: "Watak Jahat Salleh Kamil Tiada Tandingan"]

Salleh Kamil telah banyak kali diadu kehandalannya dengan hero-hero di Studio Jalan Ampas Singapura. Beliau pernah beradu gagah dengan **P. Ramlee** dalam filem **Semerah Padi** dan **Penarik Becha**. Filem **Penarek Becha** telah membawa kejayaan kepada beliau apabila beliau dipilih sebagai "Seniman Pembantu Terbaik" bagi tahun 1955 oleh pembaca-pembaca *Utusan Film dan Sport*. Hasil lakonan dalam filem **Semerah Padi,** beliau telah dipilih sebagai "Seniman Pembantu Terbaik" (kedua) bagi tahun 1956, iaitu pilihan pembaca-pembaca majalah *Bintang*.

Salleh Kamil juga gembira dengan watak komedi. Di dalam filem **Tiga Abdul** arahan **P. Ramlee** dalam tahun 1964, Salleh Kamil berlakon sebagai 'tuan penasihat' kepada Ahmad Nesfu. Seniman Hollywood, Glenn Ford menjadi ikutannya.

## SALOMA
[1936 - 1983]



Salmah binti Ismail dilahirkan di Singapura. Beliau tamat Darjah 5 Sekolah Melayu di Kampung Gelam; dan kemudiannya di Sekolah Rochore. Pada suatu hari, bapa tirinya Encik Em (ayah biduanita Normah Em) telah mengajaknya melihat rakaman pancaragam yang dipimpin olehnya di Radio Malaya. Penyanyi Rokiah Hanafie tidak dapat hadir pada hari itu, dan Salmah telah diajak oleh bapa tirinya untuk menggantikan tempat Rokiah. Itulah kali pertama beliau menyanyi di muka corong radio. Perubahan itu telah berjaya dan beberapa pancaragam di Singapura telah mengajak beliau menjadi



*P. Ramlee dan Saloma*

penyanyi. Beliau pernah menyanyi dalam sebuah keroncong party yang bernama Fajar Murni.

Nusantara Film Company telah mengadakan "screen test", lalu Salmah diberi sebuah peranan kecil dalam filem **Pelangi.** Filem keduanya ialah **Perkahwinan Rahsia** dan filem ketiganya ialah **Norma,** yang dibuat sewaktu beliau berusia 16 tahun.

Selepas itu, beliau berhenti dan menjelajah Tanah Melayu kerana mengadakan pertunjukan-pertunjukan pentas. Beliau berkahwin dengan ahli kelakar terkenal A. R. Tompel pada tahun 1952. Biduk rumah tangganya hanya sempat dilayar selama setahun saja, dan beliau dikurniakan seorang putera bernama Armali pada tahun 1953. Selepas itu, Salmah menjadi penyanyi night club dan lagu pertama yang dipelajarinya ialah *I Am In The Mood For Love* dan *Once In A While.* Beliau terharu dengan lagu *Hujan Lebat* oleh kerana lagu itu ada hubungan rapat dengan kisah-kisah hidupnya di masa-masa yang lalu (iaitu sebelum tahun 1960).

Beliau pernah menjadi seniwati Malay Film Productions; tetapi beliau lebih dikenali sebagai seorang penyanyi. Keistimewaannya adalah kemerduan dan keindahan setiap patah lagu yang dialunkan olehnya. Setelah mengalunkan suaranya dalam lagu *Burung Punggok,* suara beliau dikagumi oleh ramai selepas itu. Lagu sukaramai di masa itu termasuklah *Madah Pujangga.* Beliau mula mendapat nama jolokan 'Saloma', ketika filem **Salome** yang dilakonkan oleh Rita Hayworth sedang menggemparkan masyarakat setempat.

Beliau berkahwin dengan **P. Ramlee** pada tahun 1961. Filem-filem **P. Ramlee** yang beliau pernah berlakon, antaranya, ialah **Seniman Bujang Lapok, Labu dan Labi, Ragam P. Ramlee** dan **Sabarudin Tukang Kasut.**

SENIMAN, sebuah persatuan para artis telah memberi gelaran "Biduanita Negara" kepada beliau pada tahun 1978.



*P. Ramlee dan Sarimah*

## SARIMAH
[1942 - ]

Dilahirkan di Kampung Pulau Rusa, Kuala Pahang. **P. Ramlee** adalah orang yang menjalankan "screen test" bagi seniwati ini. Setelah lulus ujian bakat itu, Sarimah telah diambil bekerja dengan Malay Film Productions pada tahun

1960. Beliau diberi **P. Ramlee** peranan penting sebagai Marjiana di dalam filem **Ali Baba Bujang Lapok.** Selepas filem itu, beliau menjadi seniwati yang cepat terang bintangnya. **P. Ramlee** telah memilih beliau berlakon dalam filem **Ibu Mertua-Ku** dalam peranan dramatik, dan gandingan lakonan beliau dengan **P. Ramlee** dan Mak Dara amat berkesan sekali. Filem ini telah menyebabkan Sarimah terus menjadi seniwati yang terkenal ketika itu.

Bakat Sarimah dalam bidang lakonan komidi-muzikal terserlah apabila **P. Ramlee** memberi beliau peluang berlakon di dalam filem-filem **Labu dan Labi, Madu Tiga** dan **Tiga Abdul**.

Semasa di Merdeka Film Productions, Kuala Lumpur, selepas jarak lima tahun dari filem terakhir beliau berlakon dengan **P. Ramlee** dalam filem **Tiga Abdul** di Malay Film Productions, Sarimah telah dipilih oleh **P. Ramlee** untuk berlakon di dalam filem-filem **Kanchan Tirana** dan **Gelora**. Kata Sarimah:

"Berlakon di bawah pimpinan pengarah **P. Ramlee** adalah satu keuntungan besar".

Di dalam filem **Kanchan Tirana** umpamanya, **P. Ramlee** telah mendaya cipta lakonan bentuk baru kepada seniwati Sarimah.

Pada tahun 1970, **P. Ramlee** telah memilih barisan pelakon daripada bakat-bakat yang sudah dewasa dengan seni lakonan filem bagi filem **Dr Rushdi**. Sarimah berkata:

"Karektor saya dalam **Dr Rushdi** ini adalah jenis karektor yang baru bagi saya".

Sebelum itu, Sarimah belum pernah dicuba bakatnya sebagai seorang jururawat yang bersimpati kepada tuannya, seorang doktor, yang terseksa batinnya gara-gara isteri yang tidak mahu memahami kenyataan. Memang Sarimah belum pernah diminta menghidupkan perasaan seorang wanita yang sedia berkorban demi kepentingan orang yang disimpatinya, biarpun dia tahu bahawa orang yang ditolongnya itu sudah melakukan satu penipuan! Dengan pimpinan pengarah **P. Ramlee**, Sarimah telah berjaya memainkan peranannya itu dengan amat berkesan.

## SEDARAH

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited, Singapore. Dibuat di Malay Film Productions Limited, Singapore. Tarikh dikeluarkan: 30 Ogos 1952.

**P. Ramlee**, Rosnani; *dibantu oleh*: A. Rahim, Haji Mahadi, Saadiah, Siti Tanjung Perak, S. Shamsuddin, Annie Jasmin, Sa'amah, Malek Sutan Muda, Salleh Abdullah, Kamarudin, Saleh Kamil, Salmah, Ulong Jawa.



Juru Gambar: Chou Chan Kok; Juru Suara: Chou Chow Ton; Pelukis Pemandangan: M. Sulaiman Othman; Penyunting Film: H. Hayat

Pembantu : Juru Gambar: A. Bakar Lahar; Juru Suara: Yap Poh Kai; Continuity: Mrs. G. Kollart

Lagu-lagu Gubahan: Ahmad Jaafar; Gurindam: S. Sudarmadji; Tari-Tarian: Edith Castillo

Pembantu Pengarah dan Penterjemah Senikata: W. H. Barat; Pengarang dan Penyusun Cerita: S. Ramanathan

Diarahkan oleh: S. Ramanathan

Cerita: Hassan (Haji Mahadi) sedang gelisah tinggal di sebuah pondok buruk dalam sebuah kampung Melayu di Melaka. Kedatangan seorang posmen ke rumahnya menentukan suatu penghidupan baru baginya. Syarikat Perkapalan Singapura telah memanggilnya untuk berkhidmat di atas kapal mereka *Juwita*. Tetapi, isterinya yang sedang mengandung berasa keberatan melihatnya menjadi seorang pelaut.

Walau bagaimanapun, Hassan berlepas ke Singapura. Semasa ketiadaannya, rumahnya telah hangus dijilat api pada suatu malam. Apabila beliau pulang, dia diberitahu bahawa isterinya juga turut terkorban dalam kebakaran itu. Dengan perasaan sedih dan kecewa, Hassan pun belayar dari Singapura dengan kapal Juwita.

Rupa-rupanya, Rubiah (Siti Tanjung Perak) terselamat dalam kejadian itu. Oleh kerana gagal mencari suaminya, beliau berputus asa lalu merayau-rayau hinggalah beliau ditemui oleh seorang lelaki duda kaya dalam keadaan tidak sedarkan diri. Lelaki itu membawanya ke Pulau Pinang dan di sana, beliau melahirkan seorang anak lelaki yang diberi nama Harun (**P. Ramlee**). Masa terus berlalu. Hassan bertemu dan berkahwin dengan seorang gadis di Jarkarta. Beliau membawa isterinya ke Singapura di mana beliau melahirkan seorang anak lelaki bernama Hashim (A. Rahim). Pada waktu itu, isterinya yang berasal dari Jakarta itu meninggal dunia. Hassan menghadapi tragedi itu dengan tabah dan beransur-ansur menjadi terkenal dan kaya apabila beliau menjadi nakhoda kapal Juwita serta rakan pengurusan Syarikat Perkapalan Singapura. Hashim pula sudah dewasa bagi mengendalikan segala urusan bapanya.

Rubiah dan anaknya pula terus hidup dalam kemiskinan dan kesusahan. Pada suatu hari, Harun memutuskan untuk pergi ke Singapura bagi menjadi kelasi kapal. Dengan titisan air mata, Rubiah melepaskan anaknya ke Singapura sambil mengingatkan anaknya tentang suaminya yang telah lama hilang dan menasihatkan beliau supaya pulang semula, tidak seperti ayahnya. Harun sampai ke pejabat Syarikat Perkapalan Singapura lalu terus diambil bekerja oleh Hassan dan Hashim untuk berkhidmat di atas kapal *Juwita*. Tidak diketahui oleh kedua-dua orang itu bahawa Harun adalah sedarah daging dengan mereka. Hashim dan Harun menjadi sahabat yang akrab manakala Hassan pula melayani Harun dengan kasih sayang.

Semasa berkelah pada suatu hujung minggu, Hashim telah mengalami kemalangan. Harun membawanya ke pantai sebuah kampung nelayan dan di situ mereka dibantu oleh seorang gadis yang cantik. Asiah (Rosnani) dan Harun jatuh cinta tetapi apabila Hashim sedar semula, beliau telah menggoda gadis itu semasa ketiadaan Harun. Asiah memandang rendah niat Hashim itu dengan mengatakan bahawa di dalam kalbunya hanya ada tempat untuk Harun. Perasaan cemburu yang amat sangat mula menguasai diri Hashim dan den-

gan niat jahat beliau mengarahkan Harun belayar ke tempat yang jauh dengan *Juwita*. Hashim juga menjalankan tipu-muslihat supaya seorang perempuan jahat memikat Harun serta mengurungnya di kampungnya di Pulau Mutiara. Kapal *Juwita* pulang ke Singapura tanpa Harun. Hashim memberitahu Asiah bahawa Harun sudah terpikat dengan perempuan lain.

Walau bagaimanapun, Harun dapat melepaskan diri dan pulang ke Singapura selepas mendapat tahu perbuatan khianat Hashim terhadapnya. Dengan perasaan dendam, dia bergegas mencari Hashim yang ditemuinya sedang memeluk Asiah secara paksa. Pergaduhan pun berlaku dengan Hashim bersungguh-sungguh hendak membunuh Harun.

Dalam pada itu, pemergian Harun sekian lama menyebabkan Rubiah pergi ke Singapura untuk bertemu dengan anaknya itu. Beliau berjaya sampai di rumah Hassan dan dalam suatu kemuncak yang dramatik, si suami telah menemui isterinya yang telah dianggapnya telah lama meninggal dunia. Hassan dan Rubiah bergegas ke tempat di mana Hashim telah ditikam oleh Harun. Hanya di saat menghembuskan nafas terakhir barulah Hashim sedar bahawa selama ini beliau telah mengkhianati saudara kandungnya sendiri. Beliau meminta ampun tetapi semuanya sudah terlambat. Harun didapati bersalah kerana membunuh lalu dihukum penjara seumur hidup. Segala titisan air mata Asiah tiada berguna lagi dan Harun terpaksalah menghadapi nasibnya yang malang seperti yang disuratkan takdir. [Tamat]

## SEJOLI

Dibahagi dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited Singapore Dibuat oleh Malay Film Productions Limited, Singapore. Tarikh dikeluarkan: 19 Jun 1951.

Kasma Booty, Rokiah, Neng Yatimah, **P. Ramlee**, Jaafar Wiryo, D. Harris, S. Shamsuddin, Siti Tanjung Perak, Osman B, M. Yusuf

Pengarah: B. S. Rajhans; Penyusun Senikata dan Pembantu Pengarah: Jaafar Wiryo; Jurugambar: Koh Jee Soon; Pengambil Suara: Chong Chee Liat and Lee Choh Ming; Bunyi-Bunyian: Yusoff B, Joned dan Sumardi; Tari-Tarian: Edith Castillo; Pelukis Pemandangan: Mohd Haniff; Cherita ditulis oleh: A. R. Iyer

Cerita: Zubaidah (Neng Yatimah), seorang anak yatim yang cantik, telah dibesarkan dalam suatu keluarga yang besar. Beliau berkahwin dengan Ismail (Osman B) seorang muda yang tidak bertanggungjawab. Dia amat taat kepada suaminya. Pada suatu hari, Ismail meninggalkannya dan berjanji akan pulang dalam beberapa minggu walaupun Zubaidah memberitahunya bahawa beliau sedang hamil.

Selepas pemergian Ismail, sahabatnya Mustar (Jaafar Wiryo) selalu datang ke rumah Zubaidah dan cuba untuk bermesra-mesra dengannya. Zubaidah berasa terhina lalu menghalaunya keluar dari rumah itu. Mustar keluar dengan perasaan yang amat marah dan kemudian menghasut tuan punya rumah menghalau Zubaidah dari rumah itu. Zubaidah pun merempat.

Pada suatu petang, Zubaidah telah ditipu untuk mengikut Bakar (S. Shamsuddin) dan Bakri (D. Harris) ke sebuah rumah kosong di mana Mustar sedang menunggu. Dia cuba melarikan diri dan semasa berbuat demikian, beliau jatuh pengsan. Seorang tuan punya hotel bernama Mohamad (M Yusof) tiba di tempat itu lalu membawanya ke hospital, di mana Zubaidah melahirkan seorang anak perempuan.

Selepas keluar dari hospital, Zubaidah merayau ke sana-sini mencari makanan dan tempat tinggal, tetapi tidak berjaya. Akhirnya beliau meninggalkan anaknya dalam kebun bunga seorang kaya. Anak Zubaidah, Mariam (Kasma Booty), diambil sebagai anak angkat dan dipelihara oleh orang kaya Ibrahim dan isterinya. Mereka mempunyai seorang anak perempuan bernama Halimah (Rokiah), dan kedua-duanya diberi layanan yang sama.

Zubaidah selalu menunggu berhampiran dengan rumah Ibrahim untuk melihat anaknya. Sekarang, Zubaidah telah menjadi pengurus sebuah hotel yang dimiliki oleh Mohamad, seorang tua yang melayaninya dengan baik.

Dalam pada itu, Lt. Jamil (**P. Ramlee**), anak kawan lama Ibrahim tiba di Singapura untuk tinggal bersama keluarga itu. Lt. Jamil sangat sayang kepada Mariam, menyebabkan Halimah berasa cemburu. Pertengkaran pun sering berlaku dan selalunya orang yang memulakannya ialah Halimah.

Pada suatu hari, semasa Ibrahim sedang bercakap dengan isterinya, Halimah mendapat tahu bahawa Mariam itu bukan saudaranya yang sebenar. Dengan sertamerta, Halimah menyampaikan berita itu kepada Mariam di hadapan Lt. Ibrahim. Ibrahim dan isterinya akhirnya mengesahkan cerita itu. Mariam meninggalkan rumah pada malam itu juga. Lt. Jamil pergi mencarinya.


*P. Ramlee dalam filem* **Sejoli**

Mariam menginap di hotel yang diuruskan oleh ibunya sendiri. Mustar, Bakar dan Bakri tiba di hotel itu untuk menculik pengurus Mohamad bagi dijadikan tebusan. Zubaidah pula memberikan biliknya untuk diduduki oleh Mariam. Zubaidah mendengar Mariam menjerit minta tolong. Lt. Jamil melihat Mariam dibawa keluar lalu cuba menolong, tetapi gagal dan tercedera teruk. Zubaidah dan Mohamad membawa Jamil ke dalam hotel.

Dalam pada itu, Ismail tiba balik di Singapura dengan wang yang banyak. Beliau bertemu Mustar lalu mengikat janji dengannya untuk membeli seorang gadis yang cantik. Ismail mengikutnya ke suatu tempat persembunyian di mana Mariam sedang dikurung. Bertepatan dengan masanya, Lt. Jamil, Zubaidah dan Mohammad tiba dengan sepasukan polis. Zubaidah terperanjat melihat suaminya hendak melarikan anak perempuannya sendiri. Zubaidah menceritakan segala-galanya. Ismail memohon ampun dan maaf. Lt. Jamil dan Mariam pun berkahwin. [Tamat]

## SEMERAH PADI

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited, Singapore. Dibuat oleh Malay Film Productions Limited, Singapore. Tayangan Perdana pada 14 Julai 1956.

Nordin Ahmad; Saadiah; **P. Ramlee;** *co-starring:* Daeng Idris; Normadiah; Musalmah; Salleh Kamil; A. Rahim; *with:* Malek Sutan Muda; Saamah; Zainon; Kemat Hassan; Shariff Dol; Muhammad Hamid; Nyak Osman; Omar Suwita

Photography: C. Ramachandran; Original Story: Omar Rojik; Screen Play: **P. Ramlee;** Dialogues: S. Sudarmadji; Silat Instructor: Malek Sutan Muda; Continuity: Saleha; Music: **P. Ramlee;** Lyrics: Jamil Sulong; Orchestration: MFP Studio Orchestra; Score: Fred Libio; Playback Singer: Saloma; Dance Instructor: Normadiah; Production Manager: Kwek Chip Juan; Film Editor: H. R. Narayana; Audiography: J. S. Anthony; Laboratory: Chow Cheng Kok and Lee Mong Ham

Assistants:- Director: S. Hassan Sahab and S. Sudarmadji; Photography: S. Jumari; Audiography: Wong Shaur Lee; Film Editor: K. K. Raman; Art Director: A. Rasul; Laboratory: Wong Hong Peng

Directed by **P. Ramlee**

Cerita: Pada zaman dahulu kala, terdapat sebuah kampung yang diketuai oleh seorang penghulu yang amat kuat berpegang kepada hukum-hukum negara. Penghulu Hitam (Daeng Idris) gelarannya. Segala hukum-hukum yang telah dijadikan Kanun Negara semuanya dijalankan dengan sempurna oleh penghulu ini ke atas anak-anak buahnya.

Penghulu ini mempunyai seorang anak gadis, Dara (Saadiah), dan dua orang panglima yang gagah - Aduka (**P. Ramlee**) dan Taruna (Nordin Ahmad). Paling ditakuti dan disegani ialah Taruna, dan ia paling disayangi pula oleh penghulu Hitam.

Terbit dari kesayangannya inilah maka ia dengan segala ikhlas hatinya mengumumkan ke seluruh pelosok daerahnya bahawa anak gadisnya Dara itu dipertunangkan dengan Taruna.

Sebelum pengumuman ini dibuat, rupa-rupanya hubungan Dara





*P. Ramlee dan Saadiah dalam filem* Semerah Padi

dengan Aduka telah terjalin rapat sebagai hubungan kasih terpadu antara satu sama lain. Menurut tatacara zaman itu, perhubungan itu tidaklah berlaku secara terang dan mudah diketahui oleh orang lain. Aduka dan Taruna adalah sahabat-sahabat karib. Aduka dan Dara juga turut mentaati kepada keputusan yang dibuat oleh Penghulu.

Dalam satu keramaian yang meriah, tiba-tiba terjadi suatu ribut yang terbit akibat pengaduan seorang suami bernama Kachiwa (Omar Suwita) bahawa isterinya yang bernama Galak (Normadiah) telah dinodai oleh seorang pemuda, Jejaka (A. Rahim). Kachiwa telah datang dengan berlumuran darah setelah berjuang hebat dengan pengacau rumah tangga itu.

Menurut Kanun Negara, orang berzina dihukum sula. Jejaka dan Galak tidak terlepas daripada hukuman tersebut. Jejaka mempunyai seorang abang (Salleh Kamil), Borek namanya. Apabila Borek mendengar keputusan Penghulu Hitam dan setelah hukum sula dijalankan ke atas diri adiknya, maka timbullah rasa dendam di dalam hatinya untuk mengkhianati penghulu. Lalu, ia mengumpulkan kawan-kawannya membuat onar.

Borek merupakan seorang yang gagah. Beliau segan kepada Taruna dan tidak takut kepada penghulu Hitam. Orang ramai turut takut kepada Borek oleh kerana kejahatannya. Orang ramai takut kepada pengawal-pengawal penghulu (Aduka dan Taruna) oleh kerana patuhnya mereka menjalankan hukum Kanun Negara.

Pada suatu hari, datanglah suatu utusan daripada raja kepada penghulu Hitam, membawa maksud raja supaya mengirim-

kan seorang pendekar handalan untuk membantu dalam suatu perjuangan. Dengan ini, penghulu Hitam pun mengirim Taruna untuk mengadap raja. Borek yang telah sekian lama menaruh dendam itu mengambil peluang di atas ketiadaan Taruna. Ia pergi ke istana penghulu dan dengan jalan ilmu pukaunya dapat menculik Dara untuk dinodai sebagai ganti balas dendam hatinya. Tetapi mujurlah, perbuatan ini telah dilihat oleh seorang penduduk di situ, yang mengadukan hal ini kepada Aduka.

Dengan penuh berang, Aduka keluar menyusul jejak arah perjalanan penculik Dara tadi; sementara penduduk yang mula-mula terjumpa penculik itu membuat pengaduan ke balai penghulu.

Dengan perintah penghulu, serombongan pengawal turut menyusul mengejar penculik itu. Borek lari memikul Dara, disusuli di belakangnya oleh Aduka sendiri, dan di belakangnya pula serombongan pengawal mengejar dalam gelap-gelita.

Dengan berpandukan culuk yang dibawa oleh Borek yang kelihatan sayup jauh di gunung, pada akhirnya, Aduka dapat juga mengesan arah jalan dan berkejar hingga ke tempat di mana Dara menjerit meminta bantuan kerana dinodai. Aduka bertarung dengan Borek, dan Borek menemui ajalnya. Lalu, Aduka menggendung Dara untuk dibawa pulang.

Belum jauh lagi perjalanan, tiba-tiba turunlah hujan serentak guruh dan ribut. Aduka mencari perlindungan, dan akhirnya berteduh di sebuah gubuk buruk yang sudah tidak berdinding lagi.



*P. Ramlee dan Saadiah dalam filem* Semerah Padi

Aduka tidak berani duduk dekat-dekat dengan Dara. Tetapi apabila kilat menyambar, kedua-dua bekas kekasih ini dapat berpandangan sepintas lalu. Sekali, dua kali kilat menyambar, akhirnya menjelmalah iblis menyingkap kain Dara hingga ke paha ketika kilat tiba dan ini telah dilihat Aduka. Belum jalan jarum iblis, maka datanglah dengan tiba-tiba petir yang hebat hingga mengejutkan Dara, lalu ia bangun ketakutan menerkam Aduka dan mereka berpelukan sebentar.

Di sinilah puncanya Aduka dan Dara, bekas kekasih masing-masing, melakukan perbuatan zina. Setelah hujan teduh dan angin berhenti, maka berpimpinlah dua orang remaja ini keluar dari gubuk buruk untuk pulang ke kampung.

Di tengah jalan, mereka bertemu dengan rombongan pengawal yang mencari mereka, lalu sama-sama ikut turut pulang.

Kejujuran Dara dibuktikan: Dia mengaku di hadapan ayahnya bahawa dia telah melakukan zina bersama Aduka. Perkara ini telah tersebar luas ke seluruh pelosok daerah.

Kanun Negara menghukum orang berzina dengan sula. Dara tak lepas daripada hukuman ini tetapi Aduka telah diminta oleh ibunya yang telah tua itu supaya melarikan diri. Apabila sampai masanya, Dara digiring untuk disula di sebuah bukit. Hal ini telah diperhatikan oleh Aduka yang bersembunyi dengan azam hendak melepaskan Dara daripada hukuman mati itu dan lari bersama-sama.

Tepat pada saatnya, Aduka muncul lalu membunuh pertanda yang hendak menyula Dara. Ketika Dara hendak dilepaskan dari ikatan, tiba-tiba muncul pula, Taruna yang baru pulang daripada perjuangan di atas permintaan raja, dan sekarang dia berhadapan dengan Aduka. Maka terjadilah perkelahian hebat di antara dua orang kawan sahabat karib.

Pada kemuncak pertarungan itu, Aduka jatuh dan Taruna menghayunkan tumbuknya untuk penghabisan tetapi Dara telah menerkam dan menggalang tubuhnya di hadapan Aduka - lantas terbunuhlah Dara di tangan Taruna. Aduka bangun melawan Taruna, dan Taruna terkorban di tangan Aduka.

Aduka yang mengalami luka-luka yang teruk menggendung Dara yang telah menjadi mayat itu tapi ia tergelincir di celah-celah batu lalu jatuh ke gaung dalam dan terus terkorban. [Demikian cerita asalnya dari buah tangan Omar Rojek.]

Menurut cerita asalnya, pada akhirnya Aduka, Taruna dan Dara, ketiga-tiganya telah mati. Tetapi untuk filem ini, **P. Ramlee** telah meminda cerita ini dengan Penghulu menjatuhkan hukuman sebat kepada anaknya (Dara) berserta kekasihnya (Aduka) sejumlah 100 pukulan rotan, sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang Islam. [Tamat]

Apakah tafsir **Semerah Padi**? 'Se' ialah satu, 'Merah' ialah tanda darah atau berani; 'Padi' ialah satu simbol yang tak dapat dipisahkan daripada jiwa orang Melayu dan maksudnya ialah orang Melayu jati. **Semerah Padi** ialah dimaksudkan dengan perkataan "Satu kumpulan (atau satu kampungan) orang Melayu yang berani". Filem **Semerah Padi** ini menceritakan betapa beraninya orang-orang Melayu dahulu kala menghadapi kebenaran dan hukum Islam. Titik tujuannya ditumpukan ke arah hukum Islam terhadap mereka yang melakukan perbuatan zina. Penghulu yang mengetuai kampung itu memberikan hukum bunuh kepada orang yang berzina. Tiba-tiba, anak perempuannya sendiri pula melakukan perbuatan tersebut; dan

beliau tetap berani menghukum bunuh anak kesayangannya.

Di atas bantahan beberapa pihak yang tertentu selepas ia ditayangkan di beberapa tempat, filem ini telah dipotong oleh Badan Penapis Filem di beberapa bahagian: (1) babak percintaan di antara Jejaka dan Galak; (2) babak menghukum kerana melakukan zina (dipotong sebahagiannya); (3) serangan orang-orang jahat ke atas orang-orang kampung dan pembakaran anak dalam buaian; dan (4) penggambaran dekat dalam babak memukul dengan rotan. Potongan-potongan ini dibuat oleh Badan Penapis Filem, Persekutuan Tanah Melayu di atas bantahan Persaudaraan Suka Maju, Pulau Pinang.

## SENIMAN AGONG

Seniman dan ahli-ahli karyawan telah menubuhkan Persatuan Seniman Melayu (SENIMAN). Persatuan ini telah mengadakan "Malam Penghargaan Seniman" pada bulan Disember 1978. Sempena majlis itu, persatuan ini telah melantik sebuah panel pemilih untuk memberi penghargaan kepada artis-artis yang berkelayakan. Panel itu telah memutuskan untuk memberi penghargaan kepada beberapa orang seni di atas sumbangan mereka masing-masing sepanjang tahun itu. **P. Ramlee** mendahului senarai itu dengan mendapat penganugerahan Khas dengan gelaran "Seniman Agong". Saloma mendapat gelaran "Biduanita Negara". Artis-artis lain yang mendapat penghargaan adalah Mahmud June (Seniman Terbaik); Sarimah (Seniwati Terbaik); Jins Shamsuddin (Pengarah Terbaik); Mak Enon (Pelawak Terbaik); Alfonso Soliano (Penggubah Terbaik); Sharifah Aini (Biduanita Terbaik); dan Md. Daud Kilau (Biduan Terbaik).

## SENIMAN BUJANG LAPOK

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited Singapore. Dibuat oleh Malay Film Productions Limited Singapore. Tarikh dikeluarkan: 6 Julai 1961

**P. Ramlee**; Saloma; S. Shamsuddin; Aziz Sattar

Teraju Fotografi: A. Bakar Ali; Rekaman suara: Kamal Mustafa; Editing: H. R. Narayana; Art Director: Mustafa Yassin; Laboratorian: Chow Cheng Kok

Pembantu[1]: Teraju: S. Sudarmadji; Kamera: Ya'kob Mahmood; Editing: Lee Thian Yak; Music: Kassim Masdor; Continuity: Kassim Masdor; Studio Manager: Kwek Chip Jian

Penyanyi[2]: Saloma; **P. Ramlee**; Aziz Sattar; S. Shamsuddin; Pancha Sitara;

Teraju utama: **P. Ramlee**

Cerita: Di sebuah rumah sewa yang didiami oleh beberapa kelamin beraneka ragam dan bangsa, terdapat juga tiga orang bujang lapok Ramlee, Aziz dan Sudin, dan seorang gadis yang bekerja sebagai jururawat, Che' Salmah.

Pekerjaan bujang-bujang lapok itu ialah mengukur jalan, meneropong jendela, dan menjadi pasu bunga di tempat-tempat yang sibuk. Mereka suka berbual dan berborak di kedai kopi. Sungguhpun demikian, kalau salah-salah pandang ketiga-tiga bujang lapok ini dianggap anak hartawan kerana mereka berlagak seolah-olah orang yang menyimpan banyak harta.

Ramlee amat cintakan Salmah, yang juga menaruh hati kepada Ramlee.

Pada suatu hari, ketiga-tiga bujang lapok itu telah terlihat sebuah lori yang mengiklankan tayangan filem **Panji Semerang**, dan ini telah memberi 'ilham' kepada mereka untuk menjadi bintang filem. Mereka pun menulis untuk mencuba nasib di studio yang membuat filem itu. Untuk membiayai tambang pergi ke




studio itu, mereka telah menjual botol dan kertas akhbar kepada apek karung guni. Che' Kemat (Kemat Hassan), pengurus studio, tidak pula menolak lamaran mereka hendak berkhidmat sebagai seniman, dan meminta mereka berjumpa dengan pengarah Ahmad Nesfu yang sedang bekerja, sebelum mereka diuji atau di"screen test".

Ketika itu, pengarah sedang menggambarkan adegan Sultan Kadarisman sedang murka dan memarahkan permaisurinya Hashimah Yon, yang telah lupa menaruh belacan dalam masakan baginda. Baginda jatuhkan hukuman pancung! Sudin menganggap itu sebagai satu perkara yang serius. Sudin berkata bahawa tak patut seorang raja berlaku begitu kejam. Sultan dihantamnya. Sudah tentulah perbuatan Sudin yang 'gila' itu menghebohkan seluruh studio. Masa ketiga-tiga bujang lapok ini di"screen test", berbagai kelakuan lucu telah dibuat oleh Sudin. Pekerja-pekerja heboh ketawa sehinggakan pengarah tidak boleh berkata-kata. Akhirnya, pengarah diserang penyakit lemah jantung, tak dapat bernafas sebab tersumbat di hidung.

Walau bagaimanapun, setelah Che' Kemat melihat hasil 'screen test' itu, dia sedia mengambil bujang-bujang lapok bekerja, dan sejak itu, mereka dikenali dengan panggilan 'Seniman Bujang Lapok'.

Buat pertama kalinya, mereka menghadapi hidup dengan bersungguh-sungguh, terutamanya Aziz dan Sudin yang kelihatan asyik menghafal senikata (skrip) untuk filem yang mereka akan mengambil peranan. Ramlee pula asyik bercengkerama memadu asmara dengan Salmah.

Suasana aman dan tenteram tidak pernah dialami di rumah sewa yang penuh sesak itu. Oleh itu, mereka mendapati sukar untuk menumpukan perhatian kepada skrip mereka. Kalau si suami dan dua orang isterinya tidak berkelahi di bilik sebelah dengan suara yang kuat, maka pemain muzik di sebuah bilik lain pula meniup trompetnya hingga larut malam. Gangguan-gangguan seperti itu ditambah pula dengan jerit-pekik kanak-kanak, mekanik motosikal yang tidak bertimbang-rasa serta bunyi radio yang tidak lagi tertanggung oleh sahabat bertiga itu. Mereka terpaksa menghadapai banyak kesusahan sebelum mereka dapat meyakinkan penghuni-penghuni rumah itu supaya senyap dan bertimbang rasa di antara satu sama lain.

Ada satu lagi masalah besar. Ramlee amat cintakan Salmah dan mahu berkahwin dengannya, tetapi dia tidak mempunyai duit. Sementara itu, Salmah sedang dipaksa oleh ibunya supaya berkahwin dengan Sharif, seorang penyangak yang kaya dan berpengaruh. Ramlee memerlukan

keberanian dan juga wang untuk mendapatkan semula gadis yang menyintainya dengan jujur. Ramlee tahu benar pengaruh lawannya itu. Pada suatu hari, semasa beliau berada di taman bunga bersama Salmah, dia didatangai oleh Sharif yang memberi amaran kepadanya supaya menjauhkan diri daripada Salmah. Satu pergaduhan berlaku, dan Ramlee telah dibelasah dengan teruknya.

Pertunangan Salmah dan Sharif diputuskan oleh ibunya apabila Salmah memberitahunya bahawa Sharif adalah penyangak yang selalu mengganggunya semasa pulang dari kerja. Ramlee berasa gembira dan memberitahu Salmah bahawa mereka perlu berkahwin dengan segera. Ramlee tidak cukup duit walaupun Sudin cuba menolong. Sudin pergi berjumpa dengan pengurus studio untuk meminjam wang dengan menggunakan kuasa ajaib sebiji permata yang dibelinya daripada seorang penjual ubat. Tetapi, Sudin hanya dapat meminjam lima ringgit dan bukannya $350. Salmah menyelamatkan Ramlee dengan memberitahu beliau bahawa dia ada menyimpan $800 yang boleh mereka gunakan.

Mereka pulang ke rumah dan terperanjat apabila mendapati bahawa rumah sedang dijilat api. Cita-cita mereka untuk berkahwin menjadi musnah kerana Ramlee menyangka Salmah menyimpan duitnya di dalam rumah. Bagaimana api itu bermula? Adakah ianya dinyalakan orang? Terfikir oleh Salmah bahawa Shariflah yang melakukannya kerana apabila ibunya memutuskan pertunangan mereka, Sharif mengancam untuk menuntut bela.

Dalam pada itu, Ramlee menjumpai dompet Sharif berhampiran dengan rumah terbakar itu. Ramlee bergegas ke ru-



*Kemat Hassan, S. Shamsuddin, P. Ramlee dan Aziz Sattar dalam filem* **Seniman Bujang Lapok**



*P. Ramlee dan Saloma di dalam filem* Seniman Bujang Lapok

mah Sharif lalu bertemu muka sekali lagi. Sharif dengan ejekan sombong mengaku bahawa dialah yang membakar rumah itu. Satu pergaduhan pun berlaku. Sharif dibelasah dengan teruknya. Beliau diikat dan diserahkan kepada orang kampung yang datang ke rumah Sharif dikepalai oleh Salmah untuk menyerahkan beliau kepada polis.

Sementara Ramlee sudah berjaya memenangi hati Salmah semula, Aziz pula dijangkiti penyakit angau. Setiap petang, Aziz mencari pasangan dengan menaiki satu demi satu bas. Pada suatu hari, dia telah berjumpa dengan seorang gadis yang sedia menyambut kenyitan matanya. Aziz terus rapat dan menyapanya; tetapi apabila gadis itu menjawab, Aziz cabut lari, oleh kerana gadis itu adalah gadis bisu.

Sudin pula tak pernah dihinggapi penyakit angau. Tetapi dia juga mengidap sejenis penyakit 'Nyekek' yang sentiasa menyerang bila saja koceknya menjadi ringan! Selain daripada itu, Sudin sangat percaya dengan batu 'akik', yang kononya dapat menjayakan segala hajat hatinya. Malangnya, bila dia cuba menggunakan kuasa batu 'akik' yang berhikmat itu apabila meminta hutang daripada pengurus studio, hanya lima ringgit saja yang diterimanya, pada hal dia berhajatkan $350.

Cerita berakhir dengan gembira. Ramlee berkahwin dengan Salmah. Aziz dan Sudin pula secara tidak disangka bertemu buah hati masing-masing. [Tamat]

## SENIWATI

Pada tahun 1963, **P. Ramlee** mempunyai rancangan untuk membuat sebuah filem bernama **Seniwati** dengan menggunakan alat-alat serba moden di Hong Kong. Telah dicadangkan supaya filem itu berbentuk "cinemascope". Tokoh-tokoh seniman dan seniwati yang dipilih oleh **P. Ramlee** untuk membintangi filem itu, antaranya, ialah Zaharah Agus; Sarimah; Yusof Latiff, Kuswadinata, Sharif Dol dan beberapa orang lagi.

Pemergian **P. Ramlee** ke Hong Kong telah beberapa kali ditunda atas sebab-sebab pembayaran. Dalam mengisi masa yang terluang sementara menunggu sesuatu keputusan yang baik dicapai, **P. Ramlee** telah menyelenggarakan filem **Madu Tiga,** yang terdiri daripada pelakon-pelakon yang telah ditentukan untuk berangkat ke Hong Kong, iaitu seniwati Sarimah, Zera Agos dan Jah Mahadi yang menjadi "isteri-isteri" kepada **P. Ramlee** di dalam filem itu.

Filem **Seniwati** tidak jadi diselenggarakan.

## SEPAK RAGA JARING

**P. Ramlee** pada tahun 1960 memimpin pasukan Sekawan Bintang. Di dalam majalah *Gelanggang Filem* ada disediakan ruangan 'Sepak Raga Jaring' yang bertujuan memajukan permainan ini bukan saja sebagai satu permainan kebangsaan bahkan sebagai sukan antarabangsa. Seniman-seniman di Malay Film Productions menjadikan sepak raga jaring sebagai permainan mereka. **P. Ramlee**, Wahid Satay, Aziz Sattar, Nordin Ahmad dan Sudarmadji adalah pemain-pemain yang utama. Kalau bintang-bintang filem itu bersepak raga, apa lagi dalam sesuatu pertandingan, maka banyaklah usik giat mereka. Kalau **P. Ramlee** yang bermain, dan juga waktu menonton sesuatu pertandingan, orang selalu berteriak: "Steady Bujang Lapok" atau "Ayuh Pak Belalang".

Pada tahun 1960, satu pertandingan sepak raga jaring terbuka antara pasukan-pasukan di seluruh Singapura diadakan bagi merebut Piala **P. Ramlee** di gelanggang 'P R No. 9 Boon Teck Road, off Balestiar Road, Singapore 12', dan pertandingan akhirnya diadakan di Happy World, Singapura.



*P. Ramlee bermain sepak raga jaring*

## SERGEANT HASSAN

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited, Singapore. Dibuat oleh Malay Film Productions Limited, Singapore. Tarikh dikeluarkan: 28 Ogos 1958.

**P. Ramlee**; Saadiah; *Co-starring*: Jins Shamsuddin; Salleh Kamil; Capt. John Gray RMR; Capt. David Downe R.M.; *with*: Daeng Idris, Anni Jasmin; Nyong Kamil; Leng Hussein; Omar Rojek; Sgt Pon; S. Shamsuddin; Cpl Rashid; M. Rafee; Adek Jaafar; Kemat Hassan; Habibah; Omar Suwita; Zainol Bakar; Ali Fiji

Story by: Ralph Modder; Screen play by: **P. Ramlee**; Director of Photography: A. Bakar Ali; Sound Engineer: Kamal Musafa; Asst. Director: H. M. Rohaizad; Film Editor: H. R. Narayana; Hayat Harris; Asst. Director: Mustafa Yassin; Laboratory: Lim Yew Hai; Setudio Manager: Kwek Chip Juan; Production Manager: S. Y. Hsu; Technical Adviser: Major L Strutt.

Musical scoring by: Malay Film Productions Studio Orchestra; Original background music: *Tunggu Sekejap* by **P. Ramlee**.

Assistants: Second assistant director: S. Sudarmadji; Cameraman: Ya'kob Mahmood; Editor Ahmad Johari; Soundman: Lim Cheng Teck; Laboratory: Wong Hong Peng; Continuity clerk: Kassim Masdor; Setting: Ng Ling K ....; Go Ah San.

Directed by: Lamberto V. Avellana.

Cerita: Pada suatu hari hujan dalam bulan Jun tahun 1930, di Jasin Melaka, seorang kanak-kanak lelaki Hassan (**P. Ramlee**) berdiri di sebelah kuburan ayahnya yang meninggal pada hari itu. Ia menangis tersedu-sedu apabila memandang kuburan itu ditimbus dengan tanah merah yang basah.




Ibu Hassan telah meninggal dunia beberapa tahun dahulu. Sewaktu hidup, ayahnya ialah seorang penanam padi yang bekerja dengan seorang tuan tanah yang sederhana kayanya bernama Pak Lebai (Daeng Idris). Pak Lebai terkenal sebagai seorang yang pemurah dan disegani oleh orang-orang kampungnya. Hassan adalah anak tunggal. Pada hari yang penuh dengan air mata itu, Pak Lebai akhirnya mengambil Hassan untuk menjadi anak angkatnya.

Pak Lebai sendiri mempunyai seorang anak lelaki bernama Aziz (Jins Shamsuddin). Orang tua ini sebenarnya hidup membujang. Di rumahnya yang besar itu, dia hanya tinggal bersama dengan Aziz dan orang gajinya bernama Minah (Annie Jasmin).

Aziz merupakan seorang anak yang sombong dan penuh hasad dengki. Mendengar sahaja bahawa ayahnya hendak mengambil Hassan menjadi anak angkatnya, Aziz berasa tidak senang dan cuba dengan seberapa dayanya menjadikan kehidupan Hassan sentiasa penuh dengan penderitaan. Mula-mula sekali, Aziz bercita-cita hendak mencemarkan nama Hassan di kalangan orang-orang sekampungnya supaya ayahnya menghalau Hassan keluar dari rumahnya itu.

Masa terus berlalu, dan Perang Dunia Kedua di Eropah telah bermula. Pada suatu hari, seorang Pegawai Askar Melayu yang diiringi oleh seorang pegawai Inggeris telah sampai ke kampung itu untuk mencari rekrut (askar baru). Aziz yang lebih tertarik dengan kesegakan memakai pakaian seragam askar Melayu telah mendaftarkan dirinya. Hassan merayu kepada ayah angkatnya supaya dia juga dibenarkan memasuki pasukan Askar Melayu tetapi Pak Lebai menahan Hassan untuk membantunya menguruskan segala hal ehwal pekerjaannya. Dalam pada itu, Aziz telah berbuat onar dengan mengkhabarkan kepada orang-orang kampung bahawa Hassan tidak menyertai Askar Melayu kerana dia seorang yang penakut dan bacul. Untuk beberapa hari selepas itu, Hassan menjadi bualan dan ejekan orang sekampungnya.

Di kampung itu, ada seorang gadis cantik yang bernama Salmah (Saadiah), anak cikgu Awang, guru sekolah di kampung itu. Salmah berasa terharu melihat Hassan dibuat begitu. Hassan adalah pemuda yang sederhana dan mempunyai adab yang sempurna.

Kemudian, pada suatu hari, Hassan dengan senyap-senyap meninggalkan kampungnya menuju ke Port Dickson. Pak Lebai tidak mengetahui hal ini. Hanya Minah orang gajinya dan Salmah yang mengetahui pemergian Hassan itu.

Bila sampai sahaja Hassan di depot Askar Melayu Port Dickson, Aziz dan kawan-kawannya telah mempermain-



*P. Ramlee dan L. V. Avellana (tengah) berbual semasa penggambaran filem* Sergeant Hassan

mainkan pula Hassan dengan menyatakan bahawa tidak ada lagi tempat buatnya di dalam pasukan Askar Melayu. Bagaimanapun Hassan diterima juga menjadi seorang askar.

Dengan berkat kesungguhannya, dia telah maju dengan cepatnya. Dia seorang penembak yang bagus, segak dan boleh diharap dalam sebarang pekerjaan yang ditugaskan kepadanya. Dia telah dinaikkan pangkat menjadi Lans Koperal dalam waktu yang singkat sahaja. Pada waktu Jepun menyerang Malaya, Hassan sudah berpangkat Sarjan. Sebaliknya Aziz masih tetap seorang askar biasa (private) sahaja.

Apabila tentera Jepun terus mara, Hassan dan Aziz bersama-sama berjuang dalam satu platun. Pada waktu inilah Hassan telah menyelamatkan nyawa Aziz apabila seorang askar Jepun hendak menembaknya. Biarpun demikian, sikap Aziz tidak berubah, bahkan masih tetap benci terhadap Hassan.

Di dalam peperangan itu, platun mereka akhirnya telah ditawan oleh Jepun. Mereka ditempatkan di sebuah kilang yang telah ditinggalkan. Pada suatu malam, Hassan telah berjaya melepaskan dirinya sesudah dia membunuh dua orang tentera Jepun. Kemudian Hassan terus berlari beberapa batu ke dalam hutan hingga akhirnya dia jatuh pengsan kepenatan. Hassan bernasib baik: kebetulan seorang pegawai Perisikan (Intelligence) Inggeris yang bergerak di bawah tanah telah terjumpa Hassan pada waktu itu. Pegawai Inggeris ini memimpin satu pasukan gerila di dalam hutan itu.

Hassan terus masuk bersekutu dalam pasukan gerila itu, dan turut mengambil bahagian dalam penyerangan konvoi-konvoi tentera Jepun. Beliau juga telah mengepalai satu serangan menghentam penjara kapitai Jepun di Jasin untuk melepaskan orang-orang tahanan politik di situ.

Hassan juga telah berjaya menolong melepaskan Cikgu Awang, bapa Salmah, yang turut juga ditangkap dibawa ke Melaka oleh Jepun untuk dipenggal kepalanya.

Apabila peperangan tamat, Hassan pun pulang ke kampungnya dengan penuh kejayaan yang gilang-gemilang. Aziz yang telah dipenjarakan sebagai tawanan perang oleh Jepun di Siam juga telah dilepaskan dan dapat pulang ke kampungnya. Aziz segera menjumpai Hassan dan meminta ampun dan maaf akan segala kesalahan-kesalahannya yang telah terlanjur itu. Seterusnya, ia menerangkan kepada Hassan bahawa dia sendiripun adalah anak angkat Pak Lebai.

Hassan dengan bersih hati memaafkan Aziz. Pemerintah kemudiannya memberi anugerah bintang kehormatan kepada Hassan dalam satu istiadat di Port Dickson, di atas jasanya sebagai seorang pemimpin gerila yang berani.

Seluruh orang-orang di kampungnya sekarang berasa gembira di atas kejayaan Sergeant Hassan. Akhirnya Hassan dan Salmah pun berkahwin. [Tamat]

## SESUDAH SUBOH

Dibuat oleh Merdeka Filem Setudio, Kuala Lumpur. Tahun dikeluarkan: 1967.

**P. Ramlee**; Ed Osmera; Radin Sudiro; *Memperkenalkan Keluarga Melayu*: Khatijah Hashim; Juliana Ibrahim; *Memperkenalkan Keluarga Tiong Hua*: Vera Wee; Hoon Thye Chong; *Memperkenalkan Keluarga India*; Suriya Kumari; Sivapakiam Dharmalinggam; V. I. Stanley; H. G. Gill; Bintang Terhormat: Saloma

Teknik Fotografi: Low Yew Wah; Teknik Sound: Tan Chuan Hock; Art Director: Abdul Hamid Aziz; Film Editor; Johari Ibrahim

Penolong : Pengarah: Hashim Hamzah; Fotografi: Ng Hoong Ngaim; Sound: Anuar Yusof; Pelukis: Esa Ahmad; Pencitak: Ho Bee Yoon; Make-up: Rokiah Osman

Music Ciptaan dan Gubahan: **P. Ramlee**; Lagu : *Bulan Bintang Jadi Saksi*, dan *Awas Masa Berchinta* oleh Ahmad Nawab

Screen Play: A. R. Tompel

Directed by: **P. Ramlee** A. M. N.

Cerita: Terdapat sebuah keluarga yang terdiri daripada Ariffin bin Mahmud (**P. Ramlee**), isterinya, Salmi (Juliana Ibrahim) dan dua orang anak mereka, Salim (Ed Osmera) dan Salmiah (Khatijah Hashim). Mereka duduk di sebuah rumah yang besar. Ariffin pemilik dan pengurus sebuah kedai yang menjual majalah, buku-buku, alat-tulis dll. Kedai itu dibina di atas wang ringgit pusaka isterinya.

Salmi merupakan seorang isteri yang amat sibuk dengan kerja kebajikan dan seorang ketua kumpulan budaya dan persatuan-persatuan yang berjuang untuk tujuan kebajikan. Beliau mengabaikan kewajipannya sebagai seorang isteri: bangun lewat dan tidak menyediakan sarapan pagi dan makan minum untuk Ariffin, yang tekun mengendalikan perniagaannya. Mereka sudah tiga tahun tidak makan bersama sekeluarga. Anak-anak mereka, Salim dan Salmiah asyik berpeleseran dengan teman dan pasangan masing-masing. Ariffin kerap pulang ke rumah tanpa menjumpai seorang pun di rumah. Isterinya asyik sibuk dengan mesyuarat. Hati beliau tidak senang di rumah dan oleh itu, beliau bekerja larut malam. Beliau laksana 'penumpang di rumah sendiri'.

Ariffin berkenalan dengan seorang pelanggan berbangsa Cina, Allan (Hoon Thye Chong) dan telah mencurahkan isi hatinya kepada pelanggan itu. Allan cuba hendak menggembirakan hati Ariffin, lalu membelikan empat keping tiket untuk Ariffin, supaya ahli-ahli sekeluarga boleh menonton wayang bersama. Di samping itu, Allan juga memberikan hadiah-hadiah untuk anak-anak Ariffin. Ariffin sungguh





*P. Ramlee dan Vera Wee dalam filem* Sesudah Suboh

terharu di atas baik hati Allan yang menerangkan kepadanya bahawa biarpun mereka berlainan bangsa, sebagai orang-orang Malaysia, patut ada semangat tolong-menolong.

Pada mulanya, Salmi bersetuju untuk menonton, biarpun dengan berat hati. Tetapi oleh kerana hal persatuan, beliau mencadangkan Ariffin pergi menonton seorang sahaja.

Tak lama kemudian, Chandra (Suriya Kumari), teman Salim, datang memberi salam hormat kepada Ariffin. Chandra adalah anak kawan Ariffin, Krishna Murthi (V. I. Stanley). Mereka telah berkenalan selama 40 tahun. Chandra memerhatikan bahawa Salim tidak menegur-sapa ayahnya. Beliau juga nampak kelakuan Salim yang mencampakkan tiket-tiket yang diberikan oleh ayahnya untuk menonton wayang bersama Chandra. Peristiwa-peristiwa ini telah menyayat hati Chandra, dan dia berjanji tidak akan berteman dengan Salim selagi beliau tidak menghormati ayahnya. Chandra berkata bahawa Salim kurang ajar kepada ayahnya. Krishna Murthi menasihati Salim bahawa dalam dunia ini, ibu bapa haruslah dihormati, baru selamat.

Pada suatu hari, seorang perempuan Cina yang memperkenalkan dirinya sebagai Alice (Vera Wee) telah masuk ke dalam rumah Ariffin meminta pertolongan daripadanya untuk membaiki keretanya yang tiba-tiba rosak di hadapan rumah Ariffin. Pada waktu itu, Ariffin berseorangan di rumah. Semasa kereta itu diperbaiki oleh Diro (Raden Sudiro), tukang kebun keluarga Ariffin, Alice menunggu di dalam rumah Ariffin. Beliau telah menolong membuat kopi untuk Ariffin. Tingkah laku dan budi pekerti Alice menawan hati Ariffin. Dalam pada itu, Diro memaklumkan kepada Alice bahawa isteri dan anak-anaknya tidak memperdulikan Che Ariffin. Alice berkata bahawa beliau sanggup menonton wayang bersama Ariffin.

Alice juga telah datang ke kedai Ariffin dan menawarkan khidmatnya di kedai itu, tanpa bayaran gaji. Beliau membawa sarapan dan makan minum daripada rumahnya untuk Ariffin.

Dengan pertolongan Alice, perniagaan Ariffin bertambah untung. Kemudian, Alice telah menjemput Ariffin untuk makan

tengah hari di rumahnya. Beliau mendapati bahawa Ariffin tidak mempunyai selera. Dr. Gill menasihatkan Ariffin supaya banyak berehat. Ariffin meminta Salmi (isterinya) menemaninya berehat, tetapi Salmi menyatakan 'pergi berehat sendiri, saya ada banyak meeting'. Alice sanggup menemankan Ariffin untuk mengambil rehat di Port Dickson. Ariffin dan Alice berkawan dengan mesra - bagi Ariffin 'mendung telah berlalu, kabus telah menghilang, sesudah subuh'. Dalam pada itu, Salim bersama kawan-kawannya juga pergi ke Port Dickson untuk berkelah, dan beliau ternampak Ariffin (ayahnya) dan Alice berpegang tangan berehat di tepi pantai.

Salim bergegas pulang untuk menemui ibunya. Dengan suara yang amat keras, dia meminta ibunya menceraikan ayahnya. Salmi menjawab bahawa beliau adalah Yang Dipertua Persatuan Wanita, dan perceraian akan mendatangkan malu kepadanya. Salim lalu menggugat untuk mengusir ayahnya.

Alice kemudiannya mencadangkan kepada Ariffin supaya menjual kedainya melalui iklan dan kemudiannya berhijrah ke Sabah di mana mereka boleh berkahwin dan membuka sebuah kedai perniagaan yang lebih besar. Kedai itu telah dibeli oleh Allan dengan harga $50,000.

Apabila Ariffin balik ke rumah, dia telah dikasari oleh Salim, lalu Ariffin menempeleng Salim. Ariffin memaklumkan bahawa dia akan berkahwin dengan Alice oleh kerana ibu mereka tidak mempedulikannya dan kedua-dua anaknya menderhaka kepadanya. Ariffin seterusnya memaklumkan bahawa beliau telah banyak berkorban. Dia berasal daripada keluarga ternama tetapi tersingkir dan disekat warisan kekayaan kerana berkahwin dengan ibu mereka, seorang "bekas perempuan cabaret" (Salmi). Salmi, ibu mereka itu, juga telah mencemarkan nama keluarganya. Ariffin seterusnya memaklumkan bahawa dia telah mendidik kedua-dua anaknya itu dengan kasih sayang, sekalipun tidak pernah menjentik mereka dan takut mengeluarkan kata-kata yang boleh merosakkan jiwa mereka. Oleh itu, beliau menghabiskan masa di kedai untuk "memberi cahaya kepada hati yang sunyi". Kedatangan Alice memberi semangat dan rangsangan kepadanya, dan menghidupkan semula jiwanya yang sudah mati.

Memandangkan Ariffin bersungguh-sungguh hendak meninggalkan keluarganya, maka Salmi pun pergi ke rumah Alice, merayu agar beliau melupakan saja Ariffin. Alice berkata: 'kalau menyuluh biar waktu malam, tetapi Salmi menyuluh waktu Subuh.'

Salim dan Salmiah juga melutut pada Alice dan menyatakan bahawa mereka telah berasa insaf, tetapi Alice menyatakan bahawa mereka telah terlajak.

Kemudian, Alice memberitahu Ariffin supaya berada di lapangan terbang pada pukul 4.30 petang. Sebelum Ariffin menaiki teksi untuk berangkat ke airport, sebagai seorang yang halus budi pekertinya, telah memohon kepada keluarganya supaya dihalalkan yang termakan dan terminum, dan mendoakan semoga Allah memelihara mereka bertiga. Sebelum meninggalkan rumah, beliau memberitahu Salmi bahawa sampai sahaja di Sabah, surat talak akan menyusul.

Salmi, Salim dan Salmiah berkereta ke lapangan terbang untuk mengucapkan selamat jalan kepada Ariffin.

Allan, yang juga akan ke Sabah, berjumpa dengan Alice dan Ariffin di airport. Apabila tiba masa untuk berangkat, Alice memaklumkan kepada Ariffin bahawa dia tidak membeli tiket untuknya, lalu

menerangkan bahawa Allan itu adalah suaminya. Allan adalah seorang peguam yang diamanahkan oleh arwah bapa Ariffin untuk menguruskan harta wasiatnya. Akhirnya, mengertilah Ariffin peranan Allan dan Alice selama ini. Wang sebanyak $450,000 pemberian arwah bapanya dan juga wang $50,000 pembelian kedai buku Ariffin dikembalikan semua kepadanya.

Ariffin balik ke pangkuan keluarganya, dengan Salmi, Salim dan Salmiah memohon ampun dan maaf. Chandra kemudian datang untuk menghubungkan kembali tali persahabatannya dengan Salim. Subuh menghilang, fajar menyinsing sesudah suboh. [Tamat]

**P. Ramlee** memperkenalkan Vera Wee, ratu cantik Singapura dan ratu cantik Malaysia (pemenang kedua) pada tahun 1964, semasa beliau berusia 24 tahun. Nasir, anak **P. Ramlee** belajar bermain piano dengan Vera Wee.

Filem ini mencatat sejarah sebagai filem pertama di negara ini yang bersifat Malaysia kerana gabungan barisan pelakonnya terdiri daripada pelakon Melayu, Cina, India, selain keturunan Sikh dan warga Indonesia. **P. Ramlee** sendiri untuk beberapa bulan sebelum penggambaran filem ini dilakukan telah menahan makan dan minum untuk memperlihatkan bentuk badan yang tampan dan segak, sesuai dengan peranannya sebagai orang muda di dalam filem itu.

## SETEM-SETEM P. RAMLEE

Ahli-ahli filateli iaitu orang-orang yang gemar mengumpul dan mengkaji setem-setem dan bahan-bahan pos yang lain atau sejarahnya mendakwa bahawa setem adalah alat pembelajaran yang sebaik-baiknya dan bahawa suatu kajian teliti mengenai reka bentuknya dapat mengajar dengan baik mengenai sejarah sesebuah negara. Oleh kerana **P. Ramlee** banyak berkait dengan industri filem dan muzik kita maka keluaran 'setem-setem kenangan khas **P. Ramlee'** boleh digunakan sebagai gambaran yang amat sempurna mengenai warisan kebanggaan negara kita. Terdapat dua jenis setem iaitu (i) setem-setem yang dikeluarkan bagi memperingati suatu peristiwa khas; dan (ii) setem-setem *khas* yang menggambarkan flora dan fauna sesebuah negara.

Pos Malaysia telah mengeluarkan setem peringatan yang menunjukkan **P. Ramlee** sebagai pelakon, pengarah, penyanyi dan penggubah lagu.

Rekabentuk setem dicipta oleh Eka IPR Agensi Sdn Bhd.

Pengeluaran setem peringatan **P. Ramlee** ini adalah atas daya usaha Pengerusi Eksekutif Pos Malaysia, Tan Sri Dato' Zainol Mahmood. Setem-setem ini dilancarkan oleh Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, Pengerusi, Permodalan Nasional Berhad.

**P. Ramlee** merupakan seniman Malaysia yang pertama diberi penghormatan bagi wajahnya terukir pada setem-setem Malaysia. Menerusi setem-setem itu, maka rakyat Malaysia akan terus mengingati insan seni yang berbakat luar biasa ini.

Pengeluaran setem-setem ini merupakan suatu penghormatan yang besar kepada wira industri filem dan muzik kita. Selain daripada Raja-Raja Melayu, hanya terdapat empat orang rakyat Malaysia lain yang telah diberi penghormatan oleh negara melalui pengeluaran setem-setem khas iaitu Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn dan Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, kesemuanya Perdana Menteri Malaysia.




*20 sen - Seniman 'serba-boleh'*




*30 sen - Pemuzik*




*50 sen - 'Sarjan Hassan'*




*RM1.00 - Pengarah*

Miniature Stamp Sheet - No. 1




*Menunjukkan P. Ramlee berlakon dalam pelbagai peranan – penerima pingat Ahli Mangku Negara*

Miniature Stamp Sheet – No. 2




*Menunjukkan P. Ramlee sebagai pengarah, penyanyi, penggubah lagu dan pelakon komidi*

Sampul Hari Pertama




*Menunjukkan pelbagai gaya dan lagak P. Ramlee*

## SHAW ORGANISATION

Shaw Organisation ialah satu rangkaian wayang gambar yang luas yang dibina oleh Runme dan Run Run Shaw dengan modal, buruh dan ketabahan mereka sendiri. Runme Shaw mula-mula datang ke Malaya pada tahun 1929 untuk menyiasat kemungkinan menayangkan filem-filem Cina yang pada masa itu dikeluarkan di Shanghai oleh seorang lagi saudara lelakinya. Studio-studio Shaw di Singapura mula dibina pada tahun 1939 dan filem yang pertama digambarkan di situ pada pertengahan tahun tersebut. Apabila Jepun masuk menyerang, semua kerja dihentikan dan studio itu tinggal begitu sahaja sepanjang tempoh pendudukan Jepun. Askar Jepun telah merampas semua alat kelengkapan.

Studio-studio yang terletak di No 8, Jalan Ampas dekat Jalan Balestier di Singapura itu terpaksa bermula daripada pangkal selepas pembebasan pulau itu. The Shaw Brothers atau Adik Beradik Shaw membiayai sebahagian besarnya dua buah studio besar itu yang dibekalkan semula dengan alat mesin dari Hollywood dengan harga $1,000,000 pada tahun 1947. Filem pertama selepas perang yang ditayangkan pada 15 November 1947 di pawagam Alhambra keluaran Malay Film Productions Limited ialah filem **Singapura Di Waktu Malam**. Filem itu



*P. Ramlee dan Runme Shaw, kedua-duanya mendapat gelaran Tan Sri*

digambarkan di Singapura, Muar dan Segamat. Ia diarah oleh B. S. Rajhans berasaskan lakonan karangan penolong pengarahnya, Bachtiar Effendi. Siput Sarawak memainkan peranan utama.

"Shaw Brothers menganggap filem ini dan filem-filem yang menurutnya sebagai percubaan. Mereka berkata mutu dan seni akan bertambah baik apabila lebih banyak kelengkapan tiba dan apabila kakitangan pengeluaran dan teknikal tempatan dan juga pelakon-pelakon menjadi lebih berpengalaman" (*Sunday Times* muka surat 3 - 16 November 1947). [Terjemahan]

Akhbar itu seterusnya melaporkan:

"Shaw adik beradik mempunyai rancangan besar untuk memasarkan filem-filem mereka. Apabila lebih banyak alat kelengkapan tiba dan apabila industri ini berkembang secukupnya mereka berca-




*Tan Sri Runme Shaw (kiri) dan Run Run Shaw*




*'Alhambra'*

dang untuk memasarkan filem-filem mereka di Filipina dengan alihbahasa Tagalog dan akhirnya keseluruh dunia dengan alihbahasa Inggeris atau bahasa lain mengikut permintaan. Shaw berkata terdapat banyak bakat lakonan Melayu di Malaya untuk memenuhi keperluan industri yang dirancang untuk membekalkan Malaya, Pulau Jawa, Sumatra, Siam dan Borneo dengan filem Melayu yang bermutu tinggi. Filem-filem Melayu dikehendaki segera" (Di muka surat yang sama). [Terjemahan]

*The Sunday Mail* pada 18 Januari 1948 juga melaporkan:

"Supaya mereka seiring dengan perkembangan teater dan seni wayang gambar moden, teknik persembahan dan segala kaedah operasi terkini, seorang daripada dua beradik Shaw itu membuat lawatan sekeliling dunia setiap tahun, melawat bukan sahaja pusat-pusat pengeluaran filem tetapi juga kota-kota besar di benua Eropah. [Terjemahan]

Shaw Brothers menguasai suatu rangkaian panggung wayang, beberapa taman hiburan, dewan tari-menari, studio pengeluaran filem, kilang cetak, dan syarikat-syarikat pengimport dan pengagihan filem. Tiap-tiap panggung wayang di bawah kuasaan Shaw Brothers mempunyai tempat duduk kelas pertama. Ianya dilengkapkan dengan alat bunyi dan alat tayangan yang paling moden.

Pada tahun 1959, dilaporkan bahawa Shaw Brothers mempunyai lebih daripada 150 buah panggung wayang di Singapura, Persekutuan Tanah Melayu, Indonesia, Borneo, Sarawak dan Bangkok.

Organisasi Shaw Brothers menghabiskan masa yang banyak mencari bakat bukan sahaja untuk dijadikan bintang filem tetapi juga pegawai-pegawai teknikal dan pengurusan. Mereka benar-benar faham bahawa muzik memainkan bahagian yang



*Capitol Theatre, Singapura*

besar dalam filem Melayu. Filem pertama **Singapura Di Waktu Malam** ialah drama muzik yang mengandungi unsur jenaka. Oleh itu Shaw Brothers mencari bakat-bakat yang menonjol dalam bidang musik, lakonan sandiwara atau bangsawan. Dua orang pelakon wanita yang menguasai filem-filem Melayu yang awal iaitu Kasma Booty dan Siput Sarawak yang pada suatu ketika dulu menganggotai kumpulan-kumpulan pertunjukan pentas Melayu yang menjelajah dan mengadakan pertunjukan di seluruh Malaya dan Singapura.

Selepas **Singapura di Waktu Malam**, filem-filem lain juga menunjukkan banyak bahagian bermain muzik: **Chinta**, sebuah filem muzik romantik yang primitif; **Nasib,** sebuah filem muzik jenaka, dan **Nilam,** muzik khayalan. **P. Ramlee** muncul buat pertama kalinya dalam filem **Chinta**, dan beliau juga menjadi penyanyi latar bagi filem-filem lain yang disebutkan tadi. Orang yang utama bertanggungjawab mengendalikan studio-studio Shaw ialah Shaw Vee Ngoh. Bahagian lukisan pula dikendalikan oleh Mr. Chitra, seorang rakyat India yang datang ke Malaya bersama dengan rombongan penyanyi yang terkenal bergelar 'Salisbury Players'.

Organisasi Shaw menggunakan strategi bahawa untuk membuatkan sebuah filem itu berjaya dari segi jualan tiket, ianya hendaklah dijual kepada orang ramai terlebih dahulu. Pada masa itu, sebahagian besar suratkhabar-suratkhabar yang dibaca di Malaya dicetak di Singapura. Oleh itu, filem-filem diiklankan dan ikatan dijalin dengan ejensi-ejensi tempatan. Keluaran-keluaran khas diadakan dalam akhbar-akhbar Inggeris dan akhbar-akhbar bahasa tempatan. Runme Shaw mahukan kerjasama sepenuhnya di antara pengurus-pengurus serantaunya dalam semua bidang dan beliau mengadakan mesyuarat secara lisan dengan pengurus-pengurusnya di ibu pejabat di Singapura. Shaw Brothers mendapat sokongan professional daripada Jack Sharp sebagai pengurus besar dan Ashley



*Rex Theatre, Singapura*

Cooper. Akhbar *The Singapore Standard* bertarikh 29 April 1958 melaporkan cara-cara yang digunakan oleh Shaw Brothers seperti berikut:

"Apabila dasar mengenai exploitasi sesebuah filem itu sudah ditentukan, seluruh organisasi di Singapura terus mengambil tindakan untuk mencapai tujuan itu dengan segera; daripada jabatan lukisan yang besar di bawah arahan cekap James Liang, yang pada umumnya dianggap sebagai pelukis komersil yang terulung di Asia Tenggara, yang mereka poster dan lain-lain untuk dicetak di kilang cetak yang dimiliki sendiri oleh Shaw Brothers.

Semua bahan-bahan iklan bagi seluruh rangkaian Shaw dicetak di sini, termasuk Berita Filem Inggeris dan Berita Filem India, kedua-duanya diterbitkan sebulan sekali ..." [Terjemahan]

**P. Ramlee** berlakon dalam 43 buah filem keluaran Malay Film Productions Limited yang dimiliki oleh Organisasi Shaw. Beliau berlakon dalam 27 buah filem yang diarah oleh pengarah-pengarah studio, dan 16 buah lagi yang diarahnya sendiri. Dia tidak berlakon hanya dalam satu filem arahannya iaitu **Pancha Delima**.

Malay Film Productions yang dipunyai oleh Shaw Brothers bermula sebagai sebuah bangunan serbaguna yang besar berwarna coklat. Dalam bangunan inilah studio-studio itu ditempatkan. Bilik solek dan bilik alat kelengkapan terletak di kiri-kanan studio. Di puncak kegemilangannya, studio itu kemas dan berjalan lancar dan mengeluarkan filem-filem Melayu mengikut jadual. Anggotanya terdiri daripada kakitangan makmal, teknik, tukang kayu, penghias set, pakar tayangan, pakar bunyi, penggubah lagu, penyanyi serta pelakon lelaki dan perempuan.

Runme Shaw telah dianugerahkan Panglima Mangku Negara oleh Yang di-Pertuan Agong pada 2 Jun 1965. Beliau



*(Kiri ke kanan) Bachtiar Effendi, Ahmad CB dan Sabirin Ani – tokoh-tokoh perfileman*

diraikan pada 12 Jun 1965 dengan jamuan teh oleh keluarga Malay Film Productions, Jalan Ampas, Singapura. Turut hadir ialah semua pegawai-pegawai pengarah-pengarah filem, pelakon-pelakon, dan pekerja-pekerja yang bertugas di Jalan Ampas. Pada hari itu, diumumkan juga penarikan balik semua surat-surat notis berhenti kerja yang telah diedarkan pada 30 April dalam tahun itu. Di majlis itu, Runme Shaw memberi ucapan, dan antara isi penting ucapan itu adalah:

"Di Malaysia, pasaran bagi filem-filem Melayu adalah terhad. Filem-filem kita telah diedarkan di seluruh Malaysia dan sebelum konfrantasi, termasuk juga Indonesia. ... Dua tahun dulu, Indonesia memulakan pula konfrantasi dengan Malaysia. Dan semua perniagaan telah terlibat, termasuk juga perniagaan filem ... Dan selain dari itu pula, berlaku banyak pertikaian dan salah faham antara pihak pengurusan dan pihak pekerja ..."

Runme Shaw di dalam satu temu ramah khas untuk *Majalah Filem* pada tahun 1966 menyatakan demikian:

"Jadi nyatalah maju dan mundurnya filem-filem Melayu bukanlah kerana ada atau tiadanya saingan, melainkan tergantung semata-mata kepada 'daya-daya mencipta pembaruan', daya-daya yang melahirkan apa yang diminati oleh penonton, dan daya-daya untuk melaksanakan sesuatu mengikut peredaran, kemahuan, pemikiran dan segala-segalanya yang seimbang dengan pertukaran masa dan zaman."

Studio Malay Film Productions di Jalan Ampas Singapura, kepunyaan Shaw Brothers telah ditutup pada tahun 1967 setelah mengeluarkan 167 buah filem Melayu.

## SIAPA SALAH

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited, Singapore. Dibuat oleh Malay Film Productions Limited, Singapore. Tarikh dikeluarkan: 7 November 1953.

**P. Ramlee**; Haji Mahadi; Daeng Idris; Salleh Kamil; S. Hassan Sahab; S. M. Malek; Hashim Hor; Omar Suwita; Boy Salleh; Neng Yatimah; Normadiah; Siti Tanjung Perak; Salbiah; Marliah

Jurugambar: R. C. Purushotham; Jurusuara: Wah Lim Chai; Tan Soo Yam; Pelukis: J. S. Anthony; Penyunting Filem: H. R. Narayana; Wong Fun; Processing: V. Radhakrishnan

Pembantu: Jurugambar: A. Bakar Lahak; Jurusuara: Lim Yew Teck; Pelukis: Rasul Hashim; Penjaga sambongan: Mrs. Kollaart

Lagu: **P. Ramlee;** Yusoff B; Pancharagam; Yusoff B; Gurindam: Jamil Sulong

Cerita disusun oleh: B. N. Rau; Senikata dan penolong pengarah: S. Hassan Sahab

Arahan: B. N. Rau

Cerita: Suatu keluarga kaya, Salim (Daeng Idris), isterinya Aminah (Siti Tanjung Perak) dan anak mereka Jamil (**P. Ramlee**) tinggal di sebuah rumah yang mewah di Kuala Lumpur. Orang gaji mereka, Yatimah (Neng Yatimah), mempunyai seorang anak perempuan bernama Noorma (Normadiah). Persahabatan yang rapat telah terjalin di antara Jamil dan Noorma, dan lama-kelamaan, kedua-dua orang anak muda itu jatuh cinta.

Pada suatu hari, Jamil menghidap sakit kepala lalu Noorma datang memicit kepala Jamil di dalam biliknya. Apabila Salim masuk ke dalam bilik itu, beliau amat marah melihat Noorma dan Jamil berduaduaan, kerana ini sesungguhnya tidak elok pada mata orang Islam. Noorma dimarahi dan dicerca dan bersama ibunya sekali dihalau oleh suami dari rumah itu.

Jamil, seorang pelukis, berasa amat dukacita apabila mengetahui bahawa orang gaji mereka telah diberhentikan kerja dan telah meninggalkan rumah bersama anak perempuannya. Oleh kerana tidak bersetuju dengan tindakan bapanya, Jamil telah meninggalkan rumah untuk mencari Noorma.

Tidak lama kemudian Jamil dapat menghubungi Noorma. Mereka berkahwin dan memulakan hidup bahagia. Walau bagaimanapun, sebagai seorang yang sudah berumah tangga, Jamil terpaksa keluar setiap hari mencari makan sebagai seorang pelukis dengan lebih tabah.

Masanya tiba apabila Noorma hendak melahirkan anak. Pada masa itu juga Yatimah sedang terlantar sakit tenat. Sesudah bersalin di hospital, Noorma berasa sungguh suka tetapi kemudiannya terkejut dan menyesal apabila diberitahu bahawa ibunya telah meninggal dunia tanpa disangka.

Beban hidup berkeluarga memaksa Jamil menumpukan perhatiannya yang berlebihan kepada kerjanya sebagai seorang pelukis. Ini telah menyebabkan matanya menjadi buta. Manakala mata pencariannya telah putus sama sekali, sedikit duit yang ditabung oleh isterinya telah juga habis dibelanjakan untuk mengubati penyakitnya itu tanpa hasil.

Keadaan memaksa Noorma menjadi pelayan di sebuah kedai kopi. Seorang pemuda bernama Salleh (Salleh Kamil) yang selalu datang ke kedai itu cuba memperdaya Noorma yang cantik itu, tetapi Aziz (Haji Mahadi), seorang yang berpendidikan tinggi dapat menyelamatkan Noorma daripada sebarang kejatuhan maruah akibat pertemuan setiap hari dengan Salleh. Aziz yang bertimbang rasa dan berbudi



*P. Ramlee di dalam filem* **Siapa Salah**

bahasa selalu menemani Noorma pulang ke rumah, tetapi budi baik Aziz itu telah menimbulkan salah sangka dan cemburu pada suami Noorma, Jamil. Dengan perasaan patah hati, Jamil meninggalkan rumahnya. Beliau meninggalkan sepucuk surat memberitahu isterinya bahawa beliau pergi buat selama-lamanya membawa untung nasibnya.

Pemberian wang sebanyak $800 kepada Noorma oleh Aziz sebagai tanda simpati telah diperhatikan oleh Salleh. Salleh menyamar diri dan kemudiannya menghalang Noorma serta merampas hadiah itu daripadanya. Oleh kerana tidak dapat mengenal penyamun itu, Noorma pulang ke rumah dengan perasaan yang amat kecewa. Beliau pula mendapati suaminya Jamil telah hilang. Sesudah gagal mencari Jamil di rumah emak saudaranya, beliau kemudian dinasihatkan supaya pergi ke Kuala Lumpur untuk menyerahkan anaknya kepada mertuanya.

Apabila tiba di Kuala Lumpur, Noorma diberitahu bahawa ibu mertuanya telah meninggal dunia dan bapa mertuanya telah pergi ke Mekah untuk mengerjakan Haji. Dengan perasaan kecewa, Noorma merayau tidak tentu arah lalu terjumpa pula dengan Salleh yang pada masa itu telah menjadi tuan punya sebuah kedai kopi. Oleh kerana tertarik dengan kecantikannya, Salleh menawarkannya kerja sebagai pelayan di kedainya. Pergaulannya setiap hari dengan Noorma telah menimbulkan perasaan yang tidak terkawal pada diri Salleh yang akhirnya cuba mencabul kehormatan pelayan yang cantik itu. Noorma mempertahankan dirinya dengan sekuat hatinya yang menyebabkan Salleh mati terbunuh setelah dipukul dengan seterika letrik. Akhirnya, Noorma ditangkap dan dibawa berbicara di hadapan hakim Che Aziz. Oleh kerana hakim itu banyak mengetahui mengenai hal Noorma, beliau diberi pembicaraan yang adil, dan meme-

nangi kes itu. Sebagai tanda simpati, Aziz membawa Noorma pulang ke rumah dan membantunya mencari suaminya yang kemudian dijumpai di Rumah Orang Miskin. Akhirnya, Aziz bukan sahaja dapat memperakukan Jamil kepada seorang doktor untuk mengubat matanya yang buta itu, tetapi juga membantu Noorma, Jamil dan anak mereka bersatu semula dengan bahagia. [Tamat]

## SIPUT SARAWAK

[1925 - 1999]

Nama asalnya ialah Ramlah binti Abdullah dan beliau dilahirkan di Sarawak. Beliau ialah anak kepada Muhammad, yang lebih dikenali dengan nama jolokannya, Dollah Sarawak. Ibunya bernama Dayang Inang. Sejak umurnya delapan tahun dan sebelum beliau memasuki dunia perfileman, Siput telah dibawa oleh ibu-bapanya merantau dengan rombongan sandiwara Seri Noran Opera yang mengelilingi Tanah Melayu. Beliau pandai menari, menyanyi, dan juga berlakon di sandiwara Seri Noran Opera. Pengarahnya ialah Wak Mustarjo. Kali pertama Siput menjadi seri panggung di pentas sandiwara ialah sewaktu berumur 16 tahun, di mana beliau berlakon bersama-sama dengan Sharif Medan dalam cerita **Terang Bulan**. Waktu tentera Jepun memerintah Tanah Melayu, Pak Dollah telah diambil oleh Sultan Selangor bekerja di istananya sebagai pemain biola, dan anaknya Siput Sarawak sebagai penyanyinya. Pada tahun 1947, beliau telah berlakon dalam filem keluaran Shaw Brothers, iaitu **Singapura di Waktu Malam,** filem Melayu pertama yang dikeluarkan selepas perang. Filem ini adalah arahan B. S. Rajhans, dengan pelakon lelaki utamanya bernama Bakhtiar Affendi, pelakon yang terbaik di dalam "the Malay dramatic world" pada masa itu, dengan paras rupa yang menarik. Beliau juga ialah penulis screen play dan boleh membantu dalam bidang pengeluaran filem. Kemudian, Siput telah berlakon berturut-turut dalam filem **Chinta** (bersama Roomai



*Siput Sarawak, 1952*

Noor, dengan **P. Ramlee** berlakon buat kali pertamanya sebagai 'clapper boy'; dalam filem **Nasib** (bersama Roomai Nor dengan **P. Ramlee** sebagai pelakon pembantu); dalam filem **Nilam** (bersama Roomai Nor, dengan **P. Ramlee** sebagai pelakon pembantu); dalam filem **Rachun Dunia** (bersama Osman Gumanti, dengan **P. Ramlee** sebagai pelakon pembantu); dan di dalam filem **Bakti** (bersama dengan **P. Ramlee** yang memegang peranan utama).

Pada tahun 1953, Siput Sarawak berlakon dalam filem **Hujan Panas** sebagai pelakon utama wanita bersama **P. Ramlee** sebagai pelakon utama lelaki; dan seterusnya berlakon di dalam filem **Siapa Salah** dengan **P. Ramlee** sebagai pelakon utama. Di dalam filem-filem ini, Siput Sarawak diberi peranan wanita jahat, penggoda dan perosak rumah tangga, dan banyak orang berpendapat bahawa beliau telah melakonkan peranan itu dengan amat berkesan.

Semasa berlakon dalam filem **Hujan Panas**, perasaan cemburu telah berlaku dalam rumah tangga Siput Sarawak, iaitu hasil daripada dakwaan Siput bahawa:

"Saya telah menyintai **P. Ramlee** dan kami pernah berjanji akan kahwin dan masanya yang ditetapkan hanya tinggal sebulan sahaja lagi apakala datang lamaran dari Roomai Nor" [risalah *Nusantara* - May 1960 muka surat 24].

**P. Ramlee** pernah mengeluarkan pendapat:

"Bahawa di antara seniwati Melayu yang pada hari ini yang mempunyai bakat berlakon yang istimewa ialah seniwati Siput Sarawak. Tetapi di samping kebagusan ini ada pula cacatnya iaitu sewaktu sedang berlatih lakon Siput akan gila-gila dan membuat jenaka tetapi kalau sudah menghadapi kamera Siput akan memberikan lakonan yang betul-betul baik." [*Hiburan Filem* Bil. 16 - 20 September 1954]

Pada tahun 1967, di dalam sebuah filem bercorak drama dan komidi yang bernama **Keluarga 69** keluaran Merdeka Film Productions Limited, pengarah dan pelakon **P. Ramlee** telah memilih Siput Sarawak berlakon dengannya, iaitu 14 tahun selepas filem **Hujan Panas**. Kata **P. Ramlee**: di dalam *Majallah Filem*:

"Saya memilih seniwati Siput Sarawak untuk peranan yang tertentu itu, bukan sahaja kerana seniwati ini seorang pelakon yang amat dewasa dengan seni lakonan filem, tetapi ialah kerana dia sangat cocok dengan peranan yang saya maksudkan untuk cerita."

## SITI TANJUNG PERAK

[1914 - ]

Nama sebenarnya ialah Siti Sundari binti Samad, dan beliau dilahirkan di Pulau Wali Bugis (Sulawesi). Siti Tanjung Perak pernah mengikuti rombongan wayang bangsawan, dan wayangnya yang pertama ialah Taman Setia (1929). Gelaran Siti "Tanjung Perak" itu diterimanya semasa kecemerlangannya di panggung. Beliau kerap kali menyanyikan lagu "Tanjung Perak" dan nama lagu itu telah terlekat di atas namanya sendiri. Bakat beliau juga meliputi bidang tarian, dan beliau terkenal sebagai penari Timur yang baik. Sebagai seorang seniwati, beliau boleh menggelikan hati penonton dengan lawak dan jenaka. Beliau pernah berlakon dengan pelawak-pelawak terkenal daripada bangsawan dan sandiwara, iaitu D. Harris dan A. R. Tompel, serta Aziz Sattar dan S. Shamsuddin. Penonton-penonton filem amat berminat melihat Siti Tanjung Perak menyinsing lengan baju menunjukkan si-

kap garangnya. Biasanya, yang selalu sangat menderita merasai sikap garangnya di tunjulan buku limanya ialah D. Harris. Beliau juga pandai menjalankan berbagai-bagai bahagian di dalam filem ; ibu yang kejam; ibu yang mulia; ibu yang menderita, dan lain-lain. beliau pernah berkata demikian:

"Kalau penonton melihat filem dalam mana saya memegang peranan jenaka di mana-mana juga kalau mereka ketemu saya, mereka menunjukkan muka yang manis kepada saya ... tetapi bila penonton sudah melihat filem **Takdir Illahi** mereka kelihatan merengus pula melihat saya ..." [dalam risalah filem **Jiwa Lara** muka surat 10]

Beliau banyak berlakon dalam filem-filem bersama **P. Ramlee**, antaranya **Noor Asmara, Rachun Dunia, Bakti, Takdir Illahi, Aloha, Penghidupan, Sejoli, Juwita, Antara Senyum dan Tangis, Sedarah, Siapa Salah, Panggilan Pulau, Perjodohan, Merana** dan **Hang Tuah**.

Pada tahun 1956, beliau dipilih sebagai "Seniwati Pembantu Terbaik".



*Sofia Ibrahim*

## SOFIA IBRAHIM
[1948 - ]

Berasal daripada keluarga seni. Datuknya ialah Aman Belon, tokoh yang terkenal dalam seni lakon. Pernah menjadi penyanyi dalam Gema Pesta Music Party, dan menyanyi di siaran-siaran Radio Malaya. Pengarah Salleh Ghani memberi beliau peranan utama buat kali pertama dalam filem **Jambatan maut** di Merdeka Filem Productions. **P. Ramlee** mengambil beliau berlakon dalam filem **Dr. Rushdi**.

## S. SHAMSUDDIN
[1927 - ]

Dilahirkan di Singapura. Risalah filem **Jiwa Lara** di muka surat 15 keluaran Malay Film Productions Limited yang diterbitkan oleh Shaw Brothers ada mencatitkan seperti berikut:

"**P. Ramlee**, bintang pujaan kerap memandang serong kepada S. Shamsuddin, bukannya kerana hendak mengajak challenge di Stadium Great World, tetapi kerana S. Shamsuddin sangat bijak



*S. Shamsuddin*

meniru suara dan lagu **P. Ramlee**, biarpun **P. Ramlee** sekali sahaja melagukan lagu-lagu yang belum didengar oleh lain dari kakitangan-kakitangan di studio ... S. Shamsuddin tidak sedikitpun susah untuk meniru dan mengikut iramanya."

Pelawak ini kerap mendapat asuhan daripada seniman lawak D. Harris. *Majallah Bintang* 1953 di muka surat 6 mencatitkan bakat lawak jenakanya seperti berikut:

"Jika D. Harris mempunyai keistimewaan sendiri sewaktu melawak kerana besar hidungnya, Tompel mempunyai keistimewaan kerana jongang giginya, ataupun S. Poniman bintang kelakar Indonesia kerana gemuk dan besar badannya, tetapi Shamsuddin mempunyai keistimewaan yang lain pula. Keistimewaan Shamsuddin terletak pada gerak badannya yang lincah dan lidahnya yang petah sewaktu berkata-kata ... lidahnya yang dengan senang saja dapat meniru telo bahasa Jawa ..."

Beliau pada mulanya diberi peranan sebagai seorang jahat atau hanya pelakon tambahan sahaja dalam filem-filem **Dewi Murni, Rachun Dunia, Bakti, Pembalasan, Aloha** dan **Raja Sehari**. Mula diberi kesempatan memperlihatkan kebolehannya berkelakar dalam filem **Istana Impian**; di dalam filem **Chemburu**, beliau muncul di layar perak bersama pasangan yang tak asing lagi, iaitu Siti Tanjung Perak dan Ahmad C.

Beliau turut berlakon dalam filem **Panggilan Pulau** dalam mana terkumpul bintang-bintang terkenal di antaranya **P. Ramlee**, A. Rahim, Yusof Latiff, Salleh Kamil, Latifah Omar dan Normadiah. Selepas itu, beliau berlakon dalam filem-filem arahan dan lakonan **P. Ramlee**, iaitu 5 filem komidi **Bujang Lapok** [1957], **Pendekar Bujang Lapok** [1959], **Nujum Pa' Belalang** [1959], **Ali Baba Bujang Lapok** [1961], dan **Seniman Bujang Lapok** [1961] dan filem drama-sosial **Antara Dua Darjat** [1960].

**P. Ramlee** pernah berkata seperti berikut:

"S. Shamsuddin adalah seorang pelakun lawak yang memang berbakat. Saya tak perlu mengajar dia berlagak. Memadai dengan menerangkan kemahuan saya. Dan dia dapat membuatnya lebih baik daripada yang saya jangkakan."

**P. Ramlee** di dalam *Majallah Filem*, Bil. 19 - Tahun Kedua, Oktober 1961, muka surat 7 turut menilaikan:

"Dalam banyak-banyak pelakon, hanya S. Shamsuddin yang dapat menggayakan lakonan yang lebeh menarek daripada apa yang saya tunjukkan."

## S. SUDARMADJI BIN S. ABDULLAH

[1924 - 1989]

Dilahirkan di sebuah daerah di Jogjakarta, Indonesia. Sebelum menceburkan diri dalam dunia perfileman, beliau adalah seorang pelaut yang mendapat latihan daripada tentera Jepun. Beliau memasuki Malay Film Productions pada tahun 1948 dan pernah menjadi kerani kontinuiti. Beliau mempunyai latar belakang seni—boleh menulis lirik, berlakon, menyanyi lagu-lagu keroncong dan menari tarian Jawa dan Bali. **P. Ramlee** selalu mengambil beliau sebagai penolong pengarah atau membantu menulis script, semasa di Malay Film Productions, Singapura. Pada tahun 1952, beliau menulis lirik untuk lagu-lagu filem **Anjoran Nasib** yang dihasilkan oleh Yusoff B dan dinyanyikan oleh **P. Ramlee.**



P. Ramlee dan S. Sudarmadji

Selepas itu, beliau telah menulis banyak lirik lagu-lagu gubahan dan nyanyian **P. Ramlee.**

Beliau mengarang cerita filem **Nasib DO RE MI** dan pernah menjadi penolong pengarah di Studio Malay Film Production. Banyak cerita-cerita ciptaannya diterima untuk dijadikan filem oleh **pengarah P. Ramlee**. Beliau pernah berkata:

"Bukan senang untuk diserahkan cerita kepada pengarah **P. Ramlee,** tetapi kalau diterima cepatlah bermegah" [*Filem Malaysia* September 1966 mukasurat 2]

**P. Ramlee** amat akrab dengan S. Sudarmadji, dan oleh itu Sudarmadji banyak menyediakan lirik-lirik untuk lagu-lagu yang meluahkan atau menggambarkan perasaan **P. Ramlee** melalui lirik tulisannya,

seperti dalam lagu-lagu *Di manakan Ku Cari Ganti*, *Putus Sudah Kasih Sayang* dan *Jeritan Batinku* yang mungkin menceritakan sebahagian daripada kisah hidup **P. Ramlee**.

S. Sudarmadji mempunyai kebolehan yang luar biasa dalam menulis skrip dengan kehalusan, susunan dan kelembutan bahasa yang mudah difahami.

Pada suatu ketika, nama "Madjilee" atau "MAJI LEE" iaitu nama yang menghasilkan usaha-usaha kerjasama antara **P. Ramlee** dan S. Sudarmadji menjadi popular, terutama sekali kerana keistimewaan-keistimewaan komidi ciptaan mereka berdua. Filem **Madu Tiga** adalah hasil cerita yang dikarang oleh S. Kadarisman. **P. Ramlee** dan Sudarmadji mencipta lakon layar, salah satu usaha bersama "Madjilee".

S. Sudarmadji telah mengarang rangkap-rangkap sebagai kenangan abadi beliau untuk temannya yang tercinta:

*Untuk temanku P. RAMLEE yang tercinta*

*P. RAMLEE.....*
*Sejak kita berjumpa di alam seni budaya*
*kau dan aku terlalu mesra*
*Sering berdua bertukar cerita*
*Dari masa ke lain masa*

*P. RAMLEE.....*
*Iramamu dan iramaku hampir serupa*
*Sentiasa sering sejalan sekata*
*kalau kau terlalu ghairah dalam seni irama*
*Kutanggapi mesra dengan alunan seni kata*
*Kau gemar pula dalam merangkai cerita*
*Aku sempurnakan pula dalam himpunan irama sastra*

*P. RAMLEE....*
*Engkaulah teman, guru dan sahabat karibku*
*Cita-citamu adalah serupa cita-citaku*
*Juga cita-cita anak bangsa generasi baru*
*Kau dan aku menjalin irama satu*
*Merangkai seni depersada ibunda ratu*
*Membentang jambatan untuk tunas berlalu*

*P. RAMLEE....*
*Kelahiranmu ke dalam dunai seni*
*Berganding tangan denganku untuk berdiri*
*Untuk berbakti ke pangkuan ibu Pertiwi*
*Sama-sama merangkai kalung permata muriata*
*Untuk hiasan ibunda, bangsa dan negara*
*Juga untuk pusaka generasi muda*

*P. RAMLEE....*
*Sesungguhnya engkaulah seniman agung*
*Belum jumpa dunya seperti kau untuk disanjung*

*P. RAMLEE....*
*Kurakamkan serangkai kata*
*Untuk mu untuk ku, dan untuk kita semua*
*Untuk renungan sejenak ketika*

*"RUNTUH GUNUNG BUMI BERGEGAS*
*- PATAH KALAM PUJANGGA BERDIRI"*

## SUMPAH ORANG MINYAK

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited, Singapore. Dibuat oleh Malay Film Productions Limited, Singapore. Tarikh dikeluarkan: 20 April 1958.

**P. Ramlee**; Daeng Idris; Ali Rahman; Salleh Kamil; Malek Sutan Muda; Haji Mahadi; Shariff Dol; *supported by*: Salbiah; M. Rafee; Fatimah Osman; Rahmah Rahmat; Ahmad C; Raja Hamidah; *with*: Mustarjo; Nyong Ismail; Ahmad Ghani; Rokiah Hashim; Pranic Pramut. *Introducing*: Marion Willis (Putri Bunian); Sri Dewi (Afida)




Audiography: Kamal Mustaffa; Editor: H. R. Narayana; Art Director: Mustafa Yassin; Processing: Lim Yew Hoi & Wong Hong Peng; Make-up: Mus Merduati; A. V. Bapat

Assistants: Director: S. Sudarmadji; Camera: Yaacob Mahmood; Sound: Lim Cheng Teck; Editor: P. V. Jhon and K. K. Ramon; Music: Kassim Masdor

Music: Yusram; Arrangement: **P. Ramlee**; Lyrics: S. Sudarmadji; Orchestra: Yusoff B; Chereography: Normadiah; Playback Singers: **P. Ramlee**; Salmah Ismail and MFP Chorus.

Story: Teuku Dja'afar; Screen Play: **P. Ramlee**; Dialogue: S. Sudarmadji; Continuity: Kassim Masdor

Directed by **P. Ramlee**

Cerita: Pada tahun 1901, di sebuah kampung yang bernama Tualang Tiga terdapat seorang yang bernama Si Bongkok (**P. Ramlee**). Si Bongkok mempunyai nasib yang kurang baik oleh kerana rupa wajahnya yang hodoh serta penderitaan yang dialaminya akibat kelakuan buruk ayahnya. Orang kampung tidak setakat membenci beliau sahaja, bahkan beberapa orang jahat kampung mengusik-usik dan memukul Si Bongkok.

Hanya dua orang sahaja yang menaruh belas kasihan kepada Si Bongkok, iaitu seorang tua bernama Bang Selamat (Daeng Idris) dan seorang gadis bernama Afida (Sri Dewi). Di pondok Bang Selamatlah tempat Si Bongkok melindungi dirinya sambil meneruskan bakat yang ada pada dirinya.

Bang Selamat ialah tukang cap kain batik, dan Si Bongkok membuat corak-corak baru untuk kain-kain batik cap Bang Selamat itu. Dengan demikian, perniagaan Bang Selamat bertambah laris.

Pada suatu hari, orang-orang muda yang diketuai oleh Si Buyong (Salleh Kamil) yang selalu mengusik-usik Si Bongkok telah menemui Si Bongkok di suatu tempat anak-anak gadis mengambil air. Untuk kesekian kalinya mereka menyeksa Si Bongkok, dan kali ini lebih dahsyat lagi daripada biasa—kaki Si Bongkok diikat dengan tali ke pokok, dan setelah itu budak-budak disuruh merejam Si Bongkok. Si Bongkok meraung memohon belas kasihan. Ketika itu, hanya Afida sahaja yang menaruh belas kasihan kepadanya, lalu datang membantunya dengan menampar muka Si Buyong sekuat-kuat hatinya.

Ketika itu, kelihatan beberapa orang yang lain menuju ke arah tempat kejadian itu dengan membawa senjata. Oleh kerana Buyong menyangka bahawa orang-orang itu datang untuk memukulnya, maka beliau dan kawan-kawannya terus lari meninggalkan tempat itu. Ketika itu, Afida lekas-lekas membukakan tali yang mengikat kaki Si Bongkok. Si Bongkok berterima kasih kepada Afida. Pada puncaknya Si Bongkok telah menyesali dirinya sendiri dan ayahnya, dan daripada penyesalan ini timbullah kemarahan hatinya, lalu beliau pergi ke kubur ayahnya untuk memusnahkannya sama sekali.



*Seri Dewi*

Kebetulannya, kawasan kubur itu ialah kawasan 'orang bunian'. Ketika Si Bongkok menendang-nendang kubur ayahnya itu, tempat itu menjelma menjadi istana orang bunian dan Si Bongkok telah dibawa oleh tuan puteri bunian (Marion Wills) untuk menghadap penghulunya. Di sini, Si Bongkok telah diperkenankan meminta *satu* perkara sahaja yang diingininya. Dengan itu, Si Bongkok pun memintalah supaya dirinya menjadi cantik.

Setelah permintaannya itu terkabul dengan hanya mandi di kolam bunian, tiba-tiba beliau meminta *satu* perkara lagi, iaitu untuk berkahwin dengan puteri bunian tadi. Tetapi permintaan itu tidak dapat dikabulkan oleh kerana ia tidak boleh meminta lebih daripada *satu* perkara. Dia boleh berkahwin dengan puteri itu, tetapi rupanya akan dikembalikan sebagaimana asalnya.

Kemudian, Si Bongkok telah dihantar kembali ke dunianya. Kehilangannya selama tiga tahun daripada dunia dirasai oleh Si Bongkok hanya selama tiga hari sahaja. Oleh kerana itu, beliau terperanjat melihat perubahan-perubahan yang terjadi di kampungnya. Bang Selamat lebih terperanjat menerima kedatangan Si Bongkok yang telah berubah menjadi seorang manusia yang cantik itu. Sekarang, hajat Si Bongkok ialah hendak membalas budi Afida dengan mengambilnya menjadi isteri. Ini telah mencetuskan satu perkelahian bertumpah darah sehingga menyebabkan banyak orang terkorban termasuk Buyong serta kawan-kawannya, Bang Selamat dan Afida sendiri.

Akibat bencana ini, Si Bongkok yang cantik itu menjadi hilang tak bertubuh (orang hilang) dan ini tidak sekali-kali dikehendaki oleh Si Bongkok dan beliau meratapi nasibnya itu. Ketika itu, datanglah syaitan dengan memberikan janji bahawa ia boleh menjadi manusia biasa asalkan mengikut telunjuknya. Syarat pertama: ia hendaklah memperkosa seramai 21 orang gadis dalam jangka waktu seminggu dan beliau sanggup berbuat demikian. Beliau kemudian menerima sebentuk cincin hikmat, dan jadilah ia "orang minyak" yang berbadan hitam-legam dan mengganas ke sana ke sini memperkosa gadis-gadis yang dijumpainya.

Hanya kurang seorang sahaja lagi jumlah yang dikehendaki olehnya. Dengan bantuan penghulu bunian yang dulu pernah memberi pertolongan kepadanya telah berjaya menangkapnya. Penghulu bunian menerangkan bahawa sebenarnya Si Bongkok itu telah melanggar pantang-larang yang diberinya ketika ia ditawarkan menjadi cantik: iaitu jangan melakukan perkara jenayah yang dilarang Tuhan. Si Bongkok telah membunuh bukan seorang dua, bahkan banyak melakukan jenayah. [Tamat]



*Marion Willis (Puteri bunian) di dalam filem* Sumpah Orang Minyak




*Dari kiri ke kanan: Tan Sri Dato' Zainal Mahmood, Puan Sri Datin Rajmin Rashid, Puan Sri Datin Seri Sagiyah Salikin dan Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid di Majlis Pelancaran Setem Pos Kenang-Kenangan P. Ramlee pada 24 Julai 1999*

T

## TAKDIR ILAHI

Diterbit dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited, Singapore. Dibuat oleh Malay Film Productions Limited, Singapore. Tarikh dikeluarkan: 19 September 1950.

Neng Yatimah; **P. Ramlee**; Yusuf Banjar; Daeng Idris; Siti Tanjung Perak; A. R. Tompel; D. Harris; Salmah

Pengarah: L. Krishnan; Pembantu: A. R. Tompel; Juru Gambar: Chew Cheng Kok; Pengambil suara: Chan Chow Tong; Tarian: Edith Castillo; Pelukis Pemandangan: Md. Hanif; Pancharagam: Osman Ahmad; Penyusun Seni-Kata: A. R. Tompel

Cerita: Penghulu Ismail (Daeng Idris) selepas kematian isterinya telah berkahwin dengan Khatijah (Siti Tanjung Perak), kerana hendak mengekalkan 'kasih ibu' bagi anak perempuan kesayangannya bernama Fatimah (Neng Yatimah). Fatimah, seorang anak yang sangat taat kepada suruhan Tuhan tidak pernah meninggalkan sembahyang. Kesayangan Datuk Ismail yang berlebihan kepada anaknya menyebabkan Khatijah menaruh dendam dan cemburu. Sungguhpun demikian, di hadapan suaminya, Khatijah berpura-pura menunjukkan kasih dan sayangnya kepada Fatimah, tetapi di belakang suaminya, dia mengutuk dan menyeksa gadis itu dengan memaksa dia membuat segala urusan rumah tangga yang tak patut dibuat oleh anak itu. Fatimah sentiasa bersabar di atas segala yang telah dilakukan oleh ibu tirinya.

Pada satu hari, Datuk Ismail terpaksa pergi memburu kerana binatang-binatang



*P. Ramlee dalam filem* **Takdir Ilahi**

buas yang sentiasa merosakkan tanaman-tanaman orang di dalam jajahannya. Khatijah mengambil kesempatan itu untuk menambahkan seksa ke atas anak tirinya. Minah (Salmah), orang gajinya juga telah menghasut Khatijah supaya membunuh Fatimah, supaya Khatijah dapat menguasai segala-galanya sendiri dan untuk menentukan anaknya nanti akan menjadi pewaris kekayaan dan kuasa Datuk Ismail.

Fatimah telah ditipu dan dibawa oleh dua orang suruhan Khatijah ke dalam hutan. Tetapi pembunuh itu tidak sanggup melakukan perbuatan yang kejam ke atas gadis yang tidak berdosa, dan hanya mengerat kedua-dua belah tangannya. Pada ketika kejadian itu berlaku, seorang pemuda bernama Arshad (**P. Ramlee**), anak kepada Penghulu Abdullah (Yusof Banjar), sedang memburu berdekatan dengan tempat itu. Jeritan Fatimah telah menarik perhatiannya lalu dia pun berkejar ke tempat kejadian yang ngeri itu. Fatimah yang memperkenalkan dirinya sebagai anak yatim sahaja telah diberi rawatan oleh Arshad. Sungguhpun paras gadis itu tidak begitu molek, tetapi kesucian hatinya dan kebersihan jiwanya telah menarik hati Arshad.

Pada mulanya, ibu dan ayah Arshad melarang Arshad berkahwin dengan gadis yang tidak berbangsa tambahan pula tidak bertangan. Arshad telah menunjukkan keazamannya, dan ibu bapanya merestui perkahwinannya.

Kehilangan Fatimah telah mendukacitakan hati Datuk Ismail, tetapi Khatijah sudah sedia dengan alasan-alasan yang bohong untuk mengaburi mata Datuk Ismail. Beberapa bulan berselang. Seorang penghulu yang lain telah mengancam jajahan pemerintahan Penghulu Ismail. Pengikut-pengikutnya tidak dapat menentang pasukan musuhnya yang kuat itu, lalu Penghulu Ismail meminta pertolongan daripada Penghulu Abdullah. Datuk Abdullah yang sudah tua itu tidak dapat memberi pertolongan sendiri. Oleh itu, Arshad telah rela meninggalkan isterinya yang sedang mengandung itu untuk pergi memberi pertolongan kepada sahabat ayahnya itu.

Sepeninggalan Arshad, Fatimah telah melahirkan anak kembar. Arshad sangat sukacita mendengar berita itu, dan oleh sebab urusannya belum selesai, beliau belum lagi dapat pulang. Arshad telah menghantar utusan menyampaikan surat tahniahnya kepada Fatimah. Datuk Ismail juga menumpang suka dan meminta Khatijah menghantar hadiah menerusi utusan yang sama.

Khatijah, seorang perempuan yang sentiasa menaruh syak dan waham, mengetahui menerusi utusan itu, bahawa Fatimah yang disangkanya telah mati itu, masih hidup lagi. Hatinya yang penuh dengan khianat itu telah memberi ia satu lagi fikiran untuk menghapuskan Fatimah. Beliau dapat menipu utusan itu, dan surat Arshad dapat dicurinya. Dia menulis semula surat itu dengan satu fitnah yang mengerikan menyatakan Fatimah mesti dibunuh kerana ia tidak setia sepeninggalan suaminya.

Fitnah yang seumpama ini tentu sekali tak dapat dinafikan oleh Datuk Abdullah, yang juga berasa hairan dengan bunyi surat anaknya itu. Fatimah reda membenarkan dirinya dibunuh sebagaimana yang diperintah oleh Arshad dalam surat fitnah itu. Tetapi Datuk Abdullah tidak sampai hati untuk melakukan perbuatan itu, oleh kerana beliau sendiri mendapati Fatimah adalah seorang yang suci zahir dan batin.

Fatimah tidak dapat menahan malapetaka yang menimpa ke atas nasibnya itu dan membawa kedua-dua anaknya ke da-

lam hutan, tempat yang beliau mula-mula menemui Arshad. Fatimah tidak berdaya untuk mencari makan bagi dirinya sendiri dan juga untuk kedua-dua anaknya. Beliau tetap bersabar dan tetap taat menjalankan suruhan Tuhan. Dengan kekayaan Allah, kedua-dua belah tangan Fatimah kembali seperti sedia kala.

Apabila Arshad pulang ke rumahnya dia sangat dukacita di atas kehilangan isterinya, dan dia terus mencarinya. Beliau akhirnya berjumpa dengan Fatimah. Pada mulanya, Fatimah enggan pulang bersama-sama dengannya, tetapi setelah diterangkan oleh Arshad akan kejadian yang sebenarnya, Fatimah bersetuju untuk balik dengannya. Kegembiraan Arshad tidak dapat dikatakan, lebih-lebih lagi selepas melihat kuasa Tuhan yang dapat menjadikan segalanya, walaupun kejadian yang tak dapat diteka oleh akal manusia.

Datuk Ismail telah mengundang Arshad dan isterinya ke satu jamuan kemenangan. Maka di situlah dengan tidak disangka-sangka Datuk Ismail berjumpa kembali dengan anaknya yang terpisah disebabkan angkara seorang ibu tiri. Di ketika itulah juga baru Khatijah insaf yang dirinya itu tidak berkuasa sedikit pun, melainkan Allah Subhanahuwataala.

Khatijah seharusnya diberi hukuman ke atas angkaranya. Beliau telah diselamatkan oleh Fatimah sendiri yang meminta supaya Khatijah diampunkan daripada kejahatan yang telah dilakukan olehnya. [Tamat]

## TANDATANGAN-TULISAN

Daripada yang dapat dilihat di dalam majalah filem, ada empat contoh tandatangan **P. Ramlee** sebagaimana yang diperturunkan di sini:



*Tandatangan dalam ruangan "Surat dari Pemimpin" bagi* **Bintang** *iaitu majalah filem, radio dan sport dalam tahun 1954.*




*Tandatangan dalam kata sambutan sempena penerbitan* **Majalah Filem** *dalam tahun 1960.*



*Tandatangan dalam ruangan "Dari Hati ke Hati"* **Bulanan Gelanggang Filem**, *Bil 1, Februari 1960.*




*Tandatangan dalam ruangan editorial bagi* **Bulanan Gelanggang Filem** *dalam tahun 1962.*


BORNEO HOTEL
31-C-G TABUAN ROAD,
KUCHING, SARAWAK,
MALAYSIA.
Tel: Nos 24121 24122

Cable Address "BORNHOTEL"
Our ref.
Your ref.

*Tulisan P. Ramlee*

## TAN SRI P. RAMLEE

*Darjah Yang Mulia Setia Mahkota Malaysia* merupakan salah satu darjah kebesaran negara yang dianugerahkan kepada warganegara yang telah berjasa dan menunjukkan kerja yang cemerlang kepada negara. "Darjah" ini mempunyai tiga pangkat - Darjah pangkat pertama ialah *Seri Setia Mahkota* (SSM) yang membawa gelaran 'Tun' dan isteri penyandang bergelar 'Toh Puan'. Keanggotaan dalam darjah ini terhad kepada 25 orang warganegara. Darjah pangkat kedua ialah *Panglima Setia Mahkota* (PSM) yang membawa gelaran 'Tan Sri' dan isteri penyandang bergelar 'Puan Sri'. Keanggotaan dalam darjah ini terhad kepada 250 warganegara. Darjah pangkat ketiga ialah *Johan Setia Mahkota* (JSM) yang dihadkan kepada 600 orang.

**P. Ramlee** telah dianugerahkan darjah kebesaran *Panglima Setia Mahkota* yang membawa gelaran 'Tan Sri' oleh Yang Di-Pertuan Agong ke IX Sultan Azlan Muhibuddin Shah sempena ulang tahun ke 62 Seri Paduka pada hari Rabu 6 Jun 1990. Mohd Nasir, anak **P. Ramlee** telah menerima anugerah ini di Istana Negara, Kuala Lumpur. Mengikut kenyataan Istana Negara, Yang Di-Pertuan Agong berkenan menganugerahkan darjah kebesaran itu bagi mengenang jasa-jasa beliau yang besar dalam bidang seni.

Anugerah tersebut merupakan yang tertinggi pernah diberikan kepada seorang seniman dalam sejarah negara. Pada keesokan harinya (7 Jun 1990), Awang Selamat dalam ruangan 'Bisik-Bisik' pada muka surat 6 dalam akhbar *Utusan Malaysia* menulis demikian:

"Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong Sultan Azlan Shah telah menganugerahkan darjah kebesaran Panglima Setia Mahkota yang membawa gelaran Tan Sri kepada Seniman Agong Allahyarham **P. Ramlee**.

Sesungguhnya Kerajaan Seri Paduka telah melakukan sesuatu yang amat popular, dihargai, difahami, dipuji dan disanjung tinggi oleh berjuta-juta peminat Allahyarham **P. Ramlee**.

Kerajaan Seri Paduka telah menyuburkan lagi kepercayaan bahawa Seniman Agong tidak pernah mati."

["Awang - Bersama Berjuta Yang Berasa Bangga"]


*Teuku Nyak Puteh*

## TEUKU NYAK PUTEH BIN TEUKU KARIM
[1902 - 1955]

Ayahanda **P. Ramlee**. Beliau berketurunan Acheh, dan berasal dari salah sebuah mukim di Kampung Cunda, nama tempatnya ialah Lho Seumawe. Mengikut Abdullah Hussain di dalam bukunya *P. Ramlee - Kisah Hidup Seniman Agung* [1984] 'Teuku' itu adalah gelaran bagi orang bangsawan yang berasal dari Oleebalang, berbeza dari 'Tunku' atau 'Tuanku' yang berasal dari Sultan Acheh. 'Tengku' pula adalah gelaran bagi orang-orang alim atau orang yang dituakan di dalam masyarakat. Tetapi, di Acheh Timur, 'Tengku' ini gelaran bagi raja, seperti di Sumatera Timur." [muka surat 4]. Teuku Nyak Puteh berasal dari keturunan kaum Oleebalang.

Mengikut penyelidikan yang telah dilakukan oleh Kalam Hamidy, Teuku Nyak Puteh diberi nama jolokan 'Puteh Deat' yang bererti istimewa, luarbiasa, sangat bagus, sangat handal dan sebagainya. Teuku Nyak Puteh juga merupakan seorang pemuda yang pintar bermain alat muzik kesenian Acheh yang bernama 'po: uloet', dan mempunyai suara yang sangat merdu. Dia juga menjadi kegilaan anak-anak gadis Chunda. Teuku Nyak Puteh pandai bermain tonil (sandiwara), dan mengetuai rombongan yang dikenali sebagai Asmaradana [Kalam Hamidy: muka surat 80, 81 dan 82].

Beliau sampai di Pulau Pinang yang pada masa itu terdapat ramai orang-orang Acheh yang berdagang. Kemudian dia dapat bekerja sebagai kelasi dalam sebuah kapal besar yang berlayar ke benua Eropah." [Abdullah Hussain: muka surat 16] Teuku Nyak Puteh kemudian berhenti kerja ka-

pal. Beliau berkahwin dengan seorang gadis Melayu yang bernama Che Mah,

"seorang janda yang ditinggalkan oleh suaminya" [Abdullah Hussain: muka surat 87]

Sebelum berkahwin dengan Teuku Nyak Puteh, Che Mah pernah berkahwin dengan seorang Arab yang kaya dan mendapat seorang anak lelaki yang diberi nama Sheikh Ali.

Hasil perkahwinan Teuku Nyak Puteh dengan Che Mah ialah Teuku Zakaria (**P. Ramlee**) yang dilahirkan pada 22 Mac 1929.

## TEUKU ZAKARIA BIN TEUKU NYAK PUTEH (P.Ramlee)

[1929 - 1973]

Seorang anak lelaki hasil perkahwinan di antara Teuku Nyak Puteh dengan Che Mah pada tahun 1925. Teuku Zakaria telah dilahirkan di rumah mereka pada 22 Mac 1929, ketika khatib sedang membaca khutbah hari raya di Masjid Counter Hall, Pulau Pinang.

Bapanya telah mendaftarkan namanya sebagai 'Ramlee' ke dalam daftar sekolah sebagai murid baru dalam kelas no l. Nama itu telah ditukar oleh ibu bapanya oleh kerana tidak serasi dengan nama batang tubuhnya, dan digantikan dengan nama baru Ramlee bin Puteh, dengan menghilangkan nama 'Teuku' yang ada pada namanya dan nama bapanya. [Abdullah Hussain: mukasurat 17 dan 19]. Pada tahun 1947, beliau memasuki peraduan menyanyi di City Light Hall anjuran Persatuan Cina Pulau Pinang.

"Pada waktu dia menjadi calon dalam peraduan menyanyi di Pulau Pinang itulah namanya mulai ditulis dengan uruf 'P' iaitu huruf potongan daripada nama bapanya." [Abdullah Hussain: muka surat 38]

Nama **P. Ramlee** itulah yang telah menjadi satu legenda dalam sejarah tanah air.

## TIGA ABDUL

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Brothers Limited, Singapore. Dibuat oleh Malay Film Productions Limited, Singapore. Tarikh dikeluarkan: 22 April 1964.




**P. Ramlee**; Hj. Mahadi; S. Kadarisman; *Seniwati utama*: Mariani; Dayang Sofia; Sarimah; *Seniman pembantu*: Ahmad Nisfu; Salleh Kamil; S. Shamsuddin; H. M. Busra; Babjan; Nyong Ismail; Ahmad Sabri; S. Sudarmadji; Hashim Salleh; Ahmad Ghani; Udo Omar; Mahmud Hitam; Mahmod Jatirata; Kassim Masdor; Munsi Salleh; Adenan; *Pelakun undangan*: Saloma

Teknik Fotografi: A. Bakar Ali; Pereka Bangunan: A. V. Bapat; Cerita: Dongeng Orang² Tua; Jalan Cerita: **P. Ramlee** AMN; Jalan Bahasa: **P. Ramlee** AMN; Pencipta lagu and Arrangment: **P.**




**Ramlee** AMN; Editing: H. R. Narayana; Rekaman: Yap Poh Kai; Rekaman Akhir: Kam Sim Boon; Penchitak: Wong Hong Peng

Pembantu²: Fotografi: Jumari Saripan; Rekaman: Chua Soh Tong; Rakaman Akhir: Ahmad Suradi; Editing: Hayat Haris,; Supaan; Pereka Bangunan: Goh Ah Sang; Continuity: Tan Quee Sim

Senikata Lagu: S. Sudarmadji; Senisuara Lagu: **P. Ramlee**; Saloma; Orchest: Malay Film Productions Orchestra

Pengurus Studio: Kwek Chip Jian; Teraju muda: S. Sudarmadji

Teraju Utama: **P. Ramlee** AMN

Cerita: Ismet Ulamraja (Ahmad Nesfu), seorang kaya, mempunyai tiga orang anak perempuan yang cantik bernama Hamidah (Mariani), Rafidah (Dayang Sofia) dah Ghashidah (Sarimah). Dengan hanya satu cita-cita dalam hidupnya iaitu memperolehi kekayaan dengan cara yang luar biasa, beliau menggaji Kassim Patalon (Salleh Kamil), orang yang paling dipercayai dalam hidupnya, sebagai penasihat undang-undangnya.

Kematian orang kaya Sadiq Segaraga (Babjan) telah memberi satu-satunya peluang kepada Ismet untuk memperagakan anak-anak perempuannya yang cantik itu bagi memerangkap tiga orang anak lelaki Sadiq Segaraga, iaitu Abdul Wahab (Haji Mahadi), Abdul Wahib (S. Kadarisman) dan Abdul Wahub (**P. Ramlee**) yang akan mewarisi harta pusaka.

Muslihat Ismet Ulamraja telah berhasil. Dua orang adik-beradik lelaki yang tertua, iaitu Abdul Wahab dan Abdul Wahib, jatuh cinta dengan dua orang adik-beradik perempuan yang tertua iaitu Hamidah dan Rafidah. Abdul Wahab dan Abdul Wahib dikahwinkan dengan kedua-dua gadis itu mengikut syarat yang luar biasa: iaitu sekiranya ada di antara mereka yang menunjukkan sebarang tanda marah, harta mereka akan terhapus dan mereka akan dijual di pasar sebagai hamba-abdi. Untuk menjamin rancangannya itu berjaya, Ismet mengajar anak-anaknya apa yang harus dilakukan.

Di manakah letaknya kebanggaan dan harga diri seorang lelaki yang berkahwin sekiranya beliau dihalang melakukan sesuatu yang teradat sebagai seorang suami?

Demikianlah yang terjadi kepada Abdul Wahab dan Abdul Wahib yang mendapati harta dan kuasa mereka terkikis oleh kerana mereka tidak dapat lagi menanggung syarat-syarat ketat perjanjian kahwin mereka. Sekarang mereka berdoa agar ada orang kaya yang murah hati datang ke pasar itu untuk membeli mereka.

Darah lebih kental daripada air. Abdul Wahub, adik yang bongsu, berikrar untuk



*Berdiri dari kiri ke kanan: S. Kadarisman, P. Ramlee dan Haji Mahadi. Duduk dari kiri ke kanan: Dayang Sofia, Sarimah dan Mariani*

membela kekalahan abang-abangnya. Abdul Wahub menyara hidup dengan menjalankan perniagaannya yang kecil, iaitu sebagai pekedai menjual barang-barang alat muzik.

Abdul Wahub berkahwin dengan Ghashidah dengan hanya satu tujuan, iaitu untuk menuntut bela ke atas orang tua itu walaupun dia terpaksa menjalani layanan yang sama seperti yang dideritai oleh abang-abangnya.

Tidak lama kemudian, semuanya mula berubah dalam hidup orang tua itu. Ghashidah benar-benar mencintai Abdul Wahub. Bapanya mencuba sedaya-upaya untuk membangkitkan kemarahan Abdul Wahub tetapi Abdul Wahub tetap sabar dan tenang. Sebaliknya, Ismet mendapati dirinya sukar mengelakkan kemarahan akibat tingkah-laku Abdul Wahub yang menimbulkan kemarahannya. Keluarga Ismet telah terperangkap dalam jeratnya sendiri dan terpaksa menanggung musibahnya.

Sekarang tiba giliran Abdul Wahub mengikis kuasa dan kekayaan keluarga Ismet. Ismet dan kedua-dua anak perempuannya dipamerkan di pasar untuk dijual sebagai hamba bersama dua Abdul yang tua itu.

Dengan kekayaan dan kuasanya, Abdul Wahub membeli kesemua mereka itu untuk menjadi hamba-abdinya. Walau bagaimanapun, oleh kerana hatinya yang lembut, dia pun berasa belas kasihan terhadap mereka itu yang sudah mula menyesal. Abdul Wahub membebaskan mereka serta berkongsi kekayaannya dengan mereka. Dengan hal yang demikian, semuanya berakhir dengan gembira—tidak ada lagi haloba dan tiada lagi hasad dengki. [Tamat]

Filem ini merupakan yang terakhir yang diarahkan oleh **P. Ramlee** di Malay Film Productions, Singapore.

**P. Ramlee** telah menerangkan kepada majalah *Mastika Filem* keluaran Mac 1964 Bil. 21 mengenai pengarahan filem dan

juga sumber ilhamnya mengarah filem **Tiga Abdul** ini:

"**P. Ramlee** menyatakan sebenarnya kejayaan bagi sesebuah filem adalah terletak kepada pengarah yang pandai memilih cerita untuk difilemkan. Seperti cerita tersebut coraknya bersesuaian dengan jiwa pengarah. Kalau tidak, kata **P. Ramlee**, pengarahnya kelak akan terpaksa memerah idea untuk memberi nyawa kepada cerita itu melalui pelakon-pelakon yang dibentuk wataknya, angle-angle yang menarik, teknik menarik dan lain-lain lagi.

Hingga pada masa ini tiap filem arahan **P. Ramlee** adalah sesuai dengan jiwanya. Umpamanya **P. Ramlee** yang mempunyai suatu sifat yang menyedarkan masyarakat dari khayalan buruk yang dilakukan, suka memberi tauladan kepada penonton secara tidak ketara. Dan motive ceritanya berpadanan sekali dengan alam zaman sekarang, walaupun filem-filem komidi arahannya yang sepintas lalu dianggap sebagai ringan.

Cerita filem (Abdul Wahab, Abdul Wahib Abdul Wahub) yang telah dipilih oleh **P. Ramlee** juga sekarang sedang dilancarkan penggambarannya itu, jalan datangnya dari suatu ilham yang tidak diduga olehnya. Terpandang oleh mata hatinya kepada masa yang silam, iaitu semasa dirinya masih anak-anak.

Semasa menjadi budak-budak dulu, **P. Ramlee** paling suka mendengar nenek-nenek atau datuk-datuk bercerita. Cerita budak jahat, budak baik, cerita hantu dan lain-lain cerita yang karut ataupun yang berupa khayalan.

Dalam hal yang begitulah, maka timbulnya cerita-cerita Arab. Bagaimana kisah penghidupan orang-orang Arab di negeri Mesir, yang kononnya mereka itu suka berniaga dan berbagai-bagai lagilah tokok tambah Pak tua yang bercerita tadi, supaya menjadikan kegirangan anak-anak yang mendengarnya.

Cerita Arab itu masih dapat diingatkan lagi oleh **P. Ramlee**, dan timbullah tarikan hatinya untuk dijadikan bahan cerita komedy. Tambahan cerita itu juga ada tersemat sindiran-sindiran pahit kepada orang yang tamak, dengki dan sebagainya.

Seterusnya ilham **P. Ramlee** yang kedua, mencipta tajuk cerita. Disini **P. Ramlee** telah memilih tiga nama Arab yang mendukung peranan pentingnya iaitu Abdul Wahab, Abdul Wahib, Abdul Wahub. Tiga tokoh inilah yang selalu membuatkan **P. Ramlee** (semasa kecilnya) ketawa terkekeh-kekeh, kerana perangai bodoh dan lucu yang mereka lakukan."

## A. R. TOMPEL
[1917-1973]

Nama asalnya ialah Aman Ramlee. Beliau dilahirkan pada tahun 1917 di Tanjong Balai, Asahan. Pada tahun 1938, beliau menjadi seorang 'tap dancer' di Kris Opera. Pada zaman pemerintahan Jepun, beliau menjadi seorang pelawak. Sebagai 'Tompel' beliau mengarang banyak cerita-cerita komik (comic stories) seperti *Nasib Si Tompel*, *Mimpi Si Tompel*, dan *Si Tompel Tertuduh*. Peranannya sebagai 'Tompel' telah memasyhurkan namanya di Sumatra dan di Malaya ketika itu. Beliau mula-mula datang ke Singapura sebagai penolong pengarah dengan Sandiwara Rayuan Asmara pada tahun 1946. Semasa berkhidmat di Malay Film Productions, beliau banyak berlakon di dalam filem-filem bersama dengan **P. Ramlee**. Di dalam filem **Rachun Dunia**, beliau memainkan peranan sebagai seorang 'comedian' utama. L. Krishnan, pengarah filem **Takdir Ilahi** (iaitu filem kedua **P. Ramlee** menjadi pelakon lelaki utama) telah

meminta beliau membantu menyediakan senikata bagi filem itu. Pada tahun 1952, beliau telah berkahwin dengan Salmah Ismail (Saloma) yang pada masa itu bekerja sebagai seorang seniwati di Nusantara Film Company.

Di Merdeka Film Productions, Kuala Lumpur, **P. Ramlee**, A.R. Tompel dan Ibrahim Din berpasangan dalam filem-filem **DO RE MI, Nasib DO RE MI** dan **Laksamana DO RE MI**, iaitu persembahan-persembahan filem lawak dan jenaka. A. R. Tompel berlakon sebagai orang kaya Bakar dalam filem **Keluarga '69**.



*A. R. Tompel*

A. R. Tompel berlakon di dalam filem arahan **P. Ramlee, Anak Bapak** (1967). Sebagai Datuk Mahfiz, dengan lagak gaya seperti yang dibentuk oleh **P. Ramlee**:

"... tidak ada seniman lain yang sanggup menghampiri Tompel sebagai Datuk



*P.Ramlee bermain gitar bersama A. R. Tompel (tengah) dan Ibrahim Din (kanan) dalam filem* DO RE MI



*A. R. Tompel bersama Salmah Ismail (kiri) dan P. Suriati*

Mahfiz itu " [*Majallah Filem* Bil. 93 - Disember 1967 muka surat 22]

Di dalam filem **Ahmad Albab** (1968) arahan **P. Ramlee** (yang menceritakan kisah seorang hartawan yang tidak percaya bahawa harta dan kekayaan itu datangnya daripada Allah), A. R. Tompel diutarakan sebagai pelakon yang penting di samping isterinya, Jah Ismail.

## SITORA HARIMAU JADIAN

Dikeluar dan diedarkan oleh Shaw Organization. Dibuat oleh Merdeka Film Productions, Kuala Lumpur. Tarikh dikeluarkan: November 1964.

**P. Ramlee**; Mahmud June; Rosmawati; Minah Hashim; Fazliyaton; Idris Hashim; Yusof Surya.

Arahan: **P. Ramlee**

Cerita: Penduduk-penduduk Kampung Kiambang, iaitu sebuah kampung kecil yang terpencil sangat tebal mempercayai tahyol, untung baik dan untung jahat disangka oleh mereka datangnya dari jin dan syaitan. Oleh itu, Tok Bomoh di kampung tersebut yang mengamalkan jampi dan mentera, adalah orang yang ditakuti, dihormati dan dipuja sebagai manusia yang penuh berkuasa. Tok Penghulu juga turut menghormati Tok Bomoh, yang berupa hodoh dan jalan terbongkok-bongkok. Di Kampung Kiambang, terdapat satu keluarga yang terkemuka iaitu keluarga Pendekar Amin yang terdiri dari isterinya dan seorang anak gadis bernama Naemah.

Pendekar Amin, seorang pendatang di Kampung Kiambang. Dia seorang pendekar dan peniaga dan tidak memerlukan sebarang bantuan dari sesiapa, termasuk juga Tok Bomoh yang sangat dimuliakan itu.

Semenjak keluarga Pendekar Amin bermastautin di Kampung Kiambang,



peristiwa-peristiwa ganjil mula berlaku: setiap malam orang-orang kampung mengalami gangguan dari satu lembaga yang kononnya berkepalakan hairmau, dikenali oleh orang-orang kampung sebagai "SiTora". Harimau jadian ini memilih mangsa-mangsa dari orang-orang yang tidak "menunaikan perlindungan". Oleh kerana Pendekar Amin tidak mudah diugut oleh paksaan-paksaan serupa itu, maka keluarganya juga dalam bahaya.

Tuan O.C.P.D. yang menguasai Kampung Kiambang pernah mendapat aduan tentang keganasan dan kelicinan SiTora, belum hendak mempercayai seratus peratus terhadap pengaduan-pengaduan dari orang-orang kampung yang sangat kuat mempercayai kepercayaan tahyol serupa itu.

Beliau berpendapat, seorang doktor yang berkelulusan diperlukan oleh penduduk-penduduk di Kampung Kiambang untuk mengatasi kekarutan yang diamalkan oleh Tok Bomoh, yang amat dipercayai sangat oleh orang-orang kampung.

Ketibaan Dr. Effendi, iaitu doktor yang ditugaskan oleh pihak kerajaan, disambut dengan gembiranya oleh Tuan O.C.P.D. dan isterinya bersama-sama Tok Penghulu.

Rumah Pendekar Amin, sedang dalam keadaan cemas oleh kerana Naemah, anak perempuan Pendekar Amin, telah pengsan kerana diganggu oleh SiTora semasa dia mencuci pakaian di anak sungai. Tok Bomoh sedang sibuk mengamalkan menteranya untuk memulihkan Naemah.

Dr. Effendi telah segera di bawa ke rumah Pendekar Amin. Tok Bomoh terus sibuk hendak memuja semula semangat Naemah.

Setiba saja Dr. Effendi ke rumah Pendekar Amin, dia memulakan tugasnya sebagai seorang doktor. Pintu dan tingkap didedahkan, sampah sarap yang digunakan oleh Tok Bomoh semasa mengubat itu dibersihkan dan Naemah segera dirawatinya mengikut ilmu sebagai seorang doktor yang bertauliah.

Perbuatan Dr. Effendi diawasi oleh Tok Bomoh dengan perasaan benci dan marah. Tok Bomoh meninggalkan rumah Pendekar Amin setelah memberi amaran yang dia tidak akan menolong jika sekiranya keluarga Pendekar Amin ditimpa malapetaka.

Hasil rawatan Dr. Effendi, maka tidak berapa lama kemudian Naemah telah sembuh dan Pendekar Amin mengucapkan terima kasih kepada Dr. Effendi.

Dua hari kemudian, Dr. Effendi telah mendirikan sebuah klinik di Kampung Kiambang. Sementara itu, Tok Bomoh menyebarkan berbagai hasutan dan fitnah untuk memperkecilkan Dr. Effendi.

Pada suatu hari, sedang Dr. Effendi sibuk di dalam kliniknya, Naemah telah datang membawa nasi kunyit sebagai 'pemutus ubat', katanya. Dr. Effendi tersenyum kasar, dan Naemah memahami, bahawa rawatan dari doktor tidak perlukan 'nasi kunyit, asam garam dan sebagainya', seperti yang dikehendaki oleh tok-tok bomoh dan tok-tok dukun.

Dr. Effendi menyatakan ia perlukan seorang penolong dan Naemah sedia menawarkan tenaganya.

Lama-kelamaan, perhubungan antara doktor dan pembantu itu bertambah mesra sehingga mencetuskan perasaan kasih sayang. Dr. Effendi masih teruna dan Naemah masih dara remaja.

Pada suatu malam, sedang mereka menikmati keindahan alam di sebuah taman bunga, tiba-tiba Naemah ketakutan lalu pengsan. Dr. Effendi segera membawa kekasihnya itu pulang ke rumah

Pendekar Amin. Sedang dia merawat Naemah, ibu Naemah pula menjerit ketakutan kerana SiTora menjelma dengan tiba-tiba dan mengancamnya.

Pendekar Amin menjadi marah lalu mencabar SiTora, yang menampakkan dirinya. Pendekar Amin telah cuba membunuhnya, tetapi serangan-serangannya dapat dikalahkan oleh SiTora dengan mudah. Pendekar Amin sungguh kesal kerana tidak pernah ditewaskan oleh lawannya. SiTora bak kilat, seketika ada seketika ghaib dari pandangan mata.

Pendekar Amin bersama-sama Dr. Effendi telah membuat pengaduan mengenai peristiwa itu kepada Tok Penghulu. Kemudian mereka bertiga telah mendapatkan Tok Bomoh untuk mengetahui rahsia-rahsia memberkas SiTora.

Tok Bomoh menerangkan tempat persembunyian SiTora, dan cara menangkapnya ialah dengan menggunakan jaring.

Mereka telah pergi ke tempat yang diarahkan oleh Tok Bomoh itu, dan tidak berapa lama kemudian, SiTora telah dapat dijaring oleh mereka dengan mudah.

Dr. Effendi bercadang hendak membawa SiTora yang terperangkap itu hidup-hidup kepada O.C.P.D., tetapi cadangannya itu telah gagal apabila Pendekar Amin menikam SiTora dengan parangnya. Dr. Effendi sungguh kesal atas perbuatan Pendekar Amin yang tak sabar itu. Walau bagaimanapun, mereka segera berjumpa Tuan O.C.P.D. untuk membuat pengaduan di atas hal itu.

Mereka bersama-sama tuan O.C.P.D. berkunjung ke tempat itu dan mendapati bukan sahaja mayat SiTora sudah hilang, bahkan guanya yang berbentuk harimau itu pun sudah ghaib dari dari pandangan! Dr. Effendi sungguh berasa malu, sebab dia tidak dapat membuktikan kepada



*Rosmawati berlakon dalam filem* **SiTora Harimau Jadian**

Tuan O.C.P.D. yang masih tidak mahu mempercayai adanya SiTora.

Sejak kejadian itu pula, keadaan di Kampung Kiambang kembali tenang dan pertunangan antara Dr. Effendi dan Naemah pun dirasmikan. Ibu dan ayah Naemah sungguh gembira atas pertunangan anaknya dengan seorang doktor itu.

Selang beberapa hari selepas majlis pertunangan diadakan, Pendekar Amin bersama-sama isterinya telah mati menjadi mangsa SiTora. Rupa-rupanya SiTora bukanlah jenis jadian yang sebarangan. Biar pun ia telah nyata mati ditikam oleh pendekar Amin, namun ia dapat menghilangkan diri dan hidup semula seperti sediakala.

Dengan kejadian-kejadian kebelakangan ini, Tuan O.C.P.D. mula mempercayai akan adanya SiTora oleh kerana mangsa-mangsa yang telah dicekik dan



*P. Ramlee (kanan) dalam filem* **SiTora Harimau Jadian**

dibunuhnya mempunyai cakaran yang serupa.

Sejak kematian ayah dan ibunya itu, Naemah telah diberi perlindungan oleh Tuan O.C.P.D. di rumahnya, dan Dr. Effendi meneruskan tugasnya di klinik, dengan fikirannya yang masih kusut memikirkan pengalaman-pengalaman yang telah ditempuhinya.

Pada suatu hari, SiTora telah menjelma di klinik Dr. Effendi. Sejurus kemudian Naemah tiba, dan didapatinya Dr. Effendi sedang di dalam keadaan pengsan. Naemah segera merawatnya hingga Dr. Effendi sedarkan dirinya. Dan apabila Naemah menunjukkan cermin agar Dr. Effendi melihat tanda cakaran di lehernya, dengan tidak semena-mena Dr. Effendi menjadi marah dan menghalau Naemah keluar dari kliniknya.

Pertukaran watak telah berlaku dengan tak semena-mena ke atas Dr. Effendi. Beliau sendiri telah menjadi SiTora, dijadikan oleh SiTora yang asli. Jadinya cerita **SiTora - Harimau Jadian** sekarang sudah mempunyai dua SiTora yang hidup dengan menghisap darah manusia! [Tamat]

# U

## UDO OMAR

[ - ]

Di dalam filem **Labu dan Labi, P. Ramlee** mengutamakan bintang-bintang seperti M. Zain, Mariani dan Udo Omar. **P. Ramlee** mengkagumi keistimewaan seniman-seniman Mohd Zain dan Udo Omar, yang kata beliau:

"Mereka ialah manusia yang dilahirkan untuk menjadi ahli dalam dunia hiburan " [*Majallah Filem* Bil. 27 - Jun 1962, muka surat 11]

Beliau di beri peranan 'Haji Bakhil' dan kelucuan lakonannya menambahkan lagi sinaran dan cahaya kisah-kisah kelucuan dalam filem itu. Sebagai 'Haji Bakhil', seniman Udo Omar telah mencipta lagak dan gaya, tokoh dan watak yang tersendiri. Beliau turut berlakon dalam filem **Musang Berjanggut**.



*P. Ramlee, Murniyati (Murni Serawak) dan Udo Omar di dalam filem* **Nasib Si Labu Labi**

# Y

## NENG YATIMAH
[1928 - ]

Dilahirkan di Singapura. Dengan anjuran L. Krishnan, beliau telah di "screen test" untuk filem **Takdir Illahi**, dan kemudian berlakon dengan **P. Ramlee** dalam filem-filem **Patah Hati** dan **Ibu.** Menurutnya, filem-filem **Takdir Illahi** dan **Ibu** meninggalkan kesan mendalam di hatinya. Mengikut Neng Yatimah:

"P. Ramlee yang beri nama 'Neng'. Kata Ramlee, kalau di Indonesia, Neng adalah panggilan untuk orang perempuan, jadi kalau di lekatkan nama Neng Yatimah kan lebih manis, sejak itu (filem **Takdir Illahi** 1950) melekatkan nama itu hingga sekarang". [*Berita Harian* - 14 Jun 1998 muka surat 5]

Beliau kerap memegang peranan ibu, orang gaji dan orang-orang yang menderita serta mudah mengeluarkan air mata. Gerak dan tingkahlaku yang serba lembut dan air mukanya adalah satu hikmat yang sangat berguna kepada Neng Yatimah untuk membawa peranan sebagai seorang ibu yang mulia, isteri yang setia dan manusia yang sabar.



*Neng Yatimah*

## YUSOF LATIFF
[1922 - 1998]

Dilahirkan di Singapura. Beliau mendapat tawaran untuk bekerja di Malay Film Productions pada satu pertemuan yang tidak disangka-sangka. Pada satu hari, beliau bersama rakan-rakannya Salleh Kamil, Nyak Osman dan Yusof Kelana menonton wayang di panggung Rex, Singapura. Selepas menonton mereka bertemu dengan beberapa orang anggota Shaw Brothers. Salleh Kamil yang sempat berbual dengan Shaw Vee Ngok



*Yusof Latiff*

kemudian memaklumkan kepada Yusof Latiff bahawa beliau diminta menghadiri "screen test" di Jalan Ampas keesokan harinya. B. S. Rajhans telah memilih beliau berlakon dalam filem **Gadis Peladang,** dan selepas itu telah berlakon dalam banyak filem, antaranya **Hang Tuah** bersama **P. Ramlee.**

**P. Ramlee** telah memilih beliau berlakon di dalam filem **Antara Dua Darjat** arahannya sendiri.

Semasa **P. Ramlee** berkhidmat di Merdeka Filem Setudio, Yusof Latiff telah diundang untuk berlakon di dalam filem **Enam Jahanam.**

## YUSOF B

[ - ]

Beliau adalah seorang penggubah lagu-lagu Melayu yang berpegang teguh kepada kata-kata berikut:

"Hubungan lagu dengan penciptanya adalah mempunyai pertalian yang rapat sekali. Lagu itu adalah terjemahan perasaan penciptanya melalui nyanyian."

Di antara beberapa buah lagu Melayu yang dinyanyi oleh biduanita Salmah Ismail (Saloma) di Kelab Malam di Australia ketika dia bertugas di sana, maka lagu *Senyum Ta' Berbalas* sangat menarik perhatian orang-orang Australia sehingga ada yang bertanyakan siapa pencipta lagu tersebut.

Yusof B pernah berkata:

"Kalau orang yang cekap menangkap akan isi lagu itu, orang itu akan segera dapat menggambarkan peribadian si pencipta lagu tersebut dan orang itu akan dapat menggambarkan juga keadaan jiwa si penciptanya. Misalnya lagu yang di dengarnya itu ialah lagu merayu rawan, lagu keluhan jiwa kerana putus asa atau berpatah arang dengan kekasihnya, maka orang akan segera menangkap apa yang sedang bergelora di dalam jiwa pencipta



*P. Ramlee dan Yusof B (kanan)*


*Yusof B*

lagu itu." [*Gelanggang Filem* - 1 Mac 1960, muka surat 4]

Antara lagu-lagu gubahannya yang dinyanyikan oleh **P. Ramlee** dan menjadi lagu-lagu sukaramai ialah *Semarak Hati* dalam filem **Juwita** (1951), dan *Saya Suka Berkawan* dalam filem **Putus Harapan** (1953).

# Z

## ZAHARAH binti AGUS
[1922 - ]

Lahir di Palembang, Sumatera. Pada tahun 1931, dalam usia 9 tahun, beliau mengikuti ayah tirinya, pengurus Borneo Star Opera, menjelajah Malaya. Selepas itu, beliau mengendalikan satu rombongan sandiwara dan menguasai seni tari, seni lagu, dan seni lakonan pentas. Beliau juga penyanyi piring hitam dan merakamkan lagu popular *Mak Lodeh* dan pernah juga berlakon dalam filem **Angin Berpesan** keluaran Nusantara Film Productions. **P. Ramlee** telah memilih beliau sebagai salah seorang pelakon terpenting dalam filem **Madu Tiga**, iaitu sebagai 'isteri' yang pertama. **P. Ramlee** berkata:


*P. Ramlee dan Zaharah Agus*

"Zeera mempunyai bakat yang sungguh terpuji. Dia tak ubah seperti permata asli, bagaimana pun di bentuk, cahayanya tetap berseri." [*Majallah Filem* Bil. 45 - Disember 1963, muka surat 14]

## MOHD ZAIN
[1921 -1967]

Dilahirkan di Pulau Pinang, dan bersekolah di Kampung Jawa. Beliau menjadi keluarga **Dean Opera** pada tahun 1936, iaitu semasa berumur 15 tahun, dan kemudianya berpindah ke **Sri Noran Opera**. Rombongan bangsawan ini telah menjelajah seluruh Malaya, Sarawak, Brunei dan Sabah. Normadiah pada masa itu adalah salah seorang daripada **Sri Panggung Opera**. Dalam tahun 1959, M. Zain pergi ke Singapura, dan menerusi Normadiah, mendapat kerja sebagai penjaga mekap di studio Malay Film Productions. M. Zain telah menarik perhatian ramai bila dia menjadi Wak Labu dalam filem **Singapura Dilanggar Todak** arahan Omar Rojik. **P. Ramlee** memberi peranan kepada beliau sebagai 'Labu', tukang masak, sebagai gandingannya dalam filem komidi **Labu Labi** [1962].

Ketika mengulas tentang peranannya itu, M. Zain berkata,

"Wahai isteri saya dan isteri orang, kalau tak pandai masak gulai, jangan lekas minta cerai, tunggulah saya, memasak ikan salai dalam **Labu dan Labi** komidi idaman ramai." [*Majallah Filem* Bil. 26 - Mei 1962 muka surat 11]

Filem ini membawa penonton-penonton ke zaman Amerika baru dibuka, iaitu zaman koboi, zaman pelekat-pelekat

'wanted' terlekat di mana-mana dinding dan tembok. M. Zain berlakon juga sebagai seorang koboi. Hasil lakonannya dalam filem **Labu Labi**, M. Zain telah muncul sebagai pelakon komidi yang paling diminati.

**P. Ramlee** terus mengambil beliau sebagai gandingannya dalam filem **Nasib Si Labu Labi**. Di studio, beliau dipanggil dengan gelaran *Pak Wan* atau *Pak Labu*.

Antara beraneka ragam yang sangat lucu di dalam filem **Nasib Si Labu Labi** ialah perlawanan boxing di antara **P. Ramlee** yang bergelar *Joe Labi* (175lbs) dengan M. Zain yang memakai nama *Rocky Labi* (100lbs), dengan diadili oleh S. Shamsuddin. M. Zain berkata:

"Betul teruk berlakun dalam boxing itu. Dia suruh saya tumbuk dia sampai seratus kali, pun dia tak apa-apa. Kena saya pulak, tiga kali di tumbuk, bokop di muka saya, dah tak dapat kira dah!" [*Majallah Filem* Bil. 35 - Februari 1963, muka surat 7]

M. Zain berlakon buat kali terakhir dalam filem **Aksi Kuching** arahan Omar Rojik, bersama Normadiah. Beliau kembali ke rahmatullah pada 31 Januari 1967 dan jenazahnya diturunkan dari rumah seniwati Normadiah untuk dikebumikan di tanah perkuburan Bidadari, Singapura.



*Zaiton dalam filem* **Hang Tuah**

## ZAITON
[1937 - ]

Dilahirkan di Singapura. Beliau mula-mula berlakon dalam filem **Kipas Hikmat** (1955) sebagai pelakon tambahan dan sebagai dayang puteri dalam filem **Abu Hassan Penchuri**. Oleh kerana kejelitaannya, beliau pernah ke San Francisco sebagai mewakili Wanita Singapura untuk mempertunjukkan kecantikan asli wanita-wanita kita. **P. Ramlee** memilih Zaiton berlakon dalam filem **Bujang Lapok** sebagai pelakon pembantu. Di dalam filem **Hang Tuah**, beliau diberi watak yang besar, iaitu sebagai 'Tun Tejah'. Di dalam

filem **Anak-Ku Sazali**, beliau menjadi pelakon *utama*. Hasil daripada lakonannya di dalam kedua-dua buah filem ini dalam tahun 1956, Zaiton telah dipilih oleh pembaca-pembaca *Majallah Bintang* sebagai "Seniwati Pembantu Terbaik". Sebenarnya Phani Majumdar, pengarah kedua-dua filem ini, telah memimpin Zaiton berlakon dengan amat berkesan sekali.

## ZUBIR SAID
[1907 - 1987]

Dilahirkan di Bukit Tinggi, Sumatera Barat. Beliau telah datang ke Singapura pada tahun 1928 dan memasuki City Opera, sebuah kumpulan bangsawan, sebagai pemuzik dan kemudian sebagai pemimpinnya. Beliau juga pernah bekerja di Sandiwara Dardanela. Selepas itu, beliau bertugas di syarikat His Master's Voice (HMV). "Ketika bertugas di syarikat HMV itu juga sering memberi peluang kepada teman-teman pelakon bangsawan seperti Sharif Medan, Aman Belon, Zahara Agus, Ahmad Nesfu, A. Hamid dan Minah Nani merekodkan suara mereka ke piring hitam." [Buku *Mengenang PAK ZUBIR* oleh Sulaiman Jeem dan Abdul Ghani Hamid, 1988, Pustaka Melayu Publisher, Singapura - muka surat 67]

Pada tahun 1949, beliau ditawarkan bekerja oleh syarikat Shaw Brothers dan tugasnya ialah menyusun lagu-lagu filem keluaran syarikat itu.

"Menurut ingatannya, itulah kali pertama lagu-lagu Melayu digunakan dalam filem. Sebelumnya, lagu-lagu latarnya adalah di-ambil dari lagu-lagu Inggeris yang sedia ada" [buku yang sama: muka surat 85].

Beliau bekerja selama lima bulan di Shaw Brothers, dan menggubah lagu-lagu bagi filem-filem awal keluaran Malay Film Productions, iaitu filem **Chinta** dan **Ra-**



*Pak Zubir (duduk nombor 3 dari kiri) dengan rebananya untuk menyemarakkan lagi lagu-lagu untuk filem* **Hang Jebat** *arahan Hussein Hanif (berdiri di kanan, paling depan)*

**chun Dunia**. Antara lagu-lagu gubahannya yang popular ialah *Sang Rembulan* yang dinyanyikan oleh **P. Ramlee**, dan *Sayang di Sayang* oleh Rubiah, kedua-duanya dalam filem **Rachun Dunia**. Selepas itu, beliau bertugas di syarikat Cathay-Keris (1952 - 1964).

Di dalam pemilihan bintang pujaan untuk tahun 1956 yang diusahakan oleh *Majallah Bintang*, Zubir Said dipilih sebagai "Penggubah Lagu Terbaik" (kedua).

Mengenai peranan muzik dalam filem, Zubir Said berkata:

"Dalam pengertian 'music film' sebahagian besar orang ramai masih beranggapan bahawa muzik untuk filem ialah hanya berupa lagu-lagu nyanyian saja. Yang penting untuk filem drama ialah muzik latar belakangnya. Muzik latar belakang untuk filem Melayu memang sulit menciptakannya.

Muzik latar belakang untuk filem Melayu lebih sulit membuatnya daripada lagu-lagu nyanyian. Muzik latar belakang hendaklah sesuai dengan adegan cerita dalam filem itu. Untuk ini dikehendakki "Malay music modes" yakni muzik yang menterjemahkan tabiat-tabiat yang berunsur Melayu. Misalnya: tabiat jahat, tabiat mesra, terkejut, terperanjat, gembira, sedih, tabiat angin ribut, tabiat marah, dendam seram dan sebagainya dan juga dikehendakki muzik yang akan mengiringkan adegan-adegan kejadian, misalnya: adegan perkelahian, adegan asmara, adegan pemandangan, suasana malam hari, suasana pagi hari, suasana keramaian, suasana kekejaman dan sebagainya." ["Muzik Melayu dalam Masyarakat Melayu" oleh Zubir Said dalam 'Album Bintang 1957' (Jawi) muka surat 76].